KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PENYATA RASMI
DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERSIDANGAN YANG KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-14

ISI KANDUNGAN

HARI PERTAMA PERSIDANGAN
25 OGOS 2020 [SELASA]

PERKARA		MUKA SURAT
	KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
	BACAAN DOA	
I.	USUL PEMILIHAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH	1
II.	USUL PEMILIHAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH	12
III.	PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN	14
IV.	SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 1 hingga Pertanyaan No. 6]	15
V.	PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH	45

HARI KEDUA PERSIDANGAN
26 OGOS 2020 [RABU]

PERKARA	MUKA SURAT
KEHADIRAN AHLI-AHLI DEWAN	
I. BACAAN DOA	
II. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT [Pertanyaan No. 7 hingga Pertanyaan No. 11]	147
III. PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULI TUANKU SULTAN KEDAH	173
IV. RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN DERMA SISWA NEGERI KEDAH (PEMANSUHAN) 2020	316
V. TANGGUHAN SIDANG DEWAN	333

JAWAPAN KEPADA PERTANYAAN DEWAN MENGIKUT PERATURAN 22(6)PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH

1. PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

2. PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS

PENGACARA MAJLIS

Mengumumkan ketibaan Tuan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Kedah.

YB. DATO' PADUKA SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan disambung semula.

PENGACARA MAJLIS

Bacaan Doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Untuk urusan yang seterusnya saya akan mulakan dengan Usul Pemilihan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang baharu.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Menurut Perkara 54(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa perlu memilih mana-mana orang untuk menjadi Ahli atau layak menjadi Ahli Dewan Negeri sebagaimana ditentukan oleh Dewan Negeri sebagai Speaker dan Perkara 3 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman iaitu bila-bila jawatan Speaker itu menjadi kosong, baik dengan sebab di bubarkan Dewan atau dengan lain-lain sebab maka Dewan sebaik-baik cukup bilang ahlinya hendaklah memilih Speaker.

Oleh itu saya pohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat cadangan. (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Yang Berusaha Tuan Setiausaha Dewan, Peraturan Dewan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin membaca satu peraturan Dewan disini iaitu dibawah Peraturan Memilih Speaker, Perkara 4 – Aturan Memilih Speaker hendaklah seperti yang tersebut dibawah ini:- (1) Tiap-tiap ahli yang hendak mencadangkan nama seorang Ahli Dewan itu yang hendak dipilih jadi Speaker, hendaklah mempastian terlebih dahulu iaitu ahli itu suka berkhidmat jika ia dipilih dan juga hendaklah memberitahu kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya sehari sebelum mesyuarat.

Saya ingin membuat sedikit Yang Berusaha Tuan Setiausaha dan mohon penjelasan kepada YAB. Jeneri, tugas pertama nak jawab itu iaitu dalam isu Perkara 1 ini, tiap-tiap ahli berhak mencadang ertinya dia menjadi satu hak untuk setiap ahli dewan yang ingin mencadangkan calon dan calon itu hendaklah bersetuju dan yang kedua hendaklah mengemukakan satu hari sebelum tapi dalam isu kita sekarang, Dewan tidak pernah memberi notis kepada Adun bahawa berlaku kekosongan. Jadi, kalau tidak ada notis untuk berlaku kekosongan bagaimana Perkara 4(1) ini hendak dilaksanakan? Saya telah menyemak dengan semua Adun-Adun tiada sesiapa pun menerima pemakluman mengatakan ada kekosongan. Saya berpendapat bahawa pemilihan pada hari ini berlaku kecacatan kerana kekosongan itu tidak dimaklumkan ertinya hak sebagai Ahli Dewan untuk mencadangkan itu tidak ada yang diperuntukan dalam peraturan.

Jadi, mungkin pihak kerajaan berpendapat bahawa tidak ada disebut untuk diberi notis tapi kita hendaklah faham bahawa dalam melaksanakan perkara ini hendaklah diberikan notis, kalau tidak diberi notis bagaimana satu ini nak dilaksanakan macam mana perlu ada cadangan, ini isu peraturan! Jadi, saya minta supaya dijelaskan dulu bahawa bagaimana tidak dimaklumkan notis kekosongan ini kepada semua Ahli-Ahli Dewan. Saya pohon penjelasan daripada YAB. Jeneri.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Oleh itu, saya pohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Tuan Setiausaha Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** Ahli Dewan Undangan Negeri **Ayer Hangat** dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mengikut Peraturan Mesyuarat 4(2), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, saya juga telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Tuan Setiausaha Dewan, saya pohon menyokong cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Setiausaha, saya masih berpegang dengan apa yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang bahawa peraturan ini mesti dihormati kerana perkara tertinggi yang mengikat kita adalah buku Peraturan Dewan ini dan kalau ini pun kita tak boleh ikuti apalah nilai mesyuarat kita yang ada pada hari ini. Jadi, saya nak supaya perkara 2 ini diperjelaskan oleh YAB. Jeneri sebelum apa-apa usul diusulkan. Soalan tadi belum dijawab, soalan yang diusulkan oleh Ketua Pembangkan belum dijawab. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berusaha Tuan Setiausaha, saya ingin menerangkan beberapa perkara berkaitan dengan pelantikan Speaker pada hari ini. Yang pertamanya mengenai Pelantikan Speaker, menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, Peraturan 54(2) membolehkan Speaker pada mana-mana masa meletakkan jawatan di dalam surat yang ada tandatangannya dan dialamatkan kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan Speaker pada masa tersebut telah meletakkan jawatan makanya jawatan Speaker adalah kosong pada masa tersebut.

Kemudiannya, tidak ada peraturan mana-mana pun untuk memberi usul dan memberi notis untuk Ahli-Ahli Dewan yang lain, Peraturan 26(1) – Usul hendaklah dengan pemberitahu melainkan bagi maksud dibawah perenggan 26 (a) hingga (s).

Usul untuk mengosongkan Speaker dan Timbalan Speaker memerlukan pemberitahu kerana tidak dikecualikan dalam perenggan (a) hingga (s). Peraturan 27 (3) – Peraturan Mesyuarat Dewan pula menyatakan hanya bagi maksud mengosongkan Speaker dan Timbalan Speaker jika perletakan jawatan mereka tidak laku. Untuk di Kedah konteks kedudukan di Kedah pemberitahu usul dalam tempoh 14 hari tidak perlu kerana Speaker dan Timbalan Speaker telah meletakkan jawatan sebelum Dewan bersidang lagi. Jadi, saya kira tidak ada peruntukan pun yang menyatakan tempoh untuk Setiausaha Dewan kemukakan Aturan Mesyuarat dan juga Notis itu.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Peraturan Dewan sekali lagi! Yang kita bincang ini adalah kekosongan bahawa Dewan mesti dimaklumkan akan ada kekosongan atau telah berlaku kekosongan. Dan siapakah Ahli-Ahli Dewan, kita lah! Kerajaan dan juga Pembangkang, ini adalah Ahli Dewan. Jadi, harus ada pemakluman bahawa Menteri Besar atau sesiapa juga maklumkan kepada dunia, wahai rakyat Kedah, hari ini ada kekosongan yang berlaku dan Insya-Allah dalam sidang yang akan datang akan dinamakan seorang oleh saya. Jadi, notis kena hantar lah. Ahli-Ahli Yang Berhormat samada Kubang Rotan ka, Alor Mengkudu ka, Gurun ka bahawa hari ini ada kekosongan dan dalam persidangan kita akan cadangkan. Itu yang berlaku dan kalau kita mai di sini tapi kita pun tak tau samada Speaker berhenti ka, sakit ka, kita tak tau. Tiba-tiba kena ambushed macam ini, saya rasa satu yang tidak kena. Jadi, semangat ini dimaklumkan, semangat ini dicatit dengan jelas bahawa Dewan ini mesti dimaklumkan sebab itu kita rasa kita harus ada norma baru bahawa kita treat kerajaan, kerajaan akan treat pembangkang, pembangkang akan treat kerajaan sebagai kawan sebab kita akan membangunkan negeri ini, soal warna cerita lain, merah hijau cerita lain tetapi untuk membangunkan negeri ini, kita harus ada hormat menghormati kerana yang nak dibangunkan ialah rakyat sebab itu peraturan mesti diikuti dengan 'spirit' yang jelas untuk membangunkan negeri kita. Itu yang kita minta sebab dalam surat yang dihantar 13 Ogos 2020, saya baca perenggan kedua.

Adalah dimaklumkan bahawa Aturcara Mesyuarat Dewan bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 akan dihantar kemudian. Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat disini. Tiada! Ini yang kita tunggu-tunggu sekurang-kurangnya mungkin MB nak hantar surat. Untuk makluman Yang Berhormat kita akan mencadangkan

seorang Speaker, kan Speaker yang lama ada satu dua tiga sebab ataupun dia dah letak jawatan.

Jadi, kita tunggu-tunggu juga sampai semalam paling tidak pun SMS, kita akan mencadangkan satu nama, saya akan sokong Insya-Allah dan saya akan minta Ketua Pembangkang juga menyokong tapi bila peraturan tidak diikuti itu yang rasa-rasanya kita dah mula dengan suasana yang tidak cantik. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tuan Setiausaha, Peraturaan Dewan juga! YB. Gurun juga ada sebut peraturan dewan tapi tadi pun YB. Alor Mengkudu pun ada sebut. Tidak ada satu peraturan pun yang minta kerajaan untuk hantar notis dan itu pun disebut oleh Alor Mengkudu dan Gurun pun ada sebut kalau ada SMS atau dalam group kita 2, 3 hari yang lepas telah dimasukkan perjalanan persidangan kita hari ini yang akan ada pelantikan Speaker dan juga Timbalan Speaker. Jadi, perkara ini perkara yang telah pun dimaklumkan dan saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat samada kerajaan atau pembangkang kita tau Speaker telah letakkan jawatan sebab Speaker pun di kalangan rakan-rakan pihak pembangkang juga takkan bila letak jawatan tak maklum kepada rakan-rakan. Jadi, kita yakin perkara itu telah pun sedia maklum dan apa yang kita buat hari ini memenuhi peraturan dewan juga.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Setiausaha Dewan, Peraturan Dewan! Jadi, saya kira mesyuarat kita adalah mesyuarat tertinggi di peringkat negeri dan kalau di peringkat organisasi yang rendah pun ada agenda dan ada peraturan yang mesti diikuti dan kita mengikuti sebab kita terikat dengan peraturan ROS dan sebagainya maka hari ini adalah mesyuarat tertinggi di peringkat negeri yang juga ada peraturannya dan kami tidak dapat apa-apa notis pun tentang mesyuarat, tentang perletakan jawatan speaker, kami tiada notis dan juga kita 'refer' kepada apa yang dibaca oleh ketua pembangkang perkara 4 (1) setiap ahli dewan disebut berhak untuk mencadang, setiap diantara kami, sama ada pembangkang ataupun kerajaan berhak untuk mencadang speaker. Bagaimana kita nak cadang kalau kita tidak ada notis, bagaimana kita nak cadang kalau kita tak tahu pun bahawa Speaker letak jawatan. Jadi, inilah perkara asas yang saya rasa kita tak boleh buat macam tu, ini dewan, ini peringkat tertinggi. Kalau peringkat tertinggi pun, kita tidak

hormati peraturan yang telah dibuat, peraturan kerajaan! Jadi, saya kira ini adalah sesuatu yang malang dalam konteks Dewan Undangan Negeri kita.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya pun nak sambung, mengenai Peraturan Mesyuarat 4(1), kalau ikut amalan di Parlimen, memang ada notis 14 hari tapi ini bukan Parlimen tapi Dewan Undangan Negeri Kedah. Jadi, 14 hari itu adalah notis sekiranya seorang Speaker itu hendak digugurkan jawatannya tapi dalam kes ini, YBhg. Dato' Paduka Ahmad Bin Kassim, kami dimaklumkan beliau telah meletakkan jawatannya sendiri, sepatutnya notis itu datang juga daripada pihak kerajaan. Oleh sebab itu, notis 14 hari untuk pengguguran itu tidak berbangkit.

Walaupun begitu, untuk mencadangkan nama Speaker baru, memanglah sepatutnya sekurang-kurangnya sehari notis diberikan. Kita semua sedia maklum bahawa di pihak kerajaan sekarang ada 23 orang Adun dan di pihak kami adalah 13 Adun, tak mungkin kami boleh menang sekiranya kami mencadangkan nama tetapi proses itu perlu dipatuhi, ianya bukan bermakna akan ada pertelingkahan dalam soal pemilihan sebab sudah tentu siapa juga yang dicadangkan oleh pihak kerajaan akan dilantik sebagai Speaker. Jadi, itu tidak menjadi masalah tetapi peraturan mesyuarat seharusnya dipatuhi sepenuhnya.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Peraturan Mesyuarat! Peraturan 4. Assalamualaikum Setiausaha dan seluruh Ahli Dewan. Pada saya mudah saja apabila kita lihat Peraturan 4(1) ini sebagai satu Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, disitu jelas menunjukkan bagaimana untuk tiap-tiap 36 Ahli Dewan ini berhak mencalonkan seorang Speaker bila berlaku kekosongan. Soal kekosongan macam mana itu lain cerita, tapi sekarang ini untuk melaksanakan peraturan ini kita diberikan syarat juga untuk menamakan dalam tempoh satu hari. Notis rasmi tak dikeluarkan pun tak apa tapi tetap diberikan peraturan satu hari. Jadi, untuk melaksanakan satu yang wajib ini, benda itu menjadi wajib kepada kaedah peraturan ini sebagai melaksanakan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah.

Jadi, saya juga ingin menarik perhatian kita bahawa untuk melaksanakan peraturan sebagai satu Dewan yang mulia ini, notis rasmi kalau pun nak dielak daripada dikeluarkan tetapi perkara peletakan jawatan atau kekosongan Speaker ini adalah satu benda yang rasmi tidak boleh hanya tau di kedai kopi ataupun baca surat khabar yang diumumkan mana-mana Exco

kononnya pada satu tarikh sekian-sekian akan lantik seorang Speaker baru itu tak betul, ianya mesti ada satu notis rasmi memaklumkan kalau tidak benda itu adalah satu rahsia kerajaan.

Jadi, dalam 36 orang kita ini, saya nak tau siapa yang dapat rahsia kerajaan itu, siapa yang mengetahui dan menyebarkan rahsia kerajaan bahawa berlakunya kekosongan itu, seolah-olah dia melanggar akta rahsia kerajaan. Jadi, kami disini hari ini tidak tahu melainkan sekarang baru diberitahu ada kekosongan. Jadi, kami ingin mencadangkan tetapi dah tidak diberikan hak untuk mencadang.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pejabat Dewan Undangan Negeri telah menerima surat daripada pihak Kerajaan berkenaan pencalonan Speaker dan telah mendapat persetujuan secara bertulis daripada calon yang dicadangkan.

Oleh kerana hanya ada satu pencalonan bagi jawatan Speaker dan bagi mematuhi Peraturan 4(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka saya dengan ini mengisytiharkan **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** telah dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. (YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Itu bukan jawapan kepada soalan yang dikemukakan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Dipersilakan **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** untuk tampil di hadapan astaka untuk dipakaikan Jubah Rasmi Speaker oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Peraturan Dewan! Peraturan Dewan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ini tak patut berlaku Tuan Setiausaha.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Simpan kut Peraturan Dewan ni!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Kita hanya nak minta ikut peraturan sahaja!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berhormat ADUN Guar Chempedak mengiringi Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memakaikan **JUBAH Rasmi** Speaker kepada **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** di atas Astaka.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Permintaan kita tidak keterlaluan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Teruskan sahaja!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Kita hanya nak minta ikut peraturan tetap Dewan sahaja! Boleh buat yang lain, kita tak halang untuk lantik Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Lantik Speaker tak ikut peraturan!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Tak payah tunggu notis lah YB! YB. kena ambil tau lah, dah tak dak Speaker kena lantiklah! Peraturan kata tak payah habaq pun dekat Ahli-Ahli Yang Berhormat semua!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Peraturan Dewan! Untuk rekod bukan untuk apa! Peraturan Dewan iaitu kami berpendapat bahawa oleh kerana perlantikan ini tidak mengikut peraturan tetapi diteruskan juga, ertinya akan berjalan Dewan ini, pohon dicatitkan bahawa pihak pembangkang tidak turut serta dalam urusan penerimaan pelantikan ini kerana tidak termaktub. Walaubagaimanapun, YB. Speaker kami menghormati YB. Speaker dan akan terus bekerjasama dengan urusan Dewan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pemilihan Speaker yang baharu telah selesai di sempurnakan dan kini saya menyerahkan semula perjalanan mesyuarat seterusnya kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Tuan Setiausaha Dewan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kerana memilih saya sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada kali ini.
Bagi melicinkan perjalanan persidangan Dewan ini, dari semasa ke semasa saya mohon kerjasama yang sebaiknya bagi memastikan kelancaran perjalanan persidangan Dewan ini, supaya dapat memberi penambahbaikan pada masa yang akan datang.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, Peraturan Dewan! Benda lain pula YB. Speaker, Peraturan Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Peraturan Dewan! Bila lama di dalam Dewan ini maklumlah! Jadi, YB. Speaker sebut cadangan-cadangan pembaikan, disini saya nak sebut Peraturan-Peraturan Dewan ini perlu kita hormati iaitu perkara mengenai 9(1) dan 9(2), YB. Speaker boleh rujuk Perkara 9(1) dan 9(2) tentang bagaimana majlis ataupun sidang dun ini dipanggil. Dalam urusan memanggil Sidang Dun ini pun dia ada peraturan dia, YB. Speaker! Sebab itu saya perlu ambil dulu ucapan sebab mulakan Sidang Dun. Ini tidak pernah berlaku sepanjang saya ada dalam Dewan cara memanggil Sidang DUN ini. Saya yakin pegawai-pegawai kita di MMK cukup berpengalaman tetapi oleh kerana tidak ada satu keputusan yang jelas daripada pihak kerajaan menyebabkan mereka itu teragak-agak untuk memanggil Sidang Dun.

Yang pertama saya nak sebut bahawa, Sidang Dun mula dipanggil pada 9 Julai 2020, notis ini! Kemudian, selepas beberapa lama, selepas surat ini, keluar pula tambah hari, boleh tambah tak dak masalah. Pada 16 Julai 2020 tambah pula hari daripada 26hb jadi 2 hari, makna kata yang mula tu kata nak sidang apa, yang kedua mungkin ada cadangan baru nak tambah masa atau apa ka, ertinya nampak uncertainty di situ. Itu tak pa! Itu bukan kecacatan yang agak jelas di situ tetapi yang menjadi satu kecacatan yang tidak pernah berlaku. Dalam 9(2) Setiausaha hendaklah menyediakan untuk tiap-tiap Ahli dengan seberapa segera yang boleh sebelum tiap-tiap mesyuarat satu naskhah aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat itu. Ertinya selepas satu tempoh menerima notis hendaklah disegerakan memberi aturan mesyuarat ertinya kerajaan sudah ada satu niat ataupun cadangan bagaimana apa yang nak dibahaskan dalam mesyuarat YB. Speaker.

Dalam isu mesyuarat kita ini, tak pernah berlaku yang saya nak sebut ini, ianya tidak memenuhi kehendak 9(2) ini, iaitu terima surat iaitu pada 13 Ogos 2020, Adalah dimaklumkan bahawa Aturcara Mesyuarat Dewan bagi Mesyuarat Penggal Kedua Dewan Undangana Negeri Ke-14 akan dihantar kemudian. Ini tak pernah berlaku dalam mesyuarat akan dimaklum hantar kemudian, sampai nak mesyuarat pun tak dak. Hari ini baru ada ini, baru terima aturan dewan atas meja ini.

Jadi, dalam konteks 9(2) ini sudah tidak ada berlaku kecacatan dalam pengurusan Dewan, YB. Speaker. Walaupun ada diberi secara whatsapp, saya kira whatsapp tidak dikira dalam konteks urusan rasmi lah! Jadi, saya nak bangkitkan YB. Speaker, perkara ini tidak patut berlaku untuk mesyuarat akan datang sebab YB. Speaker akan mengambil tanggungjawab dalam isu bagaimana peraturan dewan ini hendaklah dihormati untuk membolehkan Dewan ini berjalan dengan teratur dan sempurna.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Alor Mengkudu. Insya-Allah pada masa akan datang saya akan memastikan perkara-perkara begini tidak akan berlaku lagi. Jadi, pihak Setiausaha pun cubalah memenuhi kehendak peraturan, jika kata 20 hari, 22 hari itu kita hantar siap-siap. Insya-Allah. Sebenarnya ucapan saya ada sedikit lagi tapi oleh kerana Alor Mengkudu bangun, saya bagi dan hormat untuk Alor Mengkudu bercakap dulu. Sebenarnya di sini, di Dewan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mantan Speaker YB. Dato' Paduka Ahmad Bin Kassim kerana beliau telah pun berjaya menjadi Speaker yang baik dan Dewan Kedah berjalan 22 bulan dengan harmoni sekali. Jadi, saya amat berharap harmoni ini diteruskan lagi. Oleh kerana perkhidmatan YB. Dato' Paduka Speaker begitu baik, jadi saya amat berharaplah Kerajaan Negeri Kedah bolehlah memberi apa-apa imbuhan untuk tanda penghargaan Negeri Kedah kepada mantan Speaker.

Yang keduanya ialah saya nak umumkan di sini ada satu surat iaitu pemilihan YB. Dato' Haji Ir. Phahrolrazi Bin Haji Zawawi sebagai Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Kedah. Ini ada pemakluman. Jadi, saya harap Dewan setujulah terima Alor Mengkudu sebagai Ketua Pembangkang. Urusan seterusnya, saya persilakan Tuan Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pemilihan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, disebabkan saya telah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah berkuatkuasa 23 Ogos 2020 maka telah berlaku kekosongan kepada jawatan Timbalan Speaker menurut perkara 54(2A) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah.

Oleh itu, menurut Perkara 54(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman dan Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa hendaklah memilih seorang daripada Ahlinya untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Timbalan Speaker. Sehubungan itu, saya mohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan **Yang Berhormat Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka** dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman,

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan yang dibuat oleh YAB. Menteri Besar.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan **Yang Berhormat Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

[YB. Ustaz Ahmad Fadzli Bin Hashim bangun memperkenalkan diri]

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim dari Pantai Merdeka kerana sanggup menggalas jawatan Timbalan Speaker. Diharap Timbalan Speaker dapatlah berganding dengan Speaker untuk menjalankan persidangan kita dengan sebaik-baiknya.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Peraturan Mesyuarat! YB. Speaker, tak kan tak tanya belah sini juga kalau ada cadangan! Ada tak dak tu lain cerita tapi sekurang-kurangnya satu cadangan saja ka?

YB. TUAN SPEAKER

Awat Jitra terlajak dah baru nak bagitau! Dah terlajak dah kita teruskanlah na! Boleh dak?

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pejabat Dewan Undangan Negeri telah menerima satu surat cadangan sahaja daripada pihak Kerajaan dan dipersetujui oleh calon yang dicadangkan.

Oleh kerana hanya ada satu pencalonan bagi jawatan Timbalan Speaker dan bagi mematuhi Peraturan 4(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka saya dengan ini mengisytiharkan **Yang Berhormat Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim** telah dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh YAB. Menteri Besar.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar Kedah untuk membentangkannya.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat :-

Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2020	-	Penyata Kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
Kertas Dewan Bil. 12 Tahun 2020	-	Penyata Kewangan Lembaga Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah Bagi Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri! Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut.
YB. TUAN SPEAKER

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut. Sekarang pukul 9.40 pagi dan akan tamat pada pukul 10.40 pagi. Silakan soalan yang pertama.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, saya pohon jawapan bagi soalan nombor 1.

1. YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI
[ADUN ALOR MENGKUDU]

Apakah program-program bantuan dan rangsangan ekonomi kerajaan baru Perikatan Nasional Negeri Kedah kepada penduduk yang terjejas dengan pandemik Covid-19 selepas memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri amat memahami bebanan yang dihadapi oleh rakyat di negeri ini terutamanya bagi golongan yang terputus sumber pendapatan dan memerlukan bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban sewaktu menghadapi pandemik covid ini. Untuk tujuan itu, Pejabat Kewangan Negeri Kedah telah memperuntukkan Pemberian Bantuan One-Off Covid-19 berjumlah RM300.00 bagi setiap orang yang layak menerima.

Sejak 18 Mei 2020 (sejak Perikatan Nasional mengambil alih) sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengagihkan pemberian ini kepada 9,678 penerima dengan jumlah agihan adalah sebanyak RM 2,903,400.00 melibatkan fasa-fasa seperti berikut;

Tarikh Bantuan Disalurkan	Fasa
18 Mei 2020	PKP
21 Mei 2020	PKP
15 Jun 2020	PKPP
19 Jun 2020	PKPP
10 Julai 2020	PKPP
9 Ogos 2020	PKPP

Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020

Selain daripada Pemberian Bantuan One-Off Covid-19 berjumlah RM300.00, Kerajaan Negeri turut menyalurkan bantuan Sumbangan Sentuhan Kasih Covid-19 kepada rakyat yang terjejas melibatkan Kluster Sivaganga di Negeri Kedah sebanyak RM49,980.00. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan?

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Terima kasih YAB. Jeneri. Berhubung dengan jawapan yang diberi tadi iaitu 'one off' RM300.00 itu, saya rasa mungkin peruntukan daripada kerajaan dahulu, cuma dia sambung. Tak dak masalah apa! Kemudian, Sivagangga ini peruntukan baru yang diluluskan. Terima kasih kepada kerajaan. Yang saya nak tanya apakah program-program oleh kerana Covid ini dah kembali pula, pihak rakyat belum mendengar lagi cadangan baru daripada kerajaan baru oleh kerana peruntukan terdahulu sudah habis dah diberi tetapi isu kesulitan rakyat ini dia berterusan terutamanya melibatkan kawasan PKPD dan juga kawasan yang terjejas perniagaan mereka. Jadi, saya nak tanya cadangan program baru kalau ada, kalau tak dak tak apa sebab Yang Berhormat ni baru. Kalau ada, kawan-kawan kita juga! Kalau ada ataupun dala perancangan. Jadi, soalan saya apabila cadangan untuk ini melibatkan perbelanjaan, apakah terutamanya perbelanjaan yang digunakan ini perlu kepada kelulusan Dewan kalau sekiranya tiada peruntukan di dalam bajet yang lepas. Pohon penjelasan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh saya minta soalan tambahan YB. Tuan Speaker?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Nanti, bagi saya jawab dulu! Terima kasih YB. Alor Mengkudu, yang pertamanya saya nak ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Alor Mengkudu kepada rakyat yang sedang

menghadapi pandemik covid. Kita telah mengadakan Mesyuarat MKN tanpa selang lah! Setiap 2 minggu atau sekiranya ada keperluan kita akan panggil mesyuarat hampir 3 hari sekali kita panggil meneliti perkembangan-perkembangan terkini tentang Covid yang melanda semula Negeri Kedah khususnya Kluster Tawar, Kluster Sala, Kluster Sivagangga yang kita semua sedia maklum dan kluster-kluster ini telah meletakkan Kedah dalam kebimbangan khususnya di kawasan Baling, Kuala Muda dan juga Yan. Walaupun nama Kluster Sala tapi ianya berlaku di Guar Chempedak.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada membuat syor-syor yang mana kita tidak dapat umumkan kerana syor-syor yang kita buat berdasarkan keputusan dalam Mesyuarat MKN itu terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan contohnya TEMCO yang diambil untuk menghadapi Kluster Sivagangga. Tujuan TEMCO adalah untuk memutuskan rantaian Covid 19. Walaupun kita mencadangkannya lebih awal tapi oleh kerana TEMCO ini berada dibawa bidang kuasa Kerajaan Persekutuan maka kita tunggu Kerajaan Persekutuan bersidang di peringkat persekutuan bersama MKN dan semua agensi yang terbabit dengan MKN di peringkat persekutun untuk mengumumkan. Demikian juga syor-syor yang kita buat untuk menghadapi kluster-kluster berikutnya yang sedang melanda di Negeri Kedah pada waktu ini. Kita masih menunggu apakah respon yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap syor-syor JKN Negeri Kedah telah kemukakan. Antara program baru ialah bantuan kepada Kluster Sivagangga ini diberikan semalam saya menerima 300 pek untuk 300 keluarga yang disumbangkan oleh Yayasan Petronas untuk disumbangkan kepada keluarga yang masih lagi berada dalam kawasan TEMCO di beberapa lokasi di Daerah Kubang Pasu. Bantuan daripada Kluster Tawar dan Kluster Sala akan disalurkan apabila Jabatan Kesihatan Negeri Kedah memuktamadkan bilangan kes yang terlibat dengan kuarantin di rumah untuk seluruh ahli keluarga.

Peruntukan yang digunakan adalah peruntukan yang sediada bagi tahun 2020. Saya ingin mengambil kesempatan juga untuk memberi ingatan kepada seluruh Ahli Yang Berhormat supaya sebagai pemimpin di peringkat Dun masing-masing untuk memberi ingatan kepada rakyat di bawah untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan supaya kita semua dapat memutuskan rantaian Covid 19 untuk kebaikan Negeri Kedah yang kita cintai ini. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum YB. Tuan Speaker, boleh minta laluan?

YB. TUAN SPEAKER

Ok, boleh satu sahaja soalan tambahan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Baik! Mengenai one off Covid 19 yang RM300.00 itu saya bagi contoh Kota Siputeh sendiri sepatutnya 700 penduduk dapat tetapi kita dapat 528 orang sahaja, baki lebih kurang 172 orang lagi katanya akan diberikan secara tunai melalui Pejabat Daerah tapi sampai sekarang pihak penduduk tak dapat. Jadi, saya nak tahu status pemberian ini dan saya rasa kawasan lain pun lebih kurang sama juga lah!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Berkenaan 700 yang disenaraikan oleh Adun-Adun sebelum perubahan kerajaan. Kerajaan komited untuk membuat pembayaran melalui akaun bank namun begitu nama-nama yang dikemukakan kepada kerajaan, ada akaun bank tidak telly dengan nama da nada akaun bank tidak boleh masuk duit dah, tak tau samada nombor lari satu angka atau duit penuh dalam akaun dia.

Kerajaan memutuskan akan menerima pakai 700 nama itu dan akan diberikan secara tunai dan akan diuruskan oleh Pusat Khidmat Dun masing-masing dan tambahan selepas daripada 700 itu ialah 17 dun lagi kita beri seorang 300 orang bagi setiap dun yang menjadikan jumlah yang saya sebutkan tadi ialah 9,000 orang lebih. Jadi, Insya-Allah saya harap Kota Siputeh akan merujuk kepada Penyelaras Dun yang dilantik oleh kerajaan untuk memastikan pembayaran itu dibuat. Kalau tak dapat juga boleh mengemukakan sekali lagi nama-nama orang yang tak dapat 150 orang. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 2! Silakan YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker mohon jawapan bagi soalan nombor 2.

2. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]

Pohon dinyatakan:-

Apakah Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tanah bagi perluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Gajah Mati Pokok Sena?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Bukit Lada atas soalan yang diutarakan. Apakah Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tanah bagi perluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Gajah Mati Pokok Sena?

Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya ada tanah-tanah yang sesuai untuk diusahakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang baru.
Kerajaan Negeri bersetuju supaya Jabatan Pertanian meneruskan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Gajah Mati, Pokok Sena. TKPM di Gajah Mati Pokok Sena berkeluasan fizikal 59.7 hektar dan keluasan boleh bertanam sehingga kini adalah 40.27 hektar. Bilangan peserta yang menyertai projek tanaman di bawah Jabatan Pertanian adalah seramai 17 orang. Jenis-jenis tanaman yang diusahakan adalah seperti jagung, pisang, betik, nenas, dan tanaman fertigasi. Sumber peruntukan bagi projek TKPM ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan? Kita bagi tuan yang tanya dulu!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada YB. Speaker, soalan tambahan adalah apabila kita melihat program ini sangat baik untuk rakyat khususnya di Bukit Lada dan penyertaan daripada peserta-peserta yang mendapat kawasan ini lebih kurang 17 orang yang disebutkan tadi ini dapat diberikan kesan yang baik kepada mereka kerana mereka tidak ada tanah. Jadi, mereka boleh gunakan lebih kurang 3 atau 4 hektar setiap orang yang diberikan kepada mereka untuk mengeluarkan mereka daripada kemiskinan. Jadi, saya mencadangkan adakah kerajaan mencadangkan untuk diperluaskan di kawasan-kawasan lain lagi untuk kepentingan rakyat kita.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Bukit Lada! Untuk makluman Bukit Lada dan Sidang Dewan. Selain daripada kita ada TKPM Gajah Mati, Pokok Sena, kita juga ada TKPM Bukit Perak di Pendang, yang keluasan fizikalnya 48.5 hektar dan keluasan boleh bertanam ialah 39 hektar. Untuk maklumat YB. Bukit Lada dan Sidang Dewan, tanah-tanah yang terbiar yang ada di Negeri Kedah ini adalah agak banyak. Selain daripada itu, tanah-tanah terbiar ini kebanyakannya adalah hak individu yang mana pihak jabatan pertanian telah pun mengenalpasti tanah-tanah dan juga lokasi-lokasi yang telah pun dikenalpasti oleh Jabatan Pertanian adalah tanah-tanah terbiar. Jadi, bagi pihak Jabatan Pertanian dan saya sendiri sebagai Exco dalam Jawatankuasa Tetap Pertanian saya telah meminta untuk Pejabat Tanah dan Daerah dan juga Jabatan Pertanian berkolaborasi mengenalpasti tuan-tuan tanah yang kita ada masalah sekarang di hadapan kita ialah tuan-tuan tanah yang tidak boleh dikenalpasti.

Bagi tanah kerajaan yang dicadangkan oleh Bukit Lada supaya diperluaskan Insya-Allah kita sedang melihat kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan TKPM yang ketiga. Memang kita sedang berusaha sebab di Kedah baru ada 2 TKPM dan Insya-Allah dimana-mana kawasan yang ada di Negeri Kedah ini dijadikan TKPM yang ketiga.

Untuk maksud yang seterusnya maknanya pembangunan tanah-tanah yang terbiar. Saya didatangani oleh ramai pengusaha-pengusaha anak muda yang memerlukan tanah. Mereka yang berminat dalam industri pertanian ini memerlukan tanah. Jadi, antara langkah untuk mengatasi bagi memenuhi keperluan tanah kepada pengusaha-pengusaha ini. Itulah yang saya sebutkan tadi Jabatan Pertanian dan juga Pejabat Tanah dan Daerah sedang berkolaborasi mengenalpasti tuan-tuan tanah supaya boleh terus dihubungi oleh pihak-pihak

yang berkaitan yang berminat dan mereka yang berminat boleh terus menghubungi. Kita ada data jumlah keluasan di setiap daerah tetapi kita tidak ada data yang lengkap tentang tuan tanah itu. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah semakan Jawatankuasa PAC tahun lepas bersama dengan Menteri Besar Jeneri dengan Tuan Speaker, kita katakan projek ini gagal, masa itu Tuan Speaker bagi markah 2 daripada 10. Jadi, saya nak tanya adakah sesuai projek TKPM Gajah Mati, Pokok Sena sesuai diteruskan. Terima kasih.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Untuk makluman YB. Kota Darul Aman, daripada luas fizikal yang ada di TKPM Gajah Mati, iaitu 59.7 hektar, luas dibangunkan 40.27 hektar, luas bertanam 12.80 hektar, luas berhasil 7.85 hektar, ini yang terbaru. Jadi, hasil-hasil yang dikeluarkan ini melihatkan ada peningkatan semenjak tahun 2020 daripada tahun 2019 sehingga kini. Jadi, pengeluaran hasil bagi Jun 2020, di TKPM Gajah Mati, jenis tanaman sasaran tahunan 134 metrik tan, kuantiti pengeluaran adalah 44.56 dan peratus pencapaian ialah 33.30, buah-buahan ialah sasaran tahunan 340, kuantiti pengeluaran 8.188 tan, kontan 111 metrik tan, kuantiti pengeluaran 22.6 tan dan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran adalah 75.393 tan. Saya faham ketika awal saya mengambilalih Exco Pertanian, memang ada berlaku kekosongan yang tidak diusahakan dan sebagainya tetapi Jabatan Pertanian telah pun menapis dan memanggil peserta-peserta yang baru dan hingga kini tiada lot kosong yang boleh diisi sebab semuanya telah penuh di TKPM Gajah Mati dan saya telah pun 2 kali melawat TKPM Gajah Mati memantau projek-projek yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha dan Alhamdulillah ada peningkatan dari segi hasil dan sebagainya.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kota Siputeh!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mohon jawapan bagi soalan nombor 3.

3. YB. DR. SALMEE BINTI SAID
[ADUN KOTA SIPUTEH]

Kita sedia maklum melalui media sosial dan media cetak tentang isu keganasan rumah tangga dan isu wanita yang sering menjadi mangsa ganguan seksual.

a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu bagi membela nasib mereka?

b) Adakah terdapat fasiliti tempat selamat bagi kes keganasan rumah tangga sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita di Negeri Kedah?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakauh dan Salam Sejahtera. YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, YB. Kota Siputeh, kita sedia maklum melalui media sosial dan media cetak tentang isu keganasan rumah tangga dan isu wanita yang sering menjadi mangsa ganguan seksual. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu bagi membela nasib mereka?
Jawapannya ialah Kerajaan Negeri memperkasakan melalui program yang dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPW) iaitu dengan menganjurkan 13 buah program Literasi Undang-Undang (LUU) yang melibatkan seramai 604 orang dan 5 buah program Wanita Anti Jenayah (WAJA) yang melibatkan seramai 560 orang pada tahun 2019 dan 2020. Program ini memberi penerangan secara jelas mengenai hak-hak seorang wanita dalam perkahwinan dan memberi ilmu pengetahuan dalam mengambil langkah-langkah dan tindakan undang-undang sekiranya mereka mengalami keganasan rumah tangga dan gangguan seksual.

Selain itu, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPW) turut menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi kepada wanita-wanita yang mempunyai masalah dan cabaran di dalam kehidupan mereka. Pihak PPW akan membantu mereka dengan memberi

khidmat kaunseling dan penerangan secara jelas dalam mengambil langkah-langkah dan tindakan yang sewajarnya seperti memohon Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), melaporkan kepada pihak berwajib dan sebagainya bagi menangani isu ini. Ianya bertujuan untuk membantu wanita melakukan perubahan tingkahlaku, pemikiran dan perasaan ke arah yang lebih positif dan bersesuaian dengan keperluan semasa mereka.

Untuk soalan (b) Adakah terdapat fasiliti tempat selamat bagi kes keganasan rumah tangga sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita di Negeri Kedah? Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan fasiliti tempat selamat bagi kes keganasan rumahtangga sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita di negeri Kedah, iaitu bertempat di Rumah Transit Negeri Kedah, Taman Pulasan di bawah penyeliaan Majlis Kebajikan Negeri Kedah dan Taman Sinar Harapan, Jitra di bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan? Silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya, baru ini ada kes di Changlun tetapi masalah rumah perlindungan sementara tiada! Jadi, saya nak tahu bila sebenarnya akan beroperasi rumah perlindungan yang dikatakan ada itu? Yang keduanya, apakah program-program untuk kaum lelaki pula untuk mengatasi masalah rumah tangga ini? Sekiranya ada, apakah program tersebut dan sekiranya tiada bila agaknya akan dilaksanakan program khususnya untuk kaum bapa ini? Yang ketiga, berapakah jumlah laporan ataupun aduan keganasan rumah tangga yang dilaporkan sepanjang tempoh PKP bagi Negeri Kedah dan sekiranya ada aduan apakah langkah-langkah yang diambil?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Untuk makluman semua, rumah transit di Negeri Kedah ini yang beralamat di No.340 hingga 345 di Jalan Pulasan, Jitra ini adalah yang telah dirasmikan secara rasminya pada bulan Januari yang lalu dimana rumah ini juga menjadi perlindungan sementara kepada gelandangan, pengemis, kanak-kanak jalanan dan kes-kes keganasan rumah tangga yang diberi keutamaan. Untuk makluman semua, pada tahun 2020 tidak ada kemasukan penghuni rumah transit di Negeri Kedah ini memandangkan perlu mendapat kelulusan pengoperasian dibawah Seksyen 23 Akta Pusat Jagaan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi, surat kelulusan itu telah kita kemukakan kepada menteri dan belum mendapat jawapan lagi. Jadi, persiapan di situ memang ada tetapi pemprosesan tidak dapat dijalankan kerana mengikut Akta Seksyen 23 kelulusan itu hanya menteri sahaja yang dapat beri kelulusan dan Insya-Allah surat pun telah dihantar dan dalam masa terdekat, bila kita telefon kepada SetPol Menteri dan Menteri akan memberikan kelulusan dalam masa terdekat. Insya-Allah.

Jadi, untuk soalan masalah orang lelaki dalam keganasan rumah tangga ini kita akan bekerjasama juga dengan Jabatan Agama Islam kerana tiada orang perempuan, tiadalah orang lelaki Yang Berhormat! Jadi, masalah ini bukanlah masalah orang perempuan sahaja tetapi masalah kaum lelaki juga!

Insya-Allah kita bekerjsama dengan Jabatan Agama Islam dan Pejabat-Pejabat Agama Islam di daerah masing-masing supaya menganjurkan kursus-kursus raikan cinta balik dan Insya-Allah dalam LPPKN akan buat program sebegitu kerana perancangan telah dibuat dan juga telah dimasukkan dalam portfolio saya tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tempoh PKP dan apa yang penting sekali kita kena menerapkan nilai ilmu agama dan tanggungjawab sebagai suami dan tanggungjawab kepada tuhan amat penting. Insya-Allah ianya akan diadakan selepas tempoh PKP ini dan mengenai penduduk di Changlun itu macam saya katakana kepada YB. Kota Siputeh dimana kita tidak menerima lagi kerana Akta 23 itu kita tidak dapat beroperasi lagi di rumah transit. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Tuan Speaker, minta soalan tambahan satu lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Berbalik kepada jawapan yang diberikan terkakhir tadi tentang rumah transit itu, rasmi bulan Januari tahun ini sekarang kita dah hampir hujung bulan Ogos. Masalahnya masih belum beroperasi, kita sewa 5 pintu, sepintu RM1,000 semuanya RM5,000. Rasmi bulan Januari tahun ini, bulan Ogos tak boleh beroperasi sebab hanya nak tunggu surat daripada YB. Menteri. Saya rasa ini satu yang cukup mendukacitakan, 'administrative' saja. Jadi, saya mohon agar benda ini dapat diberi perhatian dengan segera kerana keperluan untuk menempatkan orang di situ ada, rumah dah ada, sewa dah sampai 8 bulan dah mungkin lebih lagi hanya nak dapatkan kebenaran itu macam kita tak ada planning. Sepatutnya semasa nak setup itu dah pun submit dan dengan hubungan yang baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sepatutnya benda itu boleh diselesaikan. Soalan saya agak bila dan jangan kita bagi lama lagi sebab benda duk ada terbuang begitu sahaja tak dapat digunakan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bukit Kayu Hitam! Agak-agak bila nak 'start' tu?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. Anak Bukit, untuk makluman semua, perkara-perkara dalam program disitu dapat dijalankan kecuali kita kena mengazetkan rumah itu sebab rumah itu adalah kawasan selamat. Jadi, Akta 23 itu, saya hanya kena dapat kelulusan menteri sahaja dulu. Jadi, Insya-Allah YB. Dato' kita akan percepatkan proses ini dan kita tau masalah bila kita buat proses gelandangan ini kita nampak banyak rumah di situ perlu kita percepatkan dan seperti saya katakana proses sedang dijalankan dan Insya-Allah dalam masa terdekat Yang Berhormat!

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 4.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Pat Pat Siku Lipat, Tolong jawab soalan saya nombor 4.

4. YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[ADUN ANAK BUKIT]

Antara pelabur baru di Kulim Hi-Tech Park ialah Music Tube Commercial My Sdn Bhd didalam bidang Advanced Electronic.

Pohon dinyatakan:-

a) Latar belakang syarikat

b) Operasi syarikat ini di tempat lain

c) Bidang spesifik pelaburan advanced electronic

d) Nilai pelaburan

e) Bilangan pekerjaan dan julat gaji

f) Pembinaan kilang dan tarikh mula operasi

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan yang pertama saya nak perbetul di sini bukan music tube tapi music tribe. Soalan nombor 4 ini ada pecahan. Jadi, saya nak pergi satu persatu kepada jawapan ini. Untuk (a) iaitu latar belakang syarikat. Nama syarikat Music Tribe Commercial MY Sdn Bhd. Ia diasaskan oleh Uli Behringer pada tahun 1989 sebagai sebuah syarikat peralatan audio di Willich, Jerman. Music Tribe adalah pereka, pengeluar dan pengedar audio panggung profesional yang terkemuka berkaitan dengan peralatan, alat muzik dan produk audio. (b) Operasi syarikat ini di tempat lain. Tempat-tempat itu ialah United Kingdom, Denmark, Sweden, Kanada, Jerman, Jepun, China, Filipina, Scotland, USA. Jadi, Malaysia ni negara yang ke-11. (c) Bidang spesifik pelaburan advanced electronic. Bidang pelaburan di KHTP ialah Penyelidikan & Pembangunan (Research & Development).

Keduanya, Rangkaian pembuatan & pembekalan digital (Digital Manufacturing & Supply Chain).

Ketiganya ialah Data Analytics and Artificial Intelligence. (d) Nilai Pelaburan. Nilai pelaburan daripada syarikat Music Tribe adalah RM 1 bilion dan pecahan pelaburan adalah seperti berikut:- Pajakan tanah, reka bentuk bangunan, permit dan lain-lain yang berkaitan RM150 juta. Yang keduanya Pusat latihan, Smart Energy, Infrastruktur Digital serta Peralatan automasi untuk pengilangan bagi Fasa 1, RM250 juta. Ketiganya ialah Bangunan tambahan dan peralatan iaitu Fasa 2, RM400 juta. Yang keempat ialah Bangunan tambahan dan peralatan bagi Fasa 3, RM200 juta.

Seterusnya (e) Bilangan pekerjaan dan julat gaji. Jumlah bilangan pekerja adalah seramai 1,000 orang yang akan diambil secara berperingkat mengikut 3 fasa seperti berikut:- Fasa 1 - 200 orang, Fasa 2 - 350 orang, Fasa 3 - 450 orang. Julat gaji untuk pekerja di sini dianggarkan sebab disini ianya melibatkan tahapnya lebih tinggi iaitu 'technician level' lebih daripada RM3,000 sebulan. Untuk (f) Pembinaan kilang dan tarikh mula operasi. Cadangan pembinaan kilang adalah seperti berikut :- Fasa 1 – tahun 2021, Fasa 2 (bangunan tambahan) – tahun 2022, dan Fasa 3 (bangunan tambahan) – tahun 2023.

Bangunan kilang utama (fasa 1) akan mula beroperasi pada tahun 2021. Buat ketika ini Music Tribe telah menyewa satu unit bangunan kilang Semi-D berkeluasan 12,500 kaki persegi, milik Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd (KTPC) di Jalan Hi-Tech 2/6 untuk pejabat pentadbiran dan juga kilang pemasangan sementara menunggu proses membina kilang pembuatan dan penyelidikan fasa pertama siap dibangunkan sepenuhnya. Insya-Allah.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Guar Chempedak yang telah bagi jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah sebelum itu saya nak ucapkan tahniah kepada pihak pengurusan terutamanya Kulim Hi-Tech yang proaktif sebenarnya saya difahamkan kita dapat pelaburan ini ialah bila kita dapat tau berlakunya covid dan juga pandemic covid di China dan juga trade war antara China dan US. Banyak yang nak relocated manufacturing facilities mereka. Jadi, yang ini antara yang kita di Kedah ini 'terpa' (dengan izin) terpa pi kat depa offer dan kemudian bawa mai ke Kulim Hi-Tech.

Jadi, soalan tambahan saya Tuan Speaker ialah ada lagi tak usaha-usaha yang sedang kita buat sebab ini memberikan pulangan yang cukup baik 1B punya investment, 1,000 peluang pekerjaan dan julat gaji technician sahaja melebihi RM3,000, which is very good maknanya

usaha yang kita jalankan untuk kita merebut peluang bukan sahaja manufacturing yang originnya nak dibawa keluar sebab nak lari dari trade war dan tariff yang dikenakan oleh US kepada produk China tetapi banyak fasiliti yang dibuat originnya adalah di Jepun tetapi mereka mengadakan manufacturing facilities nya di China. Apakah usaha kita untuk kita membawa masuk ke Negara kita akan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan kita.

Soalan kedua, yang ini tak apa kalau YB. Guar Chempedak tiada jawapan sekarang pun boleh bagi secara bertulis. Daripada tahun 2019, punya investment yang di approve oleh pihak MIDA ke Negeri Kedah, kita dapat FDI dalam 8.1 billion campur dengan domestic investment 3.4, RM11.5 billion. Soalan saya ialah ini approved, realized yang dapat dijadikan maknanya akhir ini jadilah bukan sahaja diberikan kebenaran dan akhirnya jadi dan berapa banyak daripada jumlah RM11.5 billion itu. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Untuk soalan tambahan yang pertama samada ada tak lagi pelaburan yang diperolehi. Memang ada dan setakat ini tak boleh diumumkan oleh MIDA lagi. Itu untuk suku tahun kedua, dia tak umumkan lagi. Benda itu ada, insya-allah dan pihak KTPC memang melaksanakan program promosi dan pemasaran begitu aktif sekali sungguhpun dalam keadaan Covid-19 ketika ini. Tapi insya-allah ada beberapa projek yang besar juga yang akan dilaksanakan di situ dan Insa-Allah akan diumumkan oleh pihak MADA dalam masa yang terdekat.
Soalan bagi yang kedua itu tentang syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di China dan disebabkan trade war dan sebagainya apakah kita akan buat sesuatu untuk menarik mereka datang ke Malaysia. Ya jawapannya, cumanya pergerakan kita terhad sedikit dari segi aktiviti menarik pelaburan kerana masalah sekarang mereka tak boleh datang ke sini dan kita juga tak boleh pergi ke sana.

Insya-Allah atas izin Allah, Covid 19 ini akan reda dan kita akan berusaha dengan gigih untuk menentukan kita akan dapat peluang daripada syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di China untuk datang ke Negeri Kedah ini. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Realized Investment!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang 2019 tu ka? Setakat ini tidak ada berita yang mengatakan projek-projek ini tidak diteruskan dan Insya-Allah diteruskan seperti biasa. Jadi, tahun 2019 kita ucapkan tahniah sebab belah sana dapat banyak pelaburan tapi tahun ini kurang sedikit. Suku tahun yang pertama tahun 2020, kita dah dapat RM1.1 billion dan kedudukan nombor 5 dalam negara. Insya-Allah tahun 2020 jumlah ini kita akan lihat angka yang lebih lagi Insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan YB. Suka Menanti

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya pohon penjelasan daripada YB. Guar Chempedak tentang operasi Kilang Hi-Tech sebegini yang melibatkan Music Tribe yang dalam bidang RND digital analytic data dan juga AI ini, mreka sangat memerlukan satu kestabilan bekalan elektrik yang cukup stabil sepanjang tempoh beroperasi 24 jam. Jadi, saya ingint tahu penjelasan daripada pihak kerajaan samada pembekal elektrik yang sekarang ini di Kulim Hi-Tech yang kita dah tau sampai ke had dia. Adakah kerajaan akan bincang untuk pengembangan supply elektrik di Kulim Hi-Tech ataupun kerajaan akan menjemput TNB sendiri untuk membuka ruang atau membekalkan elektrik yang lebih stabil di kawasan Kulim Hi-Tech.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, jawapannya adalah seperti berikut. Jawapannya ialah seperti berikut Syarikat Nur Power adalah syarikat 'independent' (swasta) yang membekalkan tenaga elektrik kepada Kulim Hi-Tech Park, satu-satunya dalam Malaysia. Lesen yang mereka perolehi ialah 440 megawatt dan buat masa sekarang ini mereka hanya menggunakan dalam 220 megawatt. Jadinya Nur Power tidak perlu kelulusan untuk meningkatkan kapasiti. Insya-Allah perkara ini yang tidak menjadikan sebarang masalah dan Music Tribe akan dapat beroperasi seperti mana yang dirancangkan. Insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih soalan nombor 5, silakan!

YB. DATO DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Jangkitan Covid 19 serata dunia, ada menteri tak ikut SOP. Soalan saya nombor 5, sila jawab dengan rapi!

5. YB. DATO DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]

Kedah tidak terkecuali daripada jangkitan Covid 19.

Pohon dinyatakan :

a) Jumlah terkini pesakit dan jumlah kematian?

b) Bilakah tarikh terakhir jangkitan tempatan?

c) Apakah SOP yang di laksanakan oleh institusi masjid dan surau dalam usaha untuk membenarkan solat Jumaat dan berjemaah?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Bismillahirrahmanirahi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, sahabatku. Soalan berhubung dengan jumlah terkini pesakit dan jumlah kematian. Alhamdulillah kematian di Kedah ini hanya satu sahaja. Jumlah terkini setakat 23 Ogos 2020, dua hari lepas, yang semalam itu Ketua Pengarah tak umum lagi, kita tak boleh umumlah. Jumlah keserluruhan adalah 200 kes. Jumlah yang masih dirawat adalah 74, dalam ICU ada 5, bantuan pernafasan tiada, kes yang sembuh ialah 125. Kemudian, perincian mengikut daerah di Langkawi ada 5 kes, Kubang Pasu ada 29 kes, Padang Terap ada 5 kes, Kota Setar ada 35 kes, Pendang pula 3 kes. Ini kes daripada mula dulu. Yan – 4 kes, Kuala Muda – 57 kes, Sik – 2 kes, Baling – 21 kes, Kulim – 38 kes, Bandar Baharu – 1 kes.

Kemudian, bilakah tarikh terakhir jangkitan tempatan? Dalam rekod 23 Ogos 2020 iaitu di Tawar maknanya kluster Tawar lah.

Soalan yang seterusnya ialah SOP untuk masjid dan surau. Sebenarnya jawapan yang diberikan oleh Jabatan Agama kepada saya ini ada 11 muka surat, boleh terus sampai habis?

YB. TUAN SPEAKER

Ringkas sahaja!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ya..ringkas sahaja no! Untuk makluman Yang Berhormat, pihak masjid dan surau melalui arahan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kedah Darul Aman telah memainkan peranan yang penting dalam usaha secara konsisten demi mengekang penularan wabak Covid-19.SOP kebenaran dan penangguhan solat Jumaat dan solat fardu berjemaah telah melalui fasa pelaksanaan yang berbeza-beza, dan dilaksanakan berdasarkan keadaan semasa dan situasi terkini wabak Covid-19. Bermula daripada 17 Mac 2020 sehingga 2 Ogos 2020, kronologi pelaksanaan dan penangguhan aktiviti keagamaan di masjid dan surau Negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut.
Ini saya ringkaskan sahajalah, kalau nak baca 11 muka surat ini, setengah jam tak habis. Maknanya SOP yang telah digariskan adalah sebelum pergi kena ambil wuduk di rumah, bawa sejadah, masuk melalui pintu yang diarahkan oleh surau atau masjid, ambil suhu badan kemudian jarak antara ahli Jemaah adalaj satu meter antara seorang dengan seorang yang lain dan keluar ikut pintu yang lain daripada pintu masuk. Itu secara ringkas SOP yang telah digariskan. Nak secara detail saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Pengkalan Kundor. Terima kasih Tuan Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan saya adalah berkait daripada malangnya di Negeri Kedah kita ada gelombang kedua sepertimana yang disebut oleh YAB. Menteri Besar tadi, gelombang Sivagangga, Sala, Tawar dan juga Kuala Muda. Sefaham saya setakat ini hanya Kluster Sivagangga yang diisytiharkan sebagai mukim-mukim itu kawasan TEMCO. Yang ketiga lagi saya difahamkan belum diisytiharkan. Jadi, apakah kriteria untuk diisytiharkan satu-satu

mukim itu sebagai kawasan TEMCO, apakah kriterianya sebab satu diisytihar, tiga lagi belum lah, mungkin akan datang akan diisytiharkan, saya pun tak pasti.

Soalan keduanya ialah dari segi penguatkuasaan ataupun dari segi pelaksanaan SOP yang disebut tadi, sebab ada masjid-masjid tertentu yang itu dibawah kawalan Jabatan Agama Islam kita, ataupun 'entity private' surau di highway ditutup. Surau di tempat-tempat stesen minyak ada ditutup, apakah selain daripada arahan Jabatan Agama Islam tadi, surau-surau ini tidak termasuk di dalam bilangan yang patut ditutup tetapi masih lagi ditutup, mereka ini bukan dibawah PLUS tetapi di bawah 'private entity' siapa yang control ini sebenarnya sebab apabila surau ditutup, bukan surau sahaja tetapi tempat makan juga ditutup, ia memberi kepayahan kepada orang ramai, padahal kawasan-kawasan yang ditutup itu bukanlah kawasan yang terlibat dengan TEMCO yang dimaksudkan tadi. Jadi, dua soalan tambahan ini!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tuan speaker Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor kerana mengemukakan soalan tambahan. sebenarnya kawasan-kawasan yang baru kita kata kata gelombang kedua lah iaitu Kluster Muda, Tawar, Sala dan juga yang terbaru di Sik belum ada kluster lagi tapi di Sik sudah ada kes.
Memang kita dalam mesyuarat MKN telah mengesyorkan adakan halangan tertentu perlu diadakan macam orang mai pas baton lah kita nak pergi stop di depan batton tu supaya ianya tidak keluar daripada kawasan kawasan yang ada kes dia. Kita telah buat syor kepada kepada, MKN telah buat syor kepada Kementerian Kesihatan di pusat kepada MKN Majlis Keselamatan Negara tetapi Majlis Keselamatan Negara mungkin memandang perkara ini tidak keperluan sepertimana kita buat di kluster Sivagangga dan kita masih lagi menunggu syor-syor JKKN Negeri buat kepada MKN. Jadi, bila MKN tak luluskan jadi kita tidak boleh mengadakan semacam TEMCO untuk kluster-kluster di sebelah Sungai Petani dan dan inilah yang pertama. Jadi, kita tunggulah doa semoga kes ini dapat pulih dengan segeralah sebelum JKKN yang kita syorkan ini diluluskan oleh MKN.

Kemudian, tentang surau-surau memang kita ada arahan daripada pihak PBT, arahan kepada surau-surau yang ada di PBT supaya kita mengarahkan mereka melaksanakan SOP yang telah di syorkan oleh JKKN sebab PBT ni dia ada di bawah negeri maknanya kita ada hak

untuk melaksanakan apa-apa syor yang tidak bercanggah dengan apa yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara.

Jadi, apabila kita syorkan kepada stesen minyak, surau-surau yang yang kita tetap private lah maka mereka perlu mematuhi arahan-arahan PBT yang kita telah keluarkan. Itu menyebabkan setengah-setengah stesen minyak dan surau telah melaksanakan syor-syor yang telah dibuat oleh JKKN di Negeri melalui PBTmasing-masing. Terima kasih Tuan Speaker

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit sahaja Tuan Speaker, penjelasan yang ingin saya dapat adalah kita faham kalau penutupan itu berlaku sebab dulu tutup selepas itu buka, bila TEMCO tutup balik tetapi bukan kawasan TEMCO, ini kawasan biasa. Jadi, maksud saya penguatkuasaan tadi siapa, penyelarasan itu tidak ada. Adakah sebenarnya tol ataupun Gurun dua hala, adakah sebenarnya patut ditutup atau tidak? Siapa dari segi penguatkuasaan dan penyelarasan. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh jawab Tuan Speaker?

YB. TUAN SPEAKER

Jawab! Jawab! Jangan tak jawab!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Pengkalan Kundor**.** Sebenarnya apa dari segi kita kata macam yang pertama sekali saya nak tahu lah ataupun RNR mana yang ditutup?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Spesifik tadi Gurun!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Gurun, walaupun tidak berada dibawah TEMCO, perjalanan daripada Kubang Pasu nak pi Sungai Petani, stesen-stesen minyak atau RNR tersebut, mereka mempunyai masalah penjagaan SOP nya dengan berkesan mungkin mereka tutup ataupun masa itu mungkin Yang Berhormat sampai itu, dia nak buat sanitasi ka dia tutup dulu tapi dari segi penguatkuasaan memang kita letakkan kepada PDRM lah untuk menguatkuasakan perkara tersebut. Kalau di PBT kita ada Penguatkuasa PBT untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..Sungai Limau, silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Speaker soalan saya berkaitan dengan nama-nama cluster ini, Sivagangga, Sala, Muda dan sebagainya sebab nama-nama ni kadang-kadang dia akan beri kesan kepada suatu jumlah yang besar, mukim yang besar sedangkan tadi contoh Menteri Besar ada sebut berlaku di Guar tapi yang terkesannya adalah di Kuala Sala jauh daripada Guar Cempedak.
Jadi, mungkin boleh mencadangkan kepada Pihak MKN nama kepada kluster-kluster ini dispesifikasikan kepada tempat-tempat tertentu supaya dia tidak memberikan panik kepada jumlah rakyat yang ramai. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih kepada Sungai Limau, mungkin kena di kawaan dia kut! Sebenarnya nama-nama ini dipilih berdasarkan kepada permulaan kes itu macam di Tawar, start kes di Tawar itu dibubuh nama Tawar tetapi yang kes Sivagangga itu kita tak letak Napoh, kita letak Sivagangga. Pada peringkat permulaan kita tak mau isu yang dibangkitkna oleh Sungai Limau tulah kita letak Sivagangga tapi oleh kerana banyak tempat yang jadi nak jadi mudah untuk kita fahami permulaan kes itu di Mukim Sala Besar. Jadi, kita bubuh Sala lah! Minta maaf pada Sungai Limau kerana kena kawasannya kalau kawasan saya pun mungkin saya marah juga tapi ini telah ditetapkan Oleh Kementerian Kesihatan dan juga Majlis Keselamatan Negara. Jadi, kita terpaksa akurlah kita mengucapkan selamatlah kepada Sungai Limau kerana Sungai Limau tak diletakkan nama sebagai kluster tu! Terima kasih YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sebenarnya peraturan ni dia tak bagi dah ada dua kali soalan tambahan tapi hari ini saya bermurah hati bagi belah ni!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih Tuan Speaker sebab isu covid ini penting untuk rakyat. Terima kasih Tokai yang menjawab. Soalan saya ialah sebab kita memandangkan isu gelombang kedua di kedai ni yang telah kita nampak penularan termasuk terlibat jangkitan antara pelajar sekolah dan juga pelajar kepada cikgu. Soalan saya ialah apakah kriteria atau pun kaedah yang ditetapkan oleh kerajaan di mana keperluan untuk menutup sekolah sebab kebimbangan ramai adakah kita pun tak ada info kadang-kadang kita pun tak tahu adakah sekolah ditutup atau tidak ditutup bila berlaku sesuatu kes di kawasan itu ataupun hanya berlaku ada positif kes sahaja ditutup atau pun ada positif kes dan ada 'closed contact' yang perlu untuk pergi mendapatkan 'swab test' dan sekolah itu perlu ditutup sebab kadangkala dia belum tahu positif atau tidak positif tetapi anak dia pergi ke sekolah, isteri dia masih pergi sekolah dan akhirnya dia mungkin kita tidak dapat putuskan rantaian penularan itulah so mohon jawapan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

2 minit sahaja Tokai untuk jawab! Ohh.. Jeneri tolong jawab! Silakan!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih Tuan Speaker, kerajaan prihatin bahawa gelombang yang kedua yang kita hadapi ini lebih serius dan sukar untuk ditangani berbanding dengan gelombang pertama bila Kerajaan Persekutuan memperkenalkan PKP bagi seluruh Negara. Bagi gelombang yang kedua dia tidak datang dengan PKP tapi dia datang secara berkelompok berkaitan dengan kluster-kluster sivagangga tadi dia agak centralized di Napoh, di Binjal dan di Kampung Hulu, di Padang Terap, maka TEMCO diperkenalkan kerana kawasannya tidak luas. Di Napoh kita TEMCO dalam radius 1 km dan kawasan tu ditandakan dengan jelas, 1 km bukan kawasan yang sangat besar termasuk di Binjal satu kampung saja ada berapa rumah boleh dilaksanakan TEMCO, di Kampung Hulu begitu juga tapi dalam Kluster Tawar, dia telah merebak daripada Pekan Tawar ke Kuala Muda ke tempat-tempat lain di seluruh Kedah. Jadi, TEMCO tidak dapat dilaksanakan tanda TEMCO ni 'Targeted Enhancement' tak boleh nak target lagi kerana dia telah merebak dengan begitu luas. Kita mengadakan perbincangan ni

hampir setiap minggu bagaimana untuk mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan.

Berkenaan dengan sekolah, sekolah memang kita ada cadang untuk penutupan tetapi penutupan sekolah terletak di bawah Kerajaan Persekutuan dan pengumuman itu mesti dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Namun begitu, ada sekolah yang budak pun tak mai, cikgu pun tak mai contohnya Sekolah Padang Meha dia tertutup dengan sendirinya, orang takutlah stigma kebimbangan.

Kebimbangan ini bagus, kerajaan tak teruk sangatlah nak nak suruh orang SOP sebab orang dah takut. Sekolah Sungai Karangan itu dapat perintah penutupan kelas daripada Pegawai Kesihatan Daerah termasuk sekolah di Kulim Hi-Tech, sekolah rendah yang juga mendapat perintah penutupan kelas bukan penutupan sekolah. Tindakan-tindakan yang segera ini perlu diambil untuk mengelakkan lebih banyak 'closed contact' pergi ke merata-rata tempat dan kita sedang berusaha untuk meyakinkan Kerajaan Persekutuan bahawa 'closed contact' yang dapat dikesan oleh Jabatan Kesihatan Negeri sedang berlegar-legar seperti yang disebutkan oleh Tokai tadi mereka sedang seolah-olah sedang pass batton macam acara lari berganti-ganti. Oleh yang demikian penting untuk kerajaan mengambil tindakan menyekat di hadapan sebelum mereka sempat memasingkan batton itu. Cadangan telah dikemukakan termasuk melanjutkan cuti sekolah minggu lepas ini kepada 14 hari termasuk itu syor yang kita kemukakan supaya dia jadi 14 hari tapi syor itu belum lagi mendapat pertimbangan saya fikir sehari dua lagi mungkin akan diberi pertimbangan tapi kita menghadapi masalah bila PKPP hanya diwartakan sehingga 31 Ogos. Kalau nak ditambahkan lagi PKPP ni mesti diwartakan sekali lagi untuk menambahkan jumlah menjadi 14 hari. Ini pertimbangan-pertimbangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk diambil oleh tindakan Kerajaan Persekutuan dan kita sangat berharap supaya Kerajaan Persekutuan meneliti kes di Kedah dan juga di beberapa negeri lain yang sedang dilanda wabak covid yang berselerak ini supaya kita dapat menanganinya secara berkesan. Saya ucap terima kasih kepada keperihatinan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada Pandemik Covid ini dan marilah kita berdoa supaya cabaran yang besar ini dapat dilepasi bersama-sama. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri. Soalan nombor 6. Silakan!

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

Tuan Speaker, pohon penjelasan soalan nombor 6.

6. YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS
[ADUN BAYU]

Pohon dinyatakan:-

a) Sejauh manakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri menangani masalah banjir di Baling melalui Rancangan Tebatan Banjir (RTB)?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang dicadangkan untuk disalurkan bagi tujuan di atas?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih Yang Berhormat Bayu Bismillahirrahmanirrahim. Yang saya hormati YB. Tuan Speaker dan Adun Bayu. Jawapan saya a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah telah merancang untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Fasa 2 dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Ulu bagi menangani masalah banjir di Daerah Baling.

Untuk jawapan (b) berapakah jumlah peruntukan yang dicadangkan? Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling telah diluluskan dibawah RMK-11 dengan kos sebanyak RM15 juta. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran juga telah memohon melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Fasa 2 dibawah RMK-12 dengan anggaran kos sebanyak RM55 juta. Disamping itu, JPS juga mengemukakan permohonan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Ulu kepada Kerajaan Negeri dengan anggaran kos sebanyak RM900 ribu.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan soalan tambahan?

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

YB. Speaker, jadi kita ucapakan terima kasihlah kalau kita nampak seperti yang diumumkan oleh YB. Exco peruntukan yang besar RM15 juta dalam RMK-11 dan RM55 juta dalam RMK-12. Jadi, persoalan saya boleh kat kita nak tahu angka yang banyak ni di tempat atau senarai tempat yang akan diberikan perhatian dan yang akan diberikan peruntukan sebanyak itu?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih di atas soalan tambahan YB. Bayu tadi. Untuk Rancangan Malaysia Ke-11 RM15 juta tersebut kita akan mulakan dengan pelantikan jurutera perunding untuk rekabentuk dan kemudiannya sejumlah tersebut juga akan diberikan untuk pengambilan tanah dan kemudiannya untuk kerja-kerja fizikal. Baling ni ada masalah besar kerana kawasannya agak besar.

Implikasi banjir pun juga agak besar tetapi untuk Rancangan Malaysia Ke-11, RM15 juta ini kita nak tumpukan kajian Lembangan Sungai Ketil tersebut. Kerja-kerja fizikal yang akan dibuat adalah di dalam Kawasan Utara Sungai Kupang supaya kita dapat tangani dulu masalah kawasan Sungai Kupang tersebut sebelum kita sambung kemudiannya dalam Rancangan Tebatan Banjir Fasa Kedua yang berjumlah RM55 juta. Nanti bila RM55 juta tersebut untuk Rancangan Malaysia Ke-12, kalau diluluskan Insya-Allah oleh JPS Persekutuan kita akan sambung dengan reka bentuk yang mengambil kira Sungai Ketil, Sungai Baling dan Sungai Limau keseluruhannya.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Tuan Speaker cuma saya nak tanya berkaitan Rancangan Tebatan Banjir juga kepada YB. Sungai Tiang bukan di Baling tetapi ada dua tempat iaitu di Dun Kubang Rotan, termasuk Anak Bukit tolong tanya sekali ya! YB. Speaker nak tanya Rancangan

Tebatan Banjir di peringkat di Dun Kubang Rotan dan Dun Anak Bukit itu nak tahu statusnya sekiranya YB. Sungai Tiang ada maklumat!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Saya bagi jawapan bertulis tu supaya tidak silap nanti takut bagi informasi silap nanti akan mengganggu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..Yaa! Satu lagi YB. Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Jadi, alhamdulillah saya tengok ada satu perancangan yang perlu diberikan keutamaan sebab banjir ni dia berkaitan secara langsung dengan sumber air. Banjir berkaitan secara langsung dengan sumber air dan kalau tengok pula kajian RTB atau pun Lembangan Sungai Ulu Muda itu, Sungai Ketil tu boleh membekalkan 1/3 lagi potensi air untuk Sungai Muda.

Jadi, saya minta supaya kerajaan berikan satu tumpuan khusus supaya benar-benar merancang RTB fasal 2 tadi yang RM55 juta tu bukan sekadar menyelesaikan masalah banjir di Baling sebab saya simpati dengan Baling kalau kawasan Bongok tu ada yang setahun sampai empat kali, sampai enam kali pun ada di Kawasan Bongok. Kalau kawasan Siong tu mungkinlah dalam tiga empat kali baik sikit daripada Bongok. Jadi, kita minta tolong supaya betul-betul berikan tumpuan, kajian ini benar-benar melaksanakan di kawasan Sungai Ketil ni untuk tujuan kedua-dua sekali bagi selesai masalah banjir dan juga selesai masalah takungan air yang sangat berpotensi di Sungai Ketil.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Kerajaan ambil maklum, YB. Speaker!

YB. TUAN SPEAKER

Sebab itu saya bagi tanya! Ok, kita sudah selesai dalam urusan Pertanyaan-Pertanyaan mulut. Silakan Tuan Setiausaha! [YB. Jitra mencelah]

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, tadi Tuan Speaker kata habis pukul 10.45 ka tadi?

YB. TUAN SPEAKER

10.40!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

10.40? Bukan 10.45 ka?

YB. TUAN SPEAKER

Dak, 10.40 pagi. Ini kita berhenti 10.42 pagi lari 2 minit.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pemilihan Ahli Dewan Negara Yang Dipilih Oleh Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya memaklumkan di sini bahawa Setiausaha Dewan Negara telah memohon secara bersurat kepada Istana Negara supaya memilih Ahli-Ahli Dewan Negara bagi mewakili Negeri Kedah ini mengikut surat daripada Istana Negara

bertarikh 12 Jun 2020 bersamaan 20 Syawal 1441H yang berbunyi seperti berikut:-

TAMAT TEMPOH PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI.

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa YB. Senator Dato' Ananthan A/L Somasundaram dan YB. Senator Dato' Hj. Mohd Suhaimi bin Abdullah yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah munurut perkara 41(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 14 Ogos 2020.Menurut Bahagian 1(2) dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dengan ini berkenan memberikan notis kepada KDYMM Baginda Sultan Kedah bahawa dua orang Ahli Dewan Negara hendaklah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera untuk mengisi kekosongan itu. Oleh yang demikian, dipohon kesudian tuan untuk menyembahkan kepada KDYMM Baginda Sultan Kedah berkenaan notis ini agar kekosongan yang berkenaan dapat diisi setelah dipertimbangkan dan dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Surat ini dikeluarkan oleh **Kolonel (B) Datuk Nazim Bin Mohd Alim** ,Setiausaha Sulit Kanan Kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI.

YB. TUAN SPEAKER

Dengan demikian hari ini saya minta cadangan daripada Tuan-Tuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya membuat cadangan bagi Pemilihan Ahli Dewan Negara untuk mengisi kekosongan-kekosongan tersebut saya mewakili rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang tercinta, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kedua-dua orang Ahli Dewan Negara di atas khidmat yang diberikan kepada Negeri Kedah Darul Aman selama tiga tahun. Dengan ini Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon mencadangkan bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya mencadangakan dan memilih **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** menjadi

Ahli Dewan Negara yang baharu untuk menggantikan tempat YB. Dato' Hj. Mohd Suhaimi bin Abdullah yang tamat tempoh perkhidmatannya pada **14 Ogos 2020** dan saya telahpun mendapat persetujuan dengan bersurat daripadanya bagi maksud tersebut.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya**. Dengan segala hormatnya dipersilakan **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

(YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya memperkenalkan diri kepada Dewan)

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Ustaz. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya mengesahkan bahawa mengikut kehendak Jadual Ketujuh Perlembagaan Malaysia, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** menjadi Ahli Dewan Negara mulai daripada **25 Ogos 2020.**

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi mengisi kekosongan yang berlaku disebabkan tamat tempoh perkhidmatan YB. Dato' Dr Anathan A/L Somasundaram sebagai Ahli Dewan Negara pada 14 Ogos 2020, saya pohon mendengar cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekelian.

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya mencadangkan dan memilih **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** menjadi Ahli Dewan Negara yang baharu untuk menggantikan tempat YB. Dato' Dr Anathan A/L Somasundaram yang tamat tempoh perkhidmatannya pada **14 Ogos 2020** dan saya telahpun mendapat persetujuan dengan bersurat daripadanya bagi maksud tersebut.

YB. DATO' SURAYA BT YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz.**

Dengan hormatnya dipersilakan **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

(YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz memperkenalkan diri kepada Dewan)

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya mengesahkan bahawa mengikut kehendak Jadual Ketujuh Perlembagaan Malaysia, Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** menjadi Ahli Dewan Negara mulai daripada **25 Ogos 2020.**

Bagi pihak Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas pemilihan **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** dan **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** sebagai Ahli Dewan Negara bagi Negeri Kedah Darul Aman **mulai 25 Ogos 2020**. Semoga mereka akan berada dalam keadaan sihat untuk terus berkhidmat bagi membangunkan Negara Malaysia dan Negeri Kedah Darul Aman tercinta ini. Dewan Yang Mulia ini dan seluruh rakyat negeri ini menaruh harapan yang tinggi kepada Yang Berhormat berdua.

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha Dewan!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Untuk memulakan Usul ini saya mempersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan Usul tersebut.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

> "Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mempersembahkan Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ucapan yang berbunyi:-
> "Patek-Patek sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam Persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas pada 16 April 2020". Sekian, terima Kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, saya mohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja dan tidak mengulangi perkara-perkara yang telah di sentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.
Saya mendapat daripada sebelah kiri saya 3 orang Ahli yang akan berucap dan saya akan beri di sebelah kanan saya 4 orang untuk berucap. 4 orang itu spesifiknya adalah 1 daripada UMNO dan 3 daripada PAS. Sebelah sini nak tambah 4 juga! Ok, dalam ni ada Alor Mengkudu, Gurun dan Jitra! Siapa nak tambah seorang lagi? Ok, Suka Menanti! Jadi, saya ini baik hati, bagi 4 – 4, walaupun minta 3 kita bagi 4, janji jangan keluar duit sahaja! Sebelah mana nak mula dulu? Ok, Alor Mengkudu dulu! Silakan YB. Alor Mengkudu.

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wabihi' Nasta'in Wa'ssolatu Wassala'muala Sai'dilmursalin Wa'ala A'lihi Wasohbihi' Aj'main. Salam Sejahtera. Auzubillahiminashaitanirrajiim……[YB. Speaker mencelah]

YB. TUAN SPEAKER

Minta maaf nah Alor Mengkudu, masa saya bagi dalam 10 minit!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Bagi ketua kita minta 20 minit, untuk Ketua Pembangkang!

YB. TUAN SPEAKER

15 minit na!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ok, baik!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, 15 minit untuk ketua!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

إِنَّآ أَنزَلۡنَا ٱلتَّوۡرَىٰةَ فِيهَا هُدٗى وَنُورٞۚ يَحۡكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسۡلَمُواْ لِلَّذِينَ هَادُواْ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلۡأَحۡبَارُ بِمَا ٱسۡتُحۡفِظُواْ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُواْ عَلَيۡهِ شُهَدَآءَۚ فَلَا تَخۡشَوُاْ ٱلنَّاسَ وَٱخۡشَوۡنِ وَلَا تَشۡتَرُواْ بِـَٔايَٰتِي ثَمَنٗا قَلِيلٗاۚ وَمَن لَّمۡ يَحۡكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلۡكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

Surah Al-Maidah Ayat 44

وَكَتَبۡنَا عَلَيۡهِمۡ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفۡسَ بِٱلنَّفۡسِ وَٱلۡعَيۡنَ بِٱلۡعَيۡنِ وَٱلۡأَنفَ بِٱلۡأَنفِ وَٱلۡأُذُنَ بِٱلۡأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلۡجُرُوحَ قِصَاصٞۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٞ لَّهُۥۚ وَمَن لَّمۡ يَحۡكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

Surah Al-Maidah Ayat 45

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ الْإِنجِيلِ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَا
أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Surah Al-Maidah Ayat 47

Selalu duk baca ayat ini! Dulu masa duk ceramah! Maksudnya ayat 44 ini siapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu kafir. Ayat yang kedua pula ialah siapa yang tidak menghukum apa yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu zalim, Ayat 45. Siapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu fasikh, Ayat 47. Nak hurai pi baca tafsir masing-masing.

YB. Tuan Speaker, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berucap membahas Usul Menjunjung Kasih kepada KDYMM di atas Titah Ucapan yang telah pun diedarkan dalam sesi Sidang Dun pada bulan April yang lepas dan YAB. Jeneri, Ahli-Ahli Exco, Ahli-Ahli Dewan, Pegawai-Pegawai Kerajaan yang hadir.
Pertama sebagai berlaku pertukaran kerajaan ini, nak ambil kesempatan nak tanya lah, bukan nak jawab la, kemudian pun tak pa! Kerajaan yang baru ambil alih ni nak boh nama kerajaan apa? Kerajaan Pakatan Nasional ka? Kerajaan Muafakat Nasional ka? Kerajaan apa di Negeri Kedah ini. Dia nampak warna –warni tu sangat! Macam-macam warna duk ada ni! Kalau tengok di peringkat nasional ini, dia tak tau nak jadi macam mana? Sat Muafakat Nasional, ada pihak parti Umno kata kami tak mau masuk Perikatan Nasional. Sebenarnya di Kedah ini kita nak panggil apa? Ada satu nama lah mudah untuk kita, dulu ada Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi, ini sebagai permulaanlah!

Satu perkara yang tidak pernah berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Kedah dan di peringkat Kerajaan Negeri Kedah adalah pertukaran kerajaan di pertengahan penggal. Dalam sejarah tak ada berlaku tetapi berlaku pertukaran kerajaan di awal penggal pada tahun 2008 itu permulaan apabila PKR, apabila Pakatan Rakyat yang diterajui oleh PAS ketika itu termasuk saya lah, telah pun mengambil alih kerajaan sama dengan sebelah sana juga lah, berlaku pertukaran kerajaan, di awal penggal! Itu satu pengalaman baru kepada kerajaan, kakitangan kerajaan di Negeri Kedah tetapi kali ini pertukaran kerajaan berlaku di pertengahan

penggal, bukan saja di sini diikuti dengan bukan saja kita mengikuti apa yang berlaku di peringkat pusat, berubah kerajaan di pertengahan penggal.

Kita sedia maklum semua orang yang rasional menyatakan ini bukan satu amalan yang bagus sebenarnya sebab satu tempoh 5 tahun ataupun dalam 4 tahun lebih, separuh penggal 2 tahun tak sempat pun nak buat dasar pun! Nak buat satu dasar ambil masa dekat 2 tahun jadi kerajaan bukan mudah untuk menguruskan kerajaan! Habis dua tahun baru duk buat dasar baru, kerajaan baru masuk, nak sesuaikan kakitangan kerajaan, nak sediakan blueprint.

Jadi, kalau berlaku perubahan seperti ini amalan ini berulangkali berlaku sebenarnya tidak cukup baik kepada mana-mana negara dan juga kepada negeri. Akhirnya, kerajaan baru yang masuk pula dah nak kena buat perancangan pula! Jadi, nak laksanakan bila? Bila nak laksanakan sebenarnya? Apabila sesuatu kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat, mula mengambil alih pada awal tahun ianya ada manifestonya sebab dia dah janji pada rakyat dan rakyat memilih atas manifesto janji tapi jika kerajaan yang separuh penggal yang ambil alih ni dengan dia punya campuran, lompat dan sebagainya sebenarnya dasar apa ini? Contoh macam Guar Cempedak atas dasar apa? Dasar apa yang sebenarnya nak jadi satu ….(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Boleh bagi laluan?

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Boleh bagi habis tajuk dulu, saya akan bagi! Selesai saya akan bagi, sebelum masuk tajuk lain saya akan bagi!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dak! Dak! Nak ambil yang tu lah!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Dak! Saya akan bagi selepas tajuk ini, saya akan bagi! Saya gentleman! Jadi, sekarang sebenarnya dia tidak begitu, demokrasi betul atas dasar demokrasi tetapi dari segi amalan

sebenarnya tak cukup baik tapi bagi pihak yang baru dapat kerajaan, baguslah sebab kami masuk kerajaan tapi sebenarnya 'overall' tak baik! Kita di Kedah bukan tukar kerajaan, tukar MB sudah habis empat kali dalam ingatan saya! Di pertengahan penggal! Itupun sudah mula terjejas sebelum daripada Kerajaan Pakatan Rakyat ambil alih pun sudah berlaku pertukaran MB di pertengahan penggal! Terjejas sebenarnya sebab-sebab politik! Lepas pada itu dah dua kali berlaku pertukaran! MB bertukar dah kena buat satu, itu pun dah terjejas inikan berlaku pertukaran kerajaan!

Jadi, saya sebenarnya nak mengajak sebelah sana supaya kita sama-sama bincang, pada ketika saya dalam kerajaan 2004, hampir jatuh kerajaan juga pertengahan penggal. Masuk-masuk kerajaan, adalah kumpulan yang nak beli wakil kerajaan itu. Dan dua sudah keluar pun! Tinggal nak dua lagi dah! Hampir-hampir kita nak jatuh pada ketika itu! [YB. Suka Menanti minta laluan]

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Alor Mengkudu, laluan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Baru nak mula!

YB. TUAN SPEAKER

Boleh tak kita bagi yang Sungai Limau dulu? Sebab dia minta dulu!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Alor Mengkudu! Terima kasih Speaker, tadi disebut amalan yang berlaku pertukaran-pertukaran di pertengahan jalan ni adalah satu senario yang kurang baik dan memang kita akui cuma dari sudut perubahan ini perlu apabila berlaku cukup majoriti dan sokongan kepada seseorang untuk nak jadi menteri besar, mendapat sokongan maka itulah amalan demokrasi yang berlaku dalam negara dan juga negeri kita. Yang Berhormat Alor Mengkudu juga menyebut tentang manifesto, kita tengok masa pemerintahan dulu pun disebut banyak kali….(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Saya ingat Speaker, minta tanya soalan kalau tidak masa saya habis!

YB. TUAN SPEAKER

Tak apa! Saya bagi 20 minitlah Alor Mengkudu!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bukan saya nak tanya Alor Mengkudu disebut manifesto kerajaan yang dulu tapi tak tunai manifesto pun. Jadi, kita harap kerajaan Insya-allah walaupun tanpa manifesto tetapi mampu untuk membawa aspirasi rakyat!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ya..silakan! Tak tanya soalan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Adakah Alor Mengkudu bersetuju dengan saya dalam kontak Negeri Kedah, kerajaan kita berubah apabila berlaku suatu pengkhianatan sebab kerajaan berjalan dengan baik, kerajaan yang diketuai oleh YB. Jitra tidak ada masalah apa-apa! Tetapi dengan tiba-tiba dia berubah disebabkan oleh hilang majoriti dan hilang majority ini adalah disebabkan oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri melompat ke sebelah sana yang menjadikan kerajaan hilang majority! Lompat ini adalah perbuatan yang disebut dalam titah Tuanku hendaklah beramanah jujur, bertanggungjawab dan lompat ini adalah sesuatu yang tidak beramanah dan ianya melakukan suatu pengkhianatan kepada mandat rakyat! Rakyat bagi mandat untuk lima tahun tetapi di tengah-tengah dia mengkhianati mandat rakyat dan kalau boleh saya sebutkan ini adalah kerajaan hari ini adalah kerajaan yang ditadbir urus oleh Menteri Besar yang tidak

dipilih oleh rakyat! Rakyat tidak memilih PAS untuk memerintah tapi disebabkan oleh pengkhianatan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri yang diolah oleh sudah tentu majoritinya PAS yang di belakangnya yang menggunakan 'tag line' durian luruh apabila sampai masanya! Mereka menggunakan kesempatan itu untuk mengkhianati dan hari ini adalah boleh kita sebut kerajaan yang mengkhianati mandat rakyat! Adakah YB. Alor Mengkudu bersetuju?

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Yaa..saya bersetuju! Saya nak teruskan uacpaan saya lah, kalau saya huraikan lagi, lagi panjang lah!

YB. TUAN SPEAKER

Ya..ya! Teruskan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Jadi, sekarang ni amalan itu sebenarnya tak bagus! Demokrasi ini ok, itu hukum demokrasi. Tapi sebenarnya kesan tak bagus! Kita boleh terima tapi kalau kita jadi kerajaan pun, 'very fragile' sebenarnya! Bukan kata kukuh! Sebab dia boleh lompat ramai! 'Anything can happen' (dengan izin) . Saya nak mengajak supaya bagi pihak kita kalau kita pernah duduk kerajaan pun, kalau duduk tak stabil nak memerintah pun tak boleh macam mana nak memerintah? Macam di peringkat Kerajaan Persekutuan sekarang ada berapa undi saja? 2 undi saja different! Macam mana dia nak duduk! Tak mari ja, usul itu akan ditolak! Saya nak mengajak untuk kita duduk bincang secara rasional tu sebelah sana mungkin boleh kita anjur supaya Adun-Adun kita duduk, kita bincang bagaimana amalan tukar kerajaan di tengah ini sukar dilakukan bukan tak boleh berlaku, sukar dilakukan dengan meminda Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dengan berapa keadaan, dia akan memberi keuntungan kepada sesiapa yang menjadi kerajaan supaya dia boleh menamatkan tugasnya sebagai kerajaan untuk penggal kecuali ada satu sebab tertentu yang cukup kuat, yang luar biasa sebagai contoh selama ini calon-calon yang bertanding adalah berasaskan individu dengan izin guna simbol dia boleh lompat parti tinggal sedangkan parti peranan penting untuk dia menang,dia pergi

bertanding sendiri dia tak boleh menang! Ada kemungkinan dipinda supaya yang bertanding parti bukan calon! Dia boleh pergi tapi parti punya kerusi kecuali parti itu nak pergi lain, parti sendiri nak berubah! Itu lain atau kemungkinan yang boleh difikirkan untuk kebaikan kedua-dua belah pihak bila kita jadi kerajaan sekiranya berlaku isu lompat keluar meninggalkan parti yang menyebabkan hilang majoriti maka mesti dipanggil Pilihan Raya Negeri! Tidak ada lagi pertukaran sebab mandat perlu dikembalikan kepada rakyat.

Itu cadangan dan contoh untuk kita bincang bersama adakah kemungkinan untuk kita pinda undang-undang tubuh dan sekarang ini di parlimen pun sudah mula ada perbincangan tanpa mengira latar belakang parti politik Umno pun ada sebut, dua tiga parti jadi ini kita nak lihat supaya jangan berlakulah keadaan yang tidak stabil! Dalam isu dalam isu seterusnya sebab masa suntuk saya…..(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Mohon saya celah sikit! Sat saja! Pendek sahaja!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ya..silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang Berhormat Alor Mengkudu, setuju ka tidak Yang Berhormat soal apa yang telah dicadangkan Yang Berhormat tadi sekiranya ada berlaku lagi lompatan sepatutnya kerusi itu mungkin dikosongkan untuk di pilih semula wakil rakyatnya. Dan perkara ini memang pun telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Jeneri apabila Yang Berhormat Guar Chempedak lompat daripada belah sini ke Pakatan Harapan ketika dulu. Saya ingat Sidang Dewan yang lepas perbahasan yang sangat panas berlaku apabila Guar Chempedak menyeberangi lantai orang kata, dan duduk di sebelah sana. Walhal dengan lompatan beliau ketika itu tidaklah menjatuhkan kerajaan malah cuma menambah majoriti kerajaan Pakatan Harapan ketika itu berbanding dengan kali ini. Dengan ada majoriti 10 itu kerajaan Pakatan Harapan tertumbang kepada kerajaan taktau lah Perikatan Nasional ka Muafakat Nasional!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Terima kasih kepada soalan itu ! Saya mengira itu salah satu daripada 'option'….

YB. TUAN SPEAKER

Alor Mengkudu, bunyi dari sana nu!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Jawab satu soalan dulu! Nanti sat! Sat lagi saya bagi!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Sambung! Sambung! Sama! Sama!

YB. TUAN SPEAKER

Kalau sama tak payah tanya!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Dak! Dak! Sambungan!

YB. TUAN SPEAKER

Ohh..sambung!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Speaker! Terima kasih YB. Alor Mengkudu, saya cuma nak tanya Yang Berhormat Alor Mengkudu setuju tak yang mana Yang Berhormat Alor Mengkudu pernah tukar pasti sekali dan Yang Berhormat Jitra pernah tukar parti tak tau berapa kali mungkin dua dan saya juga rasa tadi daripada YAB. Jeneri pun tak perlu……(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang Berhormat, saya dipecat daripada parti! Saya tidak meletak jawatan dalam parti!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YAB. Jeneri pun tak perlu untuk menjadi Yang Amat Berhormat daripada sokongan rakyat, tetapi untuk menjadi Yang Amat Berhormat perlu sokongan majoriti Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat sahaja! Setuju tak Yang Berhormat Alor Mengkudu!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Saya jawab yang ini dulu sebab itu dia sensitif sikit! Segera saya nak bagi perhatian! Pertama, macam YB. Jitra tadi dia kata dia dipecat bukan keluar parti! Saya sendiri juga diminta dikeluarkan daripada parti bukan kata saya keluar dari parti tetapi diminta supaya meninggalkan parti! (YB. Speaker mencelah).

YB. TUAN SPEAKER

Kalau boleh, kita fokus kepada Ucapan Menjunjung Kasih!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Jadi, sekarang apa yang saya nak sebut di sini adalah lebih kepada usaha untuk mencari jalan supaya sesuatu kerajaan itu lebih stabil dan kita pun tak naklah ulang macam itu Jeneri dia marah pasal lompat, saya tak berapa nak kata sangat tapi akhirnya duduk sebelah kan! Jadi, kita tak perlu terlalu ambil sikap ekstrem dalam masalah ini tapi kita mencari jalan bagaimana sesuatu kerajaan itu menjadi lebih stabil dan salah satu option yang dicadang saya setuju, kita boleh fikir bersama bahawa perlu ada satu antilompat, satu peruntukan kalau lompat mesti kerusi kosong mungkin boleh dipertimbangkan kalau dalam perbahasan untuk kita bincang sebab dia dah banyak perkara, mungkin dia akan tak boleh laksana dan sebagainya jadi kita akan tengok dari semua sudut!

Secara khusus mengenai membahas ucapan Titah Ucapan KDYMM Tuanku Sulan yang lepas yang mana diedarkan teks ucapan itu kepada kita oleh kerana Covid yang begitu memuncak

pada masa itu, pada masa 16 April menyebabkan kita mengadakan sidang Dewan untuk memenuhi keperluan dan KDYMM Tuanku Sultan tak dapatlah menyampaikan dan sekadar mengedar dan kita pada hari ini nak bahas dan saya melihat bahawa ucapan kepada KDYMM Tuanku Sultan adalah masih relevan tambah dalam isu yang disebutan mengenai Covid! Kita bahas banyak mengenai Covid. Hampir banyak muka surat yang saya baca hampir banyak dikaitkan dengan Covid sahaja betapa kesan yang begitu hebat Covid kepada negara dan juga kepada kehidupan kehidupan kita!

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu ada 2 minit lagi ni! 20 minit ini saya bagi bukan 15 minit!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

20 minit dah! Ok, bagi saya habis tajuk saja! Jadi, sekarang Covid terus bukan kata kita sedia maklum dah berkembang semula! Begitu rapuhnya ketahanan kita sekarang dalam serangan 'invisible enemy' (dengan izin) setengah kata musuh yang kita tak nampak ini. Begitu hebatnya, sebenarnya dah kembali dan kita lihat di dunia sekarang ini lebih kurang 24 juta yang kena jangkitan, 890 ribu yang mati dan ianya akan naik mungkin akan naik 1 juta atau akan naik lagi, Malaysia sahaja 9,274 jangkitan! 125 yang telah mati dan yang telah pulih sepenuhnya lebih daripada 8,000. Alhamdulillah di Malaysia. Jadi, sekarang dan ramalan WHO dan pakar-pakar penyakit berjangkit ini ada yang kata dia akan berlarutan sampai dua tahun lagi baru nak boleh selesai bayang tengok dua tahun akan terjejas seluruh dan ada yang mengatakan selama-lamanya akan ada kuman ini! Itu lagi berat. Ertinya, dalam keadaan muka nak kena tutup sepanjang masa, bolehkah kita nak duduk ni? Kerja terhad! Pelancongan tidak boleh! Negara terpaksa disekat! Ekonomi terjejas dengan keadaan yang baru.

Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri Kedah dan juga Kerajaan Malaysia perlu membuat perancangan dalam keadaan Covid akan terus berada makna kata isu nak fikir pasal pelancongan tak boleh diberi! Mesti cari cara alternatif! Itu cerita pelancongan sahaja tak kira benda lain! Bagaimana urusan-urusan antara negara tak boleh bergerak disebabkan barang makanan dan sebagainya! Jadi, itu saya harap kerajaan yang ada ni nak kena beri perhatian lah dah jadi kerajaan ni nak kena fikir ni! Kerajaan hilang! Pengangguran meningkat! Kedai tak boleh dibuka! Apa nak jadi dengan pengangguran ni? Kita bagi duit tapi dia masih perlu lagi, habis duit dia minta lagi, dia tak dia bekerja! Jadi, nak kena lihat bagaimana isu yang berkaitan

dengan hidup, live dan livelihood (dengan izin) hidup dan kehidupan! Kehidupan ini, hidup kita boleh sekat orang, kita boleh buat PKP pergerakan tetapi kehidupan ini masalah!

Jadi, ini nak kena tengok! Jadi, oleh kerana masa pun tak cukup banyak, saya nak ambil kesempatan sekali lagi penghargaan kepada 'frontliners' (petugas), ini kita tak boleh tinggal! Mereka ini memang mengorbankan hidup mereka! Di kalangan keluarga saya pun yang bekerja di hospital, ada yang dah mula kena jangkitan so mereka itu telah terlalu rapat dengan pesakit, mudah kena jangkitan jadi 'frontliners' ni bagi saya mereka membuat satu pengorbanan yang sangat besar terutamanya KKM, Polis, Rela, ATM pun terlibat, banyak pihak yang terlibat dan seluruh kakitangan kerajaan dan juga saya juga perlu memberi penghargaan juga kepada rakyat Malaysia! Rakyat Malaysia boleh dikatakan di antara rakyat yang patut, mesti kita terima hakikat ini berbanding dengan negara lain! Buat peraturan dia orang bangun demonstratsi seperti di Amerika!

Jadi, rakyat Malaysia ini patut kita kita juga turut beri penghargaan kerana memberi kerjasama dalam mematuhi, adalah sikit-sikit, cuma malangnya ni ada yang langgar tu, dendanya teruk kena! Sampai RM8,000 kena penjara! Tapi bila mai VIP ini, denda murah! Itu orang complaint! Ini satu amalan yang tak boleh, orantg atasan rendah tetapi orang biasa kena denda mahal dengan penjara dan sebagainya. Ini memang satu amalan yang..(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Sila landing! Sila landing!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ok tutup dah! Habis dah! Nak gulung dah! Saya nak landing dah dengan ucapan itu oleh kerana, terima kasih YB. Speaker saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung Kasih KDYMM Tuanku Sultan atas titah ucapan pada April yang lepas!

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih YB. Alor Mengkudu! Silakan sebelah kanan! Ya… YB. Sungai Limau dipersilakan! 10 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillahi Robbil' Alamin, Wabihi' Naasta'in, Wassola'tu Wassala'muala Rasulillah Wa'aala Alihi' Wasohbihi' Ajmain. Amma' Baq!

Qulillahumma Malikal Mulki Tu'til Mulka Man Tasyaa' Wa Tanzi'ul-Mulka Min Man Tasyaa' Wa Tu'izzu Man Tasyaa' Wa Tudzillu Man Tasyaa' , Biyadikal-Khairu, Innaka 'Ala Kulli Syain Qadiir, Sodakhallahul Azim.

Terima kasih kepada YB. Speaker, Yang Amat Berhormat dan seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan. Pertamanya, dalam membahas Usul Menjunjung Kasih kepada Ucapan KDYMM Tunku sultan yang telah diedarkan kepada kita pada pembukaan sidang yang lalu bulan April yang lalu dan selepas daripada bukaan sidang itu berlaku, peralihan kepimpinan negeri kepada Pakatan Harapan kepada kerajaan yang sedia ada memimpin pada hari ini! Dan kita merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh pegawai-pegawai kerajaan kerana peralihan kerajaan ini berlaku dengan penuh aman dan mematuhi peraturan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Jadi, terima kasih kita dahulukan kepada Yang Berhormat Datuk Paduka Setiausaha Kerajaan yang kelmarin sambut Ulang Tahun Kelahiran.

Jadi, kita ucap selamat hari lahir dan juga yang memimpin seluruh pegawai- pegawai kakitangan Kerajaan dalam memastikan peralihan yang berlaku ini dengan penuh tertib dan cermat dan juga aman! Kita juga merakamkan ucapan tahniah kepada YAB.Jeneri yang telah dipilih untuk mengetuai kerajaan ini dan alhamdulillah selepas diberikan mandat sebagai Menteri Besar beliau telah dalam tempoh yang dekat selepas 3 hari mampu untuk menubuhkan kerajaan dengan penubuhan pelantikan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri selepas dilantik menjadi menteri besar. Ini merupakan suatu kematangan, suatu kerjasama yang erat yang ada pada kami Ahli-Ahli Yang Berhormat walaupun disebut kita menjadi kerajaan di pertengahan penggal tetapi kemampuan untuk memimpin Kerajaan Negeri oleh YAB. Jeneri

dan juga barisan Exco kita yakin mampu untuk mensejahterakan rakyat dan membangunkan Negeri Kedah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, minta laluan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya..silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Sungai Limau, saya masih pergi kepada perkara yang sangat asas, saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Sungai Limau bahawa peralihan itu sangat tertib tapi tertib itu bermula dengan saya pergi kepada asas tadi, pengkhianatan daripada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, tanpa khianat ianya tidak berlaku, tanpa lompat! Khianat adalah khianat kepada mandat rakyat, khianat adalah khianat kepada parti, khianat adalah khianat kepada rakan-rakan. Jadi, ianya bermula dengan khianat ini maka sebab lompat tulah hasilnya. Laluan tertib sebab apa? Sebab kita tidak ingin untuk, kita juga menghormati sebab itu juga peraturan yang dibolehkan maknanya bila ada majority, ianya boleh tapi nak ada majoriti tu laluan itu adalah khianat! Khianat ini ayat Al-Quran saya ingat Sungai Limau lebih tahu menyebut banyak ayat-ayat tentang khianat, hadith-hadith yang saya sebut tentang khianat, itulah yang saya sebut asas kepada tertib ini bermula dengan pengkhianatan. Adakah YB. Sungai Limau bersetuju?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, sebut tadi lompat parti dan sebagainya, Pengkalan Kundor juga ada pengalaman, perkara itu tak pa, kita hanya sebut benda yang telah lalu…(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan! Pengalaman apa? Saya minta Sungai Limau sebut pengalaman apa?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Daripada parti keluar PAS kepada tu! Baik tak pa, saya nak sebut yang berlaku di kalangan PN ni bukan lompat dia sebagai suatu ikut arahan daripada pusat peralihan berlaku mungkin sebab tak puas hati apa yang berlaku di peringkat pusat menyebabkan satu rakan kami Muafakat Nasional menerima rakan baru daripada **B**ersatu dan ada sokongan daripada Adun-Adun yang lain. Ini merupakan kerajaan yang kita bina pada hari ini dan kalau kalau Pengkalan Kundor sebut mandat rakyat, keputusan pilihan raya itu 18 - PKR, PAS kita dapat 15, Barisan Nasional ada 3,!18 :18!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan YB. Speaker?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Maksudnya kerusi yang sama yang kita dapat pada lepas pilihan raya itu secaara kebetulan mungkin Jitra sebelum itu ada pengalaman menjadi Menteri Besar, jadi dipilih menjadi Menteri Besar.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan! YB. Speaker, saya nak bagitau sikit mengenai mandat rakyat. Nampak Sungai Limau keliru mandat rakyat pun dia tak paham!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Saya sebut tadi 18:18, Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya ambil contoh mandat rakyat sebab saya nampak Sungai Limau pun tak faham! Saya ambil contoh Lunas, rakyat Lunas memilih Lunas pada masa Pilihanraya, dia bagi mandat kepada Lunas disebabkan oleh Lunas berada di atas Parti A maka rakyat memberi mandat kepada dia dan pada masa itu kalau dia tidak berada pada parti itu maka belum tentu rakyat akan beri mandat kepada dia, dan inilah mengkhianati mandat yang diberikan kepada dia, rakyat memberi mandat kepada dia di atas parti tertentu, di atas platform tertentu tiba-tiba dia khianat itu maksud khianat rakyat yang saya maksudkan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Kita sebut tadi semasa selepas pilihanraya 18:18, sipi sangat berlaku cuma kebetulan Jitra dipilih untuk menjadi menteri besar pada waktu itu dan sebenarnya rakyat Negeri Kedah, rakyat Kedah kalau saya tengok keputusan pilihanraya yang dulu.

Jumlah undi yang diperolehi oleh PAS - 13,511 undi, jumlah undi yang diperolehi oleh Barisan Nasional - 280,754 dan jumlah undi yang diperolehi oleh Pakatan Harapan pada waktu tu atas logo PKR hanya memperolehi 343. Gabungan jumlah undi yang diperolehi oleh PAS campur dengan UMNO kalau kita ikut majoriti rakyat Kedah 595,865 rakyat Kedah sokong kepada PAS dan juga Barisan Nasional berbanding dengan Pakatan Harapan pada 345,000 sahaja!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Sungai Limau, saya minta laluan untuk sekali lagi saya nak sebut bahawa…..

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dah panjang, saya hanya diberi masa 10 minit!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sistem kita bukan dia kira seorang-seorang macam tu! Sistem yang ada dalam negara kita….

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik! Baik! Benda itu pun diakui tadi disebut oleh Alor Mengkudu, demokrasi kita patuh! Peralihan kuasa ini berlaku penuh aman mengikut demokrasi!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ya..Ya..!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, Pengkalan Kundor duduk dulu! Duduk sat!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Bagi saya laluan pula!

YB. TUAN SPEAKER

Nanti sat na! Nampak makin panas! Saya ini bermurah hati daripada 10 minit tambah jadi 15 minit pula untuk setiap adun. Kalau pencelahan itu celah pendek-pendek sudah lah! Silakan!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Pendek-pendek saja ya! Terima kasih YB. Speaker! Kalaulah Pengkalan Kundor dan sahabat-sahabat sebelah sana menyebut bahawa apa yang dilakukan oleh Guar Chempedak tu Adalah suatu pengkhianatan kenapa waktu PH berkuasa dulu boleh terima dia? Dan tak timbul pun mengenai pengkhianatan tapi bila mari zaman kami ini disebutkan pengkhianatan. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Speaker, saya masukkan ianya sebahagian daripada ucapan saya! Jadi, kita harap...

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Laluan! Laluan! Sungai Limau, Speaker, saya tidak berpeluang untuk berucap sekarang, saya tidak termasuk dalam 4 itu!

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa! Tak pa! Pengkalan Kundor, ohh tak dak dalam senarai no!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bagi saya last sekali! 5 daripada sini, last sekali tu saya!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, Pengkalan Kundor duduk dulu! Saya bagi nama last sekali nanti!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang ke-5, last sekali tu ok!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Pengkalan Kundor ni panas ni hari ini!

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik! YB. Speaker, jadi kita rakamkan ucapan tahniah kepada YAB. Jeneri dan seluruh Ahli Exco sepanjang tempoh tiga bulan ini telah mampu untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dalam mengetuai Kerajaan Negeri Kedah dan walaupun keadaan suasana covid ini tapi mampu dapat menangani dengan cara yang berhemah dan rakyat dapat disantuni dengan baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita juga merakamkan ucapan nak mengingatkan kepada kita semua, sebagai pemimpin yang telah pun dilantik oleh rakyat bahawa mandat ini, saya yakin sama ada pihak kerajaan and ataupun pihak pembangkang, semua kita berhasrat untuk memberikan pandangan, menjadi semak imbang kepada kerajaan yang sedia ada dan itulah yang telah kami laksanakan sebelum ni masa kita menjadi pembangkang, kita memberikan pandangan di samping kita bagi komentar supaya perkara-

perkara itu dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan cara yang lebih baik! Peringatan kepada diri saya dan kepada kita semua apabila kita diberikan amanah dan tanggungjawab ini sudah pasti amanah dan tanggungjawab ini merupakan perkara yang akan disoal oleh Allah swt. di hari akhirat tak kiralah semua samada yang jawatan politik kakitangan kerajaan dan sebagainya. Setiap tanggungjawab yang kita laksanakan ini akan dihisab oleh Allah swt. dan Allah swt. menyediakan kepada kita syurga apa kebaikan yang kita buat dan juga neraka bagi dosa yang kita lakukan dan kepada kepimpinan ini Nabi Saw.

Saya rasa saya pernah ulang berapa kali dalam Sidang Dewan ini dan peringatan daripada baginda Rasulullah saw. "*mamin walil la yaro'il yatan wahuwa qhoshu'lahum illa'harromallah hu'alaihil jannah'*
Siapa sahaja di kalangan kamu yang dipilih menjadi pemimpin, menjadi pemimpin kepada rakyat dan bila dia jadi pemimpin dia menipu, '*Qhushullahum' (*menipu) tak kiralah samada peringkat negeri atau pusat yang janji tak buat, sebut manifesto dan sebagainya menyalahi manifesto sebagainya '*Qhushullahum'* tipu rakyat *illa'harromallah hu'alaihil jannah'* Allah janjikan, nabi sebut kepada mereka ini, Allah haramkan kepada mereka syurga kerana nikmat yang paling agung di sisi Allah swt. Jadi, peringatan kepada kita semua untuk kita melaksanakan tanggungjawab kita dengan cara yang berhemah. Semasa menjadi kerajaan bahas dalam kerajaan ini, baru kali pertama pengalaman walaupun berada 2 penggal, penggal yang pertama dan penggal yang kedua, dua-dua penggal sebelum ni jadi pembangkang!

Jadi, perbahasan untuk kerajaan ini saya nak rangkumkan apa yang pernah juga dulu kita mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk dilaksanakan. Sebagai contoh cadangan-cadangan untuk kerajaan supaya dapat hasil baru bagi kerajaan! Kita pernah dulu mencadangkan supaya kerajaan menilai semula tuntutan kepada pihak Kerajaan Persekutuan., Hari ini Kerajaan Kedah, Kerajaan Persekutuan dengan satu bendera kita harap YAB. Menteri Besar dan pihak kerajaan untuk bersungguh-sungguh dalam kita menuntut, membuat tuntutan kepada Kerajaan Persekutuan atas pengorbanan Negeri Kedah mengekalkan tanah pertanian dibandingkan untuk kita majukan sebagai perindustrian yang nilai tanah dia hasil kerajaan dapat lebih tinggi dan juga kerana kita menjaga kedaulatan makanan negara dengan sawah padi yang terbentang luas, Kedah membekalkan hampir 40 peratus! Kita usahakan! Petani-petani kita usahakan kita mengekalkan kedaulatan negara ini dengan kita tak korbankan kepada pembangunan yang lain dan juga kita mengekalkan sumber hutan sebagai kawasan tadahan menyebabkan kita tak boleh nak bangunkan kawasan-

kawasan tersebut jadi pulangan kepada negeri amat minima! Jadi, kita harap kerajaan berusaha…(Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sungai Limau ada dua minit lagi nah!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Allahuakbar! Kerajaan berusaha untuk mendapatkan hasil baru ini dengan perbincangan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga bincangan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. S Sebelum ini kita pernah mencadangkan supaya kita mengenakan caj kepada air yang daripada Kedah yang digunakan oleh Negeri Pulau Pinang! Kita juga pernah mencadangkan supaya cukai dikutip daripada PLUS, PLUS yang mengutip hasil tol setiap hari tapi negeri tidak mendapat hasil daripada kutipan tersebut walaupun lebuh raya dibina dalam negeri kita. Caj kepada TNB tiang tiang elektrik yang dipasak di atas tanah kita! TNB dapat hasil tapi tidak ada pun satu caj yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mendapat hasil daripada TNB tersebut! Caj ruang udara bagi setiap billboard yang dipasang serta aktiviti cable car di Langkawi yang melalui ruang dan kawasan berbukit yang juga merupakan milik Kerajaan Negeri. Kami juga pernah membangkitkan tentang kerugian anak-anak syarikat Kerajaan Negeri semasa Pakatan Harapan memerintah dulu yang sepatutnya dia menjana keuntungan kepada pihak kerajaan dan juga dengan GLC yang untung dia dapat buat program kebajikan CSR untuk membantu rakyat! Saya mohon penjelasan pihak kerajaan untuk mengesahkan iaitu anak-anak syarikat yang kerugian ini supaya ia menjadi suatu garis sempadan perbincangan kita pada masa depan janganlah bila ada laporan selepas ini, pihak pembangkang sebut yang inilah Kerajaan Negeri sedangkan apa yang berlaku itu ditanggung daripada pengurusan yang telah lalu.

Jadi, kerajaan boleh untuk menyebut beberapa perkara yang asas supaya menjadi garis sempadan pemerintahan Pakatan Harapan terdahulu dan juga apa yang diusahakan oleh kerajaan hari ini supaya prestasi buruk yang lalu dapat kita perbaiki dan ia menjadi suatu perbandingan pada masa yang akan datang. Kita juga pernah mencadangkan supaya kerajaan mempelbagaikan hasil pertanian dan bantuan kepada rakyat dan contohnya bantuan kursus kewangan kepada peserta-peserta ataupun rakyat yang terlibat dengan pertanian ini! Saya juga mencadangkan supaya diadakan satu aplikasi yang memudahkan pendaftaran kita

daftarkan seluruh peniaga-peniaga di Negeri Kedah, para petani di Negeri Kedah dan bila mereka daftar, apa sahaja maklumat bantuan yang ada mereka hanya rujuk satu aplikasi tersebut! Semua orang boleh tau secara cepat daripada nak tahu melalui media, melalui TV, melalui radio tapi kalau kita dah senaraikan maklumat atau pun ada dalam satu aplikasi semua rujukan itu mempermudahkan rakyat untuk memperolehi bantuan dan sebagainya. Yang Berhormat Speaker…..(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Ingat nak kata Sekian terima kasih!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tak lengkap no perbahasan ini kalau saya tidak menyentuh tentang pendidikan yang Kedah ini merupakan imej ilmu ini sinonim dengan Negeri Kedah bahkan kita ada banyak pondok-pondok, kita juga ada banyak institusi-institusi pendidikan, Sekolah Agama Rakyat yang kemuncaknya di Kedah juga kita ada UNISHAM di peringkat tinggi. Jadi, kita mengharapkan Kerajaan Negeri mengadakan satu pelan supaya institusi pondok, sekolah-sekolah Agama Rakyat yang sebelum daripada ini mereka ini kita sebut ruang untuk sambung kepada peringkat yang lebih tinggi dapat kita selaraskan di peringkat negeri. Alhamdulillah ramai tok-tok guru di Negeri Kedah masih lagi ada dan kita harap untuk Tok Guru ini dimanfaatkan supaya ilmu mereka ini bukan hanya dimanfaatkan untuk anak-anak pondok tapi juga dimanfaatkan oleh seluruh Negeri Kedah. Mungkin boleh disiarkan ucapan-ucapan, pengajian-pengajian mereka secara langsung samada di radio ataupun media-media yang lain. Semoga ia dapat kita selaraskan di peringkat negeri.

Akhirnya, ucapan saya rakamkan ucapan tahniah dan terima kasih juga atas berlapang dada dan berbesar hatinya YAB. Menteri Besar dan juga barisan Exco apabila diumumkan bantuan 2000 pengurusan kepada pihak pembangkang yang kami sebelum ni pun tak dapat tapi diumumkan oleh Menteri Besar, bantuan pengurusan bulanan 2000 kepada pihak pembangkand dan juga bantuan projek kecil 70,000 yang juga dilaksanakan sebelum daripada ini dan kita harap ia bukan sahaja dapat kita menggunakan peruntukan yang ada bagi membantu rakyat tapi juga untuk mengendurkan suasana panas yang berlaku dalam dewan walaupun aircond yang amat sejuk ini.

Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya rasa setakat itu sebab YB. Speaker pun sebut hanya tinggal 2 minit dan saya yakin lebih daripada 2 minit dan moga-moga perbahasan waktu covid yang kita adakan secara singkat ini Insya-Allah selepas daripada ini kita boleh panjangkan lagi. Sekian, kita boleh menerima usul menjunjung kasih ucapan KDYMM Tuanku Sultan Kedah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Limau. Sekarang saya menjemput YB. Gurun. 15 minit!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Speaker. saya nak mula dengan ucap terima kasih kepada YB.Tuan Speaker kerana telah memberi peluang dan saya juga ingin menjunjung kasih di atas Titah Tuanku yang berlaku pada 16 April 2020 yang lalu.

Saya nak mulakan dengan mengambil apa yang telah pun dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi, bagaimana pengambilan kerajaan di separuh penggal ini akan membawa bencana kepada kerajaan bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi juga kalau berlaku di federal, begitu juga berlaku sebab itu di peringkat parlimen, IPU Parlimen Malaysia telah menubuhkan satu Kaukus yang dipengerusikan oleh Padang Rengas, Yang Berhormat Datuk Nazri Aziz yang saya menyertai kaukus itu termasuk dengan semua wakil-wakil parti berada, kita bincang untuk negara bukan untuk kita, untuk Negara! Untuk masa depan, rakyat negara ini termasuk Kedah dan negeri-negeru lain bagaimana kita melihat akan hancurnya negara kita kalau ini berlaku berterusan.

Sebagai contoh YB. Tuan Speaker, bayangkanlah kalau saya seorang seperti George Soros, yang ada ribuan billion dan saya boleh beli negeri kita! Saya boleh beli seorang wakil rakyat dengan mungkin RM20 hingga RM25 juta untuk lompat parti dan akhirnya seperti yang disebut oleh kawan-kawan oleh kerana majoriti sokong seseorang itu maka tertubuhlah kerajaan! Ini tak teruk kalau di Kedah bayangkan kalau apa yang berlaku di pusat 'billionaire' masuk dan kita tahu 'billionaire' di dunia ada dua sahaja iaitu di Amerika dan China, peperangan berlaku sekarang ini, 'trade war' dan ada orang daripada Amerika dan China yang datang bawa billion-billion, dia boleh set sebab itu di parlimen, hanya ada dua orang sahaja majoriti, dua orang

lompat habis jatuh kerajaan! Esok belah sini pula ada, tiga orang lompat jatuh pula kerajaan, bila kita nak stable? Sebab itu Kaukus ini akan membincangkan bagaimana kita harus ada satu undang-undang untuk menyekat orang-orang yang dipilih oleh rakyat melalui parti dia tidak 'cross over' dan jatuh kerajaan! Kita akan bacakan diantaranya ialah parti-parti sahaja yang bertanding dalam pilihanraya akan datang.

Parti list maknanya kawasan Sungai Petani saja tidak ditandingi oleh individu tetapi parti ini bertanding dengan 4,5 parti yang lain dan sudah tentu akan ada tiga empat orang yang senaraikan sebagai wakil parti ini contohnya Johari Abdul mewakili parti A di bawah Johari Abdul ada Ahmad di bawah Ahmad ada Kassim contoh Johari Abdul Ahmad dan Kassim maknanya kalau Johari Abdul 'cross' pun parti tak jatuh orang yang kedua naik, orang yang kedua 'cross' orang yang ketiga naik akhirnya akhirnya kerajaan tak jatuh sebab itu pelabur-pelabur datang, dia nak tengok kita bukan dia tengok wajah kita, dia nak tengok stabil atau tidak kerajaan itu! Sebab kalau bayangkan seorang itu bawa berbilion-bilion untuk dilaburkan di Negara kita, dia sangka parti inilah yang akan membawa wadah 'development' yang lebih kondusif, lebih 'reasonable' daripada segi 'tax structure' dan sebagainya! Tiba-tiba ada orang yang beli wakil-wakil rakyat dan akhirnya lompat dan tubuh satu kerajaan yang pemikirannya yang 'tax struture' berbeza yang pemikiran tidak 'finding' mungkin naturalize dia punya industri dan ini benda besar seabb itu saya yakin Insya-Allah kita akan perkenalkan perjumpaan-perjumpaan kita, kita beri masa dalam 4 hingga bersetuju maknanya jika dia tidak bersetuju dengan pandangan kita ini maka parti itu mempunyai pemikiran untuk rampas perjalanan kerajaan di separuh jalan! Jadi saya yakin Insya-Allah apabila kita bentangkan di parlimen, saya harap juga Dewan yang mulia ini akan mempertimbangkan supaya tidak berlakunya bukan untuk kita hari ini tetapi untuk generasi-generasi akan datang supaya negeri kita selamat!

YB. Tuan Speaker, Tuanku juga telah menyebut beberapa perkera tetapi saya nak masuk juga isu covid 19, pandemik yang luar biasa, bagaimana dunia telah berubah sebaik sahaja isu covid 19 berlaku bagaimana sistem dunia berubah tiba-tiba dalam masa 7, 8 bulan ini bagaimana 'whole world', norma-norma yang lama tidak lagi 'aplicable' tetapi telah berlakunya norma-norma baru yang luar biasa sebab itu saya melihat di samping kita dah bincang panjang bagaimana ianya telah melanda bukan saja negeri kita tapi seluruh dunia! Apakah masalah-masalah kita lalui itu semua kita nak bincang tapi yang saya nak tekan di sini dan juga nak minta kerajaan respon di 'aftermath' maknanya selepas habis yang berlaku ni apa yang akan berlaku pada negeri kita sebab itu Tuan Speaker, sementara ini sedang berlaku kita harus

melihat apa yang harus kita lakukan untuk menyelamatkan negeri kita. Kalau di parlimen semalam, hari ini dan esok kita sedang bincangkan pakej bagaimana untuk membantu rakyat Malaysia dengan memperkenalkan 45 billion untuk membantu rangsangkan balik ekonomi agar supaya ekonomi tidak lumpuh walaupun kita tak bersetuju di peringkat pembangkang 45, kita minta 90, kita kena double sebab 45 itu amat kecil kalau dibandingkan bagaimana Negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia, Filipina yang meletakkan kedudukan mereka ini lebih baik daripada yang yang kita letak sebab itu kita minta lebih dan kita bincang semalam, hari ini saya ingat akan dibuat undian untuk itu!

Baik, yang saya nak sebut di sini Tuan Speaker ialah harus ada keberanian kerajaan membantu rakyat di bawah dengan memastikan apa juga norma-norma dahulu kita batalkan atau kendurkan sebagai contohnya saya nak bagi kalau dahulu ada anak muda nak meniaga di PBTt dia punya kerenah ni tuhan sajalah mengetahui, nak meniaga kat tempat saya di Gurun, nak meniaga goreng pisang di depan satu tempat tak sampai 7 hari, majlis datang ambil pisang dia, ambil minyak dia, ambil semua dan akhirnya orang miskin yang di Gurun ini yang nak bela anak bini dia, modal RM350 bukan sahaja pisang dia diangkut, semua diangkut norma ini kena tukar 'because' rakyat susah sekarang! Sebab tu saya minta kerjaan yang ada menasihati Exco yang ada, menasihati pegawai-pegawai kerajaan yang ada supaya bersimpati dengan rakyat! Ya…betul kita ada undang-undang, betul kita ada SOP tetapi itu SOP yang dipakai dalam keadaan normal tapi sekarang bukan dalam keadaan normal sebab itu saya minta, saya minta sungguh-sungguh supaya kendurkan malah PBT-PBT harus mencari jalan bagaimana untuk menolong mereka ini? Betul! Sesaklah, Jam lah, kotorlah, baik soalnya orang nak makan tak ada duit sekarang! Kamu nak kira kotor sesak, ataupun rakyat kelaparan? Harus ada! Nanti sat! Saya tengah deras ni! Sat! Sat! Sebab itu saya mintalah supaya PBT-PBT melihat balik SOP ini dengan niat supaya membantu rakyat dibawah khususnya anak muda!

Yang keduanya, mereka-mereka yang keluar dari university, sekolah sekarang beribu yang balik dua tiga hari yang lepas, ada sekumpulan anak-anak muda dari Indonesia balik jumpa saya, "Dato' kami nak meniaga tapi PBT tanya macam-macam, kami tak ada dui, tak ada itu, tak ada ini! Susah! Jadi, saya minta supaya harus ada cara baru untuk membantu mereka! Ya..silakan Sungai Limau! (YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Gurun! Rungutan yang disebut oleh Gurun itu saya rasa kami pun dah bangkit dah dulu tentang nak memudahkan orang meniaga! Jadi, sepanjang perjalanan walaupun tempoh covid ini, kita nampak perjalanan rakyat boleh meniaga tu okey bila kerajaan dah umumkan beberapa PKP, PKPP dan sebagainya cuma yang Gurun sebut itu mungkin yang kerajaan dulu kut!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Saya tak mau main politik di sini! Saya nak cakap benda yang betul! Tak payah politiklah, politik kita main kat luar! Ini adalah realiti! Kerajaan baru, kerajaan lama, kenapa tak buat itu tak payah lah, 'that's something to me a bit small', terlalu kecil untuk kita bincang dalam Dewan. Kita bincang benda yang besar!

Baik, isu yang kedua ……(YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Yang Berhormat Gurun, boleh saya sambung sikit?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya..silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya nak bangkitkan isu tentang nelayan ya! Nelayan di Kuala Sanglang! Kuala Sanglang, Kedah tidak terlibat dengan TEMCO tapi apa kerajaan buat sekarang? YB. Gurun, setuju atau tidak, kerajaan kena bantu nelayan contohnya nelayan di Kuala Sanglang, mereka menghadapi masalah, peraih, pemborong tak mai beli sedangkan kawasan itu bukan kawasan TEMCO!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ok, saya harap sat lagi kerajaan tolong jawab lah! Saya pun tak dak jawapan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit laluan YB. Gurun! Adakah Gurun bersetuju dalam usaha untuk kita menolong rakyat, kita kena ada satu mindset baru, mindset baru ini bermula daripada ahli-ahli politik yang membuat dasar, turun kepada pegawai kerajaan yang melaksanakan itu mindset untuk memastikan bahawa kehidupan rakyat dalam norma baru ini dapat dipastikan dapat hidup dan dapat lebih baik daripada apa yang ada sekarang!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

saya setuju dengan dua-dua sahabat saya bahawa kita harus ada mindset baru macam soalan selalu American atau Europian akan tanya, dia jumpa kita "Sir, what can i do for you"? Kalau kita sebagai pegawai kerajaan, kita ada pelanggan soalan pertama orang bertanya "what can i do for you"? Itulah harus ada pemikiran baru sekarang? Apa yang boleh saya bantu anda? Dalam keadaan sekarang ini bagaimana saya boleh bantu anda? Kalau harus ada abc caranya boleh tak kita keluarkan 'mainover' supaya isu-isu yang kita rasa boleh tolong, tolong dia dimana tolong itu menjadi keutamaan kepada ini tak boleh lah! Itu tak boleh lah! Dia cari alasan tak boleh daripada boleh. Jadi, saya minta sangat, saya tahu kawan-kawan saya yang menjadi kerajaan sekarang ini, sudah lama menjadi pembangkang dan merasai apa yang telah dilalui! Saya pun tak nak kata kami hebat sangat dulu pun, ada masalah-masalah kita tetapi Janganlah kita…..(YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Minta laluan! Minta laluan!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, ada celahan daripada Bandar Baharu!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya..silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YB. Speaker, terima kasih YB. Gurun! YB. Gurun tahu tak bahawa semasa PKP ini, PBT tlah mengeluarkan arahan tadbir urus yang mana mengeluarkan permit kepada 'runner-runner' (dengan izin) iaitu permit menghantar makanan untuk membantu penjaja-penjaja dan juga membuka pasar malam-pasar malam mengikut SOP yang telah dipersetujui!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya..saya sedar sebab saya tahu apa yang sedang berlaku. Yang saya nak sebut di sini ialah kita permudahkan! Isunya ialah permudahkan sebab tu saya kata kita ada kawasan-kawasan PBT yang banyak yang PBT sendiri harus mencari jalan bagaimana membantu mereka tanpa dipinta! PBT mungkin mempunyai kawasan-kawasan yang luas yang tidak digunakan sekarang inilah waktunya untuk PBT buka untuk menjemput mereka semua meniaga dan meniaga dengan memberikan segala bentuk bantuan supaya tidak menyusahkan! Harus ingat dengan keadaannya sekarang ni Tuan Speaker, ada orang bunuh diri dah jadi oleh kerana itu kita kena anggap Mawar Tak Mungkin kau ni bunuh diri dah! Jadi, oleh kerana itu kita kena anggap bahawa tak mungkin kawan ini bunuh diri kalau sekiranya tak sampai level yang cukup susah. Jadi, kita tahu, kita ada kuasa, kita ada kedudukan! Yang saya nak sebut ni hendaklah membantu mereka!

Isu yang kedua saya nak bangunkan ialah tentang bagaimana kita bernasib baik duduk di Kedah ni sebab kita ialah negeri pertanian! Tiba-tiba dengan pandemik ini, negeri pertanianlah yang paling bernasib baik, tiba-tiba sebab kita ada makanan! Bayangkanlah kalau kita bukan negeri pertanian bayangkanlah apa yang akan berlaku sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan untuk memberikan enhancement untuk melonjakkan kedudukan kita bukan sahaja sebagai negeri pertanian tetapi negeri pertanian yang hebat sebagai contoh kalau kita boleh bagi contoh Taiwan sebagai negara yang paling, Taiwan besar Pahang sahaja! Bukan besar pun tetapi setiap inci tanah, tanah di Taiwan tu digunakan! Saya nak sebut ini, Guar Chempedak senyum! Pasal apa saya kata sebab Guar Chepedak biasa jadi 'Embassador' di Taiwan sebab itu dia tahu bagaimana setiap inci tanah di Taiwan untuk digunakan untuk pertanian dan kita mempunyai tanah yang luas tapi kadang-kadang tadbir urus kita tentang tanah ini.

Saya bagi contoh di kawasan saya di Gurun, hutan berdehau tanah 'federal' bila PPK nak minta tanam jagung, kerajaan federal kata kena bayar sekian-sekian! Hutan berdehau dah berpuluh tahun dah tak buat apa tapi bila mai rakyat nak tanam bukan tanam tanaman ini, nak tanam tanaman kontan seperti jagung dan biasalah, depa hantar surat minta bayar dari jumlah yang luar biasa jumlahnya! Ini masalah yang kita ada sebab tu saya rasa harus ada pemikiran baru di mana harus kita perkemaskan kedudu kan kita sebagai jelapang padi tetapi juga tanah-tanah kita yang ada harus kita gunakan untuk kedudukan kita sebagai negeri pertanian.
Akhirnya, yang menyelamatkan manusia dengan pandemic covid 19 ini ialah makanan jadi sebab itu negara-negara yang menghasilkan makanan akan duduk dalam keadaan yang lebih baik daripada negara-negara industri.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, ada dua minit lagi!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Baik, akhir sekali ialah alam sekitar! Pokok nak tumbuh berpuluh tahun tetapi kita nak tebang 20 minit! Kita tebang pokok, kita hancurkan alam sekitar, kita nak bangunkan balik alam sekitar ini suatu yang luar biasa la sebab itu bila saya baca 'statement 'yang dikeluarkan oleh Presiden Donald Trump yang dia keluar daripada Perjanjian Paris di dalam alam sekitar ini, saya rasa manusia yang sepatutnya 'educated' inilah yang akan menjaga alam sekitar tetapi dia boleh keluar daripada 'Paris Agreement' maknanya bagi dia alam sekitar tidak penting tetapi kita tak mahu jadi orang seperti ini.

Sebab itu saya mencadangkan Tuanku sebut dalam hal alam sekitar ini dibuka 6 bagaimana kita harus 'sustained' bukan saja 'sustained' tapi 'enhanced' jaga alam sekitar dengan baik termasuklah bukan saya tidak menebang pokok-pokok tapi memperbanyakkan pokok-pokok yang ditanam, menjaga sungai-sungai kita, menjaga hasil mahsul kita kerana ini adalah amanah yang mesti kita berikan kita 'pass the baton' kepada generasi akan datang. Saya mintalah supaya hasil-hasil kerajaan ini haruslah di fikir jauh daripada pemikiran untuk merosakkan alam sekitar sebab once rosakkan alam sekitar ini untuk kembalikan seperti sediakala ianya akan memakan masa yang cukup panjang! Dengan itu, saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Tuanku dan saya menyokong! Terima kasih! Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Gurun! Sekarang saya persilakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Bismillahiirahmanirahim! Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera YB. Speaker, YAB. Jeneri, sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai Tadbir Negeri dan Persekutuan serta Sidang Dewan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah terima kasih kerana saya dapat mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah!

Titah Ucapan Semasa Kerajaan Pakatan Harapan,
Bahas Usul Kerajaan Perikatan Nasional Pula,
Kedah Sejahtera Nikmat Kemuafakatan,
Kedah Terus Maju Rakyat Pasti Terbela.

Insya-Allah! Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri, semua barisan-barisan Exco dan sahabat-sahabat Yang Berhormat sekalian dalam kejayaan kita membentuk satu Kerajaan Baru, Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua! Tahniah juga kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Timbalan Speaker serta Yang Berhormat Senator yang telah dilantik tadi!

Dalam titah ucapan Tuanku Sultan kita tengok banyak yang diceritakan berkenaan dengan kekalutan dan juga ancaman Covid 19. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua ;frontliners' yang telah bersama-sama mengurus pandemik covid 19 di Negeri Kedah ini dan kita juga terdedah kepada satu norma yang baru seperti kita hari ini kita terpaksa memakai 'mask' muka, kalau YB. Salim kata dia takkan jadi masmuki sebab memang mask muka guna untuk tutup muka. Jadi hampir 167 hari kita dalam masa PKP ini yang akan berlanjutan sehingga 31 Ogos dan kita tak tahu lagi lepas ni macam mana pengumumannya dan banyak jugalah dalam kehijauan Kedah, kita ni agak terencat dalam zon

hijau, terencat dengan mutasi-mutasi yang baru dan semoga ini akan dijauhkan lagilah daripada Kedah dan contacts bila kita diserang wabak ini patutnya kita terancam tetapi ada peluang-peluang yang kita boleh ambil daripada pandemik covid 19 ini contohnya dalam kemakmuran dan juga kaedah penghebatan ekonomi digital dan dalam Wawasan kemakmuran bersama juga Kedah nampaknya banak tertinggal bila diumumkan pada tahun 2019 kepada kerajaan yang dulu berkenaan dengan penggunaan ekonomi digital ini! Kita tahu ekonomi digital ini memang dalam masa PKP kita duk cakap kalau kita, contoh saya bagi dekat Bandar Baharu tu Pak Long Saidin, dia nak order apa makan tengah hari, dia tua dah dua dua orang, tapi tak boleh, dia takut nak pergi market dia order COD saja! Ini adalah antara ekonomi digital yang telah diwujudkan dan telah orang kata hebat diguna semasa pandemik covid 19 ini dan juga Mak Long Maria dulu dia berniaga di gerai Majlis Daerah Bandar Baharu lepas itu bila tak boleh buka kedai masa PKP ni dia jadi 'runner'sampai KFC pun dia tolong tapau dia pi hantar dekat kampong-kampung! Ini ada salah satu penggunaan, dia guna Facebook ekonomi digital ini, dia guna WhatsApp dan dia guna banyak-banyak cara iaitu Instagram untuk mendapatkan pendapatan semasa pandemic ovid 19! Ini baru di Bandar Baharu, waima di Kuah pun sampailah keseluruhan apa Jeneri, Sik, Kuala Nerang dan sebagainya, kita guna ekonomi digital ini dan kita tengok dalam Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah dibuat pada 2019 kerajaan dahulu, banyak yang Kedah tertinggal dalam K-Economic Growth Activities, K-GA ini, kita hanya di 'zoom' kan sebagai ekonomi sempadan dan logistic, ekonomi pelancongan, tak ada langsung kita dalam ekonomi digital ini dan nampaknya peluang ini telah dilepaskan oleh kerajaan yang terdahulu, yang mana pertanian nilai tinggi pun kita tak dapat dibahagi kepada negeri lain! Tenaga Bio baru pun diberi kepada Perlis, Hub Industri 4.0 pun diberi kepada negeri-negeri lain dan ini perlu diambil balik oleh Kerajaan Negeri yang sekarang ini untuk Kedah lebih hebat dalam ekonomi digital dan tak lupa juga untuk kita perhebatkan dalam infrastruktur-infrastruktur ICT yang mana kita tahu kita tak boleh lagi ketinggalan.

Dalam makmal infrastruktur digital negara contohnya jangan bagi kita tertinggal lagi Kedah ini yang mana kita tak akan dapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam kita menaiktaraf dan memperhebatkan infrastruktur ICT untuk kita menjayakan ekonomi digital ini. Kita juga tengok dalam Titah Tuanku Sultan mengatakan bahawa ekonomi digital daripada 'bottom up' maksudnya daripada bawah! Kalau kata Maksu Rina yang jual pasembur, jual mi goreng di tepi jalan tu dia sebenarnya apa peranan dan apa yang dia boleh dapat daripada ekonomi digital ini? Jadi, bottom-up daripada bawah, daripada rakyat, kita tengok setiap daerah perlulah menyatakan apakah kehendak dan keperluan untuk kita sama-sama bantu dalam ekonomi digital ini. Dan saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada

bahagian ICT Negeri kerana telah menaiktaraf Kedah Net kita! Setiap daerah, setiap Pejabat Daerah telah diberi dedicated (dengan izin) dedicated jalur lebar sebanyak 20 bandwith dan juga dedicated kepada Wisma! (YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Bandar Baharu, minta laluan!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, Pengkalan Kundor bangun!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Ya..silakan Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta sedikit pandangan daripada Bandar Baharu, saya sangat bersetuju dengan pandangan Bandar Baharu bahawa berkembangnya ekonomi digital sekarang ini kesan daripada covid, maknanya ini adalah salah satu daripada norma baru tapi akhirnya rakyat yang menggunakan produk ekonomi digital ini, kos yang terpaksa ditanggung contoh kalau dia makan kat kedai mungkin RM4, tapi dia beli dengan menggunakan 'runner' tadi dia akan naik RM6 ataupun seumpamanya! Jadi, bagaimana pandangan Bandar Baharu untuk mengatasi perkara-perkara yang saya sebutkan ini.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, saya ingat nanti boleh kerajaan sambung untuk menjawab itu dan saya nak sambung perbahasan saya berkenaan dengan ekonomi digital lagi iaitu kita tahu akan mai lagi satu iaitu GIG Ekonomi. GIG Ekonomi ini akan mewujudkan giga-giga ini (dengan izin) yang mana satu trend pendigitalan kerja menerusi kegiatan 'sharing economy' ini (dengan izin) melalui platform contohnya grab food panda dan sebagainya. Jadi, adakah kita bersedia di dalam Negeri Kedah ini untuk kita sama-sama menjayakan ekonomi

digital dan kita pun tengok banyak GIG Ekonomi yang bercirikan kontrak jangka pendek yang mana kita tahu banyak yang hilang pekerjaan semasa PKP, yang mana perlu membuat satu evolusi dalam cara hidup depa, cara nak pergi beli barang, kena takut nak pergi market, kena pergi guna runner dan sampai laki sendiri pun kita nak bagi senarai barang pun bila kata umum, umum saja ketua isi rumah saja yang boleh keluar pergi beli barang ampai kita suruh beli sabun basuh pun jadi bawa balik sabun lantai! YB. Speaker, jadi ini kita perlu evolusi yang mana akan ada satu GIG Economy ini yang mana orang dah tak boleh kerja, yang itu tadi suami sayalah yang saya cerita tadi tu, YB. Sungai Tiang kan! Jadi, dia akan ada satu GIG Economy yang mana kita kerja secara bebas dan individu! Maksudnya dah kena buang, dah tak ada pekerjaan! Jadi, kita masuk dalam GIG Economy. Jadi, kita kena tengok kerajaan untuk bersama-sama dalam kita memperhebatkan ekonomi digital untuk ekonomi Kedah ini.

Yang keduanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pelaburan yang mana kita tahu memang ada perencatan pelaburanlah di dalam Negeri Kedah ini yang mana daripada bulan 3, kita tengok tak ada lagi diumumkan, berapa pelaburan di Kedah tetapi saya difahamkan pada kuota, pada suku pertama pelaburan Kedah telah mencapai RM1.5 billion di Kedah dan harap akan ada lagi semasa pandemic covid 19 ini, tindakan-tindakan Pelan Tindakan Ekonomi dan insentif tambahan kepada pelabur-pelabur yang nak mai ini! Contohnya, kalau kita bolehlah bincang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, kalau kita tahu ada plan jana semula ekonomi Negara, penjana kan apalah salahnya kalau kita Kedah ni mohon kepada Kerajaan Persekutuan ini, satu rangsangan pakej ekonomi untuk pelabur saja tapi industr-industri yang khas ini maksudnya kita ada Kulim Hi-Tech Park, kita mempunyai penggiat-penggiat industri yang khas dan bila pelabur-pelabur ni nak mai bukan saja depa takut, kalau tak stabil kerajaan, tadi ramai Pengkalan Kundor pun kata, Alor Mengkudu pun kata, YB. Jitra pun kata, kerajaan tak stabil 'moral of the story' kerajaan tak stabil ni YB. Speaker (dengan izin) baiklah kita jadi orang yang setia dalam parti! UMNO kami tinggal dua ketul saja, Sungai Tiang dan Bandar Baharu, jadi setia lama-lama tengok jadi kerajaan balik kan! Setia!

Jadi, pelaburan ni saya nak cadangkan supaya mungkin Kerajaan Negeri Kedah boleh berbincang mencadangkan satu perangsang nama maksud mungkin satu pakej rangsangan pelaburan khas daripada Kedah boleh diguna pakai pada negeri-negeri lain, kita panggil kat situ perangsang ke apa ka, supaya dalam 4 line, pelabur-pelabur ni yang invest Kedah, yang Kulim Technology Park Corporation duk usaha ni jadi bila kita boleh umumkan sambutan pakej perangsang ini, kita bolehlah menggiatkan dan merancakkan kedatangan pelabur kita!

Contohnya KXP ni Kulim International Airport yang mana kita memang nak sangat KXP ni sebab kita tahu kat KXP ni dia akan memperkasakan sosio-ekonomi rakyat Negeri Kedah dan juga seluruh Wilayah Utara ni!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, ada 3 minit lagi!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Baik! Terima kasih YB. Tuan Speaker! Kita tahu juga baru-baru ni dalam Majlis Fizikal Negara MPSN yang mana kita tahu KXP tak dapat dibentangkan tetapi kita dah tahu juga bahawa pembangunan HUB SLAM ataupun Hub Sidam Logistics Aerospace And Manufacturing ini dah lulus RM300 juta Kerajaan Persekutuan bagi untuk SLAM dan kita tahu juga dah dapat RM1.7 billion yang telah diumumkan oleh Menteri melalui NCIA 'Northern Corridor Highway' ni pun dah dapat! Macam mana komponen-komponen yang kecil ini, kalau disepadukan menjadi satu komponen yang besar, KXP tak dibentangkan iaitu kita telah mencadangkan satu, orang kata punca ekonomi, punca kegiatan pelaburan yang hebat di Negeri Kedah yang akan menukar paksi ekonomi dalaman Kedah dan seluruh Wilayah Utara ini iaitu Kedah Aerotropolis kalau orang Bandar Baharu sebut Bandar Metro Udara! Kalau orang Jeneri dia sebut Bandar Kapal Terbang dengan cara mudahlah, nak faham Kedah Aerotropolis tu.

Jadi, kita memohon supaya Kedah Aerotropolis ini terus disokong oleh semua kerajaan atau pembangkang, kita tahu kita dah usaha ini daripada zaman YB. Jitra pun, sama-sama sepadu ingin meneruskan Kedah Aerotropolis ini dan kita berharap 'pilot' kita ini YAB. Jeneri sebagai pilot kita yang baru ini akan terus 'preseverance' dan 'persistent' (dengan izin) iaitu lebih gigih, lebih cekal, lebih konsisten dan fokus untuk kita betul-betul' take off' (dengan izin) dan 'landing' di landasan KXP yang betul dan juga selamat nanti!

Jadi, saya juga ingin memohon dan menyatakan di sini bahawa dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 juga telah menyatakan di situ bahawa berkenaan dengan Aeroangkasa Industry dipersetujui dan ditulis secara sah berkenaan dengan Kedah akan mengunggului industri aeroangkasa ini, jadi tidaklah boleh diperkotak-katikkan atau dipersoalkan bahawa kita akan terus dapat dan jayakan Kedah Aerotropolis ini kerana ianya akan menjadi satu 'catalyst' atau satu 'game changer' (dengan izin) menjadi pemangkin kepada prospek ekonomi Negeri

Kedah ini dan sinerginya haruslah kita bersama-sama dan saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri yang betul-betul telah orang kata mencapai sepakat bersama dengan pihak Kementerian Pengangkutan, baru-baru ini yang telah bersetuju dengan cadangan kita bahawa satu 'task force' khas dibuat antara KXP dan juga Kerajaan Negeri dengan MOT supaya kita betul-betul bersedia dan mendapat kejayaan dalam MPSN yang akan datang.

Jadi, YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kata pantun lama :

Negeri Kedah Negeri Bertuah,
Aman Sejahtera Untuk Semua,
Bangun Bersama Cabaran Diredah,
Rukun Harmoni Rakyat Bahagia.

Sekian, sahaja perbahasan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Wabarakatuh. Terima kasih.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu! YB. Bandar Baharu mengambil masa 18 minit dalam ucapan beliau. Tahniah diucapkan kerana mematuhi masa yang ditetapkan! Seterusnya saya persilakan YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. YB. Tuan Timbalan Speaker, Jitra juga turut membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sewaktu pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 pada 16 April 2020 yang lepas.

Permulaannya ialah mengenai Covid. Sepertimana yang kita semua sedia maklum rakyat sangat merana dengan kekangan-kekangan yang terpaksa mereka tanggung kerana ekonomi yang tidak bertumbuh dan sumber pendapatan yang agak terjejas. Ini menjadi norma-norma

baru yang sangat mencabar namun ada juga peluang-peluang yang boleh diambil kesempatan.

Antara lain, saya lihat bahawa ada bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri khususnya untuk industri kecil dan sederhana. Persoalannya ialah ada berapa banyak ataupun berapa ramai Usahawan-Usahawan IKS yang telah mendapat manfaat daripada bantuan-bantuan ini? Adakah ianya semua sampai kepada sasaran kerana masih ramai lagi yang saya dengar tidak mendapat manfaat daripada bantuan yang telah diumumkan walaupun mereka rasakan bahawa mereka layak untuk menerima. Saya fikir ini perlu diberi perhatian kerana kita tahu bahawa IKS memainkan peranan yang sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi suatu negara termasuklah Negeri Kedah ini dan sekiranya sumber pendapatan mereka terjejas, maka terjejas jugalah ekonomi negeri.

Yang keduanya ialah soal kewangan. Sepertimana yang kita semua sedia ingat di Sidang Dewan yang lepas, ketika saya duduk di sebelah sana, ada beberapa Adun-Adun Pembangkang ketika itu yang telah mencadangkan kepada saya, selaku Menteri Besar untuk memujuk Perdana Menteri iaitu ayahanda saya sendiri memberi duit kepada Kedah.

Setelah saya kemukakan permintaan secara rasmi kepada Perdana Menteri ketika itu Alhamdulillah, Tun Mahathir bersama dengan Menteri Kewangan YB. Lim Guan Eng telah meluluskan RM200 juta untuk Kedah, tarikhnya saya ingat di minggu terakhir tahun 2019 iaitu pada bulan 12, ianya merupakan satu geran 'one off'. Jadi, yang ingin saya tanya ialah bagaimana wang RM200 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri? Saya harap tidaklah untuk membeli Mercedes Benz untuk Exco dan sebagainya sepertimana yang berlaku di Kelantan. Kalau dah ada wang sebanyak itu, apa perlunya dicadangkan supaya aktiviti pembalakan dimulakan semula? Kerana ini menimbulkan rasa bimbang di atas pernyataan yang telah di buat oleh YAB. Jeneri sendiri mengenai kononnya ada pampasan ataupun ganti rugi yang seharusnya dibayar kepada pemegang-pemegang konsesi balak di Kedah ini, yang awal-awal ni ada yang berjumlah saya tak ingat mula-mula tu disebut RM600 juta, kemudian naik menjadi RM1 bilion, kemudian ada pula kenyataan RM1.5 billion. Ini satu perkara yang sangat membingungkan kerana seingat saya, pada 2 minggu terakhir saya memegang jawatan Menteri Besar, saya telah mempengerusikan 3 mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Negeri di mana kita telah selesaikan semua isu-isu yang berbangkit berkait dengan soal penangguhan ataupun pembatalan konsesi-konsesi pembalakan khususnya di Ulu muda.

Daripada tindakan yang telah kami ambil itu jelas bahawa tidak ada lagi sebab kenapa syarikat-syarikat konsesi ni boleh membuat sebarang tuntutan kepada Kerajaan Negeri. Apabila kenyataan telah dikeluarkan oleh YAB. Jeneri, ini menimbulkan rasa cemas dan ianya satu berita yang begitu mengejutkan kerana tidak pernah dalam tempoh 25 bulan Kerajaan PH menerajui Negeri Kedah ini, masalah pampasan itu boleh mencecah sampai angka-angka yang begitu menakjubkan iaitu RM1.5 billion.

Seterusnya, saya nak bangkitkan mengenai projek-projek pembangunan sebentar tadi, YB. Bandar Baharu pun ada sentuh, projek-projek yang telah pun diisytiharkan….. (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Minta laluan! Nak sentuh sedikit berkenaan dengan Covid!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..silakan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Jitra kerana bagi laluan untuk pencelahan! Saya nak tanya Jitra berkenaan pandangan tentang apakah keberkesanan arahan Kerajaan Negeri tentang arahan PBT yang dikeluarkan untuk sekatan waktu perniagaan baru-baru ini bila ada gelombang kedua selepas Sivagangga, ada kluster Tawar, Muda dan sebagainya dan memberi arahan sekatan perniagaan di mana pukul 8.00 pagi hingga 8.00 malam di mukim-mukim yang terjejas sahaja dan juga tidak boleh makan di tempat itu sebab bila kita nampak walaupun ada sekatan waktu perniagaan tetapi penduduk masih boleh 'cross' sempadan daerah tanpa sekat sebab PKP dahulu ialah seluruh negara, PKP semua orang tak boleh keluar, semua orang tak payah pergi kerja dan 'stay at home' saja tapi sekarang sudah PKPP semua orang perlu pergi kerja, perlu pergi sekolah tetapi sekarang ada

sekatan waktu perniagaan itu, walaupun sekat di mukim itu tetapi penduduk boleh sahaja pergi ke mukim bersebelahan sahaja!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, Soalan! Soalan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ya..soalan saya ialah adakah ini berkesan dan keduanya ialah ianya terjejas pendapatan peniaga khususnya peniaga makanan dimana mereka hanya boleh berniaga sampai pukul 8.00 malam sahaja dan menyebabkan ramai penduduk pergi ke sebelah sempadan untuk membeli dan menyebabkan kesesakan lagi. Adakah ini berkesan untuk memutuskan rantaian penularan covid ataupun dengan cara begini ia mungkin menyebabkan kesesakan lagi di tempat lain dan menyebabkan penularan di mukim-mukim yang lain lah! Ini soalan saya, terima kasih!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan sikit YB. Speaker!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..boleh!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Jitra ada menyebut isu tuntutan pampasan syarikat-syarikat balak yang jumlahnya billion. Jadi, adakah pandangan YB. Jitra apabila isu ini diutarakan oleh YAB. Menteri Besar. Apakah pandangan YB. Jitra ini sebagai satu helah untuk dibenarkan semula pembalakan di kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan Hutan Simpan.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih. Yang pertamanya saya mohon supaya dimasukkan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Bakar Arang tadi dalam perbahasan saya. Bagi menjawab Pengkalan Kundor, saya ingat yang ni eloklah YAB. Jeneri sendirilah yang jawab kerana pada pandangan kami di peringkat Pakatan Harapan dan Pejuang ketika kita mentadbir kerajaan tidak langsung timbul persoalan mengenai pembalakan kerana memang pun hasrat kerajaan ketika itu ialah untuk mengurangkan sebarang bentuk pembalakan di Negeri Kedah ini. Saya mula nak menyentuh tadi mengenai kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi sewaktu Kerajaan Pakatan Harapan. Sekarang beliau menjawat jawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ketika itu beliau sendiri telah mengumumkan beberapa Projek Ikonik di Negeri Kedah ni termasuk KXP, Lebuhraya SPIKE dan lebuhraya yang berhubung dengan Jambatan Pulau Pinang. Yang kedua, kita ingin tahu apa sebenarnya perkembangan terkini mengenai projek-projek pembangunan yang penting ini?

Tadi pun YB. Bandar Baharu telah sentuh mengenai mesyuarat MPFN yang mana saya ingat YAB. Jeneri sendiri hadir dan mendengar sendiri bawa KXP itu tak termasuk dalam agenda Mesyuarat MPFN yang lepas. Kenyataan daripada Menteri Pengangkutan pula agak mencemaskan apabila beliau mengatakan bahawa perlu ada kajian lagi, nak kena buat 'study' demi 'study' lagi. Kajian terakhir ni katanya akan hanya berakhir pada tahun 2023. Jadi, 3 tahun lagi walhal saya ingat untuk tujuan KXP ini saya ingat tak kurang 3 kajian yang terperinci yang telah dilaksanakan. Semua pihak telah bersetuju bahawa ianya satu projek yang perlu dibuat termasuk Kerajaan Persekutuan. Jadi, pendirian Kerajaan Persekutuan yang baru ini membimbangkan kita kerana nampaknya tidak lagi ada kesungguhan, tidak lagi ada azam politik baik di peringkat pusat mahupun di peringkat Kerajaan Negeri sendiri untuk meneruskan projek yang tentunya akan memberi limpahan ekonomi yang besar bagi bukan hanya Negeri Kedah tetapi di Wilayah Utara ini. Selain itu, (Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Laluan!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YB. Speaker, terima kasih YB. Jitra! Adakah YB. Jitra tahu mengapakah KXP tidak dibentangkan di MPFN dan kenapa MOT memberi respon sebegitu kerana adakah ianya tidak nampak punca kuasa dimana projek ini sebenarnya? Sebelum ini kerajaan terdahulu tidak pernah mendaftar projek ini di mana-mana atau kerajaan yang sekarang ini masih lagi tercari-cari dimanakah pendaftaran dan punca kuasa bagi projek KXP itu yang sebelum ini mungkin tak pernah YB. Jitra usahakan ataupun sebagainya.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sepertimana yang kita tahu projek sebesar ini tentunya memerlukan kelulusan daripada MPFN. Perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri kemudian tentunya beberapa kali dalam Mesyuarat NCIA di mana bukan hanya keputusan diberikan tetapi peruntukan pun disediakan. Kalau kita lihat balik kepada Minit Mesyuarat NCIA yang telah dipengerusikan oleh Tun Mahathir ketika itu, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memperuntukkan RM2 billion untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah membuat pengambilan tanah. Kalau dah sampai tahap itu takkanlah belum lagi dipersetujui oleh kerajaan pusat. Jadi, selain daripada itu, kita juga telah beberapa kali mengumunkan dalam Sidang Dewan ini mengenai Loji Rawatan Air, kita tahu bahawa ada 5 projek LRA yang besar di Kedah ini dan kelima-limanya telah pun mendapat keputusan dengan Bajet yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Baru-baru ini saya lihat Sungai Tiang sekali lagi mengumunkan mengenai Pelubang tak tau berapa kali lagi lah nak umum tapi projek yang sama saja! Memang Kedah menantikan supaya projek ini di dilaksanakan segera untuk menangani masalah bekalan air yang dihadapi oleh Kedah.

Selain daripada itu, Projek-Projek Ikonik yang lain seperti Rubber City, Bukit Kayu Hitam,Taman Teknologi Sains, ini juga perlukan perhatian Kerajaan Negeri dan saya mohon supaya Kerajaan Negeri memberi penjelasan sedikit apa perkembangan terkini. Sebelum ini juga adalah merupakan perancangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dulu bersama kerjasama erat dengan pihak BPEN untuk Melancarkan Pelan Perancangan Kedah 2035 ataupun singkatannya Kedah 2035.

Sepatutnya pada Sidang Dewan inilah perancangan itu dibentangkan supaya boleh dibahaskan selama mungkin seminggu ataupun dua minggu tetapi setakat ini saya tak dengar bahawa Kerajaan Negeri Perikatan Nasional ingin terus melaksanakan Kedah 2035. Soal pelaburan, kita tahu bahawa sebelum ini Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM11.5 billion, ini merupakan satu angka yang begitu luar biasa, tak pernah lagi tercatat dalam sejarah Kedah, kita boleh mencecah lebih daripada RM10 billion yang meletakkan Kedah nombor 3 tertinggi di Malaysia ini. Yang membimbangkan ialah dengan perubahan kerajaan, keyakinan pelabur terhadap Kedah ini bagaimana sebenarnya? Jadi, yang ingin kita tahu bukan setakat yang mana yang telah diluluskan oleh pihak MIDA tetapi dari segi pelaksanaannya, adakah pelabur-pelabur ini sudah mula membina kilang kilang mereka dan yang mana buktikan walaupun berlaku pandemik covid ini, mereka masih lagi ingin meneruskan dengan perancangan mereka untuk melabur di Kedah.

Perkara ini berkait dengan peluang pekerjaan dan limpahan ekonomi. (YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YB. Speaker, YB. Jitra, tadi RM10 billion yang YB. Jitra bagitau itu, rupa-rupanya 50% daripada itu hanyalah 'expansion' (dengan izin) Intel dan kita tengok juga masa zaman kerajaan yang dulu, Pakatan Harapan. Antara kerisauan pelabur ini yang mana PBT Hi-Tech yang dicadangkan untuk digabungkan dengan MPKK. Ini adalah kerisauan yang hebat sebenarnya oleh pelabur-pelabur. Jadi, adakah YB. Jitra maklum dan setuju berkenaan perkara ini.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang itu boleh tanya kepada Kerajaan Negeri lah! Walaupun expansion tetapi expansion pun masih pelaburan! Sebenarnya lebih mudah untuk mendapat pelaburan daripada penambahan kapasiti seperti expansion daripada untuk menarik pelabur-pelabur yang baru. Seterusnya, saya ingin sentuh sikit mengenai garis kemiskinan sepertimana yang kita semua sedia

maklum, Kerajaan Persekutua telah mengumumkan bahawa garis kemiskinan telah dinaikkan daripada RM980.00 kepada RM2,208.00.

Ini satu tindakan yang begitu berani sekali kerana sekaligus ianya menambahkan jumlah rakyat Malaysia yang hidup di bawah garis kemiskinan yang baru ini. Yang menimbulkan persoalannya ialah apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri sendiri untuk membantu mereka-mereka yang datang daripada keluarga di bawah garis kemiskinan yang terbaru, RM2,208.00. Kalau dulunya dianggap B40 ini, saya agak….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, masa sebenar sudah habis!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ohhh…yaka! Nak kena 'landing' lah ni!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Tapi saya bermurah hati saya bagi lagi 5 minit tambahan! Sebab saya rasa perbahasan ini penting melibatkan isu kemiskinan. Jadi, perbahasan pun menarik dan berhemah. Jadi, saya tambah lagi 5 minit!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Baik, terima kasih!. Bukan ka dah awal-awal kut rancang nak bagi 20 minit tapi kata 15 lepas tu tambah 5 minit untuk nampak murah hati? Tapi, tak apa lah terima kasih banyak-banyak!

Saya nak sentuh sikit, akhirnya mengenai politik. Sepertimana yang YB. Alor Mengkudu pun sebut mengenai nama kerajaan itu sendiri Perikatan Nasional ka Muafakat Nasional ka? Saya ingat itu penting kerana biasanyalah wakil-wakil rakyat ni mestilah mewakili parti. Kalau di Parlimen pun isu ini memang dipertikaikan kerana tidak ada dalam mana-mana 'hansard' disebut bahawa seorang Ahli Parlimen itu mewakili Perikatan Nasional. Nama itu belum lagi wujud! Saya bangkitkan perkara ini kerana kami-kami yang asalnya dulu daripada Parti

Pribumi Bersatu Malaysia dipecat daripada parti kami kerana tidak menyokong Kerajaan Perikatan Nasional walhal PN itu belum lagi didaftarkan!

Secara sampingannya, saya pun tertanya-tanyalah agaknya YB. Sidam sekarang terletak di mana? Mungkin dah nak menyertai Bersatu kut, kerana Bersatu nampaknya tidak lagi Pribumi! Sistem demokrasi yang kita diamalkan di Malaysia ini, rakyat tentulah berhak untuk membuat pilihan kerajaan apa yang mereka mahukan! Biasanya pilihan ini dibuat melalui Pilihan Raya Umum. Jadi, pilihan yang mereka buat ini berdasarkan kepada keyakinan mereka terhadap sesuatu parti politik, terhadap calon-calon yang bertanding dan sebagainya. Kalau mereka tak yakin maka mereka akan tolak! Kalau mereka yakin, mereka akan undi dan memenangkan! Jadi, apa bukti sebenarnya bahawa tindakan rampasan kuasa yang telah berlaku, kerajaan tebuk atap ini. Bukan istilah saya lah, ada orang lain yang guna. Yang mendapat restu daripada rakyat!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, saya tambah masa tadi, saya ingat isu kemiskinan dan pelaburan! Jadi, saya minta kita fokus kepada isu yang tadi ni!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Dak, politik pun berkait dengan semua yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sentuh. Saya ingat tak kurang penting! Jadi, adakah diambil petanda daripada pilihan raya kecil di kawasan-kawasan lain termasuk di negeri-negeri lain sebagai satu signal kepada kita di Negeri Kedah ini untuk membuat perubahan. Adakah keputusan di Semenyih ataupun Tanjung Piai ada kena mengena dengan Bukit Kayu Hitam ka dengan Belantik. Jadi, saya ingat tak ada apa-apa kena mengena! Ya…sila! (YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Jitra! Soalan mandat rakyat, berapa kali kita sebut mandat rakyat! Adakah Jitra bersetuju keputusan pilihan raya yang terdahulu PRU ke-14 18:18 lah pada waktu itu dan dari sudut jumlah undi yang diperolehi, tadi pun saya sebut PAS dengan 315,000, BN dengan 280,000 menjadikan jumlah 595,865 berbanding PH pada waktu itu atas satu logo PKR hanya RM345,519! Jadi, secara kita boleh nampak mandat rakyat sebenarnya sama-sama dengan

PAS dan juga Barisan Nasional pada waktu itu keseluruhan campur-campur jumlah undi! Terima kasih!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Mungkin YB. Sungai Limau belum lagi sedar bahawa sistem pemilihan yang kita amalkan di Malaysia ini ialah 'first-past-the-post' (dengan izin) bukan undi popular! Jadi, siapa pun yang menang dalam satu-satu kawasan dengan majoriti, dialah dapat! Kalau nak buat undi popular kena pinda perlembagaan pula. Dan yang YB. Sungai Limau tadi pun mengakui sebenarnya bahawa berlakunya lompatan daripada belah Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional atas arahan pihak atasan, bukannya atas mandat rakyat! Malah ini juga yang diakui sendiri oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat belah sana apabila ditanya soalan. "Apakah sebabnya Menteri Besar daripada Jitra itu perlu digugurkan daripada jawatannya?" Tidak ada seorang pun yang menjawab bahawa Jitra gagal melaksanakan tanggungjawab dia, dia tak cekap ka ataupun lebih teruk lagi dia curi duit ka, menyeleweng ka salahgunakuasa ka. Jadi, yang dijawab hanyalah "arahan atasan". Jadi, saya tak tahulah kalau arahan atasan itu boleh dianggap sebagai satu alasan yang boleh diterima.

Saya pernah lalui kejadian ini sewaktu saya dulu memegang jawatan Menteri Besar di bawah kerajaan Barisan Nasional tetapi saya ingat semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tahu apa yang berlaku selepas itu. Jadi, saya harap Perikatan Nasional pun boleh beringat-ingatlah kerana bila rakyat buat keputusan pada pilihan raya umum dia mungkin akan berubah sekali lagi!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, masa dah lebih 22 minit!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya minta 2 saat boleh?

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Ok, boleh!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Jitra, demi rakyat, demi menjamin kestabilan politik, demi kemakmuran Negeri Kedah, demi pentadbirannegara kita untuk jangka masa panjang setujukah kita cadangkan dalam dewan ni Jawatankuasa Khas berkaitan dengan isu anti lompat parti ditubuhkan, dibahasm bincang lepas itu kita meluluskan satu untuk mendesak serta mendesak parlimen untuk menggubal rang undang-undang bagi menghalang Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen dari lompat parti tanpa alasan munasabah! Undang-undang ini perlu dipastikan selaras dengan perlembagaan persekutuan dan tidak timbul soal dengan kebebasan berpersatuan! Setujukah Jitra?

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Kulim kerana telah menepati tempoh dua saat yang saya berikan tadi! Sebenarnya, itulah point terakhir saya, saya sangat-sangat setuju dengan apa yang telah dicadangkan oleh YB. Kulim dan saya harap Dewan Negeri Kedah ni boleh diusulkan, bahas elok-elok dan luluskan satu pindaan kepada Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah supaya lompat parti ini tidak lagi berlaku, supaya kita tidak lagi mengkhianati mandat rakyat yang telah diberikan oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum.

Dengan itu, Tuan Timbalan Speaker saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan KDYMM Tuanku Sultan pada perasmian Dewan yang lepas.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Jitra! Seterusnya saya mempersilakan YB. Ayer Hitam. Silakan YB. Ayer Hitam.

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillahi Rabbil A'lamin Washolatu' Wassalamu Ala'Asrofil Ambiya' Iwal Mursalin Wa'ala A'lihi

Wasohbihi' Ajma'in. Robbishrohli Sodri' Wa Yassirli' Amri Wahlul Uq'datan' Milisaani' Yafqouhu' Qouli, Amma'Baq.

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, YAB. Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB. Adun-Adun, Yang Berbahagia, Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan, Agensi-Agensi Kerajaan, Ahli Sidang, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah sama-sama kita panjatkan syukur kita kepada Allah swt. kerana dengan izinnya dapat kita sama-sama pada hari ini, hadir untuk menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah untuk sama-sama bersidang dalam sidang kita pada kali ini. Terima kasih kepada YB. Timbalan speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk turut berucap, membahaskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Istiadat Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga pada 16 April yang lalu. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin menzahirkan ucapan menjunjung kasih ke atas KDYMM Tuanku Sultan, atas titah ucapan tersebut yang saya rasa ianya merupakan satu ucapan yang menyeluruh dan komprehensif. Saya juga ingin ucapkan tahniah kepada YB. Ayer Hangat di atas pelantikan speaker sebenatar tadi dan juga YB. Pantai Merdeka sebagai Timbalan Speaker dengan harapan kedua-dua YB. Speaker dan YB. Timbalan Speaker akan terus menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang sepertimana yang telah dibuat, dilakukan oleh YB. Mantan Speaker dan Timbalan yang lepas. Mudah-mudahan perjalanan sidang kita akan terus dari semasa ke semasa bertambah baik. Insya-Allah!

YB. Speaker, pada awal Titah Tuanku Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia mengingatkan kita akan kepentingan sifat amanah yang perlu dipikul oleh setiap pemimpin. Saya yakin Titah Tuanku relevan sepanjang zaman walaupun Titah Tuanku itu semasa pimpinan yang lalu, semasa Kerajaan Pakatan Harapan tetapi amanah ini tidaklah terhad kepada satu kerajaan! Insya-Allah saya yakin pimpinan yang baharu di bawahnya YB. Menteri Besar yang baru akan mengambil ingatan ini sebagai satu asas kepada pentadbiran kerajaan dan juga kepada perancangan program-program atau apa-apa aktiviti yang akan dilakukan kerajaan di Negeri Kedah ini. Saya yakin dan saya rasa semua Ahli Dewan bersetuju dengan saya kurang lebih 100 hari pemerintahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan baharu ini sudah nampak tanda-tanda daripada ucapan dan tindakan beliau dan kerajaan yang menampakkan bahawa amanah itu diberi satu asas dalam ucapan dan juga perancangan kerajaan pada ketika ini.

Dizahirkan dengan secara jelas dan bersungguh-sungguh bila mana setiap kali kita baca ataupun kita dapat laporan daripada Media Pas, Mesyuarat Exco dan sebagainya. Kenyataan-kenyataan Menteri Besar dalam menzahirkan rancangan Kerajaan Negeri meletakkan amanah itu sebagai satu yang dijadikan asas untuk terus mentadbir negeri ini. Insya-Allah.

YB. Speaker, saya sangat tersentuh dengan Ucapan Tuanku agar peningkatan yang jitu diambil dalam memastikan pengeluaran tanaman padi sebagai jaminan keselamatan makanan Negara. 40% pengeluaran padi atau beras di dalam Negara kita ini, datangnya dari Jelapang Padi, Negeri Kedah Darul Aman yang kita sayangi ini. Saya juga berterima kasih kepada YB. Gurun dalam ucapan di parlimen baru-baru ini membahas dengan panjang lebar tentang perlunya isu makanan keselamatan ini diberi keutamaan. Jadi, saya sukalah Dewan kita pada hari mengambil pendekatan yang sama harga isu makanan keselamatan ini terus diperjuangkan dengan meminta ataupun menjurus kepada penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan penanaman padi khususnya isu benih padi yang bermutu, isu bekalan baja dan racun yang berkualiti dan juga isu pengaliran air yang mencukupi kepada petani-petani agar mereka, petani sana dapat meningkatkan lagi penghasilan beras untuk menampung keperluan negeri dan negara kita. Insya-Allah!

Walaupun penanaman padi ini tidak begitu terkesan dengan covid 19 yang sedang kita alami ini tetapi sedikit sebanyak bilamana sekatan ataupun keadaan petani yang tidak boleh seperti terdahulu menjalankan usaha menanam padi, kita rasa sikit sebanyak akan memberi kesan juga kepada penanaman padi pada masa akan datang. Oleh itu, jawatan-jawatan berkaitan dengan penanaman padi ini seperti MADA, JPS ,Jabatan Pertanian, BERNAS dan sebagainya. Itulah sentiasa ada satu kefahaman kepada mereka untuk sama-sama meletakkan bahawa beras sebagai makanan ruji, nasi sebagai makanan ruji, ianya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya kita untuk mempunyai cukup makanan untuk kita terus hidup di muka bumi ini. Cuma…(YB. Anak Bukit minta laluan)

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Mohon laluan sikit YB. Ayer Hitam? Boleh na?

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Insa-Allah! Insya-Allah!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Minta kepada Timbalan Speaker!

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Ayer Hitam, terima kasih YB. Timbalan Speaker! Ya.. berkenaan dengan penanaman padi di Negeri Kedah ini, setuju tak Ayer Hitam kalau kita katakan antara sebab kita tak dapat nak istilah Kedah beginilah nak kenjoi naik lagi dia punya apa produktviti kita tu ke mungkin 7, 8 ke 10 tan tu adalah kerana Farms Holding ataupun saiz pemilikan bendang tu adalah terlalu kecil. Jadi, terlalu ramai yang buat bendang dalam saiz yang terlalu kecil yang tidak ekonomikal untuk kita urusnya secara ladang! Jadi, setuju tak Ayer Hitam kalau boleh kita cadangkan kepada agensi seperti MADA dan sebagainya, kita wujudkan satu konsortium yang boleh ambil alih bendang-bendang hat kecil ini supaya dapat diuruskan secara ladang dan 'in return' sewa bendang kepada mereka tu kita tawarkan dalam harga yang maknanya kalau dia buat sendiri tu dengan dia lah kadang-kadang orang kita ni pun dengan 3T, 'tanam tinggal tuai' boleh tak banyak mana, bila dia 'convert' balik sebulan boleh katalah serelung RM250 katalah kan bersih. Jadi, kalau kita boleh tawar pada dia lebih daripada tu sewa serelung mungkin itu akan menjadikan dia rasa tak pa, dia boleh lepas buang dan kita dapat melaksanakan peladangan tu dengan lebih baik dan produktif lebih tinggi dan Kedah bukan 40% mungkin 50% hingga 60% kepada pengeluaran negara. Terima kasih Ayer Hitam!

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Anak Bukit. Saya setuju dengan saranan yang dibuat oleh YB. Anak Bukit, saya pun rasa dah ada usaha ke arah itu. Disebut dalam Titah Ucapan Tuanku ini sudah ada usaha untuk mewujudkan estet-estet padi yang mana mungkin cadangan Anak Bukit itu dapat digunapakai dalam kelulusan kepada cadangan ini.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam, sat na! Kita akan berhenti pada jam 1.00 tengahari. Jadi, saya persilakan YAB. Menteri Besar.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, Saya pohon mencadangkan di bawah peraturan 12(1) (a) Peraturan Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas disambung pada pada jam 1.00 tengahari. Sekian terima kasih.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri. Silakan YB. Ayer Hitam sambung sampai jam 1.00 tengahari. Insya-Allah!

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, terima kasih YB. Anak Bukit. Seterusnya, saya ingin menyentuh sikit mengenai usaha padi ini juga bila mana yang terkini ini saya difahamkan ada kerisauan daripada para pesawah yang telah mula menuai padi hari ini bila mana pemotongan padi menggunakan kaedah yang baharu mungkin menggunakannya mesin di mana kita kata 'sample' padi dimasukkan di mesin itu dan dia guna kaedah sendirilah untuk mengukur sejauh mana pemutuan padi tu dan hasilnya berbanding dengan yang lepas tu dia makin tinggi pemotongannya. Ini satu kerisauanlah yang saya mungkin tak dapat pastikan secara ini tetapi disebutkan juga oleh YB. Kuala Nerang semasa rehat bahawa ini menimbulkan kerisauan kepada petani-petani, hasil mereka akan berkurang.

Jika ini berlaku, saya haraplah pihak Exco Pertanian seterusnya untuk melihat perkara ini supaya kita dapat ambil satu langkah yang boleh mengurangkan kerisauan ini dengan usaha-usaha untuk letakkan satu syiling kepada potongan pemutuan padi ini kepada satu angka yang lebih munasabah yang boleh mengikat petani ini untuk terus berusaha mengikat untuk meningkatkan lagi hasil penanaman padi. Ada yang sebut sampai 40% walaupun sekarang ni kita faham sekarang ada hujan sebagainya tapi takkanlah sampai kepada 40% kerana ini akan memberi kesan buruk kepada mereka.

YB. Speaker, satu lagi yang disentuh oleh KDYMM Tunku ialah tentang perlunya tadbir urus yang baik dan usaha pihak kerajaan untuk memakmurkan Negeri Kedah ini. Tentulah tadbir urus yang baik ini ianya berkait dengan penyediaan prasarana yang bermutu, yang kondusif untuk digunapakai oleh penjawat awam untuk melaksanakan tugas mereka.

Satu hal yang saya suka sebut disini ialah tentang kewujudan satu bentuk pentadbiran yang lebih khusus untuk kawasan ataupun di daerah Kubang Pasu yang mempunyai 2 parlimen iaitu Parlimen Jerlun dan Parlimen Kubang Pasu. Satu usaha yang dibuat selama dahulu saya ingat YB. Jitra masa menjadi MB dahulu pernah merasmikan satu bangunan yang disebut sebagai Pejabat Daerah Kecil Jerlun, Ayer Hitam. Nampaknya usaha itu dah ada, usaha untuk mewujudkan satu daerah baru di kawasan Jerlun sebahagian daripada Kubang Pasu. Jadi, saya harap usaha ini diteruskan supaya kita dapat melahirkan satu tempat atau kawasan yang lebih kecil untuk diurus oleh penjawat awam dengan itu dapat memberikan satu impak yang maksima kepada pembangunan di kawasan itu. Sekarang ini Kubang Pasu merangkumi 2 parlimen. Kita nampaklah keberatan kepada pembangunan itu terlebih kepada Kubang Pasu dengan ada pelbagai jenis kemudahan di sana. YB. Anak Bukit mesti bersetuju sebab dia Ahli Parlimen Kubang Pasu! Banyak institusi pendidikan yang ada di sana, kita ada UUM, kita ada Politeknik, kita ada ILP, kita ada IPDA dan banyak lagi institusi pendidikan yang bertaraf kebangsaan bahkan antarabangsa berbanding dengan di Jerlun yang tidak ada sebuah pun yang institusi pendidikan yang bertaraf tinggi disitulah kecuali ada Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, yang terbaru Sekolah Menengah Agama Jerlun yang berdekatan dengan Kubang Pasu! Jadi, saya haraplah perhatian diberikan mengenai perkara ini sebab kita dah ada asas dah dan dimulakan oleh Jitra dahulu cuma tak dikembangkan lagi! Yang mana diadakan daerah baru Jerlun ini Insya-Allah akan merancakkan lagi pembangunan di kawasan Jerlun seterusnya di Ayer Hitam dan kawasan Kota Siputeh. Insya-Allah.

Seterusnya saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar diatas usahanya untuk menyegerakan pembinaan ataupun menaiktaraf ataupun meningkatkan lagi kapasiti Loji Rawatan Air Pelubang yang akan disegerakan pada pada hujung tahun ini untuk disegerakan pembinaannya untuk menampung keperluan yang sangat mendesak di kawasan Jerlun dan Kubang Pasu di mana bangunan yang kita sebut sebagai SBZ memerlukan kepada bekalan air yang mencukupi dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar, Parlimen Kubang Pasu dan Jerlun tentang masalah tekanan air yang rendah.

Kita biasa bawa perkara ini kepada SADA dan SADA turun di beberapa kawasan di Kota Siputeh dan Ayer Hitam mendengar rintihan rakyat dan menyatakan satu penyelesaian jangka masa pendek dengan membenarkan ataupun mengizinkan atau meminta pihak SADA membekalkan air semasa ke semasa secara tangki tapi ia takkan memuaskan ataupun menyelesaikan masalah yang besar.

Jadi, saya yakinlah Insya-Allah dengan kejayaan kerajaan untuk menyegerakan Pelubang II ini akan mengatasi masalah tekanan air yang berlarutan sejak sekian lama di kawasan-kawasan Ayer Hitam dan Kota Siputeh dan kawasan lain-lain!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh minta laluan sikit! Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Ayer Hitam. Saya nak bangkitkan isu masalah air ini, banyak kawasan yang berlaku kebocoran tapi SADA lambat ambil tindakan, pernah saya lihat di kawasan saya Kota Siputeh, ada satu kampung itu air tu duk keluar sampai boleh jadi kolam , sampai boleh jadi parit! Kita bagi tahu kat SADA tak mai repair pun! Jadi, itulah YB. Ayer hitam setuju tak minta tolong SADA segerakanlah! Kalau apa-apa masalah yang berlaku berkaitan dengan paip air dan sebagainya. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Bukan setakat setuju bahkan kita telah buat pun, kita minta SADA untuk terus dan beri perhatian kepada rungutan rakyat. Walaupun telah mengambil tindakan yang agak segera tetapi masih belum dapat menyelesaikan masalah. Terima kasih kepada SADA kerana telah menyediakan 'booster pump' di kawasan Ayer Hitam untuk memberi tekanan yang kuat kepada air ini untuk sampai ke Pida-Pida tapi sistem yang lama mungkin tidak mengizinkan lagi sebab apa bila disebut oleh Pegawai Penyelia SADA di sana, jika ditekankan tekanan yang lebih tinggi mungkin paip-paip yang menyerap air ke kawasan utama itu akan pecah dan sebagainya. Ini mungkin akan beri kesan kepada meningkatnya NRW dalam pengawasan SADA itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, selain d harapan daripada penduduk di sekitar Ayer hitam dan juga di Jerlun ini supaya mewujudkan kawasan tadahan baru Jerlun. Isu-isu yang lama dapat diselesaikan dengan segera.

Antaranya ialah pendapatan kepada Projek Perumahan Rakyat Jerlun yang sekian lama sudah tertangguh. Saya pernah sebut dalam Dewan ini dalam sidang yang lepas tahun lepas bertanya tentang perkara yang sama disebut oleh katanya tentang akan ada segera temuduga interview kepada mereka yang memohon untuk memasuki ke 630 buah rumah yang telah pun siap untuk diduduki. Saya pun telah turun ke bahagian projek perumahan itu berjumpa dengan pegawai atau penyelia di situ, mereka menyebut bahawa rumah dah siap cuma menunggu serta masuk dan juga kelulusan daripada pihak negeri untuk mereka memasang meter air dan meter elektrik cuma perkara ini tertangguh sejak sekian lama. Disebut dahulu oleh Dewan ini akan ada interview hujung bulan 12, 2019 tapi sekarang dah bulan 8, 2020 perkara itu masih lagi belum berlakulah. Saya harap pihak kerajaan khususnya Exco Perumahan dan Tempatan ini dengan segera untuk memastikan bahawa perkara ini dapat diatasi dengan segera.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Boleh sekali lagi?

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Boleh!

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Ayer Hitam kerana sentiasa beri laluan kepada saya dan terima kasih Speaker, isu yang sama perumahan di Ayer Hitam dan lebih lama lagi daripada itu ialah di Kampung Kilat. Saya duk naik ETS, duk lalu kot tu duk nampak memang cantik tapi tak masuk-masuk lagi. Jadi, setuju tak Ayer Hitam kata dan satu lagi saya nak sebut teguran Ketua Audit Negara terhadap perumahan PPR ni, ada satu kes yang yang ni kes daripada pemaju nak serah kepada KPKT sampai sangat 500 hari lebih tertunggak maknanya dekat-dekat 2 tahun. Jadi, setuju tak Ayer Hitam kata benda yang dah siap dan saya ingat benda di Kampung Kilat itu, rumah yang diberikan dan dia ada lot speial untuk orang kelainan upaya, design yang cukup special, harga yang diberikan dengan subsidi kerajaan yang cukup tinggi tapi bila mai dah siap tu lambat tidakkah ini merencatkan peluang kepada rakyat yang sepatutnya boleh masuk itu supaya disegerakan dapat masuk. Jadi, apa pandangan Ayer Hitam tentang perkara ini termasuk the one di Ayer Hitam tu sendirilah.

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Anak Bukit, terima kasih. Saya bersetuju dengan apa saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan Insya-Allah kita harapkan kerajaan yang baru ni Insya-Allah 100 hari sekarang ni mungkin sebelum 100 hari yang kedua ini akan dapat selesaikan masalah ini supaya rakyat yang memohon itu dapat menduduki rumah seperti yang mereka harapkan.

Jadi, YB. Speaker saya rasa cukup setakat ini ucapan untuk kali ini dan Insyaallah ada masa kita akan berjumpa lagi. Jadi, saya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Kepada KDYMM Tuanku Sultan atas ucapan perasmian baginda pada sidang yang lepas. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ayer Hitam kerana patuh kepada waktu yang diperuntukan. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita akan berhenti rehat dan dewan akan disambung pada 2.30 petang. Dengan itu, sidang ditangguhkan.

[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirahmanirahim, dewan disambung semula. Giliran sebelah sini, Suka Menanti. Lima belas minit.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Assalamualaikum w.t.h. Salam sejahtera, terima kasih kepada tuan speaker yang berikan saya peluang berucap dan juga ruang mengambil bahagian untuk menjunjung kasih di atas titah ucapan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena istiadat perasmian mesyuarat pertama penggal ketiga DUN Kedah ke empat belas. Jadi, alhamdulilah kita mengambil iktibar dan peringatan di atas pesanan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai hadis baginda Nabi Muhammad S.A.W. bahawa "kamu semua adalah pemimpin, dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin".

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, kita negeri Kedah tidak terkecuali daripada serangan COVID-19, malah pelbagai kluster mula timbul sejak bulan julai dan bulan ogos kali ini. Sehinggakan pada ketika ini kes, kes telah mencecah kepada dua ratus. Jadi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada staf dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah yang bertungkus-lumus menyaring dan merawat mereka-mereka yang terlibat atau disyaki berisiko tinggi, begitu juga dengan staf MKN, PDRM dan pasukan-pasukan yang beruniform, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah, ATM, RELA, sukarelawan pusat khidmat, serta bantuan-bantuan yang datang daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah dan juga NGO. Jadi untuk makluman kita semua, kita sekarang ini dengan 'hashtag' (dengan izin) "kita belum menang". Jadi, saya ingin mohon kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah lebih serius, agresif dan efisien dalam mengawal dan membendung risiko COVID-19 dari terus merebak dan mewujudkan kluster-kluster yang pelbagai ketika ini.

Jadi, Dato Speaker, Tuan Speaker apa yang kita ingin tahu ialah ingin melihat apakah komitmen yang seterusnya pihak Kerajaan Negeri untuk menjaga kepentingan penjaja dan peniaga kecil agar mampu bangkit semula untuk menjana ekonomi keluarga mereka.

Kalau sebelum ini pakej rangsangan ekonomi yang disediakan pada bulan March dan April lalu ketika kes ini sekitar tujuh puluh, lapan puluh, sekarang ini bila kes dah jadi dua ratus, kita ingin tahu apakah pakej ransangan ekonomi yang seterusnya. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, ketika kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Negeri melalui mandat rakyat pada Mei 2018, ingin kita maklumkan balik ialah hutang Kerajaan Negeri berkaitan bekalan air pada ketika itu dengan jumlah hutangnya 1.8 billion ringgit dan kontrak hutang lagi yang telah pun ditandatangan ialah sekitar hampir 1 billion pada ketika itu sejak Mei 2018. Selepas beberapa siri rundingan berdasarkan konsep Federal Democratic Goverment (dengan izin) hasil perbincangan tersebut bersiri-siri perbincangan maka hutang tersebut telah berjaya dikurangkan kepada hanya RM1.1 billion semasa peralihan kuasa pada Mei 2020 dan begitu juga, kita dapat jaminan daripada pihak kementerian bahawa empat daripada lima projek utama tadi telah pun disenaraikan sebagai projek yang akan dipersetujui sebagai geran kepada kerajaan Kedah.

Jadi, kita mohon penjelasan daripada kerajaan mengenai status jumlah hutang pada ketika ini. Hutang bekalan air dan juga kita nak tahu apakah rundingan mampu dan diteruskan oleh kerajaan semasa, lebih-lebih lagi yang. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mendapatkan penjelasan apabila kita mendengar Yang Berhormat Menteri Air ketika datang ke Kedah memaklumkan atau mengumumkan berjumlah rancangan, peruntukan telah mengumumkan bahawa RM4.4 billion diperuntukkan untuk selesai masalah air di Kedah. Jadi, kita mohon diperincikan pecahan apa sebenarnya yang terlibat. Apa sebenarnya yang ada dalam RM4.4. billion yang diumumkan oleh Menteri Air tersebut.

Kemudian kita juga ingin mendapat penjelasan khususnya apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan dalam sidang akhbar bahawa satu projek pembaikkan paip dasar laut atau pun submarine pipe (dengan izin) diperlukan segera kerana katanya dalam kenyataan tersebut bahawa 40 MLD yang dipam pada ketika ini daripada tanah besar hanya sampai di Langkawi hanya 20 MLD. Itu disebut dan dinyatakan dalam sidang akhbar tersebut, sebab itu sebanyak RM50 juta diperlukan untuk kerja pembaikkan segera ini, jadi kita menantikan, Yang Berhormat Speaker tentang penjelasan khusus jumlah peruntukkan yang diperlukan tersebut dan dewan ini ingin tahu adakah dana negeri atau pun hutang tambahan lagi untuk negeri atau geran persekutuan dan sebagainya dan kalau boleh nak tahu jumlah lebih spesifik 50 juta tu anggaran yang besar. Berapa sebenarnya.

Sebab untuk makluman sepanjang pengetahuan saya, kapasiti paip submarine ini atau pun Submarine Pipe ini (dengan izin) dari tanah besar ke Langkawi ke tempat Tuan Speaker, kapasitinya adalah 60 MLD dan pada kebiasaannya ketika kita pam pada biasa yang sampai di Langkawi adalah 58 MLD dan bila berlaku satu penurunan yang kita akan kesan kalaulah di bawah 55 MLD akan mula segera dikesan termasuklah berlakunya menyelam untuk mencari kebocoran yang berlaku.

Jadi, sepanjang pengetahuan saya tidak pernahlah sampai sehingga 20 MLD. Namun, kita mohon penjelasan dalam bentuk pengesahan daripada pihak kerajaan apakah keadaan semasa dalam dua, tiga bulan terakhir ini begitu teruk sekali submarine pipe (dengan izin) ini sehingga MB menyebut pam 40 MLD dari tanah besar sampai ke Langkawi hanya 20 MLD. Kita mohon penjelasan.

Jadi, Tuan Speaker yang seterusnya ialah dalam fasa PH di awal tahun haritu, kita telah lakukan tender terbuka yang dikendalikan oleh jabatan teknikal yang berkepakaran tinggi iaitu Jabatan Kerja Raya dan tender-tender tersebut sebanyak empat tender besar telah pun dikeluarkan dan saya harapkan sekarang ini dalam proses penelitian dan diharapkan empat projek ini yang telah mendapat jaminan kementerian bahawa 1.2 billion itu adalah geran. Jadi, kita harapkan empat projek ini diteruskan dengan segera, lebih-lebih lagi sekali lagi kita dikelirukan dengan satu kenyataan oleh YB Menteri juga yang datang ke Kedah. Dia kata tender keempat-empat projek ini lebih, telah pun berjalan dan dalam kenyataan tersebut disebut logi Bukit Selambau akan siap lebih awal kerana pembinaan telah dimulakan. Jadi, mungkin saya tak tau lah dalam masa seratus hari ini dah jadi ke tidak ka. Jadi, kita mohon penjelasan daripada pihak kerajaan tentang kenyataan yang begini boleh mengelirukan sebab bunyi macam dah mula tapi rasanya belum mula.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Minta laluan

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Nanti ganti balik masa.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Yang Berhormat Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Suka Menanti. Tadi Yang Berhormat Suka Menanti menyatakan berkenaan dengan segera, berapa jumlah peruntukan, kenapa lambat, kenapa tak buat lagi, dan saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Suka Menanti. Kenapa lima logi rawatan air yang memang asas keperluan rakyat negeri Kedah dulu 22 bulan tidak berjalan-jalan, tak mula-mula tu. Kenapa Yang Berhormat Suka Menanti, terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Terima kasih, Bandar Baru. Jadi, saya rasa dah diterangkan sebelum ini, tapi nak kena buka panjang la kan. Bagaimana dalam proses itu diperbetulkan kedudukan, dari mana tender, siapa yang handle, kepakaran mana nak dipakai, bagaimana cara melaksanakan kaedah tender dan paling pentingnya, akhirnya menjaga kantung negeri ni banyak mana kita nak kena hutang lagi dan alhamdulilah hasil rundingan dan berkat kesabaran kita berbincang tu kita mendapat pengesahan tentang diberikan geran dan kesabaran ini kena tinggi. Dari tadi dia kata sabar, sabar, sabar, akhirnya jadi kerajaan. Cuma saya sedih nama dia sebut dalam surat khabar, kata nak jadi Timbalan Speaker, hat tu sat lagi kita sembang di hujung sat lagi.

Dan yang seterusnya Dato', Yang Berhormat Speaker, saya ingin juga menanyakan tentang komitmen kerajaan dalam menurunkan NRW ini yang bagaimana memerlukan dana yang cukup besar jadi kita nak tau juga apakah usaha, inisiatif kerajaan untuk mencari dana atau pun pelabur untuk membantu penukaran paip-paip lama ini yang akan memberikan kesan walaupun lima projek mega tadi mengepam kuantiti yang besar tetapi kalaulah paip tadi masih lagi tidak diberikan perhatian, mungkin dengan NRW dengan sekitar 48% itu masih lagi kehilangan yang agak besar. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, satu lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan sekarang ini bila diteruskan inisiatif kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini dalam bidang kerja raya antaranya inisiatif pertama kita memperkenalkan sistem pendaftaran setempat di Pejabat Daerah dan di Pejabat SUK dan kontraktor ini boleh mengambil bahagian di semua jabatan. Dan alhamdulilah setakat la saya tengok tak ada lah polisi baharu yang membatalkan pendaftaran tersebut yang memberikan kepentingan kepada lebih 2,500 kontraktor di Kedah.

Yang keduanya, kita ada inisiatif yang kedua tentang kerja raya ini ialah inisiatif kerja undi yang kita pertingkatkan jumlah, perbanyakkan kuantitinya supaya hampir kesemua kontraktor

mampu mendapat peluang sekurang-kurangnya sekali dalam setahun mendapat projek. Itu pun nampaknya diteruskan. Inisiatif yang ketiga ialah tentang menaikkan amount (dengan izin) kerja undi, kalau dulunya lima puluh ribu sebagai maksimum, ketika inisiatif Pakatan Harapan kita naikkan kepada seratus lima puluh ribu dan pada tahun ini nampaknya dah dinaikkan kepada dua ratus ribu dalam fasa ketiga ini. Ini juga saya ucapkan syabas, tahniah, namun, inisiatif keempat yang saya ingin dapat penjelasan ialah mengenai peluang latihan dan khusus kepada usahawan muda untuk menceburi bidang pembinaan. Kalau dulu kita telah perkenalkan usaha dan latihan supaya anak-anak muda ini mendapat peluang dan bimbingan daripada CIDB, BPKU dan juga ABM untuk menceburi bidang pembinaan ini.

Jadi, setakat sekarang saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada kerajaan terus berhasrat untuk meneruskan usaha membantu usahawan muda menceburi bidang pembinaan ini. Jika, ada sila nyatakan apa nama konsep yang dilaksanakan. Dan yang terakhir dalam bidang kerja raya ini, saya ingin maklumkan ialah tentang konsep jalan selamat yang telah pun dilaksanakan sebelum ini berjaya mengurangkan beberapa kes kemalangan di tempat yang sebelum ini kemalangan disebabkan oleh jalan raya. Jadi, Tuan Speaker, ingin saya maklumkan juga tentang perkara berikutnya ialah pada saya, saya tertarik dengan pendidikan awal kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Jadi, saya melihat tabika yang dikendalikan oleh Kemas sangat memerlukan sokongan dan dokongan oleh pihak-pihak kerajaan. Tabika ini berada dalam keadaan yang kurang ceria, kurang menarik sebelum ini jadi kita berikan sokongan lebih ceria, lebih menarik, dan pada ketika ini tabika Kemas di seluruh Kedah. Saya melihat ada 832 buah dengan memberikan peluang kepada lapan belas ribu kanak-kanak.

Jadi, ianya penting kerana lapan belas ribu ini belumlah berpuas hati. Kalau saya, saya belum puas hati sebab lapan belas ribu ini adalah sekitar empat puluh peratus sahaja kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Jadi saya nak tahu komitmen kerajaan, lebih-lebih lagi kerajaan PAS dengan Menteri Besar PAS ni, Adakah akan terus memberikan komitmen sepenuhnya kepada tabika kemas ini berbanding dengan tabika swasta untuk sama-sama dapat bersaing dan mendapat perhatian yang baik dalam memberikan peluang kepada keluarga berpendapatan rendah memberikan pendidikan awal kepada anak-anak mereka. Jadi, saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan komitmen dalam memberikan sepenuh sokongan.

Yang keduanya, saya juga ingin tahu tentang polisi kerajaan kedah kepada tadika-tadika swasta, termasuklah tadika yang dikendalikan oleh PAS iaitu Pasti adakah Pasti ini berdaftar dengan mana-mana jabatan di negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian tentang bagaimana musim kemarau panjang yang telah melanda Kedah sejak akhir 2019 sehinggalah April 2020 yang telah menyebabkan penggunaan takungan air empangan hingga ke paras yang cukup kritikal. Syukur alhamdulilah ketika datang hujan pada akhir bulan April sehingga bulan Julai baru-baru ini, takungan-takungan kita telah menunjukkan kembalinya kepada satu kapasiti yang seperti sedia kala sebab hujan yang cukup lebat dan juga kawasan tadahan dan lembangan sungai berfungsi sebaiknya.

Kita mohon pengesahan daripada pihak kerajaan apakah selepas ini pembalakkan akan diteruskan semula kerana kita dapat lihat kesan apabila tidak ada pembalakkan di kawasan tadahan dan lembangan sungai ni, pengaliran air begitu efisien sehinggakan ke tadahan kita dapat menampung kembali ke kapasiti yang asal. Jadi, kita ingin tahu supaya komitmen pihak kerajaan dalam menyusun kembali alam sekitar kita menjaga kawasan tadahan dan juga lembangan sungai dan kita juga ingin mengajak kita semua menyedari bahawa sebenarnya kadar hujan tahunan di Kedah kita adalah lebih rendah daripada purata nasional. Itu adalah satu fakta yang kita minta selepas ini kalau boleh pihak kerajaan bentangkan di dewan ini purata hujan untuk lima tahun terakhir di Kedah dan kita bandingkan dengan purata hujan nasional supaya kita semua lebih peka dengan apa yang sepatutnya kita ambil bahagian dalam menjaga sumber air di Kedah ini. Jadi, Tuan Speaker yang seterusnya ialah saya ingin memohon.

YB. TUAN SPEAKER

Yang terakhir ke?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Dua ja, senarai-senarai ja.

YB. TUAN SPEAKER

Dia 18 minit dah tu.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Ok. Cuba ringkaskan sikit. Yang terakhirnya, ialah saya nak memohon kerjasama daripada kerajaan dalam pembangunan semula di kawasan Bandaraya Alor Setar ni. Saya nak senaraikan tiga perkara yang telah pun kita bincangkan berikan priority (dengan izin) keutamaan sebelum ini diteruskan oleh kerajaan sekarang. Yang pertamanya, adalah jalan daripada Alor Setar ke Kangar, yang bermula daripada simpang Mergong ke Kemboja tu kita telah bincang habis-habisan dengan pihak kementerian dan telah pun dibuka untuk tender terbuka untuk kedua-dua lantikan konsultan dan kontraktor. Kita harap kerajaan memberikan priority buat follow up (dengan izin) supaya projek ini berjalan. Yang keduanya, ialah penggantian jabatan Manjalara di Jalan Putra dekat dengan Pasar Kampung Berjaya.

Yang telah pun selesai reka bentuk, kita telah pun pilih reka bentuk yang sesuai dengan jambatan asal tahun 1960 itu dan dijadualkan tender pada ketika inilah. Kita harap kerajaan boleh buat follow up (dengan izin) khususnya EXCO Kerja Raya boleh buat follow up (dengan izin). Ambillah nama dekat dia pun takpa janji projek tu berjalan di Alor Setar ni.

Yang ketiga, ialah pembangunan semula pasar Kampung Berjaya yang juga telah dalam proses rundingan kita dengan pihak ICU, JPM. Yang dahulunya dihantar pelan kecil minta duit banyak kemudian akhirnya kita perbetulkan balik pelan yang sebenar dengan harga yang sebenar dan benda tu boleh dirundingkan dan saya yakin pihak JPM boleh membantu kita ICU, JPM boleh membantu kita untuk memberikan satu ruang keselesaan kepada penjaja dan peniaga di Alor Setar ni, kerana pasar di Kampung Berjaya bukan sahaja penting untuk peniaga tetapi juga merupakan satu lokasi tarikan pelancongan. Dan yang terakhir ialah saya ingin merakamkanlah atau menzahirkan kekecewaan kita apabila hari ini dalam urusan, urusan melantik Speaker ni kita. Kita mengabaikan konsep yang disebut dalam ini walaupun seperti dibahaskan tadi. Tidaklah sebut kena beri notis dan akhirnya semua orang boleh terima tidak perlu bagi notis satu hari. Tetapi, akhirnya untuk mencalonkan seorang nama oleh mana-mana 36 ADUN ni masih memerlukan satu hari notis.

Jadi, akhirnya kalau tuan-tuan yang pernah mengaji agama ni kita tau lah. Untuk melakukan sesuatu perkara ni wajib dan kewajipan tadi menjadi wajib kena dilaksanakan akhirnya bagaimana nak dapatkan satu hari kalau tidak ada makluman satu hari. Yang kedua, prisnip yang saya ambil kira di sini walaupun tidak disebut tadi ialah prinsip rahsia kerajaan. Ini satu contohlah, banyak lagi contoh yang lain tentang rahsia kerajaan bagaimana kita bila mengangkat sumpah kita kena menjaga rahsia kerajaan.

Jadi, kalaupun kita dah dapat maklumat kekosongan Speaker tapi kita tak maklumkan secara rasmi kepada kawan lain. Kita dianggap tidak tahu maklumat tersebut, melainkan pada harinilah baru kita dimaklumkan kalaupun ada orang boleh sebut lebih awal, buat kenyataan dalam surat khabar, sebut pula siapa akan jadi Speaker. Siapa akan jadi Timbalan Speaker pada 16 Ogos, tapi masih lagi benda tu menjadi rahsia kerajaan yang tak sepatutnya disebut dan saya harap benda tu dikembalikanlah sebagai satu hak yang saya ingin merekodkan rasa kurang selesalah. Walaupun, akhirnya tidaklah ada masalah pun. Tuan Speaker ni pun adalah Tuan Speaker yang kita dah kenal lama dah dan kita tau kebolehan, kemampuan dia dan dia tak patut takut kalah pun. Tapi bagilah proper (dengan izin) dari segi channelnya (dengan izin) dan akhir sekali.

Barulah yang akhirnya ialah tentang perkataan mandat tu lah. Mandat rakyat Mei 2018 ialah bagaimana gabungan ataupun pendirian mana-mana parti, kalau gabungan Pakatan Harapan memang semua tu Pakatan Harapan bertanding dapat 18 kerusi. Semua Barisan Nasional bertanding dapat 3 kerusi. Semua PAS bertanding dapat 15 kerusi. Akhirnya mandat ialah 18, 15, 3. Jadi, janganlah duk kira pecahan balik sebab masa tu tak pernah bersatu pun untuk bergabung macam mana, melainkan yang bergabung tu adalah Pakatan Harapan. Jadi, Tuan Speaker sekali lagi saya mohon merakamkan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam merasmikan Sidang Dewan ini dan mohon menyokong. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Suka Menanti. Harap EXCO-EXCO tu catitlah apa yang, yang ditimbulkan oleh ADUN-ADUN esok penggulungan, tolong setiap EXCO yang terlibat dengan cadangan, usul tu, kena respon esok jadi take note. Seterusnya, sebelah sini, ada sorang lagi, Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum w.t.h, dihormati Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, para pegawai yang dikasihi sekalian. Terdahulu syukur kerana pada hari ini kita dapat untuk berada di dewan yang mulia ini antaranya adalah untuk membahaskan ucapan titah Tuanku Sultan dan saya juga ingin untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jitra atas tugas dan juga usaha yang telah dilakukan sepanjang menjadi menteri besar sepanjang 25 bulan yang lalu.

Dan juga ucapan tahniah atas perlantikan Yang Berhormat Speaker dan juga Timbalan Speaker yang baru dan juga Ahli Dewan Negara yang baru dipilih sebentar tadi. Yang Berhormat Speaker, berdasarkan titah ucapan Tuanku memperlihatkan keprihatinan dan kasih sayang Tuanku kepada rakyat dan juga negeri Kedah ini. Sepanjang ucapan tersebut kita boleh mengira bagaimana disebut sebanyak 16 kali perkataan COVID-19. Suatu perkara yang sedang membelenggu kita pada hari ini. Dan hari ini kita memberikan ucapan wakil-wakil semuanya pasti akan menyebut tentang pandemik ini.

Yang Berhormat Speaker, apa yang disentuh di muka pertama lagi oleh tuanku sultan ialah berkaitan tanggungjawab pemimpin dalam melaksanakan amanah, adil mestilah dilihat adil, bukan sekadar dengan kata-kata sahaja. Nabi S.A.W. memberikan peringatan "*La Imana Liman La Amanata Lah"*, tidak diakui, tidak sempurna iman seseorang yang tidak ada sifat amanah. Saya yakin air mata yang telah pun banyak mengalir daripada kelopak mata Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah jujur daripada hatinya. Menyelami kesusahan rakyat kerana hidupnya juga daripada rakyat biasa, lahir daripada keluarga yang pernah mengalami hidup perit membesar di dalam hutan di dalam sungai tentunya akan juga menyelami keperitan yang ditanggung oleh rakyat sekarang ini. Lebih-lebih lagi di waktu covid-19 ini. Dengan apa yang disebut sebagai negeri Kedah tempat orang kaya berbakti, tempat orang miskin bertumpang berteduh. Moga-moga dengan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan turun ke daerah-daerah mengadakan mesyuarat Kerajaan Negeri di daerah-daerah walaupun tidak sampai seratus hari diberikan amanah sebagai Menteri Besar moga-moga dapat untuk menyelesaikan dengan segera dan pantas keperluan yang ada di setiap daerah InsyaAllah.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin berpesan di pihak kami yang sekarang berada di pihak kerajaan dan juga sahabat-sahabat yang duduk di blok pembangkang bahawa semua kita dipikulkan dengan satu amanah tetapi amanah lebih berat lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan EXCO. Peringatan untuk saya dan juga sahabat-sahabat diblok kerajaan ini supaya memerhati dan juga membantu sahabat-sahabat agar mereka menunaikan tanggungjawab. Tidak terpegun dan terliur dengan jawatan dan juga kekayaan atau pun peluang-peluang untuk mengkayakan diri, kerana, itu adalah sesuatu yang pernah Nabi S.A.W. sebut. Apabila umatku melakukan 15 perkara *"Halla Bihal Bala'",* maka, layaklah umat itu untuk ditimpa bala.

Pertama, Nabi sebut *"Iza Kanal Maghnamu Duwala"* apabila kekayaan negara atau pun negeri itu berlegar pada orang tertentu sahaja. *"Wal Amanatu Maghnama"* dan amanah itu menjadi sumber kekayaan dengan jawatan yang dipikulkan. Bukan peluang untuk menambah kekayaan, menambah kekuasaan tetapi peluang untuk mendapat pahala dan beroleh syurga di akhirat nanti. Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah ketua yang akan mengetuai kami, untuk sampai dan juga memasuki syurga di akhir nanti. Moga-moga Yang Amat Berhormat sentiasa ingat dan juga membantu kami untuk sampai ke tempat yang mulia yang diharapkan itu. Kalaulah saidina Umar R.A. apabila dia ingin untuk melantik seseorang sebagai gabenor, dia akan mengaudit terlebih dahulu harta orang yang dicalonkan untuk menjadi gabenornya. Banyak mana yang ada dan setelah mana habis tempoh sebagai gabenor diaudit lagi bahkan ada peristiwa Saidina Umar memanggil ketika mana gabenornya itu sedang bertugas apabila mendapat khabar bahawa ada pertambahan kekayaan harta yang dimiliki oleh gabenor. Itulah sikap yang sepatutnya juga ada pada pimpinan baru kerajaan Kedah pada hari ini. Moga-moga sahabat-sahabat di pihak kerajaan tidak mengambil peluang bahkan menjadi peringatan bahawa itu adalah sesuatu yang menyebabkan amanah akan terburai dan menyebabkan urusan menjadi sukar ketika mana kita di akhirat nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kesan daripada Covid-19 kita boleh melihat dalam tempoh beberapa bulan bagaimana rumah tangga ada yang goncang bahkan punah di tengah jalan akibat daripada pandemik ini. Bagaimana pasangan tidak dapat menerima, pasangan yang sorang lagi tidak mempunyai kerja, dibuang kerja, tidak ada pendapatan, rumah tangga menjadi suatu bebanan yang besar dan itulah yang kita tengok sekarang. Walaupun ada kenyataan bahawa tempoh itu menyebabkan ramai ibu-ibu yang hamil kerana disebabkan dikuarantin.

Walaupun ada juga kebaikkan di sebalik pandemik tersebut, bagaimana seorang isteri dapat mengetahui tahap ilmu agama suaminya, boleh baca Quran atau pun tidak, berani jadi imam atau pun tidak, dan sampai boleh baca khutbah raya haritu ka dak. Semuanya itu ada hikmahnya, walaupun kesannya juga besar yang bersifat negatif, tapi, satu perkara yang sedang berlaku sepertimana kajian yang dibuat di luar negeri dan itulah juga yang disebut berlaku dalam negara kita walaupun tidak diuar-uarkan. Bagaimana tempoh Covid-19 ini satu perniagaan yang tidak mencatatkan kerugian adalah perniagaan yang berbentuk lucah. Video-video lucah telah digandakan tempahannya terutamanya di luar negeri dan juga kita yang ada di Malaysia ini.

Moga-moga Allah S.W.T lindungi kita, dengan agama kita membangunkan negeri ini, ini Kedah yang sepatutnya telah pun diletakkan sebagai negeri pertama menerima islam.

Saya mohon kepada EXCO agama untuk menggerakkan satu usaha supaya unsur-unsur dan juga faktor-faktor yang menjadi punca kemungkaran berlaku di dalam negeri kita dapat untuk dikenal pasti dan dibenteras kerana ia adalah punca pandemik ini akan berterusan. Rakyat juga akan hidup dalam keadaan merana kerana maksiat dan dosa itu menyebabkan orang akan hidup dalam tanpa rahmat Allah S.W.T. Saya mungkin boleh mencadangkan agar pihak EXCO agama berkerjasama dengan NGO-NGO yang ada keprihatinan walaupun mungkin mereka tidak mengetahui selok-belok SOP untuk membenteras kemungkaran tapi mungkin boleh berbincang untuk memastikan negeri kita ini bersih daripada punca-punca yang menyebabkan bala ini berterusan.

YB. TUAN SPEAKER

YB.Tanjung Dawai, ada nak minta mencelah.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Ya, silakan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ok. Terima kasih, YB. Tanjung Dawai. Terima kasih Tuan Speaker. Tadi ada disebutkan tentang NGO. Jadi, saya nak bertanyalah pada YB Tanjung Dawai. YB Tanjung Dawai bersetuju atau pun tidak sekiranya Malaysia Against Pronografi sebuah NGO untuk masuk ya ke sekolah-sekolah. Kalau sebelum ini masa saya menjadi EXCO pembangunan insan sumber manusia, sebelum ini NGO ini Malaysia Against Pronografi ni masuk sehingga ke 200 buah sekolah ya untuk menyampaikan mesej tentang supaya kanak-kanak, pelajar kita tidak terlibat dengan pronografi. Jadi, adakah kerajaan yang baru ini bersedia ya untuk membenarkan NGO ini untuk memasuki, kalau sebelum ini kami sebenarnya target untuk masukkan ke sekolah agama pula, sekolah agama di Kedah ini untuk Malaysia Against Pronografi ini masuk beri penerangan tentang masalah-masalah yang kepada pelajar-pelajar kita. Terima kasih.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih, Kota Siputeh. Bersedia atau pun tidak insyaallah akan dijawab oleh EXCO, tapi yang baik insyaallah dapat sokongan. Berkaitkan dengan NGO-NGO ini kerana di kawasan ini saya tidak pasti, tapi, di Kuala Muda ada NGO-NGO yang aktif tetapi bagi saya mereka kadang-kadang terlajak tapi mereka punya semangat untuk membantu. Mungkin ada kerjasama yang boleh dilakukan. Dan tempoh Covid-19 ini antara perkara yang boleh untuk saya sentuh ialah bagaimana ujian besar terhadap orang umat islam di Kedah terutamanya yang sebelum ini memprotes Jabatan Agama, memprotes Jabatan Mufti konon-kononnya menyekat untuk sembahyang jemaah, sembahyang Jumaat. Tapi, bila diizinkan untuk sembahyang Jumaat, tak penuh pun masjid. Tak pi penuh pun, sebelum diizinkan tu mengamuk, goncang pintu masjid pun ada, tapi bila diizin tak nampak muka pun. Jadi, satu yang saya nak sebut ni ialah kesan daripada Covid-19 ialah orang Islam terutama di Kedah ini pada hari Jumaat seolah-oleh mereka lupa ada kewajiban sembahyang Jumaat. Pasai apa, mereka kata masjid ada had tertentu bagi hat boleh pi jelah. Kalau lebih tu tak boleh masuk dah. Dia jadi satu keringanan untuk melaksanakan kewajiban itu. Dan saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri yang baru mengumumkan.....(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan ya, laluan.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Ya, silakan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Mungkin ada di antara....

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker. Tuan Speaker, minta laluan. Mungkin ada di antara masjid-masjid yang melaksanakan SOP yang akhirnya mereka-mereka yang hendak berjemaah, melakukan sembahyang jumaat tadi terpaksa meninggalkan masjid tersebut. Di antaranya adalah apabila sampai waktu orang dah masuk semua, dia kunci terus pagar. Sampai macam tu sekali, ada di antaranya yang apabila jemputan, ada masjid-masjid yang melakukan jemputan tetapi yang mai tu bukan jemputan, yang ini bukan semua masjid, tetapi ada masjid-masjid yang macam tu. Jadi, apabila nama tidak tersenarai dalam jemputan tu maka, dia tidak membenarkan. Jadi, adakah SOP-SOP ini yang perlu dilihat semula untuk memastikan bahawa akhirnya mereka yang nak ke masjid itu apa ni dipastikan bahawa dia berada di masjid itu walaupun duduk di bawah. Ada masjid-masjid yang membenarkan sehingga duk bawah pun tak apa. Jadi, adakah pada pandangan Tanjung Dawai beberapa SOP yang agak ketat tadi yang akhirnya menjadikan mereka-mereka yang hendak hadir sembahyang jumaat itu tidak boleh berlaku.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih, Pengkalan Kundur. Bagi saya bergantung kepada pihak berkuasa masjid. Contoh baru-baru ini dalam mesyuarat peringkat daerah, keselamatan peringkat daerah, OCPD Kuala Muda memuji tindakan Masjid Andalusia Sungai Petani, Bandar Laguna Merbok yang mengikut SOP yang bagi memastikan keselamatan jemaah. Tapi ada masjid-masjid yang contoh di kampung-kampung yang biasanya tidak penuh pun waktu sembahyang jumaat.

Jadi, ada masjid contoh dalam masa di zon kuning sekarang ini yang tidak dibenarkan untuk sembahyang jumaat contohnya, atau pun untuk dilakukan aktiviti-aktiviti sepertimana biasa. Di luar daripada zon kuning ada juga masjid yang mengambil sikap berpendirian untuk mengikuti SOP yang sama demi keselamatan. Jadi bagi saya, itu bergantung kepada pihak masjid itu sendiri. Jadi kalau Bandar Laguna Merbok, Masjid Andalusia itu dia dengan penduduk yang ramai, dia perlu untuk mengambil nama, tapi di masjid mungkin tidak sampai ke peringkat mengambil nama untuk sembahyang jumaat.

Yang kedua, ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan pendidikan yang juga terkesan dengan Covid-19 ini. Bagaimana kesannya sepertimana di WEF sebut bahawa sekitar 1 billion pelajar-pelajar peringkat rendah dan juga menengah di dunia ini tidak dapat untuk meneruskan pengajian seperti biasa.

Beralih kepada pengajian di rumah tetapi apa yang berlaku ialah dengan kekurangan dan juga kelemahan di sudut fasaliti yang ada menyebabkan pembelajaran di rumah itu ada tidak dapat dilaksanakan sepertimana yang dikehendaki. Jadi, sebahagian sahaja waris atau kawasan-

kawasan tertentu yang boleh melaksanakan pembelajaran di rumah. Kalau di kampung payah la nak dapat untuk mengaji dengan sebab internet apa semua. Saya minta supaya Kerajaan Negeri supaya Exco bahagian telekomunikasi dapat untuk berbincang bagi memastikan internet di kawasan-kawasan yang slow, yang lembab dapat dipertingkatkan kualitinya bagi memastikan pembelajaran di rumah itu dapat dilaksanakan. Hari ini, kita melihat bagaimana pendidikan telah pun dimulakan kembali, tapi dalam tempoh itu mak ayah dapat belajar banyak.

YB. Tuan Speaker, belajar macam mana yang sebelum ni mungkin mak ayah komen yang bukan-bukan kepada guru pendidik. Tapi, bila mereka duduk di rumah dikuarantin dengan anak-anak mereka terpaksa untuk mengurus pendidikan sendiri di rumah. Mereka nak mengamuk baru mengajar anak sendiri dua, tiga orang, tu pun mengamuk dah. Tak boleh nak bayang macam mana guru boleh kawal dalam kelas 30, 40 orang. Waris dapat pengajaran besar dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, keprihatinan kepada pondok-pondok dan sekolah agama rakyat yang kakitangannya juga terjejas teruk kerana pendapatan daripada sekolah agama rakyat dan pondok terputus akibat daripada Covid-19 yang bergantung dengan sumbangan dan juga yuran yang sedikit atas keprihatinan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri. Alhamdulilah bantuan telah pun diberikan kepada sekolah-sekolah agama iaitu guru-guru dan juga guru pondok.

Yang ketiga, berkaitan dengan air. Biasa perkara yang saya sebut, saya ucap ribuan terima kasih atas keprihatinan kerajaan dan juga khusus kepada Exco air yang telah pun turun berapa kali ke Merbok khususnya di Tanjung Dawai berani berdepan dengan penduduk di Taman Lembah Bujang fasa IV. Berdepan di surau fasa IV mendengar keluhan, suatu perkara yang bagi saya patut dan wajar dipuji dan apabila Yang Berhormat Dato' Exco pergi melawat empangan ataupun di tupah. Bawa sekali dengan orang-orang kampung, penduduk untuk melihat sendiri realiti yang ada di tupah supaya mereka mengetahui dan mengerti tentang permasalahan yang berlaku sekian lama dan saya harap moga-moga seperti mana yang disebutkan oleh pihak sana tentang projek-projek lima projek loji rawatan air. Termasuklah di Bukit Selambau untuk menyelesaikan air yang di Merbok terutamanya Tanjung Dawai dapat dilaksanakan. Tidak ada kajian demi kajian yang akhirnya menyebabkan masa terbuang dan kos duit pun juga akan dibazirkan.

Cukup dan memadailah dengan kerugian yang ditanggung oleh SADA sebelum ini. Rugi macam mana, hantar air, air percuma tanpa dapat bayaran. Terpaksa sewa lori pula berbagai kewangan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi menghantar air kepada pihak-pihak yang

terjejas akibat daripada masalah air di Tanjung Dawai. Jadi, saya mohon moga-moga projek yang telah pun disebutkan akan dilaksanakan serius pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan dan seperti mana yang diuar-uarkan paling lewat pada 2023 masalah itu dapat diselesaikan doa-doa, moga-moga Kerajaan Negeri dapat menunaikan apa yang dijanjikan itu insyaallah.

Yang keempat, yang terakhir ialah berkaitan dengan pencemaran udara sepertimana dimaklumi juga berapa bulan yang lalu yang berlaku di Semeling. Tapak perlupusan sampah di Semeling yang merupakan antara tapak perlupusan yang besar menyebabkan pencemaran udara yang cukup kritikal sedangkan kawasan itu ada universiti dua buah, sekolah-sekolah rendah dan menengah yang banyak. Taman-taman perumahan yang juga banyak, tapi sangkaan saya ingat kot tapak perlupusan itu telah pun ditutup. Rupa-rupanya masih lagi dibuka, saya mohon supaya Kerajaan Negeri dapat untuk membuat satu fungsi bagi menyelesaikan keluhan rakyat berkaitan dengan pencemaran udara di Semeling ini, yang mengikut seperti mana jawapan yang diberikan kepada soalan bertulis saya bahawa operasi untuk pemadaman pembakaran yang berlaku di tapak perlupusan sampah Semeling itu kos yang ditanggung hampir 2 juta ringgit telah pun dibelanjakan. Hampir 2 juta ringgit. Tetapi masalah itu masih lagi berlaku sehinggakan bau busuk asap itu sampai masuk di DUN Guar Chempedak, di Singkir. Sampai ke Singkir. Jauh, Singkir, Singkir. Jadi, terbaru dua hari lepas bila saya turun ziarah orang di Bedong. Mereka menyebut bahawa bau busuk itu masih lagi ada, asap juga masih lagi ada.

Jadi, saya mohon daripada pihak Kerajaan Negeri dapat untuk menyelesaikan dan tidak sewajarnya tapak itu dikekalkan dan perlu untuk dipindah ke kawasan yang lain. Saya mohon untuk berhenti dan terima kasih di atas peluang yang diberikan jadi tak mau cakap panjang.

YB. TUAN SPEAKER

Sengaja Speaker tak mau berenti, biar dulu.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Jadi, saya menyokong Usul Titah Ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku, sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Tanjung Dawai. Saja saya bagi lebih 5 minit, dia terlajak sendiri. Sekarang, kita nak minta doktor dulu. Nak ambik berapa minit ni?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, sat-sat pendek. Dalam 15 minit lebih kurang.

YB. TUAN SPEAKER

Saya bagi 20.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Alhamdulillah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah. Rakan-rakan EXCO, rakan-rakan ADUN, pihak kerajaan, tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian. Yang pertama, saya melahirkan rasa syukur kerana diberi peluang untuk sama-sama berbahas dalam perbahasan titah atau pun usul menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam titah ucapan di dewan yang lalu saya akan menyentuh beberapa perkara terutamanya dari segi ucapan atau pun titah tuanku pada titah yang lalu, pada dewan yang lalu. Pada umumnya tuanku menyentuh tiga perkara di awal-awal titah dalam berkait dengan satu sifat iaitu sifat amanah, bertanggungjawab dan jujur, dan pada bahagian yang kedua adalah berkait dengan apa-apa juga yang berkaitan dengan Covid dan pada diakhirnya adalah berkaitan dengan projek-projek yang ekonomi.

Jadi, saya akan menyentuh satu sahaja iaitu yang pertama iaitu satu sifat yang mesti ada semua orang. Tuanku bertitah dan sifat itu sangat penting yang semestinya ada pada setiap kita. Dalam satu ayat dalam teks yang kita sama-sama baca pada pagi ini, “beta menyarankan agar amanah rakyat tidak dipersiakan, janganlah ia dicemari dengan kepentingan peribadi melebihi kepentingan rakyat”.

Jadi, sifat yang saya sebut tadi ni amanah lawannya khianat, amanah lawannya khianat dan sifat ini mesti ada pada setiap individu. Amanah pada diri sendiri, cuba bayang kalau kita tidak amanah pada diri sendiri. Kita mesti beramanah pada diri sendiri, beramanah tidak mengkhianati diri sendiri. Contoh, kalau kita ada penyakit contoh kencing manis, adalah sukar untuk kita nak regularise kita untuk kita setiap hari makan ubat dua kali sehari contohnya. Lalu

kita selang-selang sehari ataupun dua, tiga hari sekali kita ambik ubat. Maka kita mengkhianati diri kita, kita tidak beramanah pada diri kita, lalu akhirnya dia berenti di mana, dia berenti kerat kaki.

Jadi, kesan daripada tidak amanah tadi adalah kesan pada diri sendiri. Dan sudah tentu apabila pada diri sendiri sifat amanah ini mesti ada, maka inilah juga sifat yang mesti ada dalam masyarakat, mesti ada dalam kawasan yang lebih besar. Apatah lagi pada ahli-ahli politik yang bertanggungjawab langsung kepada rakyat. Dan saya mahu kaitkan dengan amanah ini lagi sekali sebab ini merupakan perkara yang sangat asas. Tidak pernah berlaku dalam negeri kita tapi berlaku pada kali ini. Itu amanah yang diberikan oleh rakyat, saya kira Sungai Limau tadi telah dijawab, bukan dia kira seorang-seorang macam tu tapi amanah itu diberi kepada parti yang dia wakili. Sebab sistem kita macam tu, first pass the post (dengan izin). Jadi, sistem kita macam tu, maknanya amanah yang diberi haritu ni adalah amanah yang diberikan kepada Pakatan Harapan untuk memerintah dan kalau katakan lemah sangat pun maka amanah ini rakyat telah faham secara konvensialnya. Secara biasanya, rakyat faham bahawa amanah ini adalah untuk lima tahun. Kalau teruk sangat, maka selepas 5 tahun rakyat akan ubah pasai apa, rakyat faham dah amanah ini lima tahun. Tapi, apa yang berlaku adalah dia tidak berlaku macam tu, amanah yang rakyat faham lima tahun ini akhirnya telah dirampas di tengah-tengah jalan. Bagi saya laju sikit. Baru masuk gear 3.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Nak. Nak. Nak tanya la. Sebelum pi gear terus, saya nak potong payah pula kan. Adakah yang berhormat setuju.

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya. Yang Berhormat Tuan Speaker. Nak tanya Pengakalan Kundur setuju, peralihan ini sebenarnya dia bukan bermula di perigkat negeri. Tapi bermula bila perletakkan jawatan Perdana Menteri, kemudian barulah beralih sampai harini pun. Jitra masih taktau lagi sama

ada duk dalam Pakatan Harapan ataupun sebelah parti lain sebab Pejuang parti baru kan. Jadi, tadi tanya dia kata macam mana yang sebelah sana pun taktau lagi nak pi kot mana. Sokong Port Dickson ataupun sokong Langkawi. Ya, terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sungai Limau selalu cuba membawa, mengalih pandangan supaya apa yang saya hujah itu dapat dipertikaikan. Kita balik kepada peralihan kuasa daripada Perdana Menteri Tun kepada apa ni Paklah Badawi. Berubah. Tetapi kerajaan tidak berubah, juga daripada Paklah kepada Najib. Berubah tak kerajaan, tidak berubah. Berlaku dak peralihan Perdana Menteri. Berlaku. Pasai apa tak berubah, pasai tidak ada orang lompat. Pasai tidak ada orang khianat. Berlaku perubahan baru ni sebab kalau katakan Tun yang meletak jawatan tapi selepas tu. Ok ahli-ahli parlimen kata kita beri mandat rakyat, rakyat telah memberi mandat selama 5 tahun untuk mereka menguruskan, maka ahli-ahli parlimen dalam kerajaan Pakatan Harapan bincang. Bincang akhir-akhir sekali katakan Gurun naik Perdana Menteri, tapi ini tidak berlaku macam tu sebab berlakunya lompat tadi yang mengkhianat mandat rakyat tadi. Jadi, saya kira dewan hari ini jelas bahawa bukan isu letak jawatan. Kedah letak jawatan tak. Dak. Pasaipa Kedah jatuh. Jitra letak jawatan?, dak. Jatuh sebab ada orang lompat. Sebab majoriti hilang dan kami menghormati satu lagi perundangan yang apabila hilang majoriti maka kami jatuh. Maka, kami hormati itu. Saya tak pertikai itu, tapi harini saya bercakap tentang satu sifat iaitu amanah.

Khianat, dan saya nak kita sama-sama maklum dalam Quran sebut puluhan kali ayat yang berkait dengan amanah. Dalam hadis saya ingat, ribuan hadis atau pun ratusan hadis yang menyebut tentang sifat amanah. Jadi, kalau saya boleh baca dua harini. Maksudnya, adalah, hadis yang pertama adalah dari al-bukhari dan muslim, yang dua dari Imam Ahmad, yang pertama dari Abu Hurairah r.a., Nabi s.a.w beliau bersabda “tanda orang munafik ada 3, iaitu apabila bercerita atau berbicara dia berdusta, apabila berjanji dia mungkiri dan apabila dia diberi amanah dia khianat”. Hadis yang kedua dari Anas Bin Malik r.a. Nabi s.a.w. tidak berkhutbah pada kami melainkan beliau bersabda “tidak ada iman bagi orang tidak memiliki sifat amanah dan tidak ada agama bagi orang yang tidak menepati janji”.

Jadi, sifat yang sangat penting ini setelah tuanku bertitah hanya sebulan, bulan 4, 16 April, bulan 5 selepas lepas tu bagaimana kita melihat wakil-wakil rakyat tadi tidak melakukan amanah. Mengkhianati mandat rakyat dan akhirnya, dengan khianat mandat rakyat itu maka berubah kerajaan. Jadi, inilah sifat yang patut ada.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Minta laluan, Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Silakan

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

YB. Pengkalan Kundor, saya ingin bertanya. Komen YB. Pengkalan Kundur dengan tindakan yang pernah dirancang oleh Ketua Pembangkang sekarang di Parlimen untuk projek 16 September 2009 dulu?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya serahkan kepada rakan-rakan kita untuk menjawab. Jadi, saya kira jelas pada kali ini adalah pertama kali dalam sejarah negeri Kedah berlaku perubahan kerajaan yang sudah tentu berpunca daripada sifat gelojoh ingin berkuasa melakukan khianat terhadap mandat rakyat dan saya kira rakyat mesti faham ini. Kalau pun nak kerajaan, tunggu 5 tahun kerana mandat rakyat 5 tahun dan saya kira rakyat telah faham apa yang berlaku dan kita rasa dalam pilihanraya yang akan datang rakyat akan menilai apa yang kita buat pada hari ini.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Pengkalan Kundor, izinkan saya mencelah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Izinkan saya beri kepada rakan, YB. Jitra dulu lepas tu YB. Kuala Ketil.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tuan Speaker dan Yang Berhormat Pengkalan Kundor, setuju ke tidak Ahli Yang Berhormat bahawa sepertimana yang termaktub dalam undang-undang tubuh Kerajaan Kedah iaitu perkara 37(6) yang mana dinyatakan jika Menteri Besar itu tiada lagi dipercayai oleh kebanyakan Ahli-Ahli Dewan Negeri, maka ketika itu melainkan dengan permintaan raja pemerintah memansuhkan Dewan Negeri, hendaklah dia pinta berhenti Majlis Mesyuarat Kerajaan. Perkara yang lebih kurang sama termaktub juga dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana Perdana Menteri juga sekiranya beliau tidak lagi menikmati sokongan majoriti dalam dewan rakyat seharusnya meletak jawatan. Dan itulah

yang telah berlaku kepada Ahli Parlimen Langkawi apabila sehari sebelum beliau mengeluarkan surat perletakan jawatannya, berlaku apa yang dikenali sebagai "Langkah Sheraton", di mana saya tak ingat lebih kurang 120 mungkin, Ahli-Ahli Parlimen daripada UMNO, PAS dan dicampur pula lagi sebahagian daripada PKR, daripada BERSATU, yang berhimpun di Hotel Sheraton tersebut dan diwar-warkan kepada media bahawa Kerajaan Pakatan Harapan sudah tumbang. Maka itu sebabnya YB. Langkawi telah mengeluarkan surat perletakan jawatan tersebut.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Kundor. Terima kasih beri pulang untuk saya bertanya pendapat YB. Pengkalan Kundor. Tadi YB. Pengkalan Kundor ada menyatakan bahawa Tuanku ada menitahkan tentang jujur dan amanah. Sebulan selepas tu berlaku pengkhianatan. Jadi, saya ingin nyatakan sini bahawa pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri juga direstui oleh Tuanku Sultan dan diproses jalan dengan lancar, baik. Adakah itu juga menyatakan bahawa Tuanku Sultan juga tidak setuju ataupun Yang Berhormat juga tidak setuju dengan keputusan Tuanku Sultan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya jawab yang YB. Kuala Ketil dulu. Dari awal saya menyebut kita menghormati dan kita tidak pernah pertikai dan itu juga wujud dalam peruntukan undang-undang. Apabila hilang majoriti, masuk kepada YB. Jitra, maka dia hilang majoriti, beliau tidak lagi berhak untuk memerintah sebab dia hilang majoriti. Tapi, dalam proses nak hilang majoriti itu yang saya pertikaikan, saya tak pertikai lantikan Menteri Besar sekarang. Itu lantikan yang sah. Lantikan yang sah ikut perundangan tapi proses sebelum itu, itu yang saya sebut tadi. Jadi, saya kira kita dah faham bahawa inilah kerajaan yang ada pada hari ini, kerajaan yang sah. Tapi....(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HJ. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya juga ingin.....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan speaker....

YB. DATO' IR. HJ. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Lantikan.... eh! Yang Berhormat Speaker, ya. Adakah Yang Berhormat Pengkalan Kundor setuju, kalau tidak dihentikan amalan lompat, sekarang berlaku di Sabah. Sekarang ni, dah berlaku dah di Sabah. Semua kita tau, bagaimana kes lompat ni, awat dia pi 'free' (dengan izin), tak 'free' (dengan izin). Tak 'free' (dengan izin) pergi lompat-lompat ubah parti tu. Dah isytihar dah kata ada majoriti bawa pergi ke Ketua Menteri. Bawak ke pihak yang dapat majoriti tu kata nak bawak mengadap. Ketua menteri pergi dulu, ni politik akhirnya berlaku satu pilihan raya. Apa ni ketua terima? Adakah Yang Berhormat bersetuju amalan ini, kita nak terus kita bersabarlah yang sepatutnya. Adakah kita bersetuju bahawa amalan ini akan diteruskan pada masa hadapan? Dengan masa sekarang pun, Yang Berhomat Jeneri baru duk Menteri Besar, duk dua, tiga bulan lagi dah lompat pula. Setuju ka dak, tak setuju kan? Macam mana baru duduk ja ni dah pakat lompat pula. Atas sebab-sebab tertentu bolehkah kita terima? Saya pun tak boleh terima, tak. Jadi, minta hurai sikit masalah ini supaya pakat-pakat faham. "We should stop". Adakah setuju?

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang berhormat.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Berbalik, Ya.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Nak tambah sikit boleh tak? Sikit ja, nak tambah yang tadi. Tadi kita bercakap mengenai lompat-melompat, saya nak sentuh mengenai apa sebabnya lompat. Tambah kita lihat di peringkat Persekutuan, lantikan yang diberikan kepada mereka-mereka yang melompat tadi, ada yang dilantik jawatan Menteri, Timbalan Menteri, GLC dan sebagainya.

Di peringkat negeri mungkin ada juga latikan Exco Kerajaan Negeri dan sebagainya, kita tak pasti. Tapi, setuju ke tidak yang berhormat sekiranya kita minta SPRM untuk menyiasat, kita nak supaya kerajaan yang ada ni kewibawaannya tak dipertikaikan. Kita nak supaya tidak ada rasa sangsi atau buruk sangka.

Jadi, kalau kita minta SPRM untuk siasat kalau ada apa-apa habuan yang diterima contohnya ya. Maka itu boleh dianggap sebagai satu kesalahan yang mana menyebabkan sebuah kerajaan di gulingkan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya sangat bersetuju temtation ataupun dia punya apa dugaan, kepada untuk dia mengkhianati mandat tadi. Maka, habuan-habuan, maka kita sangat bersetuju untuk SPRM masuk dan melihat kepada semua tadi apakah punca yang menjadikan dia mengkhianat. Ataupun dia khianat pasal tiada habuan pun, tapi nak kuasa, khianat juga. Khianat, khianat pelbagai peringkat yang saya sebutkan tadi. Jadi, saya juga bersetuju dengan Pengkalan Kundor supaya mengkhianati ini tidak boleh berlaku.

YB. TUAN SPEAKER

Bersetuju dengan siapa?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pengkalan Kundor pula. Alor Mengkudu.

YB. TUAN SPEAKER

Ooo..Alor Mengkudu.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Alor Mengkudu pasal, pasal saya tunjuk contoh tadi bahawa khianat pada diri pun tak boleh. Khianat tak makan ubat kencing manis pun tak boleh. Dia khianat diri dia. Apatah lagi khianat dalam bentuk besar. Jadi, sebab tu kita nak supaya, saya sangat bersetuju dengan cadangan-cadangan supaya ada satu peruntukan undang-undang. Kita manusia ni sangat terhad. Ada undang-undang yang untuk mengawal, kalau nak perintah dengan apa ni dengan mandat teruskan. Walaupun, ada kelemahan, teruskan sebab itu mandat. Saya nak pendek sebab saya rasa Tuan Speaker pun tengok jam, itu yang pertama.

Yang kedua, saya nak kembali kepada bagaimana kita sebagai sebuah kerajaan, apa yang berlaku setengah jam, mungkin sejam dalam perlantikan Speaker tadi adalah sesuatu yang sangat tidak manis, sangat tidak teliti, nah.

Kami menerima peringatan melalui Whatsapp pada hari bulan. Peringatan tentang dewan ni. Dan aturcara-aturcara dia, aturan mesyuarat dan seumpamanya. Tetapi secara khusus berkenaan dengan speaker itu tidak dinyatakan. Ini dalam perkara 41 yang kita perbahaskan tadi ni, perkara yang boleh kita perbahaskan. Jadi, kalaulah pihak kerajaan lebih teliti, lebih cermat, lebih prihatin mengikut satu-persatu, maka, tak timbul benda tadi. Tak timbul, tak timbul perbahasan yang kita pertikaikan tadi. Maknanya, maklum kepada ahli-ahli dewan bahawa telah ada perletakkan jawatan Speaker dan kalau ada cadangan untuk mengusulkan Speaker, sila. Kalau ada sebegitu. Maka, benda tadi berlaku secara cantik, tapi bila tak berlaku cantik macam tu dan 41 itu boleh, boleh ditafsirkan dengan cara yang berbeza jadi macam tadi. Jadi, kita nak, kita tanak benda-benda ini berlaku di masa-masa hadapan.

Yang ketiga, saya sangat bimbang dengan halatuju Kerajaan Negeri apabila Jeneri ambil alih haritu, beberapa misi awalnya adalah seolah-olah menyatakan halatuju. Itu yang pertama, kita akan mengkaji semula untuk tebang hutan di Ulu Muda. Jadi perkara yang paling awal ini disebut dalam PC setelah menjadi Menteri Besar. Saya kira ianya sangat-sangat yang perlu kita beri titik berat sebab saya kira inilah halatujunya. Halatujunya seolah-olah hendak membuka semula. Setelah kerajaan Pakatan Harapan memberi jaminan kepada empat lebih juta kepada rakyat di zon utara ini supaya menikmati bekalan air yang cukup dari segi minum dan juga dari segi pengairan padi. Maka, tiba-tiba kita nampak. Jadi Jeneri akan jawab nanti. Seolah-olah dia nak membuka semula apa yang telah kita apa ni perketatkan, perjuangkan kepada rakyat dengan kita mencari sumber-sumber lain kepada Kerajaan Negeri melalui sumber-sumber apa ni yang berbeza.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Kundor. Saya ingin juga mohon penjelasan macam Pengkalan Kundor juga sebab dalam jawapan juga, dalam soalan tentang lesen pembalakan sejak Mei 2018 hingga Mei 2020 dijawab oleh kerajaan sebanyak 23 lesen pembalakkan dikeluarkan sejak Mei 2018 hingga Mei 2020. Jadi, hat tu zaman Pakatan Harapan mungkin ada pindaan dan sebagainya sebab ada lesen yang dikeluarkan. Jadi mohon juga penjelasan. Sila.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Jadi, yang seterusnya adalah hala tuju tadi lah. Hala tuju tadi kita nak supaya, kita akan bantu, kita pembangkang sifat kita bukanlah membangkang semata-mata, tetapi kita akan bantu dari segi tanggungjawab.

Saya tgok tanggungjawab dalam bola, bola, bola YB Jeneri. Bola sepak, bola sepak ni menjadi sukan dunia yang kita telah tahu, maka, saya melihat apa yang dihujahkan haritu ni seolah-olah lebih untuk nak persalahkan kita daripada nak menyelesaikan masalah. Jadi, kalau kita sikap begitu sudah tentu kita rasa sesuatu yang sangat tidak baik, dengan lebih menyalahkan orang lain daripada nak berusaha untuk menyelesaikan masalah. Jadi, kalau hala tuju, sikap, tanggungjawab yang ditunjukkan sebegitu daripada awal, maka, kita bimbang hala tuju mana negeri Kedah yang nak bawa. Setelah, dah la ambik separuh jalan, tidak ada manifesto dan seumpamanya, mentadbir secara itu pula. Jadi, saya rasa itulah perkara-perkara yang saya nak sebut. Jadi, saya tutup dengan satu ayat Quran yang juga berkait dengan amanah Innallah' Hayudafiu'fiu'anila'zinaa'manu Innallah'alayuhibbu'qulu Qawwa'min Kaffur "sesungguhnya Allah membela orang yang beriman, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang khianat, lagi tidak bersyukur". Jadi, saya menggambil peluang ini untuk juga menyokong usul, menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Pengkalan Kundor. Kalau saya tak beri peluang kepada wakil rakyat DAP. DAP belum bercakap, dia duk perhati ja orang bercakap. Jadi, saya terfikir dan saya nak jemputlah wakil daripada Kota Darul Aman untuk cakap ikut suka panjang mana dia nak bercakap.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih, Tuan Speaker. Saya akan patuhi masa yang ditetapkan.

YB. TUAN SPEAKER

Saya bagi masa tak ni, dia nak katup pula. Ok silakan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Salam sejahtera, salam harapan, salam merdeka diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri. Ahli-ahli majlis mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan titah ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Sebelum membahas titah ucapan Tuanku Sultan, ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas-petugas perubatan kesihatan, polis, tentera, APM, KKM terutamanya mereka daripada barisan hadapan frontliners (dengan izin) dari sektor kerajaan, swasta, sukarelawan dan juga badan bukan kerajaan NGO atas jasa dan pengorbanan mereka ketika negara dilanda ancaman penularan wabak COVID-19. Tanpa mereka, penularan COVID-19 sudah tentu tidak terkawal malah berkemungkinan akan menjadi malapetaka besar kepada seluruh rakyat Malaysia. Saya berasa syukur dan amat berbesar hati dengan titah ucapan Tuanku yang telah memulakan asas yang penting di mana kepentingan, di mana pemimpin yang amanah akan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat di hadapan berbanding kepentingan diri sendiri.

Namun, apa yang rakyat Kedah saksikan beberapa bulan lalu adalah tidak sama dengan apa yang disampaikan oleh titah Tuanku kerana kepentingan diri sendiri melebihi kepentingan rakyat. Apabila kita melihat 6 ADUN di sebelah sana mencapai kesepakatan untuk membelakangi mandat dan nyawa rakyat. Menggulingkan kerajaan Pakatan Harapan. Sedapnya bila dengar ini ucapan dalam surat khabar “kami ada bot baharu yang mai, jadi kami ambil keputusan untuk naik bot tersebut”.

YB. TUAN SPEAKER

Dia kata kat Speaker pa.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Kami rasa ayat ni perlu diperbetulkan kerana lompat tetap lompat, apabila dua ‘jump’, empat ‘jump, thats why we change goverment’ (dengan izin). Tindakan naik bot baru ini seolah-olah kami sebagai rakan seperjuangan dikhianati kerana sebelum tukar kerajaan tiap-tiap hari boleh kita ramah mesra di hadapan.

Tapi, tiba-tiba ada agenda gulingkan kerajaan dari dalaman, dalam saat-saat krisis wabak COVID-19. Mereka sanggup gadaikan mandat rakyat yang diberi undi oleh ratusan ribu pengundi dan rakan seperjuangan demi mempertahankan jawatan EXCO dan GLC. Ini sesuatu amalan yang tidak patut kita contohi dan tidak dapat dimaafkan kerana mandat rakyat telah dikhianati. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian, berikutan peralihan kuasa Kerajaan Negeri, perancangan pembangunan negeri Kedah melihat insiden wakil rakyat lompat sana sini sehingga tubuh dan jatuh satu kerajaan. Saya ingin sarankan yang kat sana supaya berhati-hati sebab kita tak tau siapa kawan siapa lawan. Nanti lompat, jatuh pula kerajaan Perikatan Nasional. Tahun 1996 sehingga tahun 2020, tempoh 24 tahun kita tukar 8 kali Menteri Besar.

Maknanya purata survival rate survival period (dengan izin) seorang Menteri Besar Kedah hanya 3 tahun sahaja. Mungkin tak sampai 3 tahun lagi kita akan tukar MB lagi. Kerajaan baru naik, semua yang dibikin dulu reset semula. Pelan pembangunan Kedah 2035, yang dirangka kerajaan Pakatan Harapan dalam tempoh 24 bulan pemerintahan sudah tentu akan ubah juga. KXP yang baru-baru diumumkan oleh Menteri Pengangkutan merupakan satu contoh permulaan pembatalan yang akan berlaku. Macam mana kita nak maju kehadapan apabila kesinambungan dasar tiada dalam pentadbiran negeri. Kerajaan PAS atau dinamakan Perikatan Nasional, Muafakat Nasional memberikan naritif dengan slogan “Kedah Sejahtera, Nikmat untuk Semua” tak semestinya dapat tercapai sekiranya semua tak usaha gigih untuk membangunkan negeri Kedah yang semakin mundur berikutan politik yang kecoh dan COVID-19. Kita sebagai pemimpin negeri.

YB. TUAN SPEAKER

Kota Darul Aman, ada pencelahan

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Silakan.

YB. DATO’ JOHARI BIN ABDUL

Tuan Speaker, sudahkah Kota Darul Aman satu kajian telah dibuat di Thailand. Setiap kali berlaku rampasan kuasa di Thailand, kemajuan negeri Thailand berundur 20 tahun ke belakang. Jadi, maknanya setiap kali kerajaan baru naik, tentera ambil alih, dia undur lagi 20 tahun. Ini tidak pernah berlaku di Malaysia.

Oleh kerana pertukaran kerajaan sekarang ini, setujukah Kota Darul Aman dengan saya, kalau trend ini berterusan apa-apa juga kita kata the first time is already difficult (dengan izin), kali pertama sahaja yang susahnya. Macam orang kawin dua, tigalah. Yang pertama ok, yang kedua, ketiga tu dia terus la lepastu. Maknanya nak lepas kali kedua tu susah, tapi dalam kes ini kalau dilihat trend ini. Apa janji yang pilihanraya akan datang. Katakanlah sapa-sapa juga yang menang, majoritinya 3:4:5 akan berlaku berterusan dan kalau tidak ada undang-undang untuk menyekat tindakan ini, maka, kerajaan kita akan terus berundur, berundur dan berundur, dan yang selesa ialah orang yang lompat jadi wakil rakyat tapi rakyat terus menderita. Apa pandangan yang berhormat tentang ni, terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok, Yang Berhormat Gurun, saya setuju sepenuhnya kerana melihat perkembangan beberapa negara. Kita dapat lihat contohnya Vietnam, di mana dalam beberapa tahun ni bila dasarnya berterusan, perkembangan ekonomi merancak dan bila kita tengok China sejak 45 tahun tak ubah kerajaan kekalkan polisi dasarnya negara berkembang sangat maju. Tapi, bila berlaku peralihan kuasa, rampasan kuasa kerajaan itu akan mundur 10 tahun atau 20 tahun sepertimana yang di cakapkan Gurun adalah benar. Jadi sambung semula, kepada titah ucapan. Ya. Dipersilakan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, tadi sebut ada berlaku rampasan kuasa tapi hat yang kita buat ni bukan rampasan kuasa. Ikut law (dengan izin) yang betul. Dan insyaallah kita yakin kita akan dapat madu, dan rakan-rakan hat yang pernah jadi EXCO negeri Kedah dulu yang rasa disini ni lebih selesa untuk nak maju negeri daripada kerajaan hat dahulu yang 22 tahun, yang 22 bulan yang berlangsung sebelum daripada ni.

Jadi, adakah Yang Berhormat Kota Darul Aman, kalau kita nak ambil sejarah-sejarah negara-negara luar, blok komunis ka, blok apa, tapi kita ada ciri kita sendiri. Ya kita setuju untuk semua pakat jaga jati diri masing-masing, setia, tapi, dalam tempoh kerajaan Pakatan Harapan perintah pun benda tu tak berlaku walaupun didesak sebelum daripada ni. Jadi, kita bersetuju adakah sepatutnya undang-undang ini dibuat lebih awal. Dipersilakan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima Kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Kota Darul Aman. Saya melihat berkenaan dengan ini dijadikan platform luahan hati Yang Berhormat pembangkang untuk mengata kepada beberapa orang individu yang lompat. Kami di sini yang membentuk kerajaan ini, kami masih lagi majoriti yang setia, yang tidak melompat. Yang inginkan perubahan ke arah kebaikkan. Jadi, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Kota Darul Aman, kenapa menggunakan platform sidang DUN yang kita ingin move on (dengan izin), yang kita ingin memberi satu apa kebaikkan kepada rakyat, membela rakyat dalam sidang DUN ini dijadikan platform untuk luahan parti pembangkang ni. Kenapa.

YB. TUAN SPEAKER

Hari ni ja YB, esok takda dah. Hari ni hari luahan perasaan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih, terima kasih Tuan Speaker. Sebab kalau kita tak bahas sekarang ni, maknanya kita dah. Kita nak bagitau rakan-rakan kita apa tu kebenaran yang diistiharkan oleh tuhan, ok itu sahaja. Ok saya sambung semula, kita sebagai wakil rakyat merupakan pemimpin negeri yang dipilih mahupun majoriti ataupun minoriti harus kita bertekad memikul tanggungjawab dan mengambil inisiatif untuk mengubah nasib setiap rakyat agar kita agar rakyat kita hidup mewah dan bahagian pada masa depan. Dan menerusi sistem urus tadbir terbaik dan juga dasar-dasar yang membina serta berterusan. Kita ambil. Bagi saya sambung dulu. Sebab saya rasa semua nak balik awal. Jadi, saya habiskan dulu.

YB. TUAN SPEAKER

YB Kota Darul Aman. Saya bagi extend (dengan izin) masa, bagi dia tanya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Kalau tak silap saya, saya dengar tadi YB. Kota Darul Aman kata kerajaan membatalkan projek KXP. Betul ka ucapan tadi? Saya rasa Yang Berhormat sebut yang tu.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Dalam rancangan Warta, ok.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Dalam rancangan batal. Tak betul tu, tak boleh mengelirukan Dewan. Yang kedua Yang Berhormat Speaker, saya tertanya-tanya pasal belah sana sebut lompat, khianat, lompat, khianat. Macam YB. Guar, YB. Kuah, mereka tak lompat pun dari parti mereka. Pimpinan yang ada di pusat tu. Daripada parti yang sama yang mereka masih dalam parti yang sama. Cuma sealiran dia yang di Negeri dan Pusat tu nak selari.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Parti pun tak boleh lompat, ok. Yang itu hakikat. Bila lompat kena keluarkan jawatan. Ok. So kita nampak kerajaan Pakatan Harapan dalam tempoh 24 bulan kita melihat kepentingan ekonomi melalui FDI. Jadi, dalam kita nampak konteks di Kedah ni sekiranya kita tidak bawa dana, dari luar untuk merancakkan ekonomi kita. Kalau kita nak bertekad menggunakan pertanian sebagai sumber utama membangunkan negeri Kedah. Maknanya dia akan lambat dan kita lihat prestasi dari tahun 2019 negeri Kedah mencatatkan jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan sebanyak 11.5 billion iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah Negeri Kedah dan meletakkan kerajaan nombor tiga dalam sektor perkilangan, pelaburan sektor perkilangan di seluruh Malaysia. Tahun ini suku pertama pada, suku pertama kita mencatatkan 1.1 billion dalam keadaan COVID kita nampak kerajaan PH betul-betul komited untuk perjuangkan lebih banyak pelaburan masuk ke negeri Kedah. Dan baru-baru ini saya nampak Menteri Besar Jeneri ada keluarkan satu kenyataan di mana Kedah terima pelaburan 3.06 billion tapi mengikut laporan MIDA pada suku pertama kita cuma ada pelaburan sebanyak 1.1 billion. Jadi, saya minta jawapan kenapa perbezaan sebanyak 2.05 billion dimansuhkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli-ahli dewan yang dihormati sekalian, saya dapat merasai kebimbangan Tuanku Sultan terhadap kekalutan berdepan dengan ancaman COVID-19, lanjutan perintah kawalan pergerakkan dan penamatan moratorium yang akan menyebabkan lebih rakyat Kedah menganggur dan menghadapi masalah kewangan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Kedah mengharungi zaman kesusahan ini yang bakal melanda sebulan, dua nanti.

Kita lihat berdasarkan 'survey' Tenaga Buruh (STB), Jabatan Perangkaan Malaysia, USM, jumlah pengangguran golongan belia antara 15 hingga 30 tahun di Negeri Kedah pada suku tahun pertama 2020 adalah seramai 32.1 ribu orang dengan kadar pengangguran 7.8% , manakala pada suku kedua 2020 kadar pengangguran belia di negeri Kedah meningkat 0.8 mata peratus kepada 8.6% dengan bilangan pengangguran belia seramai 31 ribu orang. Melihat angka yang diberikan Jabatan Perangkaan Malaysia, pengangguran di Malaysia kini di Kedah, di Kedah semakin meningkat. Jadi, apakah pakej-pakej yang bakal ditawarkan kerajaan dalam melonjakkan ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan anak muda yang merupakan tunjang Kerajaan Negeri.

Pada pendapat saya, 200 juta yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri zaman Pakatan Harapan harus digunakan sepenuhnya untuk merangsang ekonomi dan membantu rakyat dalam masa yang susah ini. Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli-ahli yang dihormati sekalian, bila peralihan kuasa di negeri berlaku, bermakna tamatnya riwayat perkhidmatan ahli-ahli majlis kerajaan tempatan dari wakil Pakatan Harapan. Pembentukan sesebuah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan yang sihat harus merangkumi perwakilan semua kaum. Ini baru dapat merapatkan jalinan hubungan dan persefahaman antara kaum dan agama. Melihat kepada barisan ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan sekarang, tiada lagi perwakilan dari komuniti India kerana ADUN yang memahami komuniti kaum India iaitu Bukit Selambau masih duduk bersama dengan kami. Bagi Lunas yang menjawat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat India sudah tentu beliau tidak pakar semacam Bukit Selambau. Kita ambil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ya

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh?.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Boleh, dipersilakan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Kota Darul Aman. Sedarkah Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat telah melantik seorang Pegawai Khas kepada kaum India untuk membantu hal-hal kaum India. Yang Berhormat tau dak?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang tu tak cukup, sat lagi saya sambung, saya ingat ada kat belakang. Ok, kita ambil Majlis Bandaraya Alor Setar sebagai contoh semua di kalangan Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik tiada seorang daripada komuniti kaum India. Lantikan Ex-Officio tiada, politik tiada, NGO lagi tiada. Perwakilan dari kaum India sifar sehingga kita nampak tiada suara di kalangan masyarakat India boleh disampaikan pada pihak atasan. Ketiadaan 'bottom up' dan persefahaman antara kaum dan agama dipercayai satu punca utama di mana Kuil Arya Madurai Veeran, Jalan Stesen dan banyak Rumah Ibadat Bukan Islam dirobohkan setelah Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih. Walaupun saya dah tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri dan EXCO-EXCO yang terlibat tetapi kerajaan masih bertekad untuk merobohkan kuil tersebut. Sat. Sila duduk. Saya habiskan, nak habis dah.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bukan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Silakan.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ya.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Yang Berhormat Kota Darul Aman. Satu juga YB masalah kesesakan jalan station boleh diatasi tanpa, tanpa perobohan kuil itu. Boleh ka diatasi.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terus, terus sambung Yang Berhormat Speaker. Tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Nanti sat nak tanya Kota Darul Aman. Boleh bagi?.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Dia banyak kali dah.

YB. TUAN SPEAKER

Banyak kali dah.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dak. Saya tak, tak mencelah lagi yang dia ni.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Bagi saya habiskan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sebab ada tadi mengelirukan dewan. Bila sebut dan banyak lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Tak, floor ni yang Kota Darul Aman. Dia tak bagi, tak boleh.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Minta diperbetulkan kenyataan tu.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok, saya rasa amat kecewa dan sedih apabila Kerajaan Negeri melaksanakan perobohan kuil ini. Jadi, sebagai....(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, dia tak perbetulkan balik tu. Dia sebut tadi, banyak kuil dirobohkan. Ia mengelirukan Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Satu kuil saja kut.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Kuil satu, rumah ibadat bukan Islam banyak. Ok. Bagi saja teruskan dulu. Ok. Adakah....

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Minta, minta.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Kalau banyak. Sebut Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Adakah kerajaan memikirkan perasaan komuniti Hindu apabila mengambil tindakan merobohkan kuil tersebut. Apatah lagi merobohkan kuil pada 1:30 pagi bila orang tidur lena dengan 100 anggota penguatkuasa. Adakah baloi kuil 70 tahun dirobohkan. Pokok besar dicantas dan diratakan untuk buat tapak tempat letak motosikal. Bagi saya ini merupakan satu perancangan bandar yang tak masuk akal dan tidak relevan dengan landskap sedia ada di mana stesen yang begitu sempit. Kerajaan Negeri harus menghormati kedaulatan hak asasi manusia dan kebebasan agama dalam isu ini dan tidak mengambil tindakan dalam keadaan terburu-buru. Perbincangan dua hala, pengubahsuaian dasar, pemberian tanah kerajaan dan kewangan untuk pembinaan harus dilaksanakan dengan segera bagi menyelesaikan isu-isu sebegini. Seperti yang disarankan Titah Tuanku, kita harus saling menghormati dan merapatkan hubungan antara kaum. Kedah harmoni kerana kepelbagaian, jangan rosakkan kepelbagaian ini dengan agenda persendirian.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh bagi laluan sikit?.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Bagi saya.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tak sebut sat lagi Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya menyaran Kerajaan Negeri menangguhkan serta-merta segala tindakan perobohan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Peraturan Dewan! Peraturan Dewan!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang Berhormat.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Peraturan dewan. Peraturan dewan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Peraturan. Silakan, apa dia.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Peraturan dewan Yang Berhormat Tuan Speaker. Perkara 35(6) seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya. Mohon.

YB. TUAN SPEAKER

Kota Darul Aman. Tak leh baca 100%, sekali sekala boleh.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Jadi, saya menyaran Kerajaan Negeri untuk menangguhkan segala tindakan perobohan dengan serta merta supaya segelintir bangunan dan bangunan tanpa kebenaran merancang yang melibatkan sensitiviti agama dan kaum sehingga ada dasar baharu.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Kota Darul Aman...

YB. TUAN SPEAKER

Habis dah kan point. Masa pun lebih dah.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Dato Speaker, saya nak minta pandangan Kota Darul Aman. Saya mendengar dengan jelas dalam parlimen baru-baru ini, bila menteri perpaduan negara datang ke Kedah. Dan isu ini amat panas bila disebut beberapa kuil, beberapa kuil diruntuh, dirobohkan. Jadi kita pun panik juga berapa kuil tu banyak mana. 15 ka, 20 ka, 25 ka. Jadi, sebab itu akhirnya Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa betapa pentingnya apabila kita ambil tindakan harus ada perbincangan di antara orang yang terlibat. Termasuklah jawatankuasa kuil dan sebagainya. Jadi, setujukah Kota Darul Aman dengan saya di sini. Kalau kita mencadangkan pada kerajaan baru ini, saya sarankan Yang Berhormat cadangkan sebentar lagi. Saya tak boleh sebab saya floor Yang Berhormat. Mencandangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan Hindu Endowment Board seperti yang wujud di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang, masalah-masalah kuil ini, masalah-masalah kuil ini hampir tidak ada kerana Hindu Endowment Board kontrol perlaksanaan dan perjalanan kuil ini. Jadi, apa-apa juga masalah yang timbul akibat daripada perjalanan kuil ini akan dirujuk kepada Hindu Endowment Board**,** Hindu Endowment Board akan berbicara dengan kerajaan dan akhirnya masalah ini selesai. Tak payah terlibat dengan PBT, tak payah.

Jadi, kalau tidak dia akan berlarutkan hingga ke parlimen. Dan kita miss code macam juga macam apa ni Bandar Baharu kata tadi. Berapa, berapa kuil 2,3,5 beberapa kuil. Jadi, ini semua miss leading jadi lebih baik untuk mengelakkan kecelaruan dan juga rasa emosi yang tidak ada, tidak sepatutnya berlaku. Mungkin niat Yang Berhormat betul tapi niat orang dengar berbeza. Jadi, tidak ada macth (dengan izin) di situ dan mengakibatkan kita berkawan begitu lama tapi kerana miss statement (dengan izin) ini ataupun salah pendengaran ini kita bermasam muka dan sepatutnya negeri maju, kita menjadi huru-hara kerana hal-hal yang tidak sepatutnya. Bersetujukah cadangan saya pada Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk melihat bahawa harus ditubuhkan Hindu Endowment Board, terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih, tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sama-sama. You punya time dah lajak banyak tau.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok. Ok.

YB. TUAN SPEAKER

Landing. Landing. (dengan izin)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, peraturan dewan. Jadi, nak minta untuk Kota Darul Aman tarik balik, apa ni banyak kuil yang dirobohkan tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Peraturan berapa?.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Peraturan 36(6), tidak boleh, seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat dan peraturan 36(10)(c), perkataan-perkataan yang harus ataupun menaikkan perasaan sakit hati dan bermusuh-musuhan antara kaum. Jadi minta tarik balik dan juga apa tu mengelirukan dewan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih, Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

YB, soalan dia beberapa tu. Dia orang tak mau perkataan beberapa tu.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Jadi, sini ada surat khabar, kuil ada satu termasuk Rumah Ibadat Bukan Islam ada 2,3 yang kena roboh bila Perikatan Nasional ambil alih. Yang ini mereka tulis dekat surat khabar dan yang ini insiden yang kena roboh. So, di Desa Seraya di Taman Restu dan di Jalan Stesen. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri Besar untuk lihat Jeneri untuk melihat semula yang dirobohkan. Jadi.

YB. TUAN SPEAKER

Ok. You buat landing. (dengan izin)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya landing, ok. Dan memandangkan, yang ini saya bagi habis. Memandangkan peningkatan penularan COVID-19 dan pematuhan SOP yang dipertingkatkan kami menerima rungutan daripada rakyat yang mengatakan tindakan kompaun tidak relevan dan dipohon untuk mengurangkan kadar kompaun. Ini kerana mereka tidak mampu untuk bayar kepada kesalahan apabila ingkar PKP. Salah sikit pun kena, apa yang mereka maklum. Salah sikit pun kena kompaun, buat pun kena kompaun, tak buat pun kena kompaun. Jadi, kami dimaklumkan biasanya yang ingkar kesalahan SOP kad pengenalan biasanya akan diambil oleh penguatkuasa kemudian dipanggil ke balai polis dan diberi notis bayaran kompaun ingkar PKP sebanyak satu ribu tanpa sebab yang jelas. Jadi, adakah penguatkuasaan ini patut, patut kita diteliti semula dan pematuhan SOP diterangkan kepada rakyat jelata. Apakah SOP yang benar-benar yang patut rakyat kita buat agar tidak dikena tangkap. Jadi, saya berharap agar kerana bila kita lihat Bank Negara laporan Bank Negara menunjukkan bahawa 75% daripada rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan sekurang-kurangnya satu ribu. Jadi, saya rasa kadar charge seribu tu terlalu tinggi dan kalau boleh minta kurangkan.

Akhir sekali, saya menyeru Kerajaan Negeri laksanakan apa-apa yang patut dan telah kami cadangkan tadi, sebentar tadi dan bila nak panggil mesyuarat DUN usahlah takut bagi notis

bersertakan agenda mesyuarat. Kami akan sokong yang dibentangkan oleh kerajaan kerana kami juga pernah jadi kerajaan.

Patik, saya merakamkan ucapan menjunjung kasih dan sokong titah ucapan Ke Bawah Duli Ke Bawah Mulia Tuanku Sultan Kedah Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah yang ke 29. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Kota Darul Aman. Saya rasa sebelah kanan ni pun patut saya jemput seorang untuk saya bagi satu, satu penggulungan menjunjung kasih Tuanku Sultan kerana kita ada masa lagi 24 minit. Saya nak habiskan juga dengan apa nama usul menjunjung kasih ni. Silakan sebelah kanan. Kuala Nerang ka, Kuala Ketil belum ya. Jangan dua kali pula. Silakan Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebenarnya nak bahas susah di kerajaan ni.

YB. TUAN SPEAKER

Susah.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Di pembangkang senang.

YB. TUAN SPEAKER

Duk biasa jadi hat tu lama dah. Jadi, takpa-takpa cuba juga.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tu yang malas nak bangun tu. Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum w.t.h., salam sejahtera, salam kedah sejahtera nikmat untuk semua. Alhamdulillahirobbilalamin, washolatu wassalamu 'ala asrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi aj ma'in.

Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman. Saf kepimpinan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Dato' ketua pembangkang, Yang Berhormat mantan Menteri Besar.

Tempat saya tu Yang Berhormat. Mungkin ada chance boleh jadi Menteri Besar lepas ni kut. Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Setiausaha Kerajaan, ketua-ketua jabatan seterusnya pada hadirin yang dirahmati Allah sekalian hendaknya. Pertama dan selamanya marilah kita panjatkan tanda kesyukuran terhadap Allah s.w.t. kerana atas limpah kurnia serta keizinannya dapat kita dipertemukan pada sidang dewan yang mulia ini. Sesungguhnya dengan rahmat dan kasih sayang Allah kita rakyat Kedah masih lagi terpelihara dari ancaman, musibah dan bala bencana yang akhirnya mengekang kehidupan kita. Terima kasih, yang tidak terhingga saya ucapkan kepada frontliner seperti mana JKM, Jabatan Kebajikan, JKM, KKM, Polis, ATM, APM, RELA dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana menggerakkan bantuan sempena COVID-19 atau pun sepanjang tempoh PKP.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, musibah yang kita terima hari ini hendaklah kita insafi dari kita bahawa ini adalah sebahagian daripada peringatan Allah S.W.T kepada kita yang selama ini yang melupakan atau kurang mensyukuri atas nikmat yang diberikan-Nya. Moga-moga kita terus kekal beriman, bertaqwa kepadanya walau apa benda bencana yang akan kita hadapi. Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas Perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas pelantikan Yang Amat Berhormat Kedah yang ke-14 iaitu Tuan Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor, anak kelahiran Sik, muda tampan bergaya, mudah senyuman, bodek ni. Senang linangan air matanya serta berwawasan tinggi selesa dengan panggilan kampung boy. Noh? Memacu Kedah dengan slogan “Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua”.

Dalam ucapan Tuanku Sultan tempoh hari, tuanku banyak menyentuh bahawa betapa seriusnya usaha-usaha untuk menyekat penularan wabak COVID-19 yang secara tidak langsung membebaskan rakyat Kedah dari pandemik ini sehingga hari ini kita telah melalui hari ke-161 PKP dan ke-77 PKPP. Malaysia mencatatkan 9281 kes keseluruhannya dan 8971 kes sembuh. Kedah berada dalam kedudukan yang ke-10 tertinggi iaitu 193 kes dengan Kuala Lumpur mencatatkan angka tertinggi iaitu 2559 kes. Jika, dibandingkan dengan angka dunia lebih kurang 23 juta kes berbanding 16 juta kes sembuh dalam kalangan asian Malaysia berada di tangga keempat dengan negara tertinggi iaitu Filipina 197 ribu. Sedikit bercerita tentang COVID-19 ini, tahun 2020 ini kita dikejutkan dengan penularan satu virus dari Wuhan, China yang telah menyebabkan ribuan manusia terkorban dengan nama virus Novel Corona, Corona, COVID-19 ini turut tersebar hingga ke Malaysia.

Penularan-penularan yang dilaporkan turut tersebar melalui udara menambah kegerunan di setiap segenap lapisan masyarakat. Tambahan pula para pengkaji masih lagi tidak menemukan sebarang ubat anti-virus ataupun vaksin bagi wabak ini. Semalam di parlimen dibentangkan bahawa berpuluh vaksin dicipta namun hanya 3 sahaja yang melepasi tahap klinikal itu pun belum disahkan.

Sejarah tentang wabak penyakit ini pernah berlaku di zaman pemerintahan Saidina Khalifah Umar Al-Khattab iaitu wabak yang berlaku di Amwas Palestin yang menyebabkan rakyat terlibat dengan wabak ta'un, sehinggakan seorang sahabat Rasullulah S.A.W juga terlibat di sana sehinggalah bagaimana khalifah Umar untuk nak pergi melawat akhirnya dibacakan satu hadis daripada Abdul Rahman Bin Auf, iaitu juga apabila kamu mendengar ta'un di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya, jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, janganlah kamu keluar daripadanya. Riwayat AL-Bukhari dan muslim. Ini menunjukkan bahawa sudah berlaku pada sesuatu ketika itu, sejarah membuktikan bahawa berlaku dah seolah seperti PKP iaitu kuarantin jika berlakunya wabak yang boleh menular kepada masyarakat sekeliling. Wabak yang tersebar ini melalui bekalan air berpunca daripada mayat-mayat tentera Rom yang tidak diurus ditambah juga dengan jumlah kematian yang tentera mereka yang sangat besar menjadi titik permulaan kepada tersebarnya wabak taun di Amwas ini. Ini adalah satu contoh bagaimana sejarah yang telah berlaku dan akhirnya kita telah melaksanakan mengikut contoh yang telah berlaku.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Apabila berlakunya COVID-19 dan juga PKP sepertimana sahabat-sahabat saya telah maklumkan sebentar tadi, bahawa pentingnya negara yang mempunyai sumber makanan yang mencukupi sudah pasti akan menghadapi satu keadaan yang tidak tenteram. Negara yang tidak mempunyai sumber makanan sudah tentulah akan berlaku mogok, rusuhan dan sebagainya kerana untuk mendapatkan bekalan makanan. Dan kita alhamdulilah, di negara kita di Malaysia kita mempunyai bekalan makanan yang mencukupi sepanjang tempoh PKP dan PKPP, maka, di sini boleh kita nyatakan bahawa bekalan makanan asasi seperti beras. Bukan lagi diletakkan sebagai 'security food' (dengan izin) tetapi telah diletakkan sebagai kedaulatan makanan, kerana negara yang mempunyai sumber makanan dia akan pastikan rakyatnya terjamin dan terbela waktu dalam kuarantin dan sebagainya.

Manakala, pada ketika itu walau kita ada duit banyak berjuta sekalipun, maka kita tidak akan berguna sebab tidak ada makanan untuk dibeli atau nak dapatkan makanan.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, sesungguhnya teknologi pertanian ini perlu, penting dalam untuk kita menambahkan sumber makanan kita. Sumber makanan negara kita, sumber makanan negeri kita, maka, di sini saya ingin mencadangkan bahawa dalam untuk memperkasakan industri makanan. Kita hendaklah melihat kepada teknologi-teknologi yang ada dalam industri makanan tersebut. Makna kita perlu kepada teknologi yang terbaru untuk menambahbaik kepada teknologi makanan yang kita ada sedia sekarang. Saya mengambil contoh, salah satu contoh semalam 24 hari bulan. Saya telah pergi melawat di Sangyong Agricultural, sebuah anak syarikat daripada Chantika dan juga Pertama Padi, bagaimana mereka menggunakan dron untuk projek semai benih padi, semai padi menggunakan dron. Semai padi, membaja dan juga meracun. Inilah dron ni teknologi yang terkini, banyak di gunakan sama ada di waktu saya melawat di Sungai Besar dia gunakan secara meluas.

Di Kedah pun banyak juga anak-anak muda yang telah membeli dron tersebut, dia gunakan teknologi ini untuk membantu dalam industri pertanian kita. Bukan setakat pokok padi saja, dia boleh gunakan untuk getah, untuk sawit, untuk kebun buah-buahan dan juga sayur-sayuran. Dia boleh naik sampai 100 kaki tinggi, boleh pergi sampai 3 kilometer jauhnya, ini dron. Tapi, harga dia agak mahal sikitlah, Yang Berhormat EXCO noh, kalau, berapa. 60 ribu satu. Murah la. Kalau yang murah sikit tu dia boleh meracun saja, dalam 30 ribu. Kalau 60 ribu dia boleh buat dalam 3,4 kerja. Saya pi tengok sendirilah.

Dan dalam masa yang sama juga saya mohon kepada petani-petani juga diberi. Mereka menyediakan sumber makanan kepada kita. Sepatutnya mereka hidup senang, selesa dalam negara kita, tetapi, kebanyakkan petani-petani kita hidup dalam keadaan yang sederhana. Sedangkan orang tengah, orang tengah yang ambik bahan dan mengeksport sebagainya, supply (dengan izin) , mereka ini hidup senang. Jadi, kita juga kena usahakan suatu perkara bagaimana untuk meningkatkan taraf kehidupan petani-petani. Dan saya difahamkan bahawa kerajaan telah memberikan sedikit peruntukan kepada petani-petani yang menerima musibah untuk mereka dapat sikit tuntutan dan sebagainya.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, kita juga tahu bahawa Kedah menyediakan hampir 40% kawasan pertanian dan selebihnya adalah kawasan-kawasan untuk tadahan air dan sebagainya.

Ini adalah satu pengorbanan yang besar rakyat Kedah kepada negara. Sepertimana sahabat-sahabat sedia maklum sebelum ini. Kita walaupun melihat sawah padi yang terbentang luas, kita ada hujan hutan hijau yang di kawasan tadahan air dan sebagainya.

Kita juga membekalkan bekalan air untuk negara jiran, saya mencadangkan di sini Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kerajaan untuk mengusahakan terus pampasan daripada kerajaan pusat sebagai ganti rugi kepada kita yang telah menyediakan sedikit prasarana untuk rakyat negera ini kalau dapat alhamdulilah kita nak lagi berterusan benda ni sebab kita menyediakan satu kawasan yang luas untuk tanam padi dan sebagainya. Dan juga beberapa prospek pelaburan. Saya melihat kehadiran menteri yang baru-baru ni sampai ke Kedah itu, Menteri Perusaharaan, Peladangan Dan Komuniti. Apabila sampai di Kedah mengumumkan beberapa projek pelaburan ataupun tambahan kepada kerajaan seperti usahawan baru projek Lembaga Koko Malaysia dan juga menyediakan geran satu 1.5 juta kepada usahawan coklat di Langkawi, tapi Tuan Berhormat Speaker tak bawa pun kita coklat harini ni. Patut kena bawa coklat bagi sorang sikit.

YB. TUAN SPEAKER

Dia, penggal depan la.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ni, hub coklat ni. Minggu depan. Dan kementerian turut mencadangkan bahawa projek iaitu Ladang Komuniti Getah itu membangunkan ladang buluh di kawasan tersorot, kawasan ladang nukleus bagi pengeluaran biji benih kenaf dan juga pembangunan ladang komuniti demi membangunkan industri. Industri komuniti di Kedah sehingga mampu memperolehi pendapatan sehingga hampir dua ribu ringgit sebulan dan projek pembangunan ladang komuniti getah, getah, manakala bagi pembangunan ladang buluh mampu pendapatan bersih sebanyak 14 ribu setiap hektar. Dan kawasan-kawasan ladang nukleus bagi pengeluaran biji benih kenaf dengan tambahan sehingga tiga ratus hektar. Dan, hektar pula dianggarkan dapat menghasilkan 90 ribu kilogram biji benih tambahan kepada keperluan biji benih kenaf negara.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, dalam tempoh PKP ini kita diperkenalkan dengan cara shopline, shop online, shop online (dengan izin) iaitu satu sistem perniagaan yang baru. Menggantikan norma yang lama, menggantikan norma yang baru.

Semalam saya lihat satu program bual bicara di TV1 iaitu melibatkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan MDEC, Malaysia Digital Economic Corp, MDEC iaitu memperkasakan e-dagang, e-commerce dan juga digital ekonomi. Benda ini dia telah menunjuk contoh, beberapa contoh kepada kita seperti orang berniaga burger sekalipun yang terkesan dengan PKP, apabila program ini diperkenalkan perniaga burger itu dia boleh keluar daripada zon yang terkongkong tadi, dia jadi usahawan yang, yang hebat.

Boleh supply burger dan sebagainya dengan duduk buka stor di rumah tetapi business dia berjalan. Termasuk orang yang membekalkan salad, sayur-sayuran di kedai yang terjejas hampir 20% saja. Mereka ini berlaku waktu PKP tetapi dengan shop online tadi dia mampu mengangkat business dia sampai tahap 90%, dan beberapa contoh yang ditunjukkan. Ini ialah saya lihat benda satu perkembangan yang baik yang boleh dipraktikan oleh kerajaan hari ini untuk diperkasakan kepada anak-anak muda kita dan bantuan usahawan muda juga kerajaan telah memperkenalkan. Hampir 6,000 pemohon dengan berjumlah hampir 103.4 juta diperkenalkan pada hari ini. Ini ucapan ni ka penggulungan ni. Sama lebih kurang ja.

YB. TUAN SPEAKER

Saya pun heran juga. Homework (dengan izin) buat bila ni. Tak baca kan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Sat-sat sikit lagi. Sikit lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Kerling-kerling boleh.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Dan akhirnya. Akhirnya lah sebab sat lagi banyak point habis sat lagi. EXCO tak sempat nak gulung pulak.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Minta laluan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Mengambil.

YB. TUAN SPEAKER

Kuala ketil ada pencelahan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Mana. Ok. Ok, Dato'. Lawan tak apa lagi.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, terima kasih Tuan Speaker. Saya cukup tertarik dengan Kuala Ketil yang mempunyai idea yang besar. Punya idea yang besar boleh bentang bagaimana pertanian menggunakan artificial inteligent (dengan izin) dengan dron sebagainya. Dan bagaimana dia bandingkan tentang getah ni kalau usaha kuat pun dapat dua ribu sebulan. Tapi kalau tanam buluh 14 ribu sebulan. Kenaf lebih lagi, kemudian shop online tadi nampak macam maju. Jadi, saya nak tanya pandangan Kuala Ketil. Maksudnya yang mana yang Kuala Ketil nak cadang nak balik, nak cadang supaya kerajaan Kedah bantu benda-benda ni berlaku dulu di kawasan Kuala Ketil. Supaya orang Kuala Ketil tu maju dulu. Insyaallah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit, sikit nak tanya buluh tu kat mana. Duk cadang la, tanam kat mana buluh.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Nanti saya jawab, last sikit saya jawab. Kalau saya tak jawab. Esok Exco jawab. Untuk Yang Berhormat Suka Menanti, ada dalam. Saya nak bercakap lagi ni, pasai yang di Kuala Ketil nak buat di mana tu. Tapi tak habis lagi, dia tak boleh pi lebih kurang, sat lagi lupa habis.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian. Dia tak, tak prepare macam ni la. Mengambil slogan Kedah Sejahtera, Nikmat untuk Semua, saya tertarik dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu bercakap nak bagi ubah zon kekayaan yang ada sekarang ni, belah pantai barat nak ubah kepada pantai timur. Termasuk dalam Kedah ni kalau kita lihat Sik, Baling agak ketinggalan berbanding belah tepi laut ataupun tengah pekan. Jadi, kita nak lihat bahawa "Nikmat Untuk Semua" ni, rakyat yang sebelah kami ni yang terima banjir. Saya taktau banjir berapa kali ni. Alhamdulillah dengan tambatan yang diumumkan oleh Exco InsyaAllah dia akan bangunkan kembali termasuk di Kuala Ketil ni. Kuala Ketil, Yang Berhormat Suka Menanti nak buat di Kuala Ketil la ni, tu yang cadang ni.

Di Kuala Ketil ni ada satu kawasan industri yang kilang kondom yang disebut tu di Kuala Ketil la tu. Tapi bukan kondom tu bukan kondom cerita, dia getah. Dan dijadikan kondom tu. Maksud dia di Kuala Ketil juga ada kawasan industri walaupun di Kuala Ketil dan kawasan Baling.

Jadi, untuk membangunkan "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua" ni, saya rasa sangat mengharapkan daripada kerajaan bagi memacu Kedah Sejahtera kepada semua iaitu membangunkan industri secara bottom up iaitu kita di peringkat luar bandar ada beberapa industri yang kita boleh bangunkan seiring untuk membantu kerajaan sama ada secara terus atau shop online. Contohnya, saya kata di Batu Besar, Sik. Sempadan dengan Parit Panjang, kawasan tu tepi jalan selalu dijual benda yang, bantal kekabu. Bantal kekabu, jeruk kelubi lepas tu serkap ayam. Yang Berhormat tau ka dak ni. Hat yang duk cekup ayam yang buat dengan buluh tu. Macam-macam, milak, milak apa tak tau, bahasa baku orang panggil apa? Hat duk tangkap ikan tu la. Kebanyakkan jual di pekan-pekan luar bandar di tepi jalan. Tetapi menjadi satu industri kepada pelancong-pelancong domestik, sama ada orang Kelantan, Terengganu yang lalu jalan tu, mesti berenti, mesti beli. Tapi setakat mana mereka nak,nak berjaya kalau setakat untuk domestik sahaja.

Jadi, benda-benda ni boleh berlaku secara shop online, mungkin dia boleh pasarkan. Ikan pekasam tadi tu, boleh sampai ke peringkat antarabangsa. Macam mana kita bincang dengan Gurun dulu, Gurun noh. Ikan bilis mata biru di Pantai Merdeka di Tanjung Dawai, dipasarkan sampai ke Ireland. Makna ikan bilis mata biru ni, hanya beberapa negara sahaja ada. Tapi dengan shop online dia boleh sampai ke peringkat dunia. Yang dicerita MDEC, MDEC semalam la. Saya pun ikut dengar cerita dia la. Maksud dia sampai tahap tu, kalau shop online tadi di orang Kuala Ketil ni tak perlu banyak kedai takpa dah. Tetapi boleh bangunkan ekonomi secara mudah tapi boleh pasarkan ke peringkat antarabangsa. Maksud dia sampai ke tahap tu. Itu dari segi industri.

Yang keduanya membasmi kemiskinan luar bandar. Dalam buku ni pun ada statistik menunjukkan orang Baling ni kadar kemiskinan yang cukup tinggi. Dato' noh. Cukup tinggi kadar kemiskinannya, jadi, kita harap dengan Kedah Sejahtera ni, Nikmat Untuk Semua membangunkan kemiskinan luar bandar dan seterusnya ialah saya nak beberapa perkara yang saya nak usulkan mungkin terakhir dalam ucapan saya ni.

Mengusahakan lesen kepada nelayan-nelayan zon A, hampir enam ribu lesen diperlukan untuk lesen-lesen nelayan zon A iaitu nelayan pantai yang bot kecil-kecil ni.

YB. TUAN SPEAKER

Termasuk Langkawi sama.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Langkawi bot besar dah.

YB. TUAN SPEAKER

Bot kecil pun takda lesen.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ok. Ok. Baik. Membanteras judi, ekor atau pun judi online. Banyak sekarang ni berleluasa termasuk pekan Kuala Ketil sendiri. Kedai tak buka, tetapi orang boleh beli. Dia ketuk pintu syarat, dia buka cermin, dia jual. Prepaid ini cukup banyak, kita nak buat aduan setempat memang tak berjaya. Saya bercakap dalam dewan ni, sekurang-kurangnya mungkin ada pihak-pihak yang boleh ambil tindakan. Boleh kata semua pekan ada berlaku terhadap judi online. Kemudian, pemulihan kepada GLC-GLC yang hadapi masalah, mungkin yang Yang Berhormat akan ada pandangan bagaimana GLC yang mempunyai masalah dan juga membantu peniaga-peniaga kecil yang juga hadapi masalah hari ini. Seperti kawan-kawan kita bagitau tadi. Peniaga-peniaga seperti pasar malam, di kaki lima apabila berlaku PKP tambah situasi sekarang ni kluster tawar, boleh berniaga sampai pukul 8 saja. Lepastu take away (dengan izin) tak leh makan di situ.

Walaupun pegawai daerah membenarkan membuka pasar malam, tetapi penganjur tak berani nak buka. Sebab arahan PKP tadi tu terpaksa nak buat SOP dan sebagainya menyusahkan kepada penganjur. Jadi, penganjur tak berani nak buka, hanya satu saja buka di peladang. Tu pun orang takda waktu malam sebab dengan norma baru ni kebanyakkan orang tak keluar malam dah. Lepak. Jadi, kebanyakkan dia akan terjejas walaupun start (dengan izin) March itu hari sampai sekarang ni, kita lihat masih ada peniaga-peniaga kita yang tidak ada pekerjaan. Contoh yang berniaga kain baju, mereka yang tidak boleh berniaga. Kalau berniaga makanan insyaallah boleh lagi. Itu antara yang kita boleh lihat pendekatan bagaimana untuk membantu mereka.

Dan yang seterusnya ialah keselamatan penduduk kampung daripada ancaman dadah. Dan juga rasuah dan pecah rumah. Baru-baru ni di Merbau Pulas, kawasan EXCO, EXCO kita

berlaku tembak-menembak, 3 orang, seorang meninggal kot tak silap aku. Dua orang cedera. Orang Melayu, punca dia adalah kes curi, kes pecah rumah, curi lembu, curi kambing dan sebagainya. Kita bawa lembu seekor, satu biji lori, boleh masuk tiga ekor lembu ja. Depa sebiji kereta Wira boleh masuk tiga ekor lembu juga. Kereta Wira ja. Jadi, inilah. Gejala-gejala ini kalau tidak dibanteras, tidak dimusnahkan, tidak di hapuskan, tidak dikawal dan sebagainya. Maka dia akan semakin berleluasa dan sebagainya. Dan satu ancaman kepada masyarakat hari ini. Saya harap kerajaan akan mengarahkan pihak-pihak yang tertentu mengambil tindakan kepada ancaman dadah, ketum dan sebagainya.

Dan akhir sekali, akhir sekali, yang betul akhir ni. Kehidupan rakyat yang terhimpit dengan kemiskinan ini seperti orang kampung belah Baling ni kebanyakkan orang tiada tanah. Duduk tanah rezab nak minta air, paip air dia kata prosedur tanah rezab tak boleh.

Nak minta elektrik pun ada prosedur dia. Jadi, akhirnya mereka terhimpit dengan kemiskinan. Kerja-kerja kampung. Jadi, kadang-kadang, bukan kerajaan la ni Yang Berhormat Speaker. Kerajaan lama dah, lulus kepada pendatang-pendatang asing duduk di Kedah ni sampai buat kampung halaman Yang Berhormat Gurun. Ada kampung semua cukup, mereka menguasai ekonomi, menguasai tempat pertanian setempat. Sehinggakan jadi nelayan yang tak berenti sampai orang tempatan sendiri pun tak boleh pi jadi nelayan. Banyak orang luar yang diberi keistimewaan duduk di negara kita, akhirnya orang kita sendiri nak dapat satu keistimewaan cukup susah. Susah Yang Berhormat Speaker. Jadi, kita minta satu perhatian daripada kerajaan untuk membantu usaha-usaha ini untuk rakyat, nikmat untuk semua tadi tu, dapat dirasai oleh nikmat orang-orang bawahan seperti kampung-kampung kami ni ha. Dan, akhir sekali, akhir ni, marilah kita menyokong hasrat dan wawasan Yang Aman Berhormat Menteri Besar. Nak habis dah Yang Berhormat.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sikit ja.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh. Ok. Ok. Sebab tempat sama boleh bagi.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ok Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil. Saya dengar ucapan ataupun perbahasan Yang Berhormat tadi. Tak tau lah kalau saya tak dengar ataupun Yang Berhormat Menteri lupa nak sebut mengenai pelancongan. Sebelum ini kita tahu bahawa di Gunung Baling tu ada gua dan ada permintaan daripada Yang Berhormat sendiri Yang Berhormat daripada Bayu, Yang Berhormat daripada Kupang untuk Gunung Baling ni supaya disediakan peruntukan ataupun bantuan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membangunkan gua-gua ini supaya ianya menjadi satu tarikan pelancongan. Adakah Yang Berhormat masih lagi ingin mendapat sokongan itu daripada kerajaan dan apa bentuk bantuan yang diperlukan daripada kerajaan itu sendiri.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Jitra. Masih terbayang bagaimana Yang Berhormat Jitra datang tengok gunung Pulai tu. Kami bersama sekali masa tu. Jadi, untuk program pelancongan di Baling ni, saya difahamkan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat datang ke daerah Baling 29 hari bulan baru ni. Ya, Yang Berhormat noh. Telah diberi sedikit peruntukan untuk membangunkan Gua Sireh. Gua Sireh. Dan insyaallah 29 ni, Yang Berhormat EXCO kita juga akan datang untuk melihat Gua Air dan Gua Kelambu di situ. Juga satu peruntukan untuk membangunkan pelancongan. Kita kekal dengan apa Yang Berhormat Jitra buat dulu. Sebagai kita nak angkatkan kawasan itu sebagai perlancongan, ya. Kami dalam mesyuarat daerah pun, kami masih utarakan benda yang sama untuk beberapa benda-benda yang menjadi warisan dan juga keistimewaan kepada Gunung Baling tu. Kami akan jadikan sebagai hub perlancongan.

Dan akhir sekali marilah kita menyokong hasrat dan wawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, bersatulah kita, elakkan konflik politik di masa PKP ini. Rakyat perlukan kerajaan yang prihatin dan lihat kehidupan mereka, bantu mereka, bimbing mereka, dan keluarkan mereka dari zon kehidupan yang lama kepada norma baru.bukan lagi ekstrem berpolitik hingga terus berpecah belah. Dan akhir sekali, saya menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan Kedah.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua yang telah mengemukakan Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan esok selepas jawapan mulut, kita akan mendengar penggulungan daripada Yang Berhormat Exco-Exco pula.

Jadi, pada pukul 4:35 ini saya tangguhkan dewan sehingga pukul 9.00 pagi esok.

Sekian terima kasih.

[Sidang Dewan ditanggguhkan pada jam 9.00 pagi]

PENGACARA MAJLIS

Mengumumkan ketibaan Tuan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Kedah.

YB. DATO' PADUKA SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan disambung semula.

PENGACARA MAJLIS

Bacaan Doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

I. USUL PEMILIHAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Untuk urusan yang seterusnya saya akan mulakan dengan Usul Pemilihan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang baharu.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Menurut Perkara 54(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri dari semasa ke semasa perlu memilih mana-mana orang untuk menjadi Ahli atau layak menjadi Ahli Dewan Negeri sebagaimana ditentukan oleh Dewan Negeri sebagai Speaker dan Perkara 3 Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman iaitu bila-bila jawatan Speaker itu menjadi kosong, baik dengan sebab di bubarkan Dewan atau dengan lain-lain sebab maka Dewan sebaik-baik cukup bilang ahlinya hendaklah memilih Speaker.

Oleh itu saya pohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat cadangan. (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Yang Berusaha Tuan Setiausaha Dewan, Peraturan Dewan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya ingin membaca satu peraturan Dewan disini iaitu dibawah Peraturan Memilih Speaker, Perkara 4 – Aturan Memilih Speaker hendaklah seperti yang tersebut dibawah ini:- (1) Tiap-tiap ahli yang hendak mencadangkan nama seorang Ahli Dewan itu yang hendak dipilih jadi Speaker, hendaklah mempastian terlebih dahulu iaitu ahli itu suka berkhidmat jika ia dipilih dan juga hendaklah memberitahu kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya sehari sebelum mesyuarat.

Saya ingin membuat sedikit Yang Berusaha Tuan Setiausaha dan mohon penjelasan kepada YAB. Jeneri, tugas pertama nak jawab itu iaitu dalam isu Perkara 1 ini, tiap-tiap ahli berhak mencadang ertinya dia menjadi satu hak untuk setiap ahli dewan yang ingin mencadangkan calon dan calon itu hendaklah bersetuju dan yang kedua hendaklah mengemukakan satu hari sebelum tapi dalam isu kita sekarang, Dewan tidak pernah memberi notis kepada Adun bahawa berlaku kekosongan. Jadi, kalau tidak ada notis untuk berlaku kekosongan bagaimana Perkara 4(1) ini hendak dilaksanakan? Saya telah menyemak dengan semua Adun-Adun tiada sesiapa pun menerima pemakluman mengatakan ada kekosongan. Saya berpendapat bahawa pemilihan pada hari ini berlaku kecacatan kerana kekosongan itu tidak dimaklumkan ertinya hak sebagai Ahli Dewan untuk mencadangkan itu tidak ada yang diperuntukan dalam peraturan.

Jadi, mungkin pihak kerajaan berpendapat bahawa tidak ada disebut untuk diberi notis tapi kita hendaklah faham bahawa dalam melaksanakan perkara ini hendaklah diberikan notis, kalau tidak diberi notis bagaimana satu ini nak dilaksanakan macam mana perlu ada cadangan, ini isu peraturan! Jadi, saya minta supaya dijelaskan dulu bahawa bagaimana tidak dimaklumkan notis kekosongan ini kepada semua Ahli-Ahli Dewan. Saya pohon penjelasan daripada YAB. Jeneri.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Oleh itu, saya pohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Tuan Setiausaha Dewan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** Ahli Dewan Undangan Negeri **Ayer Hangat** dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mengikut Peraturan Mesyuarat 4(2), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, saya juga telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Tuan Setiausaha Dewan, saya pohon menyokong cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Setiausaha, saya masih berpegang dengan apa yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang bahawa peraturan ini mesti dihormati kerana perkara tertinggi yang mengikat kita adalah buku Peraturan Dewan ini dan kalau ini pun kita tak boleh ikuti apalah nilai mesyuarat kita yang ada pada hari ini. Jadi, saya nak supaya perkara 2 ini diperjelaskan oleh YAB. Jeneri sebelum apa-apa usul diusulkan. Soalan tadi belum dijawab, soalan yang diusulkan oleh Ketua Pembangkan belum dijawab. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang Berusaha Tuan Setiausaha, saya ingin menerangkan beberapa perkara berkaitan dengan pelantikan Speaker pada hari ini. Yang pertamanya mengenai Pelantikan Speaker, menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah, Peraturan 54(2) membolehkan Speaker pada mana-mana masa meletakkan jawatan di dalam surat yang ada tandatangannya dan dialamatkan kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan Speaker pada masa tersebut telah meletakkan jawatan makanya jawatan Speaker adalah kosong pada masa tersebut.

Kemudiannya, tidak ada peraturan mana-mana pun untuk memberi usul dan memberi notis untuk Ahli-Ahli Dewan yang lain, Peraturan 26(1) – Usul hendaklah dengan pemberitahu melainkan bagi maksud dibawah perenggan 26 (a) hingga (s).

Usul untuk mengosongkan Speaker dan Timbalan Speaker memerlukan pemberitahu kerana tidak dikecualikan dalam perenggan (a) hingga (s). Peraturan 27 (3) – Peraturan Mesyuarat Dewan pula menyatakan hanya bagi maksud mengosongkan Speaker dan Timbalan Speaker jika perletakan jawatan mereka tidak laku. Untuk di Kedah konteks kedudukan di Kedah pemberitahu usul dalam tempoh 14 hari tidak perlu kerana Speaker dan Timbalan Speaker telah meletakkan jawatan sebelum Dewan bersidang lagi. Jadi, saya kira tidak ada peruntukan pun yang menyatakan tempoh untuk Setiausaha Dewan kemukakan Aturan Mesyuarat dan juga Notis itu.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Peraturan Dewan sekali lagi! Yang kita bincang ini adalah kekosongan bahawa Dewan mesti dimaklumkan akan ada kekosongan atau telah berlaku kekosongan. Dan siapakah Ahli-Ahli Dewan, kita lah! Kerajaan dan juga Pembangkang, ini adalah Ahli Dewan. Jadi, harus ada pemakluman bahawa Menteri Besar atau sesiapa juga maklumkan kepada dunia, wahai rakyat Kedah, hari ini ada kekosongan yang berlaku dan Insya-Allah dalam sidang yang akan datang akan dinamakan seorang oleh saya. Jadi, notis kena hantar lah. Ahli-Ahli Yang Berhormat samada Kubang Rotan ka, Alor Mengkudu ka, Gurun ka bahawa hari ini ada kekosongan dan dalam persidangan kita akan cadangkan. Itu yang berlaku dan kalau kita mai di sini tapi kita pun tak tau samada Speaker berhenti ka, sakit ka, kita tak tau. Tiba-tiba kena ambushed macam ini, saya rasa satu yang tidak kena. Jadi, semangat ini dimaklumkan, semangat ini dicatit dengan jelas bahawa Dewan ini mesti dimaklumkan sebab itu kita rasa kita harus ada norma baru bahawa kita treat kerajaan, kerajaan akan treat pembangkang, pembangkang akan treat kerajaan sebagai kawan sebab kita akan membangunkan negeri ini, soal warna cerita lain, merah hijau cerita lain tetapi untuk membangunkan negeri ini, kita harus ada hormat menghormati kerana yang nak dibangunkan ialah rakyat sebab itu peraturan mesti diikuti dengan 'spirit' yang jelas untuk membangunkan negeri kita. Itu yang kita minta sebab dalam surat yang dihantar 13 Ogos 2020, saya baca perenggan kedua.

Adalah dimaklumkan bahawa Aturcara Mesyuarat Dewan bagi Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 akan dihantar kemudian. Ada Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat disini. Tiada! Ini yang kita tunggu-tunggu sekurang-kurangnya mungkin MB nak hantar surat. Untuk makluman Yang Berhormat kita akan mencadangkan seorang Speaker, kan Speaker yang lama ada satu dua tiga sebab ataupun dia dah letak jawatan.

Jadi, kita tunggu-tunggu juga sampai semalam paling tidak pun SMS, kita akan mencadangkan satu nama, saya akan sokong Insya-Allah dan saya akan minta Ketua Pembangkang juga menyokong tapi bila peraturan tidak diikuti itu yang rasa-rasanya kita dah mula dengan suasana yang tidak cantik. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tuan Setiausaha, Peraturaan Dewan juga! YB. Gurun juga ada sebut peraturan dewan tapi tadi pun YB. Alor Mengkudu pun ada sebut. Tidak ada satu peraturan pun yang minta kerajaan untuk hantar notis dan itu pun disebut oleh Alor Mengkudu dan Gurun pun ada sebut kalau ada SMS atau dalam group kita 2, 3 hari yang lepas telah dimasukkan perjalanan persidangan kita hari ini yang akan ada pelantikan Speaker dan juga Timbalan Speaker. Jadi, perkara ini perkara yang telah pun dimaklumkan dan saya yakin Ahli-Ahli Yang Berhormat samada kerajaan atau pembangkang kita tau Speaker telah letakkan jawatan sebab Speaker pun di kalangan rakan-rakan pihak pembangkang juga takkan bila letak jawatan tak maklum kepada rakan-rakan. Jadi, kita yakin perkara itu telah pun sedia maklum dan apa yang kita buat hari ini memenuhi peraturan dewan juga.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Setiausaha Dewan, Peraturan Dewan! Jadi, saya kira mesyuarat kita adalah mesyuarat tertinggi di peringkat negeri dan kalau di peringkat organisasi yang rendah pun ada agenda dan ada peraturan yang mesti diikuti dan kita mengikuti sebab kita terikat dengan peraturan ROS dan sebagainya maka hari ini adalah mesyuarat tertinggi di peringkat negeri yang juga ada peraturannya dan kami tidak dapat apa-apa notis pun tentang mesyuarat, tentang perletakan jawatan speaker, kami tiada notis dan juga kita 'refer' kepada apa yang dibaca oleh ketua pembangkang perkara 4 (1) setiap ahli dewan disebut berhak untuk mencadang, setiap diantara kami, sama ada pembangkang ataupun kerajaan berhak

untuk mencadang speaker. Bagaimana kita nak cadang kalau kita tidak ada notis, bagaimana kita nak cadang kalau kita tak tahu pun bahawa Speaker letak jawatan. Jadi, inilah perkara asas yang saya rasa kita tak boleh buat macam tu, ini dewan, ini peringkat tertinggi. Kalau peringkat tertinggi pun, kita tidak hormati peraturan yang telah dibuat, peraturan kerajaan! Jadi, saya kira ini adalah sesuatu yang malang dalam konteks Dewan Undangan Negeri kita.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya pun nak sambung, mengenai Peraturan Mesyuarat 4(1), kalau ikut amalan di Parlimen, memang ada notis 14 hari tapi ini bukan Parlimen tapi Dewan Undangan Negeri Kedah. Jadi, 14 hari itu adalah notis sekiranya seorang Speaker itu hendak digugurkan jawatannya tapi dalam kes ini, YBhg. Dato' Paduka Ahmad Bin Kassim, kami dimaklumkan beliau telah meletakkan jawatannya sendiri, sepatutnya notis itu datang juga daripada pihak kerajaan. Oleh sebab itu, notis 14 hari untuk pengguguran itu tidak berbangkit.

Walaupun begitu, untuk mencadangkan nama Speaker baru, memanglah sepatutnya sekurang-kurangnya sehari notis diberikan. Kita semua sedia maklum bahawa di pihak kerajaan sekarang ada 23 orang Adun dan di pihak kami adalah 13 Adun, tak mungkin kami boleh menang sekiranya kami mencadangkan nama tetapi proses itu perlu dipatuhi, ianya bukan bermakna akan ada pertelingkahan dalam soal pemilihan sebab sudah tentu siapa juga yang dicadangkan oleh pihak kerajaan akan dilantik sebagai Speaker. Jadi, itu tidak menjadi masalah tetapi peraturan mesyuarat seharusnya dipatuhi sepenuhnya.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Peraturan Mesyuarat! Peraturan 4. Assalamualaikum Setiausaha dan seluruh Ahli Dewan. Pada saya mudah saja apabila kita lihat Peraturan 4(1) ini sebagai satu Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, disitu jelas menunjukkan bagaimana untuk tiap-tiap 36 Ahli Dewan ini berhak mencalonkan seorang Speaker bila berlaku kekosongan. Soal kekosongan macam mana itu lain cerita, tapi sekarang ini untuk melaksanakan peraturan ini kita diberikan syarat juga untuk menamakan dalam tempoh satu hari. Notis rasmi tak dikeluarkan pun tak apa tapi tetap diberikan peraturan satu hari. Jadi, untuk melaksanakan satu yang wajib ini, benda itu menjadi wajib kepada kaedah peraturan ini sebagai melaksanakan Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah.

Jadi, saya juga ingin menarik perhatian kita bahawa untuk melaksanakan peraturan sebagai satu Dewan yang mulia ini, notis rasmi kalau pun nak dielak daripada dikeluarkan tetapi perkara peletakan jawatan atau kekosongan Speaker ini adalah satu benda yang rasmi tidak boleh hanya tau di kedai kopi ataupun baca surat khabar yang diumumkan mana-mana Exco kononnya pada satu tarikh sekian-sekian akan lantik seorang Speaker baru itu tak betul, ianya mesti ada satu notis rasmi memaklumkan kalau tidak benda itu adalah satu rahsia kerajaan.

Jadi, dalam 36 orang kita ini, saya nak tau siapa yang dapat rahsia kerajaan itu, siapa yang mengetahui dan menyebarkan rahsia kerajaan bahawa berlakunya kekosongan itu, seolah-olah dia melanggar akta rahsia kerajaan. Jadi, kami disini hari ini tidak tahu melainkan sekarang baru diberitahu ada kekosongan. Jadi, kami ingin mencadangkan tetapi dah tidak diberikan hak untuk mencadang.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pejabat Dewan Undangan Negeri telah menerima surat daripada pihak Kerajaan berkenaan pencalonan Speaker dan telah mendapat persetujuan secara bertulis daripada calon yang dicadangkan.

Oleh kerana hanya ada satu pencalonan bagi jawatan Speaker dan bagi mematuhi Peraturan 4(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka saya dengan ini mengisytiharkan **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** telah dipilih menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman. (YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Itu bukan jawapan kepada soalan yang dikemukakan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Dipersilakan **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** untuk tampil di hadapan astaka untuk dipakaikan Jubah Rasmi Speaker oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Peraturan Dewan! Peraturan Dewan!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ini tak patut berlaku Tuan Setiausaha.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Simpan kut Peraturan Dewan ni!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Kita hanya nak minta ikut peraturan sahaja!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berhormat ADUN Guar Chempedak mengiringi Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memakaikan **JUBAH Rasmi** Speaker kepada **Yang Berhormat Encik Juhari bin Bulat** di atas Astaka.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Permintaan kita tidak keterlaluan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Teruskan sahaja!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Kita hanya nak minta ikut peraturan tetap Dewan sahaja! Boleh buat yang lain, kita tak halang untuk lantik Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Lantik Speaker tak ikut peraturan!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Tak payah tunggu notis lah YB! YB. kena ambil tau lah, dah tak dak Speaker kena lantiklah! Peraturan kata tak payah habaq pun dekat Ahli-Ahli Yang Berhormat semua!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Peraturan Dewan! Untuk rekod bukan untuk apa! Peraturan Dewan iaitu kami berpendapat bahawa oleh kerana perlantikan ini tidak mengikut peraturan tetapi diteruskan juga, ertinya akan berjalan Dewan ini, pohon dicatitkan bahawa pihak pembangkang tidak turut serta dalam urusan penerimaan pelantikan ini kerana tidak termaktub. Walaubagaimanapun, YB. Speaker kami menghormati YB. Speaker dan akan terus bekerjasama dengan urusan Dewan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pemilihan Speaker yang baharu telah selesai di sempurnakan dan kini saya menyerahkan semula perjalanan mesyuarat seterusnya kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Tuan Setiausaha Dewan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kerana memilih saya sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman pada kali ini.

Bagi melicinkan perjalanan persidangan Dewan ini, dari semasa ke semasa saya mohon kerjasama yang sebaiknya bagi memastikan kelancaran perjalanan persidangan Dewan ini, supaya dapat memberi penambahbaikan pada masa yang akan datang.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Speaker, Peraturan Dewan! Benda lain pula YB. Speaker, Peraturan Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Peraturan Dewan! Bila lama di dalam Dewan ini maklumlah! Jadi, YB. Speaker sebut cadangan-cadangan pembaikan, disini saya nak sebut Peraturan-Peraturan Dewan ini perlu kita hormati iaitu perkara mengenai 9(1) dan 9(2), YB. Speaker boleh rujuk Perkara 9(1) dan 9(2) tentang bagaimana majlis ataupun sidang dun ini dipanggil. Dalam urusan memanggil Sidang Dun ini pun dia ada peraturan dia, YB. Speaker! Sebab itu saya perlu ambil dulu ucapan sebab mulakan Sidang Dun. Ini tidak pernah berlaku sepanjang saya ada dalam Dewan cara memanggil Sidang DUN ini. Saya yakin pegawai-pegawai kita di MMK cukup berpengalaman tetapi oleh kerana tidak ada satu keputusan yang jelas daripada pihak kerajaan menyebabkan mereka itu teragak-agak untuk memanggil Sidang Dun.

Yang pertama saya nak sebut bahawa, Sidang Dun mula dipanggil pada 9 Julai 2020, notis ini! Kemudian, selepas beberapa lama, selepas surat ini, keluar pula tambah hari, boleh tambah tak dak masalah. Pada 16 Julai 2020 tambah pula hari daripada 26hb jadi 2 hari, makna kata yang mula tu kata nak sidang apa, yang kedua mungkin ada cadangan baru nak tambah masa atau apa ka, ertinya nampak uncertainty di situ. Itu tak pa! Itu bukan kecacatan yang agak jelas di situ tetapi yang menjadi satu kecacatan yang tidak pernah berlaku. Dalam 9(2) Setiausaha hendaklah menyediakan untuk tiap-tiap Ahli dengan seberapa segera yang boleh sebelum tiap-tiap mesyuarat satu naskhah aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat itu. Ertinya selepas satu tempoh menerima notis hendaklah disegerakan memberi aturan mesyuarat ertinya kerajaan sudah ada satu niat ataupun cadangan bagaimana apa yang nak dibahaskan dalam mesyuarat YB. Speaker.

Dalam isu mesyuarat kita ini, tak pernah berlaku yang saya nak sebut ini, ianya tidak memenuhi kehendak 9(2) ini, iaitu terima surat iaitu pada 13 Ogos 2020, Adalah dimaklumkan bahawa Aturcara Mesyuarat Dewan bagi Mesyuarat Penggal Kedua Dewan Undangana Negeri Ke-14 akan dihantar kemudian. Ini tak pernah berlaku dalam mesyuarat akan dimaklum hantar kemudian, sampai nak mesyuarat pun tak dak. Hari ini baru ada ini, baru terima aturan dewan atas meja ini.

Jadi, dalam konteks 9(2) ini sudah tidak ada berlaku kecacatan dalam pengurusan Dewan, YB. Speaker. Walaupun ada diberi secara whatsapp, saya kira whatsapp tidak dikira dalam konteks urusan rasmi lah! Jadi, saya nak bangkitkan YB. Speaker, perkara ini tidak patut berlaku untuk mesyuarat akan datang sebab YB. Speaker akan mengambil tanggungjawab dalam isu bagaimana peraturan dewan ini hendaklah dihormati untuk membolehkan Dewan ini berjalan dengan teratur dan sempurna.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Alor Mengkudu. Insya-Allah pada masa akan datang saya akan memastikan perkara-perkara begini tidak akan berlaku lagi. Jadi, pihak Setiausaha pun cubalah memenuhi kehendak peraturan, jika kata 20 hari, 22 hari itu kita hantar siap-siap. Insya-Allah. Sebenarnya ucapan saya ada sedikit lagi tapi oleh kerana Alor Mengkudu bangun, saya bagi dan hormat untuk Alor Mengkudu bercakap dulu. Sebenarnya di sini, di Dewan ini saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada mantan Speaker YB. Dato' Paduka Ahmad Bin Kassim kerana beliau telah pun berjaya menjadi Speaker yang baik dan Dewan Kedah berjalan 22 bulan dengan harmoni sekali. Jadi, saya amat berharap harmoni ini diteruskan lagi. Oleh kerana perkhidmatan YB. Dato' Paduka Speaker begitu baik, jadi saya amat berharaplah Kerajaan Negeri Kedah bolehlah memberi apa-apa imbuhan untuk tanda penghargaan Negeri Kedah kepada mantan Speaker.

Yang keduanya ialah saya nak umumkan di sini ada satu surat iaitu pemilihan YB. Dato' Haji Ir. Phahrolrazi Bin Haji Zawawi sebagai Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Kedah. Ini ada pemakluman. Jadi, saya harap Dewan setujulah terima Alor Mengkudu sebagai Ketua Pembangkang. Urusan seterusnya, saya persilakan Tuan Setiausaha!

II. PEMILIHAN TIMBALAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pemilihan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, disebabkan saya telah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah berkuatkuasa 23 Ogos 2020 maka telah berlaku kekosongan kepada jawatan Timbalan Speaker menurut perkara 54(2A) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah.

Oleh itu, menurut Perkara 54(1) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul Aman dan Peraturan 6(1) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa hendaklah memilih seorang daripada Ahlinya untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai Timbalan Speaker. Sehubungan itu, saya mohon mendapat cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian.

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan **Yang Berhormat Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka** dipilih sebagai Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman,

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan yang dibuat oleh YAB. Menteri Besar.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan **Yang Berhormat Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

[YB. Ustaz Ahmad Fadzli Bin Hashim bangun memperkenalkan diri]

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim dari Pantai Merdeka kerana sanggup menggalas jawatan Timbalan Speaker. Diharap Timbalan Speaker dapatlah berganding dengan Speaker untuk menjalankan persidangan kita dengan sebaik-baiknya.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Peraturan Mesyuarat! YB. Speaker, tak kan tak tanya belah sini juga kalau ada cadangan! Ada tak dak tu lain cerita tapi sekurang-kurangnya satu cadangan saja ka?

YB. TUAN SPEAKER

Awat Jitra terlajak dah baru nak bagitau! Dah terlajak dah kita teruskanlah na! Boleh dak?

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Pejabat Dewan Undangan Negeri telah menerima satu surat cadangan sahaja daripada pihak Kerajaan dan dipersetujui oleh calon yang dicadangkan.

Oleh kerana hanya ada satu pencalonan bagi jawatan Timbalan Speaker dan bagi mematuhi Peraturan 4(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, maka saya dengan ini mengisytiharkan **Yang Berhormat Ustaz Ahmad Fadzli bin Hashim** telah dipilih menjadi Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha

III. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN OLEH YAB. MENTERI BESAR.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh YAB. Menteri Besar.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar Kedah untuk membentangkannya.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya mohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat :-

Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2020	-	Penyata Kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
Kertas Dewan Bil. 12 Tahun 2020	-	Penyata Kewangan Lembaga Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah Bagi Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri! Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha

IV. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut.

YB. TUAN SPEAKER

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut. Sekarang pukul 9.40 pagi dan akan tamat pada pukul 10.40 pagi. Silakan soalan yang pertama.

YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker dan Ahli-Ahli Dewan, saya pohon jawapan bagi soalan nombor 1.

1. YB. DATO' HAJI IR. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI
[ADUN ALOR MENGKUDU]

Apakah program-program bantuan dan rangsangan ekonomi kerajaan baru Perikatan Nasional Negeri Kedah kepada penduduk yang terjejas dengan pandemik Covid-19 selepas memasuki fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)?

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih YB. Alor Mengkudu. YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, Kerajaan Negeri amat memahami bebanan yang dihadapi oleh rakyat di negeri ini terutamanya bagi golongan yang terputus sumber pendapatan dan memerlukan bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban sewaktu menghadapi pandemik covid ini. Untuk tujuan itu, Pejabat Kewangan Negeri Kedah telah memperuntukkan Pemberian Bantuan One-Off Covid-19 berjumlah RM300.00 bagi setiap orang yang layak menerima. Sejak 18 Mei 2020 (sejak Perikatan Nasional mengambil alih) sehingga kini, Kerajaan Negeri telah mengagihkan pemberian ini kepada 9,678 penerima dengan jumlah agihan adalah sebanyak RM 2,903,400.00 melibatkan fasa-fasa seperti berikut;

Tarikh Bantuan Disalurkan	Fasa
18 Mei 2020	PKP
21 Mei 2020	PKP
15 Jun 2020	PKPP
19 Jun 2020	PKPP
10 Julai 2020	PKPP
9 Ogos 2020	PKPP
Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020	

Selain daripada Pemberian Bantuan One-Off Covid-19 berjumlah RM300.00, Kerajaan Negeri turut menyalurkan bantuan Sumbangan Sentuhan Kasih Covid-19 kepada rakyat yang terjejas melibatkan Kluster Sivaganga di Negeri Kedah sebanyak RM49,980.00. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan?

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Terima kasih YAB. Jeneri. Berhubung dengan jawapan yang diberi tadi iaitu 'one off' RM300.00 itu, saya rasa mungkin peruntukan daripada kerajaan dahulu, cuma dia sambung. Tak dak masalah apa! Kemudian, Sivagangga ini peruntukan baru yang diluluskan. Terima kasih kepada kerajaan. Yang saya nak tanya apakah program-program oleh kerana Covid ini dah kembali pula, pihak rakyat belum mendengar lagi cadangan baru daripada kerajaan baru oleh kerana peruntukan terdahulu sudah habis dah diberi tetapi isu kesulitan rakyat ini dia berterusan terutamanya melibatkan kawasan PKPD dan juga kawasan yang terjejas perniagaan mereka. Jadi, saya nak tanya cadangan program baru kalau ada, kalau tak dak tak apa sebab Yang Berhormat ni baru. Kalau ada, kawan-kawan kita juga! Kalau ada ataupun dala perancangan. Jadi, soalan saya apabila cadangan untuk ini melibatkan

perbelanjaan, apakah terutamanya perbelanjaan yang digunakan ini perlu kepada kelulusan Dewan kalau sekiranya tiada peruntukan di dalam bajet yang lepas. Pohon penjelasan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh saya minta soalan tambahan YB. Tuan Speaker?

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Nanti, bagi saya jawab dulu! Terima kasih YB. Alor Mengkudu, yang pertamanya saya nak ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Alor Mengkudu kepada rakyat yang sedang menghadapi pandemik covid. Kita telah mengadakan Mesyuarat MKN tanpa selang lah! Setiap 2 minggu atau sekiranya ada keperluan kita akan panggil mesyuarat hampir 3 hari sekali kita panggil meneliti perkembangan-perkembangan terkini tentang Covid yang melanda semula Negeri Kedah khususnya Kluster Tawar, Kluster Sala, Kluster Sivagangga yang kita semua sedia maklum dan kluster-kluster ini telah meletakkan Kedah dalam kebimbangan khususnya di kawasan Baling, Kuala Muda dan juga Yan. Walaupun nama Kluster Sala tapi ianya berlaku di Guar Chempedak.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada membuat syor-syor yang mana kita tidak dapat umumkan kerana syor-syor yang kita buat berdasarkan keputusan dalam Mesyuarat MKN itu terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan contohnya TEMCO yang diambil untuk menghadapi Kluster Sivagangga. Tujuan TEMCO adalah untuk memutuskan rantaian Covid 19. Walaupun kita mencadangkannya lebih awal tapi oleh kerana TEMCO ini berada dibawa bidang kuasa Kerajaan Persekutuan maka kita tunggu Kerajaan Persekutuan bersidang di peringkat persekutuan bersama MKN dan semua agensi yang terbabit dengan MKN di peringkat persekutun untuk mengumumkan. Demikian juga syor-syor yang kita buat untuk menghadapi kluster-kluster berikutnya yang sedang melanda di Negeri Kedah pada waktu ini. Kita masih menunggu apakah respon yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap syor-syor JKN Negeri Kedah telah kemukakan. Antara program baru ialah bantuan kepada Kluster Sivagangga ini diberikan semalam saya menerima 300 pek untuk 300 keluarga yang disumbangkan oleh Yayasan Petronas untuk disumbangkan kepada keluarga yang masih lagi berada dalam kawasan TEMCO di beberapa lokasi di Daerah Kubang Pasu. Bantuan daripada Kluster Tawar dan Kluster Sala akan disalurkan apabila Jabatan Kesihatan Negeri Kedah memuktamadkan bilangan kes yang terlibat dengan kuarantin di rumah untuk seluruh ahli keluarga.

Peruntukan yang digunakan adalah peruntukan yang sediada bagi tahun 2020. Saya ingin mengambil kesempatan juga untuk memberi ingatan kepada seluruh Ahli Yang Berhormat supaya sebagai pemimpin di peringkat Dun masing-masing untuk memberi ingatan kepada rakyat di bawah untuk sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan supaya kita semua dapat memutuskan rantaian Covid 19 untuk kebaikan Negeri Kedah yang kita cintai ini. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum YB. Tuan Speaker, boleh minta laluan?

YB. TUAN SPEAKER

Ok, boleh satu sahaja soalan tambahan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Baik! Mengenai one off Covid 19 yang RM300.00 itu saya bagi contoh Kota Siputeh sendiri sepatutnya 700 penduduk dapat tetapi kita dapat 528 orang sahaja, baki lebih kurang 172 orang lagi katanya akan diberikan secara tunai melalui Pejabat Daerah tapi sampai sekarang pihak penduduk tak dapat. Jadi, saya nak tahu status pemberian ini dan saya rasa kawasan lain pun lebih kurang sama juga lah!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Berkenaan 700 yang disenaraikan oleh Adun-Adun sebelum perubahan kerajaan. Kerajaan komited untuk membuat pembayaran melalui akaun bank namun begitu nama-nama yang dikemukakan kepada kerajaan, ada akaun bank tidak telly dengan nama da nada akaun bank tidak boleh masuk duit dah, tak tau samada nombor lari satu angka atau duit penuh dalam akaun dia.

Kerajaan memutuskan akan menerima pakai 700 nama itu dan akan diberikan secara tunai dan akan diuruskan oleh Pusat Khidmat Dun masing-masing dan tambahan selepas daripada 700 itu ialah 17 dun lagi kita beri seorang 300 orang bagi setiap dun yang menjadikan jumlah yang saya sebutkan tadi ialah 9,000 orang lebih. Jadi, Insya-Allah saya harap Kota Siputeh akan merujuk kepada Penyelaras Dun yang dilantik oleh kerajaan untuk memastikan pembayaran itu dibuat. Kalau tak dapat juga boleh mengemukakan sekali lagi nama-nama orang yang tak dapat 150 orang. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan nombor 2! Silakan YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker mohon jawapan bagi soalan nombor 2.

2. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]

Pohon dinyatakan:-

Apakah Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tanah bagi perluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Gajah Mati Pokok Sena?

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Bukit Lada atas soalan yang diutarakan. Apakah Kerajaan Negeri bersedia menawarkan tanah bagi perluasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Gajah Mati Pokok Sena?

Kerajaan Negeri tiada halangan sekiranya ada tanah-tanah yang sesuai untuk diusahakan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang baru.

Kerajaan Negeri bersetuju supaya Jabatan Pertanian meneruskan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Gajah Mati, Pokok Sena. TKPM di Gajah Mati Pokok Sena berkeluasan fizikal 59.7 hektar dan keluasan boleh bertanam sehingga kini adalah 40.27 hektar. Bilangan peserta yang menyertai projek tanaman di bawah Jabatan Pertanian adalah seramai 17 orang. Jenis-jenis tanaman yang diusahakan adalah seperti jagung, pisang, betik, nenas, dan tanaman fertigasi. Sumber peruntukan bagi projek TKPM ini dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan? Kita bagi tuan yang tanya dulu!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada YB. Speaker, soalan tambahan adalah apabila kita melihat program ini sangat baik untuk rakyat khususnya di Bukit Lada dan penyertaan daripada peserta-peserta yang mendapat kawasan ini lebih kurang 17 orang yang disebutkan tadi ini dapat diberikan kesan yang baik kepada mereka kerana mereka tidak ada tanah. Jadi, mereka boleh gunakan lebih kurang 3 atau 4 hektar setiap orang yang diberikan kepada mereka untuk mengeluarkan mereka daripada kemiskinan. Jadi, saya mencadangkan adakah kerajaan mencadangkan untuk diperluaskan di kawasan-kawasan lain lagi untuk kepentingan rakyat kita.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Bukit Lada! Untuk makluman Bukit Lada dan Sidang Dewan. Selain daripada kita ada TKPM Gajah Mati, Pokok Sena, kita juga ada TKPM Bukit Perak di Pendang, yang keluasan fizikalnya 48.5 hektar dan keluasan boleh bertanam ialah 39 hektar. Untuk maklumat YB. Bukit Lada dan Sidang Dewan, tanah-tanah yang terbiar yang ada di Negeri Kedah ini adalah agak banyak. Selain daripada itu, tanah-tanah terbiar ini kebanyakannya adalah hak individu yang mana pihak jabatan pertanian telah pun mengenalpasti tanah-tanah dan juga lokasi-lokasi yang telah pun dikenalpasti oleh Jabatan Pertanian adalah tanah-tanah terbiar. Jadi, bagi pihak Jabatan Pertanian dan saya sendiri sebagai Exco dalam Jawatankuasa Tetap Pertanian saya telah meminta untuk Pejabat Tanah dan Daerah dan juga Jabatan Pertanian berkolaborasi mengenalpasti tuan-tuan tanah yang kita ada masalah sekarang di hadapan kita ialah tuan-tuan tanah yang tidak boleh dikenalpasti.

Bagi tanah kerajaan yang dicadangkan oleh Bukit Lada supaya diperluaskan Insya-Allah kita sedang melihat kawasan-kawasan yang sesuai untuk dijadikan TKPM yang ketiga. Memang kita sedang berusaha sebab di Kedah baru ada 2 TKPM dan Insya-Allah dimana-mana kawasan yang ada di Negeri Kedah ini dijadikan TKPM yang ketiga.

Untuk maksud yang seterusnya maknanya pembangunan tanah-tanah yang terbiar. Saya didatangani oleh ramai pengusaha-pengusaha anak muda yang memerlukan tanah. Mereka yang berminat dalam industri pertanian ini memerlukan tanah. Jadi, antara langkah untuk mengatasi bagi memenuhi keperluan tanah kepada pengusaha-pengusaha ini. Itulah yang saya sebutkan tadi Jabatan Pertanian dan juga Pejabat Tanah dan Daerah sedang berkolaborasi mengenalpasti tuan-tuan tanah supaya boleh terus dihubungi oleh pihak-pihak yang berkaitan yang berminat dan mereka yang berminat boleh terus menghubungi. Kita ada data jumlah keluasan di setiap daerah tetapi kita tidak ada data yang lengkap tentang tuan tanah itu. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya ialah semakan Jawatankuasa PAC tahun lepas bersama dengan Menteri Besar Jeneri dengan Tuan Speaker, kita katakan projek ini gagal, masa itu Tuan Speaker bagi markah 2 daripada 10. Jadi, saya nak tanya adakah sesuai projek TKPM Gajah Mati, Pokok Sena sesuai diteruskan. Terima kasih.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Untuk makluman YB. Kota Darul Aman, daripada luas fizikal yang ada di TKPM Gajah Mati, iaitu 59.7 hektar, luas dibangunkan 40.27 hektar, luas bertanam 12.80 hektar, luas berhasil 7.85 hektar, ini yang terbaru. Jadi, hasil-hasil yang dikeluarkan ini melihatkan ada peningkatan semenjak tahun 2020 daripada tahun 2019 sehingga kini. Jadi, pengeluaran hasil bagi Jun 2020, di TKPM Gajah Mati, jenis tanaman sasaran tahunan 134 metrik tan, kuantiti pengeluaran adalah 44.56 dan peratus pencapaian ialah 33.30, buah-buahan ialah

sasaran tahunan 340, kuantiti pengeluaran 8.188 tan, kontan 111 metrik tan, kuantiti pengeluaran 22.6 tan dan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran adalah 75.393 tan. Saya faham ketika awal saya mengambilalih Exco Pertanian, memang ada berlaku kekosongan yang tidak diusahakan dan sebagainya tetapi Jabatan Pertanian telah pun menapis dan memanggil peserta-peserta yang baru dan hingga kini tiada lot kosong yang boleh diisi sebab semuanya telah penuh di TKPM Gajah Mati dan saya telah pun 2 kali melawat TKPM Gajah Mati memantau projek-projek yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha dan Alhamdulillah ada peningkatan dari segi hasil dan sebagainya.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kota Siputeh!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya mohon jawapan bagi soalan nombor 3.

3. **YB. DR. SALMEE BINTI SAID**
[ADUN KOTA SIPUTEH]

Kita sedia maklum melalui media sosial dan media cetak tentang isu keganasan rumah tangga dan isu wanita yang sering menjadi mangsa ganguan seksual.

a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu bagi membela nasib mereka?

b) Adakah terdapat fasiliti tempat selamat bagi kes keganasan rumah tangga sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita di Negeri Kedah?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakauh dan Salam Sejahtera. YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, YB. Kota Siputeh, kita sedia maklum melalui media sosial dan media cetak tentang isu keganasan rumah tangga dan isu wanita yang sering menjadi mangsa ganguan seksual. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu bagi membela nasib mereka?

Jawapannya ialah Kerajaan Negeri memperkasakan melalui program yang dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPW) iaitu dengan menganjurkan 13 buah program Literasi Undang-Undang (LUU) yang melibatkan seramai 604 orang dan 5 buah program Wanita Anti Jenayah (WAJA) yang melibatkan seramai 560 orang pada tahun 2019 dan 2020. Program ini memberi penerangan secara jelas mengenai hak-hak seorang wanita dalam perkahwinan dan memberi ilmu pengetahuan dalam mengambil langkah-langkah dan tindakan undang-undang sekiranya mereka mengalami keganasan rumah tangga dan gangguan seksual.

Selain itu, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPW) turut menyediakan perkhidmatan kaunseling motivasi kepada wanita-wanita yang mempunyai masalah dan cabaran di dalam kehidupan mereka. Pihak PPW akan membantu mereka dengan memberi khidmat kaunseling dan penerangan secara jelas dalam mengambil langkah-langkah dan tindakan yang sewajarnya seperti memohon Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD), melaporkan kepada pihak berwajib dan sebagainya bagi menangani isu ini. Ianya bertujuan untuk membantu wanita melakukan perubahan tingkahlaku, pemikiran dan perasaan ke arah yang lebih positif dan bersesuaian dengan keperluan semasa mereka.

Untuk soalan (b) Adakah terdapat fasiliti tempat selamat bagi kes keganasan rumah tangga sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita di Negeri Kedah? Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan fasiliti tempat selamat bagi kes keganasan rumahtangga sebagai tempat perlindungan sementara bagi wanita di negeri Kedah, iaitu bertempat di Rumah Transit Negeri Kedah, Taman Pulasan di bawah penyeliaan Majlis Kebajikan Negeri Kedah dan Taman Sinar Harapan, Jitra di bawah penyeliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan? Silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan saya, baru ini ada kes di Changlun tetapi masalah rumah perlindungan sementara tiada! Jadi, saya nak tahu bila sebenarnya akan beroperasi rumah perlindungan yang dikatakan ada itu? Yang keduanya, apakah program-program untuk kaum lelaki pula untuk mengatasi masalah rumah tangga ini? Sekiranya ada, apakah program tersebut dan sekiranya tiada bila agaknya akan dilaksanakan program khususnya untuk kaum bapa ini? Yang ketiga, berapakah jumlah laporan ataupun aduan keganasan rumah tangga yang dilaporkan sepanjang tempoh PKP bagi Negeri Kedah dan sekiranya ada aduan apakah langkah-langkah yang diambil?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Untuk makluman semua, rumah transit di Negeri Kedah ini yang beralamat di No.340 hingga 345 di Jalan Pulasan, Jitra ini adalah yang telah dirasmikan secara rasminya pada bulan Januari yang lalu dimana rumah ini juga menjadi perlindungan sementara kepada gelandangan, pengemis, kanak-kanak jalanan dan kes-kes keganasan rumah tangga yang diberi keutamaan. Untuk makluman semua, pada tahun 2020 tidak ada kemasukan penghuni rumah transit di Negeri Kedah ini memandangkan perlu mendapat kelulusan pengoperasian dibawah Seksyen 23 Akta Pusat Jagaan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi, surat kelulusan itu telah kita kemukakan kepada menteri dan belum mendapat jawapan lagi. Jadi, persiapan di situ memang ada tetapi pemprosesan tidak dapat dijalankan kerana mengikut Akta Seksyen 23 kelulusan itu hanya menteri sahaja yang dapat beri kelulusan dan Insya-Allah surat pun telah dihantar dan dalam masa terdekat, bila kita telefon kepada SetPol Menteri dan Menteri akan memberikan kelulusan dalam masa terdekat. Insya-Allah.

Jadi, untuk soalan masalah orang lelaki dalam keganasan rumah tangga ini kita akan bekerjasama juga dengan Jabatan Agama Islam kerana tiada orang perempuan, tiadalah orang lelaki Yang Berhormat! Jadi, masalah ini bukanlah masalah orang perempuan sahaja tetapi masalah kaum lelaki juga!

Insya-Allah kita bekerjsama dengan Jabatan Agama Islam dan Pejabat-Pejabat Agama Islam di daerah masing-masing supaya menganjurkan kursus-kursus raikan cinta balik dan Insya-Allah dalam LPPKN akan buat program sebegitu kerana perancangan telah dibuat dan juga telah dimasukkan dalam portfolio saya tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tempoh PKP dan apa yang penting sekali kita kena menerapkan nilai ilmu agama dan tanggungjawab sebagai suami dan tanggungjawab kepada tuhan amat penting. Insya-Allah ianya akan diadakan selepas tempoh PKP ini dan mengenai penduduk di Changlun itu macam saya katakana kepada YB. Kota Siputeh dimana kita tidak menerima lagi kerana Akta 23 itu kita tidak dapat beroperasi lagi di rumah transit. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Tuan Speaker, minta soalan tambahan satu lagi?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Berbalik kepada jawapan yang diberikan terkakhir tadi tentang rumah transit itu, rasmi bulan Januari tahun ini sekarang kita dah hampir hujung bulan Ogos. Masalahnya masih belum beroperasi, kita sewa 5 pintu, sepintu RM1,000 semuanya RM5,000. Rasmi bulan Januari tahun ini, bulan Ogos tak boleh beroperasi sebab hanya nak tunggu surat daripada YB. Menteri. Saya rasa ini satu yang cukup mendukacitakan, 'administrative' saja. Jadi, saya mohon agar benda ini dapat diberi perhatian dengan segera kerana keperluan untuk menempatkan orang di situ ada, rumah dah ada, sewa dah sampai 8 bulan dah mungkin lebih lagi hanya nak dapatkan kebenaran itu macam kita tak ada planning. Sepatutnya semasa nak setup itu dah pun submit dan dengan hubungan yang baik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sepatutnya benda itu boleh diselesaikan. Soalan saya agak bila dan jangan kita bagi lama lagi sebab benda duk ada terbuang begitu sahaja tak dapat digunakan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bukit Kayu Hitam! Agak-agak bila nak 'start' tu?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. Anak Bukit, untuk makluman semua, perkara-perkara dalam program disitu dapat dijalankan kecuali kita kena mengazetkan rumah itu sebab rumah itu adalah kawasan selamat. Jadi, Akta 23 itu, saya hanya kena dapat kelulusan menteri sahaja dulu. Jadi, Insya-Allah YB. Dato' kita akan percepatkan proses ini dan kita tau masalah bila kita buat proses gelandangan ini kita nampak banyak rumah di situ perlu kita percepatkan dan seperti saya katakana proses sedang dijalankan dan Insya-Allah dalam masa terdekat Yang Berhormat!

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 4.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Pat Pat Siku Lipat, Tolong jawab soalan saya nombor 4.

4. YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[ADUN ANAK BUKIT]

Antara pelabur baru di Kulim Hi-Tech Park ialah Music Tube Commercial My Sdn Bhd didalam bidang Advanced Electronic.

Pohon dinyatakan:-

a) Latar belakang syarikat

b) Operasi syarikat ini di tempat lain

c) Bidang spesifik pelaburan advanced electronic

d) Nilai pelaburan

e) Bilangan pekerjaan dan julat gaji

f) Pembinaan kilang dan tarikh mula operasi

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Soalan yang pertama saya nak perbetul di sini bukan music tube tapi music tribe. Soalan nombor 4 ini ada pecahan. Jadi, saya nak pergi satu persatu kepada jawapan ini. Untuk (a) iaitu latar belakang syarikat. Nama syarikat Music Tribe Commercial MY Sdn Bhd. Ia diasaskan oleh Uli Behringer pada tahun 1989 sebagai sebuah syarikat peralatan audio di Willich, Jerman. Music Tribe adalah pereka, pengeluar dan pengedar audio panggung profesional yang terkemuka berkaitan dengan peralatan, alat muzik dan produk audio. (b) Operasi syarikat ini di tempat lain. Tempat-tempat itu ialah United Kingdom, Denmark, Sweden, Kanada, Jerman, Jepun, China, Filipina, Scotland, USA. Jadi, Malaysia ni negara yang ke-11. (c) Bidang spesifik pelaburan advanced electronic. Bidang pelaburan di KHTP ialah Penyelidikan & Pembangunan (Research & Development). Keduanya, Rangkaian pembuatan & pembekalan digital (Digital Manufacturing & Supply Chain).

Ketiganya ialah Data Analytics and Artificial Intelligence. (d) Nilai Pelaburan. Nilai pelaburan daripada syarikat Music Tribe adalah RM 1 bilion dan pecahan pelaburan adalah seperti berikut:- Pajakan tanah, reka bentuk bangunan, permit dan lain-lain yang berkaitan RM150 juta. Yang keduanya Pusat latihan, Smart Energy, Infrastruktur Digital serta Peralatan automasi untuk pengilangan bagi Fasa 1, RM250 juta. Ketiganya ialah Bangunan tambahan dan peralatan iaitu Fasa 2, RM400 juta. Yang keempat ialah Bangunan tambahan dan peralatan bagi Fasa 3, RM200 juta.

Seterusnya (e) Bilangan pekerjaan dan julat gaji. Jumlah bilangan pekerja adalah seramai 1,000 orang yang akan diambil secara berperingkat mengikut 3 fasa seperti berikut:- Fasa 1 - 200 orang, Fasa 2 - 350 orang, Fasa 3 - 450 orang. Julat gaji untuk pekerja di sini dianggarkan sebab disini ianya melibatkan tahapnya lebih tinggi iaitu 'technician level' lebih daripada RM3,000 sebulan. Untuk (f) Pembinaan kilang dan tarikh mula operasi. Cadangan pembinaan kilang adalah seperti berikut :- Fasa 1 – tahun 2021, Fasa 2 (bangunan tambahan) – tahun 2022, dan Fasa 3 (bangunan tambahan) – tahun 2023.

Bangunan kilang utama (fasa 1) akan mula beroperasi pada tahun 2021. Buat ketika ini Music Tribe telah menyewa satu unit bangunan kilang Semi-D berkeluasan 12,500 kaki persegi, milik Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd (KTPC) di Jalan Hi-Tech 2/6 untuk pejabat pentadbiran dan juga kilang pemasangan sementara menunggu proses membina kilang pembuatan dan penyelidikan fasa pertama siap dibangunkan sepenuhnya. Insya-Allah.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih Tuan Speaker dan terima kasih Guar Chempedak yang telah bagi jawapan tadi. Soalan tambahan saya ialah sebelum itu saya nak ucapkan tahniah kepada pihak pengurusan terutamanya Kulim Hi-Tech yang proaktif sebenarnya saya difahamkan kita dapat pelaburan ini ialah bila kita dapat tau berlakunya covid dan juga pandemic covid di China dan juga trade war antara China dan US. Banyak yang nak relocated manufacturing facilities mereka. Jadi, yang ini antara yang kita di Kedah ini 'terpa' (dengan izin) terpa pi kat depa offer dan kemudian bawa mai ke Kulim Hi-Tech.

Jadi, soalan tambahan saya Tuan Speaker ialah ada lagi tak usaha-usaha yang sedang kita buat sebab ini memberikan pulangan yang cukup baik 1B punya investment, 1,000 peluang pekerjaan dan julat gaji technician sahaja melebihi RM3,000, which is very good maknanya usaha yang kita jalankan untuk kita merebut peluang bukan sahaja manufacturing yang originnya nak dibawa keluar sebab nak lari dari trade war dan tariff yang dikenakan oleh US kepada produk China tetapi banyak fasiliti yang dibuat originnya adalah di Jepun tetapi mereka mengadakan manufacturing facilities nya di China. Apakah usaha kita untuk kita membawa masuk ke Negara kita akan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan kita.

Soalan kedua, yang ini tak apa kalau YB. Guar Chempedak tiada jawapan sekarang pun boleh bagi secara bertulis. Daripada tahun 2019, punya investment yang di approve oleh pihak MIDA ke Negeri Kedah, kita dapat FDI dalam 8.1 billion campur dengan domestic investment 3.4, RM11.5 billion. Soalan saya ialah ini approved, realized yang dapat dijadikan maknanya akhir ini jadilah bukan sahaja diberikan kebenaran dan akhirnya jadi dan berapa banyak daripada jumlah RM11.5 billion itu. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Untuk soalan tambahan yang pertama samada ada tak lagi pelaburan yang diperolehi. Memang ada dan setakat ini tak boleh diumumkan oleh MIDA lagi. Itu untuk suku tahun kedua, dia tak umumkan lagi. Benda itu ada, insya-allah dan pihak KTPC memang melaksanakan program promosi dan pemasaran begitu aktif sekali sungguhpun dalam keadaan Covid-19 ketika ini. Tapi insya-allah ada beberapa projek yang besar juga yang akan dilaksanakan di situ dan Insa-Allah akan diumumkan oleh pihak MADA dalam masa yang terdekat.

Soalan bagi yang kedua itu tentang syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di China dan disebabkan trade war dan sebagainya apakah kita akan buat sesuatu untuk menarik mereka datang ke Malaysia. Ya jawapannya, cumanya pergerakan kita terhad sedikit dari segi aktiviti menarik pelaburan kerana masalah sekarang mereka tak boleh datang ke sini dan kita juga tak boleh pergi ke sana.

Insya-Allah atas izin Allah, Covid 19 ini akan reda dan kita akan berusaha dengan gigih untuk menentukan kita akan dapat peluang daripada syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di China untuk datang ke Negeri Kedah ini. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Realized Investment!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang 2019 tu ka? Setakat ini tidak ada berita yang mengatakan projek-projek ini tidak diteruskan dan Insya-Allah diteruskan seperti biasa. Jadi, tahun 2019 kita ucapkan tahniah sebab belah sana dapat banyak pelaburan tapi tahun ini kurang sedikit. Suku tahun yang pertama tahun 2020, kita dah dapat RM1.1 billion dan kedudukan nombor 5 dalam negara. Insya-Allah tahun 2020 jumlah ini kita akan lihat angka yang lebih lagi Insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan YB. Suka Menanti

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya pohon penjelasan daripada YB. Guar Chempedak tentang operasi Kilang Hi-Tech sebegini yang melibatkan Music Tribe yang dalam bidang RND digital analytic data dan juga AI ini, mreka sangat memerlukan satu kestabilan bekalan elektrik yang cukup stabil sepanjang tempoh beroperasi 24 jam. Jadi, saya ingint tahu penjelasan daripada pihak kerajaan samada pembekal elektrik yang sekarang ini di Kulim Hi-Tech yang kita dah tau sampai ke had dia. Adakah kerajaan akan bincang untuk pengembangan supply elektrik di Kulim Hi-Tech ataupun kerajaan akan menjemput TNB sendiri untuk membuka ruang atau membekalkan elektrik yang lebih stabil di kawasan Kulim Hi-Tech.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, jawapannya adalah seperti berikut. Jawapannya ialah seperti berikut Syarikat Nur Power adalah syarikat 'independent' (swasta) yang membekalkan tenaga elektrik kepada Kulim Hi-Tech Park, satu-satunya dalam Malaysia. Lesen yang mereka perolehi ialah 440 megawatt dan buat masa sekarang ini mereka hanya menggunakan dalam 220 megawatt. Jadinya Nur Power tidak perlu kelulusan untuk meningkatkan kapasiti. Insya-Allah perkara ini yang tidak menjadikan sebarang masalah dan Music Tribe akan dapat beroperasi seperti mana yang dirancangkan. Insya-Allah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih soalan nombor 5, silakan!

YB. DATO DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Jangkitan Covid 19 serata dunia, ada menteri tak ikut SOP. Soalan saya nombor 5, sila jawab dengan rapi!

5. YB. DATO DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]

Kedah tidak terkecuali daripada jangkitan Covid 19.

Pohon dinyatakan :

a) Jumlah terkini pesakit dan jumlah kematian?

b) Bilakah tarikh terakhir jangkitan tempatan?

c) Apakah SOP yang di laksanakan oleh institusi masjid dan surau dalam usaha untuk membenarkan solat Jumaat dan berjemaah?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Bismillahirrahmanirahi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, sahabatku. Soalan berhubung dengan jumlah terkini pesakit dan jumlah kematian. Alhamdulillah kematian di Kedah ini hanya satu sahaja. Jumlah terkini setakat 23 Ogos 2020, dua hari lepas, yang semalam itu Ketua Pengarah tak umum lagi, kita tak boleh umumlah. Jumlah keserluruhan adalah 200 kes. Jumlah yang masih dirawat adalah 74, dalam ICU ada 5, bantuan pernafasan tiada, kes yang sembuh ialah 125. Kemudian, perincian mengikut daerah di Langkawi ada 5 kes, Kubang Pasu ada 29 kes, Padang Terap ada 5 kes, Kota Setar ada 35 kes, Pendang pula 3 kes. Ini kes daripada mula dulu. Yan – 4 kes, Kuala Muda – 57 kes, Sik – 2 kes, Baling – 21 kes, Kulim – 38 kes, Bandar Baharu – 1 kes.

Kemudian, bilakah tarikh terakhir jangkitan tempatan? Dalam rekod 23 Ogos 2020 iaitu di Tawar maknanya kluster Tawar lah.

Soalan yang seterusnya ialah SOP untuk masjid dan surau. Sebenarnya jawapan yang diberikan oleh Jabatan Agama kepada saya ini ada 11 muka surat, boleh terus sampai habis?

YB. TUAN SPEAKER

Ringkas sahaja!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ya..ringkas sahaja no! Untuk makluman Yang Berhormat, pihak masjid dan surau melalui arahan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kedah Darul Aman telah memainkan peranan yang penting dalam usaha secara konsisten demi mengekang penularan wabak Covid-19.SOP kebenaran dan penangguhan solat Jumaat dan solat fardu berjemaah telah melalui fasa pelaksanaan yang berbeza-beza, dan dilaksanakan berdasarkan keadaan semasa dan situasi terkini wabak Covid-19. Bermula daripada 17 Mac 2020 sehingga 2 Ogos 2020, kronologi pelaksanaan dan penangguhan aktiviti keagamaan di masjid dan surau Negeri Kedah Darul Aman adalah seperti berikut.

Ini saya ringkaskan sahajalah, kalau nak baca 11 muka surat ini, setengah jam tak habis. Maknanya SOP yang telah digariskan adalah sebelum pergi kena ambil wuduk di rumah, bawa sejadah, masuk melalui pintu yang diarahkan oleh surau atau masjid, ambil suhu badan kemudian jarak antara ahli Jemaah adalaj satu meter antara seorang dengan seorang yang lain dan keluar ikut pintu yang lain daripada pintu masuk. Itu secara ringkas SOP yang telah digariskan. Nak secara detail saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Pengkalan Kundor. Terima kasih Tuan Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan saya adalah berkait daripada malangnya di Negeri Kedah kita ada gelombang kedua sepertimana yang disebut oleh YAB. Menteri Besar tadi, gelombang Sivagangga, Sala, Tawar dan juga Kuala Muda. Sefaham saya setakat ini hanya Kluster Sivagangga yang diisytiharkan sebagai mukim-mukim itu kawasan TEMCO. Yang ketiga lagi saya difahamkan belum diisytiharkan. Jadi, apakah kriteria untuk diisytiharkan satu-satu mukim itu sebagai kawasan TEMCO, apakah kriterianya sebab satu diisytihar, tiga lagi belum lah, mungkin akan datang akan diisytiharkan, saya pun tak pasti.

Soalan keduanya ialah dari segi penguatkuasaan ataupun dari segi pelaksanaan SOP yang disebut tadi, sebab ada masjid-masjid tertentu yang itu dibawah kawalan Jabatan Agama Islam kita, ataupun 'entity private' surau di highway ditutup. Surau di tempat-tempat stesen minyak ada ditutup, apakah selain daripada arahan Jabatan Agama Islam tadi, surau-surau ini tidak termasuk di dalam bilangan yang patut ditutup tetapi masih lagi ditutup, mereka ini bukan dibawah PLUS tetapi di bawah 'private entity' siapa yang control ini sebenarnya sebab apabila surau ditutup, bukan surau sahaja tetapi tempat makan juga ditutup, ia memberi kepayahan kepada orang ramai, padahal kawasan-kawasan yang ditutup itu bukanlah kawasan yang terlibat dengan TEMCO yang dimaksudkan tadi. Jadi, dua soalan tambahan ini!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tuan speaker Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor kerana mengemukakan soalan tambahan. sebenarnya kawasan-kawasan yang baru kita kata kata gelombang kedua lah iaitu Kluster Muda, Tawar, Sala dan juga yang terbaru di Sik belum ada kluster lagi tapi di Sik sudah ada kes.

Memang kita dalam mesyuarat MKN telah mengesyorkan adakan halangan tertentu perlu diadakan macam orang mai pas baton lah kita nak pergi stop di depan batton tu supaya ianya tidak keluar daripada kawasan kawasan yang ada kes dia. Kita telah buat syor kepada kepada, MKN telah buat syor kepada Kementerian Kesihatan di pusat kepada MKN Majlis Keselamatan Negara tetapi Majlis Keselamatan Negara mungkin memandang perkara ini tidak keperluan sepertimana kita buat di kluster Sivagangga dan kita masih lagi menunggu syor-syor JKKN Negeri buat kepada MKN. Jadi, bila MKN tak luluskan jadi kita tidak boleh mengadakan semacam TEMCO untuk kluster-kluster di sebelah Sungai Petani dan dan inilah yang pertama. Jadi, kita tunggulah doa semoga kes ini dapat pulih dengan segeralah sebelum JKKN yang kita syorkan ini diluluskan oleh MKN.

Kemudian, tentang surau-surau memang kita ada arahan daripada pihak PBT, arahan kepada surau-surau yang ada di PBT supaya kita mengarahkan mereka melaksanakan SOP yang telah di syorkan oleh JKKN sebab PBT ni dia ada di bawah negeri maknanya kita ada hak untuk melaksanakan apa-apa syor yang tidak bercanggah dengan apa yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara.

Jadi, apabila kita syorkan kepada stesen minyak, surau-surau yang yang kita tetap private lah maka mereka perlu mematuhi arahan-arahan PBT yang kita telah keluarkan. Itu menyebabkan setengah-setengah stesen minyak dan surau telah melaksanakan syor-syor yang telah dibuat oleh JKKN di Negeri melalui PBTmasing-masing. Terima kasih Tuan Speaker

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit sahaja Tuan Speaker, penjelasan yang ingin saya dapat adalah kita faham kalau penutupan itu berlaku sebab dulu tutup selepas itu buka, bila TEMCO tutup balik tetapi bukan kawasan TEMCO, ini kawasan biasa. Jadi, maksud saya penguatkuasaan tadi siapa, penyelarasan itu tidak ada. Adakah sebenarnya tol ataupun Gurun dua hala, adakah sebenarnya patut ditutup atau tidak? Siapa dari segi penguatkuasaan dan penyelarasan. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Boleh jawab Tuan Speaker?

YB. TUAN SPEAKER

Jawab! Jawab! Jangan tak jawab!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Pengkalan Kundor. Sebenarnya apa dari segi kita kata macam yang pertama sekali saya nak tahu lah ataupun RNR mana yang ditutup?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Spesifik tadi Gurun!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Gurun, walaupun tidak berada dibawah TEMCO, perjalanan daripada Kubang Pasu nak pi Sungai Petani, stesen-stesen minyak atau RNR tersebut, mereka mempunyai masalah penjagaan SOP nya dengan berkesan mungkin mereka tutup ataupun masa itu mungkin Yang Berhormat sampai itu, dia nak buat sanitasi ka dia tutup dulu tapi dari segi penguatkuasaan memang kita letakkan kepada PDRM lah untuk menguatkuasakan perkara tersebut. Kalau di PBT kita ada Penguatkuasa PBT untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..Sungai Limau, silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Speaker soalan saya berkaitan dengan nama-nama cluster ini, Sivagangga, Sala, Muda dan sebagainya sebab nama-nama ni kadang-kadang dia akan beri kesan kepada suatu jumlah yang besar, mukim yang besar sedangkan tadi contoh Menteri Besar ada sebut berlaku di Guar tapi yang terkesannya adalah di Kuala Sala jauh daripada Guar Cempedak.

Jadi, mungkin boleh mencadangkan kepada Pihak MKN nama kepada kluster-kluster ini dispesifikasikan kepada tempat-tempat tertentu supaya dia tidak memberikan panik kepada jumlah rakyat yang ramai. Terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih kepada Sungai Limau, mungkin kena di kawaan dia kut! Sebenarnya nama-nama ini dipilih berdasarkan kepada permulaan kes itu macam di Tawar, start kes di Tawar itu dibubuh nama Tawar tetapi yang kes Sivagangga itu kita tak letak Napoh, kita letak Sivagangga. Pada peringkat permulaan kita tak mau isu yang dibangkitkna oleh Sungai Limau tulah kita letak Sivagangga tapi oleh kerana banyak tempat yang jadi nak jadi mudah untuk kita fahami permulaan kes itu di Mukim Sala Besar. Jadi, kita bubuh Sala lah! Minta maaf pada Sungai Limau kerana kena kawasannya kalau kawasan saya pun mungkin saya marah juga tapi ini telah ditetapkan Oleh Kementerian Kesihatan dan juga Majlis Keselamatan Negara. Jadi, kita terpaksa akurlah kita mengucapkan selamatlah kepada Sungai Limau kerana Sungai Limau tak diletakkan nama sebagai kluster tu! Terima kasih YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sebenarnya peraturan ni dia tak bagi dah ada dua kali soalan tambahan tapi hari ini saya bermurah hati bagi belah ni!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih Tuan Speaker sebab isu covid ini penting untuk rakyat. Terima kasih Tokai yang menjawab. Soalan saya ialah sebab kita memandangkan isu gelombang kedua di kedai ni yang telah kita nampak penularan termasuk terlibat jangkitan antara pelajar sekolah dan juga pelajar kepada cikgu. Soalan saya ialah apakah kriteria atau pun kaedah yang ditetapkan oleh kerajaan di mana keperluan untuk menutup sekolah sebab kebimbangan ramai adakah kita pun tak ada info kadang-kadang kita pun tak tahu adakah sekolah ditutup atau tidak ditutup bila berlaku sesuatu kes di kawasan itu ataupun hanya berlaku ada positif kes sahaja ditutup atau pun ada positif kes dan ada 'closed contact' yang perlu untuk pergi mendapatkan 'swab test' dan sekolah itu perlu ditutup sebab kadangkala dia belum tahu positif atau tidak positif tetapi anak dia pergi ke sekolah, isteri dia masih pergi sekolah dan akhirnya dia mungkin kita tidak dapat putuskan rantaian penularan itulah so mohon jawapan. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

2 minit sahaja Tokai untuk jawab! Ohh.. Jeneri tolong jawab! Silakan!

YAB. MENTERI BESAR KEDAH

Terima kasih Tuan Speaker, kerajaan prihatin bahawa gelombang yang kedua yang kita hadapi ini lebih serius dan sukar untuk ditangani berbanding dengan gelombang pertama bila Kerajaan Persekutuan memperkenalkan PKP bagi seluruh Negara. Bagi gelombang yang kedua dia tidak datang dengan PKP tapi dia datang secara berkelompok berkaitan dengan kluster-kluster sivagangga tadi dia agak centralized di Napoh, di Binjal dan di Kampung Hulu, di Padang Terap, maka TEMCO diperkenalkan kerana kawasannya tidak luas. Di Napoh kita TEMCO dalam radius 1 km dan kawasan tu ditandakan dengan jelas, 1 km bukan kawasan yang sangat besar termasuk di Binjal satu kampung saja ada berapa rumah boleh dilaksanakan TEMCO, di Kampung Hulu begitu juga tapi dalam Kluster Tawar, dia telah merebak daripada Pekan Tawar ke Kuala Muda ke tempat-tempat lain di seluruh Kedah. Jadi, TEMCO tidak dapat dilaksanakan tanda TEMCO ni 'Targeted Enhancement' tak boleh nak target lagi kerana dia telah merebak dengan begitu luas. Kita mengadakan perbincangan ni hampir setiap minggu bagaimana untuk mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh kerajaan.

Berkenaan dengan sekolah, sekolah memang kita ada cadang untuk penutupan tetapi penutupan sekolah terletak di bawah Kerajaan Persekutuan dan pengumuman itu mesti dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Namun begitu, ada sekolah yang budak pun tak mai, cikgu pun tak mai contohnya Sekolah Padang Meha dia tertutup dengan sendirinya, orang takutlah stigma kebimbangan.

Kebimbangan ini bagus, kerajaan tak teruk sangatlah nak nak suruh orang SOP sebab orang dah takut. Sekolah Sungai Karangan itu dapat perintah penutupan kelas daripada Pegawai Kesihatan Daerah termasuk sekolah di Kulim Hi-Tech, sekolah rendah yang juga mendapat perintah penutupan kelas bukan penutupan sekolah. Tindakan-tindakan yang segera ini perlu diambil untuk mengelakkan lebih banyak 'closed contact' pergi ke merata-rata tempat dan kita sedang berusaha untuk meyakinkan Kerajaan Persekutuan bahawa 'closed contact' yang dapat dikesan oleh Jabatan Kesihatan Negeri sedang berlegar-legar seperti yang disebutkan oleh Tokai tadi mereka sedang seolah-olah sedang pass batton macam acara lari

berganti-ganti. Oleh yang demikian penting untuk kerajaan mengambil tindakan menyekat di hadapan sebelum mereka sempat memasingkan batton itu. Cadangan telah dikemukakan termasuk melanjutkan cuti sekolah minggu lepas ini kepada 14 hari termasuk itu syor yang kita kemukakan supaya dia jadi 14 hari tapi syor itu belum lagi mendapat pertimbangan saya fikir sehari dua lagi mungkin akan diberi pertimbangan tapi kita menghadapi masalah bila PKPP hanya diwartakan sehingga 31 Ogos. Kalau nak ditambahkan lagi PKPP ni mesti diwartakan sekali lagi untuk menambahkan jumlah menjadi 14 hari. Ini pertimbangan-pertimbangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk diambil oleh tindakan Kerajaan Persekutuan dan kita sangat berharap supaya Kerajaan Persekutuan meneliti kes di Kedah dan juga di beberapa negeri lain yang sedang dilanda wabak covid yang berselerak ini supaya kita dapat menanganinya secara berkesan. Saya ucap terima kasih kepada keperihatinan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada Pandemik Covid ini dan marilah kita berdoa supaya cabaran yang besar ini dapat dilepasi bersama-sama. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri. Soalan nombor 6. Silakan!

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

Tuan Speaker, pohon penjelasan soalan nombor 6.

6. YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS
[ADUN BAYU]

Pohon dinyatakan:-

a) Sejauh manakah usaha dan perancangan Kerajaan Negeri menangani masalah banjir di Baling melalui Rancangan Tebatan Banjir (RTB)?

b) Berapakah jumlah peruntukan yang dicadangkan untuk disalurkan bagi tujuan di atas?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih Yang Berhormat Bayu Bismillahirrahmanirrahim. Yang saya hormati YB. Tuan Speaker dan Adun Bayu. Jawapan saya a) Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah telah merancang untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling, Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Fasa 2 dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Ulu bagi menangani masalah banjir di Daerah Baling.

Untuk jawapan (b) berapakah jumlah peruntukan yang dicadangkan? Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling telah diluluskan dibawah RMK-11 dengan kos sebanyak RM15 juta. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran juga telah memohon melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Fasa 2 dibawah RMK-12 dengan anggaran kos sebanyak RM55 juta. Disamping itu, JPS juga mengemukakan permohonan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Ulu kepada Kerajaan Negeri dengan anggaran kos sebanyak RM900 ribu.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan soalan tambahan?

YB. ENCIK ABD. NASIR BIN IDRIS

YB. Speaker, jadi kita ucapakan terima kasihlah kalau kita nampak seperti yang diumumkan oleh YB. Exco peruntukan yang besar RM15 juta dalam RMK-11 dan RM55 juta dalam RMK-12. Jadi, persoalan saya boleh kat kita nak tahu angka yang banyak ni di tempat atau senarai tempat yang akan diberikan perhatian dan yang akan diberikan peruntukan sebanyak itu?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih di atas soalan tambahan YB. Bayu tadi. Untuk Rancangan Malaysia Ke-11 RM15 juta tersebut kita akan mulakan dengan pelantikan jurutera perunding untuk rekabentuk dan kemudiannya sejumlah tersebut juga akan diberikan untuk pengambilan tanah dan kemudiannya untuk kerja-kerja fizikal. Baling ni ada masalah besar kerana kawasannya agak besar.

Implikasi banjir pun juga agak besar tetapi untuk Rancangan Malaysia Ke-11, RM15 juta ini kita nak tumpukan kajian Lembangan Sungai Ketil tersebut. Kerja-kerja fizikal yang akan dibuat adalah di dalam Kawasan Utara Sungai Kupang supaya kita dapat tangani dulu masalah kawasan Sungai Kupang tersebut sebelum kita sambung kemudiannya dalam Rancangan Tebatan Banjir Fasa Kedua yang berjumlah RM55 juta. Nanti bila RM55 juta tersebut untuk Rancangan Malaysia Ke-12, kalau diluluskan Insya-Allah oleh JPS Persekutuan kita akan sambung dengan reka bentuk yang mengambil kira Sungai Ketil, Sungai Baling dan Sungai Limau keseluruhannya.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Tuan Speaker cuma saya nak tanya berkaitan Rancangan Tebatan Banjir juga kepada YB. Sungai Tiang bukan di Baling tetapi ada dua tempat iaitu di Dun Kubang Rotan, termasuk Anak Bukit tolong tanya sekali ya! YB. Speaker nak tanya Rancangan Tebatan Banjir di peringkat di Dun Kubang Rotan dan Dun Anak Bukit itu nak tahu statusnya sekiranya YB. Sungai Tiang ada maklumat!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Saya bagi jawapan bertulis tu supaya tidak silap nanti takut bagi informasi silap nanti akan mengganggu. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ya..Yaa! Satu lagi YB. Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Jadi, alhamdulillah saya tengok ada satu perancangan yang perlu diberikan keutamaan sebab banjir ni dia berkaitan secara langsung dengan sumber air. Banjir berkaitan secara langsung dengan sumber air dan kalau tengok pula kajian RTB atau pun Lembangan Sungai Ulu Muda itu, Sungai Ketil tu boleh membekalkan 1/3 lagi potensi air untuk Sungai Muda.

Jadi, saya minta supaya kerajaan berikan satu tumpuan khusus supaya benar-benar merancang RTB fasal 2 tadi yang RM55 juta tu bukan sekadar menyelesaikan masalah banjir di Baling sebab saya simpati dengan Baling kalau kawasan Bongok tu ada yang setahun sampai empat kali, sampai enam kali pun ada di Kawasan Bongok. Kalau kawasan Siong tu mungkinlah dalam tiga empat kali baik sikit daripada Bongok. Jadi, kita minta tolong supaya betul-betul berikan tumpuan, kajian ini benar-benar melaksanakan di kawasan Sungai Ketil ni untuk tujuan kedua-dua sekali bagi selesai masalah banjir dan juga selesai masalah takungan air yang sangat berpotensi di Sungai Ketil.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Kerajaan ambil maklum, YB. Speaker!

YB. TUAN SPEAKER

Sebab itu saya bagi tanya! Ok, kita sudah selesai dalam urusan Pertanyaan-Pertanyaan mulut. Silakan Tuan Setiausaha! [YB. Jitra mencelah]

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, tadi Tuan Speaker kata habis pukul 10.45 ka tadi?

YB. TUAN SPEAKER

10.40!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

10.40? Bukan 10.45 ka?

YB. TUAN SPEAKER

Dak, 10.40 pagi. Ini kita berhenti 10.42 pagi lari 2 minit.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pemilihan Ahli Dewan Negara Yang Dipilih Oleh Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya memaklumkan di sini bahawa Setiausaha Dewan Negara telah memohon secara bersurat kepada Istana Negara supaya memilih Ahli-Ahli Dewan Negara bagi mewakili Negeri Kedah ini mengikut surat daripada Istana Negara bertarikh 12 Jun 2020 bersamaan 20 Syawal 1441H yang berbunyi seperti berikut:-

TAMAT TEMPOH PELANTIKAN AHLI DEWAN NEGARA YANG DIPILIH OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI.

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa YB. Senator Dato' Ananthan A/L Somasundaram dan YB. Senator Dato' Hj. Mohd Suhaimi bin Abdullah yang telah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah munurut perkara 41(1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 14 Ogos 2020.Menurut Bahagian 1(2) dalam Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dengan ini berkenan memberikan notis kepada KDYMM Baginda Sultan Kedah bahawa dua orang Ahli Dewan Negara hendaklah dipilih oleh Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera untuk mengisi kekosongan itu. Oleh yang demikian, dipohon kesudian tuan untuk menyembahkan kepada KDYMM Baginda Sultan Kedah berkenaan notis ini agar kekosongan yang berkenaan dapat diisi setelah dipertimbangkan dan dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Surat ini dikeluarkan oleh **Kolonel (B) Datuk Nazim Bin Mohd Alim** ,Setiausaha Sulit Kanan Kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI.

YB. TUAN SPEAKER

Dengan demikian hari ini saya minta cadangan daripada Tuan-Tuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya membuat cadangan bagi Pemilihan Ahli Dewan Negara untuk mengisi kekosongan-kekosongan tersebut saya mewakili rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang tercinta, mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kedua-dua orang Ahli Dewan Negara di atas khidmat yang diberikan kepada Negeri Kedah Darul Aman selama tiga tahun. Dengan ini Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian saya mohon mencadangkan bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya mencadangakan dan memilih **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** menjadi Ahli Dewan Negara yang baharu untuk menggantikan tempat YB. Dato' Hj. Mohd Suhaimi bin Abdullah yang tamat tempoh perkhidmatannya pada **14 Ogos 2020** dan saya telahpun mendapat persetujuan dengan bersurat daripadanya bagi maksud tersebut.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya**. Dengan segala hormatnya dipersilakan **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

(YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya memperkenalkan diri kepada Dewan)

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Ustaz. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya mengesahkan bahawa mengikut kehendak Jadual Ketujuh Perlembagaan Malaysia, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** menjadi Ahli Dewan Negara mulai daripada **25 Ogos 2020.**

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bagi mengisi kekosongan yang berlaku disebabkan tamat tempoh perkhidmatan YB. Dato' Dr Anathan A/L Somasundaram sebagai Ahli Dewan Negara pada 14 Ogos 2020, saya pohon mendengar cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekelian.

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk membuat cadangan.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan bahawa Dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya mencadangkan dan memilih **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** menjadi Ahli Dewan Negara yang baharu untuk menggantikan tempat YB. Dato' Dr Anathan A/L Somasundaram yang tamat tempoh perkhidmatannya pada **14 Ogos 2020** dan saya telahpun mendapat persetujuan dengan bersurat daripadanya bagi maksud tersebut.

YB. DATO' SURAYA BT YAAKOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz.**

Dengan hormatnya dipersilakan **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

(YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz memperkenalkan diri kepada Dewan)

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya mengesahkan bahawa mengikut kehendak Jadual Ketujuh Perlembagaan Malaysia, Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** menjadi Ahli Dewan Negara mulai daripada **25 Ogos 2020.**

Bagi pihak Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah di atas pemilihan **YBhg. Ustaz Ahmad Bin Yahya** dan **YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz** sebagai Ahli Dewan Negara bagi Negeri Kedah Darul Aman **mulai 25 Ogos 2020**. Semoga mereka akan berada dalam keadaan sihat untuk terus berkhidmat bagi membangunkan Negara Malaysia dan Negeri Kedah Darul Aman tercinta ini. Dewan Yang Mulia ini dan seluruh rakyat negeri ini menaruh harapan yang tinggi kepada Yang Berhormat berdua.

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha Dewan!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Untuk memulakan Usul ini saya mempersilakan YAB. Menteri Besar untuk mencadangkan Usul tersebut.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

> "Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman mempersembahkan Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ucapan yang berbunyi:-
> "Patek-Patek sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam Persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas pada 16 April 2020". Sekian, terima Kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya

V. PERBAHASAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, saya mohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja dan tidak mengulangi perkara-perkara yang telah di sentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lain.

Saya mendapat daripada sebelah kiri saya 3 orang Ahli yang akan berucap dan saya akan beri di sebelah kanan saya 4 orang untuk berucap. 4 orang itu spesifiknya adalah 1 daripada UMNO dan 3 daripada PAS. Sebelah sini nak tambah 4 juga! Ok, dalam ni ada Alor Mengkudu, Gurun dan Jitra! Siapa nak tambah seorang lagi? Ok, Suka Menanti! Jadi, saya ini baik hati, bagi 4 – 4, walaupun minta 3 kita bagi 4, janji jangan keluar duit sahaja! Sebelah mana nak mula dulu? Ok, Alor Mengkudu dulu! Silakan YB. Alor Mengkudu.

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wabihi' Nasta'in Wa'ssolatu Wassala'muala Sai'dilmursalin Wa'ala A'lihi Wasohbihi' Aj'main. Salam Sejahtera. Auzubillahiminashaitanirrajiim……[YB. Speaker mencelah]

YB. TUAN SPEAKER

Minta maaf nah Alor Mengkudu, masa saya bagi dalam 10 minit!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Bagi ketua kita minta 20 minit, untuk Ketua Pembangkang!

YB. TUAN SPEAKER

15 minit na!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ok, baik!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, 15 minit untuk ketua!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

إِنَّآ أَنزَلْنَا ٱلتَّوْرَىٰةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ ۚ يَحْكُمُ بِهَا ٱلنَّبِيُّونَ ٱلَّذِينَ أَسْلَمُوا۟ لِلَّذِينَ هَادُوا۟ وَٱلرَّبَّٰنِيُّونَ وَٱلْأَحْبَارُ بِمَا ٱسْتُحْفِظُوا۟ مِن كِتَٰبِ ٱللَّهِ وَكَانُوا۟ عَلَيْهِ شُهَدَآءَ ۚ فَلَا تَخْشَوُا۟ ٱلنَّاسَ وَٱخْشَوْنِ وَلَا تَشْتَرُوا۟ بِـَٔايَٰتِى ثَمَنًا قَلِيلًا ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْكَٰفِرُونَ ﴿٤٤﴾

Surah Al-Maidah Ayat 44

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَآ أَنَّ ٱلنَّفْسَ بِٱلنَّفْسِ وَٱلْعَيْنَ بِٱلْعَيْنِ وَٱلْأَنفَ بِٱلْأَنفِ وَٱلْأُذُنَ بِٱلْأُذُنِ وَٱلسِّنَّ بِٱلسِّنِّ وَٱلْجُرُوحَ قِصَاصٌ ۚ فَمَن تَصَدَّقَ بِهِۦ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُۥ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٤٥﴾

Surah Al-Maidah Ayat 45

وَلْيَحْكُمْ أَهْلُ ٱلْإِنجِيلِ بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فِيهِ ۚ وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٤٧﴾

Surah Al-Maidah Ayat 47

Selalu duk baca ayat ini! Dulu masa duk ceramah! Maksudnya ayat 44 ini siapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu kafir. Ayat yang kedua pula ialah siapa yang tidak menghukum apa yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu zalim, Ayat 45. Siapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah maka mereka itu fasikh, Ayat 47. Nak hurai pi baca tafsir masing-masing.

YB. Tuan Speaker, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya berucap membahas Usul Menjunjung Kasih kepada KDYMM di atas Titah Ucapan yang telah pun diedarkan dalam sesi Sidang Dun pada bulan April yang lepas dan YAB. Jeneri, Ahli-Ahli Exco, Ahli-Ahli Dewan, Pegawai-Pegawai Kerajaan yang hadir.

Pertama sebagai berlaku pertukaran kerajaan ini, nak ambil kesempatan nak tanya lah, bukan nak jawab la, kemudian pun tak pa! Kerajaan yang baru ambil alih ni nak boh nama kerajaan apa? Kerajaan Pakatan Nasional ka? Kerajaan Muafakat Nasional ka? Kerajaan apa di Negeri Kedah ini. Dia nampak warna –warni tu sangat! Macam-macam warna duk ada ni! Kalau tengok di peringkat nasional ini, dia tak tau nak jadi macam mana? Sat Muafakat Nasional, ada pihak parti Umno kata kami tak mau masuk Perikatan Nasional. Sebenarnya di Kedah ini kita nak panggil apa? Ada satu nama lah mudah untuk kita, dulu ada Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi, ini sebagai permulaanlah!

Satu perkara yang tidak pernah berlaku dalam Dewan Undangan Negeri Kedah dan di peringkat Kerajaan Negeri Kedah adalah pertukaran kerajaan di pertengahan penggal. Dalam sejarah tak ada berlaku tetapi berlaku pertukaran kerajaan di awal penggal pada tahun 2008 itu permulaan apabila PKR, apabila Pakatan Rakyat yang diterajui oleh PAS ketika itu termasuk saya lah, telah pun mengambil alih kerajaan sama dengan sebelah sana juga lah, berlaku pertukaran kerajaan, di awal penggal! Itu satu pengalaman baru kepada kerajaan, kakitangan kerajaan di Negeri Kedah tetapi kali ini pertukaran kerajaan berlaku di pertengahan penggal, bukan saja di sini diikuti dengan bukan saja kita mengikuti apa yang berlaku di peringkat pusat, berubah kerajaan di pertengahan penggal.

Kita sedia maklum semua orang yang rasional menyatakan ini bukan satu amalan yang bagus sebenarnya sebab satu tempoh 5 tahun ataupun dalam 4 tahun lebih, separuh penggal 2 tahun tak sempat pun nak buat dasar pun! Nak buat satu dasar ambil masa dekat 2 tahun jadi kerajaan bukan mudah untuk menguruskan kerajaan! Habis dua tahun baru duk buat dasar baru, kerajaan baru masuk, nak sesuaikan kakitangan kerajaan, nak sediakan blueprint.

Jadi, kalau berlaku perubahan seperti ini amalan ini berulangkali berlaku sebenarnya tidak cukup baik kepada mana-mana negara dan juga kepada negeri. Akhirnya, kerajaan baru yang masuk pula dah nak kena buat perancangan pula! Jadi, nak laksanakan bila? Bila nak laksanakan sebenarnya? Apabila sesuatu kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat, mula mengambil alih pada awal tahun ianya ada manifestonya sebab dia dah janji pada rakyat dan rakyat memilih atas manifesto janji tapi jika kerajaan yang separuh penggal yang ambil alih ni dengan dia punya campuran, lompat dan sebagainya sebenarnya dasar apa ini? Contoh macam Guar Cempedak atas dasar apa? Dasar apa yang sebenarnya nak jadi satu ….(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Boleh bagi laluan?

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Boleh bagi habis tajuk dulu, saya akan bagi! Selesai saya akan bagi, sebelum masuk tajuk lain saya akan bagi!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dak! Dak! Nak ambil yang tu lah!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Dak! Saya akan bagi selepas tajuk ini, saya akan bagi! Saya gentleman! Jadi, sekarang sebenarnya dia tidak begitu, demokrasi betul atas dasar demokrasi tetapi dari segi amalan sebenarnya tak cukup baik tapi bagi pihak yang baru dapat kerajaan, baguslah sebab kami masuk kerajaan tapi sebenarnya 'overall' tak baik! Kita di Kedah bukan tukar kerajaan, tukar MB sudah habis empat kali dalam ingatan saya! Di pertengahan penggal! Itupun sudah mula terjejas sebelum daripada Kerajaan Pakatan Rakyat ambil alih pun sudah berlaku pertukaran MB di pertengahan penggal! Terjejas sebenarnya sebab-sebab politik! Lepas pada itu dah dua kali berlaku pertukaran! MB bertukar dah kena buat satu, itu pun dah terjejas inikan berlaku pertukaran kerajaan!

Jadi, saya sebenarnya nak mengajak sebelah sana supaya kita sama-sama bincang, pada ketika saya dalam kerajaan 2004, hampir jatuh kerajaan juga pertengahan penggal. Masuk-masuk kerajaan, adalah kumpulan yang nak beli wakil kerajaan itu. Dan dua sudah keluar pun! Tinggal nak dua lagi dah! Hampir-hampir kita nak jatuh pada ketika itu! [YB. Suka Menanti minta laluan]

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Alor Mengkudu, laluan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Baru nak mula!

YB. TUAN SPEAKER

Boleh tak kita bagi yang Sungai Limau dulu? Sebab dia minta dulu!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Alor Mengkudu! Terima kasih Speaker, tadi disebut amalan yang berlaku pertukaran-pertukaran di pertengahan jalan ni adalah satu senario yang kurang baik dan memang kita akui cuma dari sudut perubahan ini perlu apabila berlaku cukup majoriti dan sokongan kepada seseorang untuk nak jadi menteri besar, mendapat sokongan maka itulah amalan demokrasi yang berlaku dalam negara dan juga negeri kita. Yang Berhormat Alor Mengkudu juga menyebut tentang manifesto, kita tengok masa pemerintahan dulu pun disebut banyak kali….(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Saya ingat Speaker, minta tanya soalan kalau tidak masa saya habis!

YB. TUAN SPEAKER

Tak apa! Saya bagi 20 minitlah Alor Mengkudu!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bukan saya nak tanya Alor Mengkudu disebut manifesto kerajaan yang dulu tapi tak tunai manifesto pun. Jadi, kita harap kerajaan Insya-allah walaupun tanpa manifesto tetapi mampu untuk membawa aspirasi rakyat!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ya..silakan! Tak tanya soalan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Adakah Alor Mengkudu bersetuju dengan saya dalam kontak Negeri Kedah, kerajaan kita berubah apabila berlaku suatu pengkhianatan sebab kerajaan berjalan dengan baik, kerajaan yang diketuai oleh YB. Jitra tidak ada masalah apa-apa! Tetapi dengan tiba-tiba dia berubah disebabkan oleh hilang majoriti dan hilang majority ini adalah disebabkan oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri melompat ke sebelah sana yang menjadikan kerajaan hilang majority! Lompat ini adalah perbuatan yang disebut dalam titah Tuanku hendaklah beramanah jujur, bertanggungjawab dan lompat ini adalah sesuatu yang tidak beramanah dan ianya melakukan suatu pengkhianatan kepada mandat rakyat! Rakyat bagi mandat untuk lima tahun tetapi di tengah-tengah dia mengkhianati mandat rakyat dan kalau boleh saya sebutkan ini adalah kerajaan hari ini adalah kerajaan yang ditadbir urus oleh Menteri Besar yang tidak dipilih oleh rakyat! Rakyat tidak memilih PAS untuk memerintah tapi disebabkan oleh pengkhianatan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri yang diolah oleh sudah tentu majoritinya PAS yang di belakangnya yang menggunakan 'tag line' durian luruh apabila sampai masanya! Mereka menggunakan kesempatan itu untuk mengkhianati dan hari ini adalah boleh kita sebut kerajaan yang mengkhianati mandat rakyat! Adakah YB. Alor Mengkudu bersetuju?

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Yaa..saya bersetuju! Saya nak teruskan uacpaan saya lah, kalau saya huraikan lagi, lagi panjang lah!

YB. TUAN SPEAKER

Ya..ya! Teruskan!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Jadi, sekarang ni amalan itu sebenarnya tak bagus! Demokrasi ini ok, itu hukum demokrasi. Tapi sebenarnya kesan tak bagus! Kita boleh terima tapi kalau kita jadi kerajaan pun, 'very fragile' sebenarnya! Bukan kata kukuh! Sebab dia boleh lompat ramai! 'Anything can happen' (dengan izin) . Saya nak mengajak supaya bagi pihak kita kalau kita pernah duduk kerajaan pun, kalau duduk tak stabil nak memerintah pun tak boleh macam mana nak memerintah? Macam di peringkat Kerajaan Persekutuan sekarang ada berapa undi saja? 2 undi saja different! Macam mana dia nak duduk! Tak mari ja, usul itu akan ditolak! Saya nak mengajak untuk kita duduk bincang secara rasional tu sebelah sana mungkin boleh kita anjur supaya Adun-Adun kita duduk, kita bincang bagaimana amalan tukar kerajaan di tengah ini sukar dilakukan bukan tak boleh berlaku, sukar dilakukan dengan meminda Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah dengan berapa keadaan, dia akan memberi keuntungan kepada sesiapa yang menjadi kerajaan supaya dia boleh menamatkan tugasnya sebagai kerajaan untuk penggal kecuali ada satu sebab tertentu yang cukup kuat, yang luar biasa sebagai contoh selama ini calon-calon yang bertanding adalah berasaskan individu dengan izin guna simbol dia boleh lompat parti tinggal sedangkan parti peranan penting untuk dia menang,dia pergi bertanding sendiri dia tak boleh menang! Ada kemungkinan dipinda supaya yang bertanding parti bukan calon! Dia boleh pergi tapi parti punya kerusi kecuali parti itu nak pergi lain, parti sendiri nak berubah! Itu lain atau kemungkinan yang boleh difikirkan untuk kebaikan kedua-dua belah pihak bila kita jadi kerajaan sekiranya berlaku isu lompat keluar meninggalkan parti yang menyebabkan hilang majoriti maka mesti dipanggil Pilihan Raya Negeri! Tidak ada lagi pertukaran sebab mandat perlu dikembalikan kepada rakyat.

Itu cadangan dan contoh untuk kita bincang bersama adakah kemungkinan untuk kita pinda undang-undang tubuh dan sekarang ini di parlimen pun sudah mula ada perbincangan tanpa mengira latar belakang parti politik Umno pun ada sebut, dua tiga parti jadi ini kita nak lihat supaya jangan berlakulah keadaan yang tidak stabil! Dalam isu dalam isu seterusnya sebab masa suntuk saya…..(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Mohon saya celah sikit! Sat saja! Pendek sahaja!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ya..silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang Berhormat Alor Mengkudu, setuju ka tidak Yang Berhormat soal apa yang telah dicadangkan Yang Berhormat tadi sekiranya ada berlaku lagi lompatan sepatutnya kerusi itu mungkin dikosongkan untuk di pilih semula wakil rakyatnya. Dan perkara ini memang pun telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Jeneri apabila Yang Berhormat Guar Chempedak lompat daripada belah sini ke Pakatan Harapan ketika dulu. Saya ingat Sidang Dewan yang lepas perbahasan yang sangat panas berlaku apabila Guar Chempedak menyeberangi lantai orang kata, dan duduk di sebelah sana. Walhal dengan lompatan beliau ketika itu tidaklah menjatuhkan kerajaan malah cuma menambah majoriti kerajaan Pakatan Harapan ketika itu berbanding dengan kali ini. Dengan ada majoriti 10 itu kerajaan Pakatan Harapan tertumbang kepada kerajaan taktau lah Perikatan Nasional ka Muafakat Nasional!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Terima kasih kepada soalan itu ! Saya mengira itu salah satu daripada 'option'….

YB. TUAN SPEAKER

Alor Mengkudu, bunyi dari sana nu!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Jawab satu soalan dulu! Nanti sat! Sat lagi saya bagi!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Sambung! Sambung! Sama! Sama!

YB. TUAN SPEAKER

Kalau sama tak payah tanya!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Dak! Dak! Sambungan!

YB. TUAN SPEAKER

Ohh..sambung!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Speaker! Terima kasih YB. Alor Mengkudu, saya cuma nak tanya Yang Berhormat Alor Mengkudu setuju tak yang mana Yang Berhormat Alor Mengkudu pernah tukar pasti sekali dan Yang Berhormat Jitra pernah tukar parti tak tau berapa kali mungkin dua dan saya juga rasa tadi daripada YAB. Jeneri pun tak perlu……(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang Berhormat, saya dipecat daripada parti! Saya tidak meletak jawatan dalam parti!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YAB. Jeneri pun tak perlu untuk menjadi Yang Amat Berhormat daripada sokongan rakyat, tetapi untuk menjadi Yang Amat Berhormat perlu sokongan majoriti Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Berhormat sahaja! Setuju tak Yang Berhormat Alor Mengkudu!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Saya jawab yang ini dulu sebab itu dia sensitif sikit! Segera saya nak bagi perhatian! Pertama, macam YB. Jitra tadi dia kata dia dipecat bukan keluar parti! Saya sendiri juga diminta dikeluarkan daripada parti bukan kata saya keluar dari parti tetapi diminta supaya meninggalkan parti! (YB. Speaker mencelah).

YB. TUAN SPEAKER

Kalau boleh, kita fokus kepada Ucapan Menjunjung Kasih!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Jadi, sekarang apa yang saya nak sebut di sini adalah lebih kepada usaha untuk mencari jalan supaya sesuatu kerajaan itu lebih stabil dan kita pun tak naklah ulang macam itu Jeneri dia marah pasal lompat, saya tak berapa nak kata sangat tapi akhirnya duduk sebelah kan! Jadi, kita tak perlu terlalu ambil sikap ekstrem dalam masalah ini tapi kita mencari jalan bagaimana sesuatu kerajaan itu menjadi lebih stabil dan salah satu option yang dicadang saya setuju, kita boleh fikir bersama bahawa perlu ada satu antilompat, satu peruntukan kalau lompat mesti kerusi kosong mungkin boleh dipertimbangkan kalau dalam perbahasan untuk kita bincang sebab dia dah banyak perkara, mungkin dia akan tak boleh laksana dan sebagainya jadi kita akan tengok dari semua sudut!

Secara khusus mengenai membahas ucapan Titah Ucapan KDYMM Tuanku Sulan yang lepas yang mana diedarkan teks ucapan itu kepada kita oleh kerana Covid yang begitu memuncak pada masa itu, pada masa 16 April menyebabkan kita mengadakan sidang Dewan untuk memenuhi keperluan dan KDYMM Tuanku Sultan tak dapatlah menyampaikan dan sekadar mengedar dan kita pada hari ini nak bahas dan saya melihat bahawa ucapan kepada KDYMM Tuanku Sultan adalah masih relevan tambah dalam isu yang disebutan mengenai Covid! Kita bahas banyak mengenai Covid. Hampir banyak muka surat yang saya baca hampir banyak dikaitkan dengan Covid sahaja betapa kesan yang begitu hebat Covid kepada negara dan juga kepada kehidupan kehidupan kita!

YB. TUAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu ada 2 minit lagi ni! 20 minit ini saya bagi bukan 15 minit!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

20 minit dah! Ok, bagi saya habis tajuk saja! Jadi, sekarang Covid terus bukan kata kita sedia maklum dah berkembang semula! Begitu rapuhnya ketahanan kita sekarang dalam serangan 'invisible enemy' (dengan izin) setengah kata musuh yang kita tak nampak ini.

Begitu hebatnya, sebenarnya dah kembali dan kita lihat di dunia sekarang ini lebih kurang 24 juta yang kena jangkitan, 890 ribu yang mati dan ianya akan naik mungkin akan naik 1 juta atau akan naik lagi, Malaysia sahaja 9,274 jangkitan! 125 yang telah mati dan yang telah pulih sepenuhnya lebih daripada 8,000. Alhamdulillah di Malaysia. Jadi, sekarang dan ramalan WHO dan pakar-pakar penyakit berjangkit ini ada yang kata dia akan berlarutan sampai dua tahun lagi baru nak boleh selesai bayang tengok dua tahun akan terjejas seluruh dan ada yang mengatakan selama-lamanya akan ada kuman ini! Itu lagi berat. Ertinya, dalam keadaan muka nak kena tutup sepanjang masa, bolehkah kita nak duduk ni? Kerja terhad! Pelancongan tidak boleh! Negara terpaksa disekat! Ekonomi terjejas dengan keadaan yang baru.

Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri Kedah dan juga Kerajaan Malaysia perlu membuat perancangan dalam keadaan Covid akan terus berada makna kata isu nak fikir pasal pelancongan tak boleh diberi! Mesti cari cara alternatif! Itu cerita pelancongan sahaja tak kira benda lain! Bagaimana urusan-urusan antara negara tak boleh bergerak disebabkan barang makanan dan sebagainya! Jadi, itu saya harap kerajaan yang ada ni nak kena beri perhatian lah dah jadi kerajaan ni nak kena fikir ni! Kerajaan hilang! Pengangguran meningkat! Kedai tak boleh dibuka! Apa nak jadi dengan pengangguran ni? Kita bagi duit tapi dia masih perlu lagi, habis duit dia minta lagi, dia tak dia bekerja! Jadi, nak kena lihat bagaimana isu yang berkaitan dengan hidup, live dan livelihood (dengan izin) hidup dan kehidupan! Kehidupan ini, hidup kita boleh sekat orang, kita boleh buat PKP pergerakan tetapi kehidupan ini masalah!

Jadi, ini nak kena tengok! Jadi, oleh kerana masa pun tak cukup banyak, saya nak ambil kesempatan sekali lagi penghargaan kepada ‘frontliners’ (petugas), ini kita tak boleh tinggal! Mereka ini memang mengorbankan hidup mereka! Di kalangan keluarga saya pun yang bekerja di hospital, ada yang dah mula kena jangkitan so mereka itu telah terlalu rapat dengan pesakit, mudah kena jangkitan jadi ‘frontliners’ ni bagi saya mereka membuat satu pengorbanan yang sangat besar terutamanya KKM, Polis, Rela, ATM pun terlibat, banyak pihak yang terlibat dan seluruh kakitangan kerajaan dan juga saya juga perlu memberi penghargaan juga kepada rakyat Malaysia! Rakyat Malaysia boleh dikatakan di antara rakyat yang patut, mesti kita terima hakikat ini berbanding dengan negara lain! Buat peraturan dia orang bangun demonstratsi seperti di Amerika!

Jadi, rakyat Malaysia ini patut kita kita juga turut beri penghargaan kerana memberi kerjasama dalam mematuhi, adalah sikit-sikit, cuma malangnya ni ada yang langgar tu, dendanya teruk kena! Sampai RM8,000 kena penjara! Tapi bila mai VIP ini, denda murah! Itu orang complaint! Ini satu amalan yang tak boleh, orantg atasan rendah tetapi orang biasa kena denda mahal dengan penjara dan sebagainya. Ini memang satu amalan yang..(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Sila landing! Sila landing!

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Ok tutup dah! Habis dah! Nak gulung dah! Saya nak landing dah dengan ucapan itu oleh kerana, terima kasih YB. Speaker saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung Kasih KDYMM Tuanku Sultan atas titah ucapan pada April yang lepas!

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih YB. Alor Mengkudu! Silakan sebelah kanan! Ya… YB. Sungai Limau dipersilakan! 10 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillahi Robbil' Alamin, Wabihi' Naasta'in, Wassola'tu Wassala'muala Rasulillah Wa'aala Alihi' Wasohbihi' Ajmain. Amma' Baq!

Qulillahumma Malikal Mulki Tu'til Mulka Man Tasyaa' Wa Tanzi'ul-Mulka Min Man Tasyaa' Wa Tu'izzu Man Tasyaa' Wa Tudzillu Man Tasyaa' , Biyadikal-Khairu, Innaka 'Ala Kulli Syain Qadiir, Sodakhallahul Azim.

Terima kasih kepada YB. Speaker, Yang Amat Berhormat dan seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai-Pegawai Kerajaan. Pertamanya, dalam membahas Usul Menjunjung Kasih kepada Ucapan KDYMM Tunku sultan yang telah diedarkan kepada kita pada pembukaan sidang yang lalu bulan April yang lalu dan selepas daripada bukaan sidang itu berlaku, peralihan kepimpinan negeri kepada Pakatan Harapan kepada kerajaan yang sedia ada memimpin pada hari ini! Dan kita merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh pegawai-pegawai kerajaan kerana peralihan kerajaan ini berlaku dengan penuh aman dan mematuhi peraturan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Jadi, terima kasih kita dahulukan kepada Yang Berhormat Datuk Paduka Setiausaha Kerajaan yang kelmarin sambut Ulang Tahun Kelahiran.

Jadi, kita ucap selamat hari lahir dan juga yang memimpin seluruh pegawai- pegawai kakitangan Kerajaan dalam memastikan peralihan yang berlaku ini dengan penuh tertib dan cermat dan juga aman! Kita juga merakamkan ucapan tahniah kepada YAB.Jeneri yang telah dipilih untuk mengetuai kerajaan ini dan alhamdulillah selepas diberikan mandat sebagai Menteri Besar beliau telah dalam tempoh yang dekat selepas 3 hari mampu untuk menubuhkan kerajaan dengan penubuhan pelantikan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri selepas dilantik menjadi menteri besar. Ini merupakan suatu kematangan, suatu kerjasama yang erat yang ada pada kami Ahli-Ahli Yang Berhormat walaupun disebut kita menjadi kerajaan di pertengahan penggal tetapi kemampuan untuk memimpin Kerajaan Negeri oleh YAB. Jeneri dan juga barisan Exco kita yakin mampu untuk mensejahterakan rakyat dan membangunkan Negeri Kedah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, minta laluan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya..silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Sungai Limau, saya masih pergi kepada perkara yang sangat asas, saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Sungai Limau bahawa peralihan itu sangat tertib tapi tertib itu bermula dengan saya pergi kepada asas tadi, pengkhianatan daripada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, tanpa khianat ianya tidak berlaku, tanpa lompat! Khianat adalah khianat kepada mandat rakyat, khianat adalah khianat kepada parti, khianat adalah khianat kepada rakan-rakan. Jadi, ianya bermula dengan khianat ini maka sebab lompat tulah hasilnya. Laluan tertib sebab apa? Sebab kita tidak ingin untuk, kita juga menghormati sebab itu juga peraturan yang dibolehkan maknanya bila ada majority, ianya boleh tapi nak ada majoriti tu laluan itu adalah khianat! Khianat ini ayat Al-Quran saya ingat Sungai Limau lebih tahu menyebut banyak ayat-ayat tentang khianat, hadith-hadith yang saya sebut tentang khianat, itulah yang saya sebut asas kepada tertib ini bermula dengan pengkhianatan. Adakah YB. Sungai Limau bersetuju?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, sebut tadi lompat parti dan sebagainya, Pengkalan Kundor juga ada pengalaman, perkara itu tak pa, kita hanya sebut benda yang telah lalu…(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan! Pengalaman apa? Saya minta Sungai Limau sebut pengalaman apa?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Daripada parti keluar PAS kepada tu! Baik tak pa, saya nak sebut yang berlaku di kalangan PN ni bukan lompat dia sebagai suatu ikut arahan daripada pusat peralihan berlaku mungkin sebab tak puas hati apa yang berlaku di peringkat pusat menyebabkan satu rakan kami Muafakat Nasional menerima rakan baru daripada **B**ersatu dan ada sokongan daripada Adun-Adun yang lain. Ini merupakan kerajaan yang kita bina pada hari ini dan kalau kalau Pengkalan Kundor sebut mandat rakyat, keputusan pilihan raya itu 18 - PKR, PAS kita dapat 15, Barisan Nasional ada 3,!18 :18!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan YB. Speaker?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Maksudnya kerusi yang sama yang kita dapat pada lepas pilihan raya itu secaara kebetulan mungkin Jitra sebelum itu ada pengalaman menjadi Menteri Besar, jadi dipilih menjadi Menteri Besar.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan! YB. Speaker, saya nak bagitau sikit mengenai mandat rakyat. Nampak Sungai Limau keliru mandat rakyat pun dia tak paham!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Saya sebut tadi 18:18, Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya ambil contoh mandat rakyat sebab saya nampak Sungai Limau pun tak faham! Saya ambil contoh Lunas, rakyat Lunas memilih Lunas pada masa Pilihanraya, dia bagi mandat kepada Lunas disebabkan oleh Lunas berada di atas Parti A maka rakyat memberi mandat kepada dia dan pada masa itu kalau dia tidak berada pada parti itu maka belum tentu rakyat akan beri mandat kepada dia, dan inilah mengkhianati mandat yang diberikan kepada dia, rakyat memberi mandat kepada dia di atas parti tertentu, di atas platform tertentu tiba-tiba dia khianat itu maksud khianat rakyat yang saya maksudkan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Kita sebut tadi semasa selepas pilihanraya 18:18, sipi sangat berlaku cuma kebetulan Jitra dipilih untuk menjadi menteri besar pada waktu itu dan sebenarnya rakyat Negeri Kedah, rakyat Kedah kalau saya tengok keputusan pilihanraya yang dulu.

Jumlah undi yang diperolehi oleh PAS - 13,511 undi, jumlah undi yang diperolehi oleh Barisan Nasional - 280,754 dan jumlah undi yang diperolehi oleh Pakatan Harapan pada waktu tu atas logo PKR hanya memperolehi 343. Gabungan jumlah undi yang diperolehi oleh PAS campur dengan UMNO kalau kita ikut majoriti rakyat Kedah 595,865 rakyat Kedah sokong kepada PAS dan juga Barisan Nasional berbanding dengan Pakatan Harapan pada 345,000 sahaja!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Sungai Limau, saya minta laluan untuk sekali lagi saya nak sebut bahawa…..

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dah panjang, saya hanya diberi masa 10 minit!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sistem kita bukan dia kira seorang-seorang macam tu! Sistem yang ada dalam negara kita….

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik! Baik! Benda itu pun diakui tadi disebut oleh Alor Mengkudu, demokrasi kita patuh! Peralihan kuasa ini berlaku penuh aman mengikut demokrasi!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ya..Ya..!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, Pengkalan Kundor duduk dulu! Duduk sat!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Bagi saya laluan pula!

YB. TUAN SPEAKER

Nanti sat na! Nampak makin panas! Saya ini bermurah hati daripada 10 minit tambah jadi 15 minit pula untuk setiap adun. Kalau pencelahan itu celah pendek-pendek sudah lah! Silakan!

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Pendek-pendek saja ya! Terima kasih YB. Speaker! Kalaulah Pengkalan Kundor dan sahabat-sahabat sebelah sana menyebut bahawa apa yang dilakukan oleh Guar Chempedak tu Adalah suatu pengkhianatan kenapa waktu PH berkuasa dulu boleh terima dia? Dan tak timbul pun mengenai pengkhianatan tapi bila mari zaman kami ini disebutkan pengkhianatan. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Speaker, saya masukkan ianya sebahagian daripada ucapan saya! Jadi, kita harap...

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Laluan! Laluan! Sungai Limau, Speaker, saya tidak berpeluang untuk berucap sekarang, saya tidak termasuk dalam 4 itu!

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa! Tak pa! Pengkalan Kundor, ohh tak dak dalam senarai no!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bagi saya last sekali! 5 daripada sini, last sekali tu saya!

YB. TUAN SPEAKER

Ok, Pengkalan Kundor duduk dulu! Saya bagi nama last sekali nanti!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang ke-5, last sekali tu ok!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Pengkalan Kundor ni panas ni hari ini!

YB. TUAN SPEAKER

Teruskan YB. Sungai Limau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik! YB. Speaker, jadi kita rakamkan ucapan tahniah kepada YAB. Jeneri dan seluruh Ahli Exco sepanjang tempoh tiga bulan ini telah mampu untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dalam mengetuai Kerajaan Negeri Kedah dan walaupun keadaan suasana covid ini tapi mampu dapat menangani dengan cara yang berhemah dan rakyat dapat disantuni dengan baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita juga merakamkan ucapan nak mengingatkan kepada kita semua, sebagai pemimpin yang telah pun dilantik oleh rakyat bahawa mandat ini, saya yakin sama ada pihak kerajaan and ataupun pihak pembangkang, semua kita berhasrat untuk memberikan pandangan, menjadi semak imbang kepada kerajaan yang sedia ada dan itulah yang telah kami laksanakan sebelum ni masa kita menjadi pembangkang, kita memberikan pandangan di samping kita bagi komentar supaya perkara-perkara itu dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan cara yang lebih baik! Peringatan kepada diri saya dan kepada kita semua apabila kita diberikan amanah dan tanggungjawab ini sudah pasti amanah dan tanggungjawab ini merupakan perkara yang akan disoal oleh Allah swt. di hari akhirat tak kiralah semua samada yang jawatan politik kakitangan kerajaan dan sebagainya. Setiap tanggungjawab yang kita laksanakan ini akan dihisab oleh Allah swt. dan Allah swt. menyediakan kepada kita syurga apa kebaikan yang kita buat dan juga neraka bagi dosa yang kita lakukan dan kepada kepimpinan ini Nabi Saw.

Saya rasa saya pernah ulang berapa kali dalam Sidang Dewan ini dan peringatan daripada baginda Rasulullah saw. "*mamin walil la yaro'il yatan wahuwa qhoshu'lahum illa'harromallah hu'alaihil jannah'*

Siapa sahaja di kalangan kamu yang dipilih menjadi pemimpin, menjadi pemimpin kepada rakyat dan bila dia jadi pemimpin dia menipu, '*Qhushullahum' (*menipu) tak kiralah samada peringkat negeri atau pusat yang janji tak buat, sebut manifesto dan sebagainya menyalahi manifesto sebagainya '*Qhushullahum'* tipu rakyat *illa'harromallah hu'alaihil jannah'* Allah janjikan, nabi sebut kepada mereka ini, Allah haramkan kepada mereka syurga kerana nikmat yang paling agung di sisi Allah swt. Jadi, peringatan kepada kita semua untuk kita melaksanakan tanggungjawab kita dengan cara yang berhemah. Semasa menjadi kerajaan bahas dalam kerajaan ini, baru kali pertama pengalaman walaupun berada 2 penggal, penggal yang pertama dan penggal yang kedua, dua-dua penggal sebelum ni jadi pembangkang!

Jadi, perbahasan untuk kerajaan ini saya nak rangkumkan apa yang pernah juga dulu kita mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk dilaksanakan. Sebagai contoh cadangan-cadangan untuk kerajaan supaya dapat hasil baru bagi kerajaan! Kita pernah dulu mencadangkan supaya kerajaan menilai semula tuntutan kepada pihak Kerajaan Persekutuan., Hari ini Kerajaan Kedah, Kerajaan Persekutuan dengan satu bendera kita harap YAB. Menteri Besar dan pihak kerajaan untuk bersungguh-sungguh dalam kita menuntut, membuat tuntutan kepada Kerajaan Persekutuan atas pengorbanan Negeri Kedah mengekalkan tanah pertanian dibandingkan untuk kita majukan sebagai perindustrian yang nilai tanah dia hasil kerajaan dapat lebih tinggi dan juga kerana kita menjaga kedaulatan makanan negara dengan sawah padi yang terbentang luas, Kedah membekalkan hampir 40 peratus! Kita usahakan! Petani-petani kita usahakan kita mengekalkan kedaulatan negara ini dengan kita tak korbankan kepada pembangunan yang lain dan juga kita mengekalkan sumber hutan sebagai kawasan tadahan menyebabkan kita tak boleh nak bangunkan kawasan-kawasan tersebut jadi pulangan kepada negeri amat minima! Jadi, kita harap kerajaan berusaha…(Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sungai Limau ada dua minit lagi nah!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Allahuakbar! Kerajaan berusaha untuk mendapatkan hasil baru ini dengan perbincangan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga bincangan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

S Sebelum ini kita pernah mencadangkan supaya kita mengenakan caj kepada air yang daripada Kedah yang digunakan oleh Negeri Pulau Pinang! Kita juga pernah mencadangkan supaya cukai dikutip daripada PLUS, PLUS yang mengutip hasil tol setiap hari tapi negeri tidak mendapat hasil daripada kutipan tersebut walaupun lebuh raya dibina dalam negeri kita. Caj kepada TNB tiang tiang elektrik yang dipasak di atas tanah kita! TNB dapat hasil tapi tidak ada pun satu caj yang dikenakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mendapat hasil daripada TNB tersebut! Caj ruang udara bagi setiap billboard yang dipasang serta aktiviti cable car di Langkawi yang melalui ruang dan kawasan berbukit yang juga merupakan milik Kerajaan Negeri. Kami juga pernah membangkitkan tentang kerugian anak-anak syarikat Kerajaan Negeri semasa Pakatan Harapan memerintah dulu yang sepatutnya dia menjana keuntungan kepada pihak kerajaan dan juga dengan GLC yang untung dia dapat buat program kebajikan CSR untuk membantu rakyat! Saya mohon penjelasan pihak kerajaan untuk mengesahkan iaitu anak-anak syarikat yang kerugian ini supaya ia menjadi suatu garis sempadan perbincangan kita pada masa depan janganlah bila ada laporan selepas ini, pihak pembangkang sebut yang inilah Kerajaan Negeri sedangkan apa yang berlaku itu ditanggung daripada pengurusan yang telah lalu.

Jadi, kerajaan boleh untuk menyebut beberapa perkara yang asas supaya menjadi garis sempadan pemerintahan Pakatan Harapan terdahulu dan juga apa yang diusahakan oleh kerajaan hari ini supaya prestasi buruk yang lalu dapat kita perbaiki dan ia menjadi suatu perbandingan pada masa yang akan datang. Kita juga pernah mencadangkan supaya kerajaan mempelbagaikan hasil pertanian dan bantuan kepada rakyat dan contohnya bantuan kursus kewangan kepada peserta-peserta ataupun rakyat yang terlibat dengan pertanian ini! Saya juga mencadangkan supaya diadakan satu aplikasi yang memudahkan pendaftaran kita daftarkan seluruh peniaga-peniaga di Negeri Kedah, para petani di Negeri Kedah dan bila mereka daftar, apa sahaja maklumat bantuan yang ada mereka hanya rujuk satu aplikasi tersebut! Semua orang boleh tau secara cepat daripada nak tahu melalui media, melalui TV, melalui radio tapi kalau kita dah senaraikan maklumat atau pun ada dalam satu aplikasi semua rujukan itu mempermudahkan rakyat untuk memperolehi bantuan dan sebagainya. Yang Berhormat Speaker…..(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Ingat nak kata Sekian terima kasih!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tak lengkap no perbahasan ini kalau saya tidak menyentuh tentang pendidikan yang Kedah ini merupakan imej ilmu ini sinonim dengan Negeri Kedah bahkan kita ada banyak pondok-pondok, kita juga ada banyak institusi-institusi pendidikan, Sekolah Agama Rakyat yang kemuncaknya di Kedah juga kita ada UNISHAM di peringkat tinggi. Jadi, kita mengharapkan Kerajaan Negeri mengadakan satu pelan supaya institusi pondok, sekolah-sekolah Agama Rakyat yang sebelum daripada ini mereka ini kita sebut ruang untuk sambung kepada peringkat yang lebih tinggi dapat kita selaraskan di peringkat negeri. Alhamdulillah ramai tok-tok guru di Negeri Kedah masih lagi ada dan kita harap untuk Tok Guru ini dimanfaatkan supaya ilmu mereka ini bukan hanya dimanfaatkan untuk anak-anak pondok tapi juga dimanfaatkan oleh seluruh Negeri Kedah. Mungkin boleh disiarkan ucapan-ucapan, pengajian-pengajian mereka secara langsung samada di radio ataupun media-media yang lain. Semoga ia dapat kita selaraskan di peringkat negeri.

Akhirnya, ucapan saya rakamkan ucapan tahniah dan terima kasih juga atas berlapang dada dan berbesar hatinya YAB. Menteri Besar dan juga barisan Exco apabila diumumkan bantuan 2000 pengurusan kepada pihak pembangkang yang kami sebelum ni pun tak dapat tapi diumumkan oleh Menteri Besar, bantuan pengurusan bulanan 2000 kepada pihak pembangkand dan juga bantuan projek kecil 70,000 yang juga dilaksanakan sebelum daripada ini dan kita harap ia bukan sahaja dapat kita menggunakan peruntukan yang ada bagi membantu rakyat tapi juga untuk mengendurkan suasana panas yang berlaku dalam dewan walaupun aircond yang amat sejuk ini.

Jadi, Yang Berhormat Speaker, saya rasa setakat itu sebab YB. Speaker pun sebut hanya tinggal 2 minit dan saya yakin lebih daripada 2 minit dan moga-moga perbahasan waktu covid yang kita adakan secara singkat ini Insya-Allah selepas daripada ini kita boleh panjangkan lagi. Sekian, kita boleh menerima usul menjunjung kasih ucapan KDYMM Tuanku Sultan Kedah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sungai Limau. Sekarang saya menjemput YB. Gurun. 15 minit!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Tuan Speaker. saya nak mula dengan ucap terima kasih kepada YB.Tuan Speaker kerana telah memberi peluang dan saya juga ingin menjunjung kasih di atas Titah Tuanku yang berlaku pada 16 April 2020 yang lalu.

Saya nak mulakan dengan mengambil apa yang telah pun dikatakan oleh Ketua Pembangkang tadi, bagaimana pengambilan kerajaan di separuh penggal ini akan membawa bencana kepada kerajaan bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi juga kalau berlaku di federal, begitu juga berlaku sebab itu di peringkat parlimen, IPU Parlimen Malaysia telah menubuhkan satu Kaukus yang dipengerusikan oleh Padang Rengas, Yang Berhormat Datuk Nazri Aziz yang saya menyertai kaukus itu termasuk dengan semua wakil-wakil parti berada, kita bincang untuk negara bukan untuk kita, untuk Negara! Untuk masa depan, rakyat negara ini termasuk Kedah dan negeri-negeru lain bagaimana kita melihat akan hancurnya negara kita kalau ini berlaku berterusan.

Sebagai contoh YB. Tuan Speaker, bayangkanlah kalau saya seorang seperti George Soros, yang ada ribuan billion dan saya boleh beli negeri kita! Saya boleh beli seorang wakil rakyat dengan mungkin RM20 hingga RM25 juta untuk lompat parti dan akhirnya seperti yang disebut oleh kawan-kawan oleh kerana majoriti sokong seseorang itu maka tertubuhlah kerajaan! Ini tak teruk kalau di Kedah bayangkan kalau apa yang berlaku di pusat 'billionaire' masuk dan kita tahu 'billionaire' di dunia ada dua sahaja iaitu di Amerika dan China, peperangan berlaku sekarang ini, 'trade war' dan ada orang daripada Amerika dan China yang datang bawa billion-billion, dia boleh set sebab itu di parlimen, hanya ada dua orang sahaja majoriti, dua orang lompat habis jatuh kerajaan! Esok belah sini pula ada, tiga orang lompat jatuh pula kerajaan, bila kita nak stable? Sebab itu Kaukus ini akan membincangkan bagaimana kita harus ada satu undang-undang untuk menyekat orang-orang yang dipilih oleh rakyat melalui parti dia tidak 'cross over' dan jatuh kerajaan! Kita akan bacakan diantaranya ialah parti-parti sahaja yang bertanding dalam pilihanraya akan datang.

Parti list maknanya kawasan Sungai Petani saja tidak ditandingi oleh individu tetapi parti ini bertanding dengan 4,5 parti yang lain dan sudah tentu akan ada tiga empat orang yang senaraikan sebagai wakil parti ini contohnya Johari Abdul mewakili parti A di bawah Johari Abdul ada Ahmad di bawah Ahmad ada Kassim contoh Johari Abdul Ahmad dan Kassim

maknanya kalau Johari Abdul 'cross' pun parti tak jatuh orang yang kedua naik, orang yang kedua 'cross' orang yang ketiga naik akhirnya akhirnya kerajaan tak jatuh sebab itu pelabur-pelabur datang, dia nak tengok kita bukan dia tengok wajah kita, dia nak tengok stabil atau tidak kerajaan itu! Sebab kalau bayangkan seorang itu bawa berbilion-bilion untuk dilaburkan di Negara kita, dia sangka parti inilah yang akan membawa wadah 'development' yang lebih kondusif, lebih 'reasonable' daripada segi 'tax structure' dan sebagainya! Tiba-tiba ada orang yang beli wakil-wakil rakyat dan akhirnya lompat dan tubuh satu kerajaan yang pemikirannya yang 'tax struture' berbeza yang pemikiran tidak 'finding' mungkin naturalize dia punya industri dan ini benda besar seabb itu saya yakin Insya-Allah kita akan perkenalkan perjumpaan-perjumpaan kita, kita beri masa dalam 4 hingga bersetuju maknanya jika dia tidak bersetuju dengan pandangan kita ini maka parti itu mempunyai pemikiran untuk rampas perjalanan kerajaan di separuh jalan! Jadi saya yakin Insya-Allah apabila kita bentangkan di parlimen, saya harap juga Dewan yang mulia ini akan mempertimbangkan supaya tidak berlakunya bukan untuk kita hari ini tetapi untuk generasi-generasi akan datang supaya negeri kita selamat!

YB. Tuan Speaker, Tuanku juga telah menyebut beberapa perkera tetapi saya nak masuk juga isu covid 19, pandemik yang luar biasa, bagaimana dunia telah berubah sebaik sahaja isu covid 19 berlaku bagaimana sistem dunia berubah tiba-tiba dalam masa 7, 8 bulan ini bagaimana 'whole world', norma-norma yang lama tidak lagi 'aplicable' tetapi telah berlakunya norma-norma baru yang luar biasa sebab itu saya melihat di samping kita dah bincang panjang bagaimana ianya telah melanda bukan saja negeri kita tapi seluruh dunia! Apakah masalah-masalah kita lalui itu semua kita nak bincang tapi yang saya nak tekan di sini dan juga nak minta kerajaan respon di 'aftermath' maknanya selepas habis yang berlaku ni apa yang akan berlaku pada negeri kita sebab itu Tuan Speaker, sementara ini sedang berlaku kita harus melihat apa yang harus kita lakukan untuk menyelamatkan negeri kita. Kalau di parlimen semalam, hari ini dan esok kita sedang bincangkan pakej bagaimana untuk membantu rakyat Malaysia dengan memperkenalkan 45 billion untuk membantu rangsangkan balik ekonomi agar supaya ekonomi tidak lumpuh walaupun kita tak bersetuju di peringkat pembangkang 45, kita minta 90, kita kena double sebab 45 itu amat kecil kalau dibandingkan bagaimana Negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia, Filipina yang meletakkan kedudukan mereka ini lebih baik daripada yang yang kita letak sebab itu kita minta lebih dan kita bincang semalam, hari ini saya ingat akan dibuat undian untuk itu!

Baik, yang saya nak sebut di sini Tuan Speaker ialah harus ada keberanian kerajaan membantu rakyat di bawah dengan memastikan apa juga norma-norma dahulu kita batalkan atau kendurkan sebagai contohnya saya nak bagi kalau dahulu ada anak muda nak meniaga di PBTt dia punya kerenah ni tuhan sajalah mengetahui, nak meniaga kat tempat saya di Gurun, nak meniaga goreng pisang di depan satu tempat tak sampai 7 hari, majlis datang ambil pisang dia, ambil minyak dia, ambil semua dan akhirnya orang miskin yang di Gurun ini yang nak bela anak bini dia, modal RM350 bukan sahaja pisang dia diangkut, semua diangkut norma ini kena tukar 'because' rakyat susah sekarang! Sebab tu saya minta kerjaan yang ada menasihati Exco yang ada, menasihati pegawai-pegawai kerajaan yang ada supaya bersimpati dengan rakyat! Ya…betul kita ada undang-undang, betul kita ada SOP tetapi itu SOP yang dipakai dalam keadaan normal tapi sekarang bukan dalam keadaan normal sebab itu saya minta, saya minta sungguh-sungguh supaya kendurkan malah PBT-PBT harus mencari jalan bagaimana untuk menolong mereka ini? Betul! Sesaklah, Jam lah, kotorlah, baik soalnya orang nak makan tak ada duit sekarang! Kamu nak kira kotor sesak, ataupun rakyat kelaparan? Harus ada! Nanti sat! Saya tengah deras ni! Sat! Sat! Sebab itu saya mintalah supaya PBT-PBT melihat balik SOP ini dengan niat supaya membantu rakyat dibawah khususnya anak muda!

Yang keduanya, mereka-mereka yang keluar dari university, sekolah sekarang beribu yang balik dua tiga hari yang lepas, ada sekumpulan anak-anak muda dari Indonesia balik jumpa saya, "Dato' kami nak meniaga tapi PBT tanya macam-macam, kami tak ada dui, tak ada itu, tak ada ini! Susah! Jadi, saya minta supaya harus ada cara baru untuk membantu mereka! Ya..silakan Sungai Limau! (YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Gurun! Rungutan yang disebut oleh Gurun itu saya rasa kami pun dah bangkit dah dulu tentang nak memudahkan orang meniaga! Jadi, sepanjang perjalanan walaupun tempoh covid ini, kita nampak perjalanan rakyat boleh meniaga tu okey bila kerajaan dah umumkan beberapa PKP, PKPP dan sebagainya cuma yang Gurun sebut itu mungkin yang kerajaan dulu kut!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Saya tak mau main politik di sini! Saya nak cakap benda yang betul! Tak payah politiklah, politik kita main kat luar! Ini adalah realiti! Kerajaan baru, kerajaan lama, kenapa tak buat itu tak payah lah, 'that's something to me a bit small', terlalu kecil untuk kita bincang dalam Dewan. Kita bincang benda yang besar!

Baik, isu yang kedua ……(YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Yang Berhormat Gurun, boleh saya sambung sikit?

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya..silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya nak bangkitkan isu tentang nelayan ya! Nelayan di Kuala Sanglang! Kuala Sanglang, Kedah tidak terlibat dengan TEMCO tapi apa kerajaan buat sekarang? YB. Gurun, setuju atau tidak, kerajaan kena bantu nelayan contohnya nelayan di Kuala Sanglang, mereka menghadapi masalah, peraih, pemborong tak mai beli sedangkan kawasan itu bukan kawasan TEMCO!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ok, saya harap sat lagi kerajaan tolong jawab lah! Saya pun tak dak jawapan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit laluan YB. Gurun! Adakah Gurun bersetuju dalam usaha untuk kita menolong rakyat, kita kena ada satu mindset baru, mindset baru ini bermula daripada ahli-ahli politik yang membuat dasar, turun kepada pegawai kerajaan yang melaksanakan itu mindset untuk memastikan bahawa kehidupan rakyat dalam norma baru ini dapat dipastikan dapat hidup dan dapat lebih baik daripada apa yang ada sekarang!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

saya setuju dengan dua-dua sahabat saya bahawa kita harus ada mindset baru macam soalan selalu American atau Europian akan tanya, dia jumpa kita "Sir, what can i do for you"? Kalau kita sebagai pegawai kerajaan, kita ada pelanggan soalan pertama orang bertanya "what can i do for you"? Itulah harus ada pemikiran baru sekarang? Apa yang boleh saya bantu anda? Dalam keadaan sekarang ini bagaimana saya boleh bantu anda? Kalau harus ada abc caranya boleh tak kita keluarkan 'mainover' supaya isu-isu yang kita rasa boleh tolong, tolong dia dimana tolong itu menjadi keutamaan kepada ini tak boleh lah! Itu tak boleh lah! Dia cari alasan tak boleh daripada boleh. Jadi, saya minta sangat, saya tahu kawan-kawan saya yang menjadi kerajaan sekarang ini, sudah lama menjadi pembangkang dan merasai apa yang telah dilalui! Saya pun tak nak kata kami hebat sangat dulu pun, ada masalah-masalah kita tetapi Janganlah kita…..(YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Minta laluan! Minta laluan!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, ada celahan daripada Bandar Baharu!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya..silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YB. Speaker, terima kasih YB. Gurun! YB. Gurun tahu tak bahawa semasa PKP ini, PBT tlah mengeluarkan arahan tadbir urus yang mana mengeluarkan permit kepada 'runner-runner' (dengan izin) iaitu permit menghantar makanan untuk membantu penjaja-penjaja dan juga membuka pasar malam-pasar malam mengikut SOP yang telah dipersetujui!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Ya..saya sedar sebab saya tahu apa yang sedang berlaku. Yang saya nak sebut di sini ialah kita permudahkan! Isunya ialah permudahkan sebab tu saya kata kita ada kawasan-kawasan PBT yang banyak yang PBT sendiri harus mencari jalan bagaimana membantu mereka tanpa dipinta! PBT mungkin mempunyai kawasan-kawasan yang luas yang tidak digunakan sekarang inilah waktunya untuk PBT buka untuk menjemput mereka semua meniaga dan meniaga dengan memberikan segala bentuk bantuan supaya tidak menyusahkan! Harus ingat dengan keadaannya sekarang ni Tuan Speaker, ada orang bunuh diri dah jadi oleh kerana itu kita kena anggap Mawar Tak Mungkin kau ni bunuh diri dah! Jadi, oleh kerana itu kita kena anggap bahawa tak mungkin kawan ini bunuh diri kalau sekiranya tak sampai level yang cukup susah. Jadi, kita tahu, kita ada kuasa, kita ada kedudukan! Yang saya nak sebut ni hendaklah membantu mereka!

Isu yang kedua saya nak bangunkan ialah tentang bagaimana kita bernasib baik duduk di Kedah ni sebab kita ialah negeri pertanian! Tiba-tiba dengan pandemik ini, negeri pertanianlah yang paling bernasib baik, tiba-tiba sebab kita ada makanan! Bayangkanlah kalau kita bukan negeri pertanian bayangkanlah apa yang akan berlaku sebab itu saya mencadangkan kepada kerajaan untuk memberikan enhancement untuk melonjakkan kedudukan kita bukan sahaja sebagai negeri pertanian tetapi negeri pertanian yang hebat sebagai contoh kalau kita boleh bagi contoh Taiwan sebagai negara yang paling, Taiwan besar Pahang sahaja! Bukan besar pun tetapi setiap inci tanah, tanah di Taiwan tu digunakan! Saya nak sebut ini, Guar Chempedak senyum! Pasal apa saya kata sebab Guar Chepedak biasa jadi 'Embassador' di Taiwan sebab itu dia tahu bagaimana setiap inci tanah di Taiwan untuk digunakan untuk pertanian dan kita mempunyai tanah yang luas tapi kadang-kadang tadbir urus kita tentang tanah ini.

Saya bagi contoh di kawasan saya di Gurun, hutan berdehau tanah 'federal' bila PPK nak minta tanam jagung, kerajaan federal kata kena bayar sekian-sekian! Hutan berdehau dah berpuluh tahun dah tak buat apa tapi bila mai rakyat nak tanam bukan tanam tanaman ini, nak tanam tanaman kontan seperti jagung dan biasalah, depa hantar surat minta bayar dari jumlah yang luar biasa jumlahnya! Ini masalah yang kita ada sebab tu saya rasa harus ada pemikiran baru di mana harus kita perkemaskan kedudu kan kita sebagai jelapang padi tetapi juga tanah-tanah kita yang ada harus kita gunakan untuk kedudukan kita sebagai negeri pertanian.

Akhirnya, yang menyelamatkan manusia dengan pandemic covid 19 ini ialah makanan jadi sebab itu negara-negara yang menghasilkan makanan akan duduk dalam keadaan yang lebih baik daripada negara-negara industri.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Gurun, ada dua minit lagi!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Baik, akhir sekali ialah alam sekitar! Pokok nak tumbuh berpuluh tahun tetapi kita nak tebang 20 minit! Kita tebang pokok, kita hancurkan alam sekitar, kita nak bangunkan balik alam sekitar ini suatu yang luar biasa la sebab itu bila saya baca 'statement 'yang dikeluarkan oleh Presiden Donald Trump yang dia keluar daripada Perjanjian Paris di dalam alam sekitar ini, saya rasa manusia yang sepatutnya 'educated' inilah yang akan menjaga alam sekitar tetapi dia boleh keluar daripada 'Paris Agreement' maknanya bagi dia alam sekitar tidak penting tetapi kita tak mahu jadi orang seperti ini.

Sebab itu saya mencadangkan Tuanku sebut dalam hal alam sekitar ini dibuka 6 bagaimana kita harus 'sustained' bukan saja 'sustained' tapi 'enhanced' jaga alam sekitar dengan baik termasuklah bukan saya tidak menebang pokok-pokok tapi memperbanyakkan pokok-pokok yang ditanam, menjaga sungai-sungai kita, menjaga hasil mahsul kita kerana ini adalah amanah yang mesti kita berikan kita 'pass the baton' kepada generasi akan datang. Saya mintalah supaya hasil-hasil kerajaan ini haruslah di fikir jauh daripada pemikiran untuk merosakkan alam sekitar sebab once rosakkan alam sekitar ini untuk kembalikan seperti sediakala ianya akan memakan masa yang cukup panjang! Dengan itu, saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Tuanku dan saya menyokong! Terima kasih! Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Gurun! Sekarang saya persilakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Bismillahiirahmanirahim! Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera YB. Speaker, YAB. Jeneri, sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai Tadbir Negeri dan Persekutuan serta Sidang Dewan yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah terima kasih kerana saya dapat mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah!

Titah Ucapan Semasa Kerajaan Pakatan Harapan,
Bahas Usul Kerajaan Perikatan Nasional Pula,
Kedah Sejahtera Nikmat Kemuafakatan,
Kedah Terus Maju Rakyat Pasti Terbela.

Insya-Allah! Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri, semua barisan-barisan Exco dan sahabat-sahabat Yang Berhormat sekalian dalam kejayaan kita membentuk satu Kerajaan Baru, Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua! Tahniah juga kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Timbalan Speaker serta Yang Berhormat Senator yang telah dilantik tadi!

Dalam titah ucapan Tuanku Sultan kita tengok banyak yang diceritakan berkenaan dengan kekalutan dan juga ancaman Covid 19. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua ;frontliners' yang telah bersama-sama mengurus pandemik covid 19 di Negeri Kedah ini dan kita juga terdedah kepada satu norma yang baru seperti kita hari ini kita terpaksa memakai 'mask' muka, kalau YB. Salim kata dia takkan jadi masmuki sebab memang mask muka guna untuk tutup muka. Jadi hampir 167 hari kita dalam masa PKP ini yang akan berlanjutan sehingga 31 Ogos dan kita tak tahu lagi lepas ni macam mana pengumumannya dan banyak jugalah dalam kehijauan Kedah, kita ni agak terencat dalam zon hijau, terencat dengan mutasi-mutasi yang baru dan semoga ini akan dijauhkan lagilah daripada Kedah dan contacts bila kita diserang wabak ini patutnya kita terancam tetapi ada peluang-peluang yang kita boleh ambil daripada pandemik covid 19 ini contohnya dalam kemakmuran dan juga kaedah penghebatan ekonomi digital dan dalam Wawasan kemakmuran bersama juga Kedah nampaknya banak tertinggal bila diumumkan pada tahun 2019 kepada kerajaan yang dulu berkenaan dengan penggunaan ekonomi digital ini! Kita tahu ekonomi digital ini memang dalam masa PKP kita duk cakap kalau kita, contoh saya

bagi dekat Bandar Baharu tu Pak Long Saidin, dia nak order apa makan tengah hari, dia tua dah dua dua orang, tapi tak boleh, dia takut nak pergi market dia order COD saja! Ini adalah antara ekonomi digital yang telah diwujudkan dan telah orang kata hebat diguna semasa pandemik covid 19 ini dan juga Mak Long Maria dulu dia berniaga di gerai Majlis Daerah Bandar Baharu lepas itu bila tak boleh buka kedai masa PKP ni dia jadi 'runner'sampai KFC pun dia tolong tapau dia pi hantar dekat kampong-kampung! Ini ada salah satu penggunaan, dia guna Facebook ekonomi digital ini, dia guna WhatsApp dan dia guna banyak-banyak cara iaitu Instagram untuk mendapatkan pendapatan semasa pandemic ovid 19! Ini baru di Bandar Baharu, waima di Kuah pun sampailah keseluruhan apa Jeneri, Sik, Kuala Nerang dan sebagainya, kita guna ekonomi digital ini dan kita tengok dalam Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah dibuat pada 2019 kerajaan dahulu, banyak yang Kedah tertinggal dalam K-Economic Growth Activities, K-GA ini, kita hanya di 'zoom' kan sebagai ekonomi sempadan dan logistic, ekonomi pelancongan, tak ada langsung kita dalam ekonomi digital ini dan nampaknya peluang ini telah dilepaskan oleh kerajaan yang terdahulu, yang mana pertanian nilai tinggi pun kita tak dapat dibahagi kepada negeri lain! Tenaga Bio baru pun diberi kepada Perlis, Hub Industri 4.0 pun diberi kepada negeri-negeri lain dan ini perlu diambil balik oleh Kerajaan Negeri yang sekarang ini untuk Kedah lebih hebat dalam ekonomi digital dan tak lupa juga untuk kita perhebatkan dalam infrastruktur-infrastruktur ICT yang mana kita tahu kita tak boleh lagi ketinggalan.

Dalam makmal infrastruktur digital negara contohnya jangan bagi kita tertinggal lagi Kedah ini yang mana kita tak akan dapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam kita menaiktaraf dan memperhebatkan infrastruktur ICT untuk kita menjayakan ekonomi digital ini. Kita juga tengok dalam Titah Tuanku Sultan mengatakan bahawa ekonomi digital daripada 'bottom up' maksudnya daripada bawah! Kalau kata Maksu Rina yang jual pasembur, jual mi goreng di tepi jalan tu dia sebenarnya apa peranan dan apa yang dia boleh dapat daripada ekonomi digital ini? Jadi, bottom-up daripada bawah, daripada rakyat, kita tengok setiap daerah perlulah menyatakan apakah kehendak dan keperluan untuk kita sama-sama bantu dalam ekonomi digital ini. Dan saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada bahagian ICT Negeri kerana telah menaiktaraf Kedah Net kita! Setiap daerah, setiap Pejabat Daerah telah diberi dedicated (dengan izin) dedicated jalur lebar sebanyak 20 bandwith dan juga dedicated kepada Wisma! (YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Bandar Baharu, minta laluan!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, Pengkalan Kundor bangun!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Ya..silakan Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta sedikit pandangan daripada Bandar Baharu, saya sangat bersetuju dengan pandangan Bandar Baharu bahawa berkembangnya ekonomi digital sekarang ini kesan daripada covid, maknanya ini adalah salah satu daripada norma baru tapi akhirnya rakyat yang menggunakan produk ekonomi digital ini, kos yang terpaksa ditanggung contoh kalau dia makan kat kedai mungkin RM4, tapi dia beli dengan menggunakan 'runner' tadi dia akan naik RM6 ataupun seumpamanya! Jadi, bagaimana pandangan Bandar Baharu untuk mengatasi perkara-perkara yang saya sebutkan ini.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, saya ingat nanti boleh kerajaan sambung untuk menjawab itu dan saya nak sambung perbahasan saya berkenaan dengan ekonomi digital lagi iaitu kita tahu akan mai lagi satu iaitu GIG Ekonomi. GIG Ekonomi ini akan mewujudkan giga-giga ini (dengan izin) yang mana satu trend pendigitalan kerja menerusi kegiatan 'sharing economy' ini (dengan izin) melalui platform contohnya grab food panda dan sebagainya. Jadi, adakah kita bersedia di dalam Negeri Kedah ini untuk kita sama-sama menjayakan ekonomi digital dan kita pun tengok banyak GIG Ekonomi yang bercirikan kontrak jangka pendek yang mana kita tahu banyak yang hilang pekerjaan semasa PKP, yang mana perlu membuat satu evolusi dalam cara hidup depa, cara nak pergi beli barang, kena takut nak pergi market, kena pergi guna runner dan sampai laki sendiri pun kita nak bagi senarai barang pun bila kata umum, umum saja ketua isi rumah saja yang boleh keluar

pergi beli barang ampai kita suruh beli sabun basuh pun jadi bawa balik sabun lantai! YB. Speaker, jadi ini kita perlu evolusi yang mana akan ada satu GIG Economy ini yang mana orang dah tak boleh kerja, yang itu tadi suami sayalah yang saya cerita tadi tu, YB. Sungai Tiang kan! Jadi, dia akan ada satu GIG Economy yang mana kita kerja secara bebas dan individu! Maksudnya dah kena buang, dah tak ada pekerjaan! Jadi, kita masuk dalam GIG Economy. Jadi, kita kena tengok kerajaan untuk bersama-sama dalam kita memperhebatkan ekonomi digital untuk ekonomi Kedah ini.

Yang keduanya, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pelaburan yang mana kita tahu memang ada perencatan pelaburanlah di dalam Negeri Kedah ini yang mana daripada bulan 3, kita tengok tak ada lagi diumumkan, berapa pelaburan di Kedah tetapi saya difahamkan pada kuota, pada suku pertama pelaburan Kedah telah mencapai RM1.5 billion di Kedah dan harap akan ada lagi semasa pandemic covid 19 ini, tindakan-tindakan Pelan Tindakan Ekonomi dan insentif tambahan kepada pelabur-pelabur yang nak mai ini! Contohnya, kalau kita bolehlah bincang Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan, kalau kita tahu ada plan jana semula ekonomi Negara, penjana kan apalah salahnya kalau kita Kedah ni mohon kepada Kerajaan Persekutuan ini, satu rangsangan pakej ekonomi untuk pelabur saja tapi industr-industri yang khas ini maksudnya kita ada Kulim Hi-Tech Park, kita mempunyai penggiat-penggiat industri yang khas dan bila pelabur-pelabur ni nak mai bukan saja depa takut, kalau tak stabil kerajaan, tadi ramai Pengkalan Kundor pun kata, Alor Mengkudu pun kata, YB. Jitra pun kata, kerajaan tak stabil 'moral of the story' kerajaan tak stabil ni YB. Speaker (dengan izin) baiklah kita jadi orang yang setia dalam parti! UMNO kami tinggal dua ketul saja, Sungai Tiang dan Bandar Baharu, jadi setia lama-lama tengok jadi kerajaan balik kan! Setia!

Jadi, pelaburan ni saya nak cadangkan supaya mungkin Kerajaan Negeri Kedah boleh berbincang mencadangkan satu perangsang nama maksud mungkin satu pakej rangsangan pelaburan khas daripada Kedah boleh diguna pakai pada negeri-negeri lain, kita panggil kat situ perangsang ke apa ka, supaya dalam 4 line, pelabur-pelabur ni yang invest Kedah, yang Kulim Technology Park Corporation duk usaha ni jadi bila kita boleh umumkan sambutan pakej perangsang ini, kita bolehlah menggiatkan dan merancakkan kedatangan pelabur kita! Contohnya KXP ni Kulim International Airport yang mana kita memang nak sangat KXP ni sebab kita tahu kat KXP ni dia akan memperkasakan sosio-ekonomi rakyat Negeri Kedah dan juga seluruh Wilayah Utara ni!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, ada 3 minit lagi!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Baik! Terima kasih YB. Tuan Speaker! Kita tahu juga baru-baru ni dalam Majlis Fizikal Negara MPSN yang mana kita tahu KXP tak dapat dibentangkan tetapi kita dah tahu juga bahawa pembangunan HUB SLAM ataupun Hub Sidam Logistics Aerospace And Manufacturing ini dah lulus RM300 juta Kerajaan Persekutuan bagi untuk SLAM dan kita tahu juga dah dapat RM1.7 billion yang telah diumumkan oleh Menteri melalui NCIA 'Northern Corridor Highway' ni pun dah dapat! Macam mana komponen-komponen yang kecil ini, kalau disepadukan menjadi satu komponen yang besar, KXP tak dibentangkan iaitu kita telah mencadangkan satu, orang kata punca ekonomi, punca kegiatan pelaburan yang hebat di Negeri Kedah yang akan menukar paksi ekonomi dalaman Kedah dan seluruh Wilayah Utara ini iaitu Kedah Aerotropolis kalau orang Bandar Baharu sebut Bandar Metro Udara! Kalau orang Jeneri dia sebut Bandar Kapal Terbang dengan cara mudahlah, nak faham Kedah Aerotropolis tu.

Jadi, kita memohon supaya Kedah Aerotropolis ini terus disokong oleh semua kerajaan atau pembangkang, kita tahu kita dah usaha ini daripada zaman YB. Jitra pun, sama-sama sepadu ingin meneruskan Kedah Aerotropolis ini dan kita berharap 'pilot' kita ini YAB. Jeneri sebagai pilot kita yang baru ini akan terus 'preseverance' dan 'persistent' (dengan izin) iaitu lebih gigih, lebih cekal, lebih konsisten dan fokus untuk kita betul-betul' take off' (dengan izin) dan 'landing' di landasan KXP yang betul dan juga selamat nanti!

Jadi, saya juga ingin memohon dan menyatakan di sini bahawa dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 juga telah menyatakan di situ bahawa berkenaan dengan Aeroangkasa Industry dipersetujui dan ditulis secara sah berkenaan dengan Kedah akan mengunggului industri aeroangkasa ini, jadi tidaklah boleh diperkotak-katikkan atau dipersoalkan bahawa kita akan terus dapat dan jayakan Kedah Aerotropolis ini kerana ianya akan menjadi satu 'catalyst' atau satu 'game changer' (dengan izin) menjadi pemangkin kepada prospek ekonomi Negeri Kedah ini dan sinerginya haruslah kita bersama-sama dan saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Jeneri yang betul-betul telah orang kata mencapai sepakat bersama dengan pihak

Kementerian Pengangkutan, baru-baru ini yang telah bersetuju dengan cadangan kita bahawa satu 'task force' khas dibuat antara KXP dan juga Kerajaan Negeri dengan MOT supaya kita betul-betul bersedia dan mendapat kejayaan dalam MPSN yang akan datang.

Jadi, YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kata pantun lama :

Negeri Kedah Negeri Bertuah,
Aman Sejahtera Untuk Semua,
Bangun Bersama Cabaran Diredah,
Rukun Harmoni Rakyat Bahagia.

Sekian, sahaja perbahasan ucapan menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Wabarakatuh. Terima kasih.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu! YB. Bandar Baharu mengambil masa 18 minit dalam ucapan beliau. Tahniah diucapkan kerana mematuhi masa yang ditetapkan! Seterusnya saya persilakan YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. YB. Tuan Timbalan Speaker, Jitra juga turut membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sewaktu pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 pada 16 April 2020 yang lepas.

Permulaannya ialah mengenai Covid. Sepertimana yang kita semua sedia maklum rakyat sangat merana dengan kekangan-kekangan yang terpaksa mereka tanggung kerana ekonomi yang tidak bertumbuh dan sumber pendapatan yang agak terjejas. Ini menjadi norma-norma baru yang sangat mencabar namun ada juga peluang-peluang yang boleh diambil kesempatan.

Antara lain, saya lihat bahawa ada bantuan yang disediakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri khususnya untuk industri kecil dan sederhana. Persoalannya ialah ada berapa banyak ataupun berapa ramai Usahawan-Usahawan IKS yang telah mendapat manfaat daripada bantuan-bantuan ini? Adakah ianya semua sampai kepada sasaran kerana masih ramai lagi yang saya dengar tidak mendapat manfaat daripada bantuan yang telah diumumkan walaupun mereka rasakan bahawa mereka layak untuk menerima. Saya fikir ini perlu diberi perhatian kerana kita tahu bahawa IKS memainkan peranan yang sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi suatu negara termasuklah Negeri Kedah ini dan sekiranya sumber pendapatan mereka terjejas, maka terjejas jugalah ekonomi negeri.

Yang keduanya ialah soal kewangan. Sepertimana yang kita semua sedia ingat di Sidang Dewan yang lepas, ketika saya duduk di sebelah sana, ada beberapa Adun-Adun Pembangkang ketika itu yang telah mencadangkan kepada saya, selaku Menteri Besar untuk memujuk Perdana Menteri iaitu ayahanda saya sendiri memberi duit kepada Kedah.

Setelah saya kemukakan permintaan secara rasmi kepada Perdana Menteri ketika itu Alhamdulillah, Tun Mahathir bersama dengan Menteri Kewangan YB. Lim Guan Eng telah meluluskan RM200 juta untuk Kedah, tarikhnya saya ingat di minggu terakhir tahun 2019 iaitu pada bulan 12, ianya merupakan satu geran 'one off'. Jadi, yang ingin saya tanya ialah bagaimana wang RM200 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri? Saya harap tidaklah untuk membeli Mercedes Benz untuk Exco dan sebagainya sepertimana yang berlaku di Kelantan. Kalau dah ada wang sebanyak itu, apa perlunya dicadangkan supaya aktiviti pembalakan dimulakan semula? Kerana ini menimbulkan rasa bimbang di atas pernyataan yang telah di buat oleh YAB. Jeneri sendiri mengenai kononnya ada pampasan ataupun ganti rugi yang seharusnya dibayar kepada pemegang-pemegang konsesi balak di Kedah ini, yang awal-awal ni ada yang berjumlah saya tak ingat mula-mula tu disebut RM600 juta, kemudian naik menjadi RM1 bilion, kemudian ada pula kenyataan RM1.5 billion. Ini satu perkara yang sangat membingungkan kerana seingat saya, pada 2 minggu terakhir saya memegang jawatan Menteri Besar, saya telah mempengerusikan 3 mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Negeri di mana kita telah selesaikan semua isu-isu yang berbangkit berkait dengan soal penangguhan ataupun pembatalan konsesi-konsesi pembalakan khususnya di Ulu muda.

Daripada tindakan yang telah kami ambil itu jelas bahawa tidak ada lagi sebab kenapa syarikat-syarikat konsesi ni boleh membuat sebarang tuntutan kepada Kerajaan Negeri. Apabila kenyataan telah dikeluarkan oleh YAB. Jeneri, ini menimbulkan rasa cemas dan ianya satu berita yang begitu mengejutkan kerana tidak pernah dalam tempoh 25 bulan Kerajaan PH menerajui Negeri Kedah ini, masalah pampasan itu boleh mencecah sampai angka-angka yang begitu menakjubkan iaitu RM1.5 billion.

Seterusnya, saya nak bangkitkan mengenai projek-projek pembangunan sebentar tadi, YB. Bandar Baharu pun ada sentuh, projek-projek yang telah pun diisytiharkan….. (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Minta laluan! Nak sentuh sedikit berkenaan dengan Covid!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..silakan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Jitra kerana bagi laluan untuk pencelahan! Saya nak tanya Jitra berkenaan pandangan tentang apakah keberkesanan arahan Kerajaan Negeri tentang arahan PBT yang dikeluarkan untuk sekatan waktu perniagaan baru-baru ini bila ada gelombang kedua selepas Sivagangga, ada kluster Tawar, Muda dan sebagainya dan memberi arahan sekatan perniagaan di mana pukul 8.00 pagi hingga 8.00 malam di mukim-mukim yang terjejas sahaja dan juga tidak boleh makan di tempat itu sebab bila kita nampak walaupun ada sekatan waktu perniagaan tetapi penduduk masih boleh 'cross' sempadan daerah tanpa sekat sebab PKP dahulu ialah seluruh negara, PKP semua orang tak boleh keluar, semua orang tak payah pergi kerja dan 'stay at home' saja tapi sekarang sudah PKPP semua orang perlu pergi kerja, perlu pergi sekolah tetapi sekarang ada sekatan waktu perniagaan itu, walaupun sekat di mukim itu tetapi penduduk boleh sahaja pergi ke mukim bersebelahan sahaja!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bakar Arang, Soalan! Soalan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Ya..soalan saya ialah adakah ini berkesan dan keduanya ialah ianya terjejas pendapatan peniaga khususnya peniaga makanan dimana mereka hanya boleh berniaga sampai pukul 8.00 malam sahaja dan menyebabkan ramai penduduk pergi ke sebelah sempadan untuk membeli dan menyebabkan kesesakan lagi. Adakah ini berkesan untuk memutuskan rantaian penularan covid ataupun dengan cara begini ia mungkin menyebabkan kesesakan lagi di tempat lain dan menyebabkan penularan di mukim-mukim yang lain lah! Ini soalan saya, terima kasih!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan sikit YB. Speaker!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..boleh!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Jitra ada menyebut isu tuntutan pampasan syarikat-syarikat balak yang jumlahnya billion. Jadi, adakah pandangan YB. Jitra apabila isu ini diutarakan oleh YAB. Menteri Besar. Apakah pandangan YB. Jitra ini sebagai satu helah untuk dibenarkan semula pembalakan di kawasan yang telah digazetkan sebagai kawasan Hutan Simpan.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih. Yang pertamanya saya mohon supaya dimasukkan persoalan yang telah dibangkitkan oleh Bakar Arang tadi dalam perbahasan saya. Bagi menjawab Pengkalan Kundor, saya ingat yang ni eloklah YAB. Jeneri sendirilah yang jawab kerana pada pandangan kami di peringkat Pakatan Harapan dan Pejuang ketika kita mentadbir kerajaan

tidak langsung timbul persoalan mengenai pembalakan kerana memang pun hasrat kerajaan ketika itu ialah untuk mengurangkan sebarang bentuk pembalakan di Negeri Kedah ini. Saya mula nak menyentuh tadi mengenai kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi sewaktu Kerajaan Pakatan Harapan. Sekarang beliau menjawat jawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ketika itu beliau sendiri telah mengumumkan beberapa Projek Ikonik di Negeri Kedah ni termasuk KXP, Lebuhraya SPIKE dan lebuhraya yang berhubung dengan Jambatan Pulau Pinang. Yang kedua, kita ingin tahu apa sebenarnya perkembangan terkini mengenai projek-projek pembangunan yang penting ini?

Tadi pun YB. Bandar Baharu telah sentuh mengenai mesyuarat MPFN yang mana saya ingat YAB. Jeneri sendiri hadir dan mendengar sendiri bawa KXP itu tak termasuk dalam agenda Mesyuarat MPFN yang lepas. Kenyataan daripada Menteri Pengangkutan pula agak mencemaskan apabila beliau mengatakan bahawa perlu ada kajian lagi, nak kena buat 'study' demi 'study' lagi. Kajian terakhir ni katanya akan hanya berakhir pada tahun 2023. Jadi, 3 tahun lagi walhal saya ingat untuk tujuan KXP ini saya ingat tak kurang 3 kajian yang terperinci yang telah dilaksanakan. Semua pihak telah bersetuju bahawa ianya satu projek yang perlu dibuat termasuk Kerajaan Persekutuan. Jadi, pendirian Kerajaan Persekutuan yang baru ini membimbangkan kita kerana nampaknya tidak lagi ada kesungguhan, tidak lagi ada azam politik baik di peringkat pusat mahupun di peringkat Kerajaan Negeri sendiri untuk meneruskan projek yang tentunya akan memberi limpahan ekonomi yang besar bagi bukan hanya Negeri Kedah tetapi di Wilayah Utara ini. Selain itu, (Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Laluan!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YB. Speaker, terima kasih YB. Jitra! Adakah YB. Jitra tahu mengapakah KXP tidak dibentangkan di MPFN dan kenapa MOT memberi respon sebegitu kerana adakah ianya tidak nampak punca kuasa dimana projek ini sebenarnya? Sebelum ini kerajaan terdahulu tidak pernah mendaftar projek ini di mana-mana atau kerajaan yang sekarang ini masih lagi tercari-cari dimanakah pendaftaran dan punca kuasa bagi projek KXP itu yang sebelum ini mungkin tak pernah YB. Jitra usahakan ataupun sebagainya.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sepertimana yang kita tahu projek sebesar ini tentunya memerlukan kelulusan daripada MPFN. Perkara ini telah pun dibangkitkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri kemudian tentunya beberapa kali dalam Mesyuarat NCIA di mana bukan hanya keputusan diberikan tetapi peruntukan pun disediakan. Kalau kita lihat balik kepada Minit Mesyuarat NCIA yang telah dipengerusikan oleh Tun Mahathir ketika itu, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memperuntukkan RM2 billion untuk membantu Kerajaan Negeri Kedah membuat pengambilan tanah. Kalau dah sampai tahap itu takkanlah belum lagi dipersetujui oleh kerajaan pusat. Jadi, selain daripada itu, kita juga telah beberapa kali mengumunkan dalam Sidang Dewan ini mengenai Loji Rawatan Air, kita tahu bahawa ada 5 projek LRA yang besar di Kedah ini dan kelima-limanya telah pun mendapat keputusan dengan Bajet yang disediakan oleh Kerajaan Pusat. Baru-baru ini saya lihat Sungai Tiang sekali lagi mengumunkan mengenai Pelubang tak tau berapa kali lagi lah nak umum tapi projek yang sama saja! Memang Kedah menantikan supaya projek ini di dilaksanakan segera untuk menangani masalah bekalan air yang dihadapi oleh Kedah.

Selain daripada itu, Projek-Projek Ikonik yang lain seperti Rubber City, Bukit Kayu Hitam,Taman Teknologi Sains, ini juga perlukan perhatian Kerajaan Negeri dan saya mohon supaya Kerajaan Negeri memberi penjelasan sedikit apa perkembangan terkini. Sebelum ini juga adalah merupakan perancangan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dulu bersama kerjasama erat dengan pihak BPEN untuk Melancarkan Pelan Perancangan Kedah 2035 ataupun singkatannya Kedah 2035.

Sepatutnya pada Sidang Dewan inilah perancangan itu dibentangkan supaya boleh dibahaskan selama mungkin seminggu ataupun dua minggu tetapi setakat ini saya tak dengar bahawa Kerajaan Negeri Perikatan Nasional ingin terus melaksanakan Kedah 2035. Soal pelaburan, kita tahu bahawa sebelum ini Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM11.5 billion, ini merupakan satu angka yang begitu luar biasa, tak pernah lagi tercatat dalam sejarah Kedah, kita boleh mencecah lebih daripada RM10 billion yang meletakkan Kedah nombor 3 tertinggi di Malaysia ini. Yang membimbangkan ialah dengan perubahan kerajaan, keyakinan pelabur terhadap Kedah ini bagaimana sebenarnya? Jadi, yang ingin kita tahu bukan setakat yang mana yang telah diluluskan oleh pihak MIDA tetapi dari segi pelaksanaannya, adakah pelabur-pelabur ini sudah mula membina kilang kilang mereka dan yang mana buktikan walaupun berlaku pandemik covid ini, mereka masih lagi ingin meneruskan dengan perancangan mereka untuk melabur di Kedah.

Perkara ini berkait dengan peluang pekerjaan dan limpahan ekonomi. (YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

YB. Speaker, YB. Jitra, tadi RM10 billion yang YB. Jitra bagitau itu, rupa-rupanya 50% daripada itu hanyalah 'expansion' (dengan izin) Intel dan kita tengok juga masa zaman kerajaan yang dulu, Pakatan Harapan. Antara kerisauan pelabur ini yang mana PBT Hi-Tech yang dicadangkan untuk digabungkan dengan MPKK. Ini adalah kerisauan yang hebat sebenarnya oleh pelabur-pelabur. Jadi, adakah YB. Jitra maklum dan setuju berkenaan perkara ini.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang itu boleh tanya kepada Kerajaan Negeri lah! Walaupun expansion tetapi expansion pun masih pelaburan! Sebenarnya lebih mudah untuk mendapat pelaburan daripada penambahan kapasiti seperti expansion daripada untuk menarik pelabur-pelabur yang baru. Seterusnya, saya ingin sentuh sikit mengenai garis kemiskinan sepertimana yang kita semua sedia maklum, Kerajaan Persekutua telah mengumumkan bahawa garis kemiskinan telah dinaikkan daripada RM980.00 kepada RM2,208.00.

Ini satu tindakan yang begitu berani sekali kerana sekaligus ianya menambahkan jumlah rakyat Malaysia yang hidup di bawah garis kemiskinan yang baru ini. Yang menimbulkan persoalannya ialah apa tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan termasuk Kerajaan Negeri sendiri untuk membantu mereka-mereka yang datang daripada keluarga di bawah garis kemiskinan yang terbaru, RM2,208.00. Kalau dulunya dianggap B40 ini, saya agak….(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, masa sebenar sudah habis!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ohhh…yaka! Nak kena 'landing' lah ni!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Tapi saya bermurah hati saya bagi lagi 5 minit tambahan! Sebab saya rasa perbahasan ini penting melibatkan isu kemiskinan. Jadi, perbahasan pun menarik dan berhemah. Jadi, saya tambah lagi 5 minit!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Baik, terima kasih!. Bukan ka dah awal-awal kut rancang nak bagi 20 minit tapi kata 15 lepas tu tambah 5 minit untuk nampak murah hati? Tapi, tak apa lah terima kasih banyak-banyak!

Saya nak sentuh sikit, akhirnya mengenai politik. Sepertimana yang YB. Alor Mengkudu pun sebut mengenai nama kerajaan itu sendiri Perikatan Nasional ka Muafakat Nasional ka? Saya ingat itu penting kerana biasanyalah wakil-wakil rakyat ni mestilah mewakili parti. Kalau di Parlimen pun isu ini memang dipertikaikan kerana tidak ada dalam mana-mana 'hansard' disebut bahawa seorang Ahli Parlimen itu mewakili Perikatan Nasional. Nama itu belum lagi wujud! Saya bangkitkan perkara ini kerana kami-kami yang asalnya dulu daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia dipecat daripada parti kami kerana tidak menyokong Kerajaan Perikatan Nasional walhal PN itu belum lagi didaftarkan!

Secara sampingannya, saya pun tertanya-tanyalah agaknya YB. Sidam sekarang terletak di mana? Mungkin dah nak menyertai Bersatu kut, kerana Bersatu nampaknya tidak lagi Pribumi! Sistem demokrasi yang kita diamalkan di Malaysia ini, rakyat tentulah berhak untuk membuat pilihan kerajaan apa yang mereka mahukan! Biasanya pilihan ini dibuat melalui Pilihan Raya Umum. Jadi, pilihan yang mereka buat ini berdasarkan kepada keyakinan mereka terhadap sesuatu parti politik, terhadap calon-calon yang bertanding dan sebagainya. Kalau mereka tak yakin maka mereka akan tolak! Kalau mereka yakin, mereka akan undi dan memenangkan! Jadi, apa bukti sebenarnya bahawa tindakan rampasan kuasa yang telah berlaku, kerajaan tebuk atap ini. Bukan istilah saya lah, ada orang lain yang guna. Yang mendapat restu daripada rakyat!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, saya tambah masa tadi, saya ingat isu kemiskinan dan pelaburan! Jadi, saya minta kita fokus kepada isu yang tadi ni!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Dak, politik pun berkait dengan semua yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sentuh. Saya ingat tak kurang penting! Jadi, adakah diambil petanda daripada pilihan raya kecil di kawasan-kawasan lain termasuk di negeri-negeri lain sebagai satu signal kepada kita di Negeri Kedah ini untuk membuat perubahan. Adakah keputusan di Semenyih ataupun Tanjung Piai ada kena mengena dengan Bukit Kayu Hitam ka dengan Belantik. Jadi, saya ingat tak ada apa-apa kena mengena! Ya…sila! (YB. Sungai Limau minta laluan)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Jitra! Soalan mandat rakyat, berapa kali kita sebut mandat rakyat! Adakah Jitra bersetuju keputusan pilihan raya yang terdahulu PRU ke-14 18:18 lah pada waktu itu dan dari sudut jumlah undi yang diperolehi, tadi pun saya sebut PAS dengan 315,000, BN dengan 280,000 menjadikan jumlah 595,865 berbanding PH pada waktu itu atas satu logo PKR hanya RM345,519! Jadi, secara kita boleh nampak mandat rakyat sebenarnya sama-sama dengan PAS dan juga Barisan Nasional pada waktu itu keseluruhan campur-campur jumlah undi! Terima kasih!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Mungkin YB. Sungai Limau belum lagi sedar bahawa sistem pemilihan yang kita amalkan di Malaysia ini ialah 'first-past-the-post' (dengan izin) bukan undi popular! Jadi, siapa pun yang menang dalam satu-satu kawasan dengan majoriti, dialah dapat! Kalau nak buat undi popular kena pinda perlembagaan pula. Dan yang YB. Sungai Limau tadi pun mengakui sebenarnya bahawa berlakunya lompatan daripada belah Pakatan Harapan kepada Perikatan Nasional atas arahan pihak atasan, bukannya atas mandat rakyat! Malah ini juga yang diakui sendiri oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat belah sana apabila ditanya soalan. "Apakah sebabnya Menteri Besar daripada Jitra itu perlu digugurkan daripada jawatannya?" Tidak ada seorang pun yang menjawab bahawa Jitra gagal melaksanakan tanggungjawab dia, dia tak cekap ka ataupun lebih teruk lagi dia curi duit ka, menyeleweng ka salahgunakuasa ka. Jadi, yang dijawab hanyalah "arahan atasan". Jadi, saya tak tahulah kalau arahan atasan itu boleh dianggap sebagai satu alasan yang boleh diterima.

Saya pernah lalui kejadian ini sewaktu saya dulu memegang jawatan Menteri Besar di bawah kerajaan Barisan Nasional tetapi saya ingat semua Ahli-Ahli Yang Berhormat tahu apa yang berlaku selepas itu. Jadi, saya harap Perikatan Nasional pun boleh beringat-ingatlah kerana bila rakyat buat keputusan pada pilihan raya umum dia mungkin akan berubah sekali lagi!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Jitra, masa dah lebih 22 minit!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya minta 2 saat boleh?

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Ok, boleh!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Jitra, demi rakyat, demi menjamin kestabilan politik, demi kemakmuran Negeri Kedah, demi pentadbirannegara kita untuk jangka masa panjang setujukah kita cadangkan dalam dewan ni Jawatankuasa Khas berkaitan dengan isu anti lompat parti ditubuhkan, dibahasm bincang lepas itu kita meluluskan satu untuk mendesak serta mendesak parlimen untuk menggubal rang undang-undang bagi menghalang Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen dari lompat parti tanpa alasan munasabah! Undang-undang ini perlu dipastikan selaras dengan perlembagaan persekutuan dan tidak timbul soal dengan kebebasan berpersatuan! Setujukah Jitra?

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Kulim kerana telah menepati tempoh dua saat yang saya berikan tadi! Sebenarnya, itulah point terakhir saya, saya sangat-sangat setuju dengan apa yang telah dicadangkan oleh YB. Kulim dan saya harap Dewan Negeri Kedah ni boleh diusulkan, bahas elok-elok dan luluskan satu pindaan kepada Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah supaya lompat parti ini tidak lagi berlaku, supaya kita tidak lagi mengkhianati mandat rakyat yang telah diberikan oleh rakyat pada Pilihan Raya Umum.

Dengan itu, Tuan Timbalan Speaker saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan KDYMM Tuanku Sultan pada perasmian Dewan yang lepas.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Jitra! Seterusnya saya mempersilakan YB. Ayer Hitam. Silakan YB. Ayer Hitam.

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirahim, Alhamdulillahi Rabbil A'lamin Washolatu' Wassalamu Ala'Asrofil Ambiya' Iwal Mursalin Wa'ala A'lihi Wasohbihi' Ajma'in. Robbishrohli Sodri' Wa Yassirli' Amri Wahlul Uq'datan' Milisaani' Yafqouhu' Qouli, Amma'Baq.

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, YAB. Menteri Besar, YB. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB. Adun-Adun, Yang Berbahagia, Yang Berusaha Ketua-Ketua Jabatan, Agensi-Agensi Kerajaan, Ahli Sidang, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah sama-sama kita panjatkan syukur kita kepada Allah swt. kerana dengan izinnya dapat kita sama-sama pada hari ini, hadir untuk menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah untuk sama-sama bersidang dalam sidang kita pada kali ini. Terima kasih kepada YB. Timbalan speaker kerana memberi laluan kepada saya untuk turut berucap, membahaskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Istiadat Perasmian Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga pada 16 April yang lalu. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin menzahirkan ucapan menjunjung kasih ke atas KDYMM Tuanku Sultan, atas titah ucapan tersebut yang saya rasa ianya merupakan satu ucapan yang menyeluruh dan komprehensif. Saya juga ingin ucapkan tahniah kepada YB. Ayer Hangat di atas pelantikan speaker sebenatar tadi dan juga YB. Pantai Merdeka sebagai Timbalan Speaker dengan harapan kedua-dua YB. Speaker dan YB. Timbalan Speaker akan terus menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang sepertimana yang telah dibuat, dilakukan oleh YB. Mantan Speaker dan Timbalan yang lepas. Mudah-mudahan perjalanan sidang kita akan terus dari semasa ke semasa bertambah baik. Insya-Allah!

YB. Speaker, pada awal Titah Tuanku Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia mengingatkan kita akan kepentingan sifat amanah yang perlu dipikul oleh setiap pemimpin. Saya yakin Titah Tuanku relevan sepanjang zaman walaupun Titah Tuanku itu semasa pimpinan yang lalu, semasa Kerajaan Pakatan Harapan tetapi amanah ini tidaklah terhad kepada satu kerajaan! Insya-Allah saya yakin pimpinan yang baharu di bawahnya YB. Menteri Besar yang baru akan mengambil ingatan ini sebagai satu asas kepada pentadbiran kerajaan dan juga kepada perancangan program-program atau apa-apa aktiviti yang akan dilakukan kerajaan di Negeri Kedah ini. Saya yakin dan saya rasa semua Ahli Dewan bersetuju dengan saya kurang lebih 100 hari pemerintahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kerajaan baharu ini sudah nampak tanda-tanda daripada ucapan dan tindakan beliau dan kerajaan yang menampakkan bahawa amanah itu diberi satu asas dalam ucapan dan juga perancangan kerajaan pada ketika ini.

Dizahirkan dengan secara jelas dan bersungguh-sungguh bila mana setiap kali kita baca ataupun kita dapat laporan daripada Media Pas, Mesyuarat Exco dan sebagainya. Kenyataan-kenyataan Menteri Besar dalam menzahirkan rancangan Kerajaan Negeri meletakkan amanah itu sebagai satu yang dijadikan asas untuk terus mentadbir negeri ini. Insya-Allah.

YB. Speaker, saya sangat tersentuh dengan Ucapan Tuanku agar peningkatan yang jitu diambil dalam memastikan pengeluaran tanaman padi sebagai jaminan keselamatan makanan Negara. 40% pengeluaran padi atau beras di dalam Negara kita ini, datangnya dari Jelapang Padi, Negeri Kedah Darul Aman yang kita sayangi ini. Saya juga berterima kasih kepada YB. Gurun dalam ucapan di parlimen baru-baru ini membahas dengan panjang lebar tentang perlunya isu makanan keselamatan ini diberi keutamaan. Jadi, saya sukalah Dewan kita pada hari mengambil pendekatan yang sama harga isu makanan keselamatan ini terus diperjuangkan dengan meminta ataupun menjurus kepada penyelesaian masalah-masalah berkaitan dengan penanaman padi khususnya isu benih padi yang bermutu, isu bekalan baja dan racun yang berkualiti dan juga isu pengaliran air yang mencukupi kepada petani-petani agar mereka, petani sana dapat meningkatkan lagi penghasilan beras untuk menampung keperluan negeri dan negara kita. Insya-Allah!

Walaupun penanaman padi ini tidak begitu terkesan dengan covid 19 yang sedang kita alami ini tetapi sedikit sebanyak bilamana sekatan ataupun keadaan petani yang tidak boleh seperti terdahulu menjalankan usaha menanam padi, kita rasa sikit sebanyak akan memberi kesan juga kepada penanaman padi pada masa akan datang. Oleh itu, jawatan-jawatan berkaitan dengan penanaman padi ini seperti MADA, JPS ,Jabatan Pertanian, BERNAS dan sebagainya. Itulah sentiasa ada satu kefahaman kepada mereka untuk sama-sama meletakkan bahawa beras sebagai makanan ruji, nasi sebagai makanan ruji, ianya dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa supaya kita untuk mempunyai cukup makanan untuk kita terus hidup di muka bumi ini. Cuma…(YB. Anak Bukit minta laluan)

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Mohon laluan sikit YB. Ayer Hitam? Boleh na?

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Insa-Allah! Insya-Allah!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Minta kepada Timbalan Speaker!

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Ayer Hitam, terima kasih YB. Timbalan Speaker! Ya.. berkenaan dengan penanaman padi di Negeri Kedah ini, setuju tak Ayer Hitam kalau kita katakan antara sebab kita tak dapat nak istilah Kedah beginilah nak kenjoi naik lagi dia punya apa produktviti kita tu ke mungkin 7, 8 ke 10 tan tu adalah kerana Farms Holding ataupun saiz pemilikan bendang tu adalah terlalu kecil. Jadi, terlalu ramai yang buat bendang dalam saiz yang terlalu kecil yang tidak ekonomikal untuk kita urusnya secara ladang! Jadi, setuju tak Ayer Hitam kalau boleh kita cadangkan kepada agensi seperti MADA dan sebagainya, kita wujudkan satu konsortium yang boleh ambil alih bendang-bendang hat kecil ini supaya dapat diuruskan secara ladang dan 'in return' sewa bendang kepada mereka tu kita tawarkan dalam harga yang maknanya kalau dia buat sendiri tu dengan dia lah kadang-kadang orang kita ni pun dengan 3T, 'tanam tinggal tuai' boleh tak banyak mana, bila dia 'convert' balik sebulan boleh katalah serelung RM250 katalah kan bersih. Jadi, kalau kita boleh tawar pada dia lebih daripada tu sewa serelung mungkin itu akan menjadikan dia rasa tak pa, dia boleh lepas buang dan kita dapat melaksanakan peladangan tu dengan lebih baik dan produktif lebih tinggi dan Kedah bukan 40% mungkin 50% hingga 60% kepada pengeluaran negara. Terima kasih Ayer Hitam!

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Anak Bukit. Saya setuju dengan saranan yang dibuat oleh YB. Anak Bukit, saya pun rasa dah ada usaha ke arah itu. Disebut dalam Titah Ucapan Tuanku ini sudah ada usaha untuk mewujudkan estet-estet padi yang mana mungkin cadangan Anak Bukit itu dapat digunapakai dalam kelulusan kepada cadangan ini.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Ayer Hitam, sat na! Kita akan berhenti pada jam 1.00 tengahari. Jadi, saya persilakan YAB. Menteri Besar.

YAB. MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, Saya pohon mencadangkan di bawah peraturan 12(1) (a) Peraturan Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas disambung pada pada jam 1.00 tengahari. Sekian terima kasih.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YAB. Jeneri. Silakan YB. Ayer Hitam sambung sampai jam 1.00 tengahari. Insya-Allah!

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, terima kasih YB. Anak Bukit. Seterusnya, saya ingin menyentuh sikit mengenai usaha padi ini juga bila mana yang terkini ini saya difahamkan ada kerisauan daripada para pesawah yang telah mula menuai padi hari ini bila mana pemotongan padi menggunakan kaedah yang baharu mungkin menggunakannya mesin di mana kita kata 'sample' padi dimasukkan di mesin itu dan dia guna kaedah sendirilah untuk mengukur sejauh mana pemutuan padi tu dan hasilnya berbanding dengan yang lepas tu dia makin tinggi pemotongannya. Ini satu kerisauanlah yang saya mungkin tak dapat pastikan secara ini tetapi disebutkan juga oleh YB. Kuala Nerang semasa rehat bahawa ini menimbulkan kerisauan kepada petani-petani, hasil mereka akan berkurang.

Jika ini berlaku, saya haraplah pihak Exco Pertanian seterusnya untuk melihat perkara ini supaya kita dapat ambil satu langkah yang boleh mengurangkan kerisauan ini dengan usaha-usaha untuk letakkan satu syiling kepada potongan pemutuan padi ini kepada satu angka yang lebih munasabah yang boleh mengikat petani ini untuk terus berusaha mengikat untuk meningkatkan lagi hasil penanaman padi. Ada yang sebut sampai 40% walaupun sekarang ni kita faham sekarang ada hujan sebagainya tapi takkanlah sampai kepada 40% kerana ini akan memberi kesan buruk kepada mereka.

YB. Speaker, satu lagi yang disentuh oleh KDYMM Tunku ialah tentang perlunya tadbir urus yang baik dan usaha pihak kerajaan untuk memakmurkan Negeri Kedah ini. Tentulah tadbir urus yang baik ini ianya berkait dengan penyediaan prasarana yang bermutu, yang kondusif untuk digunapakai oleh penjawat awam untuk melaksanakan tugas mereka.

Satu hal yang saya suka sebut disini ialah tentang kewujudan satu bentuk pentadbiran yang lebih khusus untuk kawasan ataupun di daerah Kubang Pasu yang mempunyai 2 parlimen iaitu Parlimen Jerlun dan Parlimen Kubang Pasu. Satu usaha yang dibuat selama dahulu saya ingat YB. Jitra masa menjadi MB dahulu pernah merasmikan satu bangunan yang disebut sebagai Pejabat Daerah Kecil Jerlun, Ayer Hitam. Nampaknya usaha itu dah ada, usaha untuk mewujudkan satu daerah baru di kawasan Jerlun sebahagian daripada Kubang Pasu. Jadi, saya harap usaha ini diteruskan supaya kita dapat melahirkan satu tempat atau kawasan yang lebih kecil untuk diurus oleh penjawat awam dengan itu dapat memberikan satu impak yang maksima kepada pembangunan di kawasan itu. Sekarang ini Kubang Pasu merangkumi 2 parlimen. Kita nampaklah keberatan kepada pembangunan itu terlebih kepada Kubang Pasu dengan ada pelbagai jenis kemudahan di sana. YB. Anak Bukit mesti bersetuju sebab dia Ahli Parlimen Kubang Pasu! Banyak institusi pendidikan yang ada di sana, kita ada UUM, kita ada Politeknik, kita ada ILP, kita ada IPDA dan banyak lagi institusi pendidikan yang bertaraf kebangsaan bahkan antarabangsa berbanding dengan di Jerlun yang tidak ada sebuah pun yang institusi pendidikan yang bertaraf tinggi disitulah kecuali ada Sekolah Menengah Sains Kubang Pasu, yang terbaru Sekolah Menengah Agama Jerlun yang berdekatan dengan Kubang Pasu! Jadi, saya haraplah perhatian diberikan mengenai perkara ini sebab kita dah ada asas dah dan dimulakan oleh Jitra dahulu cuma tak dikembangkan lagi! Yang mana diadakan daerah baru Jerlun ini Insya-Allah akan merancakkan lagi pembangunan di kawasan Jerlun seterusnya di Ayer Hitam dan kawasan Kota Siputeh. Insya-Allah.

Seterusnya saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar diatas usahanya untuk menyegerakan pembinaan ataupun menaiktaraf ataupun meningkatkan lagi kapasiti Loji Rawatan Air Pelubang yang akan disegerakan pada pada hujung tahun ini untuk disegerakan pembinaannya untuk menampung keperluan yang sangat mendesak di kawasan Jerlun dan Kubang Pasu di mana bangunan yang kita sebut sebagai SBZ memerlukan kepada bekalan air yang mencukupi dan juga masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sekitar, Parlimen Kubang Pasu dan Jerlun tentang masalah tekanan air yang rendah.

Kita biasa bawa perkara ini kepada SADA dan SADA turun di beberapa kawasan di Kota Siputeh dan Ayer Hitam mendengar rintihan rakyat dan menyatakan satu penyelesaian jangka masa pendek dengan membenarkan ataupun mengizinkan atau meminta pihak SADA membekalkan air semasa ke semasa secara tangki tapi ia takkan memuaskan ataupun menyelesaikan masalah yang besar.

Jadi, saya yakinlah Insya-Allah dengan kejayaan kerajaan untuk menyegerakan Pelubang II ini akan mengatasi masalah tekanan air yang berlarutan sejak sekian lama di kawasan-kawasan Ayer Hitam dan Kota Siputeh dan kawasan lain-lain!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh minta laluan sikit! Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Ayer Hitam. Saya nak bangkitkan isu masalah air ini, banyak kawasan yang berlaku kebocoran tapi SADA lambat ambil tindakan, pernah saya lihat di kawasan saya Kota Siputeh, ada satu kampung itu air tu duk keluar sampai boleh jadi kolam , sampai boleh jadi parit! Kita bagi tahu kat SADA tak mai repair pun! Jadi, itulah YB. Ayer hitam setuju tak minta tolong SADA segerakanlah! Kalau apa-apa masalah yang berlaku berkaitan dengan paip air dan sebagainya. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Bukan setakat setuju bahkan kita telah buat pun, kita minta SADA untuk terus dan beri perhatian kepada rungutan rakyat. Walaupun telah mengambil tindakan yang agak segera tetapi masih belum dapat menyelesaikan masalah. Terima kasih kepada SADA kerana telah menyediakan 'booster pump' di kawasan Ayer Hitam untuk memberi tekanan yang kuat kepada air ini untuk sampai ke Pida-Pida tapi sistem yang lama mungkin tidak mengizinkan lagi sebab apa bila disebut oleh Pegawai Penyelia SADA di sana, jika ditekankan tekanan yang lebih tinggi mungkin paip-paip yang menyerap air ke kawasan utama itu akan pecah dan sebagainya. Ini mungkin akan beri kesan kepada meningkatnya NRW dalam pengawasan SADA itu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, selain d harapan daripada penduduk di sekitar Ayer hitam dan juga di Jerlun ini supaya mewujudkan kawasan tadahan baru Jerlun. Isu-isu yang lama dapat diselesaikan dengan segera.

Antaranya ialah pendapatan kepada Projek Perumahan Rakyat Jerlun yang sekian lama sudah tertangguh. Saya pernah sebut dalam Dewan ini dalam sidang yang lepas tahun lepas bertanya tentang perkara yang sama disebut oleh katanya tentang akan ada segera temuduga interview kepada mereka yang memohon untuk memasuki ke 630 buah rumah yang telah pun siap untuk diduduki. Saya pun telah turun ke bahagian projek perumahan itu berjumpa dengan pegawai atau penyelia di situ, mereka menyebut bahawa rumah dah siap cuma menunggu serta masuk dan juga kelulusan daripada pihak negeri untuk mereka memasang meter air dan meter elektrik cuma perkara ini tertangguh sejak sekian lama. Disebut dahulu oleh Dewan ini akan ada interview hujung bulan 12, 2019 tapi sekarang dah bulan 8, 2020 perkara itu masih lagi belum berlakulah. Saya harap pihak kerajaan khususnya Exco Perumahan dan Tempatan ini dengan segera untuk memastikan bahawa perkara ini dapat diatasi dengan segera.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Boleh sekali lagi?

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Boleh!

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Ayer Hitam kerana sentiasa beri laluan kepada saya dan terima kasih Speaker, isu yang sama perumahan di Ayer Hitam dan lebih lama lagi daripada itu ialah di Kampung Kilat. Saya duk naik ETS, duk lalu kot tu duk nampak memang cantik tapi tak masuk-masuk lagi. Jadi, setuju tak Ayer Hitam kata dan satu lagi saya nak sebut teguran Ketua Audit Negara terhadap perumahan PPR ni, ada satu kes yang yang ni kes daripada pemaju nak serah kepada KPKT sampai sangat 500 hari lebih tertunggak maknanya dekat-dekat 2 tahun. Jadi, setuju tak Ayer Hitam kata benda yang dah siap dan saya ingat benda di Kampung Kilat itu, rumah yang diberikan dan dia ada lot speial untuk orang kelainan upaya, design yang cukup special, harga yang diberikan dengan subsidi kerajaan yang cukup tinggi tapi bila mai dah siap tu lambat tidakkah ini merencatkan peluang kepada rakyat yang sepatutnya boleh masuk itu supaya disegerakan dapat masuk. Jadi, apa pandangan Ayer Hitam tentang perkara ini termasuk the one di Ayer Hitam tu sendirilah.

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

YB. Anak Bukit, terima kasih. Saya bersetuju dengan apa saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat dan Insya-Allah kita harapkan kerajaan yang baru ni Insya-Allah 100 hari sekarang ni mungkin sebelum 100 hari yang kedua ini akan dapat selesaikan masalah ini supaya rakyat yang memohon itu dapat menduduki rumah seperti yang mereka harapkan.

Jadi, YB. Speaker saya rasa cukup setakat ini ucapan untuk kali ini dan Insyaallah ada masa kita akan berjumpa lagi. Jadi, saya menyokong penuh Usul Menjunjung Kasih Kepada KDYMM Tuanku Sultan atas ucapan perasmian baginda pada sidang yang lepas. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ayer Hitam kerana patuh kepada waktu yang diperuntukan. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita akan berhenti rehat dan dewan akan disambung pada 2.30 petang. Dengan itu, sidang ditangguhkan.

[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirahmanirahim, dewan disambung semula. Giliran sebelah sini, Suka Menanti. Lima belas minit.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Assalamualaikum w.t.h. Salam sejahtera, terima kasih kepada tuan speaker yang berikan saya peluang berucap dan juga ruang mengambil bahagian untuk menjunjung kasih di atas titah ucapan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena istiadat perasmian mesyuarat pertama penggal ketiga DUN Kedah ke empat belas. Jadi, alhamdulilah kita mengambil iktibar dan peringatan di atas pesanan yang diberikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengenai hadis baginda Nabi Muhammad S.A.W. bahawa "kamu semua adalah pemimpin, dan kamu semua akan bertanggungjawab terhadap apa yang kamu pimpin".

Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, kita negeri Kedah tidak terkecuali daripada serangan COVID-19, malah pelbagai kluster mula timbul sejak bulan julai dan bulan ogos kali ini. Sehinggakan pada ketika ini kes, kes telah mencecah kepada dua ratus. Jadi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada staf dan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah yang bertungkus-lumus menyaring dan merawat mereka-mereka yang terlibat atau disyaki berisiko tinggi, begitu juga dengan staf MKN, PDRM dan pasukan-pasukan yang beruniform, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah, ATM, RELA, sukarelawan pusat khidmat, serta bantuan-bantuan yang datang daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah dan juga NGO. Jadi untuk makluman kita semua, kita sekarang ini dengan 'hashtag' (dengan izin) "kita belum menang". Jadi, saya ingin mohon kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil langkah lebih serius, agresif dan efisien dalam mengawal dan membendung risiko COVID-19 dari terus merebak dan mewujudkan kluster-kluster yang pelbagai ketika ini.

Jadi, Dato Speaker, Tuan Speaker apa yang kita ingin tahu ialah ingin melihat apakah komitmen yang seterusnya pihak Kerajaan Negeri untuk menjaga kepentingan penjaja dan peniaga kecil agar mampu bangkit semula untuk menjana ekonomi keluarga mereka.

Kalau sebelum ini pakej rangsangan ekonomi yang disediakan pada bulan March dan April lalu ketika kes ini sekitar tujuh puluh, lapan puluh, sekarang ini bila kes dah jadi dua ratus, kita ingin tahu apakah pakej ransangan ekonomi yang seterusnya. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, ketika kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Negeri melalui mandat rakyat pada Mei 2018, ingin kita maklumkan balik ialah hutang Kerajaan Negeri berkaitan bekalan air pada ketika itu dengan jumlah hutangnya 1.8 billion ringgit dan kontrak hutang lagi yang telah pun ditandatangan ialah sekitar hampir 1 billion pada ketika itu sejak Mei 2018. Selepas beberapa siri rundingan berdasarkan konsep Federal Democratic Goverment (dengan izin) hasil perbincangan tersebut bersiri-siri perbincangan maka hutang tersebut telah berjaya dikurangkan kepada hanya RM1.1 billion semasa peralihan kuasa pada Mei 2020 dan begitu juga, kita dapat jaminan daripada pihak kementerian bahawa empat daripada lima projek utama tadi telah pun disenaraikan sebagai projek yang akan dipersetujui sebagai geran kepada kerajaan Kedah.

Jadi, kita mohon penjelasan daripada kerajaan mengenai status jumlah hutang pada ketika ini. Hutang bekalan air dan juga kita nak tahu apakah rundingan mampu dan diteruskan oleh kerajaan semasa, lebih-lebih lagi yang. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mendapatkan penjelasan apabila kita mendengar Yang Berhormat Menteri Air ketika datang ke Kedah memaklumkan atau mengumumkan berjumlah rancangan, peruntukan telah mengumumkan bahawa RM4.4 billion diperuntukkan untuk selesai masalah air di Kedah. Jadi, kita mohon diperincikan pecahan apa sebenarnya yang terlibat. Apa sebenarnya yang ada dalam RM4.4. billion yang diumumkan oleh Menteri Air tersebut.

Kemudian kita juga ingin mendapat penjelasan khususnya apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyatakan dalam sidang akhbar bahawa satu projek pembaikkan paip dasar laut atau pun submarine pipe (dengan izin) diperlukan segera kerana katanya dalam kenyataan tersebut bahawa 40 MLD yang dipam pada ketika ini daripada tanah besar hanya sampai di Langkawi hanya 20 MLD. Itu disebut dan dinyatakan dalam sidang akhbar tersebut, sebab itu sebanyak RM50 juta diperlukan untuk kerja pembaikkan segera ini, jadi kita menantikan, Yang Berhormat Speaker tentang penjelasan khusus jumlah peruntukkan yang diperlukan tersebut dan dewan ini ingin tahu adakah dana negeri atau pun hutang tambahan lagi untuk negeri atau geran persekutuan dan sebagainya dan kalau boleh nak tahu jumlah lebih spesifik 50 juta tu anggaran yang besar. Berapa sebenarnya.

Sebab untuk makluman sepanjang pengetahuan saya, kapasiti paip submarine ini atau pun Submarine Pipe ini (dengan izin) dari tanah besar ke Langkawi ke tempat Tuan Speaker, kapasitinya adalah 60 MLD dan pada kebiasaannya ketika kita pam pada biasa yang sampai di Langkawi adalah 58 MLD dan bila berlaku satu penurunan yang kita akan kesan kalaulah di bawah 55 MLD akan mula segera dikesan termasuklah berlakunya menyelam untuk mencari kebocoran yang berlaku.

Jadi, sepanjang pengetahuan saya tidak pernahlah sampai sehingga 20 MLD. Namun, kita mohon penjelasan dalam bentuk pengesahan daripada pihak kerajaan apakah keadaan semasa dalam dua, tiga bulan terakhir ini begitu teruk sekali submarine pipe (dengan izin) ini sehingga MB menyebut pam 40 MLD dari tanah besar sampai ke Langkawi hanya 20 MLD. Kita mohon penjelasan.

Jadi, Tuan Speaker yang seterusnya ialah dalam fasa PH di awal tahun haritu, kita telah lakukan tender terbuka yang dikendalikan oleh jabatan teknikal yang berkepakaran tinggi iaitu Jabatan Kerja Raya dan tender-tender tersebut sebanyak empat tender besar telah pun dikeluarkan dan saya harapkan sekarang ini dalam proses penelitian dan diharapkan empat projek ini yang telah mendapat jaminan kementerian bahawa 1.2 billion itu adalah geran. Jadi, kita harapkan empat projek ini diteruskan dengan segera, lebih-lebih lagi sekali lagi kita dikelirukan dengan satu kenyataan oleh YB Menteri juga yang datang ke Kedah. Dia kata tender keempat-empat projek ini lebih, telah pun berjalan dan dalam kenyataan tersebut disebut logi Bukit Selambau akan siap lebih awal kerana pembinaan telah dimulakan. Jadi, mungkin saya tak tau lah dalam masa seratus hari ini dah jadi ke tidak ka. Jadi, kita mohon penjelasan daripada pihak kerajaan tentang kenyataan yang begini boleh mengelirukan sebab bunyi macam dah mula tapi rasanya belum mula.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Minta laluan

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Nanti ganti balik masa.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Yang Berhormat Speaker. Terima kasih, Yang Berhormat Suka Menanti. Tadi Yang Berhormat Suka Menanti menyatakan berkenaan dengan segera, berapa jumlah peruntukan, kenapa lambat, kenapa tak buat lagi, dan saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Suka Menanti. Kenapa lima logi rawatan air yang memang asas keperluan rakyat negeri Kedah dulu 22 bulan tidak berjalan-jalan, tak mula-mula tu. Kenapa Yang Berhormat Suka Menanti, terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Terima kasih, Bandar Baru. Jadi, saya rasa dah diterangkan sebelum ini, tapi nak kena buka panjang la kan. Bagaimana dalam proses itu diperbetulkan kedudukan, dari mana tender, siapa yang handle, kepakaran mana nak dipakai, bagaimana cara melaksanakan kaedah tender dan paling pentingnya, akhirnya menjaga kantung negeri ni banyak mana kita nak kena hutang lagi dan alhamdulilah hasil rundingan dan berkat kesabaran kita berbincang tu kita mendapat pengesahan tentang diberikan geran dan kesabaran ini kena tinggi. Dari tadi dia kata sabar, sabar, sabar, akhirnya jadi kerajaan. Cuma saya sedih nama dia sebut dalam surat khabar, kata nak jadi Timbalan Speaker, hat tu sat lagi kita sembang di hujung sat lagi.

Dan yang seterusnya Dato', Yang Berhormat Speaker, saya ingin juga menanyakan tentang komitmen kerajaan dalam menurunkan NRW ini yang bagaimana memerlukan dana yang cukup besar jadi kita nak tau juga apakah usaha, inisiatif kerajaan untuk mencari dana atau pun pelabur untuk membantu penukaran paip-paip lama ini yang akan memberikan kesan walaupun lima projek mega tadi mengepam kuantiti yang besar tetapi kalaulah paip tadi masih lagi tidak diberikan perhatian, mungkin dengan NRW dengan sekitar 48% itu masih lagi kehilangan yang agak besar. Jadi, Yang Berhormat Tuan Speaker, satu lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan sekarang ini bila diteruskan inisiatif kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini dalam bidang kerja raya antaranya inisiatif pertama kita memperkenalkan sistem pendaftaran setempat di Pejabat Daerah dan di Pejabat SUK dan kontraktor ini boleh mengambil bahagian di semua jabatan. Dan alhamdulilah setakat la saya tengok tak ada lah polisi baharu yang membatalkan pendaftaran tersebut yang memberikan kepentingan kepada lebih 2,500 kontraktor di Kedah.

Yang keduanya, kita ada inisiatif yang kedua tentang kerja raya ini ialah inisiatif kerja undi yang kita pertingkatkan jumlah, perbanyakkan kuantitinya supaya hampir kesemua kontraktor mampu mendapat peluang sekurang-kurangnya sekali dalam setahun mendapat projek. Itu pun nampaknya diteruskan. Inisiatif yang ketiga ialah tentang menaikkan amount (dengan izin) kerja undi, kalau dulunya lima puluh ribu sebagai maksimum, ketika inisiatif Pakatan Harapan kita naikkan kepada seratus lima puluh ribu dan pada tahun ini nampaknya dah dinaikkan kepada dua ratus ribu dalam fasa ketiga ini. Ini juga saya ucapkan syabas, tahniah, namun, inisiatif keempat yang saya ingin dapat penjelasan ialah mengenai peluang latihan dan khusus kepada usahawan muda untuk menceburi bidang pembinaan. Kalau dulu kita telah perkenalkan usaha dan latihan supaya anak-anak muda ini mendapat peluang dan bimbingan daripada CIDB, BPKU dan juga ABM untuk menceburi bidang pembinaan ini.

Jadi, setakat sekarang saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada kerajaan terus berhasrat untuk meneruskan usaha membantu usahawan muda menceburi bidang pembinaan ini. Jika, ada sila nyatakan apa nama konsep yang dilaksanakan. Dan yang terakhir dalam bidang kerja raya ini, saya ingin maklumkan ialah tentang konsep jalan selamat yang telah pun dilaksanakan sebelum ini berjaya mengurangkan beberapa kes kemalangan di tempat yang sebelum ini kemalangan disebabkan oleh jalan raya. Jadi, Tuan Speaker, ingin saya maklumkan juga tentang perkara berikutnya ialah pada saya, saya tertarik dengan pendidikan awal kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Jadi, saya melihat tabika yang dikendalikan oleh Kemas sangat memerlukan sokongan dan dokongan oleh pihak-pihak kerajaan. Tabika ini berada dalam keadaan yang kurang ceria, kurang menarik sebelum ini jadi kita berikan sokongan lebih ceria, lebih menarik, dan pada ketika ini tabika Kemas di seluruh Kedah. Saya melihat ada 832 buah dengan memberikan peluang kepada lapan belas ribu kanak-kanak.

Jadi, ianya penting kerana lapan belas ribu ini belumlah berpuas hati. Kalau saya, saya belum puas hati sebab lapan belas ribu ini adalah sekitar empat puluh peratus sahaja kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Jadi saya nak tahu komitmen kerajaan, lebih-lebih lagi kerajaan PAS dengan Menteri Besar PAS ni, Adakah akan terus memberikan komitmen sepenuhnya kepada tabika kemas ini berbanding dengan tabika swasta untuk sama-sama dapat bersaing dan mendapat perhatian yang baik dalam memberikan peluang kepada keluarga berpendapatan rendah memberikan pendidikan awal kepada anak-anak mereka. Jadi, saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan komitmen dalam memberikan sepenuh sokongan.

Yang keduanya, saya juga ingin tahu tentang polisi kerajaan kedah kepada tadika-tadika swasta, termasuklah tadika yang dikendalikan oleh PAS iaitu Pasti adakah Pasti ini berdaftar dengan mana-mana jabatan di negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil perhatian tentang bagaimana musim kemarau panjang yang telah melanda Kedah sejak akhir 2019 sehinggalah April 2020 yang telah menyebabkan penggunaan takungan air empangan hingga ke paras yang cukup kritikal. Syukur alhamdulilah ketika datang hujan pada akhir bulan April sehingga bulan Julai baru-baru ini, takungan-takungan kita telah menunjukkan kembalinya kepada satu kapasiti yang seperti sedia kala sebab hujan yang cukup lebat dan juga kawasan tadahan dan lembangan sungai berfungsi sebaiknya.

Kita mohon pengesahan daripada pihak kerajaan apakah selepas ini pembalakkan akan diteruskan semula kerana kita dapat lihat kesan apabila tidak ada pembalakkan di kawasan tadahan dan lembangan sungai ni, pengaliran air begitu efisien sehinggakan ke tadahan kita dapat menampung kembali ke kapasiti yang asal. Jadi, kita ingin tahu supaya komitmen pihak kerajaan dalam menyusun kembali alam sekitar kita menjaga kawasan tadahan dan juga lembangan sungai dan kita juga ingin mengajak kita semua menyedari bahawa sebenarnya kadar hujan tahunan di Kedah kita adalah lebih rendah daripada purata nasional. Itu adalah satu fakta yang kita minta selepas ini kalau boleh pihak kerajaan bentangkan di dewan ini purata hujan untuk lima tahun terakhir di Kedah dan kita bandingkan dengan purata hujan nasional supaya kita semua lebih peka dengan apa yang sepatutnya kita ambil bahagian dalam menjaga sumber air di Kedah ini. Jadi, Tuan Speaker yang seterusnya ialah saya ingin memohon.

YB. TUAN SPEAKER

Yang terakhir ke?

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Dua ja, senarai-senarai ja.

YB. TUAN SPEAKER

Dia 18 minit dah tu.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok. Ok. Cuba ringkaskan sikit. Yang terakhirnya, ialah saya nak memohon kerjasama daripada kerajaan dalam pembangunan semula di kawasan Bandaraya Alor Setar ni. Saya nak senaraikan tiga perkara yang telah pun kita bincangkan berikan priority (dengan izin) keutamaan sebelum ini diteruskan oleh kerajaan sekarang. Yang pertamanya, adalah jalan daripada Alor Setar ke Kangar, yang bermula daripada simpang Mergong ke Kemboja tu kita telah bincang habis-habisan dengan pihak kementerian dan telah pun dibuka untuk tender terbuka untuk kedua-dua lantikan konsultan dan kontraktor. Kita harap kerajaan memberikan priority buat follow up (dengan izin) supaya projek ini berjalan. Yang keduanya, ialah penggantian jabatan Manjalara di Jalan Putra dekat dengan Pasar Kampung Berjaya.

Yang telah pun selesai reka bentuk, kita telah pun pilih reka bentuk yang sesuai dengan jambatan asal tahun 1960 itu dan dijadualkan tender pada ketika inilah. Kita harap kerajaan boleh buat follow up (dengan izin) khususnya EXCO Kerja Raya boleh buat follow up (dengan izin). Ambillah nama dekat dia pun takpa janji projek tu berjalan di Alor Setar ni.

Yang ketiga, ialah pembangunan semula pasar Kampung Berjaya yang juga telah dalam proses rundingan kita dengan pihak ICU, JPM. Yang dahulunya dihantar pelan kecil minta duit banyak kemudian akhirnya kita perbetulkan balik pelan yang sebenar dengan harga yang sebenar dan benda tu boleh dirundingkan dan saya yakin pihak JPM boleh membantu kita ICU, JPM boleh membantu kita untuk memberikan satu ruang keselesaan kepada penjaja dan peniaga di Alor Setar ni, kerana pasar di Kampung Berjaya bukan sahaja penting untuk peniaga tetapi juga merupakan satu lokasi tarikan pelancongan. Dan yang terakhir ialah saya ingin merakamkanlah atau menzahirkan kekecewaan kita apabila hari ini dalam urusan, urusan melantik Speaker ni kita. Kita mengabaikan konsep yang disebut dalam ini walaupun seperti dibahaskan tadi. Tidaklah sebut kena beri notis dan akhirnya semua orang boleh terima tidak perlu bagi notis satu hari. Tetapi, akhirnya untuk mencalonkan seorang nama oleh mana-mana 36 ADUN ni masih memerlukan satu hari notis.

Jadi, akhirnya kalau tuan-tuan yang pernah mengaji agama ni kita tau lah. Untuk melakukan sesuatu perkara ni wajib dan kewajipan tadi menjadi wajib kena dilaksanakan akhirnya bagaimana nak dapatkan satu hari kalau tidak ada makluman satu hari. Yang kedua, prisnip yang saya ambil kira di sini walaupun tidak disebut tadi ialah prinsip rahsia kerajaan. Ini satu contohlah, banyak lagi contoh yang lain tentang rahsia kerajaan bagaimana kita bila mengangkat sumpah kita kena menjaga rahsia kerajaan.

Jadi, kalaupun kita dah dapat maklumat kekosongan Speaker tapi kita tak maklumkan secara rasmi kepada kawan lain. Kita dianggap tidak tahu maklumat tersebut, melainkan pada harinilah baru kita dimaklumkan kalaupun ada orang boleh sebut lebih awal, buat kenyataan dalam surat khabar, sebut pula siapa akan jadi Speaker. Siapa akan jadi Timbalan Speaker pada 16 Ogos, tapi masih lagi benda tu menjadi rahsia kerajaan yang tak sepatutnya disebut dan saya harap benda tu dikembalikanlah sebagai satu hak yang saya ingin merekodkan rasa kurang selesalah. Walaupun, akhirnya tidaklah ada masalah pun. Tuan Speaker ni pun adalah Tuan Speaker yang kita dah kenal lama dah dan kita tau kebolehan, kemampuan dia dan dia tak patut takut kalah pun. Tapi bagilah proper (dengan izin) dari segi channelnya (dengan izin) dan akhir sekali.

Barulah yang akhirnya ialah tentang perkataan mandat tu lah. Mandat rakyat Mei 2018 ialah bagaimana gabungan ataupun pendirian mana-mana parti, kalau gabungan Pakatan Harapan memang semua tu Pakatan Harapan bertanding dapat 18 kerusi. Semua Barisan Nasional bertanding dapat 3 kerusi. Semua PAS bertanding dapat 15 kerusi. Akhirnya mandat ialah 18, 15, 3. Jadi, janganlah duk kira pecahan balik sebab masa tu tak pernah bersatu pun untuk bergabung macam mana, melainkan yang bergabung tu adalah Pakatan Harapan. Jadi, Tuan Speaker sekali lagi saya mohon merakamkan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam merasmikan Sidang Dewan ini dan mohon menyokong. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Suka Menanti. Harap EXCO-EXCO tu catitlah apa yang, yang ditimbulkan oleh ADUN-ADUN esok penggulungan, tolong setiap EXCO yang terlibat dengan cadangan, usul tu, kena respon esok jadi take note. Seterusnya, sebelah sini, ada sorang lagi, Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum w.t.h, dihormati Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan EXCO Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, para pegawai yang dikasihi sekalian. Terdahulu syukur kerana pada hari ini kita dapat untuk berada di dewan yang mulia ini antaranya adalah untuk membahaskan ucapan titah Tuanku Sultan dan saya juga ingin untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jitra atas tugas dan juga usaha yang telah dilakukan sepanjang menjadi menteri besar sepanjang 25 bulan yang lalu.

Dan juga ucapan tahniah atas perlantikan Yang Berhormat Speaker dan juga Timbalan Speaker yang baru dan juga Ahli Dewan Negara yang baru dipilih sebentar tadi. Yang Berhormat Speaker, berdasarkan titah ucapan Tuanku memperlihatkan keprihatinan dan kasih sayang Tuanku kepada rakyat dan juga negeri Kedah ini. Sepanjang ucapan tersebut kita boleh mengira bagaimana disebut sebanyak 16 kali perkataan COVID-19. Suatu perkara yang sedang membelenggu kita pada hari ini. Dan hari ini kita memberikan ucapan wakil-wakil semuanya pasti akan menyebut tentang pandemik ini.

Yang Berhormat Speaker, apa yang disentuh di muka pertama lagi oleh tuanku sultan ialah berkaitan tanggungjawab pemimpin dalam melaksanakan amanah, adil mestilah dilihat adil, bukan sekadar dengan kata-kata sahaja. Nabi S.A.W. memberikan peringatan "*La Imana Liman La Amanata Lah"*, tidak diakui, tidak sempurna iman seseorang yang tidak ada sifat amanah. Saya yakin air mata yang telah pun banyak mengalir daripada kelopak mata Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah jujur daripada hatinya. Menyelami kesusahan rakyat kerana hidupnya juga daripada rakyat biasa, lahir daripada keluarga yang pernah mengalami hidup perit membesar di dalam hutan di dalam sungai tentunya akan juga menyelami keperitan yang ditanggung oleh rakyat sekarang ini. Lebih-lebih lagi di waktu covid-19 ini. Dengan apa yang disebut sebagai negeri Kedah tempat orang kaya berbakti, tempat orang miskin bertumpang berteduh. Moga-moga dengan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan turun ke daerah-daerah mengadakan mesyuarat Kerajaan Negeri di daerah-daerah walaupun tidak sampai seratus hari diberikan amanah sebagai Menteri Besar moga-moga dapat untuk menyelesaikan dengan segera dan pantas keperluan yang ada di setiap daerah InsyaAllah.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin berpesan di pihak kami yang sekarang berada di pihak kerajaan dan juga sahabat-sahabat yang duduk di blok pembangkang bahawa semua kita dipikulkan dengan satu amanah tetapi amanah lebih berat lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan EXCO. Peringatan untuk saya dan juga sahabat-sahabat diblok kerajaan ini supaya memerhati dan juga membantu sahabat-sahabat agar mereka menunaikan tanggungjawab. Tidak terpegun dan terliur dengan jawatan dan juga kekayaan atau pun peluang-peluang untuk mengkayakan diri, kerana, itu adalah sesuatu yang pernah Nabi S.A.W. sebut. Apabila umatku melakukan 15 perkara *"Halla Bihal Bala'",* maka, layaklah umat itu untuk ditimpa bala.

Pertama, Nabi sebut *"Iza Kanal Maghnamu Duwala"* apabila kekayaan negara atau pun negeri itu berlegar pada orang tertentu sahaja. *"Wal Amanatu Maghnama"* dan amanah itu menjadi sumber kekayaan dengan jawatan yang dipikulkan. Bukan peluang untuk menambah kekayaan, menambah kekuasaan tetapi peluang untuk mendapat pahala dan beroleh syurga di akhirat nanti. Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah ketua yang akan mengetuai kami, untuk sampai dan juga memasuki syurga di akhir nanti. Moga-moga Yang Amat Berhormat sentiasa ingat dan juga membantu kami untuk sampai ke tempat yang mulia yang diharapkan itu. Kalaulah saidina Umar R.A. apabila dia ingin untuk melantik seseorang sebagai gabenor, dia akan mengaudit terlebih dahulu harta orang yang dicalonkan untuk menjadi gabenornya. Banyak mana yang ada dan setelah mana habis tempoh sebagai gabenor diaudit lagi bahkan ada peristiwa Saidina Umar memanggil ketika mana gabenornya itu sedang bertugas apabila mendapat khabar bahawa ada pertambahan kekayaan harta yang dimiliki oleh gabenor. Itulah sikap yang sepatutnya juga ada pada pimpinan baru kerajaan Kedah pada hari ini. Moga-moga sahabat-sahabat di pihak kerajaan tidak mengambil peluang bahkan menjadi peringatan bahawa itu adalah sesuatu yang menyebabkan amanah akan terburai dan menyebabkan urusan menjadi sukar ketika mana kita di akhirat nanti.

Yang Berhormat Tuan Speaker, kesan daripada Covid-19 kita boleh melihat dalam tempoh beberapa bulan bagaimana rumah tangga ada yang goncang bahkan punah di tengah jalan akibat daripada pandemik ini. Bagaimana pasangan tidak dapat menerima, pasangan yang sorang lagi tidak mempunyai kerja, dibuang kerja, tidak ada pendapatan, rumah tangga menjadi suatu bebanan yang besar dan itulah yang kita tengok sekarang. Walaupun ada kenyataan bahawa tempoh itu menyebabkan ramai ibu-ibu yang hamil kerana disebabkan dikuarantin.

Walaupun ada juga kebaikkan di sebalik pandemik tersebut, bagaimana seorang isteri dapat mengetahui tahap ilmu agama suaminya, boleh baca Quran atau pun tidak, berani jadi imam atau pun tidak, dan sampai boleh baca khutbah raya haritu ka dak. Semuanya itu ada hikmahnya, walaupun kesannya juga besar yang bersifat negatif, tapi, satu perkara yang sedang berlaku sepertimana kajian yang dibuat di luar negeri dan itulah juga yang disebut berlaku dalam negara kita walaupun tidak diuar-uarkan. Bagaimana tempoh Covid-19 ini satu perniagaan yang tidak mencatatkan kerugian adalah perniagaan yang berbentuk lucah. Video-video lucah telah digandakan tempahannya terutamanya di luar negeri dan juga kita yang ada di Malaysia ini.

Moga-moga Allah S.W.T lindungi kita, dengan agama kita membangunkan negeri ini, ini Kedah yang sepatutnya telah pun diletakkan sebagai negeri pertama menerima islam.

Saya mohon kepada EXCO agama untuk menggerakkan satu usaha supaya unsur-unsur dan juga faktor-faktor yang menjadi punca kemungkaran berlaku di dalam negeri kita dapat untuk dikenal pasti dan dibenteras kerana ia adalah punca pandemik ini akan berterusan. Rakyat juga akan hidup dalam keadaan merana kerana maksiat dan dosa itu menyebabkan orang akan hidup dalam tanpa rahmat Allah S.W.T. Saya mungkin boleh mencadangkan agar pihak EXCO agama berkerjasama dengan NGO-NGO yang ada keprihatinan walaupun mungkin mereka tidak mengetahui selok-belok SOP untuk membenteras kemungkaran tapi mungkin boleh berbincang untuk memastikan negeri kita ini bersih daripada punca-punca yang menyebabkan bala ini berterusan.

YB. TUAN SPEAKER

YB.Tanjung Dawai, ada nak minta mencelah.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Ya, silakan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ok. Terima kasih, YB. Tanjung Dawai. Terima kasih Tuan Speaker. Tadi ada disebutkan tentang NGO. Jadi, saya nak bertanyalah pada YB Tanjung Dawai. YB Tanjung Dawai bersetuju atau pun tidak sekiranya Malaysia Against Pronografi sebuah NGO untuk masuk ya ke sekolah-sekolah. Kalau sebelum ini masa saya menjadi EXCO pembangunan insan sumber manusia, sebelum ini NGO ini Malaysia Against Pronografi ni masuk sehingga ke 200 buah sekolah ya untuk menyampaikan mesej tentang supaya kanak-kanak, pelajar kita tidak terlibat dengan pronografi. Jadi, adakah kerajaan yang baru ini bersedia ya untuk membenarkan NGO ini untuk memasuki, kalau sebelum ini kami sebenarnya target untuk masukkan ke sekolah agama pula, sekolah agama di Kedah ini untuk Malaysia Against Pronografi ini masuk beri penerangan tentang masalah-masalah yang kepada pelajar-pelajar kita. Terima kasih.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih, Kota Siputeh. Bersedia atau pun tidak insyaallah akan dijawab oleh EXCO, tapi yang baik insyaallah dapat sokongan. Berkaitkan dengan NGO-NGO ini kerana di kawasan ini saya tidak pasti, tapi, di Kuala Muda ada NGO-NGO yang aktif tetapi bagi saya mereka kadang-kadang terlajak tapi mereka punya semangat untuk membantu. Mungkin ada kerjasama yang boleh dilakukan. Dan tempoh Covid-19 ini antara perkara yang boleh untuk saya sentuh ialah bagaimana ujian besar terhadap orang umat islam di Kedah terutamanya yang sebelum ini memprotes Jabatan Agama, memprotes Jabatan Mufti konon-kononnya menyekat untuk sembahyang jemaah, sembahyang Jumaat. Tapi, bila diizinkan untuk sembahyang Jumaat, tak penuh pun masjid. Tak pi penuh pun, sebelum diizinkan tu mengamuk, goncang pintu masjid pun ada, tapi bila diizin tak nampak muka pun. Jadi, satu yang saya nak sebut ni ialah kesan daripada Covid-19 ialah orang Islam terutama di Kedah ini pada hari Jumaat seolah-oleh mereka lupa ada kewajiban sembahyang Jumaat. Pasai apa, mereka kata masjid ada had tertentu bagi hat boleh pi jelah. Kalau lebih tu tak boleh masuk dah. Dia jadi satu keringanan untuk melaksanakan kewajiban itu. Dan saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri yang baru mengumumkan.....(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Minta laluan ya, laluan.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Ya, silakan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Mungkin ada di antara....

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker. Tuan Speaker, minta laluan. Mungkin ada di antara masjid-masjid yang melaksanakan SOP yang akhirnya mereka-mereka yang hendak berjemaah, melakukan sembahyang jumaat tadi terpaksa meninggalkan masjid tersebut. Di antaranya adalah apabila sampai waktu orang dah masuk semua, dia kunci terus pagar. Sampai macam tu sekali, ada di antaranya yang apabila jemputan, ada masjid-masjid yang melakukan jemputan tetapi yang mai tu bukan jemputan, yang ini bukan semua masjid, tetapi ada masjid-masjid yang macam tu. Jadi, apabila nama tidak tersenarai dalam jemputan tu maka, dia tidak membenarkan. Jadi, adakah SOP-SOP ini yang perlu dilihat semula untuk memastikan bahawa akhirnya mereka yang nak ke masjid itu apa ni dipastikan bahawa dia berada di masjid itu walaupun duduk di bawah. Ada masjid-masjid yang membenarkan sehingga duk bawah pun tak apa. Jadi, adakah pada pandangan Tanjung Dawai beberapa SOP yang agak ketat tadi yang akhirnya menjadikan mereka-mereka yang hendak hadir sembahyang jumaat itu tidak boleh berlaku.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih, Pengkalan Kundur. Bagi saya bergantung kepada pihak berkuasa masjid. Contoh baru-baru ini dalam mesyuarat peringkat daerah, keselamatan peringkat daerah, OCPD Kuala Muda memuji tindakan Masjid Andalusia Sungai Petani, Bandar Laguna Merbok yang mengikut SOP yang bagi memastikan keselamatan jemaah. Tapi ada masjid-masjid yang contoh di kampung-kampung yang biasanya tidak penuh pun waktu sembahyang jumaat.

Jadi, ada masjid contoh dalam masa di zon kuning sekarang ini yang tidak dibenarkan untuk sembahyang jumaat contohnya, atau pun untuk dilakukan aktiviti-aktiviti sepertimana biasa. Di luar daripada zon kuning ada juga masjid yang mengambil sikap berpendirian untuk mengikuti SOP yang sama demi keselamatan. Jadi bagi saya, itu bergantung kepada pihak masjid itu sendiri. Jadi kalau Bandar Laguna Merbok, Masjid Andalusia itu dia dengan penduduk yang ramai, dia perlu untuk mengambil nama, tapi di masjid mungkin tidak sampai ke peringkat mengambil nama untuk sembahyang jumaat.

Yang kedua, ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan pendidikan yang juga terkesan dengan Covid-19 ini. Bagaimana kesannya sepertimana di WEF sebut bahawa sekitar 1 billion pelajar-pelajar peringkat rendah dan juga menengah di dunia ini tidak dapat untuk meneruskan pengajian seperti biasa.

Beralih kepada pengajian di rumah tetapi apa yang berlaku ialah dengan kekurangan dan juga kelemahan di sudut fasaliti yang ada menyebabkan pembelajaran di rumah itu ada tidak dapat dilaksanakan sepertimana yang dikehendaki. Jadi, sebahagian sahaja waris atau kawasan-kawasan tertentu yang boleh melaksanakan pembelajaran di rumah. Kalau di kampung payah la nak dapat untuk mengaji dengan sebab internet apa semua. Saya minta supaya Kerajaan Negeri supaya Exco bahagian telekomunikasi dapat untuk berbincang bagi memastikan internet di kawasan-kawasan yang slow, yang lembab dapat dipertingkatkan kualitinya bagi memastikan pembelajaran di rumah itu dapat dilaksanakan. Hari ini, kita melihat bagaimana pendidikan telah pun dimulakan kembali, tapi dalam tempoh itu mak ayah dapat belajar banyak.

YB. Tuan Speaker, belajar macam mana yang sebelum ni mungkin mak ayah komen yang bukan-bukan kepada guru pendidik. Tapi, bila mereka duduk di rumah dikuarantin dengan anak-anak mereka terpaksa untuk mengurus pendidikan sendiri di rumah. Mereka nak mengamuk baru mengajar anak sendiri dua, tiga orang, tu pun mengamuk dah. Tak boleh nak bayang macam mana guru boleh kawal dalam kelas 30, 40 orang. Waris dapat pengajaran besar dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, keprihatinan kepada pondok-pondok dan sekolah agama rakyat yang kakitangannya juga terjejas teruk kerana pendapatan daripada sekolah agama rakyat dan pondok terputus akibat daripada Covid-19 yang bergantung dengan sumbangan dan juga yuran yang sedikit atas keprihatinan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri. Alhamdulilah bantuan telah pun diberikan kepada sekolah-sekolah agama iaitu guru-guru dan juga guru pondok.

Yang ketiga, berkaitan dengan air. Biasa perkara yang saya sebut, saya ucap ribuan terima kasih atas keprihatinan kerajaan dan juga khusus kepada Exco air yang telah pun turun berapa kali ke Merbok khususnya di Tanjung Dawai berani berdepan dengan penduduk di Taman Lembah Bujang fasa IV. Berdepan di surau fasa IV mendengar keluhan, suatu perkara yang bagi saya patut dan wajar dipuji dan apabila Yang Berhormat Dato' Exco pergi melawat empangan ataupun di tupah. Bawa sekali dengan orang-orang kampung, penduduk untuk melihat sendiri realiti yang ada di tupah supaya mereka mengetahui dan mengerti tentang permasalahan yang berlaku sekian lama dan saya harap moga-moga seperti mana yang disebutkan oleh pihak sana tentang projek-projek lima projek loji rawatan air. Termasuklah di Bukit Selambau untuk menyelesaikan air yang di Merbok terutamanya Tanjung Dawai dapat dilaksanakan. Tidak ada kajian demi kajian yang akhirnya menyebabkan masa terbuang dan kos duit pun juga akan dibazirkan.

Cukup dan memadailah dengan kerugian yang ditanggung oleh SADA sebelum ini. Rugi macam mana, hantar air, air percuma tanpa dapat bayaran. Terpaksa sewa lori pula berbagai kewangan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi menghantar air kepada pihak-pihak yang terjejas akibat daripada masalah air di Tanjung Dawai. Jadi, saya mohon moga-moga projek yang telah pun disebutkan akan dilaksanakan serius pihak Kerajaan Negeri akan melaksanakan dan seperti mana yang diuar-uarkan paling lewat pada 2023 masalah itu dapat diselesaikan doa-doa, moga-moga Kerajaan Negeri dapat menunaikan apa yang dijanjikan itu insyaallah.

Yang keempat, yang terakhir ialah berkaitan dengan pencemaran udara sepertimana dimaklumi juga berapa bulan yang lalu yang berlaku di Semeling. Tapak perlupusan sampah di Semeling yang merupakan antara tapak perlupusan yang besar menyebabkan pencemaran udara yang cukup kritikal sedangkan kawasan itu ada universiti dua buah, sekolah-sekolah rendah dan menengah yang banyak. Taman-taman perumahan yang juga banyak, tapi sangkaan saya ingat kot tapak perlupusan itu telah pun ditutup. Rupa-rupanya masih lagi dibuka, saya mohon supaya Kerajaan Negeri dapat untuk membuat satu fungsi bagi menyelesaikan keluhan rakyat berkaitan dengan pencemaran udara di Semeling ini, yang mengikut seperti mana jawapan yang diberikan kepada soalan bertulis saya bahawa operasi untuk pemadaman pembakaran yang berlaku di tapak perlupusan sampah Semeling itu kos yang ditanggung hampir 2 juta ringgit telah pun dibelanjakan. Hampir 2 juta ringgit. Tetapi masalah itu masih lagi berlaku sehinggakan bau busuk asap itu sampai masuk di DUN Guar Chempedak, di Singkir. Sampai ke Singkir. Jauh, Singkir, Singkir. Jadi, terbaru dua hari lepas bila saya turun ziarah orang di Bedong. Mereka menyebut bahawa bau busuk itu masih lagi ada, asap juga masih lagi ada.

Jadi, saya mohon daripada pihak Kerajaan Negeri dapat untuk menyelesaikan dan tidak sewajarnya tapak itu dikekalkan dan perlu untuk dipindah ke kawasan yang lain. Saya mohon untuk berhenti dan terima kasih di atas peluang yang diberikan jadi tak mau cakap panjang.

YB. TUAN SPEAKER

Sengaja Speaker tak mau berenti, biar dulu.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Jadi, saya menyokong Usul Titah Ucapan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku, sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, YB. Tanjung Dawai. Saja saya bagi lebih 5 minit, dia terlajak sendiri. Sekarang, kita nak minta doktor dulu. Nak ambik berapa minit ni?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, sat-sat pendek. Dalam 15 minit lebih kurang.

YB. TUAN SPEAKER

Saya bagi 20.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Alhamdulillah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah. Rakan-rakan EXCO, rakan-rakan ADUN, pihak kerajaan, tuan-tuan, puan-puan yang dirahmati Allah S.W.T. sekalian. Yang pertama, saya melahirkan rasa syukur kerana diberi peluang untuk sama-sama berbahas dalam perbahasan titah atau pun usul menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dalam titah ucapan di dewan yang lalu saya akan menyentuh beberapa perkara terutamanya dari segi ucapan atau pun titah tuanku pada titah yang lalu, pada dewan yang lalu. Pada umumnya tuanku menyentuh tiga perkara di awal-awal titah dalam berkait dengan satu sifat iaitu sifat amanah, bertanggungjawab dan jujur, dan pada bahagian yang kedua adalah berkait dengan apa-apa juga yang berkaitan dengan Covid dan pada diakhirnya adalah berkaitan dengan projek-projek yang ekonomi.

Jadi, saya akan menyentuh satu sahaja iaitu yang pertama iaitu satu sifat yang mesti ada semua orang. Tuanku bertitah dan sifat itu sangat penting yang semestinya ada pada setiap kita. Dalam satu ayat dalam teks yang kita sama-sama baca pada pagi ini, “beta menyarankan agar amanah rakyat tidak dipersiakan, janganlah ia dicemari dengan kepentingan peribadi melebihi kepentingan rakyat”.

Jadi, sifat yang saya sebut tadi ni amanah lawannya khianat, amanah lawannya khianat dan sifat ini mesti ada pada setiap individu. Amanah pada diri sendiri, cuba bayang kalau kita tidak amanah pada diri sendiri. Kita mesti beramanah pada diri sendiri, beramanah tidak mengkhianati diri sendiri. Contoh, kalau kita ada penyakit contoh kencing manis, adalah sukar untuk kita nak regularise kita untuk kita setiap hari makan ubat dua kali sehari contohnya. Lalu kita selang-selang sehari ataupun dua, tiga hari sekali kita ambik ubat. Maka kita mengkhianati diri kita, kita tidak beramanah pada diri kita, lalu akhirnya dia berenti di mana, dia berenti kerat kaki.

Jadi, kesan daripada tidak amanah tadi adalah kesan pada diri sendiri. Dan sudah tentu apabila pada diri sendiri sifat amanah ini mesti ada, maka inilah juga sifat yang mesti ada dalam masyarakat, mesti ada dalam kawasan yang lebih besar. Apatah lagi pada ahli-ahli politik yang bertanggungjawab langsung kepada rakyat. Dan saya mahu kaitkan dengan amanah ini lagi sekali sebab ini merupakan perkara yang sangat asas. Tidak pernah berlaku dalam negeri kita tapi berlaku pada kali ini. Itu amanah yang diberikan oleh rakyat, saya kira Sungai Limau tadi telah dijawab, bukan dia kira seorang-seorang macam tu tapi amanah itu diberi kepada parti yang dia wakili. Sebab sistem kita macam tu, first pass the post (dengan izin). Jadi, sistem kita macam tu, maknanya amanah yang diberi haritu ni adalah amanah yang diberikan kepada Pakatan Harapan untuk memerintah dan kalau katakan lemah sangat pun maka amanah ini rakyat telah faham secara konvensialnya. Secara biasanya, rakyat faham bahawa amanah ini adalah untuk lima tahun. Kalau teruk sangat, maka selepas 5 tahun rakyat akan ubah pasai apa, rakyat faham dah amanah ini lima tahun. Tapi, apa yang berlaku adalah dia tidak berlaku macam tu, amanah yang rakyat faham lima tahun ini akhirnya telah dirampas di tengah-tengah jalan. Bagi saya laju sikit. Baru masuk gear 3.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Nak. Nak. Nak tanya la. Sebelum pi gear terus, saya nak potong payah pula kan. Adakah yang berhormat setuju.

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Speaker!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya. Yang Berhormat Tuan Speaker. Nak tanya Pengakalan Kundur setuju, peralihan ini sebenarnya dia bukan bermula di perigkat negeri. Tapi bermula bila perletakkan jawatan Perdana Menteri, kemudian barulah beralih sampai harini pun. Jitra masih taktau lagi sama ada duk dalam Pakatan Harapan ataupun sebelah parti lain sebab Pejuang parti baru kan. Jadi, tadi tanya dia kata macam mana yang sebelah sana pun taktau lagi nak pi kot mana. Sokong Port Dickson ataupun sokong Langkawi. Ya, terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sungai Limau selalu cuba membawa, mengalih pandangan supaya apa yang saya hujah itu dapat dipertikaikan. Kita balik kepada peralihan kuasa daripada Perdana Menteri Tun kepada apa ni Paklah Badawi. Berubah. Tetapi kerajaan tidak berubah, juga daripada Paklah kepada Najib. Berubah tak kerajaan, tidak berubah. Berlaku dak peralihan Perdana Menteri. Berlaku. Pasai apa tak berubah, pasai tidak ada orang lompat. Pasai tidak ada orang khianat. Berlaku perubahan baru ni sebab kalau katakan Tun yang meletak jawatan tapi selepas tu. Ok ahli-ahli parlimen kata kita beri mandat rakyat, rakyat telah memberi mandat selama 5 tahun untuk mereka menguruskan, maka ahli-ahli parlimen dalam kerajaan Pakatan Harapan bincang. Bincang akhir-akhir sekali katakan Gurun naik Perdana Menteri, tapi ini tidak berlaku macam tu sebab berlakunya lompat tadi yang mengkhianat mandat rakyat tadi. Jadi, saya kira dewan hari ini jelas bahawa bukan isu letak jawatan. Kedah letak jawatan tak. Dak. Pasaipa Kedah jatuh. Jitra letak jawatan?, dak. Jatuh sebab ada orang lompat. Sebab majoriti hilang dan kami menghormati satu lagi perundangan yang apabila hilang majoriti maka kami jatuh. Maka, kami hormati itu. Saya tak pertikai itu, tapi harini saya bercakap tentang satu sifat iaitu amanah.

Khianat, dan saya nak kita sama-sama maklum dalam Quran sebut puluhan kali ayat yang berkait dengan amanah. Dalam hadis saya ingat, ribuan hadis atau pun ratusan hadis yang menyebut tentang sifat amanah. Jadi, kalau saya boleh baca dua harini. Maksudnya, adalah, hadis yang pertama adalah dari al-bukhari dan muslim, yang dua dari Imam Ahmad, yang pertama dari Abu Hurairah r.a., Nabi s.a.w beliau bersabda “tanda orang munafik ada 3, iaitu apabila bercerita atau berbicara dia berdusta, apabila berjanji dia mungkiri dan apabila dia diberi amanah dia khianat”. Hadis yang kedua dari Anas Bin Malik r.a. Nabi s.a.w. tidak berkhutbah pada kami melainkan beliau bersabda “tidak ada iman bagi orang tidak memiliki sifat amanah dan tidak ada agama bagi orang yang tidak menepati janji”.

Jadi, sifat yang sangat penting ini setelah tuanku bertitah hanya sebulan, bulan 4, 16 April, bulan 5 selepas lepas tu bagaimana kita melihat wakil-wakil rakyat tadi tidak melakukan amanah. Mengkhianati mandat rakyat dan akhirnya, dengan khianat mandat rakyat itu maka berubah kerajaan. Jadi, inilah sifat yang patut ada.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Minta laluan, Speaker.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Silakan

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

YB. Pengkalan Kundor, saya ingin bertanya. Komen YB. Pengkalan Kundur dengan tindakan yang pernah dirancang oleh Ketua Pembangkang sekarang di Parlimen untuk projek 16 September 2009 dulu?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya serahkan kepada rakan-rakan kita untuk menjawab. Jadi, saya kira jelas pada kali ini adalah pertama kali dalam sejarah negeri Kedah berlaku perubahan kerajaan yang sudah tentu berpunca daripada sifat gelojoh ingin berkuasa melakukan khianat terhadap mandat rakyat dan saya kira rakyat mesti faham ini. Kalau pun nak kerajaan, tunggu 5 tahun kerana mandat rakyat 5 tahun dan saya kira rakyat telah faham apa yang berlaku dan kita rasa dalam pilihanraya yang akan datang rakyat akan menilai apa yang kita buat pada hari ini.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Pengkalan Kundor, izinkan saya mencelah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Izinkan saya beri kepada rakan, YB. Jitra dulu lepas tu YB. Kuala Ketil.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Tuan Speaker dan Yang Berhormat Pengkalan Kundor, setuju ke tidak Ahli Yang Berhormat bahawa sepertimana yang termaktub dalam

undang-undang tubuh Kerajaan Kedah iaitu perkara 37(6) yang mana dinyatakan jika Menteri Besar itu tiada lagi dipercayai oleh kebanyakan Ahli-Ahli Dewan Negeri, maka ketika itu melainkan dengan permintaan raja pemerintah memansuhkan Dewan Negeri, hendaklah dia pinta berhenti Majlis Mesyuarat Kerajaan. Perkara yang lebih kurang sama termaktub juga dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana Perdana Menteri juga sekiranya beliau tidak lagi menikmati sokongan majoriti dalam dewan rakyat seharusnya meletak jawatan. Dan itulah yang telah berlaku kepada Ahli Parlimen Langkawi apabila sehari sebelum beliau mengeluarkan surat perletakan jawatannya, berlaku apa yang dikenali sebagai "Langkah Sheraton", di mana saya tak ingat lebih kurang 120 mungkin, Ahli-Ahli Parlimen daripada UMNO, PAS dan dicampur pula lagi sebahagian daripada PKR, daripada BERSATU, yang berhimpun di Hotel Sheraton tersebut dan diwar-warkan kepada media bahawa Kerajaan Pakatan Harapan sudah tumbang. Maka itu sebabnya YB. Langkawi telah mengeluarkan surat perletakan jawatan tersebut.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Kundor. Terima kasih beri pulang untuk saya bertanya pendapat YB. Pengkalan Kundor. Tadi YB. Pengkalan Kundor ada menyatakan bahawa Tuanku ada menitahkan tentang jujur dan amanah. Sebulan selepas tu berlaku pengkhianatan. Jadi, saya ingin nyatakan sini bahawa pelantikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri juga direstui oleh Tuanku Sultan dan diproses jalan dengan lancar, baik. Adakah itu juga menyatakan bahawa Tuanku Sultan juga tidak setuju ataupun Yang Berhormat juga tidak setuju dengan keputusan Tuanku Sultan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya jawab yang YB. Kuala Ketil dulu. Dari awal saya menyebut kita menghormati dan kita tidak pernah pertikai dan itu juga wujud dalam peruntukan undang-undang. Apabila hilang majoriti, masuk kepada YB. Jitra, maka dia hilang majoriti, beliau tidak lagi berhak untuk memerintah sebab dia hilang majoriti. Tapi, dalam proses nak hilang majoriti itu yang saya pertikaikan, saya tak pertikai lantikan Menteri Besar sekarang. Itu lantikan yang sah. Lantikan yang sah ikut perundangan tapi proses sebelum itu, itu yang saya sebut tadi. Jadi, saya kira kita dah faham bahawa inilah kerajaan yang ada pada hari ini, kerajaan yang sah. Tapi....(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HJ. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya juga ingin.....(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tuan speaker....

YB. DATO' IR. HJ. PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Lantikan.... eh! Yang Berhormat Speaker, ya. Adakah Yang Berhormat Pengkalan Kundor setuju, kalau tidak dihentikan amalan lompat, sekarang berlaku di Sabah. Sekarang ni, dah berlaku dah di Sabah. Semua kita tau, bagaimana kes lompat ni, awat dia pi 'free' (dengan izin), tak 'free' (dengan izin). Tak 'free' (dengan izin) pergi lompat-lompat ubah parti tu. Dah isytihar dah kata ada majoriti bawa pergi ke Ketua Menteri. Bawak ke pihak yang dapat majoriti tu kata nak bawak mengadap. Ketua menteri pergi dulu, ni politik akhirnya berlaku satu pilihan raya. Apa ni ketua terima? Adakah Yang Berhormat bersetuju amalan ini, kita nak terus kita bersabarlah yang sepatutnya. Adakah kita bersetuju bahawa amalan ini akan diteruskan pada masa hadapan? Dengan masa sekarang pun, Yang Berhomat Jeneri baru duk Menteri Besar, duk dua, tiga bulan lagi dah lompat pula. Setuju ka dak, tak setuju kan? Macam mana baru duduk ja ni dah pakat lompat pula. Atas sebab-sebab tertentu bolehkah kita terima? Saya pun tak boleh terima, tak. Jadi, minta hurai sikit masalah ini supaya pakat-pakat faham. "We should stop". Adakah setuju?

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Yang berhormat.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Berbalik, Ya.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Nak tambah sikit boleh tak? Sikit ja, nak tambah yang tadi. Tadi kita bercakap mengenai lompat-melompat, saya nak sentuh mengenai apa sebabnya lompat. Tambah kita lihat di peringkat Persekutuan, lantikan yang diberikan kepada mereka-mereka yang melompat tadi, ada yang dilantik jawatan Menteri, Timbalan Menteri, GLC dan sebagainya.

Di peringkat negeri mungkin ada juga latikan Exco Kerajaan Negeri dan sebagainya, kita tak pasti. Tapi, setuju ke tidak yang berhormat sekiranya kita minta SPRM untuk menyiasat, kita nak supaya kerajaan yang ada ni kewibawaannya tak dipertikaikan. Kita nak supaya tidak ada rasa sangsi atau buruk sangka.

Jadi, kalau kita minta SPRM untuk siasat kalau ada apa-apa habuan yang diterima contohnya ya. Maka itu boleh dianggap sebagai satu kesalahan yang mana menyebabkan sebuah kerajaan di gulingkan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya sangat bersetuju temtation ataupun dia punya apa dugaan, kepada untuk dia mengkhianati mandat tadi. Maka, habuan-habuan, maka kita sangat bersetuju untuk SPRM masuk dan melihat kepada semua tadi apakah punca yang menjadikan dia mengkhianat. Ataupun dia khianat pasal tiada habuan pun, tapi nak kuasa, khianat juga. Khianat, khianat pelbagai peringkat yang saya sebutkan tadi. Jadi, saya juga bersetuju dengan Pengkalan Kundor supaya mengkhianati ini tidak boleh berlaku.

YB. TUAN SPEAKER

Bersetuju dengan siapa?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pengkalan Kundor pula. Alor Mengkudu.

YB. TUAN SPEAKER

Ooo..Alor Mengkudu.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Alor Mengkudu pasal, pasal saya tunjuk contoh tadi bahawa khianat pada diri pun tak boleh. Khianat tak makan ubat kencing manis pun tak boleh. Dia khianat diri dia. Apatah lagi khianat dalam bentuk besar. Jadi, sebab tu kita nak supaya, saya sangat bersetuju dengan cadangan-cadangan supaya ada satu peruntukan undang-undang. Kita manusia ni sangat terhad. Ada undang-undang yang untuk mengawal, kalau nak perintah dengan apa ni dengan mandat teruskan. Walaupun, ada kelemahan, teruskan sebab itu mandat. Saya nak pendek sebab saya rasa Tuan Speaker pun tengok jam, itu yang pertama.

Yang kedua, saya nak kembali kepada bagaimana kita sebagai sebuah kerajaan, apa yang berlaku setengah jam, mungkin sejam dalam perlantikan Speaker tadi adalah sesuatu yang sangat tidak manis, sangat tidak teliti, nah.

Kami menerima peringatan melalui Whatsapp pada hari bulan. Peringatan tentang dewan ni. Dan aturcara-aturcara dia, aturan mesyuarat dan seumpamanya. Tetapi secara khusus berkenaan dengan speaker itu tidak dinyatakan. Ini dalam perkara 41 yang kita perbahaskan tadi ni, perkara yang boleh kita perbahaskan. Jadi, kalaulah pihak kerajaan lebih teliti, lebih cermat, lebih prihatin mengikut satu-persatu, maka, tak timbul benda tadi. Tak timbul, tak timbul perbahasan yang kita pertikaikan tadi. Maknanya, maklum kepada ahli-ahli dewan bahawa telah ada perletakkan jawatan Speaker dan kalau ada cadangan untuk mengusulkan Speaker, sila. Kalau ada sebegitu. Maka, benda tadi berlaku secara cantik, tapi bila tak berlaku cantik macam tu dan 41 itu boleh, boleh ditafsirkan dengan cara yang berbeza jadi macam tadi. Jadi, kita nak, kita tanak benda-benda ini berlaku di masa-masa hadapan.

Yang ketiga, saya sangat bimbang dengan halatuju Kerajaan Negeri apabila Jeneri ambil alih haritu, beberapa misi awalnya adalah seolah-olah menyatakan halatuju. Itu yang pertama, kita akan mengkaji semula untuk tebang hutan di Ulu Muda. Jadi perkara yang paling awal ini disebut dalam PC setelah menjadi Menteri Besar. Saya kira ianya sangat-sangat yang perlu kita beri titik berat sebab saya kira inilah halatujunya. Halatujunya seolah-olah hendak membuka semula. Setelah kerajaan Pakatan Harapan memberi jaminan kepada empat lebih juta kepada rakyat di zon utara ini supaya menikmati bekalan air yang cukup dari segi minum dan juga dari segi pengairan padi. Maka, tiba-tiba kita nampak. Jadi Jeneri akan jawab nanti. Seolah-olah dia nak membuka semula apa yang telah kita apa ni perketatkan, perjuangkan kepada rakyat dengan kita mencari sumber-sumber lain kepada Kerajaan Negeri melalui sumber-sumber apa ni yang berbeza.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Kundor. Saya ingin juga mohon penjelasan macam Pengkalan Kundor juga sebab dalam jawapan juga, dalam soalan tentang lesen pembalakan sejak Mei 2018 hingga Mei 2020 dijawab oleh kerajaan sebanyak 23 lesen pembalakkan dikeluarkan sejak Mei 2018 hingga Mei 2020. Jadi, hat tu zaman Pakatan Harapan mungkin ada pindaan dan sebagainya sebab ada lesen yang dikeluarkan. Jadi mohon juga penjelasan. Sila.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Jadi, yang seterusnya adalah hala tuju tadi lah. Hala tuju tadi kita nak supaya, kita akan bantu, kita pembangkang sifat kita bukanlah membangkang semata-mata, tetapi kita akan bantu dari segi tanggungjawab.

Saya tgok tanggungjawab dalam bola, bola, bola YB Jeneri. Bola sepak, bola sepak ni menjadi sukan dunia yang kita telah tahu, maka, saya melihat apa yang dihujahkan haritu ni seolah-olah lebih untuk nak persalahkan kita daripada nak menyelesaikan masalah. Jadi, kalau kita sikap begitu sudah tentu kita rasa sesuatu yang sangat tidak baik, dengan lebih menyalahkan orang lain daripada nak berusaha untuk menyelesaikan masalah. Jadi, kalau hala tuju, sikap, tanggungjawab yang ditunjukkan sebegitu daripada awal, maka, kita bimbang hala tuju mana negeri Kedah yang nak bawa. Setelah, dah la ambik separuh jalan, tidak ada manifesto dan seumpamanya, mentadbir secara itu pula. Jadi, saya rasa itulah perkara-perkara yang saya nak sebut. Jadi, saya tutup dengan satu ayat Quran yang juga berkait dengan amanah Innallah' Hayudafiu'fiu'anila'zinaa'manu Innallah'alayuhibbu'qulu Qawwa'min Kaffur "sesungguhnya Allah membela orang yang beriman, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang khianat, lagi tidak bersyukur". Jadi, saya menggambil peluang ini untuk juga menyokong usul, menjunjung kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Pengkalan Kundor. Kalau saya tak beri peluang kepada wakil rakyat DAP. DAP belum bercakap, dia duk perhati ja orang bercakap. Jadi, saya terfikir dan saya nak jemputlah wakil daripada Kota Darul Aman untuk cakap ikut suka panjang mana dia nak bercakap.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih, Tuan Speaker. Saya akan patuhi masa yang ditetapkan.

YB. TUAN SPEAKER

Saya bagi masa tak ni, dia nak katup pula. Ok silakan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Salam sejahtera, salam harapan, salam merdeka diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri. Ahli-ahli majlis mesyuarat, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan titah ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Sebelum membahas titah ucapan Tuanku Sultan, ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas-petugas perubatan kesihatan, polis, tentera, APM, KKM terutamanya mereka daripada barisan hadapan frontliners (dengan izin) dari sektor kerajaan, swasta, sukarelawan dan juga badan bukan kerajaan NGO atas jasa dan pengorbanan mereka ketika negara dilanda ancaman penularan wabak COVID-19. Tanpa mereka, penularan COVID-19 sudah tentu tidak terkawal malah berkemungkinan akan menjadi malapetaka besar kepada seluruh rakyat Malaysia. Saya berasa syukur dan amat berbesar hati dengan titah ucapan Tuanku yang telah memulakan asas yang penting di mana kepentingan, di mana pemimpin yang amanah akan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat di hadapan berbanding kepentingan diri sendiri.

Namun, apa yang rakyat Kedah saksikan beberapa bulan lalu adalah tidak sama dengan apa yang disampaikan oleh titah Tuanku kerana kepentingan diri sendiri melebihi kepentingan rakyat. Apabila kita melihat 6 ADUN di sebelah sana mencapai kesepakatan untuk membelakangi mandat dan nyawa rakyat. Menggulingkan kerajaan Pakatan Harapan. Sedapnya bila dengar ini ucapan dalam surat khabar “kami ada bot baharu yang mai, jadi kami ambil keputusan untuk naik bot tersebut”.

YB. TUAN SPEAKER

Dia kata kat Speaker pa.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Kami rasa ayat ni perlu diperbetulkan kerana lompat tetap lompat, apabila dua ‘jump’, empat ‘jump, thats why we change goverment’ (dengan izin). Tindakan naik bot baru ini seolah-olah kami sebagai rakan seperjuangan dikhianati kerana sebelum tukar kerajaan tiap-tiap hari boleh kita ramah mesra di hadapan.

Tapi, tiba-tiba ada agenda gulingkan kerajaan dari dalaman, dalam saat-saat krisis wabak COVID-19. Mereka sanggup gadaikan mandat rakyat yang diberi undi oleh ratusan ribu pengundi dan rakan seperjuangan demi mempertahankan jawatan EXCO dan GLC. Ini sesuatu amalan yang tidak patut kita contohi dan tidak dapat dimaafkan kerana mandat rakyat telah dikhianati. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian, berikutan peralihan kuasa Kerajaan Negeri, perancangan pembangunan negeri Kedah melihat insiden wakil rakyat lompat sana sini sehingga tubuh dan jatuh satu kerajaan. Saya ingin sarankan yang kat sana supaya berhati-hati sebab kita tak tau siapa kawan siapa lawan. Nanti lompat, jatuh pula kerajaan Perikatan Nasional. Tahun 1996 sehingga tahun 2020, tempoh 24 tahun kita tukar 8 kali Menteri Besar.

Maknanya purata survival rate survival period (dengan izin) seorang Menteri Besar Kedah hanya 3 tahun sahaja. Mungkin tak sampai 3 tahun lagi kita akan tukar MB lagi. Kerajaan baru naik, semua yang dibikin dulu reset semula. Pelan pembangunan Kedah 2035, yang dirangka kerajaan Pakatan Harapan dalam tempoh 24 bulan pemerintahan sudah tentu akan ubah juga. KXP yang baru-baru diumumkan oleh Menteri Pengangkutan merupakan satu contoh permulaan pembatalan yang akan berlaku. Macam mana kita nak maju kehadapan apabila kesinambungan dasar tiada dalam pentadbiran negeri. Kerajaan PAS atau dinamakan Perikatan Nasional, Muafakat Nasional memberikan naritif dengan slogan “Kedah Sejahtera, Nikmat untuk Semua” tak semestinya dapat tercapai sekiranya semua tak usaha gigih untuk membangunkan negeri Kedah yang semakin mundur berikutan politik yang kecoh dan COVID-19. Kita sebagai pemimpin negeri.

YB. TUAN SPEAKER

Kota Darul Aman, ada pencelahan

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Silakan.

YB. DATO’ JOHARI BIN ABDUL

Tuan Speaker, sudahkah Kota Darul Aman satu kajian telah dibuat di Thailand. Setiap kali berlaku rampasan kuasa di Thailand, kemajuan negeri Thailand berundur 20 tahun ke belakang. Jadi, maknanya setiap kali kerajaan baru naik, tentera ambil alih, dia undur lagi 20 tahun. Ini tidak pernah berlaku di Malaysia.

Oleh kerana pertukaran kerajaan sekarang ini, setujukah Kota Darul Aman dengan saya, kalau trend ini berterusan apa-apa juga kita kata the first time is already difficult (dengan izin), kali pertama sahaja yang susahnya. Macam orang kawin dua, tigalah. Yang pertama ok, yang kedua, ketiga tu dia terus la lepastu. Maknanya nak lepas kali kedua tu susah, tapi dalam kes ini kalau dilihat trend ini. Apa janji yang pilihanraya akan datang. Katakanlah sapa-sapa juga yang menang, majoritinya 3:4:5 akan berlaku berterusan dan kalau tidak ada undang-undang untuk menyekat tindakan ini, maka, kerajaan kita akan terus berundur, berundur dan berundur, dan yang selesa ialah orang yang lompat jadi wakil rakyat tapi rakyat terus menderita. Apa pandangan yang berhormat tentang ni, terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok, Yang Berhormat Gurun, saya setuju sepenuhnya kerana melihat perkembangan beberapa negara. Kita dapat lihat contohnya Vietnam, di mana dalam beberapa tahun ni bila dasarnya berterusan, perkembangan ekonomi merancak dan bila kita tengok China sejak 45 tahun tak ubah kerajaan kekalkan polisi dasarnya negara berkembang sangat maju. Tapi, bila berlaku peralihan kuasa, rampasan kuasa kerajaan itu akan mundur 10 tahun atau 20 tahun sepertimana yang di cakapkan Gurun adalah benar. Jadi sambung semula, kepada titah ucapan. Ya. Dipersilakan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Speaker, tadi sebut ada berlaku rampasan kuasa tapi hat yang kita buat ni bukan rampasan kuasa. Ikut law (dengan izin) yang betul. Dan insyaallah kita yakin kita akan dapat madu, dan rakan-rakan hat yang pernah jadi EXCO negeri Kedah dulu yang rasa disini ni lebih selesa untuk nak maju negeri daripada kerajaan hat dahulu yang 22 tahun, yang 22 bulan yang berlangsung sebelum daripada ni.

Jadi, adakah Yang Berhormat Kota Darul Aman, kalau kita nak ambil sejarah-sejarah negara-negara luar, blok komunis ka, blok apa, tapi kita ada ciri kita sendiri. Ya kita setuju untuk semua pakat jaga jati diri masing-masing, setia, tapi, dalam tempoh kerajaan Pakatan Harapan perintah pun benda tu tak berlaku walaupun didesak sebelum daripada ni. Jadi, kita bersetuju adakah sepatutnya undang-undang ini dibuat lebih awal. Dipersilakan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima Kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Kota Darul Aman. Saya melihat berkenaan dengan ini dijadikan platform luahan hati Yang Berhormat pembangkang untuk mengata kepada beberapa orang individu yang lompat. Kami di sini yang membentuk kerajaan ini, kami masih lagi majoriti yang setia, yang tidak melompat. Yang inginkan perubahan ke arah kebaikkan. Jadi, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat Kota Darul Aman, kenapa menggunakan platform sidang DUN yang kita ingin move on (dengan izin), yang kita ingin memberi satu apa kebaikkan kepada rakyat, membela rakyat dalam sidang DUN ini dijadikan platform untuk luahan parti pembangkang ni. Kenapa.

YB. TUAN SPEAKER

Hari ni ja YB, esok takda dah. Hari ni hari luahan perasaan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih, terima kasih Tuan Speaker. Sebab kalau kita tak bahas sekarang ni, maknanya kita dah. Kita nak bagitau rakan-rakan kita apa tu kebenaran yang diistiharkan oleh tuhan, ok itu sahaja. Ok saya sambung semula, kita sebagai wakil rakyat merupakan pemimpin negeri yang dipilih mahupun majoriti ataupun minoriti harus kita bertekad memikul tanggungjawab dan mengambil inisiatif untuk mengubah nasib setiap rakyat agar kita agar rakyat kita hidup mewah dan bahagian pada masa depan. Dan menerusi sistem urus tadbir terbaik dan juga dasar-dasar yang membina serta berterusan. Kita ambil. Bagi saya sambung dulu. Sebab saya rasa semua nak balik awal. Jadi, saya habiskan dulu.

YB. TUAN SPEAKER

YB Kota Darul Aman. Saya bagi extend (dengan izin) masa, bagi dia tanya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Kalau tak silap saya, saya dengar tadi YB. Kota Darul Aman kata kerajaan membatalkan projek KXP. Betul ka ucapan tadi? Saya rasa Yang Berhormat sebut yang tu.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Dalam rancangan Warta, ok.

YB. USTAZ HANIF BIN GHAZALI

Dalam rancangan batal. Tak betul tu, tak boleh mengelirukan Dewan. Yang kedua Yang Berhormat Speaker, saya tertanya-tanya pasal belah sana sebut lompat, khianat, lompat, khianat. Macam YB. Guar, YB. Kuah, mereka tak lompat pun dari parti mereka. Pimpinan yang ada di pusat tu. Daripada parti yang sama yang mereka masih dalam parti yang sama. Cuma sealiran dia yang di Negeri dan Pusat tu nak selari.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Parti pun tak boleh lompat, ok. Yang itu hakikat. Bila lompat kena keluarkan jawatan. Ok. So kita nampak kerajaan Pakatan Harapan dalam tempoh 24 bulan kita melihat kepentingan ekonomi melalui FDI. Jadi, dalam kita nampak konteks di Kedah ni sekiranya kita tidak bawa dana, dari luar untuk merancakkan ekonomi kita. Kalau kita nak bertekad menggunakan pertanian sebagai sumber utama membangunkan negeri Kedah. Maknanya dia akan lambat dan kita lihat prestasi dari tahun 2019 negeri Kedah mencatatkan jumlah pelaburan dalam sektor perkilangan sebanyak 11.5 billion iaitu pencapaian tertinggi dalam sejarah Negeri Kedah dan meletakkan kerajaan nombor tiga dalam sektor perkilangan, pelaburan sektor perkilangan di seluruh Malaysia. Tahun ini suku pertama pada, suku pertama kita mencatatkan 1.1 billion dalam keadaan COVID kita nampak kerajaan PH betul-betul komited untuk perjuangkan lebih banyak pelaburan masuk ke negeri Kedah. Dan baru-baru ini saya nampak Menteri Besar Jeneri ada keluarkan satu kenyataan di mana Kedah terima pelaburan 3.06 billion tapi mengikut laporan MIDA pada suku pertama kita cuma ada pelaburan sebanyak 1.1 billion. Jadi, saya minta jawapan kenapa perbezaan sebanyak 2.05 billion dimansuhkan.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli-ahli dewan yang dihormati sekalian, saya dapat merasai kebimbangan Tuanku Sultan terhadap kekalutan berdepan dengan ancaman COVID-19, lanjutan perintah kawalan pergerakkan dan penamatan moratorium yang akan menyebabkan lebih rakyat Kedah menganggur dan menghadapi masalah kewangan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat Kedah mengharungi zaman kesusahan ini yang bakal melanda sebulan, dua nanti.

Kita lihat berdasarkan 'survey' Tenaga Buruh (STB), Jabatan Perangkaan Malaysia, USM, jumlah pengangguran golongan belia antara 15 hingga 30 tahun di Negeri Kedah pada suku tahun pertama 2020 adalah seramai 32.1 ribu orang dengan kadar pengangguran 7.8% , manakala pada suku kedua 2020 kadar pengangguran belia di negeri Kedah meningkat 0.8 mata peratus kepada 8.6% dengan bilangan pengangguran belia seramai 31 ribu orang. Melihat angka yang diberikan Jabatan Perangkaan Malaysia, pengangguran di Malaysia kini di Kedah, di Kedah semakin meningkat. Jadi, apakah pakej-pakej yang bakal ditawarkan kerajaan dalam melonjakkan ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan anak muda yang merupakan tunjang Kerajaan Negeri.

Pada pendapat saya, 200 juta yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri zaman Pakatan Harapan harus digunakan sepenuhnya untuk merangsang ekonomi dan membantu rakyat dalam masa yang susah ini. Yang Berhormat Tuan Speaker dan ahli-ahli yang dihormati sekalian, bila peralihan kuasa di negeri berlaku, bermakna tamatnya riwayat perkhidmatan ahli-ahli majlis kerajaan tempatan dari wakil Pakatan Harapan. Pembentukan sesebuah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan yang sihat harus merangkumi perwakilan semua kaum. Ini baru dapat merapatkan jalinan hubungan dan persefahaman antara kaum dan agama. Melihat kepada barisan ahli-ahli majlis mesyuarat kerajaan sekarang, tiada lagi perwakilan dari komuniti India kerana ADUN yang memahami komuniti kaum India iaitu Bukit Selambau masih duduk bersama dengan kami. Bagi Lunas yang menjawat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Masyarakat India sudah tentu beliau tidak pakar semacam Bukit Selambau. Kita ambil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ya

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh?.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Boleh, dipersilakan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Kota Darul Aman. Sedarkah Yang Berhormat bahawa Yang Amat Berhormat telah melantik seorang Pegawai Khas kepada kaum India untuk membantu hal-hal kaum India. Yang Berhormat tau dak?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang tu tak cukup, sat lagi saya sambung, saya ingat ada kat belakang. Ok, kita ambil Majlis Bandaraya Alor Setar sebagai contoh semua di kalangan Ahli-Ahli Majlis yang baru dilantik tiada seorang daripada komuniti kaum India. Lantikan Ex-Officio tiada, politik tiada, NGO lagi tiada. Perwakilan dari kaum India sifar sehingga kita nampak tiada suara di kalangan masyarakat India boleh disampaikan pada pihak atasan. Ketiadaan 'bottom up' dan persefahaman antara kaum dan agama dipercayai satu punca utama di mana Kuil Arya Madurai Veeran, Jalan Stesen dan banyak Rumah Ibadat Bukan Islam dirobohkan setelah Kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih. Walaupun saya dah tulis surat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Jeneri dan EXCO-EXCO yang terlibat tetapi kerajaan masih bertekad untuk merobohkan kuil tersebut. Sat. Sila duduk. Saya habiskan, nak habis dah.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bukan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Silakan.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ya.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Yang Berhormat Kota Darul Aman. Satu juga YB masalah kesesakan jalan station boleh diatasi tanpa, tanpa perobohan kuil itu. Boleh ka diatasi.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terus, terus sambung Yang Berhormat Speaker. Tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Nanti sat nak tanya Kota Darul Aman. Boleh bagi?.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Dia banyak kali dah.

YB. TUAN SPEAKER

Banyak kali dah.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dak. Saya tak, tak mencelah lagi yang dia ni.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Bagi saya habiskan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sebab ada tadi mengelirukan dewan. Bila sebut dan banyak lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Tak, floor ni yang Kota Darul Aman. Dia tak bagi, tak boleh.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Minta diperbetulkan kenyataan tu.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok, saya rasa amat kecewa dan sedih apabila Kerajaan Negeri melaksanakan perobohan kuil ini. Jadi, sebagai....(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, dia tak perbetulkan balik tu. Dia sebut tadi, banyak kuil dirobohkan. Ia mengelirukan Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Satu kuil saja kut.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Kuil satu, rumah ibadat bukan Islam banyak. Ok. Bagi saja teruskan dulu. Ok. Adakah....

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Minta, minta.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Kalau banyak. Sebut Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Adakah kerajaan memikirkan perasaan komuniti Hindu apabila mengambil tindakan merobohkan kuil tersebut. Apatah lagi merobohkan kuil pada 1:30 pagi bila orang tidur lena dengan 100 anggota penguatkuasa. Adakah baloi kuil 70 tahun dirobohkan. Pokok besar dicantas dan diratakan untuk buat tapak tempat letak motosikal. Bagi saya ini merupakan satu perancangan bandar yang tak masuk akal dan tidak relevan dengan landskap sedia ada di mana stesen yang begitu sempit. Kerajaan Negeri harus menghormati kedaulatan hak asasi manusia dan kebebasan agama dalam isu ini dan tidak mengambil tindakan dalam keadaan terburu-buru. Perbincangan dua hala, pengubahsuaian dasar, pemberian tanah kerajaan dan kewangan untuk pembinaan harus dilaksanakan dengan segera bagi menyelesaikan isu-isu sebegini. Seperti yang disarankan Titah Tuanku, kita harus saling menghormati dan merapatkan hubungan antara kaum. Kedah harmoni kerana kepelbagaian, jangan rosakkan kepelbagaian ini dengan agenda persendirian.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat, Yang Berhormat. Boleh bagi laluan sikit?.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Bagi saya.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tak sebut sat lagi Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya menyaran Kerajaan Negeri menangguhkan serta-merta segala tindakan perobohan.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Peraturan Dewan! Peraturan Dewan!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Yang Berhormat.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Peraturan dewan. Peraturan dewan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Peraturan. Silakan, apa dia.

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Peraturan dewan Yang Berhormat Tuan Speaker. Perkara 35(6) seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya tetapi boleh dibacanya cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menyokong hujahnya. Mohon.

YB. TUAN SPEAKER

Kota Darul Aman. Tak leh baca 100%, sekali sekala boleh.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Jadi, saya menyaran Kerajaan Negeri untuk menangguhkan segala tindakan perobohan dengan serta merta supaya segelintir bangunan dan bangunan tanpa kebenaran merancang yang melibatkan sensitiviti agama dan kaum sehingga ada dasar baharu.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Kota Darul Aman...

YB. TUAN SPEAKER

Habis dah kan point. Masa pun lebih dah.

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Dato Speaker, saya nak minta pandangan Kota Darul Aman. Saya mendengar dengan jelas dalam parlimen baru-baru ini, bila menteri perpaduan negara datang ke Kedah. Dan isu ini amat panas bila disebut beberapa kuil, beberapa kuil diruntuh, dirobohkan. Jadi kita pun panik juga berapa kuil tu banyak mana. 15 ka, 20 ka, 25 ka. Jadi, sebab itu akhirnya Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa betapa pentingnya apabila kita ambil tindakan harus ada perbincangan di antara orang yang terlibat. Termasuklah jawatankuasa kuil dan sebagainya. Jadi, setujukah Kota Darul Aman dengan saya di sini. Kalau kita mencadangkan pada kerajaan baru ini, saya sarankan Yang Berhormat cadangkan sebentar lagi. Saya tak boleh sebab saya floor Yang Berhormat. Mencandangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan Hindu Endowment Board seperti yang wujud di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang, masalah-masalah kuil ini, masalah-masalah kuil ini hampir tidak ada kerana Hindu Endowment Board kontrol perlaksanaan dan perjalanan kuil ini. Jadi, apa-apa juga masalah yang timbul akibat daripada perjalanan kuil ini akan dirujuk kepada Hindu Endowment Board, Hindu Endowment Board akan berbicara dengan kerajaan dan akhirnya masalah ini selesai. Tak payah terlibat dengan PBT, tak payah.

Jadi, kalau tidak dia akan berlarutkan hingga ke parlimen. Dan kita miss code macam juga macam apa ni Bandar Baharu kata tadi. Berapa, berapa kuil 2,3,5 beberapa kuil. Jadi, ini semua miss leading jadi lebih baik untuk mengelakkan kecelaruan dan juga rasa emosi yang tidak ada, tidak sepatutnya berlaku. Mungkin niat Yang Berhormat betul tapi niat orang dengar berbeza. Jadi, tidak ada macth (dengan izin) di situ dan mengakibatkan kita berkawan begitu lama tapi kerana miss statement (dengan izin) ini ataupun salah pendengaran ini kita bermasam muka dan sepatutnya negeri maju, kita menjadi huru-hara kerana hal-hal yang tidak sepatutnya. Bersetujukah cadangan saya pada Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada kerajaan untuk melihat bahawa harus ditubuhkan Hindu Endowment Board, terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih, tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sama-sama. You punya time dah lajak banyak tau.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok. Ok.

YB. TUAN SPEAKER

Landing. Landing. (dengan izin)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Speaker, peraturan dewan. Jadi, nak minta untuk Kota Darul Aman tarik balik, apa ni banyak kuil yang dirobohkan tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Peraturan berapa?.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Peraturan 36(6), tidak boleh, seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat dan peraturan 36(10)(c), perkataan-perkataan yang harus ataupun menaikkan perasaan sakit hati dan bermusuh-musuhan antara kaum. Jadi minta tarik balik dan juga apa tu mengelirukan dewan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih, Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

YB, soalan dia beberapa tu. Dia orang tak mau perkataan beberapa tu.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Jadi, sini ada surat khabar, kuil ada satu termasuk Rumah Ibadat Bukan Islam ada 2,3 yang kena roboh bila Perikatan Nasional ambil alih. Yang ini mereka tulis dekat surat khabar dan yang ini insiden yang kena roboh. So, di Desa Seraya di Taman Restu dan di Jalan Stesen. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri Besar untuk lihat Jeneri untuk melihat semula yang dirobohkan. Jadi.

YB. TUAN SPEAKER

Ok. You buat landing. (dengan izin)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya landing, ok. Dan memandangkan, yang ini saya bagi habis. Memandangkan peningkatan penularan COVID-19 dan pematuhan SOP yang dipertingkatkan kami menerima rungutan daripada rakyat yang mengatakan tindakan kompaun tidak relevan dan dipohon untuk mengurangkan kadar kompaun. Ini kerana mereka tidak mampu untuk bayar kepada kesalahan apabila ingkar PKP. Salah sikit pun kena, apa yang mereka maklum. Salah sikit pun kena kompaun, buat pun kena kompaun, tak buat pun kena kompaun. Jadi, kami dimaklumkan biasanya yang ingkar kesalahan SOP kad pengenalan biasanya akan diambil oleh penguatkuasa kemudian dipanggil ke balai polis dan diberi notis bayaran kompaun ingkar PKP sebanyak satu ribu tanpa sebab yang jelas. Jadi, adakah penguatkuasaan ini patut, patut kita diteliti semula dan pematuhan SOP diterangkan kepada rakyat jelata. Apakah SOP yang benar-benar yang patut rakyat kita buat agar tidak dikena tangkap. Jadi, saya berharap agar kerana bila kita lihat Bank Negara laporan Bank Negara menunjukkan bahawa 75% daripada rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan sekurang-kurangnya satu ribu. Jadi, saya rasa kadar charge seribu tu terlalu tinggi dan kalau boleh minta kurangkan.

Akhir sekali, saya menyeru Kerajaan Negeri laksanakan apa-apa yang patut dan telah kami cadangkan tadi, sebentar tadi dan bila nak panggil mesyuarat DUN usahlah takut bagi notis bersertakan agenda mesyuarat. Kami akan sokong yang dibentangkan oleh kerajaan kerana kami juga pernah jadi kerajaan.

Patik, saya merakamkan ucapan menjunjung kasih dan sokong titah ucapan Ke Bawah Duli Ke Bawah Mulia Tuanku Sultan Kedah Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah yang ke 29. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Kota Darul Aman. Saya rasa sebelah kanan ni pun patut saya jemput seorang untuk saya bagi satu, satu penggulungan menjunjung kasih Tuanku Sultan kerana kita ada masa lagi 24 minit. Saya nak habiskan juga dengan apa nama usul menjunjung kasih ni. Silakan sebelah kanan. Kuala Nerang ka, Kuala Ketil belum ya. Jangan dua kali pula. Silakan Kuala Ketil.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker. Sebenarnya nak bahas susah di kerajaan ni.

YB. TUAN SPEAKER

Susah.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Di pembangkang senang.

YB. TUAN SPEAKER

Duk biasa jadi hat tu lama dah. Jadi, takpa-takpa cuba juga.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Tu yang malas nak bangun tu. Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum w.t.h., salam sejahtera, salam kedah sejahtera nikmat untuk semua. Alhamdulillahirobbilalamin, washolatu wassalamu 'ala asrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi aj ma'in.

Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman. Saf kepimpinan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Dato' ketua pembangkang, Yang Berhormat mantan Menteri Besar.

Tempat saya tu Yang Berhormat. Mungkin ada chance boleh jadi Menteri Besar lepas ni kut. Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Setiausaha Kerajaan, ketua-ketua jabatan seterusnya pada hadirin yang dirahmati Allah sekalian hendaknya. Pertama dan selamanya marilah kita panjatkan tanda kesyukuran terhadap Allah s.w.t. kerana atas limpah kurnia serta keizinannya dapat kita dipertemukan pada sidang dewan yang mulia ini. Sesungguhnya dengan rahmat dan kasih sayang Allah kita rakyat Kedah masih lagi terpelihara dari ancaman, musibah dan bala bencana yang akhirnya mengekang kehidupan kita. Terima kasih, yang tidak terhingga saya ucapkan kepada frontliner seperti mana JKM, Jabatan Kebajikan, JKM, KKM, Polis, ATM, APM, RELA dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahu pun tidak langsung dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana menggerakkan bantuan sempena COVID-19 atau pun sepanjang tempoh PKP.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, musibah yang kita terima hari ini hendaklah kita insafi dari kita bahawa ini adalah sebahagian daripada peringatan Allah S.W.T kepada kita yang selama ini yang melupakan atau kurang mensyukuri atas nikmat yang diberikan-Nya. Moga-moga kita terus kekal beriman, bertaqwa kepadanya walau apa benda bencana yang akan kita hadapi. Yang Berhormat Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas Perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas pelantikan Yang Amat Berhormat Kedah yang ke-14 iaitu Tuan Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor, anak kelahiran Sik, muda tampan bergaya, mudah senyuman, bodek ni. Senang linangan air matanya serta berwawasan tinggi selesa dengan panggilan kampung boy. Noh? Memacu Kedah dengan slogan "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua".

Dalam ucapan Tuanku Sultan tempoh hari, tuanku banyak menyentuh bahawa betapa seriusnya usaha-usaha untuk menyekat penularan wabak COVID-19 yang secara tidak langsung membebaskan rakyat Kedah dari pandemik ini sehingga hari ini kita telah melalui hari ke-161 PKP dan ke-77 PKPP. Malaysia mencatatkan 9281 kes keseluruhannya dan 8971 kes sembuh. Kedah berada dalam kedudukan yang ke-10 tertinggi iaitu 193 kes dengan Kuala Lumpur mencatatkan angka tertinggi iaitu 2559 kes. Jika, dibandingkan dengan angka dunia lebih kurang 23 juta kes berbanding 16 juta kes sembuh dalam kalangan asian Malaysia berada di tangga keempat dengan negara tertinggi iaitu Filipina

197 ribu. Sedikit bercerita tentang COVID-19 ini, tahun 2020 ini kita dikejutkan dengan penularan satu virus dari Wuhan, China yang telah menyebabkan ribuan manusia terkorban dengan nama virus Novel Corona, Corona, COVID-19 ini turut tersebar hingga ke Malaysia.

Penularan-penularan yang dilaporkan turut tersebar melalui udara menambah kegerunan di setiap segenap lapisan masyarakat. Tambahan pula para pengkaji masih lagi tidak menemukan sebarang ubat anti-virus ataupun vaksin bagi wabak ini. Semalam di parlimen dibentangkan bahawa berpuluh vaksin dicipta namun hanya 3 sahaja yang melepasi tahap klinikal itu pun belum disahkan.

Sejarah tentang wabak penyakit ini pernah berlaku di zaman pemerintahan Saidina Khalifah Umar Al-Khattab iaitu wabak yang berlaku di Amwas Palestin yang menyebabkan rakyat terlibat dengan wabak ta'un, sehinggakan seorang sahabat Rasullulah S.A.W juga terlibat di sana sehinggalah bagaimana khalifah Umar untuk nak pergi melawat akhirnya dibacakan satu hadis daripada Abdul Rahman Bin Auf, iaitu juga apabila kamu mendengar ta'un di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya, jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, janganlah kamu keluar daripadanya. Riwayat AL-Bukhari dan muslim. Ini menunjukkan bahawa sudah berlaku pada sesuatu ketika itu, sejarah membuktikan bahawa berlaku dah seolah seperti PKP iaitu kuarantin jika berlakunya wabak yang boleh menular kepada masyarakat sekeliling. Wabak yang tersebar ini melalui bekalan air berpunca daripada mayat-mayat tentera Rom yang tidak diurus ditambah juga dengan jumlah kematian yang tentera mereka yang sangat besar menjadi titik permulaan kepada tersebarnya wabak taun di Amwas ini. Ini adalah satu contoh bagaimana sejarah yang telah berlaku dan akhirnya kita telah melaksanakan mengikut contoh yang telah berlaku.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Apabila berlakunya COVID-19 dan juga PKP sepertimana sahabat-sahabat saya telah maklumkan sebentar tadi, bahawa pentingnya negara yang mempunyai sumber makanan yang mencukupi sudah pasti akan menghadapi satu keadaan yang tidak tenteram. Negara yang tidak mempunyai sumber makanan sudah tentulah akan berlaku mogok, rusuhan dan sebagainya kerana untuk mendapatkan bekalan makanan. Dan kita alhamdulilah, di negara kita di Malaysia kita mempunyai bekalan makanan yang mencukupi sepanjang tempoh PKP dan PKPP, maka, di sini boleh kita nyatakan bahawa bekalan makanan asasi seperti beras. Bukan lagi diletakkan sebagai 'security food' (dengan izin) tetapi telah diletakkan sebagai kedaulatan makanan, kerana negara yang mempunyai sumber makanan dia akan pastikan rakyatnya terjamin dan terbela waktu dalam kuarantin dan sebagainya.

Manakala, pada ketika itu walau kita ada duit banyak berjuta sekalipun, maka kita tidak akan berguna sebab tidak ada makanan untuk dibeli atau nak dapatkan makanan.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, sesungguhnya teknologi pertanian ini perlu, penting dalam untuk kita menambahkan sumber makanan kita. Sumber makanan negara kita, sumber makanan negeri kita, maka, di sini saya ingin mencadangkan bahawa dalam untuk memperkasakan industri makanan. Kita hendaklah melihat kepada teknologi-teknologi yang ada dalam industri makanan tersebut. Makna kita perlu kepada teknologi yang terbaru untuk menambahbaik kepada teknologi makanan yang kita ada sedia sekarang. Saya mengambil contoh, salah satu contoh semalam 24 hari bulan. Saya telah pergi melawat di Sangyong Agricultural, sebuah anak syarikat daripada Chantika dan juga Pertama Padi, bagaimana mereka menggunakan dron untuk projek semai benih padi, semai padi menggunakan dron. Semai padi, membaja dan juga meracun. Inilah dron ni teknologi yang terkini, banyak di gunakan sama ada di waktu saya melawat di Sungai Besar dia gunakan secara meluas.

Di Kedah pun banyak juga anak-anak muda yang telah membeli dron tersebut, dia gunakan teknologi ini untuk membantu dalam industri pertanian kita. Bukan setakat pokok padi saja, dia boleh gunakan untuk getah, untuk sawit, untuk kebun buah-buahan dan juga sayur-sayuran. Dia boleh naik sampai 100 kaki tinggi, boleh pergi sampai 3 kilometer jauhnya, ini dron. Tapi, harga dia agak mahal sikitlah, Yang Berhormat EXCO noh, kalau, berapa. 60 ribu satu. Murah la. Kalau yang murah sikit tu dia boleh meracun saja, dalam 30 ribu. Kalau 60 ribu dia boleh buat dalam 3,4 kerja. Saya pi tengok sendirilah.

Dan dalam masa yang sama juga saya mohon kepada petani-petani juga diberi. Mereka menyediakan sumber makanan kepada kita. Sepatutnya mereka hidup senang, selesa dalam negara kita, tetapi, kebanyakkan petani-petani kita hidup dalam keadaan yang sederhana. Sedangkan orang tengah, orang tengah yang ambik bahan dan mengeksport sebagainya, supply (dengan izin) , mereka ini hidup senang. Jadi, kita juga kena usahakan suatu perkara bagaimana untuk meningkatkan taraf kehidupan petani-petani. Dan saya difahamkan bahawa kerajaan telah memberikan sedikit peruntukan kepada petani-petani yang menerima musibah untuk mereka dapat sikit tuntutan dan sebagainya.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, kita juga tahu bahawa Kedah menyediakan hampir 40% kawasan pertanian dan selebihnya adalah kawasan-kawasan untuk tadahan air dan sebagainya.

Ini adalah satu pengorbanan yang besar rakyat Kedah kepada negara. Sepertimana sahabat-sahabat sedia maklum sebelum ini. Kita walaupun melihat sawah padi yang terbentang luas, kita ada hujan hutan hijau yang di kawasan tadahan air dan sebagainya.

Kita juga membekalkan bekalan air untuk negara jiran, saya mencadangkan di sini Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga kerajaan untuk mengusahakan terus pampasan daripada kerajaan pusat sebagai ganti rugi kepada kita yang telah menyediakan sedikit prasarana untuk rakyat negera ini kalau dapat alhamdulilah kita nak lagi berterusan benda ni sebab kita menyediakan satu kawasan yang luas untuk tanam padi dan sebagainya. Dan juga beberapa prospek pelaburan. Saya melihat kehadiran menteri yang baru-baru ni sampai ke Kedah itu, Menteri Perusaharaan, Peladangan Dan Komuniti. Apabila sampai di Kedah mengumumkan beberapa projek pelaburan ataupun tambahan kepada kerajaan seperti usahawan baru projek Lembaga Koko Malaysia dan juga menyediakan geran satu 1.5 juta kepada usahawan coklat di Langkawi, tapi Tuan Berhormat Speaker tak bawa pun kita coklat harini ni. Patut kena bawa coklat bagi sorang sikit.

YB. TUAN SPEAKER

Dia, penggal depan la.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ni, hub coklat ni. Minggu depan. Dan kementerian turut mencadangkan bahawa projek iaitu Ladang Komuniti Getah itu membangunkan ladang buluh di kawasan tersorot, kawasan ladang nukleus bagi pengeluaran biji benih kenaf dan juga pembangunan ladang komuniti demi membangunkan industri. Industri komuniti di Kedah sehingga mampu memperolehi pendapatan sehingga hampir dua ribu ringgit sebulan dan projek pembangunan ladang komuniti getah, getah, manakala bagi pembangunan ladang buluh mampu pendapatan bersih sebanyak 14 ribu setiap hektar. Dan kawasan-kawasan ladang nukleus bagi pengeluaran biji benih kenaf dengan tambahan sehingga tiga ratus hektar. Dan, hektar pula dianggarkan dapat menghasilkan 90 ribu kilogram biji benih tambahan kepada keperluan biji benih kenaf negara.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian, dalam tempoh PKP ini kita diperkenalkan dengan cara shopline, shop online, shop online (dengan izin) iaitu satu sistem perniagaan yang baru. Menggantikan norma yang lama, menggantikan norma yang baru.

Semalam saya lihat satu program bual bicara di TV1 iaitu melibatkan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan MDEC, Malaysia Digital Economic Corp, MDEC iaitu memperkasakan e-dagang, e-commerce dan juga digital ekonomi. Benda ini dia telah menunjuk contoh, beberapa contoh kepada kita seperti orang berniaga burger sekalipun yang terkesan dengan PKP, apabila program ini diperkenalkan perniaga burger itu dia boleh keluar daripada zon yang terkongkong tadi, dia jadi usahawan yang, yang hebat.

Boleh supply burger dan sebagainya dengan duduk buka stor di rumah tetapi business dia berjalan. Termasuk orang yang membekalkan salad, sayur-sayuran di kedai yang terjejas hampir 20% saja. Mereka ini berlaku waktu PKP tetapi dengan shop online tadi dia mampu mengangkat business dia sampai tahap 90%, dan beberapa contoh yang ditunjukkan. Ini ialah saya lihat benda satu perkembangan yang baik yang boleh dipraktikan oleh kerajaan hari ini untuk diperkasakan kepada anak-anak muda kita dan bantuan usahawan muda juga kerajaan telah memperkenalkan. Hampir 6,000 pemohon dengan berjumlah hampir 103.4 juta diperkenalkan pada hari ini. Ini ucapan ni ka penggulungan ni. Sama lebih kurang ja.

YB. TUAN SPEAKER

Saya pun heran juga. Homework (dengan izin) buat bila ni. Tak baca kan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Sat-sat sikit lagi. Sikit lagi.

YB. TUAN SPEAKER

Kerling-kerling boleh.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Dan akhirnya. Akhirnya lah sebab sat lagi banyak point habis sat lagi. EXCO tak sempat nak gulung pulak.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Minta laluan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Mengambil.

YB. TUAN SPEAKER

Kuala ketil ada pencelahan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Mana. Ok. Ok, Dato'. Lawan tak apa lagi.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, terima kasih Tuan Speaker. Saya cukup tertarik dengan Kuala Ketil yang mempunyai idea yang besar. Punya idea yang besar boleh bentang bagaimana pertanian menggunakan artificial inteligent (dengan izin) dengan dron sebagainya. Dan bagaimana dia bandingkan tentang getah ni kalau usaha kuat pun dapat dua ribu sebulan. Tapi kalau tanam buluh 14 ribu sebulan. Kenaf lebih lagi, kemudian shop online tadi nampak macam maju. Jadi, saya nak tanya pandangan Kuala Ketil. Maksudnya yang mana yang Kuala Ketil nak cadang nak balik, nak cadang supaya kerajaan Kedah bantu benda-benda ni berlaku dulu di kawasan Kuala Ketil. Supaya orang Kuala Ketil tu maju dulu. Insyaallah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit, sikit nak tanya buluh tu kat mana. Duk cadang la, tanam kat mana buluh.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Nanti saya jawab, last sikit saya jawab. Kalau saya tak jawab. Esok Exco jawab. Untuk Yang Berhormat Suka Menanti, ada dalam. Saya nak bercakap lagi ni, pasai yang di Kuala Ketil nak buat di mana tu. Tapi tak habis lagi, dia tak boleh pi lebih kurang, sat lagi lupa habis.

Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat sekalian. Dia tak, tak prepare macam ni la. Mengambil slogan Kedah Sejahtera, Nikmat untuk Semua, saya tertarik dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar selalu bercakap nak bagi ubah zon kekayaan yang ada sekarang ni, belah pantai barat nak ubah kepada pantai timur. Termasuk dalam Kedah ni kalau kita lihat Sik, Baling agak ketinggalan berbanding belah tepi laut ataupun tengah pekan. Jadi, kita nak lihat bahawa "Nikmat Untuk Semua" ni, rakyat yang sebelah kami ni yang terima banjir. Saya taktau banjir berapa kali ni. Alhamdulillah dengan tambatan yang diumumkan oleh Exco InsyaAllah dia akan bangunkan kembali termasuk di Kuala Ketil ni. Kuala Ketil, Yang Berhormat Suka Menanti nak buat di Kuala Ketil la ni, tu yang cadang ni.

Di Kuala Ketil ni ada satu kawasan industri yang kilang kondom yang disebut tu di Kuala Ketil la tu. Tapi bukan kondom tu bukan kondom cerita, dia getah. Dan dijadikan kondom tu. Maksud dia di Kuala Ketil juga ada kawasan industri walaupun di Kuala Ketil dan kawasan Baling.

Jadi, untuk membangunkan "Kedah Sejahtera, Nikmat Untuk Semua" ni, saya rasa sangat mengharapkan daripada kerajaan bagi memacu Kedah Sejahtera kepada semua iaitu membangunkan industri secara bottom up iaitu kita di peringkat luar bandar ada beberapa industri yang kita boleh bangunkan seiring untuk membantu kerajaan sama ada secara terus atau shop online. Contohnya, saya kata di Batu Besar, Sik. Sempadan dengan Parit Panjang, kawasan tu tepi jalan selalu dijual benda yang, bantal kekabu. Bantal kekabu, jeruk kelubi lepas tu serkap ayam. Yang Berhormat tau ka dak ni. Hat yang duk cekup ayam yang buat dengan buluh tu. Macam-macam, milak, milak apa tak tau, bahasa baku orang panggil apa? Hat duk tangkap ikan tu la. Kebanyakkan jual di pekan-pekan luar bandar di tepi jalan. Tetapi menjadi satu industri kepada pelancong-pelancong domestik, sama ada orang Kelantan, Terengganu yang lalu jalan tu, mesti berenti, mesti beli. Tapi setakat mana mereka nak,nak berjaya kalau setakat untuk domestik sahaja.

Jadi, benda-benda ni boleh berlaku secara shop online, mungkin dia boleh pasarkan. Ikan pekasam tadi tu, boleh sampai ke peringkat antarabangsa. Macam mana kita bincang dengan Gurun dulu, Gurun noh. Ikan bilis mata biru di Pantai Merdeka di Tanjung Dawai, dipasarkan sampai ke Ireland. Makna ikan bilis mata biru ni, hanya beberapa negara sahaja ada. Tapi dengan shop online dia boleh sampai ke peringkat dunia. Yang dicerita MDEC, MDEC semalam la. Saya pun ikut dengar cerita dia la. Maksud dia sampai tahap tu, kalau shop online tadi di orang Kuala Ketil ni tak perlu banyak kedai takpa dah. Tetapi boleh bangunkan ekonomi secara mudah tapi boleh pasarkan ke peringkat antarabangsa. Maksud dia sampai ke tahap tu. Itu dari segi industri.

Yang keduanya membasmi kemiskinan luar bandar. Dalam buku ni pun ada statistik menunjukkan orang Baling ni kadar kemiskinan yang cukup tinggi. Dato' noh. Cukup tinggi kadar kemiskinannya, jadi, kita harap dengan Kedah Sejahtera ni, Nikmat Untuk Semua membangunkan kemiskinan luar bandar dan seterusnya ialah saya nak beberapa perkara yang saya nak usulkan mungkin terakhir dalam ucapan saya ni.

Mengusahakan lesen kepada nelayan-nelayan zon A, hampir enam ribu lesen diperlukan untuk lesen-lesen nelayan zon A iaitu nelayan pantai yang bot kecil-kecil ni.

YB. TUAN SPEAKER

Termasuk Langkawi sama.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Langkawi bot besar dah.

YB. TUAN SPEAKER

Bot kecil pun takda lesen.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ok. Ok. Baik. Membanteras judi, ekor atau pun judi online. Banyak sekarang ni berleluasa termasuk pekan Kuala Ketil sendiri. Kedai tak buka, tetapi orang boleh beli. Dia ketuk pintu syarat, dia buka cermin, dia jual. Prepaid ini cukup banyak, kita nak buat aduan setempat memang tak berjaya. Saya bercakap dalam dewan ni, sekurang-kurangnya mungkin ada pihak-pihak yang boleh ambil tindakan. Boleh kata semua pekan ada berlaku terhadap judi online. Kemudian, pemulihan kepada GLC-GLC yang hadapi masalah, mungkin yang Yang Berhormat akan ada pandangan bagaimana GLC yang mempunyai masalah dan juga membantu peniaga-peniaga kecil yang juga hadapi masalah hari ini. Seperti kawan-kawan kita bagitau tadi. Peniaga-peniaga seperti pasar malam, di kaki lima apabila berlaku PKP tambah situasi sekarang ni kluster tawar, boleh berniaga sampai pukul 8 saja. Lepastu take away (dengan izin) tak leh makan di situ.

Walaupun pegawai daerah membenarkan membuka pasar malam, tetapi penganjur tak berani nak buka. Sebab arahan PKP tadi tu terpaksa nak buat SOP dan sebagainya menyusahkan kepada penganjur. Jadi, penganjur tak berani nak buka, hanya satu saja buka di peladang. Tu pun orang takda waktu malam sebab dengan norma baru ni kebanyakkan orang tak keluar malam dah. Lepak. Jadi, kebanyakkan dia akan terjejas walaupun start (dengan izin) March itu hari sampai sekarang ni, kita lihat masih ada peniaga-peniaga kita yang tidak ada pekerjaan. Contoh yang berniaga kain baju, mereka yang tidak boleh berniaga. Kalau berniaga makanan insyaallah boleh lagi. Itu antara yang kita boleh lihat pendekatan bagaimana untuk membantu mereka.

Dan yang seterusnya ialah keselamatan penduduk kampung daripada ancaman dadah. Dan juga rasuah dan pecah rumah. Baru-baru ni di Merbau Pulas, kawasan EXCO, EXCO kita berlaku tembak-menembak, 3 orang, seorang meninggal kot tak silap aku. Dua orang cedera. Orang Melayu, punca dia adalah kes curi, kes pecah rumah, curi lembu, curi kambing dan sebagainya. Kita bawa lembu seekor, satu biji lori, boleh masuk tiga ekor lembu ja. Depa sebiji kereta Wira boleh masuk tiga ekor lembu juga. Kereta Wira ja. Jadi, inilah. Gejala-gejala ini kalau tidak dibanteras, tidak dimusnahkan, tidak di hapuskan, tidak dikawal dan sebagainya. Maka dia akan semakin berleluasa dan sebagainya. Dan satu ancaman kepada masyarakat hari ini. Saya harap kerajaan akan mengarahkan pihak-pihak yang tertentu mengambil tindakan kepada ancaman dadah, ketum dan sebagainya.

Dan akhir sekali, akhir sekali, yang betul akhir ni. Kehidupan rakyat yang terhimpit dengan kemiskinan ini seperti orang kampung belah Baling ni kebanyakkan orang tiada tanah. Duduk tanah rezab nak minta air, paip air dia kata prosedur tanah rezab tak boleh.

Nak minta elektrik pun ada prosedur dia. Jadi, akhirnya mereka terhimpit dengan kemiskinan. Kerja-kerja kampung. Jadi, kadang-kadang, bukan kerajaan la ni Yang Berhormat Speaker. Kerajaan lama dah, lulus kepada pendatang-pendatang asing duduk di Kedah ni sampai buat kampung halaman Yang Berhormat Gurun. Ada kampung semua cukup, mereka menguasai ekonomi, menguasai tempat pertanian setempat. Sehinggakan jadi nelayan yang tak berenti sampai orang tempatan sendiri pun tak boleh pi jadi nelayan. Banyak orang luar yang diberi keistimewaan duduk di negara kita, akhirnya orang kita sendiri nak dapat satu keistimewaan cukup susah. Susah Yang Berhormat Speaker. Jadi, kita minta satu perhatian daripada kerajaan untuk membantu usaha-usaha ini untuk rakyat, nikmat untuk semua tadi tu, dapat dirasai oleh nikmat orang-orang bawahan seperti kampung-kampung kami ni ha. Dan, akhir sekali, akhir ni, marilah kita menyokong hasrat dan wawasan Yang Aman Berhormat Menteri Besar. Nak habis dah Yang Berhormat.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sikit ja.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh. Ok. Ok. Sebab tempat sama boleh bagi.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ok Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kuala Ketil. Saya dengar ucapan ataupun perbahasan Yang Berhormat tadi. Tak tau lah kalau saya tak dengar ataupun Yang Berhormat Menteri lupa nak sebut mengenai pelancongan. Sebelum ini kita tahu bahawa di Gunung Baling tu ada gua dan ada permintaan daripada Yang Berhormat sendiri Yang Berhormat daripada Bayu, Yang Berhormat daripada Kupang untuk Gunung Baling ni supaya disediakan peruntukan ataupun bantuan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri membangunkan gua-gua ini supaya ianya menjadi satu tarikan pelancongan. Adakah Yang Berhormat masih lagi ingin mendapat sokongan itu daripada kerajaan dan apa bentuk bantuan yang diperlukan daripada kerajaan itu sendiri.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Jitra. Masih terbayang bagaimana Yang Berhormat Jitra datang tengok gunung Pulai tu. Kami bersama sekali masa tu. Jadi, untuk program pelancongan di Baling ni, saya difahamkan Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat datang ke daerah Baling 29 hari bulan baru ni. Ya, Yang Berhormat noh. Telah diberi sedikit peruntukan untuk membangunkan Gua Sireh. Gua Sireh. Dan insyaallah 29 ni, Yang Berhormat EXCO kita juga akan datang untuk melihat Gua Air dan Gua Kelambu di situ. Juga satu peruntukan untuk membangunkan pelancongan. Kita kekal dengan apa Yang Berhormat Jitra buat dulu. Sebagai kita nak angkatkan kawasan itu sebagai perlancongan, ya. Kami dalam mesyuarat daerah pun, kami masih utarakan benda yang sama untuk beberapa benda-benda yang menjadi warisan dan juga keistimewaan kepada Gunung Baling tu. Kami akan jadikan sebagai hub perlancongan.

Dan akhir sekali marilah kita menyokong hasrat dan wawasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, bersatulah kita, elakkan konflik politik di masa PKP ini. Rakyat perlukan kerajaan yang prihatin dan lihat kehidupan mereka, bantu mereka, bimbing mereka, dan keluarkan mereka dari zon kehidupan yang lama kepada norma baru.bukan lagi ekstrem berpolitik hingga terus berpecah belah. Dan akhir sekali, saya menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan Kedah.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua yang telah mengemukakan Usul Menjunjung Kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan esok selepas jawapan mulut, kita akan mendengar penggulungan daripada Yang Berhormat Exco-Exco pula.

Jadi, pada pukul 4:35 ini saya tangguhkan dewan sehingga pukul 9.00 pagi esok.

Sekian terima kasih.

[Sidang Dewan ditanggguhkan pada jam 4.35 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Assalamuaaliakum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wassolatu Wassala Muala Asyrofil Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA – DOA

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

YB. TUAN SPEAKER

Kelmarin kita berhenti setakat 6 soalan. Harini kita sambung ke soalan yang ke 7. Silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya mohon jawapan bagi soalan nombor 7.

7. YB. DATO SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR
[ADUN JITRA]

Pohon dinyatakan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana serta penjaja-penjaja kecil memajukan semula perniagaan mereka pasca COVID-19.

a) Jumlah usahawan dan penjaja yang terjejas.

b) Jumlah usahawan dan penjaja yang telah dibantu.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab soalan yang dikemukan oleh Yang Behormat Jitra.

Pohon dinyatakan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana serta penjaja-penjaja kecil memajukan semula perniagaan mereka pasca Covid-19. (a) Jumlah usahawan dan penjaja yang terjejas. (b) Jumlah usahawan dan penjaja yang telah dibantu.

Soalan (a) - Menurut laporan yang dikemukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah dapati bahawa seramai 9,502 peniaga telah terjejas akibat Pandemik Covid-19 ini, manakala kaji selidik yang dijalankan oleh SME Coparation Malaysia mendapati 97.9% daripada responden (Dengan Izin), telah menyatakan bahawa peniagaan mereka telah mengalami kerugiaan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP). Manakala, hanya 2.1% menyatakan perniagaan mereka tidak terjejas oleh pandemik ini.

Soalan (b) - Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu para peniaga yang telah terkesan akibat Pandemik Covid-19 yang dilaksanakan melalui, yang pertama Unit Pembagunan Usahawan Negeri atau UPUK dimana moratorium penangguhan bayaran balik Skim Pinjaman Mikro Kredit Negeri Kedah selama 6 bulan kepada 20 usahawan yang layak di mana tidak mempunyai tunggakan pinjaman selama 90 hari. Yang kedua, pelaksaaan skim pinjaman Mikro Kredit Pasca Covid-19 dan seramai 130 permohonan yang baru telah diterima dan dalam proses. Dimana Skim Dana Teraju memberi insentif geran yang berjumlah RM3,000 kepada 20 usahawan yang layak melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM81,000 dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil langkah-langkah membantu peniaga terlibat melalui beberapa pendekatan. Yang pertamanya mengurangkan sehingga 50% kadar sewaan ruang niaga di daerah-daerah di seluruh negeri Kedah dan memberikan faedah untuk semua peniaga yang menyewa premis yang dimiliki oleh PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Pengecualian bayaran denda lewat lesen sepanjang tempoh pelaksaan PKP dan seterusnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) juga membuat pengecualian bayaran sewa selama 3 bulan untuk penyewa premis-premis PKNK termasuk di Halal Park, Ukir Mall, Lot kedai Central Square, Lot Industri di Bukit Kayu Hitam dan lain-lain. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kuah di atas jawapan sebentar tadi. Jelas daripada jawapan ini begitu ramai sekali usahawan-usahawan IKS yang terjejas akibat daripada Covid-19. Tentunya kita harus mencari apa juga kaedah untuk membantu seramai yang mungkin kerana kita tidak mahu dan kita nak elak lebih ramai lagi di antara mereka yang terpaksa gulung tikar. Daripada pengamatan saya, nampaknya macam bantuan-bantuan yang disediakan ini sangat tidak mencukupi. Kalau laporan di PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) menyatakan bahawa 9,502 usahawan yang terjejas akibat daripada Covid, bayangkan yang mendapat bantuan ni hanya 20 orang untuk pinjaman Micro Kredit dan UPUK, juga untuk moratorium bayaran balik. Oleh kerana itu, saya rasa sangat perlu untuk kerajaan negeri berunding dengan kerajaan persekutuan sekiranya tidak cukup dana untuk dikhususkan tujuan membantu IKS (Industri Kecil dan Sedarhana) ini.

Kita juga sedia maklum bahawa kerajaan persekutuan telah mengurniakan geran “One Off” (Dengan Izin) RM200 juta kepada kerajaan negeri. Saya ingat antara lain tujuannya ialah untuk digunakan waktu-waktu kecemasan seperti ini. Kita kena sediakan payung sebelum hujan dan inilah waktunya untuk digunakan dana seperti ini dan saya harap kerajaan negeri akan buat keputusan untuk memperuntukkan sebahagian daripada RM200 juta itu untuk membantu usahwan-usahawan IKS (Industri Kecil dan Sederhana) yang terjejas. Soalan saya ialah apa jenis IKS yang paling teruk terjejas sebab dia banyak bidang, apakah proses untuk mereka layak terima bantuan? Saya tanya kerana banyak juga rungutan yang kita terima daripada IKS yang merasakan mereka layak untuk menerima bantuan ini tapi tidak mendapat dan apakah sebab ini berlaku? Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Jitra atas soalan tambahan. Saya bersetuju sekiranya peruntukan disediakan melalui peruntukan yang diperolehi sebanyak RM200 juta tersebut dan sekiranya semua dalam dewan Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju untuk tambahan menggunakan peruntukan RM200 juta tersebut dapat diluluskan Insha’allah, kita dapat membantu. Juga cadangan untuk memohon daripada kerajaan persekutuan, kita telah menulis surat rasmi untuk memohon dan belum mendapat respon daripada kementerian dimana mendapat kelulusan sekiranya peruntukan diturunkan.

Di samping itu, kerajaan juga telah memperkenalkan plan jana semula ekonomi negara atau Penjana sebanyak 40 inisiatif yang melibatkan peruntukan sebanyak RM30 billion telahpun

dan akan dilaksanakan bagi golongan usahawan PKS di Malaysia, ini juga termasuk dalam Kedah. Jumlah yang disebutkan RM9,000 lebih itu dan jumlah yang dibantu melalui kerajaan negeri yang menggunakan peruntukan kerajaan negeri dan juga jumlah RM9,000 tersebut yang mendapat peruntukan ataupun mendapat bantuan daripada pelan jana semula ekonomi negara buat masa sekarang "figure" (Degan Izin) atau jumlah yang menerima peruntukan daripada Penjana tidak dapat saya bentangkan kerana ini melibatkan federal punya agency. Di mana geran perihatin GKP merupakan bantuan sebanyak RM3,000.00. kepada usahawan PKS dan Micro yang berkhalayakan bagi meringankan beban kewangan perniagaan mereka yang terjejas akibat wabak Covid-19 ini. Seramai 554 ribu usahawan telah mendapat faedah dari geran ini dengan nilai jumlah RM1.63 billion . Keduanya program subsidi upah untuk membantu majikan meneruskan operasi dan mengekalkan pekerjaan mereka selepas terkesan akibat penularan wabak Covid-19 ini dengan bantuan sebanyak RM600 untuk setiap pekerja dan tuntutan sebanyak RM8.99 Billion telah diluluskan oleh kerajaan untuk 318,258 majikan yang memanfaatkan lebih 2.6 juta pekerja. Dana pinjaman mudah PKS untuk membantu PKS yang terjejas akibat wabak ini melalui pinjaman perniagaan dengan kadar faedah sebanyak 3.5% setahun dengan saiz pinjaman sehingga RM500,000.00 untuk setiap PKS hingga Jun 2020 dan sebanyak 19,539 permohonan telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM8.4 Billion dan juga PKS ataupun IKS yang terjejas dimana semua IKS terjejas dan untuk kita spesifik kepada IKS-IKS yang terjejas dengan teruk bagi kerajaan, semua IKS yang terlibat dalam pandemik covid ini adalah terjejas dan InsyaAllah cadangan untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan ataupun daripada peruntukan RM200 juta yang telah diluluskan sewaktu zaman Mantan Perdana Menteri yang memberikan kepada kerajaan negeri Kedah sekiranya mendapat kelulusan daripada semua InsyaAllah kita akan menggunakan sebaik mungkin. Terima kasih.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya mintak satu perkara saja sebab tadi ni ada satu soalan yang saya tanya mungkin tak dijawab mengenai proses kelayakan menerima. Kalau boleh Yang Berhormat Kuah boleh beri jawapan bertulis menganai proses dia.

YB. TUAN SPEAKER

Jawapan bertulis pun tak pa!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Boleh! Untuk proses terlalu banyak proses yang akan disebutkan dan InsyaAllah saya akan hantar jawapan bertulis dengan detail semua proses-proses kelayakan kepada Yang Berhormat Jitra. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, kita bagi yang baru masuk!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Alhamdulliah ada nikmat juga lah kut yang lambat masuk ni. Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan bantuan kepada penjaja kecil, saya nak dapatkan daripada YB. Kuah sebab tadi disebut pinjaman yang diberikan juga dikenakan kadar keuntungan 3.5% pada hal Bank Negara telah pon review (Dengan Izin) OPR dia kepada 1.5% sahaja dan kita lihat Singapura bagi membantu PKS mereka telah mengenakan hanya point 1%, kira macam tak ambil apa lah. Jadi, kalau boleh, yalah mereka mohon daripada BSN ataupun TEKUN tetapi kita 'subsidies'kan (dengan Izin) kadar keuntungan tu supaya beban mereka untuk membayar balik tu tak terlalu tinggi dan satu lagi YB. Tuan Speaker, saya ingat yang tercicir di dalam kelompok yang mendapat manfaat daripada Prihatin, Penjana dan sebagainya ialah yang Super Micro seumpamanya mereka yang meminjam daripada Amanah Ikhtiar kita lihat kalau BSN dan TEKUN ini mereka kena ada pendaftaran SSM apa semua, hat geng-geng tu depa tak dak, depa tak daftar dengan sapa pon kan? Jadi, yang lain dapat moratorium YB. Kuah pun mungkin dapat moratorium 6 bulan automatic (dengan Izin) sebelum ni, tapi kelompok ni tak dapat. Jadi, apakah pihak kerajaan negeri juga boleh tengok dan boleh memberikan sedikit bantuan kepada mereka dalam bentuk mungkin moratorium dan saving (Dengan Izin) bulanan ataupun mingguan mereka yang mereka nak kena bayar balik ini boleh mereka belanja untuk keluarga dan masuk semula dalam ekonomi. Jadi, itu saja nak tanya kepada YB. Kuah. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima Kasih Yang Berhormat Anak Bukit, di mana kadar keuntungan 3.5% daripada Skim Pinjaman Micro yang diletakkan di dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan cadangan supaya seperti Singapura yang membuat 0.1% dan juga kerajaan menanggung subsidi dikira macam kerajaan membantu dari segi pembayaran balik kepada tanggungan peratusan tersebut dan cadangan tersebut amat baik dan InsyaAllah sekiranya berkemampuan, kewangan kerajaan negeri yang meginzinkan untuk kita buat seperti Singapura InsyaAllah kita juga boleh lakukan tetapi perlulah berbincang di peringkat EXCO untuk mendapat kelulusan.

Seterusnya berkenaan dengan yang tercicir. Ini menjadi masalah apabila peniaga-peniaga kecil yang berniaga tepi-tepi jalan yang tak berdaftar dengan SSM ini juga sedang kita perhatikan yang kita mintak UPUK (Unit Pembangunan Usahawan Kedah) supaya melihat golongan-golongan IKS yang kecil ni yang peniaga-peniaga kecil yang jual karipap, roti canai yang kecik-kecik. InsyaAllah kalau kerajaan negeri mempunyai dana ataupun peruntukan yang lebih InsyaAllah boleh bantu. Buat masa sekarang ni kita berbelanja mengikut kantung kerajaan negeri dan juga kemampuan daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Kita masuk ke soalan nombor 8!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tuan Speaker, saya pohon jawapan untuk soalan nombor 8. Jawapan itu haruslah teperinci dan menyeluruh. Terima kasih.

8. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]

Kebelakangan ini , terdapat banyak aduan dari penduduk-penduduk disekitar (Ambangan Heights dan SP Saujana) Dun Bukit Selambau yang mengadu berhubung bau busuk yang kurang menyenangkan dari sumber pemprosesan plastik dari kilang di kawasan Dun Bukit Selambau.

Pohon dinyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pencemaran ini?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam!

YB.DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan nombor 8 yang dikemukakan oleh YB. Bukit Selambau. Jawapannya adalah merujuk kepada Keputusan Mensyuarat Jawatankuasa 'task force' mengenai isu kilang kitar semula plastik di Daerah Kuala Muda yang bersidang pada 4 Ogos 2020 yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Industri dan Pelaburan telah memutuskan untuk memindah kilang-kilang plastik kitar semula yang berada di kawasan Sungai Petani ke kawasan industri di Bukit Selambau sebagai langkah untuk mengurangkan masalah pencemaran di Sungai Petani berkaitkan dengan isu bau sekiranya terhasil adalah dijanakan dari proses 'melting' (dengan Izin) plastik so adalah di bawah tindakan Jabatan Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jabatan Alam Sekitar telah melakukan rondaan dan pemantauan termasuk pada malam dan awal pagi. Hasil penyiasatan tersebut mendapati bahawa bau busuk yang kurang menyenangkan di kawasan tersebut adalah berpunca daripada kebakaran tapak pelupusan sampah Semeling yang masih terbakar. Walau bagimanapun, jabatan telah memberikan notis arahan kepada kontraktor tapak tersebut untuk memadam kebakaran di tapak tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

`

Soalan tambahan saya adalah, apakah keberkesanan pihak penguasa untuk memastikan masalah pencemaran ini ditangani dengan secepat mungkin kerana untuk pengetahuan Yang Berhormat, kami sering mendapat aduan melalui telefon ataupun WhatsApp waktu kebelakangan ini dari group Saujana Height dan SP Height, menyatakan mereka mendapat masalah pencemaran ini dari pukul 10.00 malam sampai 5.00 pagi selepas itu kurang. Jadi, apakah keberkesanan pihak penguasa dan pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan benda ini terjadi pada waktu yang tertentu itu. Sekian, terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, dari dasar negeri kita telah tutup pelupusan sampah Semeling so kita telah berbincang dalam Mensyuarat MMK, Pengerusi YB. EXCO Kerajaan Tempatan untuk berunding dengan operator tapak Semeling. Sementara itu tak boleh nafikan bila tapak Semeling ditutup ada sesetengah yang 'legal' ka tak, ada lesen ke tak dak lesen ka, yang memang terdapat banyak sisa di Sungai Petani. Semasa saya jadi YB. Pembangkang atau YB. di sebelah sini saya selalu kemukakan isu-isu alam sekitar. So, bila terjadi macam ni, bila ada pelupusan sampah yang terbakar, memang bila Mensyuarat MMK kita tutup. Bila tutup, sisa-sisa yang terlalu banyak yang terdapat di Sungai Petani macam mana? Dia akan buang rata-rata tempat, macam saya sendiri saya turun tangkap gambar di kawasan terbiar di tepi Sungai Tukang kalau taksilap saya dan kes macam ni sudah di 'caj under court' (dengan Izin) so selepas ini kita akan 'drivert' dengan semua sisa-sisa kita akan 'drivert' ke Jabi ka atau Padang Cina ka dengan kos yang lebih tinggi dan masa yang lebih panjang lagi. Oleh itu, kita sudah buat keputusan akan tutup dan kita akan minta bantuan daripada KPKT kalau tak silap saya kewangan negeri kita terhad maka kita kena ada satu formula untuk selesaikan masalah ini secepat mungkin.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih Tuan Speaker. Jawapan YB. Sidam tadi nampaknya jawapan yang agak 'standard' dan saya duk dalam dewan pun dengar macam tu jugak dulu pun malah YB. Sidam suatu ketika dahulu sebelum menjadi EXCO mengepalai 'team' yang cukup habis-habisan menentang mereka yang mengakibatkan bau busuk di kawasan Sungai Petani dan sekitarnya. Malah, salah sebuah kilang yang terbesar dibakar kononnya kilang inilah yang menyebabkan bau busuk di kawasan Sungai Petani dan dikatakan saya pelindung kepada kilang ini, yang terbukti tidak bersangkut paut dengan saya. Soalan saya 2, yang pertama sedarkah YB. Sidam bahawa 'open burning' ni tak boleh pakai dah... orang pun dah tak buat dah 'open burning' ni. Jadi kerajaan harus cari jalan khususnya di Semeling 'open burning' seperti juga dikatakan oleh sahabat saya di Tanjung Dawai kawasan tu sentiasa bukan sahaja pagi, petang tapi 'open burning' tak boleh YB. Tuan Speaker. Jadi, sebab itu harus cari jalan dan ada 'time break', kalau kita nak 'move' kita 'move' 3 tahun, 5 tahun, 7 tahun, 10 tahun, harus ada satu 'dead line' bila kita nak selesaikan masalah 'open burning, because' dia sangat menjejaskan kesihatan budak-budak, orang tua dan sebagainya. Yang ke dua, kilang-kilang haram ini tak payah tunggu kementerian pun.... asalkan dia tidak ada lesen dan dia buat 'open burning', tutup! Dan seperti YB. Sidam selalu sebut, paksa kita tutup jadi yang menyebabkan mereka tak tutup. Jadi, soalan saya bilakah masalah ini di selesaikan? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Soalan nombor 1 yang di bangkitkan oleh YB. Gurun saya rasa kilang yang terbakar yang saya 'lead' untuk PTAS atau sesuatu NGO ini tak betul lah. Saya rasa kalau boleh YB. Gurun minta tarik balik, saya tak dak 'lead' untuk PTAS. Saya sebagai wakil dekat sana, saya ada hak saya untuk temu dengan orang yang 'complaint'. Saya rasa bukan semasa BN sahaja yang jadi macam ni mungkin semasa dengan PH jadi macam ni, tak boleh dinafikan memang sampai sekarang pun ada lagi. So, cadangan saya, bukan saya yang lead semua untuk saya jadi kepala jadi apa, yang saya dapat adalah complaint so saya akan kemukan mana-mana dekat Sidang Adun atau atau di mana saja. Kalau tak silap saya pun tak pasti yang kilang yang terbakar dia ada hantar dan letak satu gambar dengan nombor yang YB. Gurun sebagai 'Corporate Advisor', Ahli Parlimen Sungai Petani adalah 'Corporate Advisor' untuk kilang yang tentulah tapi nampaklah itu gambar semua tapak tapi saya tak pasti.

Bagi soalan nombor 2 saya rasa 'open burning', kita ada cadang kepada KPKT dan KPKT pun ada cadang kepada kita memang 'open burning' tidak sesuai setakat ini. So, apa yang sepatutnya kita ada planing yang selanjutnya adalah mungkin 'waste technology, incinerator' ka kita akan plan sesuatu mungkin bukan hanya satu tempat kita akan plan, seperti tiga minggu yang lalu saya berjumpa dengan Menteri KPKT kita plan untuk satu dekat Kuala Muda dan satu lagi dekat Kulim so kita akan berunding lagi dengan Menteri KPKT. Setakat ini kilang yang terus ditutup tak pa, kita ada satu 'list' berapa kilang yang ada lesen semasa waktu PH, semasa waktu BN kita tutup berapa yang tak tutup berapa, masih beroperasi kita ada satu list. Tapi ini adalah kuasa 'under' Kerajaan Tempatan, kita memang ada satu 'list'. Kita pun tak akan biarkan isu ini berlanjutan sehingga orang complaint, sampai WhatsApp, bukan hanya YB. Gurun sebagai MP Sungai Petani dan YB. Bakar Arang yang kena saya pun kena juga. Memang isu ini saya rasa 'the main issue' bau busuk dekat sini, punca utama adalah asap dari pelupusan sampah Semeling, itu saja.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Tuan Speaker...

YB. TUAN SPEAKER

Kalau kita sambung panjang... sampai pukul 1, jadi saya masuk dengan nombor 9.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Sikit saja sebab kawasan saya disebut tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Memang disebut, banyak juga kawasan disebut. Soalan nombor 9!

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Tuan Speaker, mohon jawapan soalan nombor 9. Terima kasih.

9. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

[ADUN AYER HITAM]

Sering terdengar rungutan dalam merata media sosial berhubung dengan liputan talian selular yang lemah di merata tempat di negeri ini.

Pohon penjelasan berhubung perkara tersebut dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, terima kasih kepada YB. Ayer Hitam.

Dari Ayer Hitam ke Guar Perahu,
Perjalanan Berbatu-batu ,
Kalau Ayer Hitam ingin tahu,
InsyaAllah saya Bukit Pinang boleh bantu.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Soalan daripada YB. Ayer Hitam ada dua kategori soalan, yang pertama iaitu sering terdengar rungutan dalam merata media sosial berhubung dengan liputan talian selular yang lemah di merata tempat di negeri ini. Pertama terdapat banyak kekangan-kekangan yang berlaku, setelah itu saya memang telah minta maklum balas daripada seluruh Adun-Adun melalui WhatsApp dan juga Pejabat Daerah. Terdapat 270 lokasi lebih memang tak dapat talian langsung, tak dapat langsung.....(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

200....???

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

270 lokasi yang tidak terdapat liputan yang baik dan yang keduanya, musim Covid ni kebanyakan orang duk di rumah lah memang tumpuan begitu penuhlah untuk talian internet ni dari segi 'connection' memang sukar dapat dan yang ketiganya terdapat di Kedah ni Celcom dia fokus di Kedah dan Perak, bagi Maxis, Time dan Digi tidak fokus di Kedah dan Perak lah, Kedah dia suruh Celcom. Tapi walau bagaimanapun, masih ada kekangan-kekangan termasuk juga Celcom di Bandaraya Alor Setar sendiri pun liputan yang lemah. Seterusnya iaitu kita lihat apabila senarai 270 itu terdiri daripada 8 daerah, Baling, Sik, Padang Terap, Kulim, Yan, termsuk Pokok Sena sendiri Kota Kuala Muda dan juga Kota Setar. Itu kedudukan-kedudukannya, kita tidak dapat menafikan kelemahan yang sering berlaku. Selepas itu, tindakan kerajaan negeri kita telah memanggil semua Telco-Telco ini minta supaya di upgradekan setelah kita lihat 2G mesti di upgrade ke 3G ke 4G iaitu di sini, di Langkawi 5G lah, mesti diupgrade sekurang-kurangnya tahun ini mesti selesai dan setelah itu 3 Telco yang saya panggil Telecom, Celcom dan satu syarikat Halo, pilot-pilot projectnya iaitu anak syarikat di bawah TNB dia telah buat di Jasin dengan pelaburan RM130 juta bagi seluruh Malaysia dan difokus di Kedah ini 4 lokasi iaitu pertamanya di Mergong, Aman Jaya, Tanjung Pauh dan juga Kulim. Ia sebuah syarikat yang memfokuskan kepada 20 ribu talian yang terdapat di Kedah supaya diupgrad kan kepada internet. Selepas itu, TM memberi komitment 46 ribu stremix akan diupgradekan kepada Unifi akhir tahun atau awal tahun 2021. InsyaAllah juga Telecom komitmen 71 ribu telah diberi kepada Unifi itu yang telah disebut telah memberi komitmen kepada kita. Target kerajaan negeri kita nak supaya negeri Kedah ni sebagai negeri 'smart' ICT, itu fokus kita walaupun sebelum ini kita tidak dapat nafikan 2 tahun yang lalu tidak pernah ada satu pun mensyuarat ICT memanggil semua daerah-daerah supaya memastikan Kedah ini menjadi negeri ICT. Itulah yang saya dapat sebutkan sepintas lalu untuk memastikan Kedah ini InsyaAllah menjadi negeri yang... saya tak mau sebut sapa-sapa mungkin semasa itu ada kekangan-kekangan yang tidak dapat di nafikan. Selepas itu, bila saya mengambil alih saya rasa bertanggungjawab bagi memastikan Kedah ini Insha'Allah kalau kita tak dapat 5G seperti Langkawi sekurang kurangnya 4G di sebelah ini. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Exco di atas jawapan yang begitu meyakinkan kita bahawa tindakan-tindakan telah diambil untuk memastikan komunikasi di Kedah ini berjalan dengan elok Insha'Allah. Soalan tambahan saya ialah saya mendapati bahawa Yang Berhormat Exco ada menjumpa dengan Menteri Komunikasi di Putrajaya, boleh atau tidak berkongsi dengan kami adakah ada berita baik atau hasil yang baik untuk Kedah ini? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Bukit Pinang!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ya, terima kasih YB. Ayer Hitam, dia perhati juga kut saya duk pi jumpa menteri, terima kasih prihatin. Pertama kali apa saya lihat kelemahan-kelemahan ini berlaku, saya terpaksa bertanggungjawab untuk kunjung hormat tempat saya nak mengadu lah. Pertama saya jumpa Pengurusi SKMM dan yang keduanya Menteri KKM (Kementerian Komunikasi dan Multimedia) yang seterusnya saya berjumpa dengan Menteri dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Pengguna, Insha'Allah, Alahmdulilah bila saya pergi ke situ pada 10 Ogos hari Isnin saya dapat jumpa semua menteri-menteri di bawah portfolio saya lah supaya memastikan Kedah ini apa cita-cita kita akan tercapai. Pertama apabila saya berjumpa dengan pihak SKMM beliau telah memberi komitmen Insha'Allah akan bantu Kedah dengan seberapa segera dan dia memberi cadangan-cadangan input-input yang baik pertama kita dapat satu kelulusan pos mini di Pulau Tuba, yang keduanya apabila saya berjumpa dengan pihak menteri, fokusnya Kulim Hi-Tech kita upgradekan supaya kepada 5G, Insha'allah itu fokus menteri yang memberi komitmen kepada kita. Setelah saya berjumpa menteri saya telah mencadangkan beberapa proposal supaya kita dapat mengambil tindakan dengan segera Insha'Allah beliu telah memberi komitmen dengan baik. Pertamanya dalam Portfolia Penerangan saya mengadu hal kepada dia juga kerana saya tau bila saya pergi mensyuarat daerah dengan Yang Berhormat Menteri Besar kita pi di daerah-daerah. Di samping itu, saya telah pergi ke portfolio saya termasuk Portfolio Penerangan dan juga Portfolio Komunikasi Internet saya pergi ke tempat internet dan penenrangan, dalam penerangan itu saya nampak banyak kekangan-kekangan walaupun Kementerian Penerangan ini amat penting sebagai frontliner juga walaupun masa covid orang tak nampak penerangan ini sebagai fronliner sedangkan penerangan ini adalah frontliner sebab untuk menghubungkan maklumat kerajaan pada rakyat. Tapi apabila musim covid ni kadang-kadang kekangan-kekangan yang berlaku mereka

tidak dapat sampai kepada rakyat dengan baik contohnya macam pa-system dan peralatan-peralatan yang lain, saya mengadu hal kepada Menteri Insya'allah menteri telah memberi komitmen akan beri peruntukan untuk beli semua 12 daerah peruntukan untuk menaik tarafkan pa-system itu pertama kali. Seterusnya menteri Insy'allah mengikut pengakuan semasa berjumpa beliau akan turun ke Kedah, SKMM Inysa'Allah akan berjumpa YB. Menteri Besar pada 6 haribulan 9 ini jam 2.30 petang dan juga Menteri, YB. Dato' Saifuddin Bin Abdullah akan turun ke Kedah, Insha'allah beliau akan fokus ke Kulim Hi-Tech. Sekian, itu untuk jawapan kepada soalan tambahan daripada YB. Ayer Hitam. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Bukit Pinang. Saya rasa 22 bulan tak mensyuarat kita maafkan lah noh? Cuma saya nak bertanya berkaitan dengan Digital Kedah dan Digital Langkawi yang mana kita tau kita telah melancarkan pada 2017 haritu Digital Kedah dan Digital Langkawi. Adakah ini akan diteruskan oleh kerajaan dan hari tu pun tau 2019 dilancarkan lagi sekali Digital Langkawi. Bagaimana perancangan kita untuk meneruskan Digital Kedah dan Digital Langkawi ini dengan perhebatkan infrastruktur ICT dalam Negeri Kedah?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih kepada YB. Bandar Baharu, nak kata 'girlfriend' tidak la tapi sahabat lama saya. Dulu semasa saya duduk sebelah sana selalu saya sebut "jauh di mata tapi dekat di hati", termasuklah YB. Sungai Tiang. Saya ingat lagi semasa tu YB. Jitra senyum saja bila saya sebut macam tu. Tapi walau bagimanapun tak pa, kita sesama umat Islam yang paling penting silaturahim kita, itu salah satu syarat hijrah Rasulullah bila sampai ke Madinah perhubungan silaturahim itu diwajibkan. Insha'Allah dalam Kedah Digital Kedah ini kita pun telah berjumpa 2,3 kali dengan Pejabat KDC, seterusnya akan mengadakan latihan-latihan sehingga sekarang ini 10 ribu usahawan melalui pusat internet di seluruh 77 lokasi di seluruh Kedah. Apabila saya turun ke pusat internet memang fungsinya amat penting seperti keadaan musim

covid sekarang ini 'student' boleh akses di situ sama ada soalan sekolah ka ataupun kerja-kerja sekolah, yang keduanya usahawan-usahawan apabila saya turun di Cegar, Pulau Tuba dan juga di Langgar, nampak seorang makcik menjual 'toqua' sahaja tapi dia 'promote' melalui pusat internet, pendapatannya RM4,000.00. hingga RM6,000.00 sebulan jual 'toqua' sahaja! Di Cegar dia 'centralize'kan supaya produk tempatan seperti kicap Mudim,.....(YB. Anak Bukit Mencelah mencelah)

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Toqua... apa dia toqua?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Tauhu..... saya panggil toqua di kampung (sambil ketawa).

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

YB. LA tak tak faham...dia orang Kelantan.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Memang disebut tauhu tapi saya kata maksud tauhu yang saya tau kata toqua lah, saya mitak maaf. Tapi memang di Cegar dia kumpulkan produk-produk tempatan termasuk Kuah Rojak Mak Bee dan sebagainya dipromote melalui internet pendapatan dia RM8,000.00. hingga RM11,000.00 sebulan. Ini menunjukkan kelebihannya Digital Insha'allah Kedah tak akan terlepas walaupun covid tapi produk-produk yang lain contohnya apabila saya pergi bagi bantuan di pejabat pos, pejabat pos itu sebagai 'centralize', orang kata SOD la tapi macam melalui surat-surat di seluruh Kedah ni 'centralize' dia di Alor Setar pejabat pos yang paling besar tapi menunjukkan pendapatannya meningkat ganda lebih daripada tahun-tahun yang lepas, ini saya jumpa ketua dia sendiri.

Menunjukkan semua parcel-parcel yang dipasarkan di seluruh Kedah Perlis di'centralize' di Alor Setar menunjukkan pendapatan dia tidak pernah berlaku sebelum ini lebih daripada tahun

yang lalu. Ini menunjukkan keistimewaan digital, itulah yang saya dapat maklumkan sedikit sebanyak di dalam dewan ini pastikan Kedah tidak terlepas sebagai negeri ICT. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Bukit Pinang. Ini satu contohan Exco yang aktif lah, dia turun ke Kuala Lumpur. Jadi, Exco-Exco lain tu ikutlah contohan daripada YB. Bukit Pinang turunlah berkunjung ke kementerian-kementerian tak la berat sangat MB di Negeri Kedah ni, mintak tolong di Pusat. Di persilakan YB. Exco-Exco turun ke Kuala Lumpur. Soalan nombor 10!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Mohon jawapan kepada soalan nombor 10.

10. YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS
[ADUN KUBANG ROTAN]

Pohon dinyatakan:-

Apakah jaminan Kerajaan Negeri Kedah bagi memastikan Hutan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang membabitkan 4.2 juta orang rakyat, tetap terjamin serta kekal terpelihara?

YAB. MENTERI BESAR

Assalamuaaliakum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, terima kasih kepada YB. Kubang Rotan soalan Kubang Rotan ni berkaitan jaminan kerajaan untuk memastikan Hutan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang terjamin dan kekal terpelihara. Hutan Ulu Muda ini diwartakan pada tahun 1932 seluas 106,418 hektar dan sebahagian kawasan lain lagi telah dikelaskan sebagai Hutan Tadahan Air untuk tujuan pembekalan air.

Selain itu, kerajaan negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan kawasan tadahan air dan khazanah alam tidak terancam serta kekal terpelihara. Untuk rekod

YB. Kubang Rotan dan juga YB. Pengkalan Kundur yang memetik interview saya dengan akhbar kononnya pembalakan di Ulu Muda ini menjadi hala tuju kerajaan negeri seperti yang disebutkan oleh YB. Pengkalan Kundur semalam. Tulis-tulis baik-baik, sudah ada kawasan yang diluluskan untuk pembalakan sebelum saya memasuki pejabat pada 17 Mei 2020 kawasan yang diluluskan untuk pembalakan 25,553 hektar telah diluluskan di kawasan Ulu Muda, ada yang termasuk dalam kawasan hutan cadangan tadahan air tambahan dan yang saya disebutkan dalam interview dirujuk oleh YB. Pengkalan Kundur semalam tu ialah berkenaan dengan tuntutan pampasan yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu menuntut ganti rugi setelah dibuat pembatalan kawasan-kawasan tersebut pada bulan September 2018. Interview saya panjang, ada dua muka surat penuh berkenaan dengan interview tersebut, tajuk pembalakan ini hanya sikit tak sampai 5%, di muka surat kedua tuan-tuan boleh merujuk Berita Harian, 31 Mei 2020 tak sampai 5% daripada interview ini adalah berkaitan dengan soalan yang ditanyakan "pembalakan di Ulu Muda yang dihentikan sebelum ini adakah kerajaan negeri akan teruskan dasar ini?" Jawapan saya jelas bahawa "kerajaan akan meneruskan dasar untuk memelihara alam sekitar dan kerajaan perlu mempertimbangkan kawasan ganti di tempat lain yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan untuk diusahahasil sebagai ganti kepada tuntutan pampasan yang dikemukakan oleh Persatuan Pembalak-Pembalak". Saya harap pemimpin-pemimpin kita dapat membuat rujukan yang tepat sebelum kita bercakap di media sosial, bercakap di dalam dewan ini tanpa maklumat yang tepat merujuk daripada maklumat-maklumat 'cyber trooper' yang telah 'spin interview' saya ini kononnya saya bercadang untuk membuka semula pembalakan di Ulu Muda. Itu tidak benar, kebenarannya ialah saya minta camkan kawasan lain di tempat lain sekiranya kerajaan kekal dengan dasar tidak membenarkan pembalakan di Ulu Muda. Saya tak pasti kerajaan tidak menemui memorandum yang telah dihantar oleh Persatuan Pembalak. Namun begitu, bagi menjawab soalan YB. Kubang Rotan, kerajaan negeri komited dengan yang apa tinggal sekarang ini di Ulu Muda untuk kita jamin bekalan air kepada 4.2 juta rakyat di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dapat dipelihara. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Soalan tambahan YB. Speaker, berkenaan dengan tunggakan seperti mana yang telah disebut dalam sidang media Yang Amat Berhormat Jeneri bagitau sebelum ini, tuntutan-tuntutan tersebut adakah tuntutan itu secara tuntutan legal atau tuntutan biasa sahaja dan kita nak tahu juga soalan yang kedua berkenaan dengan kita tahu bahawa 96,558 hektar sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) juga melibatkan Hutan Ulu Muda. Jadi, bagaimana komitmen kerajaan negeri? Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Kalau kita baca salinan akhbar ini dan memorandum itu memang ada dihantar kepada saya pada masa itu, saya selaku Ketua Pembangkang. Mungkin kerana hantaran kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu tidak dilayan maka dia ada hantar satu salinan kepada saya tapi saya dah cari balik tapi tak jumpa tapi saya jumpa lah di dalam laporan akhbar ini, mereka menuntut RM40 ribu sehektar selain mengenakan caj 8% sebulan bagi jumlah premium yang telah dibayar kepada kerajaan negeri. Sehubungan itu, satu memorandum bantahan telah dihantar kepada Menteri Besar Dato' Sri Mukhriz Tun Mahathir dan Pejabat Perhutanan pada Rabu lalu, panjang lagilah cerita dia, tuntutan itu bukan tuntutan mahkamah saya tak pernah sebut pun tuntutan mahkamah, hat kesimpulan andaian-andaian dibuat oleh ADUN-ADUN sendiri lah.

Berkenaan dengan bekalan air sawah padi kita telah berunding dengan Kementerian Sumber Asli untuk memohon daripada Kerajaan Pusat sebagai ganti kepada simpanan hutan sebagai tadahan untuk air minuman dan air pertanian, kita mohon RM100 juta sebagai pampasan bagi pengekalan kawasan tadahan di Ulu Muda. Selain itu, kita juga menuntut Kerajaan Persekutuaan mempertimbangkan sebagai ganti kepada tanah-tanah sawah yang tidak dibangunkan dengan projek-projek pembagunan lain yang boleh mendantangkan hasil kepada kerajaan negeri melalui cukai tanah sekiranya tanah itu dibangunkan dengan perumahan atau projek-projek komersial kita kehilangan RM1.7 billion daripada cukai tanah yang kita korbankan kerana kita mengekalkan kawasan itu sebagai kawasan padi. Jadi, tuntutan kita kepada Kerjaan Persekutuaan untuk dipertimbangkan ialah 10% daripada RM1.7 billion iaitu RM170 juta. Itulah usaha sedang dibuat oleh kerajaan negeri untuk kita dapat ganti daripada pengekalan kita kepada tanah sawah padi dan juga hutan tadahan air. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai surat yang kononnya dihantar, memang betul sebenarnya bukan konon ya, surat yang dihantar oleh Persatuan Pembalak Negeri Kedah kepada saya selaku Menteri Besar ketika itu. Ada tidak dinyatakan berapa pampasan yang dipohon ataupun dituntut. Benar ataupun tidak Yang Berhormat Jeneri sendiri menyatakan bahawa ada tuntutan sampai mencecah RM1 billion.

Kemudian, soalan kedua saya ialah tidakkah selepas itu ada 3 Mensyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi yang juga dihadiri oleh 3 pegawai yang duduk di belakang Yang Amat Berhormat, yang sikit sebanyak telah selsaikan kesemua isu-isu penangguhan pembalakan di kawasan Ulu Muda itu.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Boleh tambah sikit soalan tambahan, sekali! Sekali! Sebab saya 'refer' kepada soalan bertulis yang dijawab kepada saya. Yang pertamanya, sepanjang Pakatan Harapan memerintah kita telah meluaskan kawasan tadahan itu dan daripada jawapan ini belum diwartakan termasuk 25 ribu hektar yang disebutkan tadi yang telah diluluskan di dalam kawasan cadangan tambahan itu dan telah digantiksn di tempat lain. Saya ingat maklumat yang diberikan kepada saya melalui jawapan ini nampak maklumat yang tidak di 'up to date'. Jadi, adakah perwartaan itu berlaku, tambahan itu berlaku dan masih dipetik tadi 25,000 hektar itu diluluskan pada hal kita telah mengganti di kawasan lain. Itu tambahan kepada YB. Jitra tadi.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih kepada YB. Jitra dan YB. Pengkalan Kundur. Soalan YB. Jitra tadi ialah tentang berapa jumlah yang dituntut. Yang disebutkan dalam memorandum ini adalah RM40,000

sehektar. Kalau dikali dengan jumlah keluasan yang telah diluluskan 25,553 hektar kita akan dapat jumlah RM1,022,120,000.00, saya tak sebut RM1 billion tepat, saya angarkan lebih kurang RM1 billion. Kalau dikali jumlah tuntutan ini dengan jumlah keluasan yang telah diluluskan, saya ada banyak maklumat untuk dibekalkan kepada Ahli-Ahli Dewan kalau Ahli-Ahli Dewan sedia mendengar. Belum ada kawasan ganti terhadap 25,000 itu dan Mensyuarat Hasil Bumi yang terakhir dan dipengurusikan oleh bekas Menteri Besar pada 5 Mei 2020 telah melepaskan semua sekatan pembalakan yang dikenakan di kawasan Ulu Muda. Sebagai rekod, saya takut lepas ni di'spin' lagi bahawa pelepasan itu dibuat oleh kerajaan pada hari ini, pelepasan pembatalan kawasan pembalakan di Ulu Muda dibuat pada 5 Mei 2020, ini kawasan Ulu Muda, kawasan biru ini adalah kawasan tadahan, cadangan dua kawasan tadahan baru ialah di sebelah atas yang ada garisan biru ini kemudian cadangan yang kedua ialah di bahagian bawah sebahagian kawasan yang di luluskan itu terletak di dalam kawasan cadangan tambahan ini. Itulah yang saya maksudkan dalam interview saya bahawa perlu dibuat pengecaman kawasan lain, tapi di'spin' seolah-olah saya mempunyai hala tuju kerajaan negeri untuk mambalak "merogol" semula kawasan Ulu Muda, bahasa yang indah sikit la. Jadi,saya nak hentikan isu ini bahawa.....(YB Jitra Mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya ingat Yang Amat Berhormat Jeneri kena beri jawapan yang tepat ya, sebab keputusan-keputusan dalam Jawatankuasa Hasil Bumi itu tak sepertimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhomat. Kalau saya yang ingat, yang hanya diluluskan sebahagian kecil sahaja untuk GLC negeri, yang lainnya semua dipindah.

YAB. MENTERI BESAR

Saya ada minit dari Mesyuarat Hasil Bumi bahawa pelepasan sekatan pembatalan di Ulu Muda dibuat pada 5 Mei 2020. Betul tak betul?

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sekali lagi, macam mana?

YAB. MENTERI BESAR

5 Mei 2020 dibuat Mensyuarat Hasil Bumi untuk membuat pelepasan kepada pembatalan sebahagian daripada kelulusan kawasan pembalakan ini.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sebahagian tu berapa besar Yang Amat Berhormat?

YAB. MENTERI BESAR

Sat lagi saya bagi 'detail' dalam pegulungan Insha'Allah.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya ingat kecik sangat kut kawasan-kawasan yang terlibat dalam GLC sahaja..... (YB. Speaker Mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa! Tak pa! Dalam pegulungan nanti ada pencerahan lagi.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya mintak Yang Amat Berhormat Jeneri hati-hati sikit dengan kenyataan yang dikeluarkan!

YAB. MENTERI BESAR

Ya! Saya sangat berhati-hati dan saya harap ini menghentikan tuduhan bahawa kerajaan negeri.....duduk dulu YB. Pengkalan Kundor saya nak jawab! Duduk dulu!

YB. TUAN SPEAKER

Duduk dulu! Bagi YAB. jawab dulu!

YAB. MENTERI BESAR

Saya ingin menghentikan bahawa tuduhan kerajaan sekarang ini mempunyai hala tuju untuk memulakan semula pembalakan di Ulu Muda. Kalau tuan-tuan tengok plan tadi, hampir sudah tidak ada kawasan yang boleh diluluskan lagi kawasan pembalakan di Ulu Muda. Jadi, kalau ada proses tebangan, pengeluaran kayu-kayu dari Ulu Muda selepas daripada ini, ia bukan kelulusan di dalam proses kerajaan ini, kelulusan ini sudah lama sampai 25,000 hektar dan tentulah Jabatan Perhutanan mempunyai cara-cara atau kaedah-kaedah untuk mengawal tembangan di mana kita Kedah diberi kuota tebangan 3,000 hektar setahun dan ini diberi komitmen oleh Jabatan Hutan perlesenan kawasan tebangan tidak akan melepasi kouta yang ditetapkan untuk memlihara kawasan Ulu Muda.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan yang ke 11.....(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya bukan nak tanya soalan, dak.... sebab begini YB. Tuan Speaker, kerana sekarang ini ada konflik sama-sama pernah jadi kerajaan....

YB. TUAN SPEAKER

Dak! Dak! YB. Alor Mengkudu!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sat lagi kena berdebat di luar dewan kut.....nak kena berhujah di luar dewan sebab masing-masing ada fakta!

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa! Kita minum kopi sat gi kita sembang lagi. Silakan nombor 11!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSOF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya mohon jawapan kepada soalan saya nombor 11.

11. YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF
[ADUN SUKA MENANTI]

Pohon diperincikan langkah Kerajaan Negeri dan Agensi yang menyokong sistem Pendidikan Pra Sekolah TABIKA yang dikendalikan oleh KEMAS, serta komitmen untuk memberi ruang kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak 4-6 tahun di seluruh KEDAH.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, saya akan cuba menjawab soalan nombor 11 daripada ADUN Suka Menanti, ADUN Suka Menanti memang cukup prihatin dengan TABIKA kerana dua soalan yang sama, soalan bertulis pun ada, soalan lisan pun ada, soalan yang sama. Soalan bertulis muka surat 42, jawapan nombor 26, itu jawapan yang ditulis yang pohon jawapan bertulis dan ini jawapan lisan sama sahaja soalan dia. Jadi, saya cuma membaca sedikit, kalau kita sebagai seorang ADUN, kita hanya mendapat 11 soalan untuk diajukan di dalam dewan, 6 soalan lisan 5 soalan bertulis. Kalau soalan lisan dan bertulis soalan yang sama, saya rasa rugilah untuk bertanya soalan lain, soalan yang sama jawapan yang sama dalam buku ni muka surat 42. Tapi saya akan cuba jawablah untuk jawapan yang diberikan. Kerajaan Negeri Kedah melalui Jabatan Kemajuan Masyarakt (KEMAS) sentiasa prihatin mengenai Pendidikan Awal Kanak-kanak melalui Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA). Jumlah keseluruhan TABIKA yang berada di Negeri Kedah adalah sebanyak 832 buah yang melibatkan kanak-kanak seramai 18,230 orang dari umur empat (4) hingga enam (6) tahun. Sepanjang anak-anak ini berada di TABIKA mereka didedahkan dengan 8 modul pelajaran yang di tetapkan seperti berikut:-

- Modul Sivik
- Modul Penghayatan Islam
- Modul PEERS (Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial)
- Modul Patriotik

- Modul Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R
- Modul Keyakinan Diri
- Modul Amalan Kebersihan
- Modul STREAM (Science, Technology, Religion, Engieering, Art, Mathematic)

Jadi, dalam KEMAS juga dia bagi sumbangan, sumbangan bulanan dikenakan adalah masih rendah berbanding dengan pihak swasta iaitu RM15.00. hingga RM25.00 daripada waris dan puratanya di negeri Kedah ini sumbangan bulanan wajib dikenakan sebanyak RM15.00 sahaja sebulan, dibekalkan buku aktiviti secara percuma kepada kanak-kanak tabika dan pada tahun 2020 ini pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan pakaian seragam percuma kepada mereka yang layak daripada kalangan B40 dengan kos keseluruhannya RM266,090.00.

Selain itu, kanak-kanak juga disediakan dengan Program Bantuan Makanan Tambahan (PBMT). Melalui program ini, mereka diberikan makan minum dua kali sehari iaitu sarapan dan makan tengahari dengan kos keseluruhan pada tahun 2020 berjumlah RM4,331,400.00. Beberapa program/aktiviti utama turut dilaksanakan seperti Hari Potensi yang berupaya mencungkil bakat dan potensi kanak – kanak, Program Selawat Perdana, Kesinambungan daripada Program Penghayatan Pendidikan Islam, Program Hari Sukan Negara aktiviti gotong royong dan juga ada program *Healthy Bright Kids Carnival* yang mengutamakan amalan gaya hidup sihat kepada kanak – kanak turut dianjurkan oleh pengurusan TABIKA. Selain itu, Program Bulan Kemerdekaan bertujuan memupuk semangat patriotik, Program Hari Terbuka bagi tujuan perbincangan laporan tahap perkembangan kanak – kanak. Itulah jawapan yang saya dapat berikan dengan cara lebih terperinci.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSOF

YB. Tuan Speaker, saya mohon tambahan jawapan kerana bila saya melihat keadaan semasa di Tabika-Tabika KEMAS ni, jadi saya memperuntukkan sebahagian lah kalau sebelum ni peruntukan B04 atau B02 membantu supaya ia lebih ceria lebih membantu sebab saya melihat hasil yang dikeluarkan oleh TABIKA KEMAS ini adalah hasil yang cukup menarik dan sesuai lah dengan modul yang disediakan tu. Jadi, saya mohon yang pertamanya supaya dilihat secara lebih menyeluruh dengan 832 tadika di seluruh negeri Kedah diberikan satu peruntukan yang lebih khusus bukan sekadar ADUN-ADUN menambah dengan RM2,000, RM3,000 itu tapi peruntukan lebih khusus sebab sebelum ni kita pernah bawa Timbalan

Menteri datang melihat tentang kedaifan sebahagian daripada tadika-tadika yang ada, itu bahagian yang pertama.

Yang kedua, saya mohon juga untuk polisi kerajaan negeri pada hari ini untuk melihat tadika-tadika swasta yang lain khususnya TABIKA PASTI saya rasa sebanyak ini juga lah, mungkin ada di seluruh Kedah sebab kita berjalan merata untuk menjaga kebaikan dan kesempurnaan pendidikan awal kanak-kanak ini biarlah tadika-tadika swasta juga mendaftar dengan jabatan untuk sama-sama kita melihat hasilnya lebih terkawal bukan sekadar kebajikan dan juga mungkin kalau ada dana lepas ni boleh diberikan bantuan dana sebab saya tengok ada dana ataupun sumbangan yang boleh diberikan tadika swasta yang mendaftar. Jadi, kalaulah polisi mendaftar TADIKA PASTI juga dengan jabatan, mungkin kerajaan gabungan PAS dan UMNO ni boleh membantu TADIKA PASTI sekali. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI.

Ok! Terima kasih YB. Suka Menanti yang cukup prihatin dan kita pun dah dapat maklumat semasa menjadi Adun lah banyak sumbangan kepada KEMAS dengan menggunakan B04 Pembangunan. Saya baru dapat memegang portfolio ini dan saya akan cuba melihat secara lebih jauh ke hadapan dan jutaan terima kasih kepada ADUN-ADUN yang telah membantu KEMAS di peringkat kawasan masing-masing dan saya akan cubalah untuk teruskan melihat kelas-kelas KEMAS ini ditambahbaikkan untuk mengeluarkan anak-anak yang betul-betul berkualiti lah, Insha'allah. Mengenai PASTI itu, PASTI ini adalah aktivit parti politik yang berdaftar iaitu di bawah Dewan Pemuda PAS Pusat. Dewan Pemuda PAS Pusat belum lagi ada polisi apa-apa, sekiranya Dewan Pemuda PAS ada polisi apa-apa mengenai PASTI, pihak negeri akan mengikut polisi daripada pihak Dewan Pemuda PAS Pusat, negeri akan ikut apa yang telah dibuat oleh pihak Dewan Pemuda PAS Pusat menganai PASTI, Insha'allah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ada soalan tambahan? Silakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya ingin mohon penjelasan, adakah ini bermaksud bahawa dana kerajaan akan digunakan untuk aktiviti-aktiviti parti politik sebab saya dengar tadi kerajaan negeri akan ikut keputusan daripada Pemuda PAS Pusat.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI.

Maksud saya sini, kalau sekiranya untuk menguruskan PASTI, Dewan Pemuda ini pun mereka ada urusan dengan Kementeriaan Pendidikan. Sekiranya pihak Dewan Pemuda ada urusan dengan Kementeriaan Pendidikan untuk daftar dengan kementerian di bawah TABIKA kita mengikutlah apa yang dilaksanakan oleh mereka di peringkat faderal.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Tak ada dah soalan tambahan? Ada? Haaa....Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Berbalik kepada Yang Berhormat Jitra maksudkan tadi tu, adakah kerajaan.... soalan tu saya rasa tidak dijawab dengan betul ya. Saya rasa kalau PASTI tu di bawah parti, sekiranya ada komitmen bagaimanapun kalau menggunakan duit kerajaan digunakan untuk parti itu tidak boleh di gunakan. Jadi, saya mohon YB. Merbau Pulas jelaskan, dia tak boleh kita guna duit kerajaan untuk bagi kepada parti ataupun PASTI itu sendiri. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Soalan tambahan! Soalan tambahan! Saya nak tambah sikit lah soalan tambahan Yang Berhormat. Sebelum-sebelum ni kami ADUN-ADUN PAS guna duit sendiri untuk kita bantu PASTI-PASTI yang sedia ada sebab kita sedar sebagai satu aktiviti parti dan parti pun belum membuat keputusan untuk mendaftar. Jadi, mungkin maksud Yang Berhormat tu kalau keputusan parti untuk mendaftar agensi-agensi yang ada ni maka bolehlah untuk pihak negeri bantu. Macam tu kot? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Setakat la belum menggunakan wang kerajaan....bukan parti. Tapi kalau sekiranya keputusan itu dibuat kita akan laksanakanlah ikut apa yang telah dibuat lah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Saja lah saya buka soalan tambahan pasal tadi kita start 9.07 pagi, nak berhenti balik 10.07 pagi. Jadi.... habislah 1 jam yang kita peruntukkan untuk soalan-soalan jawapan mulut. Sekarang urusan seterusnya, Tuan Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pergulungan di atas Usur Menjujung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

YB. TUAN SPEAKER

Untuk mengulung ni, kalau kita dapat menggunakan masa sebaik-baiknya seorang 15 minit dan kita akan ada rang undang-undang yang kita nak lulus, kita boleh berhenti pukul 1.00. Kalau kita goreng banyak sangat, kita kena sambung selepas pukul 2.30 petang, itu saya bagitau gambaran nak pi ke mana kita ada dua pilihan sama ada nak tepat masa kita boleh berhenti pukul 1.00 tak mau tepat masa kita berhenti jam 3.30 ka, apa ka sampai habis lah. Silakan siapa yang nak gulung dulu. YB. Kuah! Haa...Tak dak apa nak gulung? Haa! Kalau siapa tak mau gulung apa, dia kata dia tak perlu gulung, boleh bagitau kat saya. YB. Sidam! Selepas YB. Sidam YB. Kuah!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Menteri Besar Kedah Darul Aman, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mensyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, barisan media tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, salam sejahtera dan salam Perikatan Nasional. Saya bangkitkan isu yang lebih panas sikit isu alam sekitar lah.....(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam, boleh buka apa nama mask tu?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Saya takut Covid! YB. Tuan Speaker, bagi isu-isu alam sekitar di negeri Kedah Darul Aman yang melibatkan pencemaran terutamanya pencemaran udara, follow by (dengan Izin) pencemaran air, perlombongan kuari pasir, banjir lumpur, pengurusan invest dan kilang plastik. Isu pencemaran udara adalah isu seringkali dibangkitkan oleh penduduk di beberapa kawasan industri dan kawasan pelupusan sampah yang berlaku kebakaran tapak pelupusan sampah Semeling terutamnya. Berdasarkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) Air Pollution Index (API) (dengan Izin) yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), tahap kualiti udara dibahagikan kepada 5 kategori, yang baik 0-50 yang, tidak sihat 101-200 dan yang merbahaya iaitu lebih daripada 300. Baru-baru ini, mengikut laporan JAS mengatakan API bagi kawasan Sungai Petani (tumpuan kepada Sungai Petani) adalah dalam lingkungan 60-70 'everage' bermakna berada dalam kategori sedarhana. So, tak boleh nafi semalam memang kita catat API dekat Sungai Petani about 90+- macam tu.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Minta laluan YB.? Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YB. Sidam. Berkenaan dengan indeks udara dan juga tahap pencemaran udara yang dikatakan oleh YB. Sidam, pada bulan Jun yang lepas saya membaca surat khabar dan ternampak YB Sidam yang juga EXCO Alam Sekitar telah pun memberi kenyataan kepada media bahawa Sungai Petani adalah tempat pencemaran udara paling teruk di seluruh negara. Saya nak bertanya, apakah bukti yang menunjukkan kenyataan ini benar, bilakah masanya Sungai Petani menjadi pencemaran yang paling teruk di seluruh Malaysia, apakah bukti, berdasarkan indek apa, adakah berdasarkan IPU ataupun berdasarkan apa indeks yang mebuktikan Sungai Petani adalah pencemaran udara yang paling teruk di seluruh Malaysia sebab Malaysia banyak tempat lagi, Selangor, Penang dan Johor. Ok, terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, yang dikeluarkan oleh 'press' dekat surat khabar yang dikeluarkan bulan Jun saya rasa, bulan Jun kalau tak silap saya lah selepas saya bermensyuarat dengan YB. Dato' Sri Tuan

Ibrahim Bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar Dan Air (KASA) memang terbukti dapat banyak aduan, ramai yang complaint kepada JAS sampai ke Pusat memang ini tempat yang paling banyak aduan yang terdapat di JAS.....(YB. Bakar Arang Mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Banyak aduan dengan tahap pencemaran yang paling teruk adalah berbeza, YB. perlu mengikut fakta, so jangan kelirukan masyarakat!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Selapas ini memang juga ada yang kita monitor day by day (dengan Izin) dia punya API, API tunjuk memang tidak boleh dinafikan yang pertama selalunya kalau bukan Klang, bukan Seberang Jaya adalah Sungai Petani. So mungkin kita cakap yang banyak sekali aduan terdapat di Sungai Petani. Itu maksud saya lah, so bagi saya habiskan.....(YB. Bakar Arang Mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya rasa YB. perlu perjelaskan kepada masyarakat lah dengan banyak aduan dengan banyak indeks pencemaran yang tinggi adalah berbeza.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Tak pa lah, day by day saya akan follow up ok. Pengukuran JAS adalah mengambil kira faktor pendedahan kesihatan yang diambil dalam tempoh 24 jam dan bukan secara on time dan mengikut procedure tetap operasi iaitu SOP jabatan. Pemantauan dan penguatkuasaan yang dibuat beterusan dari sudut pencemaran oleh JAS Kedah dan cawangan-cawangan dari semasa ke samasa bagi memantau punca-punca pencemaran seperti premis dan projek-projek yang tertakluk penilaian kesan alam sekitar (EIA) mengikut kehendak AKAS (Akta Kualiti Alam Sekeliling) 1974, peraturan-peraturan di bawahnya. Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan Ops Gempur dan Ops Besar bersepadu antara agensi-agensi kerajaan bagi menyelesaikan masalah-masalah aduan dan mengambil tindakan pengutkuasaan secara menyeluruh berdasarkan bidang kuasa dan peruntukan perundangan setiap agensi. Saya juga turun sendiri memantau operasi salah satunya di Sungai Tukang. Bagi menghadapi

musim panas dan kering, JAS telah menyediakan Plan Tindakan Pembakaran Terbuka dan Plan Tindakan Jerebu Kebangsaan (AKN) bagi sama-sama menjaga kesejahteraan rakyat dan orang awam. Selain itu, diaktifkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling setelah mendapat kelulusan arahan daripada MKN.

Seterusnya, JAS Negeri Kedah memantau kualiti air sungai di Negeri Kedah berdasarkan 74 out station menu (Dengan Izin) pemantau kualiti air sungai iaitu menu station river water quality (dengan Izin) yang terletak di 8 lambangan sungai termaksuk 3 lambangan sungai utama iaitu Lembangan Sungai Kedah, Lembangan Sungai Muda dan Lembangan Sungai Merbok. Kualiti air sungai adalah merujuk kepada jadual kelas kualiti air sungai serta berdasarkan kategori kualiti air sungai yang bersih, sedikit tercemar dan tercemar. Manakala kelas kualiti air di tentukan berdasarkan Indeks Kualiti Air (Water Quality Index) (dengan Izin). JAS Kedah juga memantau setiap trend bacaan daripada stesen pengawasan ini, jika terdapat sebarang pelanggaran atau 'assistance limit' (dengan Izin) pasukan siasatan akan menjalani penjejakan punca pencemaran yang menyebabkan insiden 'assistannce' tersebut.

YB. DATO JOHARI BIN ABDUL

YB. Tuan Speaker, boleh saya tanya YB. Sidam? Sedarkah YB. Sidam, terdapat sebuah kilang getah di Gurun yang akan melepaskan air daripada kilangnya 'alternatly', selang sehari, selang sehari dan bila dia lepas air ke dalam sungai, semua ikan mati, anak-anak ikan mati sebab air yang dilepaskan itu beracun. Jadi, complaint telah banyak dibuat dan adakah kerajaan bercadang untuk melihat pencemaran ini suatu yang serius sebab akhirnya air ini masuk ke sungai utama dan air itulah yang kita minum, kalau ikan mati, bewak mati, semua mati dalam tu, suatu hari orang pun akan mati jugak. Jadi, saya nak bertanya kepada YB. Sidam, adakah usaha-usaha, bukan soal kilang itu melanggar peraturan atau tidak, itu bukan soalan saya, soalan saya bagaimana pemantauan dibuat supaya air yang dilepaskan daripada kilang itu air yang minimanya boleh diterima dalam standard JAS supaya dapat dilepaskan ke dalam sungai agar tidak mudarat kepada masyarakat dan hidupan juga. Terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tambah sikit, sama isu YB. Tuan Speaker. Sama juga, adakah YB. Sidam sedar bahawa di Bukit Selambau pun ada kilang sebegitu yang menyebabkan sungai itu kotor. Yang kedua, di sini saya ada gambar juga tadi YB. Sidam sudah bincang pencemaran udara, ada juga kilang di Bukit Selambau yang mencemarkan udara. Jadi, minta YB. Sidam siasat tengok. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, cadangan yang baik lah memang saya masuk 100 hari, 2, 3 bulan sahaja. Memang pekara berlanjutan mungkin bukan dari kerajaan PH, sebelum PH dah terjadi perkara sebegini. Kemungkinan besar adalah 'during tahe start of period', during PH time dengan BN time walaupun baru 3 bulan saya masuk office sahaja tapi bukan hanya ada satu kilang di Gurun sahaja yang complaint, dapat aduan dari Ambangan Height, Sungai Division, Semeling, Merbok yang banyak complaint ada yang berbau seperti. Kita akan make sure dia punya SOP dan kilang tersebut akan dipantau dengan lebih tegas macam mana untuk 'safety awareness' kes dan selepas ini kualiti air indeks semua kita kena tau. Saya berharap JAS Negeri Kedah akan pantau selalu tentang isu ini, kita pun takut pencemaran air since saya ambil portfolio JAS saya rasa akan buat sesuatu lah terhadap air yang terlepas ke dalam parit dan sungai. Memang di Bukit Selambau pencemaran udara yang terdapat di banyak saya rasa fb dan macam-macam dalam whatsapp. Kita akan 'paid more attentation on this' (dengan Izin) saya yang selalu bangkitkan isu-isu alam sekitar, ini tanggungjawab saya sebagai YB EXCO Porfolio Alam Sekitar saya akan buat terbaik sekali, bagi masa sedikit ,sekarang baru 3 bulan sahaja. Saya rasa you bagi saya 2 tahun tengok 'when are look for two years'.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. mohon mencelah. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tadi dalam sesi soal jawab juga YB. ada bagitau di mana akan memindah semua kilang kitar semula plastik di Sungai Petani yang termasuk berlesen dan tidak berlesen ke Bukit Selambau. Soalan saya adalah, memandangkan sebelum ini juga JAS pernah bagitau di Bukit selambau adalah 'upstream' kepada Sungai Muda tempat yang lebih tinggi dan Sungai Muda melalui situ terus mengalir ke Kuala Muda dan juga Pulau Pinang. Ia mempunyai risiko yang tinggi jikalau ada pencemaran air yang berlaku akan menjejas sumber air kita dan tidak berapa sesuai untuk memindahkan semua kilang-kilang kitar semula kita ini ke situ. Jadi, apakah justifikasi ataupun ulasan daripada pihak kerajaan yang membuat keputusan untuk memindahkan semua ini ke Bukit Selambau dan jikalau tempat lain tidak mahu, Bukit Selambau pun ada penduduk dan di sana pun sudah sangat tercemar dengan keadaan sekarang yang mempunyai beberapa kilang di sana yang melakukan pencemaran. Itu soalan saya, terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, YB. Bakar Arang, terima kasih. Tentang EIA saya rasa yang 'upstream' tentang kilang-kilang terutamanya yang 'heavy industry' lah kita fokus kepada kilang recycle atau kitar semula kita akan fokus kepada kilang recycle yang kita resources kita akan move ke Bukit Selambau. Yang pertama mungkin di Bukit Selambau memang kita akan buat kajian EIA, 'upstream', kalau memang 'upstream' ada yang terdekat dalam lingkungan dengan penduduk dengan taman yang banyak sangat kita akan 'consider' lah 'alternative' lain tempat ka tapi for the study side (dengan Izin) kalau tak silap saya rasa kita bincang dengan MMK dalam Mensyuarat MMK, PBT ada bersama JAS, satu tempat yang paling sesuai setakat ini adalah di Bukit Selambau tapi macam mana pun dia kena 'fulfil' EIA yang kita akan study ka kena pantau apa sepatutnya kita kena buat. Kita kena fulfil semua sebelum dia boleh pindah lah. Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sidam saya tau isu alam sekitar ini ialah isu yang panjang dan memang tak akan selesai lah. Tapi dalam isu ni saya mohon pendapat Yang Berhormat Sidam terdapat juga beberapa NGO-NGO berkaitan alam sekitar yang banyak membantu untuk kenal pasti dan memberi maklumat kepada kerajaan berkaitan dengan isu alam sekitar. Jadi, saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Sidam adakah kerajaan sedia mengadakan perbincangan dengan NGO-NGO tersebut dan 'reorganize' mereka mebantu kerajaan?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam, kalau ikut 15 minit tu sampai dah lah. Silakan!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Yang Berhormat Kuala Ketil, tentang NGO-NGO kadang-kadang maklumat dia ada pros and cons dia ada yang betul dia ada yang 'essential' (dengan Izin) ada juga. 'Walau bagaimanapun, dia membantu kepada kita, memberi maklumat kepada kita mana yang dapat macam Sungai Tukang hari tu 'open burning' ka 'what ever' maklumat yang saya dapat dari orang awam so ini maklumat, tapi kita sendiri kena filter lah. So, tanya saya, saya rasa NGO dialu-alukan untuk membantu kita 'is no harm' tapi sendiri kita kena filterkan apa sepatutnya yang betul sepatutnya tak betul lah so bagi masa sedikit sama-sama kita jaga alam sekitar negeri kita yang cukup bersih cukup indah.

Saya masuk kepada perumahan. Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Negeri Kedah Darul Aman telah bercadangkan untuk membina 5,000 unit rumah teres bagi skim rumah mampu milik (OMM) di negeri ini dengan 500 unit bagi 5 kawasan seperti berikut iaitu di Pendang, Kota Setar, Padang Serai, Kulim, Pokok Sena dan Baling. Manakala selebihnya 2,500 unit lagi adalah permohonan baru yang akan kerajaan negeri bincangkan pada kawsan-kawasan tumpuan mengikut jumlah permohonan dalam sistem kerajaan negeri seperti di Kuala Muda. Cadangan ini melibatkan kumpulan sasar yang pendapatan rendah di bawah RM3,000.00. Bagi menjawab soalan yang berbangkit YB. Ayer Hitam dan juga YB. Anak Bukit berhubung isu kelewatan untuk serah rumah PPR di Jerlun dan Kota Setar. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan negeri telah menghantar senarai nama permohonan kepada KPKT namun PPR ini belum dibuat penawaran oleh pihak KPKT lanjutan daripada wabak covid-19 yang melanda di negara dan dunia sekarang

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya nak tanya. YB. Tuan Speaker, mengenai PPR Ayer Hitam, saya sendiri telah bangkitkan persoalan yang sama di Dewan Rakyat, jawapan lebih kurang sama juga diberikan oleh menteri yang bertanggungjawab. Ini sebenarnya sangat mengecewakan kerana sepertimana yang kita sedia maklum PPR Ayer Hitam dah siap lama dah, Syarikat GLC yang telah diberikan tanggungjawab untuk perminaan iaitu BDB telah berusaha menyiapkan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Walaupun begitu, dah siap tapi masih lagi belum diserahkan kepada pemohon-pemohon yang begitu ramai layak mendapat kemudahan tersebut dan laporan yang terbaru kita terima, pagar di keliling tu pun dah mula pecah dah maksudnya ada kemungkinan rumah-rumah ni akan dipecah masuk oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi, saya merayu sangat-sangatlah kepada Kerajaan Negeri untuk serius menekan Kerajaan Persekutuaan khursusnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan segerakan kelulusan dan menyerahkan kunci kepada pemohon-pemohon yang telah disenaraikan itu. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Sekali, isu yang sama YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sama ka tak sama?

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Isu sama, lewat tapi angle dia lain sikit, terima kasih. Saya difahamkan ini macam cerita kemarin lah ni. Saya difahamkan nama-nama telah pun diberikan kepada KPKT, hat di sana bukan depa tau siapa yang layak, kita dah tau sapa layak dah bagi nama nak 'endorse' masuk saja... apa yang lama sangat? Kelmarin isu menteri nak 'tenyeh' yang kata rumah transit tu, dari bulan 1. Saya tak salahkan YB. Sidam, tapi maknanya kena sekali lagilah apa kita kena 'hinggut' kuat sikit supaya benda ni cepat, kalau tidak YB. Sidam macam disebut tadi rosak, nak kena perbaik, ambik masa pulak tak boleh masuk lagi kan, gaya nak masuk rosak lagi. Jadi, saya haraplah benda ni dapat disegerakan, kalau YB. Bukit Pinang rajin duk pi Kuala Lumpur duk jumpa apa semua, saya ingat YB. Sidam pun baik sangat dengan Menteri KPKT ni dia kena pi hinggut bagi cepat sikitlah. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Jitra dan YB. Anak Bukit. Ok, saya akan bincangkan secepat mungkin untuk dapatkan serahan kunci kepada yang kena pindah masuk lah, saya akan bincang dengan Menteri KPKT. Saya pun tak boleh cari excuse lah, saya rasa kena percepatkan proses ini kalau tak macam YB. Jitra sebut tadi pagar-pagar nak jadi nak rosak lah, ini tanggungjawab saya sebagai EXCO Portfolio Perumahan saya akan mempercepatkan, saya akan 'presure' sampai kepada menteri. Dia cakap ok, secepat mungkin dia akan serah kunci kepada yang berkenaan.....(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Tambah sikit saja Yang Berhormat, boleh? Sambil-sambil kita menunggu KPKT menyerahkan kunci itu, soal keselamatan di PPR ni, siapa yang tanggung? Jadi, pihak yang membina iaitu BDB, saya ingat bila dia nak serah tu maksudnya kerja-kerja atau perkhidmatan menjaga kawasan itu tidak lagi di bawah tanggungan mereka. Jadi, saya rasa kalau lewat lagi silap-silap kerajaan negeri lah pulak yang kena tanggung. Kos untuk memastikan bahawa keselamatan di kawasan itu terjaga supaya tidak ada pecah rumah dan sebagainya.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Jitra. Isu Perpaduan Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam. YB. Tuan Speaker, akhir-akhir ini isu perpaduan kaum sering dibincangkan di kalangan masyarakat sama ada di media arus perdana mahu pun media sosial. Isu perpaduan kaum merupakan satu usaha beterusan yang perlu dibawa bersama-sama oleh semua pihak, sekiranya musnah perpaduan dalam masyarakat pasti pelbagai impak negatif akan menimpa masyarakat khususnya dan negara amnya. Usaha mengukuhkan perpaduan antara kaum bagi mewujudkan Integrasi Nasional (NMK) perpaduan bersama Jabatan Perpaduan Negara Intergrasi Nasional (JPNIM) telah mengadakan pelbagai program dalam usaha untuk memupuk semangat muhibah kesefahaman patriotism penerimaan.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sebabnya masa pergulungan untuk YB. Sidam dah lama dah saya harap YB. Sidam dapat merumuskan jawapan dengan.....(YB. Pengkalan Kundur mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Peraturan mesyuarat, dia duk baca tu! Kesalahan dengan peraturan mesyuarat.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Sidam, minta supaya sekali sekala tu panggung kepala supaya tidak dilihat merujuk kepada kertas.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok! Tengok YB. Tuan Speaker. Kawasan KRT, Kawasan Rukun Tetangga di bawah pengawasan Jabatan Perpaduan juga merupakan agensi penyelesaian permasalahan rakyat bagi mewujudkan kesajahteraan sosial dengan mengenal pasti isu dan permasalahan rakyat

menangani dengan kerjasama agensi berkaitan seperti MPKK, PTIM, PBT dan Pejabat Daerah supaya tidak menjadi isu dan konflik yang boleh mengganggu kesejahteraan rakyat.

Bagi rumah ibadat bukan Islam (RIBI), kerajaan negeri sentiasa memberi keutamaan dalam usaha menambahbaikkan tempat keagamaan rumah ibadat dan perkuburan bukan Islam dengan adanya jawatankuasa tempat keagamaan rumah ibadat dan perkuburan bukan Islam peringkat daerah di Negeri Kedah Darul Aman. Selain itu, kerajaan negeri bercadang untuk mewartakan tempat keagamaan, rumah ibadat dan perkuburan bukan Islam bagi lokasi yang berkaitan supaya dengan perwartaan ini dapat memudahkan urusan pengurusan kematian bagi bukan Islam di negeri ini. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri menyerahkan kepada Pertubuhan Komuniti Persatuan Keagamaan dan Perkuburan Bukan Islam untuk berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah (ROS) dalam usaha memudahkan urusan berkaitan dengan RIBI dan perkuburan bukan Islam. berkenaan isu tokong yang dibangkitkan oleh YB. Kota Darul Aman kelmarun, maklumat hanya 3 buah tapak tokong sahaja yang telah dirobohkan selepas pertukaran kerajaan, bukan tokong yang dirobohkan. Keputusan untuk merobohkan tapak tersebut sepatutnya dilakukan pada awal tahun 2020, namun ditunda sehingga selepas tamat tempoh PKP. Jumlah perobohan tapak tokong setakat ini adalah 8, ini bermaksud isu perobohan tapak tokong ini bukan hanya berlaku pada zaman Perikatan Nasional tetapi berlaku pada zaman kerajaan terdahulu juga iaitu PH. Itu pun termasuk data perobohan RIBI pada tahun 2019, kenapa persoalan ini dibangkitkan sekarang oleh YB. Kota Darul Aman? Jadi, untuk mengelakkan...(YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sidam, saya harap dapat ringkaskan jawapan.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Untuk mengelakkan perkara ini berulang pada masa hadapan, saya mengambil serius akan perkara ini dan kita akan mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk mewartakan tapak RIBI di kawasan taman perumahan baru yang akan datang. So last sekali saya akan sentuh sedikit isu politik perkhianat lah macam YB. Pengkalan Kundor yang habaq..... (YB. Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya harap YB Sidam dapat habiskan ayat yang terakhir sebab masa yang diambil terlalu lama!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

You bagi 3 minit lagi boleh?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi 1 minit saja dan kalau boleh jangan sentuh berkaitan dengan politik. Bab politik kita bincang kat luar!

YB.DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok! Boleh! Boleh! Saya akan ringkaskan, YB. Pengkalan Kundor memang targetkan kepada saya atau YB. Lunas, ok saya boleh bagi penjelasan. Kalau kita naik sebuah kapal layar untuk masuk ke Lautan Hindi atau South China Sea pun tak pa, bila you nampak dekat sebelah sini ada dua kapten and the beginning satu kapten sahaja tapi in the in satu kapten dia nak jadi kapten juga, so bila dia masuk ke dalam lautan dia nampak, kita pun nampak lah dekat sini macam ada taufan, dekat sini cerah sikit, dekat sebelah sini memang dia tak reaction, so apa sebab kita tukar ke sebelah sini is not isue dan selepas ini saya rasa kita akan dapat watikah dari istana bukan watikah dari.....(YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sidam... saya harap dapat habiskan ayat terakhir. Habiskan ayat terakhir.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok! YB. Tuan Speaker, bagi mengakhiri ucapan pegulungan saya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan jawatankuasa di bawah saya. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja dengan

lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan mengukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio saya agar dapat menjayakan aspirasi kerajaan negeri di bawah pemimpin Menteri Besar ke arah "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

Harum sungguh bunga melati,

Hiasan sanggul amat memikat,

Bertolak ansur hormat menghormati,

Mengukuhkan Perikatan kita sepakat.

Dengan ini saya menyokong titah ucapan Tuanku Sultan pada mensyuarat pertama penggal ke-3 Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14 pada 16 April 2020 yang lalu. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam. Seterusnya saya persilakan....(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat Speaker, saya nak ulas mungkin YB. Kuah tadi tak menggulung.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Dak! Lepas ni YB. Kuah!

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Lepas ni YB. Kuah? Sebab ada persoalan-persoalan negeri yang kita nak bangkitkan demi rakyat. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Seterusnya saya mempersilakan YB. Bukit Pinang, tak dak. Silakan YB. Kuah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirahmanirrahim. Assalamuaaliakum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker , Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga Yang Berhormat Rakan-Rakan Exco dan semua yang berada dalam dewan , saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Amat Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman yang Ke-29. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat kepada duli yang maha mulia Tuanku Sultan Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta kerajaan Negeri Kedah

dengan penuh kebesaran dan kedaulatan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Jitra , Yang Berhormat Bandar Baharu , Yang Berhormat Gurun dan Yang Berhormat Kota Darul Aman, yang di dalam perbahasannya menyentuh portfolio di bawah apa yang di amanahkan oleh saya dan ada sempat yang di jawab dan ada yang tak sempat dijawab oleh kerana kekangan masa yang diberikan dan Insya Allah saya akan rangkumkan penggulungan dan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai idea dan cadangan dan pandangan untuk kita sama-sama majukan dalam portfolio Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan serta Pembangunan Usahawan bolehlah melontarkan dan menggunakan 'fully utilize' (Dengan Izin) Timbalan Speaker di dalam Dewan ini untuk sama-sama kita mencakna idea dan pandangan dan berikan kebaikan kepada rakyat.

Oleh itu, Yang Berhormat Timbalan Speaker ingin saya respon kepada Yang Berhormat Gurun yang bertanyakan berkenaan dengan untuk PBT membantu peniaga-peniaga terkesan dalam Negeri Kedah sepanjang Pandemic Covid-19 (Dengan Izin) seperti saya jawab dalam soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Jitra sebentar tadi, dimana pihak PBT juga mengambil langkah untuk membantu para peniaga yang terlibat melalui beberapa pendekatan. Antaranya adalah pengurangan sehingga 50% kadar sewaan dan juga ruang-ruang niaga di semua daerah di dalam Kedah, ini antara keputusan yang di buat oleh PBT untuk meringankan beban kepada peniaga-peniaga dan juga pengeculian bayaran denda lewat kepada yang mempebaharui lesen perniagaan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP itu antara PBT mebantu peniaga-peniaga dan juga saya ingin respon kepada perbahasan Yang Berhormat Jitra berkenaan dengan pelancongan di Baling.

Mengenai sektor pelancongan di Baling, untuk maklumat Yang Berhormat Jitra , Daerah Baling kita mempunyai satu keutamaan dimana satu yang kita melihat dari segi Eco Pelancongan di Daerah Baling selain Langkawi dan juga Yan untuk dibangunkan sebagai Hub Eco pelancongan iaitu pelancongan berasaskan alam semula jadi dan kebudayaan, tumpuaan khusus yang kita tetapkan sekarang ni adalah menerokai Gua Caving (dengan izin) Yang Berhormat Timbalan Speaker, yang kini menjadi salah satu tarikan ataupun trend untuk kita meletakkan atau kita memastikan golongan-golongan kluster yang minat kepada gua ini boleh menggunakan kawasan Baling dan kawasan-kawasan yang mempunyai tarikan pelancong oleh itu,.... .....(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah, YB. Bayu bangun, silakan.

YB. TUAN HJ. ABDUL NASIR BIN IDRIS

Sahabat saya Kuah, bila sebut Baling tadi ni nak sebut sebagai Eco-Pelancongan. Jadi, yang pertamanya saya mengucapkan tahniah dan terima kasih pasai Yang Berhormat Menteri Besar datang Baling baru-baru ini umumkan peruntukan RM200,000 untuk memajukan satu produk pelancongan yang kita mula teroka dan adakah peruntukan RM200,000 ini sebagai satu permulaan kepada untuk menjadi Baling sebagai kawasan pelancongan dan kalau kita tengok banyak destinasi-destinasi yang lain yang saya nak minta Exco Pelancongan nak turun 9 September ini, jadi dapat turun umumkan lagi peruntukan untuk pelancongan di Daerah Baling. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima Kasih Yang Berhormat Bayu, ingin saya juga mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun melulusakan sebanyak RM 200 ribu untuk pembangunan infrastrukur Gua Sirih belum sempat Exco umumkan Dun Bayu umum dulu, makna kata kalau Exco umum double pulak jadi RM400 ribu tapi RM200 ribu ja noh! So, yang tu untuk pembagunan infrastruktur Gua Sirih sahaja dan Insya-Allah sabtu ni, 29 hari bulan saya bersama-sama Yang Berhormat Kula Ketil, Yang Berhormat Bayu pun boleh ikut sekali tapi ini dicadangkan oleh Yang Berhormat Kupang untuk kita pergi ke Gua Air! Kalau Tanjung Dawai dia kata Gua Air lah untuk kita melihat Gua Air ini di Baling juga! Insya-Allah.....(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah ada celahan!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Sat noh! Nak habiskan satu baris, Insya Allah kita akan ada sedikit peruntukan untuk Gua Air ini nak, kita nak tengok apa yang ada sebab ini adalah penemuan yang baru kan mungkin

sebelum ini mantan Exco Pelancongan sebelum ni pun tak kenal lagi Gua Air ni. Jadi, ini antara benda yang baru yang boleh kita berkongsi bersama, Silakan YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Terima Kasih Tuan Speaker, Terima Kasih Yang Berhormat Kuah saya nak bangkitkan tentang Gua Kerbau di Kodiang yang merupakan satu pusat pelancongan juga, cantik gua itu tapi sekarang dah jadi semak samun, tak terurus, kotor, sampah merata. Jadi, mohonlah YB. Kuah untuk melihat! Di Kota Siputeh tu banyak kawasan-kawasan pelancongan seperti Bukit Kodiang yang terkenal dengan Mok Cun, ramai yang hiking (dengan izin) naik sampai ke Puncak Bukit Kodiang, pemandangan yang sangat cantik! Jadi, mohonlah pihak pelancongan untuk melihat kembali kawasan pelancongan di Kota Siputeh, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Kota Siputeh, Insya-Allah kita juga akan pi ke Gua Kerbau bukan kata kerbau saja, segala jenis bintang lain pun kalau ada kita pi Insya-Allah. Cuma kekangan sekarang ni adalah untuk kita pi dengan pandemic covid nya dengan keterbatasan kita untuk kita pi ke tempat-tempat ni mungkin akan sedikit melewatkan tapi Insya-Allah yang mana kita perlu fokuskan sekarang ni! Cuma apa yang saya ingin nyatakan norma dia dah berbeza, sebelum ni mungki mantan Exco pelancongan telah meletakkan blue print 2020 hingga 2035 tapi di antara blue print tersebut tak boleh guna sepenuhnya sebab dah berubah dan kita terpaksa merangka beberapa pendekatan-pendekatan yang baru.

Yang kita tengok sekarang ini adalah fokus kepada domestik sekarang ini, di mana kita nak menerangkan berkenaan domestik. Yang sebelum ni kita mungkin tak fokus sangat pada domestik kita lebihkan international sebab kita ingat nak bawak habis ramai orang masuk ke dalam Negeri Kedah tapi sekarang ni dah ‘international gate’ pun masih tutup dan kita tak boleh fokus lebih kepada international. Jadi, Insya-Allah Yang Berhomat Kota Siputeh, kalau Yang Berhormat Kota Siputeh mempunyai ruang dan masa kita pi melawat Gua Kerbau...(YB. Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil bangun.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Silakan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhomat Timbalan Speaker , Yang Berhormat Kuah , bercakap tentang pelancongan Baling tadi saya tetarik iaitu untuk merancakkan lagi pelancongan samada di Baling atau di daerah lain! Di Baling sendiri pun am nya Pejabat Dareah dan Majlis Daerah dah buat kerja terbaiklah untuk mengangkat sesuatu produk itu untuk di angkat sebagai produk pelancongan tetapi setuju ka Kuah kalau saya nak mintak izin disini penglibatan beberapa NGO persatuan-persatua yang ada di kawsan setempat untuk kita angkat bersama untuk join venture bersama mereka dengan bahagian Kerajaan Tempatan untuk memperkasakan lagi produk-produk pelancongan yang sedia ada.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sekali terus boleh jugak!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Silakan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat Speaker, cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuah berkenaan Road Map Kedah Tourism 2020 merupakan Blue Print 2020 sehingga 2035 yang mana di sebutkan oleh Yang Berhormat Kuah sebentar tadi! Satu persoalan saya ialah Prakata yang kita buat pada zaman itu iaitu zaman Yang Amat Behormat Menteri Besar masa itu Yang Amat Berhormat Jitra dengan saya sebagai Exco katanya dibuang daripada Prakata hasil daripada blue print tersebut! Saya rasanya dari segi moralnya tak kenalah mungkin Yang Berhormat Kuah tak tahu ka, bukan sebab Yang Berhormat Kuah! Mungkin saya tak tau apa sebabnya tapi saya dapat maklumat begitu! Jadi, saya nak 'clarify' benda tersebut daripada Yang

Berhormat Kuah tapi Road Map Kedah Tourism 2020 sehingga 2035 yang mana kita telah meliputi keseluruhan daerah, semua zon di Negeri Kedah ini.

Jadi, ia melibatkan juga bukan kata sahaja peringkat international tetapi ia melibatkan peringkat domestic dan juga comunity base atas persatuan-persatuan dan saya rasa mungkin Yang Berhormat Kuah juga akan meneruskan program-program yang baik daripada pihak kerajaan sebelum ini. Saya rasa Yang Amat Berhormat Kuah mungkin boleh maklum kepada pihak kami, kepada pihak saya sendiri untuk nak tau sama ada secara bertulis atau secara ini lah.

Yang kedua, saya nak tanya tentang Sky Box di Alor Setar yang telah di rasmikan sebagaimana yang telah dibuat dengan KL Tower masa itu. Sky Box Tower Alor Setar dan juga status of Eagle Nest di Langkawi semasa Tun porposed tersebut , saya nak tau status dia, Sky Box di Alor Setar Tower dan satu lagi Eagle Nest di Langkawi? Saya nak tau status dia? Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Kuah tambah sikit , ya saya setuju dengan pelancongan domestik amat penting. Saya sentuh tentang Sedim, memang Sedim tempat yang paling best sekali! untuk maklumat YB, tandas awam sampai kini tidak di perbaiki, ianya asas utama untuk pelancong tapi sampai sekarang tidak di perbaiki. Bila ianya akan diperbaiki? Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima Kasih kepada Yang Berhormat Kuala Ketil , Yang Berhormat Kubang Rotan dan Yang Berhormat Kulim. Bagi menjawab berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Kuala Ketil berkenaan dengan usahawan tadi ini anatara NGO bersama-sama apa semua tu memang kita mengalu-alukan sebab kita nak bekerjasama dengan NGO bersama penduduk kawasan yang lebih arif berkenaan pelancongan di kawasan tu contohnya kita duduk di Langkawi tapi produk tu ada di Kuala Ketil. Saya pun tak tau nak masuk celah mana? Jadi, jika ada penglibatan daripada NGO, daripada penduduk kawasan tersebut Insya-Allah kita dapat

mempermudahkan cara untuk kita memastikan, di Baling di kawsan-kawasan yang kita boleh bangunkan kita boleh bangunkan secara terus kepada penduduk kampung.

Berkenaan dengan Yang Berhormat mantan Exco Pelancongan, Yang Berhormat Kubang Rotan iaitu Road Map Yang Berhormat sebutkan yang kata apa, yang kita buang daripada sekarang ni macam mana,

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Prakata yang lepas?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ohh.. saya tak pernah batalkan apa pun lagi! Saya pun orang pelancongan, Road Map! Takpa nak jawab sat....(YB Kubang Rotan Mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Mungkin Yang Berhormat Kuah tak dapat apa yang saya maksudkan, Prakata ini halaman awal iaitu mana-mana kerajaan yang mana-mana buat Exco yang bertanggungjawab kita akan letak di hadapan sebagai Menteri Besar dan Exco yang terlibat begitu juga Dato Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun Pengarah! Saya minta untuk cek balik.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bagi saya jawab sat! Saya tau maksud prakatai tu makna kata halaman depan, kulit muka! Buka tu baru ada prakata, yang ada gambar Yang Berhomat tepi tu kan, Yang Berhormat senyum yang ada prakata tu kan! Jadi, bila sampai time bertukar Exco, saya pun ada prakata saya sendiri! Jadi, saya pun nak tulis juga prakata saya! Betul? Bukan Yang Berhormat saja yang boleh prakata, saya pun boleh prakata.

Tapi yang pentingnya bukan prakata Yang Berhormat, pentingnya adalah Road Map Yang Berhormat dan juga sebelum ni yang buat saya masih bawa lagi sampai ke dewan, masih lagi kita ikut turuti apa saja yang ada dalam Road Map ini. Bukan senang nak bincang pasai Road Map ini, tahun 2020 sampai 2035 masih lagi saya gunakan tapi prakata itu tak buang lagi pun! Baru rancang kata nak tukar muka, adalah tukar perkataan sikit yang bersesuaian dengan keadaan sekarang ini. Road Map yang dibuat pada 2020 yang hingga 2035, masih lagi kita guna cuma di tambah baik dengan mengikut kesesuaian norma baharu dengan keadaan semasa dan juga ada pendekatan-pendekatan yang kita gunakan sekarang ini yang saya rasa lebih boleh kita inject masuk ke dalam Road Map dan juga apa yang bersesuaian dengan kerajaan nergeri, kita ubah dalam Road Map ini bukan keseluruhan...(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Kuah ada lagi 3 minit lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Baik Yang Berhormat Timbalan Speaker , dan juga saya ingin respon kepada Yang Berhormat Kulim berkenaan dengan tandas. Semalam saya ada jumpa Yang Berhormat Kulim berkenaan nak buat gambar di tangki air tu kan! Saya kata tak apa lah lepas saya buat lawatan dekat Gua Air, saya akan pi ke Kulim pulak. Sebelum ini Yang Berhormat Kulim memperjuangkan Gunung Bintang tapi banyak kali Sidang Dewan dibangkitkan tentang Gunung Bintang, Insya-Allah saya akan sampai ke Gunung Bintang Yang Berhormat noh!

Untuk makluman Sidang Dewan dibangkitkan juga isu dengan berkenaan daripada Yang Berhormat Adun Jitra berkenaan dengan usahawan yang sebentar tadi saya ada menjawab soala daripada Yang Berhormat Jitra dan saya akan hantar proses permohonan-permohonan dan kelayakan kepada Yang Berhormat Jitra secara jawapan bertulis supaya lebih detail Yang Berhormat dapat nanti!

Seterusnya apa yang disentuh oleh kota Darul Aman berkenaan dengan penganguran belia menurut sitem insuran pekerjaan SIP Pertubuhan Keselamatan Sosial PARKESO ianya mengalami penurunan permintaan sebanyak 37% daripada perniagaan yang terjejas dan tidak dapat beroperasi seperti biasa hingga ke 42% dan trend ini hanya dijangka meningkat kepada dari April 2020 dengan kehilangan pekerjaan meningkat 50% kepada 200% tahun ke tahun suku berikutnya pada tahun 2020 walau kadar penganguran belia kekal stabil 8% - 11% bagiamanapun dalam demografi usia paling muda mudah terdedah pada pemberhentian pekerja, Kedah merekodkan jumlah kes 1197 kehilangan pekerjaan bagi pelbagai sektor.... (YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah masa dah banyak berjalan!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Dan juga saya... (YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi masa 2 minit boleh noh!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Mintak 5 minit boleh Yang Behormat , 5 minit ja noh, dan juga kerajaan negeri dari semasa ke semasa sentiasa memantau situasi dengan mengadakan pelbagai program libat urus dan juga bersama-sama persatuan organisasi yang mewakili golongan belia khususnya yang terlibat dalam bidang keusahawan dan semua Yang Berhormat sebutkan dalam perbahasan yang telah saya jawab dari segi bantuan-bantuan kepada soalan Jitra. Saya harap saya menjawab soalan Yang Berhomat bangkitkan dan juga yang berkenaan dengan peluang pekerjaan dari segi digital. Saya bersetuju dimana mantan Exco usahawan dulu pun ada buat trend dan pelbagai program dengan ridernya, dengan pandanya, macam-macam semua guna jenis binatang ni cuma kura saja takdak lagi, dia tak guna nama kura lagi tapi Insya-Allah yang mana Yang Berhormat Bandar Baharu sebutkan, Pegawai PSU telah mengambil maklum dan akan kita kupas, kita tengok yang mana kita boleh buat dalam masa 2 bulan ini yang diubah portfolio,

banyak benda-benda yang terpaksa disusun semula tapi apa yang ingin saya tegaskan berkenaan dengan usahawan dimana trand UPUK sebelum ini, UPUK memberi pinjaman kepada ramai usahawan sebelum saya, sebelum Yang Berhormat Kubang Rotan dan juga sebelum-sebelum ini hampir banyak usahwan-usahawan gagal bayar balik pinjaman yang dibuat oleh UPUK tetapi pinjaman-pinjaman tersebut tetap kita kena mintak balik sebab itulah yang akan membantu usahawan-usahawan yang lain dengan pendekatan-pendekatan yang terbaru saya mintak UPUK lebih fokus kepada bukan sekadar memberi pinjaman tetapi guideline, guide dia bawa ke mana dia nak pi, kalau dia kata nak pinjam RM3,000.00. nak beli mesin, dia kena beli mesin lepas beli mesin tu dia nak buat apa semua sampai ke tahap macam tu! Itulah tugas kerajaan. Dimana kalau kita tengok saya berjumpa usahawan-usahwan siapa yang tau berkenaan dengan UPUK banyak yang tak tau apadia UPUK sampai ada yang kata tepuk pun ada dak, UPUK saya kata, dak tepuk, saya kata UPUK iaitu Unit Pembagunan Usahawan Negeri Kedah makna kata usahawan-usahawan dalam Kedah ini tak kenal sapa pak depa? Kalau dalam pelancongan kita ada 'Kedah Tourism' kalau usahawan depa tak tau yang UPUK tu adalah bapa kepada usahawan, yang menjaga usahawan. Ini yang kita memperkasakan GLC-GLC di mana UPUK menerima peruntukan daripada kerajaan negeri, memberi pinjaman kepada usahawan tapi tak boleh di gunakan....(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhomat kuah 1 minit lagi Yang Berhormat!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Nak landing dah , jadi kita ...(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Bagi jawapan bertulis pun tak apa!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Jadi, kita memperkasakan UPUK dimana kita nak tau fungsi UPUK kepada usahawan-usahawan ini dengan lebih jelas bukan sekadar memberi pinjaman dan biarkan usahawan

macam tu saja. Kita buat sekarang ini, kita bagi pinjaman tapi kita fokus, kita ikut dan kita 'guide' sampai ke tahap kalau dia gagal membayar balik pinjaman yang RM150 atau pun RM125 pinjaman tu kita tanya dia gagal bayar pinjaman sebab apa? Kalau kurang kursus kita boleh hantar kepada Kolej Komuniti, kalau kurang dari segi pendekatan, dari segi digital nak shoppee, lazada dan sebagainya kita ada platform-platform tersebut cuma kita mintak supaya usahawan-usahawan ini janganlah jauhkan diri daripada kerajaan negeri, sentiasa bersama-sama dengan kerajaan negeri kerana kita boleh membantu usahawan dan menaikkan ekonomi untuk usahawan-usahawan kecil terutamanya usawahan di Negeri Kedah dan dari segi pelancongan pulak..(YB Timbalan Speaker)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kuah sila habiskan ucapan.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Dari segi pelancongan juga saya ini mengatakan bahawa memang sektor pelancongan amat terkesan kerana sektor plancongan memerlukan banyak masa untuk bangun semula dimana kita mempunyai 6 juta pelancong yang masuk tahun lepas. Kalau kita tengok di Langkawi sebanyak 3.7 juta pelancong ysng masuk. Jadi, sekarang ni dah covid semua dah turun 0% Cuma sekarang kita dah ubah sistem untuk kita lebih fokus kepada domestik kita menarik lebih ramai pelancong-pelancong dalaman negara kita untuk melancong di Negeri Kedah dengan apa kelebihan Negeri Kedah ada adalah naturenya di Negeri Kedah Insya-Allah kita akan buat yang terbaik untuk semua! Sekian, saya ingin beterima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dalam menyentuh portfolio saya Insya-Allah yang mana memerlukan jawapan bertulis boleh bagitau boleh hantar surat dan saya berterima kasih. Sekian.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ni saya tanya sikit untuk bertulis next meating nanti boleh kita dapat soalan! 1 minit ja!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ya 1 minit sahaja!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Saya mintak cuma status Kedah Digital Library untuk nak tau Kedah Digital Library yang kedua adalah Kedah Food Valley yang kita buat untuk status dan tadi jawapan yang tidak diberikan iaitu Eagle Nest di Langkawi dengan Sky Box di Alor Setar nanti bagi jawapan bertulis pun takpa no problem, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Saya nak jawab tapi masa tidak mencukupi yang mana tak sempat cakap kita akan hantar...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kuah boleh lampirkan jawapan dalam bertulis!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ya..saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Oleh itu, saya beterima kasih kepada semua dan Insya-Allah kita akan buat yang terbaik untuk rakyat kedah dan kerajaan memerintah sekarang ini. Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kuah, saya puji sikap keterbukaan Exco-Exco dalam menyantuni dan melayani soalan-soalan dan cadangan yang di kemukakan oleh semua Yang Berhormat. Jadi, saya rasa budaya ni merupakan satu kelebihan kepada kita dan juga saya nak menarik perhatian penglibatan darpiada NGO dan orang-orang peseorangan dalam memberi cadangan dan juga penambahbaikan kepada semua Exco-Exco. Jadi, saya harap

budaya ni dapat kita pratikan secara lebih meluas dan meyeluruh semua. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Pinang.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Assalamuaaliakum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, Washolatu Wasalamu 'Ala Rasulillah Waman Tabi'ahum Bi'ihsan Ila'yaumiddin. Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri. Wahlul' Uqdatan Min Lisaani. Yaf Qouhu Qouli. Yang Berhormat Tuan Speaker , Yang Amat Berhormat Menteri Besar , Yang Berhormat-Yang Berhormat , Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama kali saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di perbahasan dengan mengemukakan soalan lisan dan bertulis. Penghargaan ini juga di ucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan saranan bernas yang dijadikan penambahbaik, penambah nilai bagi dasar-dasar kerajaan negeri, jangka masa panjang terutamanya yanh melibatkan sektor-sektor Penerangan, Komunikasi dan Multimedia dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Saya mengucap ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Speaker kerana 3 Adun yang menyentuh portfolio saya iaitu Bandar Baharu, Tanjung Dawai dan juga Kuala Ketil dan yang lain itu menyentuh secara tak langsunglah. Dalam sektor komunikasi suasana Covid-19 ini, mengambil laluan membuka laluan tranformasi digital dalam pelbagai bidang khususnya sektor perniagaan dan juga pendidikan.
Dalam hal ini disebabkan penutupan ruang fizikal, pergerakan terhad dan gangguan bekalan pada permulaan pandemik ini, pelajar dan mahasiswa perlu meneruskan pembelajaran di ruang persekolahan ataupun kampus sebelum tempoh perintah kawalan PKPP bermula.

Di samping itu, kesalingan hubungan digital yang baik dan meyentuh turut memudahkan rakyat melakukan aktiviti harian, menarik peluang pelaburan dan mengerakkan ekonomi Negeri Kedah. Sehubungan itu, penyelesaian digital ataupun 'digital solution' menjadi keperluan pada masa kini. Pemantapan infra komunikasi dan platform digital perlu dilaksanakan segera bagi memangkinkan penubuhan ekonomi demi masyarakat dan negara. Infrastrukrur digital khususnya di Negeri Kedah ini perlu di tambah baik dari segi liputan, kualiti

dan tahap kemampuan. Pertama iaitu 10 menara akan di bina sehingga akhir tahun ini Insya-Allah tahun 2021-2024 setelah mana saya berjumpa pengurusi SKMM, beliau telah memberi komitmen Insya-Allah, 21 menara akan diadakan pada tahun depan. Kita juga lihat alat pemancar yang baru ini, kita ubah dari 'copper' kepada 'fiber' dan mengikut spec dia yang menyebabkan komunikasi negeri di antara penyambungan antara menara ke menara tidak melalui fiber optic.

Mengikut spec dia 700 meter ianya mestilah menyambung menara ke menara supaya melalui fiber optic barulah ada connection menara ke menara. Kalau tidak ada penyambungan menara ke menara mungkin di setengah menara tidak akan dapat sambung line yang baik. Itu menunjukan mesti dilaksanakan oleh Telco-Telco yang ada di Negeri Kedah. Tidak asing lagi dengan semua lapisan masayarakat dimana kebanyakan aktiviti yang urus niaga kini didokong oleh sektor-sektor awam dan swasta serta rakyat untuk menghasilkan dan teknologi perkhidmatan digital yang berkaitan dengan fungsi sosial ekonomi untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti dan kualiti hidup.

Sehubungan itu, kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri berusaha untuk merancang dan melaksanakan inisiatif berkaitan ekonomi digital bagi melancarkan ekonomi negeri dan negara. Di antara usaha-usaha inisiatif ini yang di ambil melalui Malaysia Digital Economy iaitu Coporation MDEC. e-Rezeki menjana pendapatan melalui tugasan atas talian seperti data entry. Pembangunan laman web iaitu GRP, HIC Design dan sebagainya, itu laman web yang disediakan oleh MDEC. Bagi platform usahawan online dengan 'tool' nya untuk memajukan business online, Global Line Work Cost, Eberkat.

Inisiatif membantu rakyat malaysia mendapatkan ilmu pengetahuan dan perkhidmatan kewangan digital khususnya kepada komuniti B40 dan perusahaan kecil sederhana PKS Mikro menyediakan sebanyak 3,810 kursus atas talian dalam bidang digital dan kemahiran data bagi golongan yang diberhentikan kerja atau menganggur akibat Pandemic Covid-19 sehingga 31 Disember 2020. Kedah Digital ataupun KDC mula beroperasi iaitu pada Februari 2015 dan dirasmikan pada 2 Ogos 2015 di UTC Kedah, juga beroperasi di Kulim Hi-Tech, Business Center dibawah KTPC, fungsi dan peranan menyelaraskan aktiviti ICT terutamanya dalam latihan ICT, menyediakan kepelbagaian latihan digital yang terkini yang berpunca percuma dan berbayar, menjalinkan kerjasama dalam bidang, program latihan digital dengan agensi-

agensi latihan yang lain, menyediakan pusat latihan dengan kemudahan peralatan digital terkini iaitu UTC Kedah ada 21 desktop. Kumpulan sasaran tahun 2019, pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, yang ke-2 guru di bawah kementerian pendidikan malaysia, yang ke-3 kerajaan dan swasta, yang ke-4 orang awam dan yang ke-5 industri. Pada tahun 2020 sasaran kita usahawan industri pelajar komuniti dan NGO pada tahun... (YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhomat Bukit Pinang, saya mintak bedak masa bagi elok denagn portfolio lain takut nanti masa tak cukup.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Okay Yang Berhormat Tuan Speaker

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada celahan, Yang Berhormat?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ada celahan sikit Bukit Pinang, boleh?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ya sila, jangan celah banyak sangat, celah sikit saja!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Amboi tang dia boleh dulu. Baik Yang Berhormat Bukit Pinang dan Yang Berhormat Speaker, soalan saya ialah bila melihat kesungguhan Yang Berhormat Bukit Pianang berkenaan dengan usahawan digital dan sebagainya mungkin tadi saya ada sebut kepada Yang Berhormat Kuah, Kedah Digital Library yang telah diusahakan dahulu kita masukan elemen BRC (Business

Reference Center) kat Kedah Digital Library sebagai platform usahawan-usahawan muda dan yang keduanya ialah kita masukan VR (Virtual Reality) di Kedah Digital Library untuk anak-anak kita tau tentang pelancongan di Negeri Kedah kepada mereka yang tidak mampu dan untuk anak-anak sekolah seperti yang di sebut Yang Berhormat Bukit Pinang sebentar tadi dengan isu pendidikan tentang dalam digital. Saya minta tolong supaya Yang Berhormat Bukit Pinang untuk meneruskan program-program dekat Kedah Digital Library dan kalau boleh mewawarkan kepada masayarakat Negeri Kedah secara am nya, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih Kubang Rotan, okay saya bagi peluang tapi saya mintak perhatian Yang Berhormat Speaker tambah masa pada saya! (YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang, saya juga ingin mencadangkan dulunya berkenaan dengan Kedah Digital Library ni saya pun tak faham kenapa dia letakkan di bawah portfolio pelancongan dahulu, kita bukan nak pi melancong di Digital Library ni. Sebenarnya Digital Library ini kita sama-sama mendapat maklumat berkenaan Digital Interactive, ICT, Technology dan sebagainya. Sekiranya kalau YB.Bukit Pinang bersetuju Kedah Digital Library ni dijadikan satu tools berkenaan dengan digital economy, digital Kedah, digitial Langkawi bagi digital library ni dibawah portfolio komunikasi dan multimedia kerana banyak 'creative content 'yang kita boleh tonjolkan berkenaan Kedah waima dalam sejarah dan sebagainya untuk kita bersama-sama menaikkan science technology, engineering and mathematics dalam minat anak-anak kita dan orang-orang kedah. Saya juga ingin mohon bahawa Digital Library ni 'connect' kan atau disambungkan dalam makmal infrastruktur digital negara sebagai satu pusat untuk kita dapatkan naik taraf semua infrastruktur ICT bagi seluruh Negeri Kedah dan meningkatkan capaian jalur lebar ke seluruh Negeri Kedah, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih Yang Berhormat, YB. Kubang Rotan dan YB. Bandar Baharu.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada celahan lagi Yang Berhormat?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Boleh, Silakan YB. Kota Sipute! YB. Kota Siputeh punya pasal tak apa.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Terima Kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang, saya nak mohon bantuan daripada YB. Bukit Pinang untuk tolong war-warkan satu portal yang telah saya buat semasa saya di Exco Pendidikan dulu iaitu portal TVET@Kedah mintak tolong war-warkan supaya pelajar-pelajar kita dapat masej ni untuk memudahkan mereka untuk memasuki mana-mana institusi TVET di Kedah sebab dalam tu diceritakan secara complete dan mereka boleh mendaftar terus di Institusi TVET yang mana mereka nak masuk dan kursus mana yang mereka minati. Ini untuk membantu pelajar-pelajar kita untuk mempelajari bidang-bidang kemahiran untuk memenuhi pasaran industri di Negeri Kedah ini. Terima Kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Kepada YB. Kota Siputeh dia bunga sekuntum sahaja belah sana!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB.Bukit Pinang ada lagi celahan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ada lagi celahan! Dalam Parlimen Pokok Sena tak pa saya bagi!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima Kasih Tuan Speaker, saya nampak kesunguhan Bukit Pinang dari dulu sampai sekarang pasai ICT ni tapi saya nampak satu isu yang kita jarang sentuh mengenai infrastruktur, antena-antena yang nak dibina. Jadi, apa dasar kerajaan terhadap untuk

pembinaan antena-antena yang ada sekarang tak cukup tu yang menyebabkan kekurangan selular disambungkan.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Mintak maaf Yang Berhormat saya tak berapa clear soalan.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tuan Speaker, YB. Bukit Pinang , pembinaan infrastruktur antena-antena setiap kawasan ni saya difahamkan telco banyak cadangan untuk membina ok. Jadi, sebelum ni saya ingat di PBT ada bincang dengan telco mengenai CPIM macam tu. Jadi, untuk maklumat Bukit Pinang mungkin boleh untuk teruskan atau pastikan sebab pembinaan antena tak cukup tu tak guna kalau kita cakap semua web macam tu dia tak sampai jugak dia kat highway 4G jadi 0G tu sajalah yang nak di tanya.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih kepada Derga, saya mintak Insya-Allah saya ambik perhatian semua yang bangkit empat-empat! Yang pentingnya sekarang ini saya berasa bertanggungjawab atas portfolio yang di amanahkan kepada saya Insya-Allah, kita cuba upgradekan di Kedah ini Kalau boleh kita ke 4G semua sebab itulah saya lihat walaupun ada menara tapi 2G tak sampai ke 3G, 3G tak sampai ke 4G sebab itu salah satunya kekangan-kekangan yang ada yang saya sebut tadi, menara ini mestilah disambung ke menara-menara spec dia 700 meter mestilah fiber kalau tak sambung fiber dulu copper, kalau fiber connection antara menara jadi menyebabkan talian hanging.

Salah satunya kadang-kadang menara itu elok tapi telefon kita masih sekupang yang henfon 3310 dia tak boleh dapat, cuma boleh keluar whatsapp masuk whatsapp tapi dari segi digital tak boleh! Dari segi mesej sahaja, handphone seperti itu kena tukar lain sebab zaman teknologi sekarang ni sekurang-kurangnya Huawei ataupun Iphone, saya pun tak pakai Iphone, saya pakai Samsung ja okay saya ambik perhatian semua...(YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Bukit Pinang penerangan tak dak lagi ni!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Insya-Allah saya masuk ke situ , saya nak sebut kat sini pusat internet di Kedah ni walaupun dulu nak di mansuhkan tapi apabila saya turun ke lokasi, sebenarnya zaman sekarang amat penting kerana oleh kerana bila saya turun ada 2 peringkat yang pertama iaitu gred A-20 laptop Gred B-10 laptop. Dalam group 10 laptop ni dia banyakkan group A dia ada 10 laptop untuk latihan dan 10 laptop untuk kursus sama ada kita nak buat program dan sebagainya. Ia amat penting dan satunya boleh menolong usahawan-usahawan di kampung-kampung atau makcik-makcik yang saya sebut tadi umur 65 tahun tapi pasaran tahu sahaja pendapatan dia RM4,000 hingga ke RM6,000 ini amat penting.

Dari segi itulah infra, komunikasi ICT, makmal Insya-Allah akan kita buat! Seterusnya kita pastikan seperti mana saya bertemu dengan menteri, menteri pun komitmen kita nak selepas ini Kulim Hi-Tech akan jadi 5G dengan syarat 5G mestilah fiber optic, 100%! Kalau dia tak fiber optic memang 5G tak boleh dapat.

Yang seterusnya saya rasa terpanggil juga, oleh kerana kita melihat liputan walaupun di sebut apabila kita panggil telco-telco dia sebut 3G-97.6% 4G-89% tapi yang sebenarnya dari segi geografi Negeri Kedah ni kadang-kadang bukit antara bukit memang tak dapat, sebut disitu sahaja kadang-kdang masalah dari segi businessnya.

Contohnya, baru-baru ni di sebut oleh Setiausaha Akhbar Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Mahang, saya turun sana nak pastikan yang Setiausaha Akhbar Menteri Besar balik ke rumah mak dia, sebab rumah mak dia di Mahang. Bila dia balik sana dia bimbang takut Yang Amat Berhormat contact tak dapat bila saya turun dengan pengerusi SKMM, pastikan di situ ada Maxis, Celcom pun ada tapi bila kita test Maxis dapat bagus tapi celcom sedangkan Celcome ni di Kedah ni tempat main power dia core business nya Kedah dan Perak tapi kenapa dan malangnya di kedah sendiri masih 2G sebab itu saya minta supaya Celcome pastikan kena upgrade dari 2G ke 4G , tahun ini juga, Insya-Allah ikut perjanjian CEO Celcom akan turun bertemu dengan kita dari 2G ke 4G dijanjikan oleh mereka Insya-Allah!

Yang lain, saya rasa terpanggil juga walaupun tak di sentuh, saya ambik masa sedikit walaupun tak disentuh oleh portfolio penerangan, saya rasa terpanggilahlah untuk menjelaskan isu-isu dengan sempena kemerdekaan, 63 tahun kita Merdeka! Sebenarnya sebabnya negara kita dijajah oleh 5 pejajah sejak tahun 1511, portugis menjajah kita lebih kurang 130 tahun dan Belanda menjajah kita 1641 hingga 1824. 183 tahun! Selepas itu, British, Jepun, Komunis merintah 14 hari dan selepas itu British. Pada tahun 1904, semasa British memerintah penjajah lebih 446 tahun, ribuan rakyat Malaysia telah di buang termasuklah Tok Janggut di panggal kepala di Kelantan, Mat Kilau banyak ribuan ulamak telah mati, lepas itu kita sebagai seorang rakyat malaysia kena sedar benda ini sebab kita lihat generasi sekarang ini seolah-olah dia tidak sedar bahawasanya nak capai kemerdekaan, walaupun tak tumpah darah tak perang tapi kita kena ingat datuk nenek kita telah dijajah oleh komunis selama 14 hari dipaksa naik pokok nyior disula pedang di bawah, kena sedar benda-benda ini. Sebab itulah pada tahun 1948 Negara kita Malaya Union, semua rakyat bangun menentang penjajah supaya halau penjajah keluar negara kita.

Pada tahun 1957, negara kita mencapai kemerdekaan, rakyat india yang di bawa oleh penjajah untuk menjaga ladang, rakyat cina di bawa oleh penjajah dikekal disini untuk biji timah. Ketika itu hubungan kaum kita harmoni, tidak ada krisis antara rakyat Melayu, Cina, India, Siam dan sebagainya, tidak ada hubungan kaum! Perkauman tidak akan berlaku ketika itu tetapi malangnya selepas kemerdekaan, sekarang kita telah mencapai kemerdekaan 63 tahun selepas PRU ke-14 timbullah kerisauan rakyat.

Yang pertama, pada tahun 1958 bangkit semua rakyat bangun menentang ICERD, kita kena dengar pada tahun 1948 semua rakyat bangun tak kira parti menentang ICERD. Yang kedua, Statut Room, kita kena ingat! Yang ketiga iaitu di mana-mana parti, satu convention memastikan pilihan raya PBT akan diadakan pada masa akan datang. Yang keempat, fitnah yang dibuat bekas Menteri Jabatan Perdana Menteri pi luar negara mengatakan Malaysia ini meroboh memaksa semua kuil-kuil dalam negara kita..(YB Timbalan Speaker mencelah).

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Bukit Pinang, saya cadangkan kalau boleh perbanyakkan program-program di sudut penerangan tu.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ini penerangan! Yang Berhormat Speaker, ini penerangan yang kita kena bagi kesedaran kepada rakyat sekarang ini, dan yang seterusnya saya merasa kesal sekali apabila kita menang kita mengatakan seolah-olah melayu ni sebagai penentang...(YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa sebenar dah habis dah Yang Berhormat Bukit Pinang dan cuma saya sebutkan tadi perbanyakan program-program bercorak patriotik untuk membangkitkan kesedaran itu. (YB. Kota Darulaman mencelah)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tuan Speaker saya nak tnya tentang untuk ....

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Saya tak bagi! ini flow saya oleh kerana Yang Berhormat , ok saya bagi!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Darul Aman saya minta supaya dapat keizinan saya dulu sebab kita nak bajet masa, silakan dengan soalan!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih Tuan Speaker , Tuan Speaker saya nak bangkitkan tentang bendera merdeka untuk bulan kmerdekaan ini sebab yang kita tau dulu masa kerajaan kita diberi bendera

diberikan kepada rakyat supaya semua rakyat terlibat dalam mengibarkan jalur gemilang. Jadi, saya nak tanya sama ada Exco Penerangan akan sediakan bendera kepada Adun yang belah sini, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih Kota Darul Aman, amat simpati kepada kemerdekaan, alhamdulilah! Saya ucap syabas! Insya-Allah, kita cuba dapat walaupun tak banyak, dapat seorang sedikit seorang 50 saja sebab cara covid! Kita kibar cara covid sahaja dan yang seterusnya iaitu timbul sentimen (YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang dah boleh landing dah!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Seterusnya saya rasa kesal sebelum Israil tidak ada hubungan dengan negara kita tapi dibawa perenang Israil ke Sarawak. Seterusnya yang saya rasa kesal sekali, seolah olah bila kita capai kemenangan kita sebut melayu ini sebagai pendatang kita, semua terasa.....(YB Bakar Arang Mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Tuan Speaker, saya rasa Exco menggulung hanya menjawab soalan yang dibangkit oleh Adun-Adun bila perbahasan, bukannya flow Exco suruh buat perbahasan pergi sini, pergi sana! Kalau ada Adun berbahas tentang topik itu, kamu menggulung dan menjawab topik itu sahaja. Bukan flow untuk ceramah. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya harap YB. Bukit Pinang boleh habiskan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ok! Ok, saya habiskan! Sebab saya timbul benda ini disebutkan yang dikatakan pengkhianatan. Saya nak sentuh sebab saya Penerangan, saya kena sebut maksudnya kita oleh kerana rakyat membangun sebab kerana marah, sebab perkhianatan ini oleh kerana kita janji, bila kita menang kita hapus PTPTN nak hapus TOL, ini satu pengkhianatan!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang boleh buat rumusan dah! 1 minit!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Sebab itulah saya mintak sungguh-sungguh supaya kita kena sedar bahawasanya oleh sebab sentimen-sentimen yang tidak harmoni itulah menyebabkan tidak harmoni! Saya sebagai Portfolio Penerangan, saya kena jelaskan kepada rakyat pada harini supaya sedar rakyat pada harini tengok keadaan, kita merasa tenang sedangkan tok nenek kita dulu amat sukar tapi sekarang ini, kita dah kerja dah senang, masuk fitnah sana, masuk whatsapp sana! Saya minta perhatian lah semua rakyat negara kita supaya memastikan benda-benda yang tak jelas janganlah di whatsapp kan, di facebook kan agar tidak timbul perkauman ‘ racist’ antara satu sama lain. Itulah harapan saya sebagai Portfolio Penerangan, saya kena jelaskan benda ini janganlah sebut pengkhianat tuan-tuan! Ini adalah satu-satu pengkhianatan terhadap negara kita. Sekian, terima kasih.

Dengan itu saya sekali lagi dengan ini mengambil peluang dan kesempatan untuk menjunjung kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Semoga Allah S.W.T mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan juga kepada Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang, sebelum tu saya nak puji Yang Berhormat bukan kerajaan kerana banyak mengutarakan banyak cadangan dan syor yang baik untuk manfaat kita bersama untuk kita laksanakan dan saya juga nk puji sebelah ini, wakil rakyat di pihak kerajaan yang mempunyai tahap persediaan dan juga perihatin dengan syor-syor dan cadangan yang dikemukakan. Terima kasih, ini budaya yang kita nak pratikkan dalam perjalanan perbahasan dan perbincangan Sewan. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kupang.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan, Hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang turut membahas Titah Ucapan Tuanku serta menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan portfolio di bawah seliaan saya. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua frontliner (dengan izin) yang bertugas dalam menjaga negeri dan negara kita. Tidak dilupakan kepada semua guru-guru, imam-imam, pegawai-pegawai agama daerah serta semua kakitangan sama ada di Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama serta sumber manusia di atas keprihatinan dan juga usaha yang gigih bagi menentukan perjalanan pengawalan COVID-19 yang begitu mencabar pada kita, pada masa sekarang ini.

Semalam kita telah perhatikan dan daripada pemerhatian kita bahawa nada perbahasan yang dibangkitkan oleh pembahas-pembahas semalam menampakkan sesuatu keinginan mencari sesuatu yang tidak begitu jelas sama ada mencari kebenaran atau pun mencari kepuasan, ataupun sekadar melepaskan emosi. Namun, apa pun yang dicari, yang kita harapkan ialah ianya berlalu dengan semangat syura bagi menepati seruah Allah Wa'amruhum Syura Bai'nahum. Inilah roh yang perlu ada pada kita yang diberi mandat oleh rakyat berada di dewan ini mengemukakan hujah-hujah dan memberikan pandangan bagi membina Kedah Sejahtera.

YB. Tuan Speaker, sebenarnya untuk apakah kita pertikaikan, untuk apakah kita kesalkan apa yang berlaku? Apa yang berlaku adalah dalam ruang lingkup sistem yang kita sendiri menghayatinya. Logiknya, bila suatu pihak hilang majoriti dalam dewan ini, maka jatuhlah kerajaan itu dan oleh kerana tempoh pemulangan kuasa kepada rakyat belum sampai, maka menjadi tanggungjawab kepada perlembagaan malah tanggungjawab syari'e kepada orang-orang yang menduduki kerusi dalam dewan ketika itulah yang berhak memulihkan keadaan dan menentukan hala tujunya. PN terbentuk melalui situasi itu. Di Kedah, kerajaan terbentuk dalam situasi sedemikian. Negara dan negeri tidak boleh dibiar kosong tanpa kerajaan. Masalah rakyat perlu ditangani, urusan negara perlu berjalan dan pengajaran dan pelajaran perlu diurus secara teratur bagi menjamin kepentingan murid-murid.

YB. Tuan speaker, oleh itu apakah perlu mewujudkan atau mengadakan pindaan kepada undang-undang untuk menghalang lompat. Saya rasa kita belum sampai ke situ kerana lompat itu bukanlah amalan asas kepada demokrasi itu sendiri. Tetapi berlaku di pinggiran atas sebab kelemahan mengurus demokrasi itu oleh pengamal-pengamal yang menyertainya. Ianya berlaku dalam situasi tertentu barangkali untuk memenuhi keperluan semasa. Umpamanya untuk mengelakkan daripada berlakunya mudarat yang lebih besar kepada negara atau pun agama. Maka disitu timbullah kaedah aqaffuldarra'rain kita pilih mana yang kurang kemudaratannya. Itulah hakikatnya, ia macam dengan talak dalam perkahwinan, talak ni tuhan tak suka. Halal'billallahi'tallak, maknanya sesuatu perkara yang halal, yang Allah tak suka ialah talak.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kupang, ada celahan.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Tetapi.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Akan tetapi. Ya, silakan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih. Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Kupang. Saya nak tanya tentang, pentingnya pendidikan, sebab YB Kupang dalam bidang pendidikan kan. Kita tahu bahawa pendidikan sebenarnya membentuk individu seseorang itu.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Sila ulang. Tidak jelas.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Jadi pendidikan ini, sebenarnya dia besar kan daripada tadika sehinggalah sekolah rendah, sekolah menengah dan IPT. Jadi, pentingnya pendidikan ini untuk membentuk individu seseorang itu dan juga untuk membangunkan sehinggalah untuk menjadi pemimpin untuk membangun sebuah negara.

Contohnya, Negeri Kedah inilah. Jadi, pendidikan kita kena ambil berat bagaimana untuk melahirkan belia-belia kita ini. Jadi, tentulah pendidikan bermula daripada kanak-kanak sehinggalah mereka dewasa. Jadi, kepentingan dari sudut pembentukan jati diri pelajar tersebut, nilai-nilai murni, adab-adab yang baik, akhlak yang mulia. Jadi, perlu dilihat pendidikan ini daripada sekolah kerajaan, swasta, pondok, semua lah, melibatkan semua. Dan sekiranya belia kita ini menjadi pemimpin.

Pemimpin bagaimana yang kita hendak lahirkan untuk membentukkan sebuah negara? Jika dia, dia menjadi seorang ADUN, adakah dia ADUN yang tidak berprinsip, tidak bermaruah, tidak ada integriti, dia boleh lompat-lompat ikut suka hati sehingga menjatuhkan sebuah kerajaan yang sedang, apa, yang dulu tengah orang kata apa nak meneruskan segala perancangan tetapi gagal di tengah jalan. Jadi, apa pandangan dari Kupang?

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya tidak menyebut bahawa saya suka kepada lompat ini.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Lada di belakang.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tambah sikit ja YB?

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, silakan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker dan Yang Berhormat Kupang. Iaitu berkenaan, saya lihat dalam perbahasan baru ini, apa pandangan Yang Berhormat Kupang berkenaan dengan dua tajuk besar yang saya lihat iaitu khianat dan mandat rakyat. Ada dua yang diperbincangkan. Jadi, saya cuma nak tanya apa padangan Yang Berhormat Dato' iaitu sekiranya kita ada seorang anak perempuan dan ada dua orang yang datang nak meminang anak kita. Kemudian, yang seorang ini mai dengan kereta yang hebat, bawa kereta yang sangat hebat. Tetapi kita tau itu kereta sewa saja.

Yang satu lagi mai dengan kereta dia sendiri. Anak kita ni berkenan sungguh dengan hat kereta hebat ni, sebab semua nampak hebat, nampak cantik. Tapi kita tau dah hat yang mai dengan kereta yang hebat ni, sebenarnya dia ada kita nampak duk bercakap daripada awal lagi. Tapi, anak kita nak kawin juga. Akhirnya, anak kita dapat berkawin dengan orang yang kaya tadi ini.

Yang pada padangan dia, tiba-tiba bila dah kawin baru tau rupanya tak betul pun hat dia janji sebelum ni. Jadi, siapa yang khianat? Kalaulah anak yang tadi ni nak minta cerai, adakah

anak ini khianat atau pun suami yang hat mai dengan kereta hebat ni tipu daripada awal lagi. Apa pandangan Dato'?

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, terima kasih. Sebenarnya, saya nak respon kepada Kota Siputeh tadi. Sebelum saya respon kepada YB. Bukit Lada ya. Sebenarnya saya tidak menyebut bahawa saya suka perkara lompat. Tapi, maknanya pindaan, pindaan kepada perlembagaan ataupun kepada undang-undang tubuh negeri belum sampai ke situ kerana di sana ada ruang. Lompat itu bukan satu teras kepada demokrasi tetapi apa nama ni, kalau berlaku tidak sampai kepada kita hendak menyekat kerana itu adalah suatu yang berlaku di pinggiran sahaja. Barangkali, sebab-sebab berlakunya di atas sebab kelemahan mengurus demokrasi itu sendiri, oleh pengamal-pengamal demokrasi yang menyertainya. Ianya berlaku dalam situasi tertentu sahaja. Bahkan, kadang-kadang lompat itu perlu terutamanya bagi menjamin suatu keadaan yang lebih mudarat, besar, dengan adanya lompat itu tidak berlaku mudarat yang besar.
Jadi, keluasan itu masih ada. Tapi, faham ya, saya bukan suka kepada lompat melompat ini. Jadi, hakikatnya itulah disyariatkan talak tadi. Kerana talak tadi, Allah taala tidak suka kita talak ini. Tak boleh. Makna, abrhadul'halal'billallah' hitallak, amalan yang halal tapi Allah taala tak suka. Tapi mengapa disyariatkan ialah menyelesaikan masalah kekusutan yang tak boleh dirungkai maka adalah ruang-ruang yang sebegitu.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Minta laluan Yang Berhormat Speaker.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Jadi, dalam perbahasan semalam. Kita sering mendengar perkataan amanah dan perkataan khianat.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Yang Berhormat, minta laluan sikit.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Yang ditafsirkan sebegitu rupa yang ditujukan kepada sasarannya. Sebenarnya mereka lakukan lompatan sebagai keputusan politik. Kalau saya nak katakan istihar politik tu nanti orang kata, apa nama ni agak keterlaluan. Saya sebut dan sebagai keputusan politik hasil daripada kecamukkan yang berlaku di dalam parti mereka. Parti mereka berkecamuk.

Jadi, mereka buat sesuatu keputusan politik untuk menentukan keadaan-keadaan, menyelamatkan keadaan. Bukan takat mereka, rakyat pun cemuih melihat gelagat pemimpin yang menjadikan jawatan PM itu sebagai agenda besar. Timbul bincang mengenai siapa nak jadi PM. Kemudian, ganti orang ini, kawan ini tidak setuju, sampai apa nama ni, menghayun rakyat. Memikirkan keadaan ini, agenda negara terbengkalai! Soal kemiskinan masih lagi menjadi perkara yang besar. Soal ekonomi, pendidikan masih lagi menjadi masalah besar tapi yang ditumpukan hanya untuk kepentingan beberapa orang sahaja dan heret rakyat untuk bersama.

Jadi, keadaan ini barangkali menyebabkan rakyat menjadi cemuih melihat gelagat-gelagat ini dan tidak ada penghujungnya. Maka, penyudahnya sampai hilang kuasa. Jadi, belajarlah dari situ. Ambilah iktibar dari kejatuhan yang di alami itu. Faktabiru'ya'ubil' albab, ambilah iktibar. Itu soalnya, bukan soal kita apa nama ni.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker, minta pencelahan sikit. Pencelahan YB.Kupang. Kulim dulu ka saya dulu?

YB. TUAN SPEAKER

Kulim!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Kupang. Demi keharmonian, demi perpaduan kaum. Kejahteraan, keamanan dan kemuafakatan implikasi warganya. Setujukah

kerajaan kita memperkukuhkan pendidikan prinsip rukun negara supaya Ahli Parlimen, ADUN serta pemimpin parti politik perlu mengamalkan prinsip khas berkaitan rukun negara agar kita dapat menjadi contoh yang terbaik dalam konteks masyarakat. Setuju tak, kerajaan kita? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Timbalan Speaker!

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Sebentar! Sebentar YB. Pengkalan Kundor, kerana asas kita ialah meletakkan dia punya asas pembinaan negara. Mereka ada rukun negara. Sebab itu daripada rukun negara inilah, semua warganegara Malaysia tak kira India, Cina, Melayu, Kadazan mengamalkan rukun negara ini kerana itulah falsafah hidup negara kita. Jadi, kalau kita cuba keluar daripada falsafah itulah yang menyebabkan kita menjadi porak poranda. Soalnya, kalau dulu kita lihat generasi Tan Shu Shin, generasi Vitti Sarubatan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker. Pencelahan.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Satu generasi yang memahami falsafah kemerdekaan. Maka, keadaan itu berjalan dengan baik. Tapi selepas itu, tercalar oleh kerana, oleh kerana generasi sekarang tidak memahami apa itu falsafah negara. Ini menyebabkan keadaan itu berlaku. YB. Tuan Speaker, (YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Kupang pencelahan.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, silakan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker. Kupang memegang portfolio agama dan juga pendidikan. Jadi, saya boleh nampak dalam masa yang sangat suntuk ini, dia tidak menggunakan masa ini dengan mengupas isu-isu di bawah portfolio dia. Malah, dia merewang merata. Baik itu yang pertama.

Yang kedua, sistem kita, sistem kita telah secara konvensyennya, secara amalannya, secara fahamnya, rakyat faham bahawa mandat setiap pilihan raya itu sekitar lima tahun. Jadi, kalau satu-satu kerajaan tak elok, tak apa sekalipun. Mandat dia lima tahun itu. Bukan kacau, rampas di tengah jalan. Jadi, itulah yang saya katakan mengkhianati mandat rakyat. Mandat rakyat semua tahu lima tahun. Kalau katakan satu-satu kerajaan tak elok maka selepas lima tahun itulah tukar. Kerana itu sistem, sekarang ini mencemari sistem dengan merampas, dengan mengkhianati mandat rakyat. Itu yang saya maksudkan.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB Kupang, sikit boleh. Ok, terima kasih YB. Kupang dan Tuan Speaker. Sebenarnya saya sangat hormat kepada parti PAS. Sebab parti PAS yang paling kurang kita nampak ada lompat-melompat ini, betul! Itu bukan, itu dia sudah, dia bukan masa jadi ADUN. Tidak! Dan dulu kan, dulu PAS bagitau kalau lompat kena cerai lagi isteri dan sebagainya.
Tapi, saya kecewa kenapa dewan ini ADUN dua hari ini, Adun-Adun PAS, Exco-Exco PAS duk defend (dengan izin) atau pun mempertahankan pengkhianat-pengkhianat dan orang yang lompat. Kerajaan tukar kita tak salahkan Jeneri. Kita tak salahkan PAS, kita salahkan orang yang khianat sahaja. Tapi, buat apa gadaikan apa prinsip kamu? Prinsip PAS yang begitu mulia. Begitu integriti, mulia, bermaruah dan duk tahankan konsep atau pun kerja-kerja lompat ini. Saya rasa sangat bazirlah dengan begitu lama parti ini dibina dengan dalam mata rakyat. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau bolehlah, dewan yang kita sidang ini kita manfaatkan untuk isu-isu yang kita nak bangunkan rakyat. Kalau kita duk pi tang tu ja. Tajuk yang sama, jadi kita tak move on (dengan izin) langsung. Jadi, kita harap yang kedepan-kedepan ni tolonglah move on (dengan izin) tak payah dah duk berpusing pada satu point (dengan izin) itu saja. Sampai saya pun tak mau sebut point (dengan izin) apa. Silakan, apa YB. Kupang.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tuan Speaker, Tuan Speaker. Boleh.

YB. TUAN SPEAKER

Nanti sat, kita bagi ni.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya paling dekat.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Kalau boleh, Tuan Speaker. Ok, saya nak teruskan penggulungan mengenai dengan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di bawah portfolio saya. Dalam perbahasan semalam, Sungai Limau telah membangkitkan soal adakah kerajaan negeri mempunyai satu pelan institusi pendidikan seperti tahfiz, pondok dan sekolah agama rakyat untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi sepertimana UniSHAM. Dalam keadaan ini

kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan UNIMAS dalam perancangan, maaf UniSHAMS dalam perancangan untuk mewujudkan satu kerjasama. Di mana perbincangan awal telah diadakan bagi merangka program bersesuaian untuk pelajar lepasan tahfiz, pondok dan sekolah agama rakyat (SAR) bagi melanjutkan pengajian di peringkat tinggi terutamanya di UniSHAMS.

Selain daripada itu, kita juga, kerajaan negeri juga mengambil maklum dengan cadangan yang diusulkan dan yang disebut dalam rangka satu program bagi merialisasikan cadangan pengajian secara langsung ataupun Platform Digital dengan melibatkan barisan ulama yang ada di Negeri Kedah seperti mana program Explorasi Ramadhan yang pernah bersiaran sepanjang ramadhan melalui platform laman Media Warta Kedah. Dan juga apa yang ditimbulkan oleh Suka Menanti melalui dengan inisiatif kepada peniaga-peniaga dan pekerja-pekerja industri kecil. Di mana kita telah menyalurkan bantuan kepada peniaga kecil dan juga kepada pekerja-pekerja dengan majikan umpamanya pekerja kilang dan pemandu bas secara one off (dengan izin) sebanyak RM300. Dan antara usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan kepada golongan muda dalam menghadapi COVID-19 iaitu kita memberi latihan keusahawanan.

Yang kedua, program latihan kemahiran melalui agensi-agensi seperti mana Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara, Akademi Binaan Malaysia. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Sikit-sikit ja. Minta penjelasan sikit.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, silakan.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih Tuan Speaker. Jadi, tentang bantuan atau pun sokongan kepada pekerja tadi la, disebutkan anak muda, usahawan muda ini. Itu apa yang kita dah beri bantuan one off 300 terima kasihlah yang dah pun disampaikan dalam beberapa peringkat sekarang ini. Cumanya melihat kepada COVID-19 yang sekarang ni tak habis-habis lagi ni, haritu masa kita sembang tu COVID-19 baru 80, 90. Sekarang dah 200 lebih dan tak mustahil dia akan menjadi kepada 300 dalam masa dua, tiga minggu lagi.

Jadi, usahawan ni masih lagi belum dapat bergerak dengan lebih lancar. Jadi, kita harap ada satu lagi fasa kedua dalam bantuan ini memberi sokongan kepada yang layak betul-betul dipilih. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, terima kasih. Insyaallah. Perkara itu kita akan lihat semula dan akan membetuli dan juga mengemaskinikan sistem yang disedia ada untuk menentukan sasaran-sasaran itu dapat menerima bantuan dengan sebaik mungkin insyaallah. Mengenai dengan, mengenai dengan soalan atau pun yang dibangkitkan oleh Kota Darul Aman mengenai pengangguran meningkat di kalangan golongan muda. Dalam menghadapi situasi ini, golongan belia, peniaga kecil dan orang yang diberhentikan daripada pekerjaan. Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri menyalurkan bantuan sokongan dan kemudahan yang telah disediakan melalui agensi-agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja iaitu kita sediakan peluang-peluang pekerjaan. Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu meningkatkan kemahiran di golongan belia dan PERKESO dengan bantuan-bantuan dari segi kewangan.

Tuan Speaker yang dihormati, program-program lain dan ransangan ekonomi kerajaan kepada penduduk yang terjejas disebabkan oleh COVID-19 adalah seperti yang telah kita bahaskan sebelum ini iaitu kepada jawapan nombor satu kepada jawapan nombor satu kepada soalan lisan daripada, apa nama ni. Alor Mengkudu. Tengok dalam soalan lisan ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang ada seminit lagi.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Boleh lebih sikit kot.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker, minta pencelahan. Dah ada seminit lagi ni.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi kota siputeh, perasan penting tu.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Minta maaf, saya nak menghabiskan.

YB. TUAN SPEAKER

Takpa, saya bagi Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada mohon pencerahan pada YB Kupang la. Secara bertulis pun takpa pertanyaan ini iaitu tentang pendidikan. Mohon penjelasan pihak kerajaan negeri pada awal tahun 2020, pegawai kewangan negeri telah pun meluluskan sejumlah wang untuk program pembangunan insan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah bagi melaksanakan program pembangunan modal insan untuk anak-anak negeri Kedah.
Jadi, adakah peruntukan ini telah pun disalurkan kepada JPN Kedah dan apakah program yang telah dilaksanakan. Satu lagi tentang NGO MAP nak masuk ke sekolah. Jadi, mohon dibenarkan dan diberikan peruntukkan kepada NGO MAP. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Speaker, terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pencelahan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang nak jawab secara bertulis kan.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya jawab secara bertulis. Memang kerana masa pun tak cukup. Insyaallah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang saya nak jawab bertulis pun takpa.

YB. TUAN SPEAKER

Ringkas, ringkas.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Berkait dengan apa ni, portfolio agama. Setiausaha agama. Jadi, hasrat saya sepanjang saya pegang EXCO agama tu la untuk menjadikan bahawa institusi agama ni sama macam lain-lain apa ni agensi atau pun jabatan iaitu kita digitalkan. Saya ambil contoh, kebetulan pengarah zakat ada di sini. Bagaimana zakat telah meng-IT kan institusi zakat tu sendiri. Yang menjadikan orang ramai melihat Islam zakat itu sangat senang dan sangat megah. Itulah harapan kita juga kepada institusi agama.

Contohnya, masjid-masjid kalau kita digitalkan, kalau kita IT kan seluruh maklumat masjid dalam negeri Kedah ada. Kita nak pi masjid mana, kita touch (dengan izin) sahaja. Jadi, itu hasrat saya haritu yang tak kesampaian. Adakah juga EXCO agama sekarang melalui perancangan yang sama yang akhirnya menjadikan orang ramai melihat bahawa oh cantiknya Islam itu. Bukan sahaja dengan percakapan tetapi kita up to date (dengan izin) dengan apa ni, dengan sistem-sistem semasa. Itu, mahu respon daripada YB.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih. Sebenarnya perkara ini sedang dalam perbincangan dan saya terpaksa bawa ke Mesyuarat Majlis Hal Ehwal Agama untuk kita membuat keputusan. Pertimbangan akan dibuat disitu insyaallah. Tuan Speaker, sekali lagi. Walaupun ada seminit tapi macam saya sebut dulu la, apa nama beg ni kalau penuh macam mana pun, sapu tangan sehelai takkan tak boleh buh.

YB. TUAN SPEAKER

Bubuh, bubuh sapu tangan dua helai pun takpa.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Seterusnya, soalan daripada yang dibangkitkan oleh Pengkalan Kundor juga isu penutupan masjid dan surau serta penutupan RNR Gurun serta premis persendirian. Keputusan bagi menutup masjid dan surau tertakluk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Daerah. Jadi mereka yang kita beri, diberi autoriti untuk menentukan penutupan sesebuah masjid atau pun surau. Jadi, langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah penutupan surau.

Kita perlu memberi pendidikan kepada masyarakat umum bahawa solat ini sebenarnya boleh dilaksanakan di mana-mana. Maknanya kalau kita mengetahui atau pun kita faham mengenai dengan solat itu, boleh kerja di mana-mana. Tak mesti di surau, tak mesti di masjid tapi oleh kerana bukan menjadi budaya kita sembahyang di tengah jalan ataupun di tempat lapangan lain. Kita rasa tak selesa. Padahal budaya itu memang di negara-negara timur tengah ianya jadi biasa sahaja. Jadi, tak perlu nak masuk masjid dulu baru boleh sembahyang kerasa Rasulullah S.A.W mengajar kepada kita Wajui'lat Bialardhu' Masjid Al'wata'Bhuro dijadikan dalam syariat aku bumi ini bersih dan apa nama ni, masjidan, boleh jadi masjid.

Jadi, kalau kita buat semuanya. Sampai di mana berenti tempat lapang sembahyanglah. Jadi, tapi oleh kerana kita tidak mendidik masyarakat kita dengan norma baru yang macam tu. Dia jadi janggal. Jadi, saya rasa sampai masa kita supaya mendidik bahawa sembahyang boleh dimana-mana. Kalau kita praktiskan benda ni, maka, tak timbul soal marah kepada tok imam tutup masjid dan sebagainya. Berikutan dengan COVID-19 ni.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit, Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Tak, tak boleh dah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bukan, bukan.

YB. DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Nak tutup dah. Habis seminit dah. Dua sapu tangan dan jadi tiga helai dah ni. Jadi, Tuan Speaker, mengenai dengan Tanjung Dawai. Bahawa EXCO agama mesti bekerja dengan NGO dalam membenteraskan kemungkaran dan maksiat. Di kerajaan negeri sentiasa berlapang dada untuk menerima candangan daripada NGO untuk bekerja sama sekiranya cadangan tersebut dapat membantu dalam membangunkan Syiar Islam di Negeri Kedah ini.

Jadi, sekadar itulah, walaupun ada lagi, oleh kerana Speaker mencemburui saya mengenai dengan masa ni. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang berkenan bertitah dalam pembukaan sidang dewan. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Selepas Kupang. Silakan YB. Bukit Kayu Hitam ka! Silakan!

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam, selepas YB. Kupang, Silakan YB. Bukit Kayu Hitam!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Azubillahiminashaitanirajim. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi Robbil A'lamin Wassalatu Wassalamu A'la Asrofil Am'biya Iwal Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'Ala A'lihi Wa'Sohbihi Ajma'iin. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Yang Berhormat Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Ahli - Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya Pihak Pengamal Media Sosial dan Para Pemerhati sekalian.

Ahamdulillah Syukur kepada Allah swt. dan juga jutaan terima kasih kepada semua yang berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan lisan dan juga secara bertulis. Penghargaan juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mengemukakan saranan bernas untuk djadikan penambah nilai bagi dasar-dasar negeri, jangka panjang terutamanya yang melibatkan kepada sektor pembangunan wanita, keluarga, masyarakat dan kebajikan Negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pihak Kerajaan Negeri sedar akan kepelbagaian peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik. Justeru, strategi-strategi khusus untuk mengoptimumkan potensi golongan wanita perlulah dibentuk untuk memperkasa golongan ini. Selain daripada itu, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya, aspek kebajikan masyarakat juga diambil cakna oleh pihak Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Kedah bersama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPWNK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kedah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kedah dan lain-lain agensi dan jabatan kerajaan sentiasa bekerjasama erat dalam merencanakan program untuk menjamin kelangsungan hidup, perlindungan dan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera serta memperkukuhkan masyarakat ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

YB. Tuan Speaker, YB. Kota Siputeh ada membangkitkan isu bagi menangani kes keganasan rumah tangga bagi golongan wanita dan juga kepada golongan lelaki. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Tuan-Tuan serta Puan-Puan sekalian, keganasan rumahtangga boleh berlaku kepada semua isi keluarga atau isi serumah sama ada kepada golongan kanak-kanak, wanita atau lelaki. Pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan juga agensi kerajaan telah melaksanakan

program-program seperti program Literasi Undang-Undang (LUU) dan juga Wanita Anti Jenayah (WAJA) dan khidmat kaunseling berbentuk kesedaran, ilmu pengetahuan, pencegahan dan kempen kepada golongan wanita dan lelaki serta memberi pendedahan untuk membantu mereka mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya. Program tersebut turut dihadiri oleh golongan lelaki, YB. Tuan Speaker, yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga.

Di samping itu, Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat turut melaksanakan kempen melalui poster, unit social outreach, kempen melalui bas KAWAN JKM, portal jabatan, dan hebahan melalui media cetak dan media elektronik. Untuk laporan aduan kes berlaku keganasan rumahtangga boleh dibuat pada Talian Kasih KPWKM 24jam melalui talian 15999 atau hadir ke Pejabat JKM Negeri dan Daerah bagi mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO).

Bagi tahun ini, kempen melalui mobil unit melalui Social Outreach Bas KAWAN Jabatan Kebajikan Masyarakat turun ke setiap daerah tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kedah masih melaksanakan program-program kolaborasi di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Pembangunan Wanita dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan juga lain-lain agensi kerajaan yang sentiasa dilaksanakan dengan mematuhi peraturan SOP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

Untuk makluman, Akta Keganasan Rumahtangga digunakan kepada kes-kes keganasan rumah tangga yang melibatkan ahli keluarga atau yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang tinggal serumah. Jumlah mangsa yang dilaporkan bagi kes keganasan rumahtanga pada tahun 2020 adalah sebanyak 65 orang perempuan dan 9 orang lelaki. Orang lelaki pun kena dera, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bagi kes keganasan rumahtangga yang berlaku, kes tersebut akan ditempatkan di tempat selamat di institusi bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti di Taman Sinar Harapan, Rumah Seri Kenangan Bedong dan Rumah Kanak-Kanak mengikut kesesuaian kes atau ditempatkan di NGO yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, bagi kes keganasan rumahtangga yang berlaku dalam kategori fizikal atau ancaman fizikal akan dikeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk

mengelakkan daripada terus berlaku ancaman oleh pemangsa. Tempoh Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) ini akan dikeluarkan dan disampaikan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia dan yang akan menjalankan siasatan Perintah Perlindungan Sementara (IPO).

YB. Kota Siputeh dan YB. Anak Bukit ada membangkitkan berkenaan kelulusan pengoperasian Rumah Transit Negeri Kedah. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, permohonan untuk kelulusan di bawah Seksyen 23, pengecualian pendaftaran Pusat Jagaan di bawah Akta Pusat Jagaan sudah dihantar ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pihak Kerajaan Negeri turut berharap agar kelulusan tersebut dapat diperolehi dengan kadar segera. Walau bagaimanapun, tempat perlindungan sementara yang lain di Institusi Kebajikan Masyarakat boleh menampung dan menempatkan golongan kes keganasan rumahtangga, pengabaian, pengemis dan sebagainya. (YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Silakan YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam atas penjelasan tadi. Saya mohon penjelasan tentang rumah transit yang dikatakan ada Rumah Transit tu, 5 buah kan, duk sebulan berapa sewa? Terima kasih.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Adun Kota Siputeh. Untuk makluman rumah transit bukan ada 5 buah tapi ada 6 buah asalnya ada sebuah sahaja di Alor Setar tetapi oleh kerana jumlah jumlah sewaan sebuah rumah itu RM1,000 kita dapat menyewa 6buah rumah padahal pada zaman dulu cuma satu buah rumah RM6,000 sahaja tetapi kali ini kita menyewa sebuah rumah RM1,000 dan 6 buah rumah telah kita jadikan Rumah Transit. Untuk makluman semua saya akan sertakan jawapan secara bertulis kepada YB. Kota Siputeh kerana ianya panjang, kita ada bayar elaun, kita ada bayar elektrik, kita ada bayar makan minum di situ, kita ada bayar penyelia yang menjaga di situ. Jadi, Insyaallah saya akan bagi secara laporan bertulis kepada Yang Berhormat! Sila duduk!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Jadi kata tak mula lagi tu, bayar sahaja lah! YB. Tuan Speaker, jadi sewa rumah transit tu bayar sahaja lah dah sebab kata tak mula lagi? Selama beberapa bulan?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. Kota Siputeh, kalau kita ada penjara, kita bayar penjara saja ka kalau tiada orang salah masuk? Pihak Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah bagi menggantikan Tabung Khas Wanita Negeri Kedah. Penubuhan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah ini adalah susulan daripada penubuhan Tabung Khas Wanita Negeri Kedah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2019. Permohonan yang telah diterima adalah sebanyak 47,360 borang permohonan daripada 36 Pusat Khidmat DUN di seluruh Negeri Kedah.
Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tabung Khas Wanita Negeri Kedah telah meluluskan peruntukan sebanyak RM480,000.00 untuk dua (2) kategori pada tahun 2019 iaitu kategori menjaga ibu/bapa/pasangan/ahli keluarga yang sakit terlantar dan kategori menjadi ketua isi rumah disebabkan suami sakit terlantar dan hilang punca pencarian.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Kedah bercadang untuk memberi sumbangan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah yang bernilai maksimum RM500.00 secara 'one-off' kepada penerima yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kedah.
Kerajaan Negeri Kedah berhasrat untuk memberi fokus kepada golongan wanita yang memerlukan bantuan kewangan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi bagi menambah pendapatan keluarga sejajar dengan impak daripada Pandemik Covid-19 yang menular di seluruh dunia.

Bantuan kewangan ini menandakan keprihatinan Kerajaan Negeri Kedah dalam membantu golongan wanita yang ingin memajukan perniagaan kecil atau perusahaan di rumah secara kecil-kecilan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Dengan adanya sumbangan ini, diharapkan agar ianya sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban tanggungan wanita-wanita yang memerlukan bantuan kewangan di Negeri Kedah.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Tuan Speaker!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ya..YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ok, baik! Berkenaan dengan masalah rakyat! Kadang-kadang kita pi melawat tempat kebakaran, rebut, ada yang total lost dalam kebakaran itu begitu juga ribut. Jadi, kerajaan ada menyediakan pusat penempatan sementara tapi kita nak tanya adakah polisi kerajaan untuk menyediakan pusat penempatan sementara ini untuk di seluruh daerah.

Kadang-kadang kita telefon dan check banyak yang tiada. Satu lagi pula kebanyakannya adalah flat tapi bila kita pergi ada juga masalah-masalah rakyat bila rumah terbakar ini, orang tua-tua, yang ada ini orang tua-tua, kalau nak naik tangga tu pakai dak dah la. Jadi, ini yang akan jadi isu dan permasalahan dalam rakyat kita. Memang dimana-mana daerah mengatakan macam di tempat saya beberapa kali saya pergi ke rumah pakat tak dapat nak disediakan oleh kerajaan. Itu sahaja soalan!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kubang Rotan! Untuk makluman YB. apabila berlaku bencana ataupun musibah kebakaran yang berlaku di setiap daerah kita, kita juga telah pun memberi peruntukan kepada setiap Adun sebanyak RM5,000 untuk turun ke Padang untuk turun melawat mangsa-mangsa yang terlibat.
Di samping itu juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan beri bantuan wang tabung segera sebanyak RM100 ke RM300 kepada mangsa yang terlibat. Seterusnya juga kita bila turun ke kawasan tu bersama-samalah dengan Penghulu ataupun wakil daripada Pejabat Daerah untuk kita salurkan permohonan kepada pejabat daerah yang mana kelulusan telah dibuat dan diberi kepada setiap daerah sebanyak lebih kurang RM6,000 kebawah untuk meluluskan setiap bencana yang berlaku.

Jadi, Insya-Allah soalan bertulis akan saya sediakan kepada YB. Kubang Rotan tu sebab masa tak ada. Minta maaf! Dan jawapan penempatan semula sementara apa yang berlaku contohnya berlaku di Sungai Petani baru-baru ini yang mana di perkampungan ladang situ, ada dua buah rumah terbakar saya telah pun melawati dan menziarahi mangsa dan mangsa ditempatkan dulu buat sementara di dewan orang ramai di situ.

Jadi, buat masa sekarang Kerajaan Negeri Kedah tidak ada peruntukan yang besar untuk kita mendapatkan rumah-rumah seperti Rumah Transit tentera dan Insyaallah cadangan itu akan dalam perancangan akan dibuat dan kita mohon peruntukan benda kerajaan pusat untuk memberi peruntukan kepada Terengganu Kedah dan kita juga akan membuat rumah rumah seperti Rumah Transit di Negeri Kedah. Insya-Allah, cadangan itu dalam perancangan akan dibuat dan kita mohon peruntukan daripada kerajaan pusat untuk membri peruntukan kepada Kerajaan Negeri Kedah dan kita juga akan membuat rumah-rumah transit seperti di daerah-daerah lain.

YB. Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati sekalian, kerajaan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan satu Bantuan Khas Penjana Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dimana bantuan tersebut disalurkan terus kepada akaun penerima. Bantuan Khas Penjana Orang Kurang Upaya (OKU) ini telah diberikan kepada 23,496 orang penerima bantuan berjumlah RM7,048,800 pada 15 Julai 2020 yang lalu. Kelayakan penerima bantuan adalah kepada penerima yang sedia menerima Elaun Pekerja Cacat, Bantuan OKU Tidak Bekerja dan Bantuan Pesakit Kronik/OKU Terlantar. Bantuan ini merupakan bantuan tambahan secara ‘one-off’ sebanyak RM300.

Kerajaan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan satu Bantuan Khas Ibu Tunggal atau lebih dikenali sebagai BKID secara one-off sebanyak RM300. Permohonan bantuan tersebut boleh dimohon sehingga 31 Oktober 2020. Kalau ada YB-YB yang ada ibu tunggal yang tidak pohon lagi boleh kemukakan borang dan borang-borang telah pun melalui pusat-pusat khidmat wakil rakyat untuk dipanjangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sikit saja!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Sat, YB. Terdapat dua kaedah bayaran iaitu melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengambil kira ibu tunggal berdasarkan definisi seorang Perempuan (Warganegara) yang menjadi Ketua Isi Rumah bagi kategori yang pertamanya, taraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama. Yang kedua, Mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah. Yang ketiganya ialah tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf)

Sehingga 24 Ogos 2020, permohonan Bantuan Khas Ibu Tunggal yang telah diterima dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Kedah adalah sebanyak 8,986 borang permohonan telah pun diisi.

Di samping itu, Bantuan Khas Ibu Tunggal yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dibayar kepada yang layak iaitu sebanyak 2,633 orang ibu tunggal yang mendapat bantuan bulanan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui skim bantuan kanak-kanak. Jumlah peruntukan yang telah selesai dibayar adalah sebanyak RM789,900.00

Di samping itu juga, Program I-Suri dilaksanakan oleh Kerajan bersama pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah satu insentif khas kepada Suri Rumah yang berdaftar dalam eKasih. Sumbangan Kerajaan adalah sebanyak RM40 sebulan atau RM480 setahun. Manakala, caruman individu hendaklah dibuat ke dalam akaun KWSP sekurang-kurangnya RM5 sebulan atau RM60 setahun.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Minta laluan! Sikit saja!

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ya.. YB. Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam! Saya ada 2 soalan di sini. Satu berkenaan dengan khairat kematian! Khairat kematian ini kita tahu pertukaran kerajaan pada 17 Mei 2020. Jadi, ada yang menghantar borang-borang khairat kematian di Dun-Dun terutamanya di Dun Pembangkang ini yang kami terima daripada pejabat pentadbiran menyatakan bahawa Bulan 1 yang kami terima sepatutnya bila pertukaran sebab masyarakat dah hantar sampai bulan 4 atau bulan 5, kita boleh terima tapi kita tak terima. Rata-rata rakyat telah mengadu di Pusat Khidmat menyatakan mereka tak terima pembayaran sumbangan khairat kematian, hanya awal bulan 1 saja! Minta semak balik!

Yang kedua ialah berkenaan dengan I-Suri. Adakah kerajaan bercadang, bahawa RM5 yang dicarumkan oleh ibu tunggal ataupun suri rumah melalui EPF itu sebanyak 17,000 orang seluruh Negeri Kedah. Adakah kerajaan bercadang untuk membayar berbanding dengan negeri-negeri lain, negeri-negeri membayar ataupun mungkin zakat boleh membayar, RM1 juta lebih saja, boleh cover untuk seluruh masyarakat marhain di peringkat bawah terutama ibu-ibu tunggal.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Yang Berhormat, berkenaan sama dengan kematian. Sikit sahaja Tuan Speaker.

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kalau sama saya jawab….(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Dak! Dak! Bukan macam ni!

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ok!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Borang Khairat Kematian itu sampai ke Pejabat Adun, pejabat kami lah kan, lepas tu bila berlaku pertukaran ini kemudian kita nak serah kepada penyelaras, oh tak boleh kena individu itu pi ambil dan serah kat depa samalah dengan Borang IPT apa salahnya kami semua pi serah macam tu kan? Tak, nak minta individu pi serah sendiri. Jadi, kami pejabat ADUN terpaksa telefon setiap orang, mai ambil pi pulak kepada penyelaras dun, dah lah jauh pulak daripada saya punya tempat.Kota Siputeh.

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ok saya faham maksud YB. Kota Siputeh. Untuk khairat kematian, untuk makluman semua Exco yang memegang portfolio khairat kematian adalah Yang Berhormat Merbau Pulas dan Insya-Allah beliau akan menjawab nanti!

Mengenai SOP ataupun prosedur yang ditetapkan oleh setiap DUN, setiap kerajaan dia ada SOP yang telah ditetapkan. Kalau dulu kita di Adun Pembangkang kita akan bagi kepada Penyelaras DUN dan hari ini pun macam tu juga kita akan bagi kepada Penyelaras DUN yang akan menguruskan perkara itu.

Untuk makluman YB. Kubang Rotan, mengenai I-Suri. Kita ada 17,000 nama yang telah disenaraikan yang ada dalam data e-Kasih untuk kita beri insentif I-Suri dan Alhamdulillah kita dapat membuat kempen yang mana kita telah berjaya dekat 9,000 dah yang senarai nama itu telah kita masukkan dalam bantuan I-Suri ini dan Insya-Allah setiap pusat khidmat telah pun dipanggil untuk memberi penerangan mengenai I-Suri ini dan Insya-Allah kita akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah dengan Pihak ICU untuk kita turun kelapangan untuk kita pastikan nama-nama yang tersenarai dalam I-Suri itu didaftarkan untuk mendapat insentif ini. Jadi, saya juga mencadangkan supaya penerima-penerima KIDA tadi nanti yang ada di dalam senarai e-Kasih ini dimasukkan terus kepada dalam caruman KWSP I-Suri ini.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Soalan saya iaitu caruman RM5 itu, caruman RM5 daripada ibu tunggal itu. Minta maaf YB. Tuan Speaker, caruman RM5 yang dicarumkan oleh ibu tunggal ini adakah kerajaan negeri bercadang ataupun polisi kerajaan boleh membantu berbanding dengan negeri-negeri lain. Yang RM480 tu saya tahu daripada pihak EPF ini.

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Untuk YB. Kubang Rotan. Kerajaan telah memberi RM480 setahun. Jadi, RM5 ini adalah syarat untuk dia nak tengoknya cinta dan kasih sayang suami dia kepada dia RM5 sebulan untuk dia dapat.

Untuk suri rumah hanya RM5 sahaja dan Insya-Allah kita juga akan berbincang mengenai perkara ini. Kalau penambahbaikan yang lebih baik lagi,jadi kena minta supaya ini caruman. Sebenarnya kalau kita carum dalam KWSP, banyak faedah yang kita akan dapat. Jadi kalau orang kita ini kalau kita nak suap semua perkara dia kena berikhtiar untuk diri dia kan. Jadi, RM5 campur kalau suami itu hisap rokok sekotak rokok pun RM12 lebih, RM5 saja nak dicarum kepada adinda dia dan manafaat dia, dia akan dapat masa dia tua nanti.
Okey, buat masa lagi kerajaan negeri belum ada lagi untuk nak tolong carum RM5 tetapi senarai mereka yang ada di dalam senarai namaa KIDA Insya-Allah kita akan selaraskan untuk dia terus mencarum dalam I-Suri ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Kayu Hitam, panjang lagi dak?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Dak, sikit lagi!

YB. TUAN SPEAKER

Ha..sikit lagi tak apa lah!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Dah banyak mencelah YB. Speaker. Minta maaf! YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Adun Jitra yang mana telah memberi tanggungjawab kepada saya semasa beliau menjadi Menteri Besar dahulu dalam Program Kasih Ibu Darul Aman iaitu KIDA. KIDA pada fasa pertama yang mana pelaksanaannya dijangkakan bersama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bermula Mei 2019 sehingga Jun 2020 telah melibatkan seramai 4,281 orang penerima. Seterusnya, Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan KIDA Fasa 2 bermula Julai 2020 hingga Disember 2020 yang melibatkan seramai 4,547 orang. Saya juga berterima kasih kepada YAB. Jeneri kerana telah memberi tanggungjawab ini kepada saya untuk melaksanakan program ini untuk Fasa 2.

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Program KIDA ini bertujuan untuk memberdayakan kaum ibu, terutamanya mereka yang mempunyai isi rumah berpendapatan 40% terendah. Jadi, untuk menampung perbelanjaan keluarga melalui pembelian barangan keperluan asas bernilai RM250.00 setiap bulan dan mendapatkan rawatan dengan jumlah RM500.00 setahun. Tambahan pula, dalam KIDA Fasa 2 kita masukkan keperluan asas iaitu gas memasak dan pembelian topeng muka dan hand sanitizer untuk Program KIDA yang kedua ini.

Melalui program KIDA Fasa 1 dan Fasa 2 ini, sebanyak 8,828 orang penerima dari seluruh Negeri Kedah telah tersenarai dalam data eKasih dan telah mendapat manfaat daripada program KIDA dengan peruntukan RM30 juta daripada pihak Kerajaan Persekutuan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA).

Pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah (ICU) sekarang ini sedang giat mengemaskini data eKasih bagi tujuan pertimbangan senarai nama penerima yang layak untuk tahun hadapan.

Yang Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah swt. sekalian, selaku Exco Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Negeri Kedah, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan KKM, APM, RELA, PDRM, terutamanya JKM seluruh Negeri Kedah yang bertungkus-lumus menggembleng tenaga sebagai petugas hadapan dalam menangani dan memberi bantuan dalam Pandemik Covid 19 dalam Negeri Kedah. Mereka terlibat secara langsung dalam menyediakan keperluan harian kepada penduduk yang terjejas yang menguruskan pusat-pusat kuarantin. Terima kasih kepada isteri-isteri mereka yang berkongsi suami dengan rakyat Kedah, terima kasih kepada suami-suami yang berkongsi isteri dengan rakyat Kedah, terima kasih kepada ibu bapa yang berkongsi anak kepada rakyat Kedah, terima kasih juga kepada anak yang berkongsi ibu bapa dengan kami rakyat Kedah. Terima kasih kepada semua mereka di sana.

YB. Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati Allah swt. sekalian, kalau tak cakap bab politik pun kita dikatakan macam-macam dah! (YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh sikit YB. Speaker! Sikit saja! Sikit saja!

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan! Silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam! Sikit tentang JKM yang kes di kawasan TEMCO, di kawasan saya Kg. Megat Dewa. TEMCO agak lama dan terima kasih kerana JKM bagi beberapa bantuan. Cuma saya nak bangkitkan isu barang-barang basah,

semua kena bagi kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah akan bagi kepada kawasan TEMCO ini dan masalah sekarang ini bila barang basah lambat bagi ada yang sampai tak boleh makan dah. So akan datang 'make sure' (dengan izin) bila ada barang-barang basah ini disegerakanlah jangan ditangguh-tangguhkan.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Untuk makluman YB. Kota Siputeh, kawasan TEMCO yang diwartakan pada 3 Ogos hingga 26 Ogos, 12.30 tengah malam termasuklah kawasan Megat Dewa, kawasan YB dan kawasan saya sendiri di Dun Bukit Kayu Hitam, dua kali saya turun bagi bantuan di sana tapi saya tak nampak pun lah YB. Adun Kota Siputeh di sana! Mengenai SOP yang ditetapkan….(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tak betul tu! Tak betul tu!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. duduk sat! Mengenai SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM dan Kementerian yang mana segala bentuk bantuan diagihkan kepada mangsa-mangsa berada di dalam TEMCO melalui PKOB di Daerah Kubang Pasu yang bertempat di Dewan Tunku Anum, pengagihan dibuat oleh Penolong ADO di situ bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat APM dan JPM untuk meneman! YB. Adun Kota Siputeh, minta maaf kalau kelewatan ikan ka barang basah itu, sebab untuk kita memberi kemudahan kepada rakyat, kita juga dibawah portfolio YB. Lunas yang mana telah membuka pasar sehari di situ dalam seminggu 3 kali dan mereka boleh juga boleh keluar membeli makanan dan barang basah.
Kami di peringkat Kerajaan Negeri Kedah hanya memberi makanan barang kering sahaja, yang basah hanya NGO-NGO yang menghantar makanan YB, jadi kita terima kasih kepada NGO di luar sana yang begitu prihatin yang hantar makanan.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Speaker, saya minta YB. Bukit Kayu Hitam memperbetulkan kenyataannya sebab kami diberitahu apabila nak menghantar barang makanan ini ianya mesti melalui Jabatan

Kebajikan, kami sendiri tidak dibenarkan pergi ke kawasan-kawasan TEMCO ini atas arahan YB. Bukit Kayu Hitam sendiri. Jadi, tak adil saya ingat kalau menyatakan bahawa Kota Siputeh tak nampak muka di situ kerana kami tak dibenarkan pergi pun.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Saya minta maaf YB. Jitra. Memang saya sendiri pun di viralkan di dalam media sosial mengenai Adun tak pernah turun ke padang dalam tempoh TEMCO. Kita senasib! Sebab apa? Pandemik Covid ini dia mai bukan kita nampak tapi kita pun bukan kebal tapi saya nak habaq kepada YB tadi bukan kami tak bagi barang makanan itu sebab YB kata susah barang makanan basah ini susah kita nak bagi tapi pengumpulannya dibuat di situ kalau pengumpulan dibuat di Pejabat Daerah, ikan dengan busuk, dengan sayur lagi mana kita mampu untuk kita nak agih di kawasan tersebut. Jadi, saya minta maaf disitu. Sebenarnya Jabatan Kebajikan Masyarakat ini bersama team APM dan frontliners ini bekerja habis-habisan yang terbaik untuk rakyat di kawasan TEMCO. Terima kasih kepada mereka.

Jadi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, saya nak maklum disini, Kerajaan Negeri Kedah Bersatu + PH jatuh disebabkan oleh 2 Adun daripada PKR dan Team Azmin Ali mengisytiharkan diri keluar dari parti dan menyokong gabungan Pakatan Nasional (PN). Minta maaf YB. Lunas. Boleh tanya kepada Sidam dan Lunas. Waktu itu Gabungan PN di Kedah telah mempunyai 19 kerusi sedangkan Gabungan Bersatu + PH tinggal 17 kerusi maka Kerajaan Bersatu + PH jatuh di Kedah. Tidak seorang pun wakil rakyat Adun Bersatu lompat parti saya nak habaq di sini. Adun Bersatu Kedah tidak mengkhianati parti tetapi sebaliknya akur dan taat kepada pucuk pimpinan parti kecuali ada 2 orang wakil rakyat di sini.

Sekurang-kurangnya apabila Bersatu berada di dalam Kerajaan PN Kedah, wakil Bersatu ada dalam pentadbiran kerajaan dan sebagainya. Dengan ini Bersatu Kedah masih mengekalkan mandat rakyat yang memilih calon Bersatu untuk menjadi kerajaan bukan jadi pembangkang! (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Bertanding pakai logo apa hari tu?

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kami tetap dengan prinsip perjuangan sebelum PRU iaitu menjadi kerajaan untuk berkhidmat kepada rakyat. Hari ini terbukti apabila wabak covid 19 menyerang Kedah buat kali kedua, TEMCO di kawasan Napoh dengan kluster Sivagangga. (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Saya nak tanya sikit bukan apa saja nak tanya lah tengahari-tengahari ini, saya nak tanya…

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Saya nak cakap bagi habis sat, YB? Jika kami Adun Bersatu memilih untuk menjadi pembangkang bolehkah kami membantu rakyat. Setakat ini, wakil rakyat pembangkang belum ada lagi yang menyediakan peruntukan untuk covid 19 sepertimana kerajaan sediakan. Minta maaf! Kami meraikan…(YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Takut jadi pembangkang jangan masuk pilihanraya lah!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kami meraikan prinsip rakan-rakan yang lain dalam Bersatu untuk meninggalkan Bersatu dan menubuhkan parti baru dengan ucapan selamat berjuang. Kepada kawan-kawan dari PH, kami menghormati keputusan pucuk pimpinan YB-YB sama. YB-YB semua taat dan akur kepada pucuk pimpinan dengan tidak menyertai Kerajaan Perikatan Nasional. Jika YB-YB semua mengambil keputusan untuk taat dan akur kepada pucuk pimpinan masing-masing dan YB-YB semua beranggapan itu adalah satu tindakan yang betul, dan kami juga dari Adun

Bersatu, kami juga akur kepada pucuk pimpinan kami iaitu Presiden Parti kami yang menjadi Perdana Menteri dianggap tidak betul. (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Boleh tanya sikit dak YB. Tuan Speaker?

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Jika kami boleh menghormati prinsip ini, perjuangan-perjuangan YB-YB semua, mengapakah YB-YB tidak boleh menghormati prinsip kami. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' IR. PHAHROLRAZI BIN HJ. ZAWAWI

Tak dan kita nak tanya soalan ni!

YB. TUAN SPEAKER

Dia duduk dulu, tak upaya lah! Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam. Hat lain semua bagus, hat last itu pasal dia baca teks, tak sepatutnya dia baca teks dalam Sidang Dewan. Tapi tak apa lah dah lepas dah. Silakan YB. Merbau Pulas!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi robbil a'lamin wassola tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Khola rubbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul unddatan millisani yafkhohu khauli.

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Ahli-Ahli Majlis Mesyaurat, Adun-Adun dan juga Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat dan Negeri, tuan-tuan dan puan-puan yang kasihi sekalian.

Sebelum saya menggulung, ada 3 Adun yang menimbulkan soalan berkenaan dengan portfolio saya. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada 'frontliners' yang sedang bertugas sekarang ini dan juga kepada rakyat di luar sana hendaklah mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk memutuskan rantaian pandemik Covid-19 ini. Itulah sedikit penghargaan saya ucapkan kepada 'frontliners' kita.

Seterusnya 3 Adun yang menyentuh tentang portfolio saya pertamanya YB. Jitra mengenai kemiskinan, YB. Kuala Ketil, kemiskinan, YB. Suka Menanti mengenai KEMAS, saya rasa tak perlu jawapan dah sebab saya dah jelas sejelas-jelasnya saya bagi jawapan. Cuma saya nak menyentuh tentang kemiskinan yang disentuh oleh YB. Jitra. YB. Jitra menyentuh mengenai kemiskinan rakyat sekarang ini dengan PGK yang baru iaitu RM2,208.00. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengumumkan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baru 2019 iaitu RM2,208.00 bagi isirumah. Susulan daripada itu, mesyuarat mengenai had PGK baru bertarikh 28 Julai 2020 di MOF (Kementerian Kewangan Malaysia) telah bersetuju supaya siling bagi kriteria penerima bantuan ditetapkan iaitu untuk miskin RM1,169.00 berbanding PGK RM2,208.00. Mesyuarat juga bersetuju supaya MOF menyelaraskan unjuran kenaikan bantuan berdasarkan penetapan siling RM1,169.00 daripada kementerian dan agensi-agensi lain yang terlibat dengan pemberian bantuan. Itu yang disoalkan oleh YB. Jitra na.

Di sini saya akan memberi sedikit respond kepada persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Jitra iaitu apakah langkah-langkah kerajaan membantu rakyat miskin apabila dinaikkan PGK RM2,208.00 tapi dah disebutkan awal-awal tadi RM1,169.00.

Jadi, untuk jawapannya peringkat awal bermula pada bulan Ogos ini Kerajaan Negeri akan menyalur sumbangan "Program Beras Sejahtera" ke DUN-DUN dalam Negeri Kedah kepada Pejabat-pejabat Adun dan juga Penyelaras Dun di seluruh Negeri Kedah dan penerimanya seramai 1,800 orang setiap bulan sebanyak 50 bungkusan "Beras Sejahtera" akan diedarkan di setiap DUN-DUN dan juga Penyelaras DUN bermula Ogos. Itu sebahagian daripada apa yang dirancang oleh kerajaan masa kinilah untuk disalurkan kepada rakyat bagi membantu rakyat-rakyat termiskin yang berada di dalam Negeri Kedah ini.

Yang keduanya, di bawah Kementerian Luar Bandar ini kita ada agensi untuk membantu masyarakat luar bandar. Pertamanya KEDA, KEDA juga telah mengadakan pelbagai program di antaranya Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Latihan Kemahiran, pelbagai program dilaksanakan oleh KEDA untuk meningkatkan ekonomi B40 ataupun rakyat yang terlibat dengan kemiskinan ini dan telah mengisi borang e-kasih. Begitu juga di bawah PKLB (Projek Kecil Luar Bandar) ada agensi yang membantu mendirikan Program Perumahan Rakyat Termiskin iaitu Giatmara dan KEDA. Kita bina baru sahaja tahun 2020 rumah rakyat termiskin ini sebanyak 67 buah yang bernilai RM3.2 juta. Kita baik pulih untuk rakyat termiskin di bawah KEDA dan juga Giatmara sebanyak 1,107 buah berjumlah RM14.3 juta. Ini sebahagian juga lah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan di bawah agensi. KEMAS juga ada jenis-jenis sumbangan yang diberikan iaitu kursus-kursus kemahiran jangka pendek yang telah mengeluarkan 242,000 pada tahun ini untuk diberikan kepada 288 orang yang dapat sumbangan untuk mengeluarkan daripada kemiskinan. Kementerian Perumahan pun ada juga di bawah KPKT iaitu baik pulih rumah daif sebanyak 165 buah rumah RM2.1 juta pada tahun ini. Lembaga Zakat sudah termaklum, “sudah terang lagi bersuluh”, yang ada di sini ya.

BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) melalui Pejabat Daerah juga ada menyediakan Program Baik Pulih Rumah iaitu 157 buah rumah dengan RM1.9 juta. NCIA, KIDA, i-Suri yang disebut oleh YB. Bukit Kayu Hitam, Kementerian Tenaga juga rebat kepada bil elektrik sebanyak RM2.9 juta dan termasuk juga sumbangan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah iaitu Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) bantuan makanan kepada 873,00 untuk 370 orang keluarga, Program BAKAS (Bantuan Bekalan Air Selamat) kepada 1,452 isirumah iaitu RM658,000, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah juga mengeluarkan *Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin* (KWAPM) sebanyak 64,412 orang dengan RM6.8 juta, Rancangan Makanan Tambahan pun sebanyak RM14.4 juta, Bantuan Awal Persekolahan (BPA) juga RM22.6 juta, Bantuan Pakaian Seragam (Uniform) RM112 juta, RISDA juga ada, begitu juga industri makanan pun ada, Rezeki Tani, FELCRA juga ada, Program Wanita Dinamik. Itulah sebahagian yang saya sebut agensi-agensi yang sudah ada di peringkat kementerian dan juga agensi di bawah Kerajaan Negeri yang membantu rakyat miskin. Cuma sekarang kita pantau sejauh mana untuk seterusnya kita memberi bantuan. Sebenarnya bantuan kemiskinan bukan terletak kepada miskin harta saja sebenarnya, banyak kemiskinan yang ada kepada masyarakat hari ini, miskin bagaimana untuk memikirkan bagaimana untuk meningkatkan pedapatan. Kadang-kadang minta maaflah, kerana dia tak mahu keluar dari kemiskinan dia suka orang bagi kepada dia sumbangan, dia duduk macam

tu saja, rumah dia tak mau berubah, dia rasa selesa dengan keadaan begitu. Kalau dia keluar dari kemiskinan orang nampak dia tak miskin, payah untuk menerima sumbangan.

Jadi, kita kena ubah 'attitude' ataupun perangai yang ada kepada masyarakat kita ni berubah, jangan kita seronok orang menggelar kita tak berapa senang, kita lebih seronok orang menggelar kita orang yang sentiasa berusaha untuk keluar daripada kemiskinan ini dan kita nak lihat Negeri Kedah walaupun kemiskinan ini tak boleh kita nak basmi pun tapi kita boleh mengurangkan kemiskinan itu. Saya cukup bersetuju dengan satu 'tagline' YAB. Menteri Besar kita iaitu "Negeri Kedah Negeri Orang Miskin Berteduh, Negeri Orang Kaya Berbakti". Inilah 'tagline' kita dan InsyaAllah "Kedah Sejahtera Nikmat Semua Untuk Semua" pada kita Negeri Kedah ini. Akhirnya saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan KDYMM Tuanku dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 yang lalu. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Waramatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Merbau Pulas.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasihlah kerana menjimatkan masa. YB. Sungai Tiang kita ada 10 minit, belanja dulu 10 minit ni lepas tu tak cukup kita ambil lagi kemudian silakan.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang membuka ruang bagi saya untuk melakukan

penggulungan bagi sidang dun hari ini dan ucapan terima kasih di atas titah ucapan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Terdahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah terpilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah yang juga kepada Yang Berhormat Pantai Merdeka yang dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan yang mulia ini. Tidak lupa saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Ustaz Ahmad Yahya dan Yang Berhormat Dato' Wira Othman Aziz, dua senator baru yang dilantik sebagai Senator Dewan Negara mewakil Dewan Undangan Negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker,Yang Amat Berhormat Jeneri, Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang telah mengemukakan soalan berkaitan portfolio yang diamanahkan kepada saya dan saya akan cuba menjawab menerusi sesi penggulungan ini dan juga manakala tidak sempat terjawab atau terkhilaf menjawab Insya-Allah akan diberikan jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Alhamdulillah mengamalkan prinsip 'good governance' (dengan izin) kerajaan pentadbiran amat komited untuk membangunkan negeri dengan slogan Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Oleh itu, adalah penting dalam barisan kepimpinan pentadbiran untuk merancang melaksana tanggungjawab ini dengan baik dan berkesan bagi kepentingan negeri dan rakyat Kedah serata-rata.

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat maklum, isu bekalan air merupakan isu yang agak menjadi isu hangat pada setiap hari dan setiap masa dan dalam menyandang dalam mengatasi ataupun mengimbangi persoalan air, ada dua perkara yang perlu kita imbangkan antara keperluan domestik keperluan pertanian dan juga perindustrian kerana itu, kita nekad untuk memberikan fokus dan komitmen untuk menamatkan ataupun mengurangkan permasalahan penyeimbangan keperluan air ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, mereka meneliti memahami masalah bekalan air di Negeri Kedah, saya memilih untuk mengklasifikasikannya dalam 'approach' ataupun tindakan secara makro dan mikro. Untuk Makro, kita berkaitan infrastruktur bekalan air sama ada Loji Rawatan Air ,saluran ataupun jaringan paip retikulasi submarine paip lain dan segala-galanya. Untuk Urustadbir Mikro ini adalah pengurusan operasi perkhidmatan bekalan air dan akhirnya isu dalaman dan juga isu komunikasi permasalahan SADA ataupun kekurangan bekalan air itu

kepada pengguna-pengguna. Saya teruskan untuk menjawab beberapa persoalan Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mulakan dulu dengan pertanyaan daripada Adun Kubang Rotan dan juga di Tanya juga oleh Anak Bukit mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Kubang Rotan. Belum lagi! Siapa tanya? Tak payah lagi lah! Saya nak kena proceed dulu sebab 10 minit ni lepas lunch nanti kalau ada persoalan, boleh Tanya. 'Let me go' beberapa perkara dulu ok...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Take your time, jangan panic! Nampak macam panik ja pun!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Tiba-tiba saya tengok macam ada soalan! Ok, YB. Suka Menanti, mengenai langkah pantas mencergaskan ekonomi dan membantu pihak-pihak yang terlibat dalam industry pembinaan yang di persoalkan oleh Suka Menanti. Kerajaan sendiri telah melaksanakan inisiatif agihan kerja kepada kontraktor dalam tempoh PKP dan semuanya diundi secara online dan telah dilaksanakan dalam Fasa 1, 2 dan 3. Secara keseluruhan sebanyak 1,169 projek telah diagihkan.

Seterusnya, YB. Suka Menanti juga bertanya mengenainya pengumuman oleh Menteri Kasa semasa lawatan Menteri ke Kedah jumlah yang telah diumumkan RM4.4 bilion yang telah diklasifikasikan untuk SADA Rancangan Malaysia ke-11 RM1.5 bilion untuk JPS, kasa jumlahnya RM2.5 bilion dan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan juga dalam Kementerian Kasa 316,343,000, total Projek 4372,1754,48 yang dirangkumkan sebagai RM4.4 Billion Semuanya Rancangan Malaysia ke-11 Rolling Plan 4.

Untuk Projek Timeline Loji-Loji, Loji Bukit Selambau, Loji Sungai Limau, Loji Buntar Lama, Loji Jenun, penilaian tender sedang berlaku sehingga 30/9/2020 kesemuanya sama dan tarikh siap Insya-Allah dicadangkan 14/5/2023. Untuk Pelubang, kita sedang melakukan pra rundingan harga dan ia akan bermula September 2020 dan tarikh jangkaan siap 156 minggu pada 10/10/2023. Untuk pendekatan NRW, bagi keseluruhan projek NRW, Kementerian Kasa telah memperuntukkan RM60 juta untuk NRW di Langkawi dan projek itu telah pun di tender dan akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat dan kerja awalan kemudiannya 44 juta juga

pula dianugerahkan ke tanah besar dalam pendekatan 1 dan proses untuk tanah besar telah berjalan sehingga 23%. Secara dalaman, pihak SADA juga merancang untuk menggerakkan program menangani NRW ini, ia melibatkan kerja-kerja mencari kebocoran melibatkan 160 zon NRW.

Selain itu, pihak sana juga akan mengaktifkan semula District Metering Zon (DMZ) merangkumi 160 zon. Dalam pada itu, pihak SADA juga dalam persediaan untuk membangunkan 130 zon dalam tempoh tiga tahun bagi menambahkan bilangan Zon DMZ dari 330 ke 460 bilangan zon. Kerja-kerja bagi meningkatkan bilangan Zon DMZ ini akan dijalankan antara tahun 2021 hingga 2023. Bagi kerja melibatkan skop kerja agihan, pihak SADA bercadang untuk membaik pulih 20 tangki setahun bagi menggantikan 20 tangki lama yang terjejas.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Boleh tanya?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Lepas lunch lah Yang Berhormat! Untuk masalah yang dibangunkan oleh Air Hitam dan juga Kota Siputeh, bagaimana mereka nak menangani masalah air yang berpanjangan dalam masa sebelum Pelubang dapat disiapkan. Antara skop kerja Loji Rawatan Air pelubang ada 11 skop dan antara 11 skop tersebut mempunyai berdua perkara yang sungguh penting, iaitu nombor 10 pemasangan paip air terawat bersaiz 350mm di sepanjang 10 km sepanjang Jalan Ayer Hitam ke kawasan Pida.

Perkara kedua, ini tak payah tunggu Loji Air Yang baru itu dinaiktaraf, perkara ini dapat kita lakukan dulu dan dapat digunakan dimanafaatkan oleh pengguna-pengguna di Kawasan Pida dan yang ke-11 adalah pemasangan paip air terawat bersaiz 600mm di sepanjang 5 kilometer di kawasan Tebengau juga akan berlaku. Jadi, dua perkara ini kalau dapat dilakukan dahulu akan mengatasi masalah stress air yang amat teruk di dua kawasan ini iaitu kawasan Kuala Kedah dan juga kawasan Pida, Jerlun. Bagilah pra rundingan harga dulu, lepas pra rundingan BDB akan dapatkan 11 kontraktor dan itu jalanlah yang itu tapi saya ni agak-agak.... (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Saya rasa kebocoran tu perlu diperbaiki cepat ya Tuan Speaker !

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Okey, saya ambil maklum YB. Kota Siputeh nanti kita cek! Kita sedang mengkaji semua tempat-tempat kebocoran Kota Siputeh jumpa kawasan yang mana betul ada kebocoran, boleh hantar kepada SADA Hot Line dan kita akan mengambil tindakan dengan segera

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Dah diberitahu banyak kali. Tetapi tidak diperbaiki sehingga jadi parit. Air keluar banyak. Jadi, yang hujung tak dapat la air la kan.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih, kota seputih. Saya ambil maklum.

YB. TUAN SPEAKER

YB Kota Seputih SMS dekat.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Boleh SMS terus. Betul tu. Terima kasih. Kota Seputih. Untuk projek RTB yang ditanya oleh Kubang Rotan kita dalam proses. Pakej 1 iaitu menaiktaraf Sungai Baru, Sungai Kubang Rotan yang telah siap sepenuhnya pada 17.10.2017.

Pakej 2 adalah menyiapkan baki kerja Projek Pembinaan Lencongan Sungai Baru. Jadual projek sebenar 2.6%, jadual 1.84 dan pakej 3 adalah Menaiktaraf Sungai Tanjung Pauh yang kemajuan sebenar 95%, jadual 97 agak lewat ini mungkin disebabkan MCO. Dan juga.. (YB Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

MCO bukan MCO benda tu. Cuma minta semak balik.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah peraturan 12.1 (a). Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2:30 petang selepas ditangguh pada jam 1 tengah hari. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Jam menunjukkan tepat pukul 1.00 tengahari. Kita tangguh mesyuarat hingga pukul 230 petang. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Assalamuaaliakum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahirobbil A'lamin Wassolatu Wassala Muala Asyrofil Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula.

I. BACAAN DOA

TUAN SETIAUSAHA – DOA

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Setiausaha.

II. SAMBUNGAN PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

YB. TUAN SPEAKER

Kelmarin kita berhenti setakat 6 soalan. Hari ni kita sambung soalan yang ke 7. Silakan!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya mohon jawapan bagi soalan nombor 7.

7. YB. DATO SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR
[ADUN JITRA]

Pohon dinyatakan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana serta penjaja-penjaja kecil memajukan semula perniagaan mereka pasca COVID-19.

a) Jumlah usahawan dan penjaja yang terjejas.

b) Jumlah usahawan dan penjaja yang telah dibantu.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Behormat Jitra.

Pohon dinyatakan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan untuk membantu usahawan kecil dan sederhana serta penjaja-penjaja kecil memajukan semula perniagaan mereka pasca Covid-19. (a) Jumlah usahawan dan penjaja yang terjejas. (b) Jumlah usahawan dan penjaja yang telah dibantu.

Soalan (a) - Menurut laporan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kedah dapati bahawa seramai 9,502 peniaga telah terjejas akibat Pandemik Covid-19 ini, manakala kaji selidik yang dijalankan oleh SME Coparation Malaysia mendapati 97.9% daripada responden (dengan Izin), telah menyatakan bahawa perniagaan mereka telah mengalami kerugiaan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Manakala, hanya 2.1% menyatakan perniagaan mereka tidak terjejas oleh pandemik ini.

Soalan (b) - Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu para peniaga yang telah terkesan akibat Pandemik Covid-19 yang dilaksanakan melalui, yang pertama Unit Pembangunan Usahawan Negeri (UPUK) di mana moratorium penangguhan bayaran balik Skim Pinjaman Mikro Kredit Negeri Kedah selama 6 bulan kepada 20 usahawan yang layak di mana tidak mempunyai tunggakan pinjaman selama 90 hari. Yang kedua, pelaksanaan Skim Pinjaman Mikro Kredit Pasca Covid-19, seramai 130 permohonan yang baru telah diterima dan dalam proses di mana Skim Dana Teraju memberi insentif geran yang berjumlah RM3,000 kepada 20 usahawan yang layak melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM81,000 dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil langkah-langkah membantu peniaga terlibat melalui beberapa pendekatan. Yang pertamanya mengurangkan sehingga 50% kadar sewaan ruang niaga di daerah-daerah di seluruh negeri Kedah dan memberikan faedah untuk semua peniaga yang menyewa premis yang dimiliki oleh PBT (Pihak Berkuasa Tempatan). Pengecualian bayaran denda lewat lesen sepanjang tempoh pelaksaan PKP dan seterusnya, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) juga membuat pengecualian bayaran sewa selama 3 bulan untuk penyewa premis-premis PKNK termasuk di Halal Park, Ukir Mall, Lot kedai Central Square, Lot Industri di Bukit Kayu Hitam dan lain-lain. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kuah di atas jawapan sebentar tadi. Jelas daripada jawapan ini begitu ramai sekali usahawan-usahawan IKS yang terjejas akibat daripada Covid-19. Tentunya kita harus mencari apa juga kaedah untuk membantu seramai yang mungkin kerana kita tidak mahu dan kita nak elak lebih ramai lagi di antara mereka yang terpaksa gulung tikar. Daripada pengamatan saya, nampaknya macam bantuan-bantuan yang disediakan ini sangat tidak mencukupi. Kalau laporan di PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) menyatakan bahawa 9,502 usahawan yang terjejas akibat daripada Covid, bayangkan yang mendapat bantuan ni hanya 20 orang untuk pinjaman Mikro Kredit dan UPUK, juga untuk moratorium bayaran balik. Oleh kerana itu, saya rasa sangat perlu untuk Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan sekiranya tidak cukup dana untuk dikhususkan peruntukan untuk tujuan membantu IKS (Industri Kecil dan Sedarhana) ini.

Kita juga sedia maklum bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengurniakan geran "One Off" (dengan Izin) RM200 juta kepada Kerajaan Negeri. Saya ingat antara lain tujuannya ialah untuk digunakan waktu-waktu kecemasan seperti ini. Kita kena sediakan payung sebelum hujan dan inilah waktunya untuk digunakan dana seperti ini dan saya harap Kerajaan Negeri akan buat keputusan untuk memperuntukkan sebahagian daripada RM200 juta itu untuk membantu usahwan-usahawan IKS (Industri Kecil dan Sederhana) yang terjejas. Soalan saya ialah, apa jenis IKS yang paling teruk terjejas sebab dia banyak bidang, apakah proses untuk mereka layak terima bantuan? Saya tanya kerana banyak juga rungutan yang kita terima daripada IKS yang merasakan mereka layak untuk menerima bantuan ini tapi tidak mendapat dan apakah sebab ini berlaku? Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Jitra di atas soalan tambahan. Saya bersetuju sekiranya peruntukan disediakan melalui peruntukan yang diperolehi sebanyak RM200 juta tersebut dan sekiranya semua dalam Dewan, Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju untuk tambahan menggunakan peruntukan RM200 juta tersebut dapat diluluskan InshaAllah, kita dapat membantu. Juga cadangan untuk memohon daripada Kerajaan Persekutuan, kita telah menulis surat rasmi untuk memohon dan belum mendapat respon daripada kementerian di mana mendapat kelulusan sekiranya peruntukan diturunkan.

Di samping itu, kerajaan juga telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebanyak 40 inisiatif yang melibatkan peruntukan sebanyak RM30 billion telah pun dan akan dilaksanakan bagi golongan usahawan PKS di Malaysia, ini juga termasuk dalam Kedah. Jumlah yang disebutkan RM9,000 lebih itu dan jumlah yang dibantu melalui Kerajaan Negeri yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan juga jumlah RM9,000 tersebut yang mendapat peruntukan ataupun mendapat bantuan daripada Pelan Jana Semula Ekonomi Negara buat masa sekarang 'figure' (dengan Izin) atau jumlah yang menerima peruntukan daripada PENJANA tidak dapat saya bentangkan kerana ini melibatkan federal punya agency. Di mana geran prihatin GKP merupakan bantuan sebanyak RM3,000.00 kepada usahawan PKS dan Mikro yang berkelayakan bagi meringankan beban kewangan perniagaan mereka yang terjejas akibat wabak Covid-19 ini. Seramai 554 ribu usahawan telah mendapat faedah dari geran ini dengan nilai jumlah RM1.63 billion. Keduanya program subsidi upah untuk membantu majikan meneruskan operasi dan mengekalkan pekerjaan mereka selepas terkesan akibat penularan wabak Covid-19 ini dengan bantuan sebanyak RM600 untuk setiap pekerja dan tuntutan sebanyak RM8.99 billion telah diluluskan oleh kerajaan untuk 318,258 majikan yang memanfaatkan lebih 2.6 juta pekerja. Dana pinjaman mudah PKS untuk membantu PKS yang terjejas akibat wabak ini melalui pinjaman perniagaan dengan kadar faedah sebanyak 3.5% setahun dengan saiz pinjaman sehingga RM500,000.00 untuk setiap PKS hingga Jun 2020 dan sebanyak 19,539 permohonan telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM8.4 billion dan juga PKS ataupun IKS yang terjejas di mana semua IKS terjejas dan untuk kita spesifik kepada IKS-IKS yang terjejas dengan teruk bagi kerajaan, semua IKS yang terlibat dalam pandemik covid ini adalah terjejas dan InsyaAllah cadangan untuk mendapatkan bantuan daripada kerajaan ataupun daripada peruntukan RM200 juta yang telah diluluskan sewaktu zaman Mantan Perdana Menteri yang memberikan kepada Kerajaan Negeri Kedah sekiranya mendapat kelulusan daripada semua InsyaAllah kita akan menggunakan sebaik mungkin. Terima kasih.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya mintak satu perkara saja sebab tadi ni ada satu soalan yang saya tanya mungkin tak dijawab mengenai proses kelayakan menerima. Kalau boleh YB. Kuah boleh beri jawapan bertulis mengenai proses dia.

YB. TUAN SPEAKER

Jawapan bertulis pun tak pa!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Boleh! Untuk proses, terlalu banyak proses yang akan disebutkan dan InsyaAllah saya akan hantar jawapan bertulis dengan detail semua proses-proses kelayakan kepada YB. Jitra. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, kita bagi yang baru masuk!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Alhamdulliah ada nikmat juga lah kut yang lambat masuk ni. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Berkenaan dengan bantuan kepada penjaja kecil, saya nak dapatkan daripada YB. Kuah sebab tadi disebut pinjaman yang diberikan juga dikenakan kadar keuntungan 3.5% pada hal Bank Negara telah pun 'review' (dengan Izin) OPR dia kepada 1.5% sahaja dan kita lihat Singapura bagi membantu PKS mereka telah mengenakan hanya point 1%, kira macam tak ambil apa lah. Jadi, kalau boleh, ya lah mereka mohon daripada BSN ataupun TEKUN tetapi kita 'subsidies'kan (dengan Izin) kadar keuntungan tu supaya beban mereka untuk membayar balik tu tak terlalu tinggi dan satu lagi YB. Tuan Speaker, saya ingat yang tercicir di dalam kelompok yang mendapat manfaat daripada PRIHATIN, PENJANA dan sebagainya ialah yang Super Micro seumpamanya mereka yang meminjam daripada Amanah Ikhtiar kita lihat kalau BSN dan TEKUN ini mereka kena ada pendaftaran SSM apa semua, hat geng-geng tu depa tak dak, depa tak daftar dengan sapa pun kan? Jadi, yang lain dapat moratorium, YB. Kuah pun mungkin dapat moratorium 6 bulan automatic (dengan Izin) sebelum ni, tapi kelompok ni tak dapat. Jadi, apakah pihak Kerajaan Negeri juga boleh tengok dan boleh memberikan sedikit bantuan kepada mereka dalam bentuk mungkin moratorium dan 'saving' (dengan Izin) bulanan ataupun mingguan mereka yang mereka nak kena bayar balik ini boleh mereka belanja untuk keluarga dan masuk semula dalam ekonomi. Jadi, itu saja nak tanya kepada YB. Kuah. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima Kasih Yang Berhormat Anak Bukit, di mana kadar keuntungan 3.5% daripada Skim Pinjaman Mikro yang diletakkan di dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan cadangan supaya seperti Singapura yang membuat 0.1% dan juga kerajaan menanggung subsidi dikira macam kerajaan membantu dari segi pembayaran balik kepada tanggungan peratusan tersebut dan cadangan tersebut amat baik dan InsyaAllah sekiranya berkemampuan kewangan, Kerajaan Negeri yang meginzinkan untuk kita buat seperti Singapura InsyaAllah kita juga boleh lakukan tetapi perlulah berbincang di peringkat EXCO untuk mendapat kelulusan.

Seterusnya berkenaan dengan yang tercicir. Ini menjadi masalah apabila peniaga-peniaga kecil yang berniaga tepi-tepi jalan yang tak berdaftar dengan SSM. Ini juga sedang kita perhatikan yang kita minta UPUK (Unit Pembangunan Usahawan Kedah) supaya melihat golongan-golongan IKS yang kecil, peniaga-peniaga kecil yang jual karipap, roti canai yang kecik-kecik. InsyaAllah, kalau Kerajaan Negeri mempunyai dana ataupun peruntukan yang lebih InsyaAllah boleh bantu. Buat masa sekarang ni kita berbelanja mengikut kantung Kerajaan Negeri dan juga kemampuan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Kita masuk ke soalan nombor 8!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tuan Speaker, saya pohon jawapan untuk soalan nombor 8. Jawapan itu haruslah teperinci dan menyeluruh. Terima kasih.

8. YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY
[ADUN BUKIT SELAMBAU]

Kebelakangan ini, terdapat banyak aduan dari penduduk-penduduk disekitar (Ambangan Heights dan SP Saujana) Dun Bukit Selambau yang mengadu berhubung bau busuk yang kurang menyenangkan dari sumber pemprosesan plastik dari kilang di kawasan Dun Bukit Selambau.

Pohon dinyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pencemaran ini?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Sidam!

YB.DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Tuan Speaker, soalan nombor 8 yang dikemukakan oleh YB. Bukit Selambau. Jawapannya adalah, merujuk kepada keputusan Mensyuarat Jawatankuasa 'task force' mengenai isu kilang kitar semula plastik di Daerah Kuala Muda yang bersidang pada 4 Ogos 2020 yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Industri dan Pelaburan telah memutuskan untuk memindah kilang-kilang plastik kitar semula yang berada di kawasan Sungai Petani ke kawasan industri di Bukit Selambau sebagai langkah untuk mengurangkan masalah pencemaran di Sungai Petani berkaitkan dengan isu bau sekiranya terhasil adalah dijanakan dari proses 'melting' (dengan Izin) plastik adalah di bawah tindakan Jabatan Alam Sekitar di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jabatan Alam Sekitar telah melakukan rondaan dan pemantauan termasuk pada malam dan awal pagi. Hasil penyiasatan tersebut mendapati bahawa bau busuk yang kurang menyenangkan di kawasan tersebut adalah berpunca daripada kebakaran tapak pelupusan sampah Semeling yang masih terbakar. Walau bagaimanapun, jabatan telah memberikan notis arahan kepada kontraktor tapak tersebut untuk memadam kebakaran di tapak tersebut.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Soalan tambahan saya adalah, apakah keberkesanan pihak penguasa untuk memastikan masalah pencemaran ini ditangani dengan secepat mungkin kerana untuk pengetahuan Yang Berhormat, kami sering mendapat aduan melalui telefon ataupun whatsApp waktu kebelakangan ini dari group Saujana Height dan SP Height menyatakan mereka mendapat masalah pencemaran ini dari pukul 10.00 malam sampai 5.00 pagi, selepas itu kurang. Jadi, apakah keberkesanan pihak penguasa dan pihak-pihak yang terlibat untuk memastikan benda ini terjadi pada waktu yang tertentu. Sekian, terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, dari dasar negeri kita telah tutup pelupusan sampah Semeling so kita telah berbincang dalam Mensyuarat MMK, Pengerusi YB. Exco Kerajaan Tempatan untuk berunding dengan operator tapak Semeling. Sementara itu tak boleh nafikan bila tapak Semeling ditutup ada sesetengah yang 'legal' ka tak, ada lesen ke tak dak lesen ka, yang memang terdapat banyak sisa di Sungai Petani. Semasa saya jadi YB. Pembangkang atau YB. di sebelah sini saya selalu kemukakan isu-isu alam sekitar. So, bila terjadi macam ni, bila ada pelupusan sampah yang terbakar, memang bila Mensyuarat MMK, kita tutup. Bila tutup, sisa-sisa yang terlalu banyak yang terdapat di Sungai Petani macam mana? Dia akan buang rata-rata tempat, macam saya sendiri saya turun tangkap gambar di kawasan terbiar di tepi Sungai Tukang kalau tak silap saya dan kes macam ni sudah di'caj under court' (dengan Izin) so selepas ini kita akan 'drivert' dengan semua sisa-sisa kita akan 'drivert' ke Jabi ka atau Padang Cina ka dengan kos yang lebih tinggi dan masa yang lebih panjang lagi. Oleh itu, kita sudah buat keputusan akan tutup dan kita akan minta bantuan daripada KPKT kalau tak silap saya, kewangan negeri kita terhad maka kita kena ada satu formula untuk selesaikan masalah ini secepat mungkin.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Gurun!

YB. DATO' JOHARI BIN ABDUL

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Jawapan YB. Sidam tadi nampaknya jawapan yang agak 'standard' dan saya duk dalam Dewan pun dengar macam tu jugak dulu pun malah YB. Sidam suatu ketika dahulu sebelum menjadi Exco mengepalai 'team' yang cukup habis-habisan menentang mereka yang mengakibatkan bau busuk di kawasan Sungai Petani dan sekitarnya. Malah, salah sebuah kilang yang terbesar dibakar kononnya kilang inilah yang menyebabkan bau busuk di kawasan Sungai Petani dan dikatakan saya pelindung kepada kilang ini, yang terbukti tidak bersangkut paut dengan saya. Soalan saya 2, yang pertama sedarkah YB. Sidam bahawa 'open burning' ni tak boleh pakai dah... orang pun dah tak buat dah 'open burning' ni. Jadi, kerajaan harus cari jalan khususnya di Semeling 'open burning' seperti juga dikatakan oleh sahabat saya di Tanjung Dawai kawasan tu sentiasa bukan sahaja pagi, petang tapi 'open burning' tak boleh YB. Tuan Speaker. Jadi, sebab itu harus cari jalan dan ada 'time break', kalau kita nak 'move' kita 'move' 3 tahun, 5 tahun, 7 tahun, 10 tahun, harus ada satu 'deadline' bila kita nak selesaikan masalah 'open burning, because' dia sangat menjejaskan kesihatan budak-budak, orang tua dan sebagainya. Yang ke dua, kilang-kilang haram ini tak payah tunggu kementerian pun.... asalkan dia tidak ada lesen dan dia buat 'open burning', tutup! Dan seperti YB. Sidam selalu sebut, paksa kita tutup jadi yang menyebabkan mereka tak tutup. Jadi, soalan saya bilakah masalah ini akan diselesaikan? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Soalan nombor 1 yang di bangkitkan oleh YB. Gurun saya rasa kilang yang terbakar yang saya 'lead' untuk PTAS atau sesuatu NGO ini tak betul lah. Saya rasa kalau boleh YB. Gurun minta tarik balik, saya tak dak 'lead' untuk PTAS. Saya sebagai wakil dekat sana, saya ada hak saya untuk bertemu dengan orang yang 'complaint'. Saya rasa bukan semasa BN sahaja yang jadi macam ni mungkin semasa dengan PH jadi macam ni, tak boleh dinafikan memang sampai sekarang pun ada lagi. So, cadangan saya, bukan saya yang 'lead' semua untuk saya jadi kepala jadi apa, yang saya dapat adalah 'complaint' so saya akan kemukan mana-mana dekat Sidang Adun atau di mana saja. Kalau tak silap, saya pun tak pasti kilang yang terbakar dia ada hantar dan letak satu gambar dengan nombor yang YB. Gurun sebagai 'Corporate Advisor', Ahli Parlimen Sungai Petani adalah 'Corporate Advisor' untuk kilang yang tertentulah tapi nampaklah itu gambar semua tapak tapi saya tak pasti.

Bagi soalan nombor 2, saya rasa 'open burning' kita ada cadang kepada KPKT dan KPKT pun ada cadang kepada kita memang 'open burning' tidak sesuai setakat ini. So, apa yang sepatutnya kita ada planing yang selanjutnya adalah mungkin 'waste technology, incinerator' ka kita akan plan sesuatu mungkin bukan hanya satu tempat kita akan plan, seperti tiga minggu yang lalu saya berjumpa dengan Menteri KPKT kita plan untuk satu dekat Kuala Muda dan satu lagi dekat Kulim so kita akan berunding lagi dengan Menteri KPKT. Setakat ini kilang yang terus ditutup tak pa, kita ada satu 'list' berapa kilang yang ada lesen semasa waktu PH, semasa waktu BN kita tutup berapa yang tak tutup berapa, masih beroperasi kita ada satu list. Tapi ini adalah kuasa 'under' Kerajaan Tempatan, kita memang ada satu 'list'. Kita pun tak akan biarkan isu ini berlanjutan sehingga orang 'complaint', sampai whatsApp, bukan hanya YB. Gurun sebagai MP Sungai Petani dan YB. Bakar Arang yang kena, saya pun kena juga. Memang isu ini saya rasa 'the main issue' bau busuk dekat sini, punca utama adalah asap dari pelupusan sampah Semeling, itu saja.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Tuan Speaker...

YB. TUAN SPEAKER

Kalau kita sambung panjang... sampai pukul 1.00. Jadi, saya masuk dengan nombor 9.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Sikit saja sebab kawasan saya disebut tadi.

YB. TUAN SPEAKER

Memang disebut, banyak juga kawasan disebut. Soalan nombor 9!

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Tuan Speaker, mohon jawapan soalan nombor 9. Terima kasih.

9. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]

Sering terdengar rungutan dalam merata media sosial berhubung dengan liputan talian selular yang lemah di merata tempat di negeri ini.

Pohon penjelasan berhubung perkara tersebut dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, terima kasih kepada YB. Ayer Hitam.

Dari Ayer Hitam ke Guar Perahu,
Perjalanan Berbatu-batu ,
Kalau Ayer Hitam ingin tahu,
InsyaAllah saya Bukit Pinang boleh bantu.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Soalan daripada YB. Ayer Hitam ada dua kategori soalan, yang pertama iaitu sering terdengar rungutan dalam merata media sosial berhubung dengan liputan talian selular yang lemah di merata tempat di negeri ini. Pertama, terdapat banyak kekangan-kekangan yang berlaku, setelah itu saya memang telah minta maklum balas daripada seluruh Adun-Adun melalui WhatsApp dan juga Pejabat Daerah. Terdapat 270 lokasi lebih memang tak dapat talian langsung, tak dapat langsung.....(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

200....???

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

270 lokasi yang tidak terdapat liputan yang baik dan yang keduanya, musim Covid ni kebanyakan orang duk di rumah lah memang tumpuan begitu penuhlah untuk talian internet ni dari segi 'connection' memang sukar dapat dan yang ketiganya terdapat di Kedah ni Celcom dia fokus di Kedah dan Perak, bagi Maxis, Time dan Digi tidak fokus di Kedah dan Perak lah, Kedah dia suruh Celcom. Tapi walau bagaimanapun, masih ada kekangan-kekangan termasuk juga Celcom di Bandaraya Alor Setar sendiri pun liputan yang lemah.

Seterusnya iaitu kita lihat apabila senarai 270 itu terdiri daripada 8 daerah, Baling, Sik, Padang Terap, Kulim, Yan, termasuk Pokok Sena sendiri Kota Kuala Muda dan juga Kota Setar. Itu kedudukan-kedudukannya, kita tidak dapat menafikan kelemahan yang sering berlaku. Selepas itu, tindakan Kerajaan Negeri kita telah memanggil semua Telco-Telco ini minta supaya di'upgrade'kan setelah kita lihat 2G mesti di 'upgrade' ke 3G ke 4G iaitu di sini, di Langkawi 5G lah, mesti di'upgrade' sekurang-kurangnya tahun ini mesti selesai dan setelah itu 3 Telco yang saya panggil, Telecom, Celcom dan satu syarikat Halo, pilot-pilot projektnya iaitu anak syarikat di bawah TNB dia telah buat di Jasin dengan pelaburan RM130 juta bagi seluruh Malaysia dan difokus di Kedah ini 4 lokasi iaitu pertamanya di Mergong, Aman Jaya, Tanjung Pauh dan juga Kulim. Ia sebuah syarikat yang memfokuskan kepada 20 ribu talian yang terdapat di Kedah supaya di'upgrade'kan kepada internet. Selepas itu, TM memberi komitmen 46 ribu streamix akan diupgradekan kepada Unifi akhir tahun atau awal tahun 2021. InsyaAllah juga Telecom komitmen 71 ribu telah diberi kepada Unifi itu yang telah disebut telah memberi komitmen kepada kita. 'Target' Kerajaan Negeri kita nak supaya negeri Kedah ni sebagai negeri 'smart' ICT, itu fokus kita walaupun sebelum ini kita tidak dapat nafikan 2 tahun yang lalu tidak pernah ada satu pun Mensyuarat ICT memanggil semua daerah-daerah supaya memastikan Kedah ini menjadi negeri ICT. Itulah yang saya dapat sebutkan sepintas lalu untuk memastikan Kedah ini InsyaAllah menjadi negeri yang... saya tak mau sebut sapa-sapa mungkin semasa itu ada kekangan-kekangan yang tidak dapat dinafikan. Selepas itu, bila saya mengambil alih saya rasa bertanggungjawab bagi memastikan Kedah ini InsyaAllah kalau kita tak dapat 5G seperti Langkawi sekurang-kurangnya 4G di sebelah ini. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK. AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Exco di atas jawapan yang begitu meyakinkan kita bahawa tindakan-tindakan telah diambil untuk memastikan komunikasi di Kedah ini berjalan dengan elok InshaAllah. Soalan tambahan saya ialah, saya mendapati bahawa YB. Exco ada berjumpa dengan Menteri Komunikasi di Putrajaya. Boleh atau tidak berkongsi dengan kami adakah ada berita baik atau hasil yang baik untuk Kedah ini? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bukit Pinang!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ya, terima kasih YB. Ayer Hitam, dia perhati juga kut saya duk pi jumpa menteri, terima kasih prihatin. Pertama kali apa yang saya lihat kelemahan-kelemahan ini berlaku, saya terpaksa bertanggungjawab untuk kunjung hormat tempat saya nak mengadu lah. Pertama, saya jumpa Pengurusi SKMM dan yang keduanya Menteri KKM (Kementerian Komunikasi dan Multimedia) yang seterusnya saya berjumpa dengan Menteri dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Pengguna, InsyaAllah, Alahmdulilah bila saya pergi ke situ pada 10 Ogos hari Isnin saya dapat jumpa semua menteri-menteri di bawah portfolio saya lah supaya memastikan Kedah ini apa cita-cita kita akan tercapai.

Pertama, apabila saya berjumpa dengan pihak SKMM beliau telah memberi komitmen InsyaAllah akan bantu Kedah dengan seberapa segera dan beliau memberi cadangan-cadangan, input-input yang baik, pertama kita dapat satu kelulusan pos mini di Pulau Tuba, yang keduanya apabila saya berjumpa dengan pihak menteri, fokusnya Kulim Hi-Tech kita upgradekan kepada 5G, InsyaAllah itu fokus menteri yang memberi komitmen kepada kita. Setelah saya berjumpa menteri saya telah mencadangkan beberapa proposal supaya kita dapat mengambil tindakan dengan segera InsyaAllah beliau telah memberi komitmen dengan baik. Pertamanya dalam Portfolia Penerangan saya mengadu hal kepada dia juga kerana saya tau bila saya pergi mensyuarat daerah dengan Yang Berhormat Menteri Besar kita pi di daerah-daerah.

Di samping itu, saya telah pergi ke portfolio saya termasuk Portfolio Penerangan dan juga Portfolio Komunikasi Internet, saya pergi ke tempat Internet dan Penerangan, dalam Penerangan itu saya nampak banyak kekangan-kekangan walaupun Kementerian Penerangan ini amat penting sebagai 'frontliner' juga walaupun masa covid orang tak nampak Penerangan ini sebagai 'frontliner' sedangkan Penerangan ini adalah 'frontliner' sebab untuk menghubungkan maklumat kerajaan pada rakyat. Tapi apabila musim covid ni kadang-kadang kekangan-kekangan yang berlaku, mereka tidak dapat sampai kepada rakyat dengan baik contohnya macam PA System dan peralatan-peralatan yang lain, saya mengadu hal kepada Menteri InsyaAllah menteri telah memberi komitmen akan beri peruntukan untuk beli semua 12 daerah peruntukan untuk menaik tarafkan pa-system itu pertama kali. Seterusnya menteri InsyaAllah mengikut pengakuan semasa berjumpa beliau akan turun ke Kedah, SKMM InysaAllah akan berjumpa YB. Menteri Besar pada 6 haribulan 9 ini jam 2.30 petang dan juga Menteri, YB. Dato' Saifuddin Bin Abdullah akan turun ke Kedah, InsyaAllah beliau akan fokus ke Kulim Hi-Tech. Sekian, itu untuk jawapan kepada soalan tambahan daripada YB. Ayer Hitam. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, terima kasih YB. Bukit Pinang. Saya rasa 22 bulan tak mensyuarat kita maafkan lah noh? Cuma saya nak bertanya berkaitan dengan Digital Kedah dan Digital Langkawi yang mana kita tau kita telah melancarkan pada 2017 haritu Digital Kedah dan Digital Langkawi. Adakah ini akan diteruskan oleh kerajaan dan hari tu pun tau 2019 dilancarkan lagi sekali Digital Langkawi. Bagaimana perancangan kita untuk meneruskan Digital Kedah dan Digital Langkawi ini dengan perhebatkan infrastruktur ICT dalam Negeri Kedah?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih kepada YB. Bandar Baharu, nak kata 'girlfriend' tidak la tapi sahabat lama saya. Dulu semasa saya duduk sebelah sana selalu saya sebut "jauh di mata tapi dekat di hati", termasuklah YB. Sungai Tiang.

Saya ingat lagi semasa tu YB. Jitra senyum saja bila saya sebut macam tu. Tapi walau bagimanapun tak pa, kita sesama umat Islam yang paling penting silaturahim kita, itu salah satu syarat hijrah Rasulullah bila sampai ke Madinah perhubungan silaturahim itu diwajibkan. InsyaAllah dalam Kedah Digital Kedah ini kita pun telah berjumpa 2, 3 kali dengan Pejabat KDC, seterusnya akan mengadakan latihan-latihan, sehingga sekarang ini 10 ribu usahawan melalui pusat internet di seluruh 73 lokasi di seluruh Kedah. Apabila saya turun ke pusat internet memang fungsinya amat penting seperti keadaan musim covid sekarang ini 'student' boleh akses di situ sama ada soalan sekolah ka ataupun kerja-kerja sekolah. Yang keduanya usahawan-usahawan apabila saya turun di Cegar, Pulau Tuba dan juga di Langgar, nampak seorang makcik menjual 'toqua' sahaja tapi dia 'promote' melalui pusat internet, pendapatannya RM4,000.00. hingga RM6,000.00 sebulan jual 'toqua' sahaja! Di Cegar dia 'centralize'kan supaya produk tempatan seperti kicap Mudim,.....(YB. Anak Bukit Mencelah mencelah)

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

'Toqua'... apa dia 'toqua'?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Tauhu..... saya panggil 'toqua' di kampung (sambil ketawa).

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

YB. LA (Pegawai Undang-Undang) tak faham.....dia orang Kelantan.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Memang disebut tauhu tapi saya kata maksud tauhu yang saya tau kata 'toqua' lah, saya mitak maaf. Tapi memang di Cegar dia kumpulkan produk-produk tempatan termasuk Kuah Rojak Mak Bee dan sebagainya dipromote melalui internet pendapatan dia RM8,000.00. hingga RM11,000.00 sebulan. Ini menunjukkan kelebihannya digital InsyaAllah Kedah tak akan terlepas walaupun covid tapi produk-produk yang lain contohnya apabila saya pergi bagi bantuan di pejabat pos, pejabat pos itu sebagai 'centralize', orang kata tapi macam melalui surat-surat di seluruh Kedah ni 'centralize' dia di Alor Setar pejabat pos yang paling besar tapi menunjukkan pendapatannya meningkat ganda lebih daripada tahun-tahun yang lepas, ini saya jumpa ketua dia sendiri.

Semua parcel-parcel yang dipasarkan di seluruh Kedah Perlis di'centralize' di Alor Setar menunjukkan pendapatan dia tidak pernah berlaku sebelum ini lebih daripada tahun yang lalu. Ini membuktikan keistimewaan digital, itulah yang saya dapat maklumkan sedikit sebanyak di dalam Dewan ini pastikan Kedah tidak terlepas sebagai negeri ICT. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Pinang. Ini satu contohan Exco yang aktif lah, dia turun ke Kuala Lumpur. Jadi, Exco-Exco lain tu ikutlah contohan daripada YB. Bukit Pinang, turunlah berkunjung ke kementerian-kementerian tak la berat sangat MB di Negeri Kedah ni, mintak tolong di Pusat. Di persilakan YB. Exco-Exco turun ke Kuala Lumpur. Soalan nombor 10!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Mohon jawapan kepada soalan nombor 10.

10. YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS
[ADUN KUBANG ROTAN]

Pohon dinyatakan:-

Apakah jaminan Kerajaan Negeri Kedah bagi memastikan Hutan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang membabitkan 4.2 juta orang rakyat, tetap terjamin serta kekal terpelihara?

YAB. MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, terima kasih kepada YB. Kubang Rotan soalan Kubang Rotan ni berkaitan jaminan kerajaan untuk memastikan Hutan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan untuk Perlis, Kedah dan Pulau Pinang terjamin dan kekal terpelihara. Hutan Ulu Muda ini diwartakan pada tahun 1932 seluas 106,418 hektar dan sebahagian kawasan lain lagi telah dikelaskan sebagai Hutan Tadahan Air untuk tujuan pembekalan air.

Selain itu, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan kawasan tadahan air dan khazanah alam tidak terancam serta kekal terpelihara. Untuk rekod, YB. Kubang Rotan dan juga YB. Pengkalan Kundor yang memetik interview saya dengan akhbar kononnya pembalakan di Ulu Muda ini menjadi hala tuju Kerajaan Negeri seperti yang disebutkan oleh YB. Pengkalan Kundor semalam. Tulis-tulis baik-baik. Sudah ada kawasan yang diluluskan untuk pembalakan sebelum saya memasuki pejabat pada 17 Mei 2020 kawasan yang diluluskan untuk pembalakan 25,553 hektar telah diluluskan di kawasan Ulu Muda, ada yang termasuk dalam kawasan hutan cadangan tadahan air tambahan dan yang disebutkan dalam interview dirujuk oleh YB. Pengkalan Kundor semalam tu ialah berkenaan dengan tuntutan pampasan yang telah dihantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu menuntut ganti rugi setelah dibuat pembatalan kawasan-kawasan tersebut pada bulan September 2018. Interview saya panjang, ada dua muka surat penuh berkenaan dengan interview tersebut, tajuk pembalakan ini hanya sikit tak sampai 5%, di muka surat kedua tuan-tuan boleh merujuk Berita Harian, 31 Mei 2020 tak sampai 5% daripada interview ini adalah berkaitan dengan soalan yang ditanyakan “pembalakan di Ulu Muda yang dihentikan sebelum ini adakah Kerajaan Negeri akan teruskan dasar ini?” Jawapan saya jelas bahawa “kerajaan akan meneruskan dasar untuk memelihara alam sekitar dan kerajaan perlu mempertimbangkan kawasan ganti di tempat lain yang dibenarkan oleh Jabatan Perhutanan untuk diusahahasil sebagai ganti kepada tuntutan pampasan yang dikemukakan oleh Persatuan Pembalak-Pembalak”.

Saya harap pemimpin-pemimpin kita dapat membuat rujukan yang tepat sebelum kita bercakap di media sosial, bercakap di dalam Dewan ini tanpa maklumat yang tepat, merujuk daripada maklumat-maklumat ‘cyber trooper’ yang telah ‘spin interview’ saya ini kononnya saya bercadang untuk membuka semula pembalakan di Ulu Muda. Itu tidak benar, kebenarannya ialah saya minta camkan kawasan lain di tempat lain sekiranya kerajaan kekal dengan dasar tidak membenarkan pembalakan di Ulu Muda. Saya tak pasti, kerajaan tidak menemui memorandum yang telah dihantar oleh Persatuan Pembalak. Namun begitu, bagi menjawab soalan YB. Kubang Rotan, Kerajaan Negeri komited dengan apa yang tinggal sekarang ini di Ulu Muda untuk kita jamin bekalan air kepada 4.2 juta rakyat di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang dapat dipelihara. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Soalan tambahan YB. Speaker, berkenaan dengan tunggakan seperti mana yang telah disebut dalam sidang media Yang Amat Berhormat Jeneri bagitau sebelum ini, tuntutan-tuntutan tersebut adakah tuntutan itu secara tuntutan legal atau tuntutan biasa sahaja dan kita nak tahu juga soalan yang kedua berkenaan dengan kita tahu bahawa 96,558 hektar sawah di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) juga melibatkan Hutan Ulu Muda. Jadi, bagaimana komitmen Kerajaan Negeri? Terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Kalau kita baca salinan akhbar ini dan memorandum itu memang ada dihantar kepada saya pada masa itu, saya selaku Ketua Pembangkang. Mungkin kerana hantaran kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa itu tidak dilayan maka dia ada hantar satu salinan kepada saya tapi saya dah cari balik tapi tak jumpa, tapi saya jumpa lah di dalam laporan akhbar ini, mereka menuntut RM40 ribu sehektar selain mengenakan caj 8% sebulan bagi jumlah premium yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, satu memorandum bantahan telah dihantar kepada Menteri Besar, Dato' Seri Utama Mukhriz Tun Mahathir dan Pejabat Perhutanan pada Rabu lalu, panjang lagilah cerita dia, tuntutan itu bukan tuntutan mahkamah, saya tak pernah sebut pun tuntutan mahkamah, hat kesimpulan andaian-andaian dibuat oleh ADUN-ADUN sendiri lah.

Berkenaan dengan bekalan air sawah padi kita telah berunding dengan Kementerian Sumber Asli untuk memohon daripada Kerajaan Pusat sebagai ganti kepada simpanan hutan sebagai tadahan untuk air minuman dan air pertanian, kita mohon RM100 juta sebagai pampasan bagi pengekalan kawasan tadahan di Ulu Muda. Selain itu, kita juga menuntut Kerajaan Persekutuaan mempertimbangkan sebagai ganti kepada tanah-tanah sawah yang tidak dibangunkan dengan projek-projek pembagunan lain yang boleh mendantangkan hasil kepada Kerajaan Negeri melalui cukai tanah sekiranya tanah itu dibangunkan dengan perumahan atau projek-projek komersial kita kehilangan RM1.7 billion daripada cukai tanah yang kita korbankan kerana kita mengekalkan kawasan itu sebagai kawasan padi. Jadi, tuntutan kita kepada Kerajaan Persekutuaan untuk dipertimbangkan ialah 10% daripada RM1.7 billion iaitu RM170 juta. Itulah usaha sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk kita dapat ganti daripada pengekalan kita kepada tanah sawah padi dan juga hutan tadahan air. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai surat yang dihantar oleh Persatuan Pembalak Negeri Kedah kepada saya selaku Menteri Besar ketika itu. Ada tidak dinyatakan berapa pampasan yang dipohon ataupun dituntut. Benar ataupun tidak Yang Berhormat Jeneri sendiri menyatakan bahawa ada tuntutan sampai mencecah RM1 billion?

Kemudian, soalan kedua saya ialah tidakkah selepas itu ada 3 Mesyuarat Jawatankuasa Hasil Bumi yang juga dihadiri oleh 3 pegawai yang duduk di belakang Yang Amat Berhormat, yang sikit sebanyak telah selesaikan kesemua isu-isu penangguhan pembalakan di kawasan Ulu Muda itu.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Boleh tambah sikit soalan tambahan, sekali! Sekali! Sebab saya 'refer' kepada soalan bertulis yang dijawab kepada saya. Yang pertamanya, sepanjang Pakatan Harapan memerintah kita telah meluaskan kawasan tadahan itu dan daripada jawapan ini belum diwartakan termasuk 25 ribu hektar yang disebutkan tadi yang telah diluluskan di dalam kawasan cadangan tambahan itu dan telah digantikan di tempat lain. Saya ingat maklumat yang diberikan kepada saya melalui jawapan ini nampak maklumat yang tidak di'up to date'. Jadi, adakah perwartaan itu berlaku, tambahan itu berlaku dan masih dipetik tadi 25,000 hektar itu diluluskan pada hal kita telah mengganti di kawasan lain. Itu tambahan kepada YB. Jitra tadi.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih kepada YB. Jitra dan YB. Pengkalan Kundor. Soalan YB. Jitra tadi ialah tentang berapa jumlah yang dituntut. Yang disebutkan dalam memorandum ini adalah RM40,000 sehektar.

Kalau dikali dengan jumlah keluasan yang telah diluluskan 25,553 hektar kita akan dapat jumlah RM1,022,120,000.00, saya tak sebut RM1 billion tepat, saya angarkan lebih kurang RM1 billion. Kalau dikali jumlah tuntutan ini dengan jumlah keluasan yang telah diluluskan, saya ada banyak maklumat untuk dibekalkan kepada Ahli-Ahli Dewan kalau Ahli-Ahli Dewan sedia mendengar. Belum ada kawasan ganti terhadap 25,000 itu dan Mensyuarat Hasil Bumi yang terakhir dan dipengurusikan oleh bekas Menteri Besar pada 5 Mei 2020 telah melepaskan semua sekatan pembalakan yang dikenakan di kawasan Ulu Muda. Sebagai rekod, saya takut lepas ni di'spin' lagi bahawa pelepasan itu dibuat oleh kerajaan pada hari ini, pelepasan pembatalan kawasan pembalakan di Ulu Muda dibuat pada 5 Mei 2020, ini kawasan Ulu Muda, kawasan biru ini adalah kawasan tadahan, cadangan dua kawasan tadahan baru ialah di sebelah atas yang ada garisan biru ini kemudian cadangan yang kedua ialah di bahagian bawah sebahagian kawasan yang di luluskan itu terletak di dalam kawasan cadangan tambahan ini. Itulah yang saya maksudkan dalam interview saya bahawa perlu dibuat pengecaman kawasan lain, tapi di'spin' seolah-olah saya mempunyai hala tuju Kerajaan Negeri untuk mambalak "merogol" semula kawasan Ulu Muda, bahasa yang indah sikit la. Jadi,saya nak hentikan isu ini bahawa.....(YB Jitra Mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya ingat Yang Amat Berhormat Jeneri kena beri jawapan yang tepat ya, sebab keputusan-keputusan dalam Jawatankuasa Hasil Bumi itu tak sepertimana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhomat. Kalau saya ingat, yang hanya diluluskan sebahagian kecil sahaja untuk GLC Negeri, yang lainnya semua dipindah.

YAB. MENTERI BESAR

Saya ada minit dari Mesyuarat Hasil Bumi bahawa pelepasan sekatan pembatalan di Ulu Muda dibuat pada 5 Mei 2020. Betul tak betul?

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sekali lagi, macam mana?

YAB. MENTERI BESAR

5 Mei 2020 dibuat Mensyuarat Hasil Bumi untuk membuat pelepasan kepada pembatalan sebahagian daripada kelulusan kawasan pembalakan ini.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sebahagian tu berapa besar Yang Amat Berhormat?

YAB. MENTERI BESAR

Sat lagi saya bagi 'detail' dalam penggulungan InsyaAllah.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya ingat kecik sangat kut kawasan-kawasan yang terlibat dalam GLC sahaja..... (YB. Speaker Mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa! Tak pa! Dalam penggulungan nanti ada pencerahan lagi.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya mintak Yang Amat Berhormat Jeneri hati-hati sikit dengan kenyataan yang dikeluarkan!

YAB. MENTERI BESAR

Ya! Saya sangat berhati-hati dan saya harap ini menghentikan tuduhan bahawa Kerajaan Negeri.....duduk dulu YB. Pengkalan Kundor saya nak jawab! Duduk dulu!

YB. TUAN SPEAKER

Duduk dulu! Bagi YAB. jawab dulu!

YAB. MENTERI BESAR

Saya ingin menghentikan bahawa tuduhan kerajaan sekarang ini mempunyai hala tuju untuk memulakan semula pembalakan di Ulu Muda. Kalau tuan-tuan tengok plan tadi, hampir sudah tidak ada kawasan yang boleh diluluskan lagi kawasan pembalakan di Ulu Muda. Jadi, kalau ada proses tebangan, pengeluaran kayu-kayu dari Ulu Muda selepas daripada ini, ia bukan kelulusan di dalam proses kerajaan ini, kelulusan ini sudah lama sampai 25,000 hektar dan tentulah Jabatan Perhutanan mempunyai cara-cara atau kaedah-kaedah untuk mengawal tebangan di mana kita Kedah diberi kuota tebangan 3,000 hektar setahun dan ini diberi komitmen oleh Jabatan Hutan, perlesenan kawasan tebangan tidak akan melepasi kuota yang ditetapkan untuk memlihara kawasan Ulu Muda.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan yang ke 11.....(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya bukan nak tanya soalan, dak.... sebab begini YB. Tuan Speaker, kerana sekarang ini ada konflik sama-sama pernah jadi kerajaan....

YB. TUAN SPEAKER

Dak! Dak! YB. Alor Mengkudu!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sat lagi kena berdebat di luar Dewan kut.....nak kena berhujah di luar Dewan sebab masing-masing ada fakta!

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa! Kita minum kopi sat gi kita sembang lagi. Silakan nombor 11!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSOF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya mohon jawapan kepada soalan saya nombor 11.

11. YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF
[ADUN SUKA MENANTI]

Pohon diperincikan langkah Kerajaan Negeri dan Agensi yang menyokong sistem Pendidikan Pra Sekolah TABIKA yang dikendalikan oleh KEMAS, serta komitmen untuk memberi ruang kemudahan pendidikan kepada kanak-kanak 4-6 tahun di seluruh KEDAH.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih YB. Tuan Speaker, saya akan cuba menjawab soalan nombor 11 daripada ADUN Suka Menanti, ADUN Suka Menanti memang cukup prihatin dengan TABIKA kerana dua soalan yang sama, soalan bertulis pun ada, soalan lisan pun ada, soalan yang sama. Soalan bertulis muka surat 42, jawapan nombor 26, itu jawapan yang ditulis yang pohon jawapan bertulis dan ini jawapan lisan sama sahaja soalan dia. Jadi, saya cuma membaca sedikit, kalau kita sebagai seorang ADUN, kita hanya mendapat 11 soalan untuk diajukan di dalam Dewan, 6 soalan lisan 5 soalan bertulis. Kalau soalan lisan dan bertulis soalan yang sama, saya rasa rugilah untuk bertanya soalan lain, soalan yang sama jawapan yang sama dalam buku ni muka surat 42. Tapi saya akan cuba jawablah untuk jawapan yang diberikan. Kerajaan Negeri Kedah melalui Jabatan Kemajuan Masyarakt (KEMAS) sentiasa prihatin mengenai Pendidikan Awal Kanak-kanak melalui Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA). Jumlah keseluruhan TABIKA yang berada di Negeri Kedah adalah sebanyak 832 buah yang melibatkan kanak-kanak seramai 18,230 orang dari umur empat (4) hingga enam (6) tahun. Sepanjang anak-anak ini berada di TABIKA mereka didedahkan dengan 8 modul pelajaran yang di tetapkan seperti berikut:-

- Modul Sivik
- Modul Penghayatan Islam
- Modul PEERS (Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial)
- Modul Patriotik

- Modul Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R
- Modul Keyakinan Diri
- Modul Amalan Kebersihan
- Modul STREAM (Science, Technology, Religion, Engieering, Art, Mathematic)

Jadi, dalam KEMAS juga dia bagi sumbangan, sumbangan bulanan dikenakan adalah masih rendah berbanding dengan pihak swasta iaitu RM15.00. hingga RM25.00 daripada waris dan puratanya di negeri Kedah ini sumbangan bulanan wajib dikenakan sebanyak RM15.00 sahaja sebulan, dibekalkan buku aktiviti secara percuma kepada kanak-kanak tabika dan pada tahun 2020 ini pihak kerajaan telah menyediakan kemudahan pakaian seragam percuma kepada mereka yang layak daripada kalangan B40 dengan kos keseluruhannya RM266,090.00.

Selain itu, kanak-kanak juga disediakan dengan Program Bantuan Makanan Tambahan (PBMT). Melalui program ini, mereka diberikan makan minum dua kali sehari iaitu sarapan dan makan tengahari dengan kos keseluruhan pada tahun 2020 berjumlah RM4,331,400.00. Beberapa program/aktiviti utama turut dilaksanakan seperti Hari Potensi yang berupaya mencungkil bakat dan potensi kanak – kanak, Program Selawat Perdana, Kesinambungan daripada Program Penghayatan Pendidikan Islam, Program Hari Sukan Negara aktiviti gotong-royong dan juga ada program *Healthy Bright Kids Carnival* yang mengutamakan amalan gaya hidup sihat kepada kanak – kanak turut dianjurkan oleh pengurusan TABIKA. Selain itu, Program Bulan Kemerdekaan bertujuan memupuk semangat patriotik, Program Hari Terbuka bagi tujuan perbincangan laporan tahap perkembangan kanak – kanak. Itulah jawapan yang saya dapat berikan dengan cara lebih terperinci.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSOF

YB. Tuan Speaker, saya mohon tambahan jawapan kerana bila saya melihat keadaan semasa di Tabika-tabika KEMAS ni, jadi saya memperuntukkan sebahagian peruntukan B04 atau B02 membantu supaya ia lebih ceria, lebih membantu sebab saya melihat hasil yang dikeluarkan oleh TABIKA KEMAS ini adalah hasil yang cukup menarik dan sesuai dengan modul yang disediakan tu. Jadi, saya mohon yang pertamanya supaya dilihat secara lebih menyeluruh dengan 832 tadika di seluruh negeri Kedah diberikan satu peruntukan yang lebih khusus bukan sekadar ADUN-ADUN menambah dengan RM2,000, RM3,000 itu tapi peruntukan lebih khusus sebab sebelum ni kita pernah bawa Timbalan Menteri datang melihat tentang kedaifan sebahagian daripada tadika-tadika yang ada, itu bahagian yang pertama.

Yang kedua, saya mohon juga untuk polisi Kerajaan Negeri pada hari ini untuk melihat tadika-tadika swasta yang lain khususnya Tadika PASTI saya rasa sebanyak ini juga lah, mungkin ada di seluruh Kedah sebab kita berjalan merata untuk menjaga kebaikan dan kesempurnaan pendidikan awal kanak-kanak ini biarlah tadika-tadika swasta juga mendaftar dengan jabatan untuk sama-sama kita melihat hasilnya lebih terkawal bukan sekadar kebajikan dan juga mungkin kalau ada dana lepas ni boleh diberikan bantuan dana sebab saya tengok ada dana ataupun sumbangan yang boleh diberikan tadika swasta yang mendaftar. Jadi, kalaulah polisi mendaftar Tadika PASTI juga dengan jabatan, mungkin kerajaan gabungan PAS dan UMNO ni boleh membantu Tadika PASTI sekali. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI.

Ok! Terima kasih YB. Suka Menanti yang cukup prihatin dan kita pun dah dapat maklumat semasa menjadi Adun lah banyak sumbangan kepada KEMAS dengan menggunakan B04 Pembangunan. Saya baru dapat memegang portfolio ini dan saya akan cuba melihat secara lebih jauh ke hadapan dan jutaan terima kasih kepada ADUN-ADUN yang telah membantu KEMAS di peringkat kawasan masing-masing dan saya akan cubalah untuk teruskan melihat kelas-kelas KEMAS ini ditambahbaikkan untuk mengeluarkan anak-anak yang betul-betul berkualiti lah, InsyaAllah. Mengenai PASTI, PASTI ini adalah aktiviti parti politik yang berdaftar iaitu di bawah Dewan Pemuda PAS Pusat. Dewan Pemuda PAS Pusat belum lagi ada polisi apa-apa, sekiranya Dewan Pemuda PAS ada polisi apa-apa mengenai PASTI, pihak negeri akan mengikut polisi daripada pihak Dewan Pemuda PAS Pusat, negeri akan ikut apa yang telah dibuat oleh pihak Dewan Pemuda PAS Pusat mengenai PASTI, InsyaAllah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ada soalan tambahan? Silakan YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya ingin mohon penjelasan, adakah ini bermaksud bahawa dana kerajaan akan digunakan untuk aktiviti-aktiviti parti politik sebab saya dengar tadi Kerajaan Negeri akan ikut keputusan daripada Pemuda PAS Pusat.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI.

Maksud saya di sini, kalau sekiranya untuk menguruskan PASTI, Dewan Pemuda ini pun mereka ada urusan dengan Kementeriaan Pendidikan. Sekiranya pihak Dewan Pemuda ada urusan dengan Kementeriaan Pendidikan untuk daftar dengan kementerian di bawah TABIKA kita mengikutlah apa yang dilaksanakan oleh mereka di peringkat federal.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Tak ada dah soalan tambahan? Ada? Haaa....Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Berbalik kepada YB. Jitra maksudkan tadi tu, adakah kerajaan.... soalan tu saya rasa tidak dijawab dengan betul ya. Saya rasa kalau PASTI tu di bawah parti, sekiranya ada komitmen bagaimanapun kalau menggunakan duit kerajaan digunakan untuk parti itu tidak boleh di gunakan. Jadi, saya mohon YB. Merbau Pulas jelaskan, dia tak boleh kita guna duit kerajaan untuk bagi kepada parti ataupun PASTI itu sendiri. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Soalan tambahan! Soalan tambahan! Saya nak tambah sikit lah soalan tambahan Yang Berhormat. Sebelum-sebelum ni kami ADUN-ADUN PAS guna duit sendiri untuk kita bantu PASTI-PASTI yang sedia ada sebab kita sedar sebagai satu aktiviti parti dan parti pun belum membuat keputusan untuk mendaftar. Jadi, mungkin maksud Yang Berhormat tu kalau keputusan parti untuk mendaftar agensi-agensi yang ada ni maka bolehlah untuk pihak negeri bantu. Macam tu kut? Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Setakat la belum menggunakan wang kerajaan....bukan parti. Tapi kalau sekiranya keputusan itu dibuat kita akan laksanakanlah ikut apa yang telah dibuatlah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Saja lah saya buka soalan tambahan pasal tadi kita start 9.07 pagi, nak berhenti balik 10.07 pagi. Jadi.... habislah 1 jam yang kita peruntukkan untuk soalan-soalan jawapan mulut. Sekarang urusan seterusnya, Tuan Setiausaha!

III. PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Penggulungan di atas Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

YB. TUAN SPEAKER

Untuk mengulung ni, kalau kita dapat menggunakan masa sebaik-baiknya seorang 15 minit dan kita akan ada Rang Undang-Undang yang kita nak lulus, kita boleh berhenti pukul 1.00. Kalau kita goreng banyak sangat, kita kena sambung selepas pukul 2.30 petang, itu saya bagitau gambaran nak pi ke mana. Kita ada dua pilihan sama ada nak tepat masa kita boleh berhenti pukul 1.00, tak mau tepat masa kita berhenti jam 3.30 ka, apa ka sampai habis lah. Silakan siapa yang nak gulung dulu. YB. Kuah! Haa...Tak dak apa nak gulung? Haa! Kalau siapa tak mau gulung apa, dia kata dia tak perlu gulung, boleh bagitau kat saya. YB. Sidam! Selepas YB. Sidam YB. Kuah!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, Menteri Besar Kedah Darul Aman, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mensyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, barisan media, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, salam sejahtera dan salam Perikatan Nasional. Saya bangkitkan isu yang lebih panas sikit isu alam sekitar lah.....(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam, boleh buka apa nama mask tu?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Saya takut Covid! YB. Tuan Speaker, bagi isu-isu alam sekitar di negeri Kedah Darul Aman yang melibatkan pencemaran terutamanya pencemaran udara, 'follow by' (dengan Izin) pencemaran air, perlombongan kuari pasir, banjir lumpur, pengurusan invest dan kilang plastik. Isu pencemaran udara adalah isu seringkali dibangkitkan oleh penduduk di beberapa kawasan industri dan kawasan pelupusan sampah yang berlaku kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Semeling terutamanya. Berdasarkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) Air Pollution Index (API) (dengan Izin) yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), tahap kualiti udara dibahagikan kepada 5 kategori, yang baik 0-50 yang, tidak sihat 101-200 dan yang merbahaya iaitu lebih daripada 300. Baru-baru ini, mengikut laporan JAS mengatakan API bagi kawasan Sungai Petani (tumpuan kepada Sungai Petani) adalah dalam lingkungan 60-70 'average' bermakna berada dalam kategori sedarhana. So, tak boleh nafi semalam memang kita catat API dekat Sungai Petani about 90+- macam tu.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Minta laluan YB.? Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YB. Sidam. Berkenaan dengan indeks udara dan juga tahap pencemaran udara yang dikatakan oleh YB. Sidam. Pada bulan Jun yang lepas saya membaca surat khabar dan ternampak YB. Sidam yang juga Exco Alam Sekitar telah pun memberi kenyataan kepada media bahawa Sungai Petani adalah tempat pencemaran udara paling teruk di seluruh negara. Saya nak bertanya, apakah bukti yang menunjukkan kenyataan ini benar, bilakah masanya Sungai Petani menjadi pencemaran yang paling teruk di seluruh Malaysia, apakah bukti, berdasarkan indek apa, adakah berdasarkan IPU ataupun berdasarkan apa indeks yang membuktikan Sungai Petani adalah pencemaran udara yang paling teruk di seluruh Malaysia sebab Malaysia banyak tempat lagi, Selangor, Penang dan Johor? Ok, terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, yang dikeluarkan oleh 'press' dekat surat khabar yang dikeluarkan bulan Jun saya rasa, bulan Jun kalau tak silap saya lah selepas saya bermesyuarat dengan YB. Dato' Sri Tuan Ibrahim Bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar Dan Air (KASA) memang terbukti dapat banyak aduan, ramai yang complaint kepada JAS sampai ke Pusat memang ini tempat yang paling banyak aduan yang terdapat di JAS.....(YB. Bakar Arang Mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Banyak aduan dengan tahap pencemaran yang paling teruk adalah berbeza, YB. perlu mengikut fakta, so jangan kelirukan masyarakat!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Selepas ini memang juga ada yang kita monitor day by day (dengan Izin) dia punya API, API tunjuk memang tidak boleh dinafikan yang pertama selalunya kalau bukan Klang, bukan Seberang Jaya adalah Sungai Petani. So, mungkin kita cakap yang banyak sekali aduan terdapat di Sungai Petani. Itu maksud saya lah, so bagi saya habiskan.....(YB. Bakar Arang Mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya rasa YB. perlu perjelaskan kepada masyarakat lah, banyak aduan dengan banyak indeks pencemaran yang tinggi adalah berbeza.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Tak pa lah, day by day saya akan follow up ok. Pengukuran JAS adalah mengambil kira faktor pendedahan kesihatan yang diambil dalam tempoh 24 jam dan bukan secara on time dan mengikut prosedur tetap operasi iaitu SOP jabatan. Pemantauan dan penguatkuasaan yang dibuat beterusan dari sudut pencemaran oleh JAS Kedah dan cawangan-cawangan dari semasa ke semasa bagi memantau punca-punca pencemaran seperti premis dan projek-projek yang tertakluk Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) mengikut kehendak AKAS (Akta Kualiti Alam Sekeliling) 1974, peraturan-peraturan di bawahnya.

Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan Ops Gempur dan Ops Besar Bersepadu antara agensi-agensi kerajaan bagi menyelesaikan masalah-masalah aduan dan mengambil tindakan pengutkuasaan secara menyeluruh berdasarkan bidang kuasa dan peruntukan perundangan setiap agensi. Saya juga turun sendiri memantau operasi, salah satunya di Sungai Tukang. Bagi menghadapi musim panas dan kering, JAS telah menyediakan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (AKN) bagi sama-sama menjaga kesejahteraan rakyat dan orang awam. Selain itu, diaktifkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling setelah mendapat kelulusan arahan daripada MKN.

Seterusnya, JAS Negeri Kedah memantau kualiti air sungai di negeri Kedah berdasarkan 74 'out station menu' (dengan Izin), pemantau kualiti air sungai iaitu 'menu station river water quality' (dengan Izin) yang terletak di 8 lembangan sungai termasuk 3 lembangan sungai utama iaitu Lembangan Sungai Kedah, Lembangan Sungai Muda dan Lembangan Sungai Merbok. Kualiti air sungai adalah merujuk kepada jadual kelas kualiti air sungai serta berdasarkan kategori kualiti air sungai yang bersih, sedikit tercemar dan tercemar. Manakala kelas kualiti air ditentukan berdasarkan Indeks Kualiti Air (Water Quality Index) (dengan Izin). JAS Kedah juga memantau setiap trend bacaan daripada stesen pengawasan ini. Jika terdapat sebarang pelanggaran atau 'assistance limit' (dengan Izin), pasukan siasatan akan menjalani penjejakan punca pencemaran yang menyebabkan insiden 'assistannce' tersebut.

YB. DATO JOHARI BIN ABDUL

YB. Tuan Speaker, boleh saya tanya YB. Sidam? Sedarkah YB. Sidam, terdapat sebuah kilang getah di Gurun yang akan melepaskan air daripada kilangnya 'alternatly', selang sehari, selang sehari dan bila dia lepas air ke dalam sungai, semua ikan mati, anak-anak ikan mati sebab air yang dilepaskan itu beracun. Jadi, complaint telah banyak dibuat dan adakah kerajaan bercadang untuk melihat pencemaran ini suatu yang serius sebab akhirnya air ini masuk ke sungai utama dan air itulah yang kita minum, kalau ikan mati, bewak mati, semua mati dalam tu, suatu hari orang pun akan mati jugak. Jadi, saya nak bertanya kepada YB. Sidam, adakah usaha-usaha, bukan soal kilang itu melanggar peraturan atau tidak, itu bukan soalan saya, soalan saya bagaimana pemantauan dibuat supaya air yang dilepaskan daripada kilang itu air yang minimanya boleh diterima dalam standard JAS supaya dapat dilepaskan ke dalam sungai agar tidak mudarat kepada masyarakat dan hidupan juga? Terima kasih.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tambah sikit, sama isu YB. Tuan Speaker. Sama juga, adakah YB. Sidam sedar bahawa di Bukit Selambau pun ada kilang sebegitu yang menyebabkan sungai itu kotor? Yang kedua, di sini saya ada gambar juga tadi YB. Sidam sudah bincang pencemaran udara, ada juga kilang di Bukit Selambau yang mencemarkan udara. Jadi, minta YB. Sidam siasat tengok. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, cadangan yang baik lah memang saya masuk 100 hari, 2, 3 bulan sahaja. Memang pekara berlanjutan mungkin bukan dari kerajaan PH, sebelum PH dah terjadi perkara sebegini. Kemungkinan besar adalah 'during that period', during PH time dengan BN time walaupun baru 3 bulan saya masuk office sahaja tapi bukan hanya ada satu kilang di Gurun sahaja yang complaint, dapat aduan dari Ambangan Height, Sungai Division, Semeling, Merbok yang banyak complaint ada yang berbau seperti skrap. Kita akan make sure dia punya SOP dan kilang tersebut akan dipantau dengan lebih tegas macam mana untuk 'safety awareness' kes dan selepas ini kualiti air indeks semua kita kena tau. Saya berharap JAS Negeri Kedah akan pantau selalu tentang isu ini, kita pun takut pencemaran air since saya ambil portfolio JAS saya rasa akan buat sesuatu lah terhadap air yang terlepas ke dalam parit dan sungai. Memang di Bukit Selambau pencemaran udara yang terdapat di banyak saya rasa di fb dan macam-macam dalam whatsapp. Kita akan 'paid more attentation on this' (dengan Izin) saya yang selalu bangkitkan isu-isu alam sekitar, ini tanggungjawab saya sebagai YB Exco Porfolio Alam Sekitar saya akan buat terbaik sekali, bagi masa sedikit, sekarang baru 3 bulan sahaja. Saya rasa you bagi saya 2 tahun tengok 'when are look for two years'.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. mohon mencelah. Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tadi dalam sesi soal jawab juga YB. ada bagitau di mana akan memindah semua kilang kitar semula plastik di Sungai Petani termasuk yang berlesen dan tidak berlesen ke Bukit Selambau. Soalan saya adalah, memandangkan sebelum ini juga JAS pernah bagitau di Bukit Selambau adalah 'upstream' kepada Sungai Muda tempat yang lebih tinggi dan Sungai Muda melalui situ terus mengalir ke Kuala Muda dan juga Pulau Pinang.

Ia mempunyai risiko yang tinggi jikalau ada pencemaran air yang berlaku akan menjejas sumber air kita dan tidak berapa sesuai untuk memindahkan semua kilang-kilang kitar semula kita ke situ. Jadi, apakah justifikasi ataupun ulasan daripada pihak kerajaan yang membuat keputusan untuk memindahkan semua ini ke Bukit Selambau dan jikalau tempat lain tidak mahu, Bukit Selambau pun ada penduduk dan di sana pun sudah sangat tercemar dengan keadaan sekarang yang mempunyai beberapa kilang di sana yang melakukan pencemaran. Itu soalan saya, terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, YB. Bakar Arang, terima kasih. Tentang EIA saya rasa yang 'upstream' tentang kilang-kilang terutamanya yang 'heavy industry' lah kita fokus kepada kilang recycle atau kitar semula kita akan fokus kepada kilang recycle yang kita resources kita akan move ke Bukit Selambau. Yang pertama mungkin di Bukit Selambau memang kita akan buat kajian EIA, 'upstream', kalau memang 'upstream' ada yang terdekat dalam lingkungan dengan penduduk dengan taman yang banyak sangat kita akan 'consider' lah 'alternative' lain tempat ka tapi for the study side (dengan Izin) kalau tak silap saya rasa kita bincang dengan MMK dalam Mensyuarat MMK, PBT ada bersama JAS, satu tempat yang paling sesuai setakat ini adalah di Bukit Selambau tapi macam mana pun dia kena 'fulfil' EIA yang kita akan study ka kena pantau apa sepatutnya kita kena buat. Kita kena fulfil semua sebelum dia boleh pindah lah. Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sidam saya tau isu alam sekitar ini ialah isu yang panjang dan memang tak akan selesai lah. Tapi dalam isu ni saya mohon pendapat YB. Sidam terdapat juga beberapa NGO-NGO berkaitan alam sekitar yang banyak membantu untuk kenal pasti dan memberi maklumat kepada kerajaan berkaitan dengan isu alam sekitar. Jadi, saya ingin bertanyakan YB. Sidam adakah kerajaan sedia mengadakan perbincangan dengan NGO-NGO tersebut dan 'reorganize' mereka membantu kerajaan?

YB. TUAN SPEAKER

YB. Sidam, kalau ikut 15 minit tu sampai dah lah. Silakan!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

YB. Kuala Ketil, tentang NGO-NGO kadang-kadang maklumat dia ada pros and cons dia ada yang betul dia ada yang 'essential' (dengan Izin) ada juga. Walau bagaimanapun, dia membantu kepada kita, memberi maklumat kepada kita mana yang dapat macam Sungai Tukang hari tu 'open burning' ka 'what ever' maklumat yang saya dapat dari orang awam so ini maklumat, tapi kita sendiri kena filter lah. So, tanya saya, saya rasa NGO dialu-alukan untuk membantu kita 'is no harm' tapi sendiri kita kena filterkan apa sepatutnya yang betul sepatutnya tak betul lah so bagi masa sedikit sama-sama kita jaga alam sekitar negeri kita yang cukup bersih cukup indah.

Saya masuk kepada perumahan. Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) Negeri Kedah Darul Aman telah bercadangkan untuk membina 5,000 unit rumah teres bagi skim rumah mampu milik (OMM) di negeri ini dengan 500 unit bagi 5 kawasan seperti berikut iaitu di Pendang, Kota Setar, Padang Serai, Kulim, Pokok Sena dan Baling. Manakala selebihnya 2,500 unit lagi adalah permohonan baru yang akan Kerajaan Negeri bincangkan di kawasan-kawasan tumpuan mengikut jumlah permohonan dalam sistem Kerajaan Negeri seperti di Kuala Muda. Cadangan ini melibatkan kumpulan sasar yang berpendapatan rendah di bawah RM3,000.00. Bagi menjawab soalan yang berbangkit YB. Ayer Hitam dan juga YB. Anak Bukit berhubung isu kelewatan untuk serah rumah PPR di Jerlun dan Kota Setar, di sini saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri telah menghantar senarai nama permohonan kepada KPKT namun PPR ini belum dibuat penawaran oleh pihak KPKT lanjutan daripada wabak Covid-19 yang melanda di negara dan dunia sekarang

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya nak tanya. YB. Tuan Speaker, mengenai PPR Ayer Hitam, saya sendiri telah bangkitkan persoalan yang sama di Dewan Rakyat, jawapan lebih kurang sama juga diberikan oleh menteri yang bertanggungjawab. Ini sebenarnya sangat mengecewakan kerana sepertimana yang kita sedia maklum PPR Ayer Hitam dah siap lama dah, Syarikat GLC yang telah diberikan tanggungjawab untuk pembinaan iaitu BDB telah berusaha menyiapkan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan.

Walaupun begitu, dah siap tapi masih lagi belum diserahkan kepada pemohon-pemohon yang begitu ramai layak mendapat kemudahan tersebut dan laporan yang terbaru kita terima, pagar di keliling tu pun dah mula pecah dah maksudnya ada kemungkinan rumah-rumah ni akan dipecah masuk oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jadi, saya merayu sangat-sangatlah kepada Kerajaan Negeri untuk serius menekan Kerajaan Persekutuaan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan segerakan kelulusan dan menyerahkan kunci kepada pemohon-pemohon yang telah disenaraikan itu. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Sekali, isu yang sama YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Sama ka tak sama?

YB. DATO' WIRA HJ. AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Isu sama, lewat tapi 'angle' dia lain sikit, terima kasih. Saya difahamkan ini macam cerita kemarin lah ni. Saya difahamkan nama-nama telah pun diberikan kepada KPKT, hat di sana bukan depa tau siapa yang layak, kita dah tau sapa layak dah bagi nama nak 'endorse' masuk saja... apa yang lama sangat? Kelmarin isu menteri nak 'tenyeh' yang kata rumah transit tu, dari bulan 1. Saya tak salahkan YB. Sidam, tapi maknanya kena sekali lagilah apa kita kena 'hinggut' kuat sikit supaya benda ni cepat, kalau tidak YB. Sidam macam disebut tadi rosak, nak kena perbaik, ambik masa pulak tak boleh masuk lagi kan, gaya nak masuk rosak lagi. Jadi, saya haraplah benda ni dapat disegerakan, kalau YB. Bukit Pinang rajin duk pi Kuala Lumpur duk jumpa apa semua, saya ingat YB. Sidam pun baik sangat dengan Menteri KPKT ni dia kena pi hinggut bagi cepat sikitlah. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Jitra dan YB. Anak Bukit. Ok, saya akan bincangkan secepat mungkin untuk dapatkan serahan kunci kepada yang kena pindah masuk lah, saya akan bincang dengan Menteri KPKT.

Saya pun tak boleh cari 'excuse' lah, saya rasa kena percepatkan proses ini kalau tak macam YB. Jitra sebut tadi pagar-pagar nak jadi nak rosak lah, ini tanggungjawab saya sebagai Exco Portfolio Perumahan saya akan mempercepatkan, saya akan 'presure' sampai kepada menteri. Dia cakap ok, secepat mungkin dia akan serah kunci kepada yang berkenaan.....(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Tambah sikit saja Yang Berhormat, boleh? Sambil-sambil kita menunggu KPKT menyerahkan kunci itu, soal keselamatan di PPR ni, siapa yang tanggung? Jadi, pihak yang membina iaitu BDB, saya ingat bila dia nak serah tu maksudnya kerja-kerja atau perkhidmatan menjaga kawasan itu tidak lagi di bawah tanggungan mereka. Jadi, saya rasa kalau lewat lagi silap-silap Kerajaan Negeri lah pulak yang kena tanggung, kos untuk memastikan bahawa keselamatan di kawasan itu terjaga supaya tidak ada pecah rumah dan sebagainya.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Jitra. Isu Perpaduan Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam. YB. Tuan Speaker, akhir-akhir ini isu perpaduan kaum sering dibincangkan di kalangan masyarakat sama ada di media arus perdana mahu pun media sosial. Isu perpaduan kaum merupakan satu usaha beterusan yang perlu dibawa bersama-sama oleh semua pihak, sekiranya musnah perpaduan dalam masyarakat pasti pelbagai impak negatif akan menimpa masyarakat khususnya dan negara amnya. Usaha mengukuhkan perpaduan antara kaum bagi mewujudkan Integrasi Nasional (NMK) perpaduan bersama Jabatan Perpaduan Negara Intergrasi Nasional (JPNIM) telah mengadakan pelbagai program dalam usaha untuk memupuk semangat muhibah, kesefahaman, patriotisme, penerimaan.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Sebabnya masa penggulungan untuk YB. Sidam dah lama dah, saya harap YB. Sidam dapat merumuskan jawapan dengan.....(YB. Pengkalan Kundur mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Peraturan mesyuarat, dia duk baca tu! Kesalahan dengan peraturan mesyuarat.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sidam, minta supaya sekali sekala tu panggung kepala supaya tidak dilihat merujuk kepada kertas.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok! Tengok YB. Tuan Speaker. Kawasan KRT (Kawasan Rukun Tetangga) di bawah pengawasan Jabatan Perpaduan juga merupakan agensi penyelesaian permasalahan rakyat bagi mewujudkan kesajahteraan sosial dengan mengenal pasti isu dan permasalahan rakyat menangani dengan kerjasama agensi berkaitan seperti MPKK, PTIM, PBT dan Pejabat Daerah supaya tidak menjadi isu dan konflik yang boleh mengganggu kesejahteraan rakyat.

Bagi rumah ibadat bukan Islam (RIBI), Kerajaan Negeri sentiasa memberi keutamaan dalam usaha penambahbaikan tempat keagamaan, rumah ibadat dan perkuburan bukan Islam dengan adanya jawatankuasa tempat keagamaan, rumah ibadat dan perkuburan bukan Islam peringkat daerah di Negeri Kedah Darul Aman. Selain itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk mewartakan tempat keagamaan, rumah ibadat dan perkuburan bukan Islam bagi lokasi yang berkaitan supaya dengan perwartaan ini dapat memudahkan urusan pengurusan kematian bagi bukan Islam di negeri ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyerahkan kepada Pertubuhan Komuniti Persatuan Keagamaan dan Perkuburan Bukan Islam untuk berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Negeri Kedah (ROS) dalam usaha memudahkan urusan berkaitan dengan RIBI dan perkuburan bukan Islam.

Berkenaan isu tokong yang dibangkitkan oleh YB. Kota Darul Aman kelmarin, maklumat hanya 3 buah tapak tokong sahaja yang telah dirobohkan selepas pertukaran kerajaan, bukan tokong yang dirobohkan. Keputusan untuk merobohkan tapak tersebut sepatutnya dilakukan pada awal tahun 2020, namun ditunda sehingga selepas tamat tempoh PKP. Jumlah perobohan tapak tokong setakat ini adalah 8, ini bermaksud isu perobohan tapak tokong ini bukan hanya berlaku pada zaman Perikatan Nasional tetapi berlaku pada zaman kerajaan terdahulu juga iaitu PH. Itu pun termasuk data perobohan RIBI pada tahun 2019. Kenapa persoalan ini dibangkitkan sekarang oleh YB. Kota Darul Aman? Jadi, untuk mengelakkan...(YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sidam, saya harap dapat ringkaskan jawapan.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Untuk mengelakkan perkara ini berulang pada masa hadapan, saya mengambil serius akan perkara ini dan kita akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mewartakan tapak RIBI di kawasan taman perumahan baru yang akan datang. So, 'last' sekali saya akan sentuh sedikit isu politik pengkhianat lah macam YB. Pengkalan Kundor yang habaq..... (YB. Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya harap YB Sidam dapat habiskan ayat yang terakhir sebab masa yang diambil terlalu lama!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

You bagi 3 minit lagi boleh?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi 1 minit saja dan kalau boleh jangan sentuh berkaitan dengan politik. Bab politik kita bincang kat luar!

YB.DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok! Boleh! Boleh! Saya akan ringkaskan, YB. Pengkalan Kundor memang targetkan kepada saya atau YB. Lunas, ok saya boleh bagi penjelasan. Kalau kita naik sebuah kapal layar untuk masuk ke Lautan Hindi atau South China Sea pun tak pa, bila you nampak dekat sebelah sini ada dua kapten and the beginning satu kapten sahaja tapi 'in the in' satu kapten dia nak jadi kapten juga, so bila dia masuk ke dalam lautan dia nampak, kita pun nampak lah dekat sini macam ada taufan, dekat sini cerah sikit, dekat sebelah sini memang dia tak 'reaction', so apa sebab kita tukar ke sebelah sini is not isue dan selepas ini saya rasa kita akan dapat watikah dari istana bukan watikah dari.....(YB Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sidam... saya harap dapat habiskan ayat terakhir. Habiskan ayat terakhir.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok! Ok! YB. Tuan Speaker, bagi mengakhiri ucapan pegulungan saya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan jawatankuasa di bawah saya. Perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja dengan lebih keras dan gigih bagi menambah nilai dan mengukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio saya agar dapat menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri di bawah pemimpin YAB. Menteri Besar ke arah "Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua". Izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

Harum sungguh bunga melati,
Hiasan sanggul amat memikat,
Bertolak ansur hormat menghormati,
Mengukuhkan Perikatan kita sepakat.

Dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Tuanku Sultan Pada Mensyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14 pada 16 April 2020 yang lalu. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Sidam. Seterusnya saya persilakan....(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat Speaker, saya nak ulas mungkin YB. Kuah tadi tak menggulung.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Dak! Lepas ni YB. Kuah!

YB. ENCIK ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Lepas ni YB. Kuah? Sebab ada persoalan-persoalan negeri yang kita nak bangkitkan demi rakyat. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Seterusnya saya mempersilakan YB. Bukit Pinang, tak dak. Silakan YB. Kuah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirahmanirrahim. Assalamuaaliakum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga Yang Berhormat Rakan-Rakan Exco dan semua yang berada dalam Dewan, saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Amat Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah Sultan Negeri Kedah Darul Aman yang Ke-29. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Jitra, Yang Berhormat Bandar Baharu, Yang Berhormat Gurun dan Yang Berhormat Kota Darul Aman, yang di dalam perbahasannya menyentuh portfolio di bawah saya dan apa yang diamanahkan kepada saya dan ada yang sempat dijawab dan ada yang tak sempat dijawab oleh kerana kekangan masa yang diberikan dan InsyaAllah saya akan rangkumkan penggulungan dan sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat mempunyai idea dan cadangan dan pandangan untuk kita sama-sama majukan dalam Portfolio Pelancongan Kesenian dan Kebudayaan serta Pembangunan Usahawan bolehlah melontarkan dan menggunakan ‘fully utilize’ (Dengan Izin) Timbalan Speaker di dalam Dewan ini untuk sama-sama kita mencakna idea dan pandangan dan berikan kebaikan kepada rakyat.

Oleh itu, Yang Berhormat Timbalan Speaker ingin saya respon kepada Yang Berhormat Gurun yang bertanyakan berkenaan dengan PBT membantu peniaga-peniaga yang terkesan dalam Negeri Kedah sepanjang Pandemic Covid-19 (dengan Izin) seperti saya jawab dalam soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Jitra sebentar tadi, dimana pihak PBT juga mengambil langkah untuk membantu para peniaga yang terlibat melalui beberapa pendekatan.

Antaranya adalah pengurangan sehingga 50% kadar sewaan dan juga ruang-ruang niaga di semua daerah di dalam Kedah. Ini antara keputusan yang dibuat oleh PBT untuk meringankan beban kepada peniaga-peniaga dan juga pengecualian bayaran denda lewat kepada yang memperbaharui lesen perniagaan sepanjang tempoh pelaksanaan PKP itu antaranya PBT membantu peniaga-peniaga dan juga saya ingin respon kepada perbahasan Yang Berhormat Jitra berkenaan dengan pelancongan di Baling.

Mengenai sektor pelancongan di Baling, untuk maklumat Yang Berhormat Jitra, Daerah Baling kita mempunyai satu keutamaan di mana kita melihat dari segi ekopelancongan di Daerah Baling selain Langkawi dan juga Yan untuk dibangunkan sebagai Hub Ekopelancongan iaitu pelancongan berasaskan alam semula jadi dan kebudayaan. Tumpuaan khusus yang kita tetapkan sekarang ni adalah menerokai Gua Caving (dengan izin) Yang Berhormat Timbalan Speaker, yang kini menjadi salah satu tarikan ataupun trend untuk kita meletakkan atau kita memastikan golongan-golongan kluster yang minat kepada gua ini boleh menggunakan kawasan Baling dan kawasan-kawasan yang mempunyai tarikan pelancong. Oleh itu,.... .....(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah, YB. Bayu bangun, silakan.

YB. TUAN HJ. ABDUL NASIR BIN IDRIS

Sahabat saya YB. Kuah, bila sebut Baling tadi ni nak sebut sebagai ekopelancongan. Jadi, yang pertamanya saya mengucapkan tahniah dan terima kasih pasai Yang Amat Berhormat Menteri Besar datang Baling baru-baru ini umumkan peruntukan RM200,000 untuk memajukan satu produk pelancongan yang kita mula teroka dan adakah peruntukan RM200,000 ini sebagai satu permulaan kepada untuk menjadikan Baling sebagai kawasan pelancongan dan kalau kita tengok banyak destinasi-destinasi yang lain yang saya nak minta Exco Pelancongan nak turun 9 September ini, jadi dapat turun umumkan lagi peruntukan untuk pelancongan di Daerah Baling. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Bayu, saya juga ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun meluluskan sebanyak RM200 ribu untuk pembangunan infrastrukur Gua Sirih, belum sempat Exco umumkan Dun Bayu umum dulu, makna kata kalau Exco umum 'double' pulak jadi RM400 ribu tapi RM200 ribu ja noh! So, yang tu untuk pembangunan infrastruktur Gua Sirih sahaja dan Insya-Allah Sabtu ni, 29 haribulan saya bersama-sama Yang Berhormat Kuala Ketil, Yang Berhormat Bayu pun boleh ikut sekali tapi ini dicadangkan oleh Yang Berhormat Kupang untuk kita pergi ke Gua Air! Kalau YB. Tanjung Dawai dia kata Gua Air lah untuk kita melihat Gua Air ini di Baling juga! Insya-Allah.....(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah ada celahan!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Sat noh! Nak habiskan satu baris, Insya Allah kita akan ada sedikit peruntukan untuk Gua Air ini, kita nak tengok apa yang ada sebab ini adalah penemuan yang baru kan mungkin sebelum ini mantan Exco Pelancongan sebelum ni pun tak kenal lagi Gua Air ni. Jadi, ini antara benda yang baru yang boleh kita berkongsi bersama, Silakan YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Terima kasih YB. Tuan Speaker, Terima kasih Yang Berhormat Kuah. Saya nak bangkitkan tentang Gua Kerbau di Kodiang yang merupakan satu pusat pelancongan juga, cantik gua itu tapi sekarang dah jadi semak samun, tak terurus, kotor, sampah merata. Jadi, mohonlah YB. Kuah untuk melihat! Di Kota Siputeh tu banyak kawasan-kawasan pelancongan seperti Bukit Kodiang yang terkenal dengan Mok Cun, ramai yang 'hiking' (dengan izin) naik sampai ke Puncak Bukit Kodiang, pemandangan yang sangat cantik! Jadi, mohonlah pihak pelancongan untuk melihat kembali kawasan pelancongan di Kota Siputeh, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih Yang Berhormat Kota Siputeh, Insya-Allah kita juga akan pi ke Gua Kerbau bukan kata kerbau saja, segala jenis binatang lain pun kalau ada kita pi Insya-Allah. Cuma kekangan sekarang ni adalah untuk kita pi dengan pandemic covidnya, dengan keterbatasan kita untuk kita pi ke tempat-tempat ni mungkin akan sedikit melewatkan tapi Insya-Allah yang mana kita perlu fokuskan sekarang ni! Cuma apa yang saya ingin nyatakan norma dia dah berbeza, sebelum ni mungkin mantan Exco Pelancongan telah meletakkan 'blue print 2020' hingga 2035 tapi di antara 'blue print' tersebut tak boleh guna sepenuhnya sebab dah berubah dan kita terpaksa merangka beberapa pendekatan-pendekatan yang baru. Yang kita tengok sekarang ini adalah fokus kepada domestik sekarang ini, di mana kita nak menerangkan berkenaan domestik. Yang sebelum ni kita mungkin tak fokus sangat kepada domestik kita lebihkan international sebab kita ingat nak bawak habis ramai orang masuk ke dalam Negeri Kedah tapi sekarang ni dah 'international gate' pun masih tutup dan kita tak boleh fokus lebih kepada international. Jadi, Insya-Allah Yang Berhomat Kota Siputeh, kalau Yang Berhormat Kota Siputeh mempunyai ruang dan masa kita pi melawat Gua Kerbau...(YB. Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuala Ketil bangun.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Silakan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhomat Timbalan Speaker, Yang Berhormat Kuah, bercakap tentang pelancongan Baling tadi saya tertarik iaitu untuk merancakkan lagi pelancongan sama ada di Baling atau di daerah lain! Di Baling sendiri pun amnya Pejabat Daerah dan Majlis Daerah dah buat kerja terbaik untuk mengangkat sesuatu produk itu untuk diangkat sebagai produk pelancongan tetapi setuju ka YB. Kuah kalau saya nak mintak izin di sini penglibatan beberapa NGO persatuan-persatuan yang ada di kawasan setempat untuk kita angkat bersama untuk 'joint venture' bersama mereka dengan Bahagian Kerajaan Tempatan untuk memperkasakan lagi produk-produk pelancongan yang sedia ada.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sekali terus boleh jugak!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Silakan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat Speaker, cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuah berkenaan Road Map Kedah Tourism 2020 merupakan Blue Print 2020 sehingga 2035 yang mana disebutkan oleh Yang Berhormat Kuah sebentar tadi! Satu persoalan saya ialah Prakata yang kita buat pada zaman itu iaitu zaman Yang Amat Behormat Menteri Besar masa itu Yang Amat Berhormat Jitra dengan saya sebagai Exco katanya dibuang daripada Prakata hasil daripada blue print tersebut! Saya rasa dari segi moralnya tak kenalah mungkin Yang Berhormat Kuah tak tahu ka, bukan sebab Yang Berhormat Kuah! Mungkin saya tak tau apa sebabnya tapi saya dapat maklumat begitu! Jadi, saya nak 'clarify' benda tersebut daripada Yang Berhormat Kuah tapi Road Map Kedah Tourism 2020 sehingga 2035 yang mana kita telah meliputi keseluruhan daerah, semua zon di Negeri Kedah ini.

Jadi, ia melibatkan juga bukan sahaja kata peringkat international tetapi ia melibatkan peringkat domestic dan juga comunity base atau persatuan-persatuan dan saya rasa mungkin Yang Berhormat Kuah juga akan meneruskan program-program yang baik daripada pihak kerajaan sebelum ini. Saya rasa Yang Berhormat Kuah mungkin boleh maklum kepada pihak kami, kepada pihak saya sendiri untuk nak tau sama ada secara bertulis atau lisan.

Yang kedua, saya nak tanya tentang Sky Box di Alor Setar yang telah dirasmikan sebagaimana yang telah dibuat dengan kerjasama KL Tower masa itu. Sky Box Tower Alor Setar dan juga status of Eagle Nest di Langkawi semasa Tun porposed tersebut, saya nak tau status dia, Sky Box di Alor Setar Tower dan satu lagi Eagle Nest di Langkawi? Saya nak tau status dia. Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

YB. Kuah tambah sikit, ya saya setuju dengan pelancongan domestik amat penting. Saya sentuh tentang Sedim, memang Sedim tempat yang paling 'best' sekali! Untuk maklumat YB., tandas awam sampai kini tidak diperbaiki, ianya asas utama untuk pelancong tapi sampai sekarang tidak diperbaiki. Bila ianya akan diperbaiki? Sekian, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Ketil, Yang Berhormat Kubang Rotan dan Yang Berhormat Kulim. Bagi menjawab berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Kuala Ketil berkenaan dengan usahawan tadi antara NGO bersama-sama apa semua tu memang kita mengalu-alukan sebab kita nak bekerjasama dengan NGO bersama penduduk kawasan yang lebih arif berkenaan pelancongan di kawasan tu contohnya kita duduk di Langkawi tapi produk tu ada di Kuala Ketil. Saya pun tak tau nak masuk celah mana? Jadi, jika ada penglibatan daripada NGO, daripada penduduk kawasan tersebut Insya-Allah kita dapat mempermudahkan cara untuk kita memastikan di Baling, di kawasan-kawasan yang kita boleh bangunkan, kita boleh bangunkan secara terus kepada penduduk kampung.

Berkenaan dengan Yang Berhormat mantan Exco Pelancongan, Yang Berhormat Kubang Rotan iaitu Road Map Yang Berhormat sebutkan yang kata apa, yang kita buang daripada sekarang ni macam mana...

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Prakata yang lepas?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ohh.. saya tak pernah batalkan apa pun lagi! Saya pun orang pelancongan, Road Map! Tak pa nak jawab sat....(YB Kubang Rotan Mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Mungkin Yang Berhormat Kuah tak dapat apa yang saya maksudkan, Prakata ini halaman awal iaitu mana-mana kerajaan yang mana-mana buat Exco yang bertanggungjawab kita akan letak di hadapan sebagai Menteri Besar dan Exco yang terlibat begitu juga Dato Setiausaha Kerajaan Negeri ataupun Pengarah! Saya minta untuk semak.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bagi saya jawab sat! Saya tau maksud prakata itu makna kata halaman depan, kulit muka! Buka tu baru ada prakata, yang ada gambar Yang Berhomat tepi tu kan, Yang Berhormat senyum yang ada prakata tu kan! Jadi, bila sampai time bertukar Exco, saya pun ada prakata saya sendiri! Jadi, saya pun nak tulis juga prakata saya! Betul? Bukan Yang Berhormat saja yang boleh prakata, saya pun boleh prakata.

Tapi yang pentingnya bukan prakata Yang Berhormat, pentingnya adalah Road Map Yang Berhormat dan juga sebelum ni yang buat saya masih bawa lagi sampai ke Dewan, masih lagi kita ikut turuti apa saja yang ada dalam Road Map ini. Bukan senang nak bincang pasai Road Map ini, tahun 2020 sampai 2035 masih lagi saya gunakan tapi prakata itu tak buang lagi pun! Baru rancang kata nak tukar muka, adalah tukar perkataan sikit yang bersesuaian dengan keadaan sekarang ini. Road Map yang dibuat pada 2020 yang hingga 2035, masih lagi kita guna cuma ditambah baik dengan mengikut kesesuaian norma baharu dengan keadaan semasa dan juga ada pendekatan-pendekatan yang kita gunakan sekarang ini yang saya rasa boleh kita inject masuk ke dalam Road Map dan juga apa yang bersesuaian dengan Kerajaan Nergeri, kita ubah dalam Road Map ini bukan keseluruhan...(YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah ada 3 minit lagi!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Baik Yang Berhormat Timbalan Speaker, dan juga saya ingin respon kepada Yang Berhormat Kulim berkenaan dengan tandas. Semalam saya ada jumpa Yang Berhormat Kulim berkenaan nak buat gambar di tangki air tu kan! Saya kata tak apa lah lepas saya buat lawatan dekat Gua Air, saya akan pi ke Kulim pulak. Sebelum ini Yang Berhormat Kulim memperjuangkan Gunung Bintang tapi banyak kali Sidang Dewan dibangkitkan tentang Gunung Bintang, Insya-Allah saya akan sampai ke Gunung Bintang Yang Berhormat noh!

Untuk makluman Sidang Dewan, dibangkitkan juga isu daripada Yang Berhormat Adun Jitra berkenaan dengan usahawan yang sebentar tadi saya ada menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jitra dan saya akan hantar proses permohonan-permohonan dan kelayakan kepada Yang Berhormat Jitra secara jawapan bertulis supaya lebih 'detail' Yang Berhormat dapat nanti!

Seterusnya apa yang disentuh oleh YB. Kota Darul Aman berkenaan dengan pengangguran belia menurut Sistem Insuran Pekerjaan (SIP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ianya mengalami penurunan permintaan sebanyak 37% daripada perniagaan yang terjejas dan tidak dapat beroperasi seperti biasa hingga ke 42% dan trend ini hanya dijangka meningkat dari April 2020 dengan kehilangan pekerjaan meningkat 50% kepada 200% tahun ke tahun suku berikutnya pada tahun 2020 walau kadar pengangguran belia kekal stabil 8% - 11%. Bagaimanapun, dalam demografi usia paling muda mudah terdedah kepada pemberhentian pekerja, Kedah merekodkan jumlah kes 1,197 kehilangan pekerjaan bagi pelbagai sektor.... (YB. Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kuah masa dah banyak berjalan!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Dan juga saya... (YB Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya bagi masa 2 minit boleh noh!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Mintak 5 minit boleh Yang Behormat, 5 minit ja noh, dan juga Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa sentiasa memantau situasi dengan mengadakan pelbagai program libat urus dan juga bersama-sama persatuan, organisasi yang mewakili golongan belia khususnya yang terlibat dalam bidang keusahawan dan semua Yang Berhormat sebutkan dalam perbahasan yang telah saya jawab dari segi bantuan-bantuan kepada soalan YB. Jitra. Saya harap saya menjawab soalan Yang Berhomat bangkitkan dan juga yang berkenaan dengan peluang pekerjaan dari segi digital. Saya bersetuju di mana mantan Exco Usahawan dulu pun ada buat 'trend' dan pelbagai program dengan ridernya, dengan pandanya, macam-macam semua guna jenis binatang ni cuma kura saja tak dak lagi, dia tak guna nama kura lagi tapi Insya-Allah yang mana Yang Berhormat Bandar Baharu sebutkan, Pegawai PSU telah mengambil maklum dan akan kita kupas, kita tengok yang mana kita boleh buat dalam masa 2 bulan ini yang diubah portfolio, banyak benda-benda yang terpaksa disusun semula. Tapi apa yang ingin saya tegaskan berkenaan dengan usahawan di mana 'trend' UPUK sebelum ini, UPUK memberi pinjaman kepada ramai usahawan sebelum saya, sebelum Yang Berhormat Kubang Rotan dan juga sebelum-sebelum ini hampir banyak usahawan-usahawan gagal bayar balik pinjaman yang dibuat oleh UPUK tetapi pinjaman-pinjaman tersebut tetap kita kena mintak balik sebab itulah yang akan membantu usahawan-usahawan yang lain. Dengan pendekatan-pendekatan yang terbaru saya mintak UPUK lebih fokus kepada bukan sekadar memberi pinjaman tetapi 'guideline', 'guide' dia bawa ke mana dia nak pi, kalau dia kata nak pinjam RM3,000.00. nak beli mesin, dia kena beli mesin lepas beli mesin tu dia nak buat apa semua sampai ke tahap macam tu! Itulah tugas kerajaan. Di mana kalau kita tengok, saya berjumpa usahawan-usahawan, siapa yang tau berkenaan dengan UPUK, banyak yang tak tau apadia UPUK sampai ada yang kata tepuk pun ada dak, UPUK saya kata, dak tepuk, saya kata UPUK iaitu Unit Pembagunan Usahawan Negeri Kedah makna kata usahawan-usahawan dalam Kedah ini tak kenal sapa pak depa? Kalau dalam pelancongan kita ada 'Kedah Tourism' kalau usahawan depa tak tau yang UPUK tu adalah bapa kepada usahawan, yang menjaga usahawan. Ini yang kita memperkasakan GLC-GLC di mana UPUK menerima peruntukan daripada Kerajaan Negeri, memberi pinjaman kepada usahawan tapi tak boleh digunakan....(YB. Timbalan Speaker Mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhomat Kuah, 1 minit lagi Yang Berhormat!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Nak 'landing' dah, jadi kita ...(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Bagi jawapan bertulis pun tak apa!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Jadi, kita memperkasakan UPUK di mana kita nak tau fungsi UPUK kepada usahawan-usahawan ini dengan lebih jelas bukan sekadar memberi pinjaman dan biarkan usahawan macam tu saja. Kita buat sekarang ini, kita bagi pinjaman tapi kita fokus, kita ikut dan kita 'guide' sampai ke tahap kalau dia gagal membayar balik pinjaman yang RM150 atau pun RM125 pinjaman tu kita tanya dia gagal bayar pinjaman sebab apa? Kalau kurang kursus kita boleh hantar kepada Kolej Komuniti, kalau kurang dari segi pendekatan, dari segi digital nak Shoppee, Lazada dan sebagainya kita ada platform-platform tersebut cuma kita mintak supaya usahawan-usahawan ini janganlah jauhkan diri daripada Kerajaan Negeri, sentiasa bersama-sama dengan Kerajaan Negeri kerana kita boleh membantu usahawan dan menaikkan ekonomi untuk usahawan-usahawan kecil terutamanya usahawan di Negeri Kedah dan dari segi pelancongan pulak..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kuah sila habiskan ucapan.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Dari segi pelancongan juga saya ingin menyatakan bahawa memang sektor pelancongan amat terkesan kerana sektor plancongan memerlukan banyak masa untuk bangun semula di mana kita mempunyai 6 juta pelancong yang masuk tahun lepas.

Kalau kita tengok di Langkawi sebanyak 3.7 juta pelancong yang masuk. Jadi, sekarang ni dah covid semua dah turun 0% cuma sekarang kita dah ubah sistem untuk kita lebih fokus kepada domestik kita menarik lebih ramai pelancong-pelancong dalaman negara kita untuk melancong di Negeri Kedah dengan apa kelebihan Negeri Kedah ada adalah naturenya di Negeri Kedah Insya-Allah kita akan buat yang terbaik untuk semua! Sekian, saya ingin berterima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dalam menyentuh portfolio saya Insya-Allah yang mana memerlukan jawapan bertulis boleh bagitau boleh hantar surat dan saya berterima kasih. Sekian.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ni saya tanya sikit untuk bertulis 'next meeting' nanti boleh kita dapat soalan! 1 minit ja!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ya 1 minit sahaja!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Saya mintak status Kedah Digital Library untuk nak tau Kedah Digital Library yang kedua adalah Kedah Food Valley yang kita buat status terkini dan tadi jawapan yang tidak diberikan iaitu Eagle Nest di Langkawi dengan Sky Box di Alor Setar saya nantikan bagi jawapan bertulis pun takpa no problem, terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Saya nak jawab tapi masa tidak mencukupi yang mana tak sempat cakap kita akan hantar...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kuah boleh lampirkan jawapan dalam bertulis!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Ya..saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Oleh itu, saya berterima kasih kepada semua dan Insya-Allah kita akan buat yang terbaik untuk rakyat Kedah dan kerajaan memerintah sekarang ini. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kuah, saya puji sikap keterbukaan Exco-Exco dalam menyantuni dan melayani soalan-soalan dan cadangan yang dikemukakan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Jadi, saya rasa budaya ni merupakan satu kelebihan kepada kita dan juga saya nak menarik perhatian penglibatan daripada NGO dan orang-orang perseorangan dalam memberi cadangan dan juga penambahbaikan kepada semua Exco-Exco. Jadi, saya harap budaya ini dapat kita pratikkan secara lebih meluas dan menyeluruh semua. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Pinang.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, Washolatu Wassalamu 'Ala Rasulillah Waman Tabi'ahum Bi'ihsan Ila'yaumiddin. Robbishrohli Sodri Wa'yassirli Amri. Wahlul' Uqdatan Min Lisaani Yaf Qouhu Qouli. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ketua-Ketua Jabatan, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama sekali saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dengan mengemukakan soalan lisan dan bertulis. Penghargaan ini juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan saranan bernas yang dijadikan penambah baik, penambah nilai bagi dasar-dasar Kerajaan Negeri, jangka masa panjang terutamanya yang melibatkan sektor-sektor Penerangan, Komunikasi dan Multimedia dan Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana 3 Adun yang menyentuh portfolio saya iaitu YB. Bandar Baharu, YB. Tanjung Dawai dan juga YB. Kuala Ketil serta yang lain itu menyentuh secara tak langsunglah. Dalam sektor komunikasi suasana Covid-19 ini, mengambil laluan membuka laluan transformasi digital dalam pelbagai bidang khususnya sektor perniagaan dan juga pendidikan. Dalam hal ini disebabkan penutupan ruang fizikal, pergerakan terhad dan gangguan bekalan pada permulaan pandemik ini, pelajar dan mahasiswa perlu meneruskan pembelajaran di ruang persekolahan ataupun kampus sebelum tempoh perintah kawalan PKPP bermula.

Di samping itu, kesalingan hubungan digital yang baik dan menyentuh turut memudahkan rakyat melakukan aktiviti harian, menarik peluang pelaburan dan menggerakkan ekonomi Negeri Kedah. Sehubungan itu, penyelesaian digital ataupun 'digital solution' menjadi keperluan pada masa kini. Pemantapan infra komunikasi dan platform digital perlu dilaksanakan segera bagi memangkinkan penubuhan ekonomi demi masyarakat dan negara. Infrastrukrur digital khususnya di Negeri Kedah ini perlu ditambah baik dari segi liputan, kualiti dan tahap kemampuan. Pertama iaitu 10 menara akan dibina sehingga akhir tahun ini Insya-Allah tahun 2021-2024 setelah mana saya berjumpa Pengurusi SKMM, beliau telah memberi komitmen Insya-Allah, 21 menara akan diadakan pada tahun depan. Kita juga lihat alat pemancar yang baru ini, kita ubah dari 'copper' kepada 'fiber' dan mengikut spec dia yang menyebabkan komunikasi negeri di antara penyambungan antara menara ke menara tidak melalui fiber optic.

Mengikut spec dia 700 meter ianya mestilah menyambung menara ke menara supaya melalui fiber optic barulah ada connection menara ke menara. Kalau tidak ada penyambungan menara ke menara mungkin di setengah menara tidak akan dapat sambung line yang baik. Itu menunjukkan mesti dilaksanakan oleh Telco-Telco yang ada di Negeri Kedah. Tidak asing lagi dengan semua lapisan masyarakat di mana kebanyakan aktiviti yang urus niaga kini didokong oleh sektor-sektor awam dan swasta serta rakyat untuk menghasilkan dan teknologi perkhidmatan digital yang berkaitan dengan fungsi sosial ekonomi untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti dan kualiti hidup.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri berusaha untuk merancang dan melaksanakan inisiatif berkaitan ekonomi digital bagi melancarkan ekonomi negeri dan negara. Di antara usaha-usaha inisiatif ini yang diambil melalui Malaysia Digital Economy iaitu Coporation MDEC. e-Rezeki menjana pendapatan melalui tugasan atas talian seperti data entry. Pembangunan laman web iaitu GRP, HIC Design dan sebagainya, itu laman web yang disediakan oleh MDEC. Bagi platform usahawan online dengan 'tool' nya untuk memajukan business online, Global Line Work Cost, Eberkat. Inisiatif membantu rakyat Malaysia mendapatkan ilmu pengetahuan dan perkhidmatan kewangan digital khususnya kepada komuniti B40 dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) Mikro menyediakan sebanyak 3,810 kursus atas talian dalam bidang digital dan kemahiran data bagi golongan yang diberhentikan kerja atau menganggur akibat Pandemic Covid-19 sehingga 31 Disember 2020. Kedah Digital ataupun KDC mula beroperasi iaitu pada Februari 2015 dan dirasmikan pada 2 Ogos 2015 di UTC Kedah, juga beroperasi di Kulim Hi-Tech, Business Center di bawah KTPC, fungsi dan peranan menyelaraskan aktiviti ICT terutamanya dalam latihan ICT, menyediakan kepelbagaian latihan digital yang terkini yang percuma dan berbayar, menjalinkan kerjasama dalam bidang, program latihan digital dengan agensi-agensi latihan yang lain, menyediakan pusat latihan dengan kemudahan peralatan digital terkini iaitu UTC Kedah ada 21 desktop. Kumpulan sasaran tahun 2019, pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, yang ke-2 guru di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, yang ke-3 kerajaan dan swasta, yang ke-4 orang awam dan yang ke-5 industri. Pada tahun 2020 sasaran kita usahawan, industri, pelajar, komuniti, dan NGO pada tahun...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhomat Bukit Pinang, saya mintak bedak masa bagi elok dengan portfolio lain takut nanti masa tak cukup.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ok, Yang Berhormat Tuan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada celahan, Yang Berhormat?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ada celahan sikit YB. Bukit Pinang, boleh?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ya sila, jangan celah banyak sangat, celah sikit saja!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Amboi tang dia dulu boleh pulak. Baik Yang Berhormat Bukit Pinang dan Yang Berhormat Speaker, soalan saya ialah bila melihat kesungguhan Yang Berhormat Bukit Pinang berkenaan dengan usahawan digital dan sebagainya mungkin tadi saya ada sebut kepada Yang Berhormat Kuah, Kedah Digital Library yang telah diusahakan dahulu kita masukkan elemen BRC (Business Reference Center) kat Kedah Digital Library sebagai platform usahawan-usahawan muda dan yang keduanya ialah kita masukkan VR (Virtual Reality) di Kedah Digital Library untuk anak-anak sekolah kita tau tentang pelancongan di Negeri Kedah kepada mereka yang tidak mampu dan untuk anak-anak sekolah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Pinang sebentar tadi dengan isu pendidikan tentang dalam digital. Saya minta tolong supaya Yang Berhormat Bukit Pinang untuk meneruskan program-program dekat Kedah Digital Library dan kalau boleh mewawarkan kepada masyarakat Negeri Kedah secara amnya, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Ok, saya bagi peluang tapi saya mintak perhatian Yang Berhormat Speaker tambah masa pada saya! (YB. Bandar Baharu minta laluan)

YB. DATO' NORSABRINA BT MOHD NOOR

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang, saya juga ingin mencadangkan dulunya berkenaan dengan Kedah Digital Library ni saya pun tak faham kenapa dia letakkan di bawah portfolio pelancongan dahulu, kita bukan nak pi melancong di Digital Library ni. Sebenarnya Digital Library ini kita sama-sama mendapat maklumat berkenaan Digital Interactive, ICT, Technology dan sebagainya.

Sekiranya kalau YB. Bukit Pinang bersetuju Kedah Digital Library ni dijadikan satu tools berkenaan dengan Digital Economy, Digital Kedah, Digitial Langkawi bagi Digital Library ni di bawah Portfolio Komunikasi dan Multimedia kerana banyak 'creative content 'yang kita boleh tonjolkan berkenaan Kedah waima dalam sejarah dan sebagainya untuk kita bersama-sama menaikkan science technology, engineering and mathematics dalam minat anak-anak kita dan orang-orang Kedah. Saya juga ingin mohon bahawa Digital Library ni 'connect' kan atau disambungkan dalam makmal infrastruktur digital negara sebagai satu pusat untuk kita dapatkan naik taraf semua infrastruktur ICT bagi seluruh Negeri Kedah dan meningkatkan capaian jalur lebar ke seluruh Negeri Kedah, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih Yang Berhormat, YB. Kubang Rotan dan YB. Bandar Baharu.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada celahan lagi Yang Berhormat?

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Boleh. Silakan YB. Kota Siputeh! YB. Kota Siputeh punya pasal tak apa.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Terima Kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang, saya nak mohon bantuan daripada YB. Bukit Pinang untuk tolong war-warkan satu portal yang telah saya buat semasa saya menjadi Exco Pendidikan dulu iaitu portal TVET@Kedah mintak tolong

war-warkan supaya pelajar-pelajar kita dapat masej ni untuk memudahkan mereka untuk memasuki mana-mana institusi TVET di Kedah sebab dalam tu diceritakan secara 'complete' dan mereka boleh mendaftar terus di Institusi TVET yang mana mereka nak masuk dan kursus mana yang mereka minati. Ini untuk membantu pelajar-pelajar kita untuk mempelajari bidang-bidang kemahiran bagi memenuhi pasaran industri di Negeri Kedah ini. Terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Kepada YB. Kota Siputeh, dia bunga sekuntum sahaja belah sana!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang ada lagi celahan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ada lagi celahan! Dalam Parlimen Pokok Sena tak pa saya bagi!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih Tuan Speaker, saya nampak kesunguhan YB. Bukit Pinang dari dulu sampai sekarang pasai ICT ni tapi saya nampak satu isu yang kita jarang sentuh mengenai infrastruktur, antena-antena yang nak dibina. Jadi, apa dasar kerajaan terhadap pembinaan antena-antena yang ada sekarang tak cukup tu yang menyebabkan kekurangan selular disambungkan.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Mintak maaf Yang Berhormat saya tak berapa 'clear' soalan.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tuan Speaker, YB. Bukit Pinang, pembinaan infrastruktur antena-antena setiap kawasan ni saya difahamkan Telco banyak cadangan untuk membina ok. Jadi, sebelum ni saya ingat di PBT ada bincang dengan Telco mengenai CPIM macam tu.

Jadi, untuk maklumat Bukit Pinang mungkin boleh untuk teruskan atau pastikan sebab pembinaan antena tak cukup tu tak guna kalau kita cakap semua web macam tu dia tak sampai jugak dia kat highway 4G jadi 0G tu sajalah yang nak ditanya.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih kepada YB. Derga, saya mintak Insya-Allah saya ambik perhatian semua yang bangkit empat-empat! Yang pentingnya sekarang ini saya berasa bertanggungjawab di atas portfolio yang diamanahkan kepada saya Insya-Allah, kita cuba upgradekan di Kedah ini. Kalau boleh kita ke 4G semua sebab itulah saya lihat walaupun ada menara tapi 2G tak sampai ke 3G, 3G tak sampai ke 4G sebab itu salah satunya kekangan-kekangan yang ada yang saya sebut tadi, menara ini mestilah disambung ke menara-menara spec dia 700 meter mestilah fiber kalau tak sambung fiber dulu copper, kalau fiber connection antara menara jadi menyebabkan talian 'hanging'. Salah satunya kadang-kadang menara itu elok tapi telefon kita masih sekupang yang henfon 3310 dia tak boleh dapat, cuma boleh keluar whatsapp masuk whatsapp tapi dari segi digital tak boleh! Dari segi mesej sahaja, handphone seperti itu kena tukar lain sebab zaman teknologi sekarang ni sekurang-kurangnya Huawei ataupun Iphone, saya pun tak pakai Iphone, saya pakai Samsung ja. OK, saya ambik perhatian semua...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Bukit Pinang penerangan tak dak lagi ni!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Insya-Allah saya masuk ke situ , saya nak sebut kat sini pusat internet di Kedah ni walaupun dulu nak dimansuhkan tapi apabila saya turun ke lokasi, sebenarnya zaman sekarang amat penting oleh kerana bila saya turun ada 2 peringkat yang pertama iaitu Gred A-20 laptop Gred B-10 laptop. Dalam group 10 laptop ni dia banyakkan group A dia ada 10 laptop untuk latihan dan 10 laptop untuk kursus sama ada kita nak buat program dan sebagainya. Ia amat penting dan satunya boleh menolong usahawan-usahawan di kampung-kampung atau makcik-makcik yang saya sebut tadi umur 65 tahun tapi pasaran tahu sahaja pendapatan dia RM4,000 hingga ke RM6,000 ini amat penting.

Dari segi itulah infra, komunikasi ICT, makmal Insya-Allah akan kita buat! Seterusnya kita pastikan seperti mana saya bertemu dengan menteri, menteri pun komitmen kita nak selepas ini Kulim Hi-Tech akan jadi 5G dengan syarat 5G mestilah fiber optic, 100%! Kalau dia tak fiber optic memang 5G tak boleh dapat.

Yang seterusnya saya rasa terpanggil juga, oleh kerana kita melihat liputan walaupun di sebut apabila kita panggil telco-telco dia sebut 3G-97.6% 4G-89% tapi yang sebenarnya dari segi geografi Negeri Kedah ni kadang-kadang bukit antara bukit memang tak dapat, sebut di situ sahaja kadang-kdang masalah dari segi businessnya.

Contohnya, baru-baru ni disebut oleh Setiausaha Akhbar Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Mahang, saya turun sana nak pastikan yang Setiausaha Akhbar Menteri Besar balik ke rumah mak dia, sebab rumah mak dia di Mahang. Bila dia balik sana dia bimbang takut Yang Amat Berhormat 'contact' tak dapat, bila saya turun dengan pengerusi SKMM, pastikan di situ ada Maxis, Celcom pun ada tapi bila kita test Maxis dapat bagus tapi Celcom sedangkan Celcom di Kedah ni tempat main power dia core businessnya Kedah dan Perak tapi kenapa dan malangnya di Kedah sendiri masih 2G sebab itu saya minta supaya Celcom pastikan kena upgrade dari 2G ke 4G, tahun ini juga, Insya-Allah ikut perjanjian CEO Celcom akan turun bertemu dengan kita dari 2G ke 4G dijanjikan oleh mereka Insya-Allah!

Yang lain, saya rasa terpanggil juga walaupun tak disentuh, saya ambik masa sedikit walaupun tak disentuh oleh Portfolio Penerangan, saya rasa terpanggilahlah untuk menjelaskan isu-isu sempena dengan kemerdekaan, 63 tahun kita Merdeka! Sebenarnya sebab negara kita dijajah oleh 5 pejajah sejak tahun 1511, Portugis menjajah kita lebih kurang 130 tahun dan Belanda menjajah kita 1641 hingga 1824. 183 tahun! Selepas itu, British, Jepun, Komunis merintah 14 hari dan selepas itu British. Pada tahun 1904, semasa British memerintah penjajah lebih 446 tahun, ribuan rakyat Malaysia telah dibunuh termasuklah Tok Janggut dipenggal kepala di Kelantan, Mat Kilau banyak ribuan ulamak telah mati, lepas itu kita sebagai seorang rakyat Malaysia kena sedar benda ini sebab kita lihat generasi sekarang ini seolah-olah dia tidak sedar bahawasanya nak capai kemerdekaan, walaupun tak tumpah darah tak perang tapi kita kena ingat datuk nenek kita telah dijajah oleh komunis selama 14 hari dipaksa naik pokok nyior disula pedang di bawah, kena sedar benda-benda ini. Sebab itulah pada tahun 1948 negara kita Malayan Union, semua rakyat bangun menentang penjajah supaya halau penjajah keluar dari negara kita.

Pada tahun 1957, negara kita mencapai kemerdekaan, rakyat India yang dibawa oleh penjajah untuk menjaga ladang, rakyat Cina dibawa oleh penjajah dikekal di sini untuk biji timah. Ketika itu hubungan kaum kita harmoni, tidak ada krisis antara rakyat Melayu, Cina, India, Siam dan sebagainya, tidak ada perkauman kaum! Perkauman tidak akan berlaku ketika itu tetapi malangnya selepas kemerdekaan, sekarang kita telah mencapai kemerdekaan 63 tahun selepas PRU ke-14 timbullah kerisauan rakyat.

Yang pertama, pada tahun 1918 bangkit semua rakyat bangun menentang ICERD, kita kena ingat pada tahun 1918 semua rakyat bangun tak kira parti menentang ICERD. Yang kedua, Statut Room, kita kena ingat! Yang ketiga iaitu di mana-mana parti, satu 'convention' memastikan pilihan raya PBT akan diadakan pada masa akan datang. Yang keempat, fitnah yang dibuat bekas Menteri Jabatan Perdana Menteri pi luar negara mengatakan Malaysia ini meroboh, memaksa semua kuil-kuil dalam negara kita..(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Bukit Pinang, saya cadangkan kalau boleh perbanyakkan program-program di sudut penerangan tu.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ini penerangan! Yang Berhormat Speaker, ini penerangan yang kita kena bagi kesedaran kepada rakyat sekarang ini, dan yang seterusnya saya merasa kesal sekali apabila kita menang kita mengatakan seolah-olah Melayu ni sebagai pendatang...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Masa sebenar dah habis dah Yang Berhormat Bukit Pinang, cuma saya sebutkan tadi perbanyakkan program-program bercorak patriotik untuk membangkitkan kesedaran itu... (YB. Kota Darulaman mencelah)

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tuan Speaker saya nak tanya tentang untuk ....

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Saya tak bagi! Ini 'flow' saya oleh kerana Yang Berhormat, ok saya bagi!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Darul Aman saya minta supaya dapat keizinan saya dulu sebab kita nak bajet masa, silakan dengan soalan!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Speaker saya nak bangkitkan tentang bendera merdeka untuk bulan kemerdekaan ini sebab yang kita tau dulu masa kerajaan kita diberi bendera, diberikan kepada rakyat supaya semua rakyat terlibat dalam mengibarkan Jalur Gemilang. Jadi, saya nak tanya sama ada Exco Penerangan akan sediakan bendera kepada Adun yang belah sini, terima kasih.

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Terima kasih YB. Kota Darul Aman, amat simpati kepada kemerdekaan, Alhamdulilah! Saya ucap syabas! Insya-Allah, kita cuba dapat walaupun tak banyak, dapat seorang sedikit seorang 50 saja sebab cara covid! Kita kibar cara covid sahaja dan yang seterusnya iaitu timbul sentimen.... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang dah boleh 'landing' dah!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Seterusnya saya rasa kesal sebelum ini Israil tidak ada hubungan dengan negara kita tapi dibawa perenang Israil ke Sarawak. Seterusnya yang saya rasa kesal sekali, seolah-olah bila kita capai kemenangan kita sebut Melayu ini sebagai pendatang, kita semua terasa.....(YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Tuan Speaker, saya rasa Exco menggulung hanya menjawab soalan yang dibangkit oleh Adun-Adun bila perbahasan, bukannya 'flow' Exco suruh buat perbahasan pergi sini, pergi sana! Kalau ada Adun berbahas tentang topik itu, kamu menggulung dan menjawab topik itu sahaja. Bukan 'flow' untuk ceramah. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya harap YB. Bukit Pinang boleh habiskan!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Ok! Ok! Saya habiskan! Sebab saya timbul benda ini disebutkan yang dikatakan pengkhianatan. Saya nak sentuh sebab saya Penerangan, saya kena sebut maksudnya kita oleh kerana rakyat membangun sebab kerana marah, sebab perkhianatan ini oleh kerana kita janji, bila kita menang kita hapus PTPTN nak hapus TOL, ini satu pengkhianatan!

YB. TUAN TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Pinang boleh buat rumusan dah! 1 minit!

YB. ENCIK ROMANI BIN WAN SALIM

Sebab itulah saya mintak sungguh-sungguh supaya kita kena sedar bahawasanya oleh sebab sentimen-sentimen yang tidak harmoni itulah menyebabkan tidak harmoni! Saya sebagai Portfolio Penerangan, saya kena jelaskan kepada rakyat pada harini supaya sedar rakyat pada harini tengok keadaan, kita merasa tenang sedangkan tok nenek kita dulu amat sukar tapi sekarang ini, kita dah kerja dah senang, masuk fitnah sana, masuk whatsapp sana! Saya minta perhatian lah semua rakyat negara kita supaya memastikan benda-benda yang tak jelas janganlah diwhatsappkan, difacebookkan agar tidak timbul perkauman 'racist' antara satu sama lain. Itulah harapan saya sebagai Portfolio Penerangan, saya kena jelaskan benda ini janganlah sebut pengkhianat tuan-tuan! Ini adalah satu-satu pengkhianatan terhadap negara kita. Sekian, terima kasih.

Dengan ini saya sekali lagi mengambil peluang dan kesempatan untuk menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Semoga Allah S.W.T mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan juga kepada Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Pinang, sebelum tu saya nak puji Yang Berhormat bukan kerajaan kerana banyak mengutarakan banyak cadangan dan syor yang baik untuk manfaat kita bersama untuk kita laksanakan dan saya juga nak puji sebelah ini, wakil rakyat di pihak kerajaan yang mempunyai tahap persediaan dan juga prihatin dengan syor-syor dan cadangan yang dikemukakan. Terima kasih, ini budaya yang kita nak pratikkan dalam perjalanan perbahasan dan perbincangan Dewan. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kupang.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Pegawai Kerajaan dan hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

Izinkan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang turut membahas Titah Ucapan Tuanku serta menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan portfolio di bawah seliaan saya. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada semua frontliner (dengan izin) yang bertugas dalam menjaga negeri dan negara kita. Tidak dilupakan kepada semua guru-guru, imam-imam, pegawai-pegawai agama daerah serta semua kakitangan sama ada di Jabatan Pendidikan, Jabatan Agama serta Sumber Manusia di atas keprihatinan dan juga usaha yang gigih bagi menentukan perjalanan pengawalan Covid-19 yang begitu mencabar pada kita, pada masa sekarang ini.

Semalam kita telah perhatikan dan daripada pemerhatian kita bahawa ada perbahasan yang dibangkitkan oleh pembahas-pembahas semalam menampakkan sesuatu keinginan mencari sesuatu yang tidak begitu jelas sama ada mencari kebenaran atau pun mencari kepuasan, ataupun sekadar melepaskan emosi. Namun, apa pun yang dicari, yang kita harapkan ialah ianya berlalu dengan semangat syura bagi menepati seruan Allah Wa'amruhum Syura Bai'nahum. Inilah roh yang perlu ada pada kita yang diberi mandat oleh rakyat berada di Dewan ini mengemukakan hujah-hujah dan memberikan pandangan bagi membina Kedah Sejahtera.

YB. Tuan Speaker, sebenarnya untuk apakah kita pertikaikan, untuk apakah kita kesalkan apa yang berlaku? Apa yang berlaku adalah dalam ruang lingkup sistem yang kita sendiri menghayatinya. Logiknya, bila suatu pihak hilang majoriti dalam Dewan ini, maka jatuhlah kerajaan itu dan oleh kerana tempoh pemulangan kuasa kepada rakyat belum sampai, maka menjadi tanggungjawab kepada perlembagaan malah tanggungjawab syari'e kepada orang-orang yang menduduki kerusi dalam Dewan ketika itulah yang berhak memulihkan keadaan dan menentukan hala tujunya. PN (Perikatan Nasional) terbentuk melalui situasi itu. Di Kedah, kerajaan terbentuk dalam situasi sedemikian. Negara dan negeri tidak boleh dibiar kosong tanpa kerajaan. Masalah rakyat perlu ditangani, urusan negara perlu berjalan dan pengajaran dan pelajaran perlu diurus secara teratur bagi menjamin kepentingan murid-murid.

YB. Tuan Speaker, oleh itu apakah perlu mewujudkan atau mengadakan pindaan kepada undang-undang untuk menghalang lompat. Saya rasa kita belum sampai ke situ kerana lompat itu bukanlah amalan asas kepada demokrasi itu sendiri. Tetapi berlaku di pinggiran atas sebab kelemahan mengurus demokrasi itu oleh pengamal-pengamal yang menyertainya. Ianya berlaku dalam situasi tertentu barangkali untuk memenuhi keperluan semasa. Umpamanya untuk mengelakkan daripada berlakunya mudarat yang lebih besar kepada negara atau pun agama. Maka di situ timbullah kaedah "Akhaffu Adhararain" kita pilih mana yang kurang kemudaratannya. Itulah hakikatnya, ia macam dengan talak dalam perkahwinan, talak ni tuhan tak suka. "Abghadhu Al-halal Ilallahi Attalaq", maknanya sesuatu perkara yang halal, yang Allah tak suka ialah talak.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Kupang, ada celahan.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Tetapi....

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kota Siputeh.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Akan tetapi.... Ya, silakan.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih. Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Kupang. Saya nak tanya tentang pentingnya pendidikan sebab YB. Kupang dalam bidang pendidikan kan? Kita tahu bahawa pendidikan sebenarnya membentuk individu seseorang itu.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Sila ulang. Tidak jelas.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Jadi, pendidikan ini sebenarnya dia besar kan daripada tadika sehinggalah sekolah rendah, sekolah menengah dan IPT. Jadi, pentingnya pendidikan ini untuk membentuk individu seseorang itu dan juga untuk membangunkan sehinggalah untuk menjadi pemimpin untuk membangun sebuah negara.

Contohnya, negeri Kedah inilah. Jadi, pendidikan kita kena ambil berat bagaimana untuk melahirkan belia-belia kita ini. Jadi, tentulah pendidikan bermula daripada kanak-kanak sehinggalah mereka dewasa. Jadi, kepentingan dari sudut pembentukan jati diri pelajar tersebut, nilai-nilai murni, adab-adab yang baik, akhlak yang mulia. Jadi, perlu dilihat pendidikan ini daripada sekolah kerajaan, swasta, pondok, semua lah, melibatkan semua dan sekiranya belia kita ini menjadi pemimpin.

Pemimpin bagaimana yang kita hendak lahirkan untuk membentukkan sebuah negara? Jika dia, dia menjadi seorang ADUN, adakah dia ADUN yang tidak berprinsip, tidak bermaruah, tidak ada integriti, dia boleh lompat-lompat ikut suka hati sehingga menjatuhkan sebuah kerajaan yang sedang, apa, yang dulu tengah orang kata apa nak meneruskan segala perancangan tetapi gagal di tengah jalan. Jadi, apa pandangan dari YB. Kupang?

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya tidak menyebut bahawa saya suka kepada lompat ini.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Lada di belakang.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tambah sikit ja YB.?

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, silakan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker dan Yang Berhormat Kupang. Saya lihat dalam perbahasan baru-baru ini, apa pandangan Yang Berhormat Kupang berkenaan dengan dua tajuk besar yang saya lihat iaitu khianat dan mandat rakyat. Ada dua yang diperbincangkan. Jadi, saya cuma nak tanya apa padangan Yang Berhormat Dato' iaitu sekiranya kita ada seorang anak perempuan dan ada dua orang yang datang nak meminang anak kita. Kemudian, yang seorang ini mai dengan kereta yang hebat, bawa kereta yang sangat hebat. Tetapi kita tau itu kereta sewa saja. Yang satu lagi mai dengan kereta dia sendiri. Anak kita ni berkenan sungguh dengan hat kereta hebat ni, sebab semua nampak hebat, nampak cantik. Tapi kita tau dah hat yang mai dengan kereta yang hebat ni, sebenarnya dia ada kita nampak duk bercakap daripada awal lagi. Tapi, anak kita nak kawin juga. Akhirnya, anak kita dapat berkawin dengan orang yang kaya tadi ini.

Yang pada padangan dia, tiba-tiba bila dah kawin baru tau rupanya tak betul pun hat dia janji sebelum ni. Jadi, siapa yang khianat? Kalaulah anak yang tadi ni nak minta cerai, adakah anak ini khianat atau pun suami yang hat mai dengan kereta hebat ni tipu daripada awal lagi. Apa pandangan Dato'?

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, terima kasih. Sebenarnya, saya nak respon kepada YB. Kota Siputeh tadi. Sebelum saya respon kepada YB. Bukit Lada ya. Sebenarnya saya tidak menyebut bahawa saya suka perkara lompat. Tapi, maknanya pindaan, pindaan kepada perlembagaan ataupun kepada Undang-Undang Tubuh Negeri belum sampai ke situ kerana di sana ada ruang. Lompat itu bukan satu teras kepada demokrasi tetapi apa nama ni, kalau berlaku tidak sampai kepada kita hendak menyekat kerana itu adalah suatu yang berlaku di pinggiran sahaja. Barangkali, sebab-sebab berlakunya di atas sebab kelemahan mengurus demokrasi itu sendiri, oleh pengamal-pengamal demokrasi yang menyertainya. Ianya berlaku dalam situasi tertentu sahaja. Bahkan, kadang-kadang lompat itu perlu terutamanya bagi menjamin suatu keadaan yang lebih mudarat, besar, dengan adanya lompat itu tidak berlaku mudarat yang besar.

Jadi, keluasan itu masih ada. Tapi, faham ya, saya bukan suka kepada lompat melompat ini. Jadi, hakikatnya itulah disyariatkan talak tadi. Kerana talak tadi, Allah Ta'ala tidak suka kita talak ini. Tak boleh. Makna, "Abghadhu Al-halal Ilallahi Attalaq", amalan yang halal tapi Allah Ta'ala tak suka. Tapi mengapa disyariatkan ialah menyelesaikan masalah kekusutan yang tak boleh dirungkai maka adalah ruang-ruang yang sebegitu.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Minta laluan Yang Berhormat Speaker.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Jadi, dalam perbahasan semalam kita sering mendengar perkataan amanah dan perkataan khianat.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Yang Berhormat, minta laluan sikit.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Yang ditafsirkan sebegitu rupa yang ditujukan kepada sasarannya. Sebenarnya mereka lakukan lompatan sebagai keputusan politik. Kalau saya nak katakan ijtihad politik tu nanti orang kata, apa nama ni agak keterlaluan. Saya sebut dan sebagai keputusan politik hasil daripada kecamukan yang berlaku di dalam parti mereka. Parti mereka berkecamuk.

Jadi, mereka buat sesuatu keputusan politik untuk menentukan keadaan-keadaan, menyelamatkan keadaan. Bukan takat mereka, rakyat pun cemuih melihat gelagat pemimpin yang menjadikan jawatan PM itu sebagai agenda besar. Timbul bincang mengenai siapa nak jadi PM. Kemudian, ganti orang ini, kawan ini tidak setuju, sampai apa nama ni, menghayun rakyat. Memikirkan keadaan ini, agenda negara terbengkalai! Soal kemiskinan masih lagi menjadi perkara yang besar, soal ekonomi, pendidikan masih lagi menjadi masalah besar tapi yang ditumpukan hanya untuk kepentingan beberapa orang sahaja dan heret rakyat untuk bersama. Jadi, keadaan ini barangkali menyebabkan rakyat menjadi cemuih melihat gelagat-gelagat ini dan tidak ada penghujungnya. Maka, penyudahnya sampai hilang kuasa. Jadi, belajarlah dari situ. Ambillah iktibar dari kejatuhan yang dialami itu. Faktabiru'ya'ulil' albab, ambillah iktibar, itu soalnya.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker, minta pencelahan sikit. Pencelahan YB.Kupang. YB. Kulim dulu ka saya dulu?

YB. TUAN SPEAKER

Kulim!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat Kupang, demi keharmonian, demi perpaduan kaum, kejahteraan, keamanan dan kemuafakatan implikasi warganya. Setujukah kerajaan kita memperkukuhkan pendidikan prinsip rukun negara supaya Ahli Parlimen, ADUN serta pemimpin parti politik perlu mengamalkan prinsip khas berkaitan rukun negara agar kita dapat menjadi contoh yang terbaik dalam konteks masyarakat. Setuju tak kerajaan kita? Terima kasih.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Timbalan Speaker!

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Sebentar! Sebentar YB. Pengkalan Kundor, kerana asas kita ialah meletakkan dia punya asas pembinaan negara. Mereka ada rukun negara. Sebab itu daripada rukun negara inilah, semua warganegara Malaysia tak kira India, Cina, Melayu, Kadazan mengamalkan rukun negara ini kerana itulah falsafah hidup negara kita. Jadi, kalau kita cuba keluar daripada falsafah itulah yang menyebabkan kita menjadi porak-peranda. Soalnya, kalau dulu kita lihat generasi Tan Shu Shin, generasi Vitti Sarubatan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker. Pencelahan.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Satu generasi yang memahami falsafah kemerdekaan. Maka, keadaan itu berjalan dengan baik. Tapi selepas itu, tercalar oleh kerana generasi sekarang tidak memahami apa itu falsafah negara. Ini menyebabkan keadaan itu berlaku. YB. Tuan Speaker,.....
(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Kupang, pencelahan.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, silakan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, YB. Kupang memegang portfolio agama dan juga pendidikan. Jadi, saya boleh nampak dalam masa yang sangat suntuk ini, dia tidak menggunakan masa ini dengan mengupas isu-isu di bawah portfolio dia. Malah, dia merewang merata. Baik, itu yang pertama.

Yang kedua, sistem kita, sistem kita telah secara konvensyennya, secara amalannya, secara fahamnya, rakyat faham bahawa mandat setiap pilihan raya itu sekitar lima tahun. Jadi, kalau satu-satu kerajaan tak elok, tak apa sekalipun, mandat dia lima tahun itu, bukan kacau, rampas di tengah jalan. Jadi, itulah yang saya katakan mengkhianati mandat rakyat. Mandat rakyat semua tahu lima tahun. Kalau katakan satu-satu kerajaan tak elok maka selepas lima tahun itulah tukar. Kerana itu sistem, sekarang ini mencemari sistem dengan merampas, dengan mengkhianati mandat rakyat. Itu yang saya maksudkan.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB Kupang, sikit boleh. Ok, terima kasih YB. Kupang dan Tuan Speaker. Sebenarnya saya sangat hormat kepada parti PAS. Sebab parti PAS yang paling kurang kita nampak ada lompat-melompat ini, betul! Itu bukan, itu dia sudah, dia bukan masa jadi ADUN. Tidak! Dan dulu kan, dulu PAS bagitau kalau lompat kena cerai lagi isteri dan sebagainya.

Tapi, saya kecewa kenapa dewan ini ADUN dua hari ini, Adun-Adun PAS, Exco-Exco PAS duk defend (dengan izin) atau pun mempertahankan pengkhianat-pengkhianat dan orang yang lompat. Kerajaan tukar kita tak salahkan YAB. Jeneri. Kita tak salahkan PAS, kita salahkan orang yang khianat sahaja. Tapi, buat apa gadaikan apa prinsip kamu? Prinsip PAS yang begitu mulia, begitu integriti, mulia, bermaruah dan duk tahankan konsep atau pun kerja-kerja lompat ini. Saya rasa sangat bazirlah dengan begitu lama parti ini dibina dengan dalam mata rakyat. Terima kasih.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau bolehlah, Dewan yang kita sidang ini kita manfaatkan untuk isu-isu yang kita nak bangunkan rakyat. Kalau kita duk pi tang tu ja, tajuk yang sama, jadi kita tak 'move on' (dengan izin) langsung. Jadi, kita harap yang ke depan-ke depan ni tolonglah 'move on' (dengan izin) tak payah dah duk berpusing pada satu 'point' (dengan izin) itu saja. Sampai saya pun tak mau sebut 'point' (dengan izin) apa. Silakan, apa YB. Kupang.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tuan Speaker, Tuan Speaker. Boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Nanti sat, kita bagi ni.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya paling dekat.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Kalau boleh, Tuan Speaker. Ok, saya nak teruskan penggulungan mengenai apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di bawah portfolio saya. Dalam perbahasan semalam, YB. Sungai Limau telah membangkitkan soal adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu pelan institusi pendidikan seperti tahfiz, pondok dan Sekolah Agama Rakyat untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi sepertimana UniSHAM. Dalam keadaan ini Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan UNIMAS dalam perancangan, maaf UniSHAMS dalam perancangan untuk mewujudkan satu kerjasama. Di mana perbincangan awal telah diadakan bagi merangka program bersesuaian untuk pelajar lepasan tahfiz, pondok dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) bagi melanjutkan pengajian di peringkat tinggi terutamanya di UniSHAMS.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga mengambil maklum dengan cadangan yang diusulkan dan yang disebut dalam rangka satu program bagi merealisasikan cadangan pengajian secara langsung ataupun Platform Digital dengan melibatkan barisan ulama yang ada di Negeri Kedah seperti mana program Explorasi Ramadhan yang pernah bersiaran sepanjang Ramadhan melalui platform Laman Media Warta Kedah dan juga apa yang ditimbulkan oleh YB. Suka Menanti melalui inisiatif kepada peniaga-peniaga dan pekerja-pekerja industri kecil. Di mana kita telah menyalurkan bantuan kepada peniaga kecil dan juga kepada pekerja-pekerja dengan majikan umpamanya pekerja kilang dan pemandu bas secara 'one off' (dengan izin) sebanyak RM300. Antara usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan kepada golongan muda dalam menghadapi Covid-19 iaitu kita memberi latihan keusahawanan.

Yang kedua, program latihan kemahiran melalui agensi-agensi seperti mana Jabatan Pembangunan Kemahiran Wilayah Utara, Akademi Binaan Malaysia. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Suka Menanti.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Sikit, sikit ja. Minta penjelasan sikit.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ya, silakan.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih Tuan Speaker. Jadi, tentang bantuan atau pun sokongan kepada pekerja tadi, disebutkan anak muda, usahawan muda ini. Itu apa yang kita dah beri bantuan 'one off' RM300, terima kasihlah yang dah pun disampaikan dalam beberapa peringkat sekarang ini. Cumanya melihat kepada Covid-19 yang sekarang ni tak habis-habis lagi ni, haritu masa kita sembang tu Covid-19 baru 80, 90, sekarang dah 200 lebih dan tak mustahil dia akan menjadi kepada 300 dalam masa dua, tiga minggu lagi. Jadi, usahawan ni masih lagi belum dapat bergerak dengan lebih lancar. Jadi, kita harap ada satu lagi fasa kedua dalam bantuan ini memberi sokongan kepada yang layak betul-betul dipilih. Terima kasih.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, terima kasih. InsyaAllah. Perkara itu kita akan lihat semula dan akan membetuli dan juga mengemaskinikan sistem yang sedia ada untuk menentukan sasaran-sasaran itu dapat menerima bantuan dengan sebaik mungkin InsyaAllah. Berkenaan dengan soalan ataupun yang dibangkitkan oleh YB. Kota Darul Aman mengenai pengangguran meningkat di kalangan golongan muda. Dalam menghadapi situasi ini, golongan belia, peniaga kecil dan orang yang diberhentikan daripada pekerjaan, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan sokongan dan kemudahan yang telah disediakan melalui agensi-agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja iaitu kita sediakan peluang-peluang pekerjaan, Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu meningkatkan kemahiran golongan belia dan PERKESO dengan bantuan-bantuan dari segi kewangan.

Tuan Speaker yang dihormati, program-program lain dan rangsangan ekonomi kerajaan kepada penduduk yang terjejas disebabkan oleh Covid-19 adalah seperti yang telah kita bahaskan sebelum ini iaitu jawapan nombor satu kepada soalan lisan daripada YB. Alor Mengkudu. Tengok dalam soalan lisan ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang ada seminit lagi.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Boleh lebih sikit kut.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tuan Speaker, minta pencelahan. Dah ada seminit lagi ni.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER

Bagi YB. Kota Siputeh, perasan penting tu.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Minta maaf, saya nak menghabiskan.

YB. TUAN SPEAKER

Tak pa, saya bagi YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih Tuan Speaker. Saya ada mohon pencerahan kepada YB Kupang la, secara bertulis pun tak pa pertanyaan ini iaitu tentang pendidikan. Mohon penjelasan pihak Kerajaan Negeri pada awal tahun 2020, Pegawai Kewangan Negeri telah pun meluluskan sejumlah wang untuk Program Pembangunan Insan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah bagi melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan untuk anak-anak negeri Kedah. Jadi, adakah peruntukan ini telah pun disalurkan kepada JPN Kedah dan apakah program yang telah dilaksanakan? Satu lagi tentang NGO MAP nak masuk ke sekolah. Jadi, mohon dibenarkan dan diberikan peruntukkan kepada NGO MAP. Terima kasih.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Speaker, terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pencelahan.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kupang nak jawab secara bertulis kan?

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Saya jawab secara bertulis. Memang kerana masa pun tak cukup. InsyaAllah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Yang saya nak jawab bertulis pun tak pa.

YB. TUAN SPEAKER

Ringkas, ringkas!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Berkait dengan portfolio agama, Setiausaha agama. Jadi, hasrat saya sepanjang saya pegang Exco Agama ialah untuk menjadikan institusi agama ni sama macam lain-lain agensi ataupun jabatan iaitu kita digitalkan. Saya ambil contoh, kebetulan Pengarah Zakat ada di sini. Bagaimana zakat telah meng IT kan institusi zakat tu sendiri, yang menjadikan orang ramai melihat Islam zakat itu sangat senang dan sangat megah. Itulah harapan kita juga kepada institusi agama.

Contohnya masjid-masjid kalau kita digitalkan, kalau kita IT kan seluruh maklumat masjid dalam negeri Kedah ini. Kita nak pi masjid mana, kita 'touch' (dengan izin) sahaja. Jadi, itu hasrat saya hari tu yang tak kesampaian. Adakah juga Exco Agama sekarang melalui perancangan yang sama yang akhirnya menjadikan orang ramai melihat bahawa oh! Cantiknya Islam itu. Bukan sahaja dengan percakapan tetapi kita 'up to date' (dengan izin) dengan sistem-sistem semasa. Mohon respon daripada YB.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih. Sebenarnya perkara ini sedang dalam perbincangan dan saya terpaksa bawa ke Mesyuarat Majlis Hal Ehwal Agama untuk kita membuat keputusan. Pertimbangan akan dibuat di situ InsyaAllah. Tuan Speaker, sekali lagi, walaupun ada seminit tapi macam saya sebut dulu la, beg ni kalau penuh macam mana pun, sapu tangan sehelai takkan tak boleh buh.

YB. TUAN SPEAKER

Bubuh, bubuh, sapu tangan dua helai pun tak pa.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Seterusnya, soalan yang dibangkitkan oleh YB. Pengkalan Kundor juga isu penutupan masjid dan surau serta penutupan RNR Gurun serta premis persendirian. Keputusan bagi menutup masjid dan surau tertakluk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Daerah. Jadi, mereka diberi autoriti untuk menentukan penutupan sesebuah masjid atau pun surau. Jadi, langkah jangka panjang bagi mengatasi masalah penutupan surau.

Kita perlu memberi pendidikan kepada masyarakat umum bahawa solat ini sebenarnya boleh dilaksanakan di mana-mana. Maknanya kalau kita mengetahui atau pun kita faham mengenai dengan solat itu, boleh kerja di mana-mana. Tak mesti di surau, tak mesti di masjid tapi oleh kerana bukan menjadi budaya kita sembahyang di tengah jalan ataupun di tempat lapangan lain, kita rasa tak selesa. Padahal budaya itu memang di negara-negara Timur Tengah ianya jadi biasa sahaja. Jadi, tak perlu nak masuk masjid dulu baru boleh sembahyang kerana Rasulullah S.A.W mengajar kepada kita "Wajui'lat lilardhu' Masjidal Wathohuro" disyariatkan kepadaku dijadikan bumi ini masjid dan bersih"

Jadi, kalau kita buat semuanya, sampai di mana berhenti tempat lapang sembahyanglah. Tapi, oleh kerana kita tidak mendidik masyarakat kita dengan norma baru yang macam tu, dia jadi janggal. Jadi, saya rasa sampai masa kita supaya mendidik bahawa sembahyang boleh di mana-mana. Kalau kita praktiskan benda ni, maka, tak timbul soal marah kepada tok imam tutup masjid dan sebagainya berikutan dengan Covid-19 ni.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit, YB. Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Tak, tak boleh dah!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bukan, bukan.

YB. BRIG. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Nak tutup dah, habis seminit dah. Dua sapu tangan dan jadi tiga helai dah ni. Jadi, Tuan Speaker, mengenai dengan YB. Tanjung Dawai bahawa Exco Agama mesti bekerja dengan NGO dalam membanteraskan kemungkaran dan maksiat. Kerajaan Negeri sentiasa berlapang dada untuk menerima candangan daripada NGO untuk bekerjasama sekiranya cadangan tersebut dapat membantu dalam membangunkan Syiar Islam di Negeri Kedah ini.

Jadi, sekadar itulah walaupun ada lagi, oleh kerana YB. Speaker mencemburui saya mengenai dengan masa ni. Jadi, saya mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang berkenan bertitah dalam Pembukaan Sidang Dewan.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam. Selepas YB. Kupang, Silakan YB. Bukit Kayu Hitam!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Azubillahiminashaitanirajim. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillahi Robbil A'lamin Wassolatu Wassalamu A'la Asrofil Am'biya Iwal Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'Ala A'lihi Wa'Sohbihi Ajma'iin. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Yang Berhormat Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Ahli - Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya Pihak Pengamal Media Sosial dan Para Pemerhati sekalian.

Ahamdulillah Syukur kepada Allah swt. dan juga jutaan terima kasih kepada semua yang berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan soalan lisan dan juga secara bertulis.

Penghargaan juga diucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mengemukakan saranan bernas untuk djadikan penambah nilai bagi dasar-dasar negeri, jangka panjang terutamanya yang melibatkan kepada sektor pembangunan wanita, keluarga, masyarakat dan kebajikan Negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Pihak Kerajaan Negeri sedar akan kepelbagaian peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik. Justeru, strategi-strategi khusus untuk mengoptimumkan potensi golongan wanita perlulah dibentuk untuk memperkasa golongan ini. Selain daripada itu, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya, aspek kebajikan masyarakat juga diambil cakna oleh pihak Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri Kedah bersama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah (PPWNK), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kedah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kedah dan lain-lain agensi dan jabatan kerajaan sentiasa bekerjasama erat dalam merencanakan program untuk menjamin kelangsungan hidup, perlindungan dan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera serta memperkukuhkan masyarakat ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

YB. Tuan Speaker, YB. Kota Siputeh ada membangkitkan isu bagi menangani kes keganasan rumah tangga bagi golongan wanita dan juga kepada golongan lelaki. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Tuan-Tuan serta Puan-Puan sekalian, keganasan rumahtangga boleh berlaku kepada semua isi keluarga atau isi serumah sama ada kepada golongan kanak-kanak, wanita atau lelaki. Pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita dan juga agensi kerajaan telah melaksanakan program-program seperti program Literasi Undang-Undang (LUU) dan juga Wanita Anti Jenayah (WAJA) dan khidmat kaunseling berbentuk kesedaran, ilmu pengetahuan, pencegahan dan kempen kepada golongan wanita dan lelaki serta memberi pendedahan untuk membantu mereka mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya. Program tersebut turut dihadiri oleh golongan lelaki, YB. Tuan Speaker, yang terlibat dalam kes keganasan rumah tangga.

Di samping itu, Kerajaan Negeri bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat turut melaksanakan kempen melalui poster, unit social outreach, kempen melalui bas KAWAN JKM, portal jabatan, dan hebahan melalui media cetak dan media elektronik. Untuk laporan aduan kes berlaku keganasan rumahtangga boleh dibuat pada Talian Kasih KPWKM 24jam melalui talian 15999 atau hadir ke Pejabat JKM Negeri dan Daerah bagi mendapatkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO).

Bagi tahun ini, kempen melalui mobil unit melalui Social Outreach Bas KAWAN Jabatan Kebajikan Masyarakat turun ke setiap daerah tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kedah masih melaksanakan program-program kolaborasi di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Pembangunan Wanita dan juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan juga lain-lain agensi kerajaan yang sentiasa dilaksanakan dengan mematuhi peraturan SOP sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

Untuk makluman, Akta Keganasan Rumahtangga digunakan kepada kes-kes keganasan rumah tangga yang melibatkan ahli keluarga atau yang mempunyai hubungan kekeluargaan yang tinggal serumah. Jumlah mangsa yang dilaporkan bagi kes keganasan rumahtanga pada tahun 2020 adalah sebanyak 65 orang perempuan dan 9 orang lelaki. Orang lelaki pun kena dera, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bagi kes keganasan rumahtangga yang berlaku, kes tersebut akan ditempatkan di tempat selamat di institusi bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti di Taman Sinar Harapan, Rumah Seri Kenangan Bedong dan Rumah Kanak-Kanak mengikut kesesuaian kes atau ditempatkan di NGO yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, bagi kes keganasan rumahtangga yang berlaku dalam kategori fizikal atau ancaman fizikal akan dikeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengelakkan daripada terus berlaku ancaman oleh pemangsa. Tempoh Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO) ini akan dikeluarkan dan disampaikan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia dan yang akan menjalankan siasatan Perintah Perlindungan Sementara (IPO).

YB. Kota Siputeh dan YB. Anak Bukit ada membangkitkan berkenaan kelulusan pengoperasian Rumah Transit Negeri Kedah. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, permohonan untuk kelulusan di bawah Seksyen 23, pengecualian pendaftaran Pusat Jagaan di bawah Akta Pusat Jagaan sudah dihantar ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pihak Kerajaan Negeri turut berharap agar kelulusan tersebut dapat diperolehi dengan kadar segera. Walau bagaimanapun, tempat perlindungan sementara yang lain di Institusi Kebajikan Masyarakat boleh menampung dan menempatkan golongan kes keganasan rumahtangga, pengabaian, pengemis dan sebagainya. (YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Silakan YB. Kota Siputeh.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam atas penjelasan tadi. Saya mohon penjelasan tentang rumah transit yang dikatakan ada Rumah Transit tu, 5 buah kan, duk sebulan berapa sewa? Terima kasih.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Adun Kota Siputeh. Untuk makluman rumah transit bukan ada 5 buah tapi ada 6 buah asalnya ada sebuah sahaja di Alor Setar tetapi oleh kerana jumlah jumlah sewaan sebuah rumah itu RM1,000 kita dapat menyewa 6buah rumah padahal pada zaman dulu cuma satu buah rumah RM6,000 sahaja tetapi kali ini kita menyewa sebuah rumah RM1,000 dan 6 buah rumah telah kita jadikan Rumah Transit. Untuk makluman semua saya akan sertakan jawapan secara bertulis kepada YB. Kota Siputeh kerana ianya panjang, kita ada bayar elaun, kita ada bayar elektrik, kita ada bayar makan minum di situ, kita ada bayar penyelia yang menjaga di situ. Jadi, Insyaallah saya akan bagi secara laporan bertulis kepada Yang Berhormat! Sila duduk!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Jadi kata tak mula lagi tu, bayar sahaja lah! YB. Tuan Speaker, jadi sewa rumah transit tu bayar sahaja lah dah sebab kata tak mula lagi? Selama beberapa bulan?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. Kota Siputeh, kalau kita ada penjara, kita bayar penjara saja ka kalau tiada orang salah masuk? Pihak Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah bagi menggantikan Tabung Khas Wanita Negeri Kedah.
Penubuhan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah ini adalah susulan daripada penubuhan Tabung Khas Wanita Negeri Kedah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2019. Permohonan yang telah diterima adalah sebanyak 47,360 borang permohonan daripada 36 Pusat Khidmat DUN di seluruh Negeri Kedah.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tabung Khas Wanita Negeri Kedah telah meluluskan peruntukan sebanyak RM480,000.00 untuk dua (2) kategori pada tahun 2019 iaitu kategori menjaga ibu/bapa/pasangan/ahli keluarga yang sakit terlantar dan kategori menjadi ketua isi rumah disebabkan suami sakit terlantar dan hilang punca pencarian.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Kedah bercadang untuk memberi sumbangan Tabung Sejahtera Wanita Negeri Kedah yang bernilai maksimum RM500.00 secara 'one-off' kepada penerima yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Kedah.
Kerajaan Negeri Kedah berhasrat untuk memberi fokus kepada golongan wanita yang memerlukan bantuan kewangan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi bagi menambah pendapatan keluarga sejajar dengan impak daripada Pandemik Covid-19 yang menular di seluruh dunia.

Bantuan kewangan ini menandakan keprihatinan Kerajaan Negeri Kedah dalam membantu golongan wanita yang ingin memajukan perniagaan kecil atau perusahaan di rumah secara kecil-kecilan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Dengan adanya sumbangan ini, diharapkan agar ianya sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban tanggungan wanita-wanita yang memerlukan bantuan kewangan di Negeri Kedah.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Tuan Speaker!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ya..YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Ok, baik! Berkenaan dengan masalah rakyat! Kadang-kadang kita pi melawat tempat kebakaran dan ribut, ada yang total lost dalam kebakaran itu begitu juga ribut. Jadi, kerajaan ada menyediakan pusat penempatan sementara tapi kita nak tanya adakah polisi kerajaan untuk menyediakan pusat penempatan sementara ini untuk di seluruh daerah.

Kadang-kadang kita telefon dan check banyak yang tiada. Satu lagi pula kebanyakannya adalah flat tapi bila kita pergi ada juga masalah-masalah rakyat bila rumah terbakar ini, orang tua-tua, yang ada ini orang tua-tua, kalau nak naik tangga tu pakai dak dah la. Jadi, ini yang akan jadi isu dan permasalahan dalam rakyat kita. Memang dimana-mana daerah mengatakan macam di tempat saya beberapa kali saya pergi ke rumah pakat tak dapat nak disediakan oleh kerajaan. Itu sahaja soalan!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kubang Rotan! Untuk makluman YB. apabila berlaku bencana ataupun musibah kebakaran yang berlaku di setiap daerah kita, kita juga telah pun memberi peruntukan kepada setiap Adun sebanyak RM5,000 untuk turun ke Padang untuk turun melawat mangsa-mangsa yang terlibat.

Di samping itu juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan beri bantuan wang tabung segera sebanyak RM100 ke RM300 kepada mangsa yang terlibat. Seterusnya juga kita bila turun ke kawasan tu bersama-samalah dengan Penghulu ataupun wakil daripada Pejabat Daerah untuk kita salurkan permohonan kepada pejabat daerah yang mana kelulusan telah dibuat dan diberi kepada setiap daerah sebanyak lebih kurang RM6,000 kebawah untuk meluluskan setiap bencana yang berlaku.

Jadi, Insya-Allah soalan bertulis akan saya sediakan kepada YB. Kubang Rotan tu sebab masa tak ada. Minta maaf! Dan jawapan penempatan semula sementara apa yang berlaku contohnya berlaku di Sungai Petani baru-baru ini yang mana di perkampungan ladang situ, ada dua buah rumah terbakar saya telah pun melawati dan menziarahi mangsa dan mangsa ditempatkan dulu buat sementara di dewan orang ramai di situ.

Jadi, buat masa sekarang Kerajaan Negeri Kedah tidak ada peruntukan yang besar untuk kita mendapatkan rumah-rumah seperti Rumah Transit tentera dan Insyaallah cadangan itu akan dalam perancangan akan dibuat dan kita mohon peruntukan benda kerajaan pusat untuk memberi peruntukan kepada Terengganu Kedah dan kita juga akan membuat rumah rumah seperti Rumah Transit di Negeri Kedah. Insya-Allah, cadangan itu dalam perancangan akan dibuat dan kita mohon peruntukan daripada kerajaan pusat untuk membri peruntukan kepada Kerajaan Negeri Kedah dan kita juga akan membuat rumah-rumah transit seperti di daerah-daerah lain.

YB. Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati sekalian, kerajaan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan satu Bantuan Khas Penjana Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah dimana bantuan tersebut disalurkan terus kepada akaun penerima. Bantuan Khas Penjana Orang Kurang Upaya (OKU) ini telah diberikan kepada 23,496 orang penerima bantuan berjumlah RM7,048,800 pada 15 Julai 2020 yang lalu. Kelayakan penerima bantuan adalah kepada penerima yang sedia menerima Elaun Pekerja Cacat, Bantuan OKU Tidak Bekerja dan Bantuan Pesakit Kronik/OKU Terlantar. Bantuan ini merupakan bantuan tambahan secara ‘one-off’ sebanyak RM300.

Kerajaan bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan satu Bantuan Khas Ibu Tunggal atau lebih dikenali sebagai BKID secara one-off sebanyak RM300. Permohonan bantuan tersebut boleh dimohon sehingga 31 Oktober 2020. Kalau ada YB-YB yang ada ibu tunggal yang tidak pohon lagi boleh kemukakan borang dan borang-borang telah pun melalui pusat-pusat khidmat wakil rakyat untuk dipanjangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sikit saja!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Sat, YB. Terdapat dua kaedah bayaran iaitu melalui Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga serta Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020), Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengambil kira ibu tunggal berdasarkan definisi seorang Perempuan (Warganegara) yang menjadi Ketua Isi Rumah bagi kategori yang pertamanya, taraf perkahwinan balu atau bercerai / berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama. Yang kedua, Mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah. Yang ketiganya ialah tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf)

Sehingga 24 Ogos 2020, permohonan Bantuan Khas Ibu Tunggal yang telah diterima dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Kedah adalah sebanyak 8,986 borang permohonan telah pun diisi.

Di samping itu, Bantuan Khas Ibu Tunggal yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dibayar kepada yang layak iaitu sebanyak 2,633 orang ibu tunggal yang mendapat bantuan bulanan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui skim bantuan kanak-kanak. Jumlah peruntukan yang telah selesai dibayar adalah sebanyak RM789,900.00

Di samping itu juga, Program I-Suri dilaksanakan oleh Kerajan bersama pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah satu insentif khas kepada Suri Rumah yang berdaftar dalam eKasih. Sumbangan Kerajaan adalah sebanyak RM40 sebulan atau RM480 setahun. Manakala, caruman individu hendaklah dibuat ke dalam akaun KWSP sekurang-kurangnya RM5 sebulan atau RM60 setahun.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Minta laluan! Sikit saja!

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ya.. YB. Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam! Saya ada 2 soalan di sini. Satu berkenaan dengan khairat kematian! Khairat kematian ini kita tahu semasa pertukaran kerajaan pada 17 Mei 2020. Jadi, ada yang menghantar borang-borang khairat kematian di Dun-Dun terutamanya di Dun Pembangkang ini yang kami terima daripada pejabat pentadbiran menyatakan bahawa bulan 1 sahaja yang kami terima sepatutnya bila pertukaran sebab masyarakat dah hantar sampai bulan 4 atau bulan 5, kita boleh terima tapi rakyat tak terima. Rata-rata rakyat telah mengadu di Pusat Khidmat menyatakan mereka tak terima pembayaran sumbangan khairat kematian, hanya terima bulan 1 saja! Minta semak balik!

Yang kedua ialah berkenaan dengan I-Suri. Adakah kerajaan bercadang, bahawa RM5 yang dicarumkan oleh ibu tunggal ataupun suri rumah melalui EPF itu sebanyak 17,000 orang seluruh Negeri Kedah. Adakah kerajaan bercadang untuk membayar berbanding dengan negeri-negeri lain, negeri-negeri membayar ataupun mungkin zakat boleh membayar, RM1 juta lebih saja, boleh cover untuk seluruh masyarakat marhain di peringkat bawah terutama ibu-ibu tunggal.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Yang Berhormat, berkenaan sama dengan kematian. Sikit sahaja Tuan Speaker.

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kalau sama saya jawab….(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Dak! Dak! Bukan macam ni!

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ok!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Borang Khairat Kematian itu sampai ke Pejabat Adun, pejabat kami lah kan, lepas tu bila berlaku pertukaran ini kemudian kita nak serah kepada penyelaras, oh tak boleh kena individu itu pi ambil dan serah kat depa samalah dengan Borang IPT apa salahnya kami semua pi serah macam tu kan? Tak, nak minta individu pi serah sendiri. Jadi, kami pejabat ADUN terpaksa telefon setiap orang, mai ambil pi pulak kepada penyelaras dun, dah lah jauh pulak daripada saya punya tempat.Kota Siputeh.

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Ok saya faham maksud YB. Kota Siputeh. Untuk khairat kematian, untuk makluman semua Exco yang memegang portfolio khairat kematian adalah Yang Berhormat Merbau Pulas dan Insya-Allah beliau akan menjawab nanti! Mengenai SOP ataupun prosedur yang ditetapkan oleh setiap DUN, setiap kerajaan dia ada SOP yang telah ditetapkan. Kalau dulu kita di Adun Pembangkang kita akan bagi kepada Penyelaras DUN dan hari ini pun macam tu juga kita akan bagi kepada Penyelaras DUN yang akan menguruskan perkara itu.

Untuk makluman YB. Kubang Rotan, mengenai I-Suri. Kita ada 17,000 nama yang telah disenaraikan yang ada dalam data e-Kasih untuk kita beri insentif I-Suri dan Alhamdulillah kita dapat membuat kempen yang mana kita telah berjaya dekat 9,000 dah yang senarai nama itu telah kita masukkan dalam bantuan I-Suri ini dan Insya-Allah setiap pusat khidmat telah pun dipanggil untuk memberi penerangan mengenai I-Suri ini dan Insya-Allah kita akan bekerjasama dengan Pejabat Daerah dengan Pihak ICU untuk kita turun kelapangan untuk kita pastikan nama-nama yang tersenarai dalam I-Suri itu didaftarkan untuk mendapat insentif ini. Jadi, saya juga mencadangkan supaya penerima-penerima KIDA tadi nanti yang ada di dalam senarai e-Kasih ini dimasukkan terus kepada dalam caruman KWSP I-Suri ini.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Soalan saya iaitu caruman RM5 itu, caruman RM5 daripada ibu tunggal itu. Minta maaf YB. Tuan Speaker, caruman RM5 yang dicarumkan oleh ibu tunggal ini adakah kerajaan negeri bercadang ataupun polisi kerajaan boleh membantu berbanding dengan negeri-negeri lain. Yang RM480 tu saya tahu daripada pihak EPF ini.

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Untuk YB. Kubang Rotan. Kerajaan telah memberi RM480 setahun. Jadi, RM5 ini adalah syarat untuk dia nak tengoknya cinta dan kasih sayang suami dia kepada dia RM5 sebulan untuk dia dapat.

Untuk suri rumah hanya RM5 sahaja dan Insya-Allah kita juga akan berbincang mengenai perkara ini. Kalau penambahbaikan yang lebih baik lagi,jadi kena minta supaya ini caruman. Sebenarnya kalau kita carum dalam KWSP, banyak faedah yang kita akan dapat. Jadi kalau orang kita ini kalau kita nak suap semua perkara dia kena berikhtiar untuk diri dia kan. Jadi, RM5 campur kalau suami itu hisap rokok sekotak rokok pun RM12 lebih, RM5 saja nak dicarum kepada adinda dia dan manafaat dia, dia akan dapat masa dia tua nanti.
Okey, buat masa lagi kerajaan negeri belum ada lagi untuk nak tolong carum RM5 tetapi senarai mereka yang ada di dalam senarai namaa KIDA Insya-Allah kita akan selaraskan untuk dia terus mencarum dalam I-Suri ini.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Kayu Hitam, panjang lagi dak?

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Dak, sikit lagi!

YB. TUAN SPEAKER

Ha..sikit lagi tak apa lah!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Dah banyak mencelah YB. Speaker. Minta maaf! YB. Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Adun Jitra yang mana telah memberi tanggungjawab kepada saya semasa beliau menjadi Menteri Besar dahulu dalam Program Kasih Ibu Darul Aman iaitu KIDA. KIDA pada fasa pertama yang mana pelaksanaannya dijangkakan bersama dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) bermula Mei 2019 sehingga Jun 2020 telah melibatkan seramai 4,281 orang penerima. Seterusnya, Kerajaan Negeri Kedah melaksanakan KIDA Fasa 2 bermula Julai 2020 hingga Disember 2020 yang melibatkan seramai 4,547 orang. Saya juga berterima kasih kepada YAB. Jeneri kerana telah memberi tanggungjawab ini kepada saya untuk melaksanakan program ini untuk Fasa 2.

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Program KIDA ini bertujuan untuk memberdayakan kaum ibu, terutamanya mereka yang mempunyai isi rumah berpendapatan 40% terendah. Jadi, untuk menampung perbelanjaan keluarga melalui pembelian barangan keperluan asas bernilai RM250.00 setiap bulan dan mendapatkan rawatan dengan jumlah RM500.00 setahun. Tambahan pula, dalam KIDA Fasa 2 kita masukkan keperluan asas iaitu gas memasak dan pembelian topeng muka dan hand sanitizer untuk Program KIDA yang kedua ini.

Melalui program KIDA Fasa 1 dan Fasa 2 ini, sebanyak 8,828 orang penerima dari seluruh Negeri Kedah telah tersenarai dalam data eKasih dan telah mendapat manfaat daripada program KIDA dengan peruntukan RM30 juta daripada pihak Kerajaan Persekutuan melalui Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah (ICU) sekarang ini sedang giat mengemaskini data eKasih bagi tujuan pertimbangan senarai nama penerima yang layak untuk tahun hadapan.

Yang Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dirahmati Allah swt. sekalian, selaku Exco Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat Negeri Kedah, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan KKM, APM, RELA, PDRM, terutamanya JKM seluruh Negeri Kedah yang bertungkus-lumus menggembleng tenaga sebagai petugas hadapan dalam menangani dan memberi bantuan dalam Pandemik Covid 19 dalam Negeri Kedah.

Mereka terlibat secara langsung dalam menyediakan keperluan harian kepada penduduk yang terjejas yang menguruskan pusat-pusat kuarantin. Terima kasih kepada isteri-isteri mereka yang berkongsi suami dengan rakyat Kedah, terima kasih kepada suami-suami yang berkongsi isteri dengan rakyat Kedah, terima kasih kepada ibu bapa yang berkongsi anak kepada rakyat Kedah, terima kasih juga kepada anak yang berkongsi ibu bapa dengan kami rakyat Kedah. Terima kasih kepada semua mereka di sana.

YB. Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati Allah swt. sekalian, kalau tak cakap bab politik pun kita dikatakan macam-macam dah! (YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh sikit YB. Speaker! Sikit saja! Sikit saja!

YB. TUAN SPEAKER

Ya..silakan! Silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Speaker, terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam! Sikit tentang JKM yang kes di kawasan TEMCO, di kawasan saya Kg. Megat Dewa. TEMCO agak lama dan terima kasih kerana JKM bagi beberapa bantuan. Cuma saya nak bangkitkan isu barang-barang basah, semua kena bagi kepada Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah akan bagi kepada kawasan TEMCO ini dan masalah sekarang ini bila barang basah lambat bagi ada yang sampai tak boleh makan dah. So akan datang 'make sure' (dengan izin) bila ada barang-barang basah ini disegerakanlah jangan ditangguh-tangguhkan.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Untuk makluman YB. Kota Siputeh, kawasan TEMCO yang diwartakan pada 3 Ogos hingga 26 Ogos, 12.30 tengah malam termasuklah kawasan Megat Dewa, kawasan YB dan kawasan saya sendiri di Dun Bukit Kayu Hitam, dua kali saya turun bagi bantuan di sana tapi saya tak nampak pun lah YB. Adun Kota Siputeh di sana! Mengenai SOP yang ditetapkan….(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tak betul tu! Tak betul tu!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

YB. duduk sat! Mengenai SOP yang telah ditetapkan oleh pihak KKM dan Kementerian yang mana segala bentuk bantuan diagihkan kepada mangsa-mangsa berada di dalam TEMCO melalui PKOB di Daerah Kubang Pasu yang bertempat di Dewan Tunku Anum, pengagihan dibuat oleh Penolong ADO di situ bersama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat APM dan JPM untuk meneman! YB. Adun Kota Siputeh, minta maaf kalau kelewatan ikan ka barang basah itu, sebab untuk kita memberi kemudahan kepada rakyat, kita juga dibawah portfolio YB. Lunas yang mana telah membuka pasar sehari di situ dalam seminggu 3 kali dan mereka boleh juga boleh keluar membeli makanan dan barang basah. Kami di peringkat Kerajaan Negeri Kedah hanya memberi makanan barang kering sahaja, yang basah hanya NGO-NGO yang menghantar makanan YB, jadi kita terima kasih kepada NGO di luar sana yang begitu prihatin yang hantar makanan.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Speaker, saya minta YB. Bukit Kayu Hitam memperbetulkan kenyataannya sebab kami diberitahu apabila nak menghantar barang makanan ini ianya mesti melalui Jabatan Kebajikan, kami sendiri tidak dibenarkan pergi ke kawasan-kawasan TEMCO ini atas arahan YB. Bukit Kayu Hitam sendiri. Jadi, tak adil saya ingat kalau menyatakan bahawa Kota Siputeh tak nampak muka di situ kerana kami tak dibenarkan pergi pun.

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Saya minta maaf YB. Jitra. Memang saya sendiri pun di viralkan di dalam media sosial mengenai Adun tak pernah turun ke padang dalam tempoh TEMCO. Kita senasib! Sebab apa? Pandemik Covid ini dia mai bukan kita nampak tapi kita pun bukan kebal tapi saya nak habaq kepada YB tadi bukan kami tak bagi barang makanan itu sebab YB kata susah barang makanan basah ini susah kita nak bagi tapi pengumpulannya dibuat di situ kalau pengumpulan dibuat di Pejabat Daerah, ikan dengan busuk, dengan sayur lagi mana kita

mampu untuk kita nak agih di kawasan tersebut. Jadi, saya minta maaf disitu. Sebenarnya Jabatan Kebajikan Masyarakat ini bersama team APM dan frontliners ini bekerja habis-habisan yang terbaik untuk rakyat di kawasan TEMCO. Terima kasih kepada mereka.

Jadi, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, saya nak maklum disini, Kerajaan Negeri Kedah Bersatu + PH jatuh disebabkan oleh 2 Adun daripada PKR dan Team Azmin Ali mengisytiharkan diri keluar dari parti dan menyokong gabungan Pakatan Nasional (PN). Minta maaf YB. Lunas. Boleh tanya kepada Sidam dan Lunas. Waktu itu Gabungan PN di Kedah telah mempunyai 19 kerusi sedangkan Gabungan Bersatu + PH tinggal 17 kerusi maka Kerajaan Bersatu + PH jatuh di Kedah. Tidak seorang pun wakil rakyat Adun Bersatu lompat parti saya nak habaq di sini. Adun Bersatu Kedah tidak mengkhianati parti tetapi sebaliknya akur dan taat kepada pucuk pimpinan parti kecuali ada 2 orang wakil rakyat di sini.

Sekurang-kurangnya apabila Bersatu berada di dalam Kerajaan PN Kedah, wakil Bersatu ada dalam pentadbiran kerajaan dan sebagainya. Dengan ini Bersatu Kedah masih mengekalkan mandat rakyat yang memilih calon Bersatu untuk menjadi kerajaan bukan jadi pembangkang! (YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Bertanding pakai logo apa hari tu?

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kami tetap dengan prinsip perjuangan sebelum PRU iaitu menjadi kerajaan untuk berkhidmat kepada rakyat. Hari ini terbukti apabila wabak covid 19 menyerang Kedah buat kali kedua, TEMCO di kawasan Napoh dengan kluster Sivagangga. (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya nak tanya sikit bukan apa saja nak tanya lah tengahari-tengahari ini, saya nak tanya…

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Saya nak cakap bagi habis sat, YB? Jika kami Adun Bersatu memilih untuk menjadi pembangkang bolehkah kami membantu rakyat. Setakat ini, wakil rakyat pembangkang belum ada lagi yang menyediakan peruntukan untuk covid 19 sepertimana kerajaan sediakan. Minta maaf! Kami meraikan…(YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Takut jadi pembangkang jangan masuk pilihanraya lah!

YB. PUAN HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Kami meraikan prinsip rakan-rakan yang lain dalam Bersatu untuk meninggalkan Bersatu dan menubuhkan parti baru dengan ucapan selamat berjuang. Kepada kawan-kawan dari PH, kami menghormati keputusan pucuk pimpinan YB-YB sama. YB-YB semua taat dan akur kepada pucuk pimpinan dengan tidak menyertai Kerajaan Perikatan Nasional. Jika YB-YB semua mengambil keputusan untuk taat dan akur kepada pucuk pimpinan masing-masing dan YB-YB semua beranggapan itu adalah satu tindakan yang betul, dan kami juga dari Adun Bersatu, kami juga akur kepada pucuk pimpinan kami iaitu Presiden Parti kami yang menjadi Perdana Menteri dianggap tidak betul. (YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Boleh tanya sikit dak YB. Tuan Speaker?

YB. HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Jika kami boleh menghormati prinsip ini, perjuangan-perjuangan YB-YB semua, mengapakah YB-YB tidak boleh menghormati prinsip kami. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Tak dan kita nak tanya soalan ni!

YB. TUAN SPEAKER

Dia duduk dulu, tak upaya lah! Terima kasih YB. Bukit Kayu Hitam. Hat lain semua bagus, hat last itu pasal dia baca teks, tak sepatutnya dia baca teks dalam Sidang Dewan. Tapi tak apa lah dah lepas dah. Silakan YB. Merbau Pulas!

YB. DATO' USTAZAH HAJJAH SITI ASHAH BINTI HAJI GHAZALI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillahi robbil a'lamin wassola tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Khola rubbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul unddatan millisani yafkhohu khauli.

Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Ahli-Ahli Majlis Mesyaurat, Adun-Adun dan juga Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan Pusat dan Negeri, tuan-tuan dan puan-puan yang kasihi sekalian. Sebelum saya menggulung, ada 3 Adun yang menimbulkan soalan berkenaan dengan portfolio saya. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada 'frontliners' yang sedang bertugas sekarang ini dan juga kepada rakyat di luar sana hendaklah mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan untuk memutuskan rantaian pandemik Covid-19 ini. Itulah sedikit penghargaan saya ucapkan kepada 'frontliners' kita.

Seterusnya 3 Adun yang menyentuh tentang portfolio saya pertamanya YB. Jitra mengenai kemiskinan, YB. Kuala Ketil, kemiskinan, YB. Suka Menanti mengenai KEMAS, saya rasa tak perlu jawapan dah sebab saya dah jelas sejelas-jelasnya saya bagi jawapan. Cuma saya nak menyentuh tentang kemiskinan yang disentuh oleh YB. Jitra. YB. Jitra menyentuh mengenai kemiskinan rakyat sekarang ini dengan PGK yang baru iaitu RM2,208.00. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengumumkan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baru 2019 iaitu RM2,208.00 bagi isirumah. Susulan daripada itu, mesyuarat mengenai had PGK baru bertarikh 28 Julai 2020 di MOF (Kementerian Kewangan Malaysia) telah bersetuju supaya siling bagi kriteria penerima bantuan ditetapkan iaitu untuk miskin RM1,169.00 berbanding PGK RM2,208.00. Mesyuarat juga bersetuju supaya MOF menyelaraskan unjuran kenaikan bantuan berdasarkan penetapan siling RM1,169.00 daripada kementerian dan agensi-agensi lain yang terlibat dengan pemberian bantuan. Itu yang disoalkan oleh YB. Jitra na.

Di sini saya akan memberi sedikit respond kepada persoalan yang ditimbulkan oleh YB. Jitra iaitu apakah langkah-langkah kerajaan membantu rakyat miskin apabila dinaikkan PGK RM2,208.00 tapi dah disebutkan awal-awal tadi RM1,169.00.

Jadi, untuk jawapannya peringkat awal bermula pada bulan Ogos ini Kerajaan Negeri akan menyalur sumbangan "Program Beras Sejahtera" ke DUN-DUN dalam Negeri Kedah kepada Pejabat-pejabat Adun dan juga Penyelaras Dun di seluruh Negeri Kedah dan penerimanya seramai 1,800 orang setiap bulan sebanyak 50 bungkusan "Beras Sejahtera" akan diedarkan di setiap DUN-DUN dan juga Penyelaras DUN bermula Ogos. Itu sebahagian daripada apa yang dirancang oleh kerajaan masa kinilah untuk disalurkan kepada rakyat bagi membantu rakyat-rakyat termiskin yang berada di dalam Negeri Kedah ini.

Yang keduanya, di bawah Kementerian Luar Bandar ini kita ada agensi untuk membantu masyarakat luar bandar. Pertamanya KEDA, KEDA juga telah mengadakan pelbagai program di antaranya Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Latihan Kemahiran, pelbagai program dilaksanakan oleh KEDA untuk meningkatkan ekonomi B40 ataupun rakyat yang terlibat dengan kemiskinan ini dan telah mengisi borang e-kasih. Begitu juga di bawah PKLB (Projek Kecil Luar Bandar) ada agensi yang membantu mendirikan Program Perumahan Rakyat Termiskin iaitu Giatmara dan KEDA. Kita bina baru sahaja tahun 2020 rumah rakyat termiskin ini sebanyak 67 buah yang bernilai RM3.2 juta. Kita baik pulih untuk rakyat termiskin di bawah KEDA dan juga Giatmara sebanyak 1,107 buah berjumlah RM14.3 juta. Ini sebahagian juga lah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan di bawah agensi. KEMAS juga ada jenis-jenis sumbangan yang diberikan iaitu kursus-kursus kemahiran jangka pendek yang telah mengeluarkan 242,000 pada tahun ini untuk diberikan kepada 288 orang yang dapat sumbangan untuk mengeluarkan daripada kemiskinan. Kementerian Perumahan pun ada juga di bawah KPKT iaitu baik pulih rumah daif sebanyak 165 buah rumah RM2.1 juta pada tahun ini. Lembaga Zakat sudah termaklum, "sudah terang lagi bersuluh", yang ada di sini ya.

BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) melalui Pejabat Daerah juga ada menyediakan Program Baik Pulih Rumah iaitu 157 buah rumah dengan RM1.9 juta. NCIA, KIDA, i-Suri yang disebut oleh YB. Bukit Kayu Hitam, Kementerian Tenaga juga rebat kepada bil elektrik sebanyak RM2.9 juta dan termasuk juga sumbangan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kedah iaitu Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) bantuan makanan kepada 873,00 untuk 370 orang keluarga, Program BAKAS

(Bantuan Bekalan Air Selamat) kepada 1,452 isirumah iaitu RM658,000, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah juga mengeluarkan *Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin* (KWAPM) sebanyak 64,412 orang dengan RM6.8 juta, Rancangan Makanan Tambahan pun sebanyak RM14.4 juta, Bantuan Awal Persekolahan (BPA) juga RM22.6 juta, Bantuan Pakaian Seragam (Uniform) RM112 juta, RISDA juga ada, begitu juga industri makanan pun ada, Rezeki Tani, FELCRA juga ada, Program Wanita Dinamik. Itulah sebahagian yang saya sebut agensi-agensi yang sudah ada di peringkat kementerian dan juga agensi di bawah Kerajaan Negeri yang membantu rakyat miskin. Cuma sekarang kita pantau sejauh mana untuk seterusnya kita memberi bantuan. Sebenarnya bantuan kemiskinan bukan terletak kepada miskin harta saja sebenarnya, banyak kemiskinan yang ada kepada masyarakat hari ini, miskin bagaimana untuk memikirkan bagaimana untuk meningkatkan pedapatan. Kadang-kadang minta maaflah, kerana dia tak mahu keluar dari kemiskinan dia suka orang bagi kepada dia sumbangan, dia duduk macam tu saja, rumah dia tak mau berubah, dia rasa selesa dengan keadaan begitu. Kalau dia keluar dari kemiskinan orang nampak dia tak miskin, payah untuk menerima sumbangan.

Jadi, kita kena ubah 'attitude' ataupun perangai yang ada kepada masyarakat kita ni berubah, jangan kita seronok orang menggelar kita tak berapa senang, kita lebih seronok orang menggelar kita orang yang sentiasa berusaha untuk keluar daripada kemiskinan ini dan kita nak lihat Negeri Kedah walaupun kemiskinan ini tak boleh kita nak basmi pun tapi kita boleh mengurangkan kemiskinan itu. Saya cukup bersetuju dengan satu 'tagline' YAB. Menteri Besar kita iaitu "Negeri Kedah Negeri Orang Miskin Berteduh, Negeri Orang Kaya Berbakti". Inilah 'tagline' kita dan InsyaAllah "Kedah Sejahtera Nikmat Semua Untuk Semua" pada kita Negeri Kedah ini. Akhirnya saya menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan KDYMM Tuanku dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Persidangan Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 yang lalu. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu.

YB. TUAN SPEAKER

Waalaikumussalam Waramatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Merbau Pulas.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasihlah kerana menjimatkan masa. YB. Sungai Tiang kita ada 10 minit, belanja dulu 10 minit ni lepas tu tak cukup kita ambil lagi kemudian. Silakan!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang membuka ruang bagi saya untuk melakukan penggulungan bagi sidang dun hari ini dan ucapan terima kasih di atas titah ucapan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

Terdahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker yang telah terpilih sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri Kedah yang juga kepada Yang Berhormat Pantai Merdeka yang dilantik sebagai Timbalan Speaker Dewan yang mulia ini. Tidak lupa saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Ustaz Ahmad Yahya dan Yang Berhormat Dato' Wira Othman Aziz, dua senator baru yang dilantik sebagai Senator Dewan Negara mewakil Dewan Undangan Negeri Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker,Yang Amat Berhormat Jeneri, Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang telah mengemukakan soalan berkaitan portfolio yang diamanahkan kepada saya dan saya akan cuba menjawab menerusi sesi penggulungan ini dan juga manakala tidak sempat terjawab atau terkhilaf menjawab Insya-Allah akan diberikan jawapan secara bertulis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Alhamdulillah mengamalkan prinsip 'good governance' (dengan izin) kerajaan pentadbiran amat komited untuk membangunkan negeri dengan slogan Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Oleh itu, adalah penting dalam barisan kepimpinan pentadbiran untuk merancang melaksana tanggungjawab ini dengan baik dan berkesan bagi kepentingan negeri dan rakyat Kedah serata-rata.

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat maklum, isu bekalan air merupakan isu yang agak menjadi hangat pada setiap hari dan setiap masa. Dan dalam mengatasi ataupun mengimbangi persoalan air, ada dua perkara yang perlu kita imbangkan antara keperluan domestik, keperluan pertanian dan juga perindustrian. Kita nekad untuk memberikan fokus dan komitmen untuk menamatkan ataupun mengurangkan permasalahan penyeimbangan keperluan air ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam meneliti dan memahami masalah bekalan air di Negeri Kedah, saya memilih untuk mengklasifikasikannya dalam 'approach' ataupun tindakan secara makro dan mikro. Untuk Makro, berkaitan infrastruktur bekalan air sama ada Loji Rawatan Air ,saluran ataupun jaringan paip retikulasi submarine paip lain dan segala-galanya. Untuk Urustadbir Mikro adalah pengurusan operasi perkhidmatan bekalan air dan akhirnya isu dalaman dan juga isu komunikasi permasalahan SADA ataupun kekurangan bekalan air kepada pengguna-pengguna. Saya teruskan untuk menjawab beberapa persoalan Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya mulakan dulu dengan pertanyaan daripada Adun Kubang Rotan dan juga YB. Anak Bukit mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Kubang Rotan. Belum lagi! Siapa tanya? Tak payah lagi lah! Saya nak kena proceed dulu sebab 10 minit ni lepas lunch nanti kalau ada persoalan, boleh tanya. Beberapa perkara dulu ok...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

Take your time, jangan panik! Nampak macam panik ja pun!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Tiba-tiba saya tengok macam ada soalan! Ok, YB. Suka Menanti, mengenai langkah pantas mencergaskan ekonomi dan membantu pihak-pihak yang terlibat dalam industry pembinaan yang di persoalkan oleh Suka Menanti. Kerajaan sendiri telah melaksanakan inisiatif agihan kerja kepada kontraktor dalam tempoh PKP dan semuanya diundi secara online dan telah dilaksanakan dalam Fasa 1, 2 dan 3. Secara keseluruhan sebanyak 1,169 projek telah diagihkan.

Seterusnya, YB. Suka Menanti juga bertanya mengenainya pengumuman oleh Menteri Kasa semasa lawatan Menteri ke Kedah jumlah yang telah diumumkan RM4.4 bilion yang telah diklasifikasikan untuk SADA Rancangan Malaysia ke-11 RM1.5 bilion untuk JPS, kasa jumlahnya RM2.5 bilion dan Jabatan Perkhidmatan Pembentungan juga dalam Kementerian Kasa 316,343,000, total Projek 4372,1754,48 yang dirangkumkan sebagai RM4.4 Billion Semuanya Rancangan Malaysia ke-11 Rolling Plan 4.

Untuk Projek Loji-Loji, Loji Bukit Selambau, Loji Sungai Limau, Loji Buntar Lama, Loji Jenun, penilaian tender sedang berlaku sehingga 30/9/2020 kesemuanya sama tarikh siap Insya-Allah dicadangkan 14/5/2023. Untuk Pelubang, kita sedang melakukan pra rundingan harga dan ia akan bermula September 2020 dan tarikh jangkaan siap 156 minggu pada 10/10/2023. Untuk pendekatan NRW, bagi keseluruhan projek NRW, Kementerian Kasa telah memperuntukkan RM60 juta untuk NRW di Langkawi dan projek itu telah pun ditender dan akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat dan RM44 juta juga pula dianugerahkan ke tanah besar dalam pendekatan 1 dan proses untuk tanah besar telah berjalan sehingga 23%. Secara dalaman, pihak SADA juga merancang untuk menggerakkan program menangani NRW ini, melibatkan kerja-kerja mencari kebocoran melibatkan 160 zon NRW.

Selain itu, pihak SADA juga akan mengaktifkan semula District Metering Zon (DMZ) merangkumi 160 zon. Pihak SADA juga dalam persediaan untuk membangunkan 130 zon dalam tempoh tiga tahun bagi menambahkan bilangan Zon DMZ dari 330 ke 460 bilangan zon. Kerja-kerja bagi meningkatkan bilangan Zon DMZ ini akan dijalankan antara tahun 2021 hingga 2023. Bagi kerja melibatkan skop kerja agihan, pihak SADA bercadang untuk membaik pulih 20 tangki setahun bagi menggantikan 20 tangki lama yang terjejas.

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Boleh tanya?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Lepas lunch lah Yang Berhormat! Untuk masalah yang dibangunkan oleh Air Hitam dan juga Kota Siputeh, bagaimana mereka nak menangani masalah air yang berpanjangan dalam masa sebelum Pelubang dapat disiapkan? Antara skop kerja Loji Rawatan Air pelubang ada 11 skop dan antara 11 skop tersebut mempunyai perkara yang sungguh penting, nombor 10 pemasangan paip air terawat bersaiz 350mm di sepanjang 10 km sepanjang Jalan Ayer Hitam ke kawasan Pida. Perkara kedua, ini tak payah tunggu Loji Air Yang baru itu dinaiktaraf, perkara ini dapat kita lakukan dulu dan dapat digunakan dimanafaatkan oleh pengguna-pengguna di Kawasan Pida dan yang ke-11 adalah pemasangan paip air terawat bersaiz 600mm di sepanjang 5 kilometer di kawasan Tebengau juga akan berlaku. Jadi, jika dua perkara ini kalau dapat dilakukan dahulu akan mengatasi masalah stress air yang amat teruk di dua kawasan ini iaitu kawasan Kuala Kedah dan juga kawasan Pida, Jerlun. Bagilah pra rundingan harga dulu, lepas pra rundingan BDB akan dapatkan 11 kontraktor….. (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Saya rasa kebocoran tu perlu diperbaiki cepat ya Tuan Speaker !

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Okey, saya ambil maklum YB. Kota Siputeh nanti kita check! Kita sedang mengkaji semua tempat-tempat kebocoran Kota Siputeh jumpa kawasan yang mana betul ada kebocoran, boleh hantar kepada SADA Hot Line dan kita akan mengambil tindakan dengan segera

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Dah diberitahu banyak kali. Tetapi tidak diperbaiki sehingga jadi parit. Air keluar banyak. Jadi, yang hujung tak dapat la air la kan.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih, YB. Kota Seputih. Saya ambil maklum.

YB. TUAN SPEAKER

YB. Kota Seputih SMS dekat.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Boleh SMS terus. Betul tu. Terima kasih. Kota Seputih. Untuk projek RTB yang ditanya oleh Kubang Rotan kita dalam proses. Pakej 1 iaitu menaiktaraf Sungai Baru, Sungai Kubang Rotan yang telah siap sepenuhnya pada 17.10.2017.

Pakej 2 adalah menyiapkan baki kerja Projek Pembinaan Lencongan Sungai Baru. Jadual projek sebenar 2.6%, jadual 1.84 dan pakej 3 adalah Menaiktaraf Sungai Tanjung Pauh yang kemajuan sebenar 95%, jadual 97 agak lewat ini mungkin disebabkan MCO. Dan juga.. (YB Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

MCO bukan alasan MCO benda tu. Cuma minta semak balik.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan di bawah peraturan 12.1 (a). Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2:30 petang selepas ditangguh pada jam 1 tengah hari. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Jam menunjukkan tepat pukul 1.00 tengahari. Kita tangguh mesyuarat hingga pukul 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]

[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirahmanirrahim. Dewan disambung semula.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Bismillahirahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, saya sambung kembali jawapan saya. Saya teruskan dengan pertanyaan daripada YB. Suka Menanti mengenai apakah penumpuan perancangan RTB Baling Fasa 2 untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan Siong dan Bongor. Jawapannya, RTB Fasa 2 Baling hanya dirancang bagi mengurangkan masalah banjir di Lembangan Sungai Ketil berdasarkan kajian yang akan dilaksanakan dalam RTB Baling. Walau bagaimanapun, RTB Ulu Baling peruntukan negeri yang akan menumpukan kepada masalah banjir di kawasan Siong dan Bongor. Hasil daripada kajian RTB Baling nanti akan menentukan penyelesaian menyeluruh bagi mengurangkan masalah banjir dan juga keperluan takungan air di kawasan tersebut.

Seterusnya juga soalan daripada YB. Suka Menanti mengenai purata hujan 5 tahun di Kedah dan dibandingkan dengan purata nasional. Purata hujan 5 tahun terakhir Negeri Kedah adalah 2,439 mililiter manakala purata hujan nasional Malaysia adalah 2,404 mililiter. Melihat kepada trend tersebut, menunjukkan bahawa purata hujan Negeri Kedah agak rendah tetapi pendekatan Kerajaan Negeri adalah untuk mengikuti kajian yang telah dibuat oleh National Water Balance Management System (*NAWABs*) yang menyatakan bahawa ada beberapa tempat dalam kawasan Lembangan Sungai Muda yang boleh dipertimbangkan untuk dilakukan takungan air pinggir sungai (TABS). Salah satu projek tersebut telah dimasukkan untuk pertimbangan kementerian untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) akan datang.

Selain itu, saya sambung mengenai soalan daripada YB. Suka Menanti juga mengenai status migrasi. Kerajaan Negeri memuktamadkan RM1.135 billion dan sedang berbincang dengan kementerian untuk dipertimbangkan kelulusan untuk menghapuskira tambahan baki pinjaman sebanyak RM371,249,401.31 yang kita rangkumkan sebagai pelaksanaan projek bekalan air luar bandar.

Walau bagaimanapun, sementara menantikan persetujuan tersebut, kerajaan bersetuju untuk tarikh migrasi dilakukan pada November 2020 akan datang dan kita dalam proses melakukan 'due diligence' (dengan izin) untuk mempertimbangkan aset-aset yang akan diserahkan termasuk 10 loji tersebut. Walaupun dengan migrasi tersebut jumlah yang sedang kita pertikaikan ini boleh dirangkumkan kembali nanti sebagai 'addendum' perjanjian migrasi tersebut. Jadi, kalaupun tidak dipersetujui lagi kita masih boleh 'migrate' dan jumlah ini akan dipertimbangkan kemudian.

Selain daripada itu, untuk kursus CIDB (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)…. (YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tambahan sikit. Selepas daripada ini….(YB. Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

Minta YB. Suka Menanti dulu, dia berdiri dulu.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Jadi, saya mohon sedikit penjelasan tadi tentang RM1.135 billion, itu setakat inilah kan? Kemudian yang RM351 tadi laju sangat tak sempat, ditambah ataupun ditolak RM351 juta. Perjanjian ini sebab bila dah perjanjian, kita ambil pengalaman beberapa negeri lain bila dah tandatangan, jumlah tu akan jadi 'fix' sebab jumlah itu dah jadi jumlah bayaran tahunan daripada negeri kepada federal. Jadi, kita minta dalam proses ini banyak lagi hujah yang patut dibangkitkan supaya jumlah hutang itu diturunkan.

Yang kedua kajian tentang NAWABs tadi saya mohon juga satu lagi adalah kajian hasil ini banyak, kerana memang menunjukkan kuantiti air di Sungai Muda itu sangat tinggi. Buat sementara ini masih lagi 'over flow' itu saja pun dah 1,000MLD. di kawasan yang dipanggil baraj lama. Jadi, saya minta tolong selepas ini bila berhujah pun kita gunakan term baraj lama, jangan panggil baraj PBA sebab baraj itu bukan milik PBA ia milik kita, milik bersama, di sempadan itulah baraj lama.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih YB. Suka Menanti, kita ambil maklum dan kita tak pernah sebut pun tentang baraj lama dan baraj baru. Saya pun dalam ucapan tadi tak pernah bercakap pun mengenai baraj tersebut dan kita ambil maklum. Ya… YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, tambahan lebih kurang sama dan kalau ikut apa yang saya faham tadi, proses migrasi yang dah 10 tahun kut. Akhirnya kita masih menanggung hutang saya ingat sekitar, tolak-tolak tadi saya ingat RM1 billion ataupun kurang sikitlah ataupun kurang lagi, katakan RM700 juta. Tapi pada masa yang sama, mikro, makro tadi kita juga sedang dalam proses nak tamat 2 konsesi Air Indah Utara dan Taliworks, juga masih berhutang dan pada masa yang sama keadaan SADA itu sendiri yang ada masalah tadilah, mikro, makro. Jadi, dalam suasana yang seperti itu, macam mana nak memforword untuk nak pastikan bahawa apabila semua ini berlaku, migrasi berlaku, ambil alih kedua-dua konsesi tadi, kalau nak naik tarif pun tidaklah membebankan sangat. Jadi, saya duk nampak ni akhirnya yang terbeban adalah rakyat sebab tarif akan naik 'for sure', tapi berapa banyak itu saya ingat bergantung kepada bagaimana pengurusan. Jadi, soalan saya di situ.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Yang mana satu soalan tak tau YB. Pengkalan Kundor? Yang mana satu soalan?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Dengan segala proses tadi satu migrasi yang meninggalkan hutang, yang kedua dengan nak ambil alih Air Indah Utara dan Taliworks yang juga kita berhutang dengan dia yang juga kita terpaksa bayar hutang, jadi ini dah satu hutang yang ni dua hutang. Yang ketiga, masalah SADA itu sendiri, kalau 'last year' kita baca dia punya…..(YB. Sungai Tiang mencelah)

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Ok! Ok! Saya rasa nak tanya macam mana kita nak menghadapi semua situasi tersebut. Itu soalannya, terima kasih YB. Pengkalan Kundor, saya nak cepat!

Ok! Saya ingin menyatakan kepada Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Negeri bersedia menghadapi semua situasi tersebut sekaligus. Kita bersedia mengambil alih AUI dan Taliworks, kita bersedia menghadapi migrasi, kita bersedia menghadapi semua kemungkinan di dalam SADA dengan hati yang berjiwa besar kerana inilah satu-satunya aset negeri yang perlu kita hormati dan kita laksanakan demi rakyat. InsyaAllah.

Seterusnya untuk CIDB, untuk YB. Suka Menanti saya ingin nyatakan CIDB terus menjalankan program-program, kita boleh mengikuti laman webnya semua program-program untuk usahawan muda dalam pembinaan, Program Latihan Kemahiran CIDB.

Kemudiannya yang terakhir saya kira bagi YB. Suka Menanti bertanya soalan mengenai Jambatan Manjalara dan laluan tujuh Simpang Kemboja. Untuk pengetahuan YB. Suka Menanti, kita mengambil alih dan akan meneruskan semua rancangan 'rolling plan 4' tersebut. Selagi projek itu ada dalam tajuk, ia akan terus dilaksanakan termasuklah Jambatan Manjalara, kerja-kerja penyiasatan tanah dan ukur telah siap sepenuhnya, pelan pengambilan tanah seksyen 4 dalam peringkat penyediaan juruukur dan dijangka tender pada 30hb. September, 2020. Itu pun tertakluk kepada kenaikan kos dan memerlukan kelulusan oleh pihak NOC (Notis Perubahan). Untuk yang keduanya adalah mengenai laluan 7, ini juga program RMK-11, dokumen pra kelayakan telah dijual pada 16hb. Jun 2020 dan ditutup pada 2hb. Julai 2020, penilaian kewangan sedang berlaku seterusnya tender akan ditawarkan kepada kontraktor yang terpilih pada penghujung bulan September ini, RM450 juta lebih kurang.

Dan sebagai penggulungannya, pada kami prinsip asas bagi pembinaan Kerajaan Negeri ini adalah hasil daripada kerjasama, kolaborasi, muafakat, ukhwah dan konsesus bersama. Yang utamanya adalah penyampaian. Adalah menjadi tanggungjawab kami menjaga kebajikan rakyat, membuka prospek ekonomi, menjamin keharmonian dan kesejahteraan Negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker, sama ada di bangku kerajaan mahupun pembangkang selain bekerja keras untuk mengambil berat kawasan masing-masing, kita sepatutnya membangunkan negeri dan memastikan kesejahteraan hidup rakyat Kedah. Dalam mendepani cabaran Covid-19 ini sewajarnya kita bermuafakat sesama kita mutuskan rantaian musuh ghaib yang menjadi ancaman maut rakyat negeri kita. Patuhi SOP, hindarkan diri daripada ancaman Covid-19. Saya ingin rakamkan ucapan terima kasih dan tahniah saya kepada frontliner ini serta semua jabatan dan agensi termasuklah Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini yang telah menjadi frontliner untuk mendepani rakyat dan masalah rakyat. Kita pasti masalah Covid-19 ini akan berterusan sehingga tahun hadapan. Pastinya rakyat akan berhadapan dengan kesusahan tetapi pasti juga Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan akan memastikan rakyat Negeri Kedah terbela dan terjaga kesejahteraan mereka. InsyaAllah, saya berdoa kita semua diberi kekuatan untuk….(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sikit saja! Sikit saja sebelum ditutup!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Tak pa, sat gi pakai Adun-Adun lain. Kita berikan kekuatan untuk menghadapi Covid-19 yang akan datang. Terima kasih, saya mohon menyokong.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sikit saja! Sikit saja, ia berkaitan sikit. Ya, YB. Tuan Speaker? Ia berkait dengan….

YB. SPEAKER

YB. Sungai Tiang tak sudi YB. Kota Siputeh. Tak palah, sat lagi ada ruang tang mana masuk na?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Ia tak berkait pulak! Ini pasal…

YB. SPEAKER

Dia dah tutup 'flow' dia dah!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Dak! Ini pasal telaga tiub, telaga tiub. Ia perlu segera sebab yang ni lama dah tertangguh!

YB. SPEAKER

Tak pa! Tanya dekat Speaker.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tanya dekat YB. Speaker? Ok, baik! Terima kasih Tuan Speaker. Telaga tiub semasa saya di Kota Siputeh dulu, lebih kurang 6 bulan yang lalu kita dah buat tetapi belum dibayar iaitu bejumlah RM19,000.00 dan kita telah menghantar semuanya kepada Pegawai Kewangan tetapi masih belum dibayar. Satu telaga tiub, satu lagi penyelenggaraan pemasangan 'culvert' tanah runtuh yang berharga lebih kurang RM13,000.00.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB., ni 'flow' siapa ni YB., siapa yang gulung ni YB.?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sebab berkaitan dengan YB. Sungai Tiang, kut boleh percepatkan pembayaran kepada….(YB. Sungai Tiang mencelah)

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

YB. Kota Siputeh…. Pastinya kalau soalan itu begitu 'detail' tidak bolehlah saya jawab pun, pasti kalau dah diterima nanti kita akan jawab secara lain. Boleh tanya soalan-soalan bertulis tadi dalam sesi perbahasan tetapi tidak ditimbulkan. Kalau YB. Kota Siputeh betul-betul serius nak tanya soalan tu kiranya nak jawapan yang sebenarnya pasti YB. Kota Siputeh tanya semasa perbahasan. Betul tak? Tapi kenapa nak tanya semasa kita gulung! Kita pun tak dapat jawapan!.

YB. SPEAKER

YB. Sungai Tiang, ok….. Tak pa… kadang-kadang kalau kita boleh memenuhkan hasrat orang ni lebih baik, kalau ada time nak tulis, tulislah jawab kepada….. kalau ada time na? Teruskan YB. Lunas!

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Bismillahirahmanirrahim. Alhamdulillahirobbil a'lamin wassola tuwassala mu'ala rasulillah waála alihi wasohbihi ajmai'n. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uddatan millisani yafkhohu khauli. YB. Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Kedah, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati oleh Allah sekalian. Alhamdulillah, saya ucapkan kepada YB. Speaker kerana diberikan ruang dan peluang untuk saya menggulungkan sedikit apa yang telah ditimbulkan oleh YB. Ahli-Ahli Dewan dalam sesi perbahasan dan InsyaAllah beberapa maklumat akan saya sampaikan di sini. Soalan yang telah ditanya oleh YB. Sungai Limau, YB. Kuala Ketil, YB. Ayer Hitam, YB. Anak Bukit dan juga YB. Gurun banyaknya tentang isu pertanian iaitu antaranya YB. Sungai Limau menyatakan apakah aplikasi khusus sebagai hub platform pendaftaran petani, informasi bantuan dan sebagainya.

Di peringkat MADA, fungsi dan tugas yang dilaksanakan diselarikan dengan pembangunan sistem teknologi maklumat. Sebagai contoh, sistem-sistem dan aplikasi berikut telah dibangun dan digunakan oleh pihak MADA bagi membantu melancarkan pelaksanaan program yang melibatkan golongan sasar seperti berikut. Golongan pesawah, sistem pengurusan input MADA (SPIM), untuk golongan usahawan eUSAHAWAN dan Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan menggunakan aplikasi Peladang Klik (PKLIK). Untuk makluman YB. Ahli Dewan juga, saya selaku Exco Pertanian dan juga agensi-agensi di bawah saya sedang membangunkan satu database semua usahawan-usahawan tani yang ada dalam Negeri Kedah, data sudah pun ada dalam bentuk hardcopy tapi kita akan digitalizekan supaya setiap pengguna aplikasi ini boleh akses kepada semua usahawan-usahawan yang ada dalam Negeri Kedah ini khususnya usahawan tani, apakah jenis produk yang dikeluarkan. Kalau sayuran-sayurannya bila dijangka keluar, bila dijangka 'harvest' dan sebagainya, berapakah jumlah yang akan dikeluarkan dan dari situ, pemborong, pembeli ataupun pihak-pihak yang ingin membeli boleh menggunakan aplikasi ini.

Jadi, pihak Jabatan Pertanian sedang membangunkan sistem ini dan akan di'list'kan dengan Unit Media Teknologi Maklumat Negeri Kedah. Kemudian, saya tambah sedikit lagi iaitu data tanah terbiar, itu juga sedang kita usahakan. Jabatan Pertanian telah pun mengenal pasti tanah-tanah terbiar yang dipantau oleh Pegawai-pegawai Pertanian Daerah dan ia akan dihubungkaitkan dengan kerjasama Pejabat-pejabat Tanah Daerah untuk mengenal pasti tuan-tuan tanah supaya mana-mana pihak yang ingin ataupun mahu melakukan usaha menanam, membuat projek pertanian dan sebagainya boleh mendapatkan akses tersebut.

Kemudian, YB. Ayer Hitam bertanyakan tentang keselamatan makanan negara, peningkatan hasil. Ya, Alhamdulillah, memang kita dalam Malaysia pada ketika Covid bermula sampailah hari ini bekalan makanan kita cukup, Alhamdulillah. Namun begitu, jaminan keselamatan makanan ataupun 'food security' kita perlu tingkatkan. Hari ini Malaysia khususnya mengeluarkan 70% SSL (Self Services Level) kita dan kita dalam usaha di bawah MAFI (Minister of Agriculture and Food Industries) kementerian baru, dulu dipanggil MOA (*Ministry of Agriculture and Agro-based Industry)* sekarang MAFI sedang dalam usaha untuk meningkatkan SSL kepada 75% dan untuk kawasan MADA, peningkatan hasil mestilah purata yang ketika ini 4.5 ke 5 tan sehektar mestilah ditingkatkan kepada 6 ke 6.5 tan sehektar maka kita akan mencapai matlamat yang telah dijangkakan.

Kemudian, bekalan benih padi sah. Ini juga antara masalah yang ditimbulkan dalam Sidang yang lalu dan hari ini. Bagi memastikan pembekalan benih tidak mendatangkan masalah kepada pesawah, pihak MADA telah mengambil langkah-langkah berikut. Yang pertama aktiviti pengembangan berterusan kepada pesawah agar memilih pelbagai jenis variety yang terdapat di pasaran dan tidak hanya cenderung memilih satu sahaja jenis variety. Kemudian, khidmat nasihat agar pesawah tidak melaksanakan penanaman mono variety bermakna satu variety sahaja dalam satu kawasan bagi mengelakkan serangan penyakit yang menyeluruh. Yang ketiga, koordinasi antara agensi dan pengeluar-pengeluar benih melalui pelaksanaan mesyuarat yang membincangkan keperluan dan isu berbangkit dari semasa ke semasa. Hebahan maklumat berkaitan stok benih padi yang sedia dijual dan sebagainya melalui aplikasi whatsApp dan lain-lain saluran untuk pengetahuan golongan sasar.

Kemudian, pengedaran bantuan baja dan racun sebagai langkah memperkemaskan program pemberian bantuan baja dan racun subsidi, langkah berikut telah dilaksanakan oleh pihak MADA. Melaksanakan proses pemutihan data penerima subsidi melibatkan proses pendaftaran semula pengemaskinian maklumat pesawah yang masih aktif, keluasan usaha sebenar dan status milikan sawah. Kemudian memperkemaskan Standard Operating Procedure (SOP) bagi pengurusan dan agihan bantuan subsidi kepada peladang. Yang ketiga, mengadakan latihan dan kemahiran kepada pegawai yang terlibat di dalam proses agihan subsidi bagi menambah pengetahuan dan kecekapan.

Yang seterusnya adalah masalah yang berkaitan dengan kaedah kadar pemutuan padi. Saya juga ada maklumat terus dari IPB (Industri *Padi* dan Beras). Kaedah pemutuan padi, pemutuan adalah proses pengredan padi bagi menilai kualiti bersih padi yang dihasilkan oleh pesawah. Kriteria pemutuan adalah melaui pengasingan 4 perkara berikut; kandungan kelembapan padi yang pertama 'moisture content', padi rosak, padi muda dan hijau, bendasing yang terkandung dalam padi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk meningkatkan pengeluaran padi ini juga adalah melalui sokongan Kerajaan Pusat bagi membangunkan infrastruktur tersier, penyaluran peruntukan daripada Kerajaan Pusat bagi membangunkan kemudahan pengairan tersier di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP) bagi meningkatkan kepadatan infrastruktur dari 18 meter sehektar kepada 30 meter sehektar. Sejumlah 43 blok pengairan akan dibangunkan sistem pengairan tersier bermula daripada Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) sehinggalah ke Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

YB. Tuan Speaker,….(YB. Kota Siputeh minta laluan)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Tuan Speaker, boleh bertanya? Boleh?

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Saya belum habis lagi, sat gi saya ada nak sentuh apa yang YB. Kota Siputeh bangkitkan tentang isu nelayan di Sanglang itu.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tidak, ini pasal padi.

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Pasal padi? Tak pa, satgi bagi saya cerita perabis dulu satgi bangun tanya.

YB. Tuan Speaker, maklumat pasal kaedah pemutuan padi ini menjadi isu yang sering diutarakan oleh penanam-penanam padi. Saya juga ingin menyampaikan maklumat yang diberikan oleh IPB iaitu kaedah pemutuan yang diguna pakai adalah sama sepertimana diiktiraf Jabatan Standard Malaysia. Bukan semua proses dibuat secara manual, penentuan wap basah dan pengasingan hampa menggunakan mesin tetapi pengasingan padi muda dan masak menggunakan kaedah manual. Potongan melebihi 35% biasanya merupakan kes-kes isolasi yang disebabkan oleh penyakit dan bencana. Petani terlibat masih dibantu oleh kerajaan melalui program tabung bencana. Jumlah kes potongan melebihi 35% juga adalah sangat kecil iaitu kurang daripada 0.5% daripada jumlah keseluruhan padi yang dihasilkan. Sementara itu, 98% daripada hasil yang dituai pemutuannya di bawah 25% (maklumat tahun 2019) dan padi-padi yang kualiti pemutuannya 35% ke atas merupakan padi jatuh, padi jatuh mutu atau rosak yang masih dibeli BERNAS selaku pembeli terakhir padi pada harga pasaran. Itu tentang padi.

Kemudian saya nak sebut isu yang dibangkitkan oleh saya ingat YB. Kubang Rotan dan YB. Kota Siputeh tentang isu lambakan ikan di kawasan…..(YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Pasal padi tadi….

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Ok, sila! Tanya pasal padi.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya nak perbetulkan sebab saya tak sempat nak berbahas tak dibenarkan bebahas…(YB. Lunas mencelah)

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Teruskan soalan! Teruskan soalan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Saya nak bagitaulah sebab saya timbulkan soalan-soalan ini kerana saya tidak berkesempatan untuk bahas, jadi saya ambil kesempatanlah bila ada isu saya bangkitkanlah. Kes kemarau yang berlaku beberapa bulan yang lalu, adakah sudah dibayar pampasan kepada petani-petani? Itu soalannya.

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Ada! Nanti satgi nak gulung tu, di hujung Portfolio Pertanian. Alhamdulillah, Kerajaan Persekutuan melalui usaha-usaha daripada pengumpulan data yang dibuat oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian dan sebagainya dan saya sendiri yang sering 'follow up' dengan menteri, Alhamdulillah, petani-petani musim kering yang kena musim kering hujung tahun lepas sampailah awal tahun tempohari telah pun diluluskan pembayaran pampasan sebanyak RM5.185 juta yang merangkumi 5,900 hektar dan akan dibayar. Duit tu dah sampai ke LPP, Kedah dan akan dibayar dalam masa yang terdekat. Kita sedang menyusun program untuk menyampaikan kepada petani-petani yang terlibat.

Kemudian, isu lambakan ikan di kawasan Kuala Sanglang, Kedah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (TEMCO) di Kuala Sanglang, Perlis. Kerajaan telah melaksanakan TEMCO selama 28 hari bermula 8hb. Ogos 2020 lalu membabitkan 2 kampung iaitu Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul akibat penularan kluster Sivagangga. Nelayan di kawasan Kuala Sanglang yang berdaftar sebagai Ahli Persatuan Nelayan Kuala Kedah adalah seramai 163 orang.

Hasil penangkapan didaratkan di Kompleks LKIM Kuala Sanglang serta jeti-jeti swasta yang terdapat di sepanjang pesisir sungai dan pantai Kuala Sanglang. Pendaratan di Kompleks LKIM bagi tempoh Jun hingga Julai adalah sebanyak 6.8 metrik tan. Sepanjang TEMCO dilaksanakan tiada pendaratan direkodkan di Kompleks bagi bulan Ogos, 1 hingga 24 Ogos 2020. Rekod pendaratan di Pusat Pengisytiharan Kuala Sanglang keseluruhan pendaratan bagi bulan Januari hingga 24 Ogos 2020 adalah sebanyak 8,000 metrik tan lebih. Pendaratan bagi bulan Ogos mencatatkan penurunan iaitu sebanyak 42 metrik tan sahaja. Berdasarkan rekod, didapati tiada isu lambakan pendaratan dikenal pasti di kawasan Kuala Sanglang. LKIM juga menerima sebarang aduan berkaitan lambakan ikan ekoran TEMCO yang dilaksanakan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, saya sendiri akan turun ke kawasan itu untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Ini maklumat dari Jabatan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, jika ada benar masalah untuk memasarkan ikan dan sebagainya.

Kemudian, saya akan ke isu masyarakat India. Terima kasih YB. Kota Darulaman yang menyebut Lunas tidak berpengalaman, saya bukanlah orang India, tak pa tak ada masalah. Untuk makluman YB. Kota Darulaman, pengundi India dari kawasan Lunas daripada 50,000 pengundi, 28% adalah pengundi India, merangkumi 11,000 lebih banyak daripada kawasan YB. Bukit Selambau. Untuk makluman YB. Kota Darulaman juga, saya sejak kecil dah biasa dengan kuil ni. Bapa saya adalah tenaga pengajar Kelas Perpaduan Rakyat, kelas itu di sebelah kuil, daripada kecil saya dengan masyarakat India dah biasa, saya makan tosey di rumah orang India biasa, makan vadey di rumah orang India biasa, makan kurma kambing di rumah orang India biasa. Jadi, saya tawarkan diri kepada YAB. Menteri Besar untuk ambil portfolio itu kerana tidak ada Exco daripada kalangan masyarakat India. Memang ada masalah-masalah, saya ingat kalau kuil di KTM itu sudah pun diberikan notis berkali-kali, aduan dibuat semenjak kerajaan yang lalu, tapi hanya boleh ditanguh, ditangguh dan ditangguhkan dan sampai masa pihak MBAS telah pun memberikan notis yang terakhir dan kita runtuhkan. Tapi untuk makluman YB. Kota Darulaman, ada banyak lagi isu masalah kuil ini, saya bagi contoh di Sungai Petani di Ambangan Height, pemaju SP Baiduri yang menerima notis daripada MPSPK untuk dirobohkan kerana tidak ada kebenaran merancang. Saya sendiri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Masyarakat India turun bermesyuarat dengan pihak Kuil Sri Mariaman di Ambangan Height tu bersama pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani kita berbincang dengan pihak pemaju, pihak kuil dan pihak MPSPK supaya saya mahu rumah ibadat suci orang India ini tidak diubah-ubah dan sebagainya, mestilah dibuat dengan mengikut peraturan.

Maka sebab itu saya minta pihak pemaju pada ketika itu ada wakil pemaju SP Baiduri untuk 'relocate' semula dan masuk kebenaran merancang letakkan pelan di mana letak kuil yang sebenarnya dan akhir sekali Alhamdulillah, saya mendapat maklumat pihak pemaju bersetuju dan selepas ini kuil itu boleh dibina dengan ada kebenaran merancang dan rumah suci ibadat orang India ini dapat diteruskan dengan lebih baik. Saya juga menerima notis-notis ataupun permohonan sokongan daripada kuil di Kulim, Sri Mariaman juga dekat dengan Pejabat Pos Malaysia yang permohonannya dibuat dengan SOP yang betul. Itulah antara perancangan Jawatankuasa Masyarakat India supaya kuil-kuil yang tidak didaftarkan, tidak ada kelulusan, tidak ada kebenaran merancang, disusun dan ditadbir semula. Ok? Dan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Masyarakat India, saya dah pun dilantik sebagai Exco pada 20hb. Mei 2020 saya bermesyuarat pada 1 Jun 2020 selepas 40 hari sahaja saya dah bermesyuarat Jawatankuasa Pre Council. Saya dimaklumkan oleh Ahli Jawatankuasa, "terima kasih YB., sebelum ini kami tidak ada Mesyuarat Jawatankuasa", depa bagi taulah. Saya kata, "tak pa, tak dak masalah, yang penting saya ambil tanggungjawab ini dan saya bermesyuarat". Banyak perkara yang ditimbulkan ialah bukan hanya kuil, bagaimana sosial masyarakat India anak muda yang mabuk, samseng dan sebagainya, masyarakat Hindu yang tidak beragama, maksudnya dia ada agama Hindu tapi dia tidak mengamalkan. Itu juga antara perkara, masalah ekonomi, banyak lagi masalah orang India, bukan hanya masalah kuil yang kita nak bangkitkan tapi kita nak bincangkan semua perkara. Itu untuk rumusan dan pengetahuan pihak semua. Saya Azman bin Nasrudin menjaga masyarakat India

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker…Tuan Speaker, saya nak mencelah sedikit.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Speaker, mohon mencelah sikit ya? Untuk pengetahuan YB. Lunas, semasa RIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam) bermesyuarat pada bulan pertama, ini saya bercakap dengan Jawatankuasa Kuil Jalan Stesyen. Dato' SUK selaku Pengerusi RIBI pada ketika itu memohon kepada pihak kuil untuk hantar satu laporan lengkap bagaimana kita boleh menangani masalah kesesakan di jalan Stesyen dan juga kepada pihak kuil untuk membuat sedikit cadangan bagaimana boleh menangani masalah. Selepas itu saya sendiri ada pergi ke tempat itu secara solo-solo dan melihat apa masalah yang berlaku di sana.

Sebenarnya kuil itu bukan ada masalah langsung, yang masalah di sana adalah jalan itu harus di'one way'kan. Masalah grab banyak di sana, masalah kesesakan hanya berlaku pada ketika keretapi itu datang, lain-lain masalah tak ada langsung. Jadi, kalau hari itu tindakan bijak pihak kerajaan supaya memastikan tidak ada perobohan yang berlaku itu adalah perkara lebih baik. Tuan-tuan harus faham kuil itu telah dibina sebelum stesyen keretapi ada di sana dan kuil telah wujud. Jadi, sebelum jalan keretapi itu ada, sebelum pejabat keretapi itu ada, orang India dah datang dari India dan mereka datang tinggalkan anak isteri semua, satu-satu tempatnya adalah tempat sembahyang kuil kecil sahaja. Kuil itu langsung tidak membuat halangan kepada perjalanan, cuma MBAS kalau betul-betul prihatin kepada kaum India di sini dia akan membuat satu usul seperti yang dicadangkan oleh YB. Dato' SUK buat 'one way' saja. Fahamkah tuan-tuan, kalau hari tu jika MBAS bersama kerajaan buat satu perbincangan yang baik, kuil ini tidak boleh dirobohkan langsung, sensitiviti agama, sensitiviti kaum, harus dihormati sekalian. Itu yang penting! You kena faham!

YB. EN. AZMAN BIN NASRUDIN

Saya faham! Saya faham! Terima kasih YB. Bukit Selambau…..saya dah bagi laluan. YB. Tuan Speaker, 'this is my flow'.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Saya pohon YB. Tuan Speaker kepada jasa baik kekanda saya YAB. Jeneri supaya kaji semula semua masalah-masalah kuil yang ada di negeri ini.

YB. SPEAKER

Ok! Ok!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Please, itu yang very important then you are for nation for the country.

YB. SPEAKER

Dalam Dewan kena bercakap bahasa Malaysia!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ok, 'sorry'. Pastikan itu sangat penting. Kalau hari itu kita selamatkan kuil itu, YAB. Menteri Besar nama akan naik sebab toleransi kaum mesti ada, toleransi agama mesti mau ada. Kita langsung tiada halangan sebab hari itu kita dah tingkatkan walaupun kita dah dapat surat dari MBAS, tapi selepas kita bincang dengan pihak SUK kita bagi tempoh 3 bulan untuk ambil apa-apa tindakan dan dalam masa itu tempoh Covid dan kita tidak boleh berbuat apa-apa.

YB. SPEAKER

Ok! Ok! YB. Bukit Selambau!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Terima kasih YB. Bukit Selambau di atas pandangan, di atas pencerahan, di atas cadangan dan sebagainya…..(YB. Bukit Selambau mencelah)

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Saya nak habiskan satu saja, 'please give me chance time'. Di Indonesia penduduknya 300 juta lebih kurang, majoriti Islam. YB. tau, di Kota Jakarta dalam istana ada satu kuil Hindu yang beratus ribu tahun umurnya, walaupun negeri-negeri Islam, majoriti penduduknya Islam kuil itu ada dalam istana itu, kota wali, wakil di sana beritahu itu adalah warisan kita, nenek moyang yang wujudkan benda itu dan kita jadikan kuil itu sebagai warisan dan sekarang kuil itu menjadi tempat pelancongan. Itu kuil yang sangat besar tuan-tuan, kalau tuan-tuan pergi ke Jakarta. Jadi, saya pohon jasa baik, saya pohon prihatin kepada Kerajaan Negeri jangan ganggu gugat keadaan tempat kuil yang sudah ada. Yang baru boleh kita ikut SOP dan sebagainya, itu yang penting….(YB. Lunas mencelah)

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

OK! Ok! Saya faham! Terima kasih YB. Bukit Selambau di atas pandangan.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

You tau negeri Selangor tumbang pada tahun 2008 kerana apa? Kerana masalah kuil, di sana ada dekat 1 juta penduduk.

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Tak pa, nanti YAB. Menteri Besar akan memberi pencerahan.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YAB. Menteri Besar tolong lihat perkara ini sangat penting. Kalau tuan-tuan, saudara-saudara…

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

YB. Speaker! YB. Speaker! Mintak…

YB. SPEAKER

YB. Bukit Selambau, sila duduk!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Speaker.

YB. SPEAKER

Teruskan. Duduk!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker, saya dah lama dah, persoalan saya tidak dijawab soalan yang saya tanya dekat Dewan.

YB. SPEAKER

YB. Kota Darulaman duduk! YB. Lunas, teruskan 3 minit lagi!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

Baik! Satu lagi isu ataupun cadangan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Pre Council Jawatankuasa Masyarakat India yang diadakan pada 30 Jun seperti yang dicadangkan di dalam Sidang Dewan yang lalu iaitu cadangan Hindu Endowment Board. Jadi, dalam Jawatankuasa Masyarakat India yang saya pengerusikan dan Timbalan Pengerusi oleh YBhg. Dr. Krishna, kita telah mencadangkan dan semua Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk kita menubuhkan yayasan bagi menguruskan Hal Ehwal Masyarakat India dan Bukan Islam di Negeri Kedah. Itu adalah keputusan Mesyuarat Pre Council Jawatankuasa Masyarakat India. Lain-lain saya ingat….(YB. Tuan Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

'Conclusion'! 'Conclusion'!

YB. ENCIK AZMAN BIN NASRUDIN

'Conclusion' kepada apa yang telah dibincangkan dan dibentangkan ataupun dibahaskan oleh rakan-rakan disebut tentang pengkhianat (nak kata kat sapa lagi kan?). Beginilah, saya pun sebenarnya tak maulah menjawab isu ini dalam Dewan tetapi dibangkitkan bertalu-talu dan bertubi-tubi. YB. Tuan Speaker, saya ada pandangan dan pendirian saya yang tersendiri. Parti yang saya huni 20 tahun itu berjalan dengan baik selama 20 tahun. Tetapi apabila ia ditadbir oleh presiden yang baru, saya melihat dalam pentadbiran beliau untuk menguruskan parti itu sudah pun caca merba, tak sampai 1 tahun parti itu jadi caca merba dan presiden itu lah yang nak diangkat sebagai Perdana Menteri dan akan disokong oleh rakan-rakan Adun di sebelah sana. Adun tak boleh sokonglah, pemimpin-pemimpin Ahli Parlimen di sebelah sana. Jadi, saya buat keputusan saya mesti membuatkan satu 'move' yang baik untuk diri saya.

Kalau saya nak dilabelkan pengkhianat dan sebagainya silakan, labellah sepuas hati dan kelmarin pun YB. Tuan Speaker telah pun membuka ruang untuk melepaskan perasaan dendam. Itulah, saya pun dengar kelmarin, jadi hari ini saya cuma nak bagitau silakan boleh teruskan label dan berkempenlah di tempat saya nanti sebutlah "Cikgu Man" pengkhianat dan sebagainya. Tapi akhir sekali ialah rakyat nak melihat wakil rakyat itu berperanan dengan baik. Betul, saya ada tanggungjawab kepada parti saya, tapi saya juga ada tanggungjawab kepada rakyat yang saya bimbing, saya jaga di kawasan saya Lunas dan sehingga hari ini saya terus menjalankan tugas dan khidmat bakti saya melalui 'team' Pusat Khidmat DUN Lunas menjalankan tanggungjawab, menjalankan apa-apa yang patut untuk diberikan kepada rakyat. Alhamdulillah, sehingga hari ini, walaupun ada yang ektremis parti akan melabelkan, saya terbuka silakan, tidak ada masalah. Kita serahkan kepada rakyat dalam Pilihanraya Umum Ke-15, kalau saya dinamakan lagi sebagai calon saya akan bertanding, kalau tidak dimakan kita berundur diri daripada politik. Tapi, keputusan atau langkah yang saya buat ini adalah langkah yang terbaik untuk masa depan negara Malaysia pada hari ini dan saya bersama rakan saya YB. Sidam kami pun telah mengumumkan akan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia dalam masa yang terdekat ini untuk menyokong penuh kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Presiden Bersatu dan juga Perdana Menteri Malaysia untuk menstabilkan rakyat, menstabilkan negara dan sebagainya. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong titah usul Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Terima kasih. Kelmarin saya tak boleh bangkit YB. Pengkalan Kundor, saya dengar saja!

YB. SPEAKER

Habis dah YB. Pengkalan Kundor, saya ingat Presiden Sukaerno bangun semula.

Tuan-tuan, Ahli-Ahli Dewan, saya inginlah menarik perhatian Peraturan 36(6) "Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain". Jadi, selepas daripada ini kita tak payahlah duk cerita pasal kianat, ia jadi mengeluarkan sangkaan jahat kepada orang lain. Jadi, kalau kita nak ikut perkara 36(6), yang sudah, sudahlah kita cerita yang ke depanlah. Kalau pihak penggulung pun kalau ada hat nak gulung macam tu 'delete'lah. Puas dah bagi YB. Lunas jawab tu sebab ia merangkumi semua dah.

Silakan YB. Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Bismillahirahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah wassola tuwassala mu'ala rasulillah, waman tabi'ahum wa rasuluhu mawalah. A'uzubillahiminasyaitonirajim


وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ
وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٥﴾
ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ﴿١٥٦﴾
ah A-Baqarah ayat 155-156

"Demi sesungguhnya kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu kesusahan mereka berkata, "sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali".

Saya sengaja membawa ayat 155 Surah Al-Baqarah ini dengan isu covid yang melanda negara kita pada hari ini. Terima kasih YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar dari Jeneri, rakan-rakan dan YB. Exco sekalian, sahabat-sahabat Ahli-Ahli Yang Berhormat, YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan YB. Penasihat Undang-undang, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan dari Persekutuan dan juga Negeri serta hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang majoriti bangun, tidak ada yang tidak bercakap berhubung dengan Covid-19 ini. Terima kasih semua yang telah begitu prihatin terhadap isu yang sedang berlaku dalam dunia dan juga negara kita pada hari ini. Dan kita semua sedia maklum bahawasanya wabak ini telah pun menyebabkan kematian 815,000 orang dan 24 juta manusia telah dijangkiti oleh Covid-19 pada hari ini. Dikatakan lebih daripada 5,000 kematian direkodkan sehari dan 200,000 kes dalam masa 24 jam telah berlaku. Mengikut data daripada Johns Hopkins University di Amerika Syarikatlah negara yang paling ramai sekali 5.76 juta, Brazil 3.6 juta, India 3.2 juta dan Rusia 963,655 kes. Apa yang menjadi kerisauan kita, WHO (World Health Organisation) telah mengatakan bahawasanya wabak ini kemungkinan akan berlaku sehingga 2 tahun, maknanya 2022 kemungkinan baru ia akan habis. Dikesempatan ini marilah kita sama-sama mengucapkan syabas dan juga tahniah kepada semua frontliner daripada staf Kementerian Kesihatan Malaysia, PDRM, ATM, RELA, APMM, JKM, Jabatan Zakat, NGO yang telah membantu, sukarelawan, parti-parti politik, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta kakitangan masing-masing dan mereka-mereka yang tak disebut dalam senarai ini yang telah menyumbangkan tenaga mereka di dalam membendung wabak Covid-19 ini sehingga kini dan seterusnya untuk masa-masa yang akan datang sehinggalah selesai ataupun diangkat oleh Allah s.w.t wabak Covid-19 ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah Kesihatan Negeri Kedah dan Timbalan Pengarah yang saban hari, saban malam mungkin sampai tak tidur kut untuk menyiapkan data berhubung dengan kes-kes covid yang berlaku setiap hari sehingga dia boleh tau kes yang ke 9,133 selepas itu ke mana kes itu pergi dia boleh cari sampai macam tu sebab itulah keluarnya kluster-kluster Sivagangga, Muda, Sala, Tawar dan kelmarin ada satu di Pendang tetapi belum positif lagi, sampai kena tutup pasar malam yang ada di Pendang.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, apa yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dan ada beberapa isu yang telah dibawa yang saya rasa perlu kepada penjelasan lanjut iaitu berhubung dengan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan. Sebenarnya di peringkat negeri kita melalui Jabatan Kesihatan Negeri, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) berhubung rapat dengan Majlis Keselamatan Negara mengesyorkan syor-syor yang perlu kita laksanakan untuk mengawal wabak Covid-19 ini.

Antaranya yang telah dilaksanakan mungkin menjadi isu kepada Ahli-AhlIi Yang Berhormat adalah TEMCO yang dilaksanakan di Kubang Pasu. Saya mengucapkan tahniah kepada Kubang Pasu dan juga Padang Terap khususnya Kampung Hulu yang telah ditamatkan TEMCO hari ini dan juga kepada mereka-mereka yang telah membantu masyarakat di Kubang Pasu dan juga di Padang Terap. Padang Terap ni dia tak ramai, hanya satu kampung sahaja iaitu Kampung Hulu, di Kubang Pasu 4 mukim dan juga sampai ke Megat Dewa. Kluster yang terjadi di sana ialah Kluster Sivagangga yang dibawa oleh seorang pemastautin tetap yang pulang dari India yang kita semua tahulah beliau pun sekarang berada dalam penjara disebabkan oleh dia tidak mengikut SOP yang telah dilaksanakan. Apa yang begitu menggusarkan kita adalah genum yang telah diisytiharkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan adalah D614G iaitu satu genum virus ini yang boleh menyebarkan sehingga kepada 10 orang yang biasanya 4 orang tapi genum ini menyebarkan covid kepada 10 orang kontak dia. Ini masalah yang dihadapi di Kluster Sivagangga. Tapi Alhamdulillah, apa yang berlaku di Muda, di Tawar tidak sepertimana di Sivagangga tetapi ianya tersebar secara kita panggil ada kes-kes yang sporadic maknanya dia timbul kes, timbul kes maknanya di banyak tempat. Sebab itulah syor-syor kita untuk menghadang di hadapan seperti yang saya sebut “melepaskan baton di hadapan”, baton itu tidak dapat diterima oleh MKN dan kita masih lagi mengharapkan sesuatu boleh dilakukan oleh mereka supaya kita dapat mengawal dengan lebih cepat apa yang berlaku disebut sebagai Kluster Tawar ini.

YB. Tuan Speaker dan dan sidang hadirin yang dihormati sekalian, menyentuh tentang apa yang telah dilaksanakan oleh JKN ataupun Kerajaan Negeri untuk menghadapi apa yang disebut sebagai masalah Covid-19 ini saya nak menyatakan sedikit sebanyak berhubung dengan bantuan yang telah kita diberikan. Bantuan one-off RM300 sebanyak RM9,090,000.00, makanan bermasak kepada frontliner yang telah kita berikan RM299,898.00, ‘food bank’ kepada pelajar UniSHAMS, pelajar UUM dan pelajar Kedah di Mesir sebanyak RM100,000.00, pek barangan keperluan asas kepada 36 DUN sebanyak RM4,110,000.00, pembelian peralatan perubatan kepada Hospital Sultanah Bahiyah RM429,900.00, pembelian ‘face mask’ dan ‘hand sanitizer’ kepada petugas dan agensi terlibat RM750,000.00, keperluan peralatan di jabatan dan klinik kesihatan RM93,525.00, sumbangan khemah bagi kegunaan klinik-klinik kesihatan di Negeri Kedah, ini sedang kita jalankan RM88,000.00 dan sumbangan “Sentuhan Kasih Kluster Sivagangga” fasa pertama RM49,980.00, RM15 juta lebih kalau tak silap saya.

Saya juga menyeru kepada masyarakat supaya patuhilah segala apa yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, mungkin YB. Tuan Speaker pun 'familiar' dengan ini lah na, iaitu 3W dan elakkan 3S. Maknanya sentiasalah membasuh tangan, basuh muka, basuhlah apa pun yang bertujuan untuk menjaga kebersihan diri kita, pakai mask ini (sambil menunjukkan mask). Sebab itulah disuarakan oleh, saya ingat YB. Bakar Arang ataupun YB. Kota Darulaman berhubung dengan SOP dan kena saman kut disebabkan oleh tak pakai mask. Amaran-amaran yang telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan yang perlu kita patuhi, jangan bersalaman atau bersentuhan, amalkan etika ketika bersin dan juga batuk, lakukan disinfeksi (nyah kuman), duduk di rumah, dapatkan rawatan jika bergejala, selsema ka, bersin ka, batuk ka, dapatkan rawatan dengan segera dan elakkan 3S, kerap membasuh tangan, penjarakan sosial, gunakan pelitup muka. 3S ni sesak, sempit dan juga sembang dekat, kalau nak sembang dekat kena pakai yang ni lah (sambil menunjukkan mask). Sebab penyebaran virus ini adalah kita panggil 'droplet' melalui semburan-semburan daripada mulut, hidung dan tekak serta percakapan yang kita lakukan.

YB. Tuan Speaker, yang keduanya berhubung dengan tugas yang dilaksanakan. Saya nak sentuh yang ini dulu untuk kefahaman masyarakat di luar sana kemudian barulah saya nak sentuh apa yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tentang saringan yang telah dilakukan di Negeri Kedah ini. Sehingga 25 Ogos 2020 seramai 23,558 individu telah dilaksanakan saringan. Sebab itulah semalam saya sebut 200 kes tetapi hari ini dah meningkat menjadi 207 kes hasil daripada saringan yang telah dilaksanakan. Untuk makluman kita semua, kos untuk mengadakan saringan ini dilakukan sebagai PCR (Polymerase Chain Reaction). Untuk rakyat tempatan kosnya satu RM150.00, untuk rakyat asing RM250.00. Untuk 'repeat test antigen' ini cepat dalam masa 4 jam kita dah boleh dapat dia punya result, untuk rakyat tempatan RM60.00, untuk mereka yang datang dari luar negara RM120.00 untuk satu test. Kemudian repeat test untuk antibodi, ini biasanya kita buat selepas 13 hari, kita buat screening yang pertama, buat semula kosnya rakyat tempatan RM30.00, mereka yang datang dari luar negara RM60.00, bayangkan kos yang ditanggung untuk kita melakukan screening, itu di Negeri Kedah sahaja sebanyak RM23,558.00. Setakat 25 Ogos 2020, 4 kluster penularan di Negeri Kedah ini Sivagangga 31, Tawar 59 (naik 7 kes), Muda 3 dan Sala 11. Inilah kes-kes yang sedang terjadi berlaku dalam Negeri Kedah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, apa yang telah disebut oleh Kementerian Kesihatan sebagai SOP ataupun "norma baru" yang terpaksa kita ikuti, maknanya patuhilah apa yang telah diarahkan oleh mereka.

Kemudian, isu-isu yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat iaitu YB. Suka Menanti…(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Spekaer, pencelahan sikit. Terima kasih. Kelmarin kita ada 7 kes baru, 5 daripada kluster tawar dan 2 lagi tu saya tak pasti saya ingat itu kes sporadic. Jadi, kalau 2 ini kes sporadic, saya ingat pelajar UUM dari Sabah itu yang pertama, yang kedua saya lupa, yang ketiga yang hari ini dan yang keempat yang kelmarinlah 2 tu. Jadi, sporadic bermaksud kuman telah berada dalam komuniti, kalau kluster tu 'straight for word', dia daripada kluster-kluster berjangkit tetapi apabila sporadic maknanya kuman itu telah berada dalam komuniti. Jadi inilah penekanan kita saya rasa setiap individu dan juga setiap kita termasuk di semua peringkat dan saya rasa Kerajaan Negeri patut mewar-warkan lagi dan memberi kesedaran lagi tentang hat 3 tadi, tentang 3S, 3W ini. Supaya apa? Supaya kita pastikan bahawa apabila kita jaga diri kita InsyaAllah kita selamat sebab bila berada dalam komuniti kita bimbang besok akan ada lagi bukan daripada kluster tapi sporadic daripada komuniti. Kebimbangan kita bila telah berada di dalam komuniti itu maka 'chancess' kita nak kena itu lebih tinggi. Jadi, ini berupa cadangan daripada saya untuk Kerajaan Negeri memperluaskan lagi hebahan, sebaran supaya semua rakyat ini sedar betul-betul bahawa gelombang kedua ini akan berterusan kalau tindakan-tindakan yang sepatutnya kita buat tadi kita tidak ambil. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tambah sikit YB. Tokai.

YB. SPEAKER

YB. Tokai ada 2 minit lagi!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Nak tanya sikit. Saya mencadangkan juga sepertimana YB. Pengkalan Kundor berkenaan perbelanjaan daripada pihak Kerajaan Negeri.

Kita mengesyorkan supaya kalau Kerajaan Negeri boleh sebagai contoh pusat-pusat kuarantin kita tau sebelum ini zaman kami 'green zon', zaman sekarang ada 4 kluster tapi walau bagaimanapun, mungkin kita boleh belanja lagi sebelum sampai ke peringkat sebagaimana disebutkan sebentar tadi. Kalau kita takut berbelanja untuk membuka pusat-pusat kuarantin dan sebagainya, saya tak taulah tetapi kalau tak dak pun kena minta sampai ke Kerajaan Persekutuan, mungkin YAB. Menteri Besar boleh minta ke peringkat sana untuk mengawal bersungguh-sungguh. Kalau kita dalam MKN itu sendiri pengalaman yang kami ada itu kami rasa kalau kita betul-betul, kita kawal betul-betul saya yakin InsyaAllah boleh membantu rakyat Negeri Kedah ini. Terima kasih.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Sekaligus boleh? Senang nanti. Ok, terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Tokai. Yang pertama syabas dan terima kasihlah kepada frontliner dan Jabatan Kesihatan di atas usaha. Saya ingin memohon satu sahaja untuk pertimbangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat sebab semalam kita tengok 7 kes itu 5 kes adalah budak sekolah dalam satu sekolah yang menjangkiti mereka dan saya harap kerajaan boleh mengambil keputusan untuk menutup sekolah terbabit dalam kawasan yang terjejas itu dengan lebih segera supaya ia boleh putuskan rantaian itu. Jika kita lambat mungkin akan berlaku seperti itu dan ibubapa juga sangat bimbang untuk menghantar anak-anak ke sekolah dan anak-anak ada pilihan untuk tidak pergi ke sekolah tetapi guru-guru tidak ada pilihan, mereka mungkin bimbang tetapi mereka terpaksa juga pergi ke sekolah dan juga disebabkan murid-murid yang terlalu kecil mereka belum betul-betul boleh faham untuk mematuhi SOP dengan sepenuhnya. Saya harap pertimbangan kerajaan boleh bertindak lebih segera bila ada kes untuk menutup sekolah. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor, YB. Kubang Rotan dan YB. Bakar Arang. Saya rasa ini semua pandangan-pandangan yang baik, kita akan masukkan ke dalam perbincangan di JKKN, InsyaAllah. Apa yang baik untuk rakyat kita akan laksanakan.

Menyentuh juga tentang pusat kuarantin ini, saya rasa kita dah ada di Sungai Petani, Hotel Seri Malaysia di Alor Setar, kita telah buka pusat kuarantin tersebut. Mereka-mereka yang positif biasanya kita ambil dan masukkan ke dalam wad di Sultanah Bahiyah. Kuarantin ini untuk mereka yang balik dari luar negara.

Kemudian saya nak sentuh sedikit tentang apa yang disebut oleh YB. Suka Menanti berhubung dengan Pasar Kampung Berjaya. Semakan yang kita buat dengan Kementerian Kewangan dan ICU, Jabatan Perdana Menteri, didapati projek pembangunan semula Pasar Kampung Berjaya tidak pernah mendapat kelulusan di bawah mana-mana peruntukan. Projek pembangunan Pasar Kampung Berjaya tidak dapat diteruskan memandangkan keadaan ekonomi yang tidak berapa stabil dan bagi perancangan masa depan, pembangunan secara menyeluruh di kawasan tersebut akan dibangunkan. InsyaAllah kalau ada peruntukan kita akan meneruskan usaha-usaha yang ditimbulkan oleh YB. Suka Menanti tersebut.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Speaker, memang kalau saya semak pun sebelum ini ada disebut berkali-kali tapi sebenarnya tidaklah sampai peringkat selesai. Sebab itu kita menulis semula dan kita merancang semula dengan saiz dan sebagainya barulah pihak ICU, JPM menerima permohonan kita tapi tidaklah sampai peringkat kelulusan. Cuma yang kita minta ialah supaya kita akan teruskan merancang supaya mendapat 'priority' utama khususnya menggunakan MBAS dan sebagai orang tempatan juga saya akan terus menulis dan berbincang dengan pihak ICU, JPM yang telah pun direkodkan di sana permohonan kita.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Suka Menanti di atas usaha yang telah ditunjukkan…..(YB. Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

1 minit lagi na YB. Tokai, 'landing' terus!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Duit syiling boleh masuk dalam poket, banyak lagi ni.

YB. SPEAKER

Kalau kita sanggup sampai pukul 6 tak pa..'timing' kena jaga.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Semua bercakap pasal covid ni. Berhubung dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh PBT untuk membantu mereka-mereka yang terkesan dengan covid ini, berdasarkan kepada kenyataan Menteri Kanan Keselamatan pada 17 April 2020 yang mengatakan individu yang menghantar makanan perlu mendaftar dengan PBT. Ini kita dapati ramai anak-anak muda yang mendaftar dengan PBT untuk usaha tersebut sebagai COD lah seperti food panda, grab untuk menghantar makanan. Alhamdulillah, golongan-golongan muda telah melibatkan diri. Juga Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada PBT untuk mengeluarkan permit sementara macam di MBAS kita dah keluarkan banyak permit sementara untuik mereka berniaga di tepi-tepi jalan yang tidak mengganggu lalu lintas terutamanya macam musim perayaan yang lepas kita banyak mengeluarkan permit sementara kepada penjual-penjual lemang ka, ketupat ka, buah-buahan ka terutamanya musim durian sekarang ini ramai di antara mereka yang dapat lesen ataupun permit sementara untuk menjual bahan-bahan makanan di tepi jalan.

Seterusnya berhubung dengan Semeling yang disentuh oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat juga. Pihak Kerajaan Negeri memandang isu ini secara serius dan akan mengangkat kertas cadangan penyelesaian kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam tempoh terdekat. Saya rasa kita dah ada kertas dan InsyaAllah akan disemak oleh BPEN dan akan dimasukkan ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Seterusnya tentang pemilihan, ada disebut tentang pemilihan Ahli Majlis PBT daripada kaum India.

Kita sebenarnya telah menerima senarai Ahli Majlis iaitu daripada komponen-komponen parti politik, 4 parti politik yang ada dalam kerajaan dan Alhamdulillah kita telah meletakkan kaum India juga di dalam Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, saya rasa itulah isu-isu yang dibangkitkan dan jawapan yang dapat saya berikan. Saya dengan ini….(YB. Bakar Arang mencelah)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

YB. Tokai, sedikit YB. Tokai berkenaan dengan covid dan PBT. Terima kasih YB. Tuan Speaker sebab saya nak bawa suara peniaga-peniaga yang terjejas terutamanya di kawasan saya. Saya ingin menyeru pihak kerajaan mempertimbangkan semula arahan untuk menerangkan 'drive in' di kawasan ataupun mukim yang terjejas dan juga sekatan waktu perniagaan dari pukul 8.00 pagi hingga 8.00 malam sebab banyak kedai makan tak kiralah Melayu, Cina atau India mereka sangat terjejas dengan perkara ini. Walaupun kita buat benda ini dalam mukim itu tetapi penduduk boleh juga 'cross' ke mukim yang berdekatan. Mereka boleh pergi selepas pukul 8.00 dan boleh 'drive in' ke tempat itu. Jadi, saya rasa jika boleh mempertimbangkan untuk membenarkan 'drive in' tetapi dengan SOP yang lebih ketat ataupun mengikut SOP yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan di mana ada jarak, satu meja paling banyak pun 2 orang ataupun 3 orang sahaja dan SOP yang lebih ketat supaya mereka boleh berniaga tetapi dengan menjaga agar tidak berlaku kesesakan dan waktu operasi kalau boleh jika tidak sampai 12.00 malam tetapi sekurang-kurangnya boleh membenarkan mereka beroperasi sehingga jam 10.00 malam sebab kedai makan yang beroperasi waktu malam mereka baru bermula jam 6.00 petang tetapi jam 8.00 sudah tidak boleh berniaga, maka pendapatan mereka sangat terjejas kerana perlu membayar sewa kedai dan sebagainya dan mereka pun tidak tahu sampai bila perkara ini akan dilaksanakan untuk tidak boleh 'drive in' dan hanya boleh beroperasi sehingga jam 8.00 malam. Kita pun tengok banyak kes dan berharap tidak ada penularan juga kita perlu jaga pendapatan rakyat dan lebih baik lagi adalah 'practicality' dasar yang kita laksanakan. Kalau kita laksanakan macam tu saja tapi semua orang berebut ada yang pergi Penang makan, kalau dekat seperti di Sungai Petani dia pergi Semeling boleh makan, pergi Taman Sejati, Tikam Batu boleh makan tetapi kalau di sini tak buka mereka pergi situ makan ia akan menjadi lebih sesak dan mungkin penularan akan menjadi lebih teruk lagi. Terima kasih. Mohon pertimbangan.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Tokai, boleh tambah?

YB. SPEAKER

YB. Tokai ada 1 minit saja lagi! Saya tak tambah dah!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Tokai dan YB. Speaker, pasal covid jugalah sebab kita tau seperti yang dikatakan tadi covid ini seolah-olah akan menjadi sebahagian daripada hidup kita sebab ia tak lari. Dalam isu ini ia mempunyai keseimbangan di antara perniagaan dengan covid (kesihatan) khasnya peniaga-peniaga kecil, pasar malam, pasar pagi, pasar siang dan sebagainya. Jadi, apakah cadangan dan dasar pihak PBT terhadap usaha untuk memastikan peniaga-peniaga yang dikatakan tadi dan semua peniaga kecil ini dapat meneruskan perniagaan mereka di samping menjaga 3S dan 3W tersebut? Apakah cadangan dan tindakan pihak PBT akan buat, mungkin tak perlu menjawab sekarang, sebab saya rasa isu ini pernah kita bincangkan dulu dan ia tidak akan boleh berhenti di sini sama ada PKPP, PKPD akan diteruskan tetapi ini menjadi satu lagi norma baru kita. Jadi, bagaimana kita nak pastikan peniaga dan penjaja kecil ini, yang itu satu. Soalan yang kedua, peniaga-peniaga di kedai juga menghadapi masalah daripada segi pendapatan. Apakah PBT bercadang untuk mengurangkan cukai-cukai ataupun lesen perniagaan supa membantu dalam perkara ini buat sementara waktu sebab saya nampak pakej yang dicadangkan tadi dibuat semasa MCO. Tapi selepas ini di bawah Kerajaan Baru, apa yang akan membantu rakyat yang menghadapi masalah-masalah ini. Mungkin ini dapat dicatatkan dulu kemudian diberikan jawapan secara bertulis.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ok, terima kasih YB. Bakar Arang dan YB. Derga yang begitu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh kedai makan dan juga penjaja. Memang kita sentiasa membincangkan isu-isu ini dan boleh dikatakan setiap minggu kita mengadakan mesyuarat JKKN untuk membincangkan apa prosedur-prosedur yang boleh kita berikan untuk kemudahan rakyat. Memang kita berada dalam suasana yang kita kata "telan mati mak, luah mati bapak".

Maknanya kita buka ruang yang terlalu besar kita takut jangkitan bertambah, sempit sangat, masalah kepada peniaga-peniaga. Cukuplah YB. Kota Darulaman. Jadi, saya rasa semua yang disuarakan itu akan kita ambil perhatian dan InsyaAllah kita akan bawa kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri dan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan juga rasa syukur di atas apa yang telah disuarakan oleh Tuanku Sultan dan juga menyokong usul yang dibawa oleh YAB. Menteri Besar dan menjunjung kasih di atas titah ucapan baginda semasa merasmikan mesyuarat yang lalu. Sekian, terima kasih. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. SPEAKER

Waalaikumussalam. Terima kasih YB. Tokai, 30 minit. Silakan YB. Guar Chempedak!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, YAB. Menteri Besar, rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana juga di sebelah sini, seterusnya Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan. Pertama sekali saya nak ambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua YB.-YB. yang telah memberikan pandangan yang cukup bernas tentang perkara-perkara yang berkait dengan portfolio saya. Saya ucapkan terima kasih. Dalam waktu yang terhad ini saya hendak memberi respons kepada beberapa perkara berhubung dengan portfolio saya.

Pertamanya berhubung dengan pelaburan dan beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang pelaburan. Saya hanya nak memberitahu sedikit sahaja, bukan banyak sangat sebab masa kita terhad. Pertamanya saya nak katakan bahawa jumlah pelaburan yang masuk ke Negeri Kedah ini sebenarnya ia tidak pernah tetap jumlahnya. Ia berubah-ubah, 2018 kita dapat RM2.39 billion pendapatan, kedudukan nombor 9 berbanding 14 buah negeri lain di Malaysia pada 2019.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak menyentuh tentang satu projek yang besar yang kita laksanakan di Negeri Kedah iaitu mengenai Rubber City. Ini adalah projek yang berterusan, kesinambungan dari satu kerajaan ke satu kerajaan yang lain.

Bermula dengan Kerajaan BN (Barisan Nasional) pada 2013 di mana saya dilantik menjadi Exco Pelaburan dan Industri dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan menjaga projek Rubber City ini sehinggalah kepada Kerajaan PH (Pakatan Harapan) sebelum ini dan sekarang Kerajaan PN (Perikatan Nasional). Ini satu projek yang berterusan, ada kesinambungan, semua kerajaan yang saya sebutkan tadi itu semua ada sumbangan masing-masing bagi nak menjayakan projek ini.

Jadi, untuk makluman YB. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, mengenai Rubber City sekarang ini sudah mencapai ke tahap di mana kerja-kerja tanah dan infrastruktur bagi fasa pertama yang melibatkan 504 ekar sedang berjalan dan InsyaAllah pada akhir bulan September ini 60 ekar daripada 504 ekar fasa pertama itu akan siap dan bersedia untuk menerima pelabur. InsyaAllah. Kita sudah pun mengenal pasti beberapa buah syarikat yang akan menjadi 'pioneer' yang akan memulakan pelaburan di situ. Alhamdulillah, sungguh pun kita melalui zaman yang cukup sukar disebabkan pandemik Covid-19 tetapi ia tidak memberikan kesan yang signifikan dari segi penutupan kilang-kilang di Negeri Kedah ini. Kita hanya ada beberapa buah kilang kecil sahaja yang tutup iaitu seperti Syarikat Yu Lee San Plus Sdn. Bhd. di Lunas dan Agro Industries Supplies Sdn. Bhd. di Darul Aman, Jitra. Sebenarnya, kita mendapat banyak permohonan untuk melabur di Negeri Kedah ini.

Sungguhpun suku tahun pertama yang diumumkan oleh MIDA pelaburan hanya RM1 billion lebih, tapi suku tahun yang akan datang InsyaAllah jumlah pelaburan akan meningkat dan dijangkakan pada tahun ini 2020 pelaburan Negeri Kedah akan melebihi pelaburan 2018 iaitu RM2.38 billion. Dalam keadaan Covid ini, ia merupakan satu kejayaan yang amat besar. Tadi ada sebuah syarikat yang datang membuat kunjungan hormat kepada YAB. Menteri Besar untuk menyatakan bahawa mereka akan melabur di Kulim Hi-Tech Park dan jumlah pelaburan sejumlah RM600 juta mungkin dalam 3 hingga 5 tahun selepas itu akan mencapai sehingga RM1.5 billion, InsyaAllah. Di Negeri Kedah ini kita amat bertuah kita ada 2 'crown jewel' (dengan izin) ataupun permata. Permata yang pertama ialah dari segi industri pembuatan, kita ada Kulim Hi-Tech Park (Taman Teknologi Kulim).

Sedikit berhubung dengan Taman Teknologi Kulim. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita hanya ada baki dalam 400 ekar, dan 400 ekar ini kalau mengikut daripada pengalaman yang lepas, kita hanya mungkin dapat bertahan dalam 3, 4 tahun saja.

Maknanya kalau kita tidak dapat tanah yang baru, selewat-lewatnya tahun depan, mungkin bila sampai 3, 4 tahun akan datang kita tidak boleh lagi mendapat sebarang pelaburan masuk ke Kulim Teknologi Park. Dengan sebab itu, KTPC telah mengorak langkah untuk membuat pembesaran Fasa 5 di Taman Teknologi Tinggi Kulim seluas kawasannya 445 ekar dan saya sendiri mengetuai delegasi untuk berjumpa sendiri dengan YB. Menteri Ekonomi, YB. Dato' Sri Mustapha Mohamad untuk memohon supaya sejumlah RM324 juta itu dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)…. (YB. Kuala Ketil minta laluan)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Speaker, YB. Guar Chempedak, tadi YB. ada menyebut tentang keluasan di Kulim Hi-Tech tinggal 400 hektar lagi na. Andai tidak mencukupi saya 'offer' di kawasan Kuala Ketil. Itu saja Yang Berhormat.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Cepat betul YB. Adun Kuala Ketil, 'offer' terus! Tapi yang tu mungkin boleh buat industri lain lah, tapi pembesaran kita perlu buat di KHTP.

YB. SPEAKER

YB. Guar Chempedak, YB. Bandar Baharu bangun.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ya, silakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker dan YB. Guar Chempedak. Memang kita tau Yang Berhormat sangat 'passionate' (dengan izin) dan mahir berkenaan pelaburan ini. Alhamdulillah, terima kasih dan teruskan mempromosikan pelaburan ke Negeri Kedah semoga kita dapat banyak lagi pelabur.

Cuma saya nak tanya mengenai pelaburan ini berkenaan dengan PBT Hi-Tech Park. Adakah kerajaan telah membuat keputusan berkenaan dengan PBT H-Tech Park yang mana dulunya kerajaan yang terdahulu ingin menggabungkannya bersama dengan MPKK yang mana telah merisaukan ramai pelabur di Kulim Hi-Tech Park itu dan bagaimana cadangan saya berkenaan dengan pakej rangsangan pelaburan sekiranya Kedah boleh berbincang dengan Persekutuan dan bersama NCIA untuk mengadakan Skim Pakej Rangsangan Pelabur Khas di Kulim Hi-Tech Park. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Pasal PBT ini kita dah buat keputusan tetapi saya nak serahkan kepada YAB. Menteri Besar untuk memberikan maklumat tentang ini lah, biar Menteri Besar sendiri sebut. Ok.

Yang keduanya berhubung dengan portfolio saya yang kedua iaitu Sains Teknologi dan Inovasi, sekejap saja saya nak sebut. Kita di Negeri Kedah ini menggalakkan supaya syarikat-syarikat bukan saja di Kulim Technology Park tetapi juga di semua kawasan perindustrian supaya mengadaptasi IR4.0. Apa yang terkandung di dalam IR4.0 ini ialah seperti IOT (Internet Of Thing) ataupun internet segala benda dalam bahasa Melayu. Kemudian, AI (Artificial Intelligence) dan automasi. Pihak MIDA sebenarnya mereka memberikan intensif yang banyak kepada syarikat-syarikat yang menggunakan IR4.0 ini. Saya bagi contoh sebuah syarikat di Sungai Petani yang saya lawati, buat 'medical products' iaitu Ideal Healthcare, milik bumiputera. Mereka sudah mendapat insentif ini dari MIDA sebanyak RM500,000.

YB. SPEAKER

YB. Guar Chempedak ada 5 minit lagi!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Bagi bidang pertanian saya akan bekerjasama dengan YB. Lunas untuk mentransformasi sektor pertanian menggunakan 4.0IR umpamanya aplikasi 'drone' dan juga menggunakan teknologi komunikasi seperti penggunaan internet (IOT) dalam pertanian.

Mengenai pengajian tinggi satu saja saya nak sebut. Negeri Kedah bukan sahaja nak jadi sebuah negeri pertanian tetapi hendak berjaya dalam sektor industri pembuatan. Namun, kita tidak ada sebuah universiti pun yang menawarkan bidang teknikal. Kita ada UUM dan UiTM tetapi kedua-duanya menawarkan bidang kursus-kursus pengurusan. Dahulu senarionya mungkin berbeza dari sekarang. Hari ini senario sudah berubah. Baru-baru ini saya membuat kunjungan hormat dengan Menteri Pengajian Tinggi. Saya mohon supaya diwujudkan sebuah universiti teknikal di Kedah.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh na, sikit?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Berapa minit YB. Tuan Speaker?

YB. SPEAKER

Saya tetap dengan tadi minta 5 minit kita bagi…

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sikit saja! Sikit saja sebab ada kaitan dengan UUM tadi.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Seminit! Tarik saya seminit, tambah balik! Itu baru adil…(sambil ketawa)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Baik YB. Tuan Speaker, terima kasih. YB. Guar Chempedak, baginda Tuanku Sultan Kedah telah mencadangkan agar UUM menubuhkan Pusat STEM (Science Technology Engineering and Mathematics) bagi menyebarkan pengetahuan di semua peringkat akar umbi. Jadi, apakah status perancangan ini? Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok, sebenarnya YB. Kota Siputeh, saya pun sedia maklum tentang perkara ini, saya pun dah berbincang dengan pihak UUM. Sebenarnya dah dibuat lawatan ke UUM. Saya dimaklumkan UUM sedang dalam proses untuk menuju ke arah itu. Program STEM ok, tapi dalam masa yang sama kita perlu mempercepatkan penubuhan fakulti ataupun sekolah Kejuruteraan di UUM. Yang itu menjadi matlamat kita.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Tambah masa pi YB. Speaker bagi peluang YB. Guar Chempedak bercakap. Saya pun nak tanya soalan!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Guar Chempedak pun depa sebut banyak kali. YB. Alor Mengkudu pun kawan baik saya, kami lama berkawan. Saya bermula sebagai ADUN duduk di tempat YB. Jitra, ADUN BN jadi pembangkang, bersama dengan YB. Sungai Tiang. Saya seronok duk di situ jadi pembangkang pun tak pa, semasa itu Allahyarham Tan Sri Ustaz Azizan duduk di sebelah sini (kerusi YAB. Menteri Besar), tak dak masalah. YAB. Menteri Besar sekarang pada masa itu adalah Setiausaha Politik kepada Menteri Besar. Tiada masalah menjadi ADUN pembangkang, saya seronok berkawan dengan semua orang. Selepas itu 2013 saya pindah duduk di tempat ini, tempat yang sama, dalam Mesyuarat Exco pun saya duduk tempat yang sama, tak berubah tapi Menteri Besar berubah, 3 Menteri Besar. Selepas PRU 2018, dengan izin Allah Ta'ala saya pi duduk tempat yang YB. Anak Bukit duduk sekarang ini. YB. Bandar Baharu dan YB. Sungai Tiang duduk sebelah saya. Semua ini kerja Allah Ta'ala, selepas tu saya pindah duduk tang tu, tempat YB. Kupang, saya seronok, duk tang tu pun saya seronok, duk tang YB. Kupang pun saya seronok, sebab PH ajak saya masuk mai berkawan pakat-pakat buat kerja. Saya masuk, tak dak masalah, tak berkelahi dengan sesiapa pun, ada orang marah-marah sikit, marah sat-sat saja lah, penduduk DUN Guar pun tak marah sangat kat saya. Sesetengah daripada orang UMNO sendiri suruh saya 'join' Kerajaan PH. Mereka kata kalau masih dalam BN tak mampu bantu rakyat kerana tiada peruntukan. Walau di mana juga kita berada yang penting dan utama ialah kita dapat memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dalam Negeri Kedah…..YB. Alor Mengkudu minta laluan)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Tuan Speaker, sebab kawan baik saya boleh tak? Nak 'synchronize'.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

'Synchronize'? (sambil ketawa)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya sebab kawan baik, 2 kali minta depa tak berani bagi kat saya, saya pun tak tau pasal apa. Saya nak bertanya, adakah YB. Guar Chempedak boleh bersetuju supaya satu-satu langkah perlu dibuat untuk menstabilkan politik dan juga menstabilkan kerajaan, pertamanya akan memudahkan kakitangan kerajaan menjalankan tugas, yang kedua memberi khidmat yang baik kepada rakyat, itu matlamat. Adakah boleh bersetuju bahawa kita mengikut langkah yang sedang dimulakan di Parlimen sekarang iaitu mereka menubuhkan satu kaukus yang diketuai oleh Ahli Parlimen Padang Rengas iaitu untuk melihat kembali sekarang dan mereka diwakili oleh Ahli-Ahli Parlimen untuk melihat isu inilah, isu kerajaan bagaimana nak stabilkan kerajaan, kes isu lompat dan sebagainya, tidak di dalam keadaan emosi nak lihat bagaimana kita nak atasi masalah. Memang ada kecenderungan nak lompat, nak pindah parti ini biasa, ya lah, hat nak marah, marahlah kan, yang itu biasa lah, yang nak kata pun katalah, dalam politik. Di peringkat Parlimen mereka sudah pun mula mengajak semua wakil-wakil parti duduk, kaukus untuk bincang bagaimana nak stabilkan. Oleh kerana isu lompat ni dia jangan tengok dalam sudut individu tapi kestabilan kerajaan, kalau kita nak tengok, sebenarnya kes ini 1961 yang paling mula lompat YB. Bakar Arang, yang orang duk kata kat Pas kan, sebenarnya 3 Adun Pas 1961 menyebabkan Kerajaan Pas jatuh di Terengganu. Itu yang mula lompat sebenarnya tu, jatuh kerajaan Pas pada 1961. Selepas itu lama dah tak berlaku kerana Kerajaan BN stabil, Perikatan tu stabil, jadi sekarang ini dia jadi pula berkembang. Jadi, saya nak tanya bolehkah bersetuju…(YB. Speaker mencelah)

YB. SPEAKER

Boleh bagi ringkas, boleh bagi ringkas tak?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ya, ringkas! Bolehkah bersetuju supaya kita juga di peringkat negeri mengambil satu inisiatif menubuhkan kaukus kita untuk bincang di mana perlunya pindaan-pindaan yang perlu kita buat supaya ia menjadi lebih stabil. Itu pandangan saya dan cadangan saya adakah boleh kita lihat perkara ini?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Tuan Speaker, YB. Alor Mengkudu, jika kita lakukan apa juga perubahan sekali pun di Kedah ini tetapi kalau di peringkat Persekutuan atau Parlimen perubahan itu tidak dibuat, ia tidak akan memberi apa-apa makna. Sidang DUN Kelantan dan Sabah pernah buat keputusan mengenai lompat parti tetapi tak dapat dilaksanakan kerana di peringkat Pusat tiada undang-undang berkenaan.

YB. SPEAKER

Ok! Ok! YB. Guar Chempedak, sila buat penutup!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Sebagai penutup saya nak katakan bahawa tiada dalam perkara ini. Kerajaan sekarang ini pun dah stabil, kita tunggu lah PRU yang akan datang. Jadi, YB. Tuan Speaker habis dah, yang penting bagi saya ialah kita lompat ka, duk sebelah mana ka, duk sebelah sini ka, yang penting kita beri khidmat yang terbaik kepada rakyat dan Negeri Kedah. Itu yang lebih penting. Jadi, YB. Tuan Speaker saya dengan ini menyokong perbahasan menjunjung kasih kepada KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan menjunjung kasih titah ucapan KDYMM Tuanku Sultan Kedah. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. SPEAKER

Terima kasih YB. Guar Chempedak kerana dia patuhlah kepada janji dia tambahan 5 minit. Sekarang saya menjemput YAB. Menteri Besar untuk membuat penggulungan usul.

YAB. MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan "di bawah Peraturan 12 1(b) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada petang ini disambung semula pada jam 4.30 petang sehingga selesai urusan-urusan yang berkaitan".

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya pohon menyokong cadang tersebut.

YB. SPEAKER

Cadangan untuk kita selepas 4.30 petang kita akan sambung sehingga kita punya agenda habis, tak lama pun dalam 20 minit macam tu lah.

Silakan YAB. Menteri Besar.

YAB. MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Speaker, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian. Untuk mententeramkan Dewan yang mulia ini kerana kita telah sampai ke penghujung, saya ingin menyambung sedikit perkara yang sangat penting yang sedang kita hadapi iaitu Covid-19. Kerajaan Negeri saban hari mengambil tindakan-tindakan kerana kita menyedari bahwa cabaran yang sedang kita hadapi ini bukan calang-calang, bukan kaleng-kaleng yang boleh diambil ringan. Semalam pun saya panggil Jawatankuasa Teknikal MKN untuk memperincikan tindakan-tindakan selepas pengumuman MENHAN petang semalam untuk tidak melaksanakan TEMCO ataupun Larangan Rentas Daerah di daerah-daerah yang sedang menghadapi Covid-19 iaitu di Kulim, Kuala Muda, Sik dan di Baling. Oleh kerana Kerajaan Pusat mempunyai pertimbangan yang lain maka Kerajaan Negeri perlu mencari option apakah yang boleh dibuat dalam bidang kuasa negeri untuk kita pastikan rakyat kita membuat pergerakan yang minimum untuk memutuskan rantaian Covid-19.

Sedia maklum seperti yang disebutkan oleh YB. Tokai dan YB. Pengkalan Kundor tadi, 2 orang doktor dalam Dewan ini bahawa satu-satunya jalan pada waktu ini untuk menghadapi Covid-19 ialah memutuskan rantaian. Cara dan kaedah untuk memutuskan rantaian ialah kita menjarakkan fizikal dan menjaga kebersihan. Memang ada diumumkan 7 kes semalam 5 kes melalui kluster tawar, 2 kes yang tidak ada kluster lagi seperti yang disebut oleh YB. Pengkalan Kundor tadi saya nak ulang saya tak pandai, "sporadic cluster". Kaedah yang kita nak kepada pemimpin-pemimpin yang ada di Dewan ini ialah kita mengajak masyarakat kita untuk membuat 'self isolated' cuba mengasingkan diri seberapa yang boleh untuk kita mengelak kesesakan. Dalam cadangan budaya hidup baru bagi mengekang penyebaran Covid yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan memperuntukkan kepada Kerajaan Negeri tiap-tiap negeri RM100,000.00 untuk kita menganjurkan kampen-kempen supaya rakyat dapat menghayati dan mengamalkan cara hidup baru, kebiasaan baru dalam hidup kita antaranya ialah mengasingkan.

Mungkin telah lama kita mengambil masa bersaing dan bergaul bebas dalam masyarakat sehingga kita tidak dapat tinggal berasingan daripada orang ramai. Tapi Allah hantar satu virus untuk kita mula tinggal di rumah bersama dengan keluarga demi keselamatan nyawa. Kita memikirkan kebajikan para peniaga kecil, orang-orang yang terjejas pendapatan akibat daripada sekatan-sekatan yang dikenakan untuk menghalang rantaian Covid kita juga kena memikirkan supaya mereka dapat terus hidup untuk menjalani perkara-perkara yang sedang mereka usahakan. Nyawa lebih penting daripada pendapatan yang makin hilang, lebih baik hilang pendapatan daripada hilang nyawa. Saya cuba membuat kesimpulan itu. Oleh yang demikian, saya mohon kerjasama daripada seluruh wakil rakyat yang ada dalam Dewan ini untuk sama-sama kita membantu masyarakat kita untuk mengamalkan budaya hidup baru, asingkan diri, TEMCOkan diri sendiri, cuba sedaya upaya untuk tidak keluar jika tidak ada perkara penting. Kita ada Kluster Tawar……(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tambahan sikit.

YAB. MENTERI BESAR

Ya.. YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Berkait dengan masalah kluster kedua Negeri Kedah. Kelmarin saya ingat soalan yang saya tanya adalah apakah kriteria dalam usaha kita nak isytiharkan TEMCO sebab kita nak pastikan kita nak jadikan 'target area' ini adalah kawasan yang dikuarantin betul-betul supaya tidak ada 'movement in out' supaya pastikan bahawa kalau ada di situ dia baik dan tak merebak keluar. Kita isytiharkan TEMCO di Sivagangga Kluster, tapi yang 3 lagi tu apakah halangan, saya yakin ini MKN ada pandangan sendiri tapi juga Kerajaan Negeri terutamanya bila hari ini Kluster Tawar bertambah 5 di sekolah sudah tentu kita ada pandangan sendiri. Apakah Kerajaan Negeri merasakan walaupun mereka tidak isytiharkan secara formal tetapi Kerajaan Negeri boleh ambil tindakan untuk memastikan bahawa rantaian itu dapat diputuskan.

YAB. MENTERI BESAR

Di Kubang Pasu, Kluster Sivagangga kita mengesan di Napoh, di Binjal dan Kampung Hulu di Padang Terap. Seberannya belum begitu meluas, Kluster Sivagangga yang berpunca dari Napoh ini hanya dieksport keluar ke Padang Terap melalui 1 pemandu lori yang singgah makan, buat aktiviti, dia balik dan tersebar kepada keluarganya, kemudian pekerja santan yang jual santan kepada orang ramai dan dia buka kedai roti canai di Sanglang, dalam lingkungan itu sahaja. Jadi, TEMCO itu mudah dibuat kerana TEMCO ini dia target rumah ke rumah dan kawasannya tidak luas. Untuk Tawar, sekarang kita ada 1,537 rumah, 'close contact' kemudian kita kena kejar 'contact to the close contact', yang jumlahnya hampir 6,000 orang, campur dengan 'close contact' kita dah jadi 7,500 orang dan kedudukannya berselerak, bukan saja di Kuala Muda, di Tawar, di Kuala Muda, ada di Kuala Ketil, di Padang Serai, ada di Sik sekarang ini.

Jadi, TEMCO tidak dapat dilaksanakan melainkan Jabatan Kesihatan terpaksa mengejar 'contact to the close contact' kerana bila dapat 'close contact', 'contact to the close contact' ini sudah merebak jauh. Satu-satu jalan yang ada ialah kita membuat 'screening' besar-besaran yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan tapi Jabatan Kesihatan juga mempunyai kekangan kerana had makmal untuk buat test ni sehari yang dihantar ke Ipoh itu 700, tapi test itu sendiri, kakitangan kesihatan hanya boleh buat sehari 300 saja, pasal pakai tu panas, tak mampu nak bekerja lebih lama.

Ini kekangan-kekangan yang ada. TEMCO juga memerlukan pasukan polis untuk kepung satu kawasan, oleh kerana kawasan ini terlalu luas dan kedudukannya berselerak, polis sendiri pada satu ketika 100 anggota dikuarantin kerana ada kes di Kuala Muda melibatkan anggota polis. Bila 100 orang terpaksa dikuarantin kita ada 'balance' tak sampai 400 orang dan kita mempunyai kekangan itu. Selepas MENHAN membuat kenyataan semalam saya telah panggil jabatan teknikal untuk melihat kembali apakah ruang yang kita ada untuk kita hadapi ini. Saya mendapat nasihat daripada Penasihat Undang-undang Negeri adakah kita ada kuasa untuk melaksanakan apa yang tidak dapat dilaksanakan oleh MKN Pusat. Kita tidak ada kuasa, kita tidak ada ruang itu, melainkan kita buat pendidikan dan program kesedaran kepada rakyat.

Salah satu daripada program kesedaran dan pendidikan yang saya rasa perlu disegerakan adalah melalui Pusat-pusat Khidmat Wakil-wakil Rakyat dan Exco Kerajaan Negeri yang ada di Dewan yang mulia ini untuk kita menyelamatkan seramai mungkin adik beradik kita di luar sana supaya tidak mendedahkan diri mereka kepada kluster baru sporadic tadi. Kita juga berbincang sehingga ke peringkat adakah jiran-jiran kepada 'close contact' ataupun jiran kepada PUI yang didapati positif dapat berperanan sebagai mata dan telinga supaya kita memberi amaran, peringatan kepada orang lain bahawa di kawasan ini ada kes dan tuan-tuan tolong jauhi kawasan ini. Itu peranan yang kita harap dapat kita timbulkan stigma kebimbangan dan ketakutan supaya orang lebih berhati-hati kerana benda tak nampak dan Kluster Tawar ini disebarkan oleh orang yang tidak bergejala. Ini yang kita berasa sangat bimbang, saya duk sihat-sihat macam ni sebenarnya saya positf, contoh (sambil ketawa) jadi, saya takut perkara itu. Seboleh-boleh yang mungkin selain mengamalkan apa yang disebutkan oleh YB. Tokai tadi kita dapat membuat pendidikan dan program-program kesedaran kepada rakyat secara psikologi dan fizikal untuk kita menghadapi cabaran yang sangat besar ini.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pencelahan sikit. Kluster Sala, Guar yang sebenarnya. Tapi akhirnya si abang tu pergi ke Teluk Bagan dan Teluk Bagan ada kes. Saya mencadangkan supaya TEMCO tadi bukan dalam bentuk perundangan tetapi dia sendiri tu. Kes yang berada di Teluk Bagan itu, kampung yang merupakan Kampung Teluk Bagan itu masing-masing di situ sangat bertanggungjawab.

Selain daripada pihak Jabatan Kesihatan pergi buat 'screening' kepada mereka yang perlu tetapi penduduk di situ sangat disiplin sehingga akhirnya dia berhenti di situ. Inilah contoh-contoh yang ada kawasan-kawasan tertentu yang seolah-olah dia macam TEMCO, tetapi bukan TEMCO di'declare' sebegitu tapi mereka sendiri, kampung itu dengan kesedaran sendiri. Itu maksud saya yang Kerajaan Negeri boleh buat sebab kalau nak ikut tadi kita kena terikat dengan MKN dan seumpamanya.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, saya masukkan cadangan itu dalam ucapan saya supaya kita dapat menjalinkan lebih ramai kerjasama untuk kita menghadapi kluster yang sangat kita bimbangi pada waktu ini. Terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan membuat saranan-saranan yang baik untuk kita sama-sama hadapi. InsyaAllah, di peringkat penerangan kita akan cetak poster-poster untuk diletakkan di lokasi-lokasi tertentu supaya rakyat ada kesedaran untuk menghindari wabak ini dengan cara menjauhkan diri daripada bakal-bakal calon positif Covid yang berada di tengah-tengah pusaran yang kita tak tau siapa dia. Kita 'lockdown' diri kita sendiri, InsyaAllah. Kempen-kempen ini akan mula digerakkan oleh YB. Exco Penerangan di bawah Jabatan Penerangan dan Penyiaran yang kita ada di peringkat negeri.

Berkaitan dengan soalan YB. Jitra, duit yang diterima daripada YAB. Perdana Menteri, Pemberian Khas pada 23 Disember 2019 berjumlah RM200 juta bagi membantu meningkatkan hasil negeri, mengukuhkan kedudukan fiskal, menampung keperluan Kerajaan Negeri dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan. Terimaan ini telah dikreditkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Ini menjadikan jumlah hasil tahun 2019 berjumlah RM778 juta. Terimaan ini mula dibelanja pada tahun 2020 mengikut butiran perbelanjaan yang terkandung dalam Bajet 2020 di Negeri Kedah yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada bulan Oktober 2019 meliputi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan. Di bawah belanja mengurus, sejumlah peruntukan tersebut telah diguna bagi menampung defisit yang berpunca daripada pandemik Covid-19 dan PKP. Sehingga 26 Ogos 2020 kutipan hasil semasa negeri berjumlah RM334.7 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM389.9 juta kekurangan sebanyak RM55.2 juta ini ditampung daripada peruntukan pemberian khas tersebut.

Kerajaan Negeri turut membuat pembayaran di bawah bantuan Covid-19 sebanyak RM10 juta iaitu tambahan kepada peruntukan khas yang diterima daripada Persekutuan berjumlah RM10 juta menjadikan keseluruhan program bantuan kerajaan akibat daripada pandemik Covid berjumlah RM20 juta.

Saya ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan melalui ehsan YAB. Mantan Perdana Menteri yang telah memberikan Kedah RM200 juta yang saya difahamkan turut diterima oleh negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Terengganu, malah saya difahamkan jumlahnya lebih besar daripada Negeri Kedah.

Berkenaan dengan persoalan pelantikan Speaker saya fikir perkara ini telah menjadi akademik tetapi saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada satu kaedah yang diperuntukkan di bawah undang-undang bagi kerajaan memaklumkan kekosongan kerusi Speaker. Menurut Peraturan 3, Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah, bila jawatan Speaker itu kosong, maka Dewan hendaklah memilih Speaker yang baharu. Peraturan 4(1) Peraturan Dewan menyatakan keperluan untuk sekurang-kurangnya 1 hari untuk Dewan mencadangkan nama calon Speaker yang baharu kepada Setiausaha Dewan. Dalam hal ini, mantan Speaker telah meletakkan jawatan dan kemudiannya disusuli oleh perletakan jawatan Timbalan Speaker yang berkuat kuasa pada 23 Ogos. Tiada peruntukan yang jelas dalam peraturan Dewan yang menyatakan keperluan untuk memberikan notis kekosongan jawatan Speaker kepada Ahli-Ahli Dewan. Walau bagaimanapun, pemakluman tentang agenda pelantikan Speaker dan Timbalan Speaker yang baharu itu telah dimasukkan ke dalam aturan Mesyuarat Dewan yang mana salinan PDF dokumen itu telah diedarkan dengan segera oleh Pejabat Setiausaha Dewan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri pada 23 Ogos 2020 selepas dibuat pengemaskinian akhir melalui aplikasi whatApps iaitu 2 hari sebelum Mesyuarat Dewan. Mengikut Peraturan 9(2) Peraturan Dewan, SU Dewan hendaklah menyediakan aturan urusan mesyuarat seberapa segera yang boleh sebelum tiap-tiap mesyuarat. Tiada tempoh tertentu yang dinyatakan, hanya dinyatakan dengan kadar segera. Berkaitan persoalan yang dibangkitkan oleh beberapa orang Adun berkaitan apakah nama Negeri Kedah sekarang ini? Saya ingin mengumumkan bahawa kerajaan yang ada sekarang ini dinamakan “Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman”. Tiada manifesto….

Nak tanya juga? Laaa…tak dak apa pun, hat tu saja….(sambil ketawa).

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Nak tanya. YB. Speaker, YAB. Jeneri, ini amalan politik. Kalau kita rujuk kepada perlembagaan, tak dak parti politik dalam perlembagaan sebenarnya, parti politik ini sebenarnya ada dalam urusan pilihanraya, kalau bukan pilihanraya setakat Adun saja. Tapi dalam urusan politik, kadang kala kita jumpa "Ini Projek Kerajaan Barisan Nasional". Ada dalam perlembagaan Projek Kerajaan Barisan Nasional? Tak dak! Tapi di papan tanda tulis "Projek Kerajaan Barisan Nasional", pakai nama. Sebab kita nak 'adress', kitakan orang politik dan rakyat pun begitu juga. Jadi, nak tau nama apa dia, "Kerajaan Barisan Nasional" di peringkat nasional, "Kerajaan Pas Kelantan", "Kerajaan PH". Jadi, ini amalan. Sebab itu kita tanya sebenarnya untuk YAB. isytiharkan kami ni kerajaan apa jadi, senanglah untuk panggil kerajaan…Itu saja. Boleh sebut nama kut nama kerajaan apa.

YAB. MENTERI BESAR

Saya daripada awal dulu tak bersetuju meletakkan Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pakatan Rakyat kerana tidak ada dalam perlembagaan dan kalau teliti tulisan-tulisan saya yang begitu banyak di blog, di facebook saya tidak pernah merujuk kerajaan itu kerajaan apa, boleh cari, Kerajaan Kedah… Kedah lah kerana itu salah satu kempen parti, mengawinkan nama parti dengan kerajaan supaya orang Nampak, oh! Ini Kerajaan BN, ini Kerajaan PN, ini Kerajaan PH. Saya rasa itu tak perlu kut kempen kalau kita sudah kukuh tak perlulah mengahwinkan parti kita dengan kerajaan. Jadi, saya umumkanlah kerajaan kita ini bernama Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Tidak ada manifeso, saya rasa manifesto ini ada banyak parti kemuka manifesto sebelum pilihanraya tapi ada banyak juga parti yang tak melaksanakan manifesto menyebabkan sebahagian daripada sebab-sebab kejatuhan sesetengah kerajaan adalah tidak melaksanakan manifesto dan tidaklah menjadi satu kesalahan mana-mana kerajaan yang tidak ada manifesto tetapi pelaksanaan kerja yang dibuat mengatasi orang yang ada manifesto. Minta maaf YB. Jitra, saya tak ingatlah, saya biasa suruh YB. Guar Chempedak kosongkan kerusi, saya memang ada marahkan dia lah, tapi saya kata, "hang kosongkan kerusi", taklah. Saya ada marah, betul, saya duduk di tempat YB. Alor Mengkudu lah kan masa tu. Memang pada masa itu saya muda, sekarang pun muda lagi, darah tengah mendidih, saya ada marah lah na, tapi saya tak suruh kosongkan kerusi lah sebab tak boleh, ikut perlembagaan dia boleh lompat. Tapi terpulang kepada dialah, itu hak masing-masing, marah pun hak kita lah. Saya pun ada marah lah, sekarang ni pun bukan tak berapa marah, marah jugak ni (sambil ketawa).

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Baik sangat la ni pun…duk marah jugak tu…

YAB. MENTERI BESAR

YB. Alor Mengkudu mendakwa dia diarahkan keluar parti ya. Saya berpandangan tidak ada arahan itu sepanjang saya berada dalam parti, tidak ada arahan untuk YB. Alor Mengkudu untuk meninggalkan Pas. Terima kasih kepada cadangan…..ada arahan ka?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ada! Ada!

YAB. MENTERI BESAR

Tak dak arahan tak pa!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sebenarnya ada, sebab ia permintaan. Sebenarnya ini bukan urusan kerajaan, jadi sebagai YAB. tak perlulah jawab bagi pihak kerajaan. Ini bukan jawab bagi pihak parti.

YAB. MENTERI BESAR

Bukan… saya nak betulkan. Kelmarin YB. kata YB. diarah meninggalkan parti, saya kata tidak ada arahan. Itu jawapan saya.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sebenarnya, saya nak maklum telah beberapa kali kenyataan dibuat oleh Presiden parti, "sila keluar daripada Pas kalau sekiranya tidak boleh mengikut".

YAB. MENTERI BESAR

Itu arahanlah?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ya, itu adalah arahan yang dikeluarkan.

YAB. MENTERI BESAR

Kalau YB. anggap itu arahan tak pa lah, itu anggapan YB. lah. Tapi sebagai pemimpin parti pada masa itu saya kira tidak ada apa-apa arahan. Itu anggapan daripada YB. saja lah.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya pun ada jawatan kanan juga dalam parti pada ketika itu..

YAB. MENTERI BESAR

Tak pa lah, tak pa lah saya tau tapi dah tinggal dah…lompat juga tu pun, saya tau! Timbalan Pesuruhjaya, bakal Menteri Besar pada masa tu!

YB. SPEAKER

Teruskan! Teruskan!

YAB. MENTERI BESAR

YB. Alor Mengkudu mencadangkan kerajaan membuat persiapan, InsyaAllah sedang dipersiapkan oleh kerajaan untuk menghadapi kesan daripada Covid. Ada pandangan mengatakan sektor pelancongan internasional hanya akan pulih selepas 6 tahun daripada sekarang. Jadi, kita bergantung sepenuhnya kepada 'domestic tourism'. Saya telah mengarahkan YB. Exco Pelancongan untuk mengadakan "ziarah mahabbah" untuk mengadakan promosi pelancongan ke negeri-negeri berhampiran termasuk ke Perak, Selangor, Johor dan saya suruh dia pergi Sabah, panggil orang Sabah mai, kita belajar

daripada Sabah bagaimanakah Sabah dapat menguruskan sektor pelancongan sehingga menjadi sumber pendapatan penting kepada Negeri Sabah dalam keadaan kita terpaksa menunggu begitu lama sebelum pelancong internasional dapat masuk semula ke negara kita. Kita pun 'seriau' nak buka sempadan, kita pun tak sokong kalau depa buka sempadan pada waktu ini kerana kita negeri yang bersempadan dengan negeri jiran, ada potensi yang besar untuk dia lambakkan virus tu di sini.

YB. Gurun membuat kenyataan bahawa pelabur lari apabila pertukaran kerajaan berlaku dan kenyataan tersebut dibuktikan salah bila pelabur masuk dan pada tengahari tadi ada berjumpa, pelaburan yang akan dibawa oleh pelabur yang datang berjumpa saya tadi berjumlah RM0.6 billion atau RM600 juta tapi depa nak suruh sebut bagi besar RM0.6 billion. InsyaAllah. Masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga dengan PBT. Saya kata memang ada penguatkuasaan PBT yang melarang berniaga di tempat-tempat tertentu, InsyaAllah saya akan mohon YB. Exco PBT untuk berunding dengan Pihak Kerajaan Tempatan bagaimanakah PBT dapat membantu. Tapi kita punya tindakan tidaklah sampai ke peringkat seperti PBT di negeri lain. Orang report pasal mesin judi depa pi angkut mesin jahit, ada negeri tu, negeri kawan YB. Lunas. InsyaAllah PBT kita akan bersikap rasional.

Kekalkan pertanian makanan. Ini sedang kita laksanakan InsyaAllah Kedah selain kekal menjadi negeri pertanian juga akan melonjakkan sektor industri. YB. Jitra juga menyebut tentang Covid saya telah sebutkan sebentar tadi. Selain daripada bantuan di peringkat Persekutuan, InsyaAllah Kerajaan Negeri juga akan merancang dan bagi menghadapi kesan jangka panjang Covid, kita akan melihat apakah program-program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan selepas berbelanja besar, 'reserve' kerajaan lebih kurang RM60 billion dalam program bantuan dalam pelbagai pakej antaranya "Pakej Mak Kiah" yang dimasukkan ke akaun penerima bantuan, ada subsidi upah, ada moratorium pinjaman, ada subsidi bil elektrik, ada data internet free. Selepas itu Kerajaan Persekutuan tidak berbelanja lagi menyebabkan kita juga menghadapi masalah. InsyaAllah, saya yakin Kerajaan Persekutuan akan ada program-program berikutnya yang juga boleh memberi manfaat kepada rakyat Kedah.

YB. DATO' SERI UTAMA MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker dan YAB. Jeneri, mengenai subsidi upah ni, saya menerima banyak rungutan daripada pekerja-pekerja khususnya pekerja kilang termasuk daripada Kulim Hi-

Tech Park yang menyatakan bahawa subsidi upah yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan itu memberi banyak manfaat kepada syarikat. Ianya disalurkan kepada syarikat dengan tujuan supaya syarikat menggunakan duit itu untuk membayar gaji pekerja itu. Tapi rungutan yang kita terima daripada pekerja ialah mereka tak dapat duit itu, ianya tidak langsung membantu. Jadi, apa tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk membetulkan keadaan ini dalam waktu kita masih lagi berusaha untuk menarik pelaburan tempatan dan asing?

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Jitra. Saya pun baru tau petang ni, InsyaAllah saya akan suarakan masalah ini untuk perhatian Kerajaan Persekutuan seberapa segera yang mungkin.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Cuma saya nak bertanya, kita tahu penularan Covid-19 ini menyebabkan ia memberi kesan kepada ekonomi, kesan kepada pengangguran, kesan kepada semua aspek kehidupan kita pada kali ini. Di atas kesan ini menyebabkan hasil negeri juga teruk, semasa kerajaan terdahulu pun menghadapi keadaan yang sulit sedemikian rupa. Cuma saya nak tanya kepada YAB. Jeneri, apakah hasil-hasil baru, 'cash flow' (aliran tunai) yang sebenar yang diterima oleh Kerajaan Negeri selain daripada yang disebut oleh YB. Jitra dahulu dia ada RM200 juta daripada Kerajaan Negeri. Bagaimana kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sekarang?

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Saya mohonn sedikit masa untuk menjawab soalan itu kerana saya kena rujuk YB. Pegawai Kewangan Negeri. KXP yang dibangkitkan oleh beberapa orang Adun, saya ingin membuat penjelasan begini, saya menghargai semua usaha yang telah dimulakan oleh kerajaan sebelum ini, kerajaan pimpinan YB. Ayer Hitam pada masa itu, sekarang ni YB. Jitra pada tahun 2015 kemudian bertukar kerajaan, selepas tu bertukar kerajaan. Susunan KXP ini telah dibuat begitu rapi dengan kerjasama semua pihak sama ada NCIA, Pelan Malaysia, MPSPK, Kerajaan Negeri dan ditubuhkan di bawah PKNK, KXP Airport City Holdings pada tahun 2019 untuk menguruskan perkara ini.

Saya telah bentangkan dalam satu 'Teleconference' Mesyuarat MPFN (Majlis Perancang Fizikal Negara) secara atas talian pada 2 bulan lepas kalau tak silap saya tentang KXP dan beberapa program projek berimpak tinggi negeri yang telah dimasukkan sebagai kertas yang akan diangkat ke mesyuarat penuh MPFN. 2 minggu lepas saya pergi ke Kuala Lumpur bermesyuarat penuh MPFN. Urusetia kepada MPFN ini ialah Kerajaan Tempatan. 3 hari sebelum itu MOT membuat kenyataan semua projek-projek berkaitan dengan airport ditangguhkan untuk MOT menyiapkan NASP (National Airport Strategic Plan) jadi kita terkejut kenapa NASP ditimbulkan pada waktu ini sedangkan kita telah berjalan begitu jauh.

Saya ingin membuat kenyataan bahawa kerajaan yang baru ini tidak pernah membatalkan apa-apa rancangan baik yang telah diusahakan oleh kerajaan sebelumnya kerana kita faham tiap-tiap rancangan yang telah sampai ke peringkat itu telah menelan begitu banyak belanja, telah menelan begitu banyak masa, merah dah biji mata pegawai-pegawai yang menyediakan dokumen-dokumen, yang membuat pelbagai kajian untuk sampai ke peringkat itu. Banyak program yang kita teruskan, saya fikir tak ada lagi program yang batal. Hanya kerana perbezaan parti politik kita batalkan, kita lantik konsultan kita buat kajian dulu. Ada satu peristiwa, dulu lah, trend dulu, batal, tarik balik iklan tander, lantik konsultan, buat kajian harga, keluar-keluar harga tu juga, lewat jadi 2 tahun projek yang kita nak sangat-sangat tu.

Saya tak mahu ulangi perkara itu kerana itu bukan amalan yang baik, itu amalan tidak percaya kepada orang, menimbulkan keraguan dan menimbulkan perseteruan selepas daripada itu. Tentulah pegawai-pegawai yang telah membuat kerja yang begitu banyak bila kerja dia dikaji semula, lantik konsultan, bayar ratus ribu untuk buat kajian tu pula dia akan menimbulkan perasaan tidak puas hati, "hang tak percaya kat aku no"?. Lantik orang lain pula mai kaji, tengok-tengok keputusan keluar benda yang sama. Ini perkara yang tidak patut diulanglah oleh mana-mana kerajaan. Bila saya pergi Mesyuarat MPFN, bila majlis dibuka oleh YAB. Perdana Menteri, menteri urusetia telah memaklumkan bahawa pembentangan Airport KXP dan Airport Pulau Tioman, tidak dibentangkan pada hari ini kerana bantahan daripada MOT kerana NASP belum dimuktamatkan. Saya panaslah! Saya panas, saya ingat panas daripada YB. Jitra lagi kalau begitu, pasal kita dah buat persiapan begitu rapi, KXP bukan projek saya pada peringkat awal, saya ambil di tengah jalan, saya baca habis dokumen, saya hafal nanyak perkara tentang KXP. Bila tak boleh bentang saya panaslah. Bila panas tu saya membuat lontaran-lontaran yang agak kritikal kepada Perdana Menteri, kepada MOT, kepada KPKT dan mereka berjanji akan dibuat rundingan segera supaya KXP dapat dilaksanakan.

Minggu lepas saya bersama dengan team KXP dan juga Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Timbalan SUK dan ramai lagi lah pergi ke MOT membuat pembentangan khusus tentang KXP, sejauh manakah kita telah berjalan, berapa banyak belanja kita telah belanjakan. Yang saya hairan, pasal NCH yang menjadi sebahagian daripada komponen KXP (projek itulah), NCH yang telah dilaksanakan oleh NCIA diluluskan oleh MPFN.

Maka dalam pembentangan itu baru MOT faham dah begitu jauh KXP ini berjalan, dah ada 12 konsultan buat kajian, dah begitu detail, ada 170 muka surat kajian tentang macam-macam faktor yang perlu diambil kira dalam pembinaan sebuah airport, pembinaan sebuah kawasan industri dan kawasan aerotropolis. MOT berjanji dan kita mencadangkan wujudkan satu Jawatankuasa Teknikal antara NCIA, MOT, KXP Airport City dan Kerajaan Negeri untuk 'expedite' proses-proses yang diperlukan supaya kita dapat melepasi NASP secara interim supaya dapat kita angkat KXP ini dalam Mesyuarat MPFN yang dijadualkan pada bulan November, saya minta YB. Lunas, Exco Pengangkutan pergi bincang dengan Menteri KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) untuk mencadangkan Mesyuarat Khas MPFN bincang paper KXP saja dan YB. Menteri telah berjanji untuk mengusahakan supaya sebelum November itu akan ada Mesyuarat Khas PMFN untuk memberi nasihat-nasihat MPFN supaya perkara ini dapat diluluskan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Perancangan Fizikal Negara.

YB. DATO' SERI UTAMA MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Boleh YB. Tuan Speaker? Terima kasih YAB. Menteri Besar. Apabila Menteri Pengangkutan membuat kenyataan media bahawa KXP itu ditangguhkan sementara kementerian nak buat NASP ini, tentunya berita itu sangat mengejutkan dan mengecewakan kita semua kerana juga disebut bahawa kajian ini akan mengambil masa 3 tahun, NASP hanya akan dimumkan pada tahun 2023. Jadi, bayangkanlah kalau 3 tahun lagi kita tunggu kos akan meningkat dan sebagainya. Walhal pada waktu yang sama saya ingat YAB. pun tahu bahawa di bawah Kanun Tanah, kita sudah pun buat Seksyen 4 untuk menghentikan semua transaksi jual beli tanah ini, walaupun ia boleh berlaku tetapi kita nak kawal harga di kawasan yang terlibat. Ianya merangkumi bidang tanah yang begitu luas dan dalam tempoh setahun kalau ianya tidak dilaksanakan juga soal pengambilan ini, kita masuk Sekyen 8 pula. Seksyen 8 ni tak taulah boleh buat ka tak boleh buat, kalau tak dan nak buat.

Pada waktu yang sama YAB. boleh semak minit mesyuarat NCIA, Northen Coridor yang telah dipengerusikan oleh Bekas Perdana Menteri yang mana diluluskan peruntukan RM2 billion daripada Kerajaan Persekutuan untuk Kerajaan Negeri membuat pengambilan tanah itu. Yang ni sebenarnya kami tak minta, tapi mungkin dia nampak yang Kedah akan menghadapi masalah kerana kekurangan wang jadi, Perdana Meteri pada ketika itu terus mencadangkan. Sudah tentulah kami pun dengan seronoknya terimalah cadangan itu untuk Kerajaan Pusat sediakan duit, wang dahuluan. Dia kata, "ambillah RM2 billion dulu, hampa belanja beli tanah tu dulu, apabila projek dah berjalan nanti bayar balik".

Yang ni baru betul "durian runtuh" orang kata. Jadi, saya nak minta kalau boleh YAB. kena tuntut balik dengan Perdana Menteri kerana perkara itu telah dipersetujui dan telah diminitkan di dalam Mesyuarat NCIA. Kalau itu ada saya ingat banyaklah masalah kita akan selesai.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Jitra. Antara persoalan yang ditimbulkan oleh MOT ialah dia kata, "carikan saya satu nota kabinet atau memorandum kabinet yang ada menyebutkan dalam mana-mana mesyuarat kabinet berkaitan projek ini". Benda itu tak ada, dalam mesyuarat NCIA mungkin ada, tapi tidak sampai ke peringkat kabinet kerana perkara ini telah diumumkan beberapa kali oleh beberapa orang Menteri termasuk Kerajaan Negeri sendiri tetapi tidak sampai ke lorong yang betul untuk "dipaku" di situ. Saya habaq lagu tu kut senang kut no? Tak sampai lorong dia nak "pap" di situ tak sampai, duk berlegar di sekeliling, dekat-dekat dah, dekat-dekat nak masuk tapi tak masuk. Mungkinlah itu masalah yang dihadapi.

YB. DATO' SERI UTAMA MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya faham masalah tu YAB. Seingat saya waktu itu ada 3 kementerian yang masih lagi duk bincang siapa nak jadi juara yang akan bangkitkan perkara ini dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Yang pertama sepatutnya Kementerian Pengangkutan tapi ada juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang mencadangkan bagi kat depa lah untuk buat dan tentunya yang ketiga ialah Kementerian Kewangan. Jadi, akhirnya masalah itu tak selesai dan perkara itu tidak dibangkitkan di dalam mesyuarat kabinet. Saya nak perbetulkan kenyataan saya sebentar tadi yang mana saya kata benda ni dah masuk kabinet tapi sebenarnya memang betul apa YAB. Jeneri sebut, tak masuk kabinet lagi.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Jitra. Persoalan kedua yang kita hadapi untuk….(YB. Bandar Baharu mohon mencelah)

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Mohon pencelahan.

YAB. MENTERI BESAR

Awh! Ada lagi. Syok ooo.. KXP no?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, kalau boleh saya ingin menyatakan berkenaan dengan apa yang telah dimaklumkan oleh YB. Jitra sebentar tadi saya rasa dalam NCIA itu mungkin hanyalah menjadi agenda perbincangan dan diminitkan, bukan kelulusan di mana-mana kementerian untuk menyatakan bahawa memberi kelulusan pinjaman ataupun geran sebanyak RM2.5 billion kepada Kerajaan Negeri Kedah untuk menguruskan hal-hal KXP ini ataupun pengambilan tanah.

Bila kita lihat, adakah YAB, Jeneri pun ambil maklum bahawa ada beberapa surat daripada YAB. Menteri Besar kepada Perdana Menteri, kepada kementerian-kementerian yang berkaitan untuk memohon akhirnya hari tu yang paling 'last' sekali surat pada 12hb. Februari 2020 untuk memohon RM2.5 billion untuk pinjaman mudah 'soft loan' (dengan izin) bagi proses pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 Akta 486 telah dipohon agar dapat disalurkan pada atau sebelum bulan April dan adakah YAB. Jeneri ambil maklum dan mendapat maklumat yang terperinci daripada MOT selepas perbincangan tersebut?

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih. Soalan pun panjang. YB. Bandar Baharu hadir dalam mesyuarat dengan MOT dan dia faham dengan beberapa perkara, ada yang saya tak berapa nak menguasai dia kuasai. Alhamdulillah, kerjasama ini baik, saya ucapkan terima kasih. Oleh kerana airport adalah projek di bawah Kerajaan Persekutuan, airport adalah senarai Persekutuan maka mau tidak mau Kerajaan Negeri perlu mendapat kelulusan daripada Kabinet dan kementerian yang perlu 'assist' kita dalam projek ini adalah MOT dan saya yakin usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri pada waktu ini dan pada masa depan dan pada masa lalu pun akan membantu kita memudahkan jalan-jalan untuk kita jayakan Projek KXP bersama dengan SLAM dan Jajaran NCH, InsyaAllah. Syok no tajuk ni? (sambil ketawa).

YB. DATO' SERI UTAMA MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya ingin membantu YAB. Jeneri untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Bandar Baharu kerana YB. Bandar Baharu pun tak terlibat waktu itu dan Menteri Pengangkutan yang ada sekarang pun tak terlibat dalam semua mesyuarat-mesyuarat itu. Untuk makluman semua, yang hadir dalam mesyuarat NCIA itu selain daripada 3 Menteri Besar dan seorang Ketua Menteri, ialah Menteri Kewangan serta Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Dan sekiranya ada isu yang berkait dengan pengangkutan maka Menteri Pengangkutan pun dijemput hadir. Maka dalam perbincangan itu semua menteri-menteri ini bersetuju dengan keputusan yang dibuat, kalau tidak dia akan protes, bantah dalam mesyuarat. Jadi, setelah dah dipersetujui Kerajaan Negeri pada Ketika itu pula minta tanya dengan Kementerian Kewangan, "macam mana kami nak mohon ni, perkara ini dah setuju". Jadi, dia pun kata, "tulislah surat kepada kami". Itulah sebabnya surat yang terakhir sekali tu saya menghantar secara rasmi kepada kementerian. Cuma satu persoalan saja, kalaupun dapat RM2.5 billion itu, duit tu nak disalurkan ke mana, adakah pergi kepada Kerajaan Negeri ka ataupun ke anak syarikat PKNK iaitu KXP Airport City? Jadi, yang tu sajalah tapi sayangnya bila dah kerajaan bertukar ni tak taulah apa jadi dengan peruntukan itu.

YAB. MENTERI BESAR

InsyaAllah peruntukan itu tak dapat YB. Jitra sebab kita dapat sepucuk surat daripada Kementerian Kewangan. Ketua Pengarah Belanjawan telah menulis surat dan kita telah membuat maklumbalas bahawa RM2.5 billion itu tidak dapat dipertimbangkan dan kita telah mengubah sedikit model tentang tanah iaitu kita telah menerima permohonan penyertaan salah sebuah syarikat besar GLC Persekutuan yang ada tanah lebih kurang 60% dalam projek itu untuk menyertai projek ini secara memberi tanahnya. Jadi, kita hanya perlukan sedikit saja kewangan untuk buat pengambilan tanah individu. Itulah perkembangan terkini tentang KXP dan saya beri jaminan bahawa kerajaan yang ada pada hari ini akan berusaha bermati-matian untuk menjayakan satu projek berimpak tinggi yang akan menjadi 'giant changer' kepada ekonomi Negeri Kedah pada masa depan dalam usaha untuk membawa kekayaan dari pantai barat masuk ke tengah seterusnya pergi ke sebelah timur Negeri Kedah ini InsyaAllah.

Saya ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan projek-projek yang berimpak tinggi di Negeri Kedah. Tidak saya lupakan juga kepada jentera Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh YB. Dato' Paduka Ammar bin Dato' Syeikh Mahmud Naim yang telah mengemudi perjalanan pentadbiran kerajaan dengan lancar dan bersengkang mata untuk menjayakan projek-projek ini. Terima kasih semua.

YB. DR. SALMEE BINT SAID

YB. Tuan Speaker, tanya sikit boleh tak? Sikit saja.

YAB. MENTERI BESAR

Rajin betoi no, masa jadi Exco tak cakap apa pun!

YB. DR. SALMEE BIN SAID

Masa jadi Exco tak boleh cakap…

YAB. MENTERI BESAR

Nak tanya pun tak boleh. Tak boleh! Tak boleh! Tak boleh! Hari ni…Sat-sat bangkit! Sat-sat bangkit! (seluruh hadirin ketawa) Tadi lagi saya nak kata hat tu. Sila! Sila!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YAB. Jeneri. Nanti kalau tak cakap tak boleh tidur pulak malam ni. Saya mewakili semua Adun di sebelah sinilah, kami punya projek-projek yang telah selesai tapi belum dibayar, dah banyak bulan kan?. Di kawasan saya iaitu penyelenggaraan pemasangan 'culvert' di Kampung Bali yang mana tebing runtuh dan kosnya RM13,750.00, rasanya dah setengah tahun dah tak bayar-bayar lagi dan telaga tiub, buat lama dah, siap lama dah RM19,000.00 di Kampung Guar Batu Hitam juga tapi belum dibayar. Jadi, mohonlah dan rakan-rakan yang lain pun ada untuk disegerakan. Terima kasih.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Tuan Speaker, untuk pengetahuan di kawasan saya pun kos untuk hantar air semasa krisis air di Bukit Selambau dekaT RM12,000.00 belum bayar, walaupun saya dah hantar surat kepada Dato Pegawai Kewangan Negeri (SFO) dan Khairat Kematian untuk 16 orang RM4,800.00 belum dapat tapi kita dah bayar kepada penerima-penerima Khairat Kematian, yang hantar air belum dapat. 'Please consider', terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Saya telah merujuk dengan segera kepada Dato' SFO di belakang saya, kerana projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tak ikut prosedur e-Perolehan maka prosesnya perlu diperbetulkan dan Mesyuarat Exco yang terakhir ini telah meluluskan pembayaran kepada projek-projek tersebut tapi lambat sikit pasal prosedur itu nak kena diperbetulkan dulu. Saya ligan pegawai bermesyuarat dengan Dato' SFO berapa kali nak bagi betul, nak bayar. InyaAllah, selEpas ini dapat duit belanja teh.

YB. TUAN SPEAKER

Ada lagi tak bayar?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Dak! Dak! Dak! Hat ni nak minta macam mana nak bayar kepada Negeri Kedah, nak tolong. Boleh sikit ya YB. Tuan Speaker? Saya cuma nak tanya, pada zaman kerajaan kami dahulu berkenaan isu yang telah lama iaitu semasa zaman Francis Light tentang pampasan Pulau Pinang dari 10,000pesos telah pun dibayar RM10 juta pada tahun 2018. Saya nak minta supaya YAB. Jeneri untuk pastikan bahawa kita 'still' lagi menerima. Sebagai Kerajaan Negeri Kedah terima RM10 juta tu ataupun tambah lagi lah kalau boleh ke depan.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Saya bukan nak RM10 juta, saya nak ratus-ratus juta.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Mintak RM100 juta hari tu pun, kalau boleh kita pakat-pakat mintaklah.

YAB. MENTERI BESAR

Dengan Pulau Pinang ni bukan saja kita nak pajakan itu dibayar berdasarkan kadar yang wajar pada masa ini, harga pasaran, harga semasa. Satu negeri tu hampa pajak takkan RM10 juta kan no? Pulau Pinang juga dia masuk campur dalam urusan di Negeri Kedah. Dia hantar 'drone' pi duk tengok kawasan hutan kita, duk tengok sungai di negeri kita. Negeri Kedah ini negeri berdaulat, tak boleh ceroboh ikut dan lagu tu. Siapa yang baik dengan Pulau Pinang tolong pi habaq, jangan duk buat lagu tu, masuk dengan 'proper'. Pasal dia ambil air mentah yang sumbernya daripada kawasan tadahan di Ulu Muda, lalu kut Sungai Muda sampailah tempat dia di 'baras' tu memanglah tempat dia, dia kata 'border' tu duk di tengah, tapi kalau kita 'belat' di Ulu Muda dia tak dapat air. Tapi dia duk masuk negeri kita, dia duk buat 'statement-statement' seolah-olah Kedah ni tak dak tuan. Dia kata, "Kedah kena buat tu, Kedah kena buat ni", dia duk "makan kedaqah" 'free'. Haaa….tu keluar bahasa kampunglah kan?

SADA sendiri membayar kepada LSAN (Lembaga Sumber Air Negeri) 1 meter³ 3 sen air mentah sebab LSAN perlu menjadi badan pengawal selia, jaga alam sekitar, jaga sumber-sumber air di sungai ini, dia ambil daripada SADA 3 sen walaupun SADA berhutang, tak bayar lagi tak palah, selepas ini dia bayar, InsyaAllah. Tapi Penang ambil 'free'. Jadi, oleh kerana Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Pakatan Harapan ni negeri yang sama dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat, tolong pi habaq dekat Pulau Pinang, "jangan buat qeja lagu tu, mai elok-elok, bayar 1 meter³ seringgit…..haa sekupang", 10 sen saja kita tuntut dan pihak kerajaan telah mengutus surat secara rasmi untuk menuntut bayaran air mentah dari Pulau Pinang. Kita tengoklah sejauh mana Pulau Pinang sedia menjadi jiran yang baik menghargai kesediaan kita menyimpan hutan yang begitu luas sebagai kawasan tadahan supaya rakyat Pulau Pinang tidak kehausan. Akibat daripada itu, kita kehilangan hasil berbillion-billion dalam Ulu Muda, kita korbankan untuk memberi mereka minum dan mengairi kawasan pertanian. Mereka patut mempertimbangkan. Kalau tak bayar lagi pun boleh gagah lagi lah, ni duk kacau kita pulak. Owh! Kedah tak boleh buat tu, owh! Kedah tak boleh buat ni. Ada lagi pasal Pulau Pinang? Ada lagi nak cerita pasal Pulau Pinang?

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Jeneri nak penutup dah ka?

YAB. MENTERI BESAR

Haa…nak tutup dah. Berkaitan dengan cabaran-cabaran semasa berkenaan dengan projek-projek yang sedang diusahakan oleh YB. Guar Chempedak (Rubber City), Robber City pun sudah menerima komitmen pelaburan dan minggu lepas SBEZ (Special Border Economic Zone) pun sedang kita usahakan dengan keperluan kepada bekalan air. Saya ingin menjawab sedikit soalan daripada YB. Suka Menanti berkenaan dengan 'submarine pipeline' ke Langkawi. Saya nak tunjuk video dalam Dewan tak boleh, saya whatApps dah kepada YB. Menanti bagaimana keadaan paip itu sekarang ini, ada 24 lubang kebocoran. Angka terakhir hari saya buat PC (Press Conference) itu kerana belum ada angka yang rasmi, saya membuat anggaran separuh daripada air itu hilang. Saya kata, "ada ikan haruan berenang-renang dalam laut kerana air tu menjadi tawar". Contoh saja, analogi untuk menggambarkan bahawa paip itu sedang parah, ada 24 lubang, didakwa terkena sauh. Masalah kita ialah kita tak gazetkan laluan 'pipeline' itu sebagai kawasan yang tidak boleh kapal-kapal berlabuh.

Kata pakar-pakar yang membuat selaman dan mengambil rakaman itu bahawa paip itu terkena sauh yang besar, ada 24 lubang dan kebocoran itu sedang berlaku dan kita ada permohonan dan sudah ditawarkan pinjaman RM50 juta untuk 'repair' kebocoran itu di sepanjang 3 kilometer sepanjang paip itu. Kita telah hantar surat untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat RM50 juta itu jadi geran. Tapi untuk kesegeraan dia kata, "pakai dulu, lepas siap kira lain". (Sambil ketawa) saya pun tak berapa nak percaya sangat, pakai-pakai, duit dah habis dia kira hutang. Apa nak boleh buat? Jadi, kita nak 'adjust' sikit lagi pasal tukar kerajaan dia hemtam pi hutang pulak. Sebab anggaran kos untuk 'repair' tak sampai RM50 juta tapi kalau nak ganti 3 kilometer mungkin kosnya boleh mencecah RM50 juta. Kita sedang mempertimbangkan kaedah-kaedah tapi kita ada 'option' namun tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada 'option' kerana menurut peranjian konsesi dengan Taliworks kita kena buat audit prestasi sebelum dia serahkan balik konsesi itu dan infra yang diambil daripada kita dia mesti serah sepertimana dia ambil. Maknanya dia serahkan paip itu dalam keadaan elok, dia kena 'repair' dulu. 'Repair' ni lah masalah, sama ada dia 'clame' dengan teknologi yang boleh dipakai ataupun 'clame' sementara supaya air tak keluar saja.

Inilah pertimbangan yang sedang kita buat. 'Clame' ni macam-macam kaedah 'clame', kita takut dia 'clame' sini, selepas seminggu dia serah kepada kita, kita pun 'sign' terima selepas seminggu air tembak balik. Kita takut itu, jadi itulah benda-benda yang diberi pertimbangan. InsyaAllah bekalan air telah dijawab sepenuhnya oleh YB. Sungai Tiang tadi cumanya dia tak sentuh tajuk tu sajalah. Tengok tak lagi video tu?

YB. DATO' ZAMRI BIN YUSUF

Tengok dah…

YAB. MENTERI BESAR

Haa..ok!

YB. DATO' ZAMRI BIN YUSUF

Ada 3 video yang hantar tu. Ok, YB. Tuan Speaker, minta laluan. Alhamdulillah, cumanya tadi yang saya nak sebut memanglah kedudukan 'submarine pipe' itu memang dalam keadaan yang agak uzur, 3 kilometer tu di sebelah sana yang dekat dengan Pulau Langkawi

yang perlu diganti tu. Cuma harga tu tak pa lah kena sebaik mungkin dirunding dan kebetulan pula memang paip itu pecah sejak 2017 baru sekali, 2018 sekali, 2019 dah 8 kali, 2020 ni semasa saya tempohari pun 8 kali dan selepas tukar kerajaan ni lagi 6 kali. Jadi, memang banyak kali lah dia punya paip tu tapi Alhamdulillah, setiap kali dapat dikesan sebab bila dia turun, bila kita pam 60MLD. bila sampai 58mld ok, bila sampai di bawah 55mld memang kelam kabut. Yang saya nak perbetul tu ialah kalau boleh tak pa lah YAB. Jeneri buat lawak macam tu tadi bila sebut kepada 40, 20, takut orang lari dari Langkawi. Langkawi ni kalau dapat 40MLD. pun depa kelam kabut dah, mereka dapat 52mld. tu pun dah hingaq macam-macam. Jadi, sebenarnya lebih kurang hilang dalam 4, 5MLD. saja…tak lah banyak sangat.

YAB. MENTERI BESAR

Kehilangan sebenar 7mld.

YB. DATO' ZAMRI BIN YUSUF

Tapi wajiblah di mana 'repair' tu kena percepat 'especially' dalam masa konsesi.

YAB. MENTERI BESAR

7mld. YB. Suka Menanti, 20mld. tu gurauan saja…masa tu lah, pasal tak dapat angka lagi pada masa tu. Untuk Dewan ini mereka beri angka 7mld. Haaa…. Dapat dah duit, tinggal lagi nak belanja tu nak kena 'adjust' sikitlah nak 'make sure' dia bagi geran, kalau loan pun kita tak dak pilihan kita kena ambil juga lah sebab keperluan yang mendesak. Saya ingat saya telah menyentuh semua tajuk-tajuk yang dilontarkan untuk saya jawab. Terima kasih kepada Exco-Exco yang telah membuat penggulungan….(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Satu lagi, boleh YB. Tuan Speaker? Mengenai pembalakan khususnya di Ulu Muda walaupun tadi ada juga sebahagiannya dijawab sewaktu sesi soal jawab pagi tadi. Saya cuma nak dapat pengesahan daripada YAB. Jeneri mengenai angka yang dikatakan menjadi tuntutan daripada syarikat-syarikat konsesi.

Jadi, adakah disebut di dalam mana-mana surat rasmi yang diterima oleh Kerajaan Negeri baik pada waktu saya ataupun pada waktu YAB. Jeneri angka RM1 billion ataupun RM1.5 billion. Kalau tidak, bolehkah dianggap bahawa ini cuma andaian Yang Amat Berhormat kerana yang disebut tadi RM40,000 satu hektar kemudian 25,000 hektar maka itu yang jumlahnya mencecah RM1 billion.

Kemudian, saya lihat ada satu kenyataan media yang telah dibuat oleh YAB. RM1.5 billion. Walhal kita tahu bahawa isu-isu ini telah pun diselesaikan melalui 3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi yang saya pengerusikan pada 23 April, 30 April dan 5 Mei. Saya bangkitkan perkara ini supaya tidak ada lagi kekeliruan seolah-olah ada kelulusan baru yang dibuat sewaktu 25 bulan PH (Pakatan Harapan) mentadbir Kerajaan Negeri Kedah ini khususnya di Ulu Muda termasuk di kawasan-kawasan tadahan air tambahan yang telah disebutkan oleh YAB. tadi.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Boleh sekalikan YAB. tentang pembalakan? Tadi pun YB. Jitra membangkitkan tentang pembalakan, disebut zaman Pakatan Harapan memberhentikan semua konsesi pembalakan sedangkan kita tau pembalakan ini diizinkan dalam kaedah ataupun cara yang dibenarkan. Cuma, bila disebut Pakatan Harapan tak membalak, kita bimbang ia berlaku macam yang disebut oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini tak dak tender terbuka dan sebagainya tetapi baru-baru ini dijawab oleh Kementerian Kewangan di peringkat negeri ini bila soalan dalam buku merah ni kita merujuk muka surat 88 soalan tentang pembalakan di Negeri Kedah sejak Mei 2018 sehingga Mei 2020 kerajaan yang terdahulu. Dijawab, sebanyak 23 lesen pembalakan dikeluarkan sejak Mei 2018 sehingga Mei 2020, bermakna pembalakan berlaku dan pada waktu itu pun kita sedar di peringkat pembangkang waktu itu pun kita sebut walaupun disebut tak dak tapi lori-lori apa duk berjalan di jalan-jalan raya. Jadi, kita mohon pengesahan daripada pihak Kerajaan Negeri tentang apa yang telah pun dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

YAB. MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Sungai Limau. Ada 2 perkara yang perlu dibezakan, satu kelulusan kawasan pembalakan dan yang kedua perlesenan tebangan.

Jadi, mungkin yang dikeluarkan 20 itu adalah lesen tebangan, selepas kelulusan, bayar premium, ada kerja penandaan kawasan, sukat pokok, adalah syarat-syarat dan prosedur yang dilakasanakan oleh Jabatan Perhutanan maka lesen dikeluarkan untuk kayu-kayu ditebang, mungkin itulah yang dijawab dalam soalan yang diangkitkan oleh YB. Sungai Limau.

Saya seboleh-bolehnya nak mengelak daripada membacakan minit mesyuarat ni tapi dah YB. Jitra minta saya baca sajalah. "Keputusan kerajaan untuk membekukan dan memberhentikan pembalakan di Ulu Muda Mesyuarat JKTHB Bil.1/2018 bertarikh 30 Ogos 2018, merujuk rekod Jabatan Perhutanan Negeri, seluas 22,098 hektar kawasan kelulusan pembalakan di Ulu Muda untuk dibekukan atau diberhentikan aktiviti pembalakan semenjak keputusan Mesyuarat JKTHB Bil.1/2018. Pembekuan ini melibatkan 40 pengusaha dengan 131 kelulusan termasuk kawasan yang telah dilaksanakan tender bermula tahun 2009 sehingga tahun 2018. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan telah memastikan tiada sebarang aktiviti pembalakan atau kerja-kerja lapangan dijalankan di Ulu Muda semenjak pembekuan tersebut.

Pihak Jabatan Hutan tidak mengeluarkan sebarang surat pemakluman kepada pengusaha dan pelesen mengenai keputusan JKTHB Bil.1/2018 tentang pembekuan tersebut. Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum membuat sebarang keputusan sama ada Ulu Muda dibenar untuk pembalakan setelah keputusan pembekuan aktiviti pembalakan dalam HSK tersebut melalui JKTHB Bil.1/2018. Ada syor-syor Jabatan Perhutanan, syor Jabatan Perhutanan membuat pertimbangan dan keputusan mengenai penerusan pembalakan di Ulu Muda dibenarkan ke atas kawasan-kawasan yang telah diluluskan seluas 22,098 hektar iaitu 131 kelulusan dengan syarat-syarat, yang pertama pembukaan pembalakan tahunan berdasarkan catuan tebangan tahunan 3,000 hektar setahun. Pembalakan dijalankan secara kaedah mesra alam menggunakan jentera pengusahasilan sistem 'Log Fisher', dia pakai tali, tebang, tarik keluar.

Kawasan yang telah dilesenkan tetapi belum menyelesaikan pembalakan dan diberhentikan pembalakan dibenar semula menyambung operasi pembalakan iaitu kawasan yang ditanda, dalam pelan ini no. A1 hingga A2, seperti maklumat di Lampiran 1, dia ada lagi lah lampirannya. Kawasan tender pengusahasilan dilaksanakan terlebih dahulu kerana telah lama ditander.

Kawasan kelulusan yang tidak terlibat dengan cadangan tambahan hutan tadahan air di mana pengusaha telah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan jabatan dilaksanakan mengikut turutan iaitu kawasan C1 hingga C31. Kawasan kelulusan yang terlibat dengan cadangan tambahan hutan tadahan air di mana pengusaha telah menjelaskan semua bayaran dan sebahagian bayaran yang ditetapkan oleh Jabatan, pengusaha diminta untuk mengenal pasti kawasan baru iaitu kawasan D1 hingga D11. Ini yang saya maksudkan dalam 'interview' itu untuk kawasan tadahan terbabit dengan kawasan cadangan hutan tadahan dia kena pi cam kawasan lain. Tapi orang 'spin' kata Sanusi nak pi tebang balak di Ulu Muda. Inilah saya nasihatkan kepada para pemimpin untuk tidak mengutip maklumat di jalanan untuk dibawa ke Dewan ini. Kawasan kelulusan di mana pengusaha belum menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan jabatan, pengusaha diminta untuk menjelaskan terlebih dahulu tunggakan bayaran sekaligus, menambah dan menetapkan zon penampan alur air dan sungai. Penggunaan sistem pembalakan mesra alam dan penggunaan mesin atau jentera pengusahasilan 'system log fisher' dalam operasi pembalakan menggantikan penggunaan jentolak. Keputusan pada 5 Mei ini mesyuarat membuat keputusan bersetuju dengan syor Jabatan Perhutanan dengan berpandukan pelan kawasan dengan syarat-syarat; Kawasan yang telah dilesen tetapi belum menyelesaikan pembalakan dan diberhentikan dibenar semula menyambung operasi pembalakan.

Kawasan tender pengusahasilan dilaksana terlebih dahulu. Kawasan kelulusan yang tidak terlibat dengan cadangan tambahan hutan tadahan air di mana pengusaha telah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan mengikut turutan bagi kawasan C21 hingga C31. Pengusaha yang mempunyai tunggakan premium perlu membuat pembayaran premium sepenuhnya dalam tempoh 30 hari. Sekiranya dalam tempoh 30 hari masih tidak dijelaskan maka permohonan ini dibatalkan dan premium akan dipulangkan. Pelesen kawasan untuk mengusahasilan adalah bergantung kepada catuan tebangan tahunan. Sekiranya kawasan dipohon berada dalam kawasan tadahan air maka pihak penguasa perlu mengenal pasti dan membuat pengecaman kawasan baru. Itulah maksud yang saya ceritakan dalam 'interview' hari tu, bukanlah bermaksud saya nak pi duk tebang kayu balak, tak dak tempat dah pun nak tebang, kalau ada hasrat pun tak dak dah. Jadi…kena perbetulkan….(YB. Alor Mengkudu minta laluan)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YB. Tuan Speaker dan YAB. Jeneri, oleh kerana isu ini nampak dia panjang, cerita pun 'complicated', sedangkan Pegawai Jabatan Hutan dan pegawai yang terlibat tu adalah pegawai yang sama juga bukannya orang lain cuma MB saja bertukar kan?

YAB. MENTERI BESAR

Jadi, jangan tuduh MB baru tu nak tebang pokok kayu balak…

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya cuma nak mencadangkan, sepertimana berlaku isu Tabung Haji lah, macam tu juga menteri hat dulu kata macam ni. Akhirnya kita adakan satu debat, debat ka perbahasan tak kisah. Jadi, saya nak syorkan selepas daripada ini kerana rakyat ramai dia minat perkara itu, jadi saya dah bertanya kepada YB. Jitra bolehkah kita anjurkan satu majlis untuk menerangkan perkara ini, masa pun dua tiga jam boleh bercakap. Jadi, kalau bersetuju wartawan boleh aturkan perkara ini untuk berdebat di luar untuk memberi penjelasan. Kalau bersetuju.

YAB. MENTERI BESAR

Inilah kerja orang politik, tak puas hati di Dewan ajak berdebat di luar. YB. Alor Mengkudu, dengar penjelasan saya, kita punya sidang ni 'live' di 'facebook', rakyat semua boleh tengok dah penjelasan yang telah dibuat termasuk soalan-soalan yang dibangkitkan oleh sebelah sana dan jawapan oleh sebelah sini….(YB. Alor Mengkudu mencelah)

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YAB. Jeneri, hat di Parlimen pun 'live di facebook' tapi masih bersetuju untuk buat di luar kenapa yang ni tak boleh buat di luar? Jadi, rakyat akan menilai.

YAB. MENTERI BESAR

Itulah kerja orang politik, saya tengok juga berdebat MP Baling dengan MP Parit Buntar, tak dak faedah apa satu pun, rakyat cemuih dah dengan benda-benda tu semua, cukuplah dengan fakta-fakta yang saya bentangkan di dalam Dewan ini, dan saya tidak membawa benda-benda palsu untuk ditayangkan kepada tuan-tuan. Cuma saya nak memperbetulkan bahawa tanggapan yang dibuat oleh sesetengah orang di tepi jalan dalam media baru oleh 'cyber trooper' bahawa kerajaan ini hala tujunya ialah "merogol" Ulu Muda itu tidak benar kerana tidak ada kawasan dah nak dirogol, sudah dirogol sepenuhnya! Haa…tu bahasa yang kasaq sikit, tapi tak dak dah…

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Tarik balik kut bahasa "rogol" tu!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ada beberapa isu sebenarnya, benda ni simple ja…

YAB. MENTERI BESAR

Simple ja, tak dak masalah apa! Saya nak maklumkan kepada YB. Alor Mengkudu yang turut membangkitkan perkara ini bahawa kerajaan tidak meletakkan membalak di Ulu Muda sebagai halatuju kerajaan. Jelas!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya nak sebutkan begini, ada beberapa isu yang YB. Jitra kata benda tuntutan ini dah selesai salah satu. Tapi sekarang ini kata… itu adi isu…(YAB. Menteri Besar mencelah)

YAB. MENTERI BESAR

Dengar na! Bila pelepasan kepada pembatalan itu dibuat pada 5 Mei, isu tuntutan selesai. Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Jitra kerana melepaskan sekatan itu. Jadi, tuntutan itu tak timbul dah. Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Jitra dan juga YB. Alor Mengkudu pun samalah, terima kasih juga lah.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Kalau boleh YB. Tuan Speaker, saya nak dapat pengesahan tadi bahawa YAB. Jeneri tadi mengatakan bahawa bersetuju dengan keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi bertarikh 5hb. Mei sepertimana yang telah dinyatakan satu persatu tadi. Dah bersetuju kan? Kalau dah bersetuju maka tak timbullah isu nak kena bayar pampasan RM1billion atau RM1.5 billion.

YAB. MENTERI BESAR

Haa…dak! Itu bukanlah isu utama yang saya bangkitkan pun. Masa itu oleh kerana saya pun belum tengok keputusan dan pada masa itu minit belum pun dikeluarkan memang kita ada isu itu kerana saya pernah menerima memorandum itu, dalam laporan akhbar pun ada dikeluarkan, memorandum itu memang sampai kepada saya sebagai Ketua Pembangkang. Saya sedar ada isu yang berbangkit di Ulu Muda sehinggalah minit ini keluar, ok, selesai. Terima kasih banyak-banyak YB. Jitra.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Itu sebabnya saya nak nyatakan di sini bukanlah salah netizen untuk menyalah sangka dengan apa yang berlaku itu kerana mereka cuma respond kepada kenyataan awal yang telah dikeluarkan oleh YAB. Jeneri sendiri yang dilaporkan dalam dada akhbar media perdana, Berita Harian, Sinar Harian, Astro Awani, bukannya dalam blog-blog tepi jalan ni. Jadi, itu sebab….(YAB. Menteri Besar mencelah)

YAB. MENTERI BESAR

Saya ada banyak rakaman video, saya ada salinan akhbar tak dak pun kata saya nak buka pembalakan di Ulu Muda, yang disebutkan ialah sebagai kawasan ganti kepada kawasan-kawasan yang telah diluluskan yang berada di dalam hutan cadangan tadahan air, pergi cam tempat lain kerana saya sebagai kerajaan baru berjalan bersama dengan model ekonomi baru tidak akan merosakkan alam sekitar. Ada ditulis dengan jelas.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih. Saya bersetuju sangat. Cumanya saya nak menyatakan di sini dengan jelas, sebabnya berlaku ataupun tercetusnya kontroversi ini ialah kerana YAB. Menteri Besar telah mengeluarkan kenyataan tanpa menyemak fakta dahulu dan itu yang menyebabkan orang ramai memberi respond yang sebegitu. Jadi, saya harap selepas ini semak dahulu lah sebelum mengeluarkan kenyataan yang macam itu.

YAB. MENTERI BESAR

Kenyataan saya pada 28 Mei itu berdasarkan fakta yang sedia ada pada masa itu.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Kenyataan sebelum itu menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mempertimbangkan pembalakan.

YAB. MENTERI BESAR

Minit mesyuarat sebelum itu tak dak lagi. Selepas itu saya tau kata Mesyuarat Hasil Bumi telah melepaskan semua sekatan dan pembatalan di Ulu Muda. Alhamdulillah.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih. Memang itu pun yang saya nak nyatakan, tapi kalau boleh janganlah keluarkan kenyataan bahawa Kerajaan Negeri mempertimbangkan pembalakan kerana ada tuntutan pampasan mencecah RM1.5 billion, itu menjadi punca masalahnya YAB.

YAB. MENTERI BESAR

Mempertimbangkan pembalakan itu bukan ucapan saya, bukan ucapan saya. Boleh tengok balik video, saya duk cari di mana puak ni duk pi kutip maklumat ni semua. Pasal dalam politik di negara kita ini khususnya di Kedah… (YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ini bukan soal puak YAB., ini laporan dalam Astro Awani, dalam Berita Harian, Sinar Harian, ini media-media perdana YAB.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Memang ada dalam Malaysia Kini.

YAB. MENTERI BESAR

'You' ambil Malaysia Kini adi rujukan? Memalukan! Itu portal paling kuat 'spin'. Aaapa ini YB. ambil Malaysia Kini… tak payah bawa Malaysia kini masuk Dewan, kasi malu saja!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Saya berpendapat, YAB. tidak boleh bertentang dengan natizen ni orang ramai…

YAB. MENTERI BESAR

Laa…Pasal nak perbetulkan. Saya dari pagi tadi lagi saya habaq, pemimpin-pemimpin politik jadi Adun jadi apa jangan kutip maklumat daripada natizen bawa ke dalam Dewan ini, itu yang saya cakap daripada awal tadi.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Dak! Dak! Sebabnya begini apabila saya tengok satu kenyataan YAB. sebut, marah kepada natizen.

YAB. MENTERI BESAR

Hat tu kes apa pulak daaah…? Duk cerita kes balak ni! Duk meqawit qata…

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ada! Itu yang saya kata tu. YAB….sebagai ketua kerajaan, sekarang ini YAB. sebagai ketua kerajaan, bukan YAB. orang-orang biasa ni… ketua kerajaan…

YB. TUAN SPEAKER

Ok…Bertenang! Bertenang!

YAB. MENTERI BESAR

Saya berdiri sebagai ketua kerajaan, saya ingin memberi kenyataan.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

YAB. keluarkan kenyataan bertempur dengan natizen, natizen bukan ahli politik, orang ramai. Mereka boleh kata apa saja, apa yang kita boleh buat jadi saya ingat perkara ini tak patut berlaku..

YB. TUAN SPEAKER

Ok, sila duduk!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Speaker, peraturan mesyuarat!

YB. SPEAKER

Ni, kalau siapa nak bercakap 'adress' kepada Speaker dulu, baru tak jadi kelam kabut.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Tuan Speaker, saya cuma nak menjawab soalan tadi daripada YAB …..

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Speaker, peraturan mesyuarat!

YB. TUAN SPEAKER

YB. Jitra sat, ada peraturan mesyuarat. Perkara berapa?

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Perkara 37(a) & (b). Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang berucap ataupun bercakap, (a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat ketika itu Ahli yang sedang bercakap hendaklah duduk. Saya rasa ni 'flow' YAB. Menteri Besar dan bukan dalam perbahasan. Jadi, bagilah YAB. buat penerangan dan kalau ada perkara-perkara berbangkit boleh minta kepada Speaker, kalau diberikan laluan, silakan. Saya nampak kucar-kacir macam mana tak tau ni. Bagi ada tertib sikit.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, pasal masing-masing bangun tu dia ingat dia boleh cakap terus! Sebenarnya tak boleh, dia kena 'adress' kepada Speaker, Speaker angguk ka, Speaker jemput ka baru boleh bercakap. Ni… 'pediah' ikut suka saja…

YAB. MENTERI BESAR

YB. Jitra, saya minta maaf, cukuplah kut.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Dak! Dak! Saya cuma nak tunjuk contoh laporan tadi. Boleh YB. Speaker?

YAB. MENTERI BESAR

Tak pa lah YB. Jitra, terima kasihlah. Saya pun ucapkan terima kasih kepada YB. Jitra kerana menyelesaikan isu-isu ini.

YB. TUAN SPEAKER

Ok, selesai dah YB. Jitra, nampak selesai dah!

YAB. MENTERI BESAR

Cuma jangan buat tuduhan bahawa kita nak membalak saja.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Itu sebabnya saya nak menjawab YAB. sebab ini laporan dalam Astro Awani.

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Jeneri nak 'landing' dah ka?

YAB. MENTERI BESAR

Nak 'landing' dah! Nak 'landing' dah! Nak 'landing' tadi lagi tapi angin kuat. Naik balik, silap-silap 'landing' di Penang.

YB. TUAN SPEAKER

Minta maaf YB. Jitra.

YAB. MENTERI BESAR

Minta maaf YB. Jitra. Saya ucapkan terima kasih kepada YB. Jitra kerana menyelesaikan isu ini, isu tuntutan itu lah dan saya nak memaklumkan bahawa Ulu Muda ini bukanlah tempat yang patut dibalak tetapi dah ada kelulusan sebelumnya yang nak patah balik pi zaman tu nak perbetul pun tak boleh dah, kita nak bayar balik premium beratus juta pun kita tak mampu, melainkan kawasan yang sensitif tak boleh kena cam tempat lain, pi lah cari tempat ganti, itu saja isu dia.

Saya tau di Kedah ini kalau pemimpin-pemimpin politik dikaitkan dengan balak dia akan menimbulkan persepsi buruk, memberi wajah buruk kepada ahli politik. Sebab itulah usaha untuk mengaitkan balak dengan Menteri Besar baru dibuat bersungguh-sungguh, berhari-hari termasuk oleh pemimpin-pemimpin politik. Saya rasa ini patut dihentikan dan bila saya bukakan fakta-fakta yang sebenar ini saya ingat isu ini dapat dihentikan. Balak bukan salah, ia hasil negeri, kerajaan sebelah sana pun semasa bentangkan Belanjawan Negeri Tahun 2020 pada Oktober 2019 meletakkan anggaran hasil daripada pembalakan RM28 juta. Sebelum Mei 2020, kutipan Jabatan Hutan berkenaan dengan balak baru RM1 juta lebih, dia dah kekurangan lagi RM26 juta. Jadi, ini hasil negeri, tak patut dijadikan satu bahan untuk memburukkan sesiapa. Bukan salah tebang balak, hasil kita, yang duk kacau Pulau Pinang nu, tak patutlah orang Kedah terlibat sama dengan Pulau Pinang. Jadi, terima kasih YB. Speaker saya nak 'landing'. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan….Awh! ada soalan satu lagi. Kita telah membatalkan cadangan penggabungan Pihak Berkuasa PBT Kulim Hi-Tech dengan MPK (Majlis Perbandaran Kulim) pada 10 Jun 2020 dan kita minta pihak pentadbiran untuk mengemukakan rayuan supaya MOF terus membekalkan kita peruntukan RM3.8 juta untuk pentadbiran Pihak Berkuasa Kulim Hi-Tech.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Boleh saya bertanya YB. Tuan Speaker? Mengenai isu itu saja, singkat saja.

YB. TUAN SPEAKER

'Last'!

YAB. MENTERI BESAR

Tanya, saya tak duk pun tak pa, tanya.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Kena duduk dulu baru boleh saya bertanya. Mengenai 'merger' ataupun gabungan di antara dua-dua PBT itu, tujuan asalnya ialah untuk memberi peluang kepada PBT KHTP ruang untuk memperluaskan kawasan. Jadi, sekiranya ini tidak dilaksanakan, bagaimana agaknya PBT KHTP itu dapat menawarkan bidang-bidang tanah baru untuk tujuan perluasan Taman Teknologi Tinggi Kulim?

YAB. MENTERI BESAR

Fasa 5 yang disebutkan oleh YB. Guar Chempedak tadi akan diletak di luar PBT Kulim Hi-Tech kerana kawasan untuk perluasan PBT Kulim Hi-Tech telah habis. Jadi, FAsa 5 ini akan diletak di bawah MPK. Ada pembentangan yang panjanglah berkaitan dengan cadangan major itu dan kita buat pertimbangan untuk membatalkan cadangan dan berbalik seperti sedia kala. Itu jawapan saya. Terima kasih semua, terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya turut menyokong usul menjunjung kasih titah ke bawah DYMM Tuanku bagi ucapan Perasmian Pembukaan Sidang Dewan tempohari. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. SPEAKER

Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya dah merekodkan YAB. Jeneri bercakap selama 1 jam 28 minit. Kira satu rekod terpanjang kali ini lah.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu disetujukan sekarang ialah suatu Usul yang berbunyi :-

“Patek-Patek sekalian, Speaker dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam Persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan Titah Ucapan Sempena Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Keempat Belas pada 16 April 2020”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini minta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini disetuju dan diluluskan.

III. RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DERMA SISWA NEGERI KEDAH (PEMANSUHAN) 2020.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah (Pemansuhan) 2020.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah (Pemansuhan) 2020 dibacakan bagi kali yang pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 30 Julai 2020 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama “Satu Enakmen bagi memansuhkan Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 [Enakmen Nombor 6 Tahun 1958] untuk membubarkan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletak hak ke atas Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman semua aset dan liabiliti Lembaga dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya”.

YB. DATO’ WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA

"Satu Enakmen bagi memansuhkan Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 [Enakmen Nombor 6 Tahun 1958] untuk membubarkan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletak hak ke atas Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman semua asset dan liabiliti Lembaga dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya" .**Bacaan Kali Pertama**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER - SILAKAN

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah (Pemansuhan) 2020 seperti berikut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tujuan rang undang-undang ini diwujudkan adalah disebabkan penstrukturan semula Lembaga Biasiswa Negeri Kedah (LBNK) yang ditadbir urus berdasarkan Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 [Enakmen Nombor 6 Tahun 1958] dan merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri Kedah yang distruktur semula sebagai sebuah seksyen di Bahagian Pengurusan Sumber

Manusia serta ditadbir urus sebagai sebuah Akaun Amanah Awam di bawah peruntukkan Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61). Seksyen tersebut akan dikenali sebagai Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (PPNK).

Penstrukturan semula Lembaga Biasiswa Negeri Kedah ini telah dipersetujui oleh Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Induk LBNK Bil. 1/2019 yang telah bersidang pada 19 November 2019 dan berpendapat bahawa penstukturan ini dapat menyelaras semula tadbir urus LBNK .

Penstrukturan ini tidak akan memberikan sebarang kesan terhadap fungsi penubuhan LBNK sedia ada iaitu sebagai agensi yang menyalurkan bantuan pendidikan kepada Anak Negeri Kedah melalui pemberian Biasiswa kepada pelajar sekolah menengah dan pinjaman pendidikan kepada Anak Negeri Kedah yang berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi dalam Negara. Malah penstrukturan ini juga membenarkan Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (PPMK) mengambil alih salah satu fungsi pejabat Menteri Besar Negeri Kedah sebagai penyelaras pembayaran sumbangan Kerajaan Negeri Kedah kepada pelajar bagi kemasukan baru ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).
Fasal-fasal yang terlibat ialah :-

Mengandungi tajuk ringkas Enakmen yang dicadangkan dan kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk Menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Mengandungi tafsiran bagi perkataan-perkataan yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.

Bertujuan untuk memansuhkan Enakmen Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 dan membubarkan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah.

Bertujuan untuk memindahkan kuasa, hak, keistimewaan, Kewajipan, liabiliti dan obligasi Lembaga Biasiswa Negeri Kedah kepada Kerajaan Negeri.

Bertujuan untuk memindahkan aset Lembaga Biasiswa Negeri Kedah kepada Kerajaan Negeri.

Bertujuan untuk memindahkan wang Lembaga Biasiswa Negeri Kedah kepada Kerajaan Negeri.

Bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa surat Ikatan, perjanjian, surat cara, aset dan perkiraan kerja yang wujud di bawah Lembaga Biasiswa Negeri Kedah hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Kerajaan Negeri telah dinamakan sebagai pihak kepadanya.

Memperkatakan segala prosiding jenayah, sivil dan rayuan yang belum selesai atau yang wujud di bawah Lembaga Biasiswa Negeri Kedah hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Enakmen yang dimansuhkan itu tidak dimansuhkan.

Memperkatakan segala undang-undang bertulis termasuk undang-undang subsidiari di bawah Lembaga Biasiswa Negeri Kedah hendaklah terus berkuat kuasa seolah-olah Enakmen yang dimansuhkan itu tidak dimansuhkan.

Memperkatakan sekiranya terdapat kesukaran atau anomaly yang timbul dengan berkuatkuasanya Enakmen ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Sultan boleh melalui perintah membuat pindaan kepada mana-mana peruntukan Enakmen ini bagi menghapuskan kesukaran atau anomali tersebut.

Oleh yang demikian, jika sekiranya rang undang-undang ini tidak diluluskan oleh Dewan yang mulia ini maka ianya akan memberi impak kepada keseluruhan tadbir urus Lembaga Biasiswa Negeri Kedah lantas menggangu gugat fungsi LBNK sebagai agensi penyumbang dana pendidikan untuk Anak Negeri Kedah. Sekian, terima kasih saya pohon mencadangkan.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen bagi memansuhkan Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 [Enakmen Nombor 6 Tahun 1958] untuk membubarkan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletak hak ke atas Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman semua asset dan liability Lembaga dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya”.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ada perbahasan tak? Tak buka pun perbahasan YB. Speaker. Ada buka perbahasan tak sebelum nak minta setuju ka tak setuju? Saya nak tanya ada perbahasan ka tidak ataupun… nak tanya YB. Speaker?

YB. SPEAKER

Berapa orang bersetuju nak bahas angkat tangan! Boleh dihadkan 2 orang, 2 orang, na? 2 sebelah sana, 2 sebelah sini.

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ok, 2 saja, yang nak bercakap pun 2 saja… Sebelah sana tak mau bercakap dah kut, nak bercakap pun kita saja.

YB. SPEAKER

Haa…silakan! Berapa minit YB. Alor Mengkudu?

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Sat saja, sikit saja sebenarnya. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, saya percaya pihak kerajaan terutamanya pihak pentadbiran sebenarnya ini melihat bahawa Lembaga ini mungkin lebih mudah untuk diurus terus di bawah kerajaan, saya ingat lebih kurang begitu sebab tujuan nak memansuhkan. Tapi macam mana pun saya sekadar nak memberi pandangan saja sebab keputusan mungkin akan dibuat sebegitu lah, pandangan. Sebenarnya dalam isu kita nak mansuh ni pun nak kena fikir banyak juga sebab Lembaga Biasiswa ini dah tubuh 1958, lama dah Lembaga Biasiswa ditubuh ni dan saya dah tengok dia punya portal tu memang cantik, dengan peranannya, dengan struktur dan sebagainya serta ia memberi sumbangan kepada pelajar sekolah menengah, kepada pelajar yang miskin ada syarat-syaratnya dan ia juga memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi. Saya fikir sekarang kalau kita mansuh habislah kita tak gaduh fikir dah bila mansuh ni.

Tapi kalau tak mansuh, kalau boleh difikirkan sebab Lembaga ini dijadikan satu badan bebas, bebas ni makna kata diri sendiri, sekarang ni saya lihat struktur itu ia masih duduk dan dikawal oleh pentadbiran ertinya dia nak berkembang tak boleh, sebab itu ia jadi bebanan. Akhirnya pihak pengurusan kata, "baik letak bawah kami teruslah, buat menyusah saja kut mana pun". Macam mana kita wujudkan LSAN juga, sebenarnya tak perlu wujudkan LSAN tapi boleh letakkan di bawah pentadbiran pun sebagai unit kalau nak dikira. Tapi saya nak katakan di sini, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah ini sepatutnya diperkasakan, dibesarkan sebab yang lama, Lembaga Biasiswa ini ia terlalu bergantung kepada sumber kerajaan, kerajaan terpaksa beri sumber, kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad pula sebab terpaksa diperuntukkan di dalam bajet. Tetapi kalau Lembaga Biasiswa ini terus wujud sendiri dan diperkasakan maka boleh dia menerima sumber daripada kerajaan, satu dan Ahli-Ahli Lembaga serta pengurusannya itu boleh memperluaskan lagi penyumbang, pihak swasta boleh beri dan mereka contohnya boleh dikecualikan cukai dan boleh dibesarkan lagi Lembaga Biasiswa ini.

Jadi, biarkan dia bangunkan Lembaga itu. Ertinya, dilepaskan daripada bawah pentadbiran sebab saya lihat dia duduk tak lepas lari daripada bawah pengurusan ni. Itu saja isu yang akhirnya saya ingat pihak pengurusan atau pentadbiran negeri berpendapat kita letak teruslah sebagai satu unit sebab akhirnya kita juga yang kawal benda itu, itu pandangan. Tapi kalau kita biarkan ia terus berdiri sendiri dengan strukturnya sepertimana yang berlaku kepada lembaga-lembaga yang lain, dia akan mengembangkan. Itu pandangan yang saya nak sebutkan di sini.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan akhirnya akan membuat keputusan pada hari ini. Ini sekadar pandangan, pihak kerajaan akan memuat keputusan pada hari ini, kalau itu juga keputusannya kita tak ada lah, tapi kita habislah. Sekali kita mansuh, habislah, kita tak dak dah, kita tak akan kembali balik, habis tutup bukulah. Jadi, dia akan jadi satu unit di bawah tadi dengan fungsi yang ada tapi kita nak kembangkan. Sebagai contoh saya nak katakan, Lembaga Biasiswa daripada segi hasil satu, kita boleh kembangkan bagi biasiswa untuk buat sarjana, kajian Negeri Kedah, Kajian Tanah Terbiar, nah bagi kepada Pegawai Tadbir kita pi buat Master, kajian, bagi kepada sesiapa anak Kedah pi buat PHD, pi buat kajian mengenai pembangunan industri ka, pembangunan macam mana nak bangunkan masyarakat jadi, dia punya fugsi tu lebih luas daripada yang sekarang ini dia terhad, itu sajalah fungsinya.

Itu YB. Tuan Speaker pandangan untuk buka sikit pemikiran kepada kita sebelum pihak kerajaan, akhirnya pihak kerajaan yang buat keputusan, kalau nak masuk juga terpulanglah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dak aih, bukan pihak kerajaan, sama-sama buat keputusanlah. Terima kasih. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri. Tahniah kepada kerajaan kerana membawakan rang undang-undang ini kerana kita merasakan dengan pemansuhan ini peranan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah akan menjadi lebih besar dan diperkasakan kerana kalau kita tengok nama Lembaga Biasiswa Negeri Kedah tu saja pun orang seeemua tengok nak minta biasiswa saja, orang tak nampak pun peranan Lembaga Biasiswa tu yang sangat besar yang boleh membantu anak-anak Kedah untuk lebih maju dalam pelajaran dan bila kita tengok bila duduk dalam Lembaga ni dia daripada Badan Berkanun, 'fully government' (dengan izin), bertukar bila mansuhnya enakmen ini kepada Tabung Amanah yang mana masa tulah dalam Lembaga pun dah ada 'mix operation'nya yang orang kata, "sat jadi Badan Berkanun, sat jadi Tabung Amanah", jadi bila dimansuhkan enakmen ini ia akan menjadi satu peranan tadi nak tukar nama Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah, nampak besar dan boleh mendapat banyak lagi orang kata tajaan-tajaan daripada GLC-GLC masuk ke dalam Tabung Amanah tu contohnya KTPC boleh menaja 100 orang jurutera contohnya nanti lepas belajar anak-anak Kedah balik mai kerja di Kulim Hi-Tech Park, contoh. KXP menaja 100 orang Jurutera Aeroangkasa untuk sama-sama nanti selepas belajar balik ke negeri Kedah. Kita juga melihat bagaimana keberkesanan pengurusan dalam pemilihan pelajar, pemilihan penerima biasiswa tersebut bila diletakkan di bawah Seksyen ini ianya akan menjadi lebih berkesan kerana bila duduk di bawah Lembaga mentaliti peminjam ataupun mentaliti orang yang dapat tajaan biasiswa dan juga pinjaman itu dia rasa, "emm… duit kerajaan aku tak payah bayarlah". Jadi, kita pun tak boleh nak ambil tindakan undang-undang dan sebagainya jadi ini akan merencatkan untuk Negeri Kedah mendapat satu modal insan yang berkesan dengan penajaan-penajaan ataupun dengan pinjaman yang kita keluarkan dengan bila kata modal pun sikit, bagi pinjam kat orang sikit, dah tak bayar, tak boleh nak diperkembangkan kepada anak-anak Kedah yang lain. Jadi, kita setuju dan tahniahlah kepada Kerajaan yang membawa rang undang-undang ini. Terima kasih.

YB. SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu. Orang lain? YB.Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Baik, terima kasih kepada YB. Speaker. Saya merupakan orang yang menerima Lembaga Biasiswa Negeri Kedah nil ah, bayar 'settle' semasa zaman Allahyarham Ustaz Azizan, dia ada sentimental sikit. Apabila kita bahaskan tadi YB. Alor Mengkudu dan YB. Bandar Baharu bagitau tadi tentang Lembaga Biasiswa Negeri Kedah ini tujuannya adalah sama tapi adakah kita lihat enakmen ini mengikat supaya kita kata tadi pengstrukturan semula itu boleh menerima sebab kita pun tak dimaklumkan sebelum ini cuma kita tak tahu bagaimana Lembaga itu berfungsi sebenarnya kita nak supaya Lembaga Biasiswa Negeri Kedah itu mestilah lebih agresif dan dinamik untuk menerima 'sposorship-sponsorship' daripada luar dan juga telah pun mempunyai satu 'claus' supaya menerima sekiranya orang yang menyumbang itu mempunyai pengecualian cukai dalam Lembaga Biasiswa tersebut.

Tapi oleh kerana hari ini kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan Lembaga Biasiswa ini yang ditubuhkan pada tahun 1958 itu. Maksudnya orang-orang yang terdahulu mempunyai semangat untuk melihat anak-anak dari Negeri Kedah untuk belajar sama ada di universiti tempatan ataupun swasta mahupun pelajar-pelajar. Tapi kalau kita tengok kat sini kalau kita nak memansuhkan Lembaga Biasiswa ini rasanya bagi pihak dari zaman dahulu kala yang mahukan orang katakan rang undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini, sepertimana yang dikatakan oleh YB. Bandar Baharu kalau kata orang tak mau bayar, itu bukan di atas sebab Lembaga Biasiswa itu sendiri tetapi di atas 'mainpower' organisasi itu menguruskan, terpulang kepada kita nak memperkasakan Lembaga Biasiswa itu. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat lihat pada hari ini saya tengok kalau betul rang undang-undang ini dimansuhkan pada hari ini saya rasa rugilah kepada anak-anak Kedah pada masa hadapan.

YB. SPEAKER

Maksudnya bukan mansuh tauk buang terus, dia ganti masuk bawah kerajaan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Penstrukturan semula! Maksudnya nama saja? Baik, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALEEM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Alhamdulillah diberikan peluang untuk berbincang berkenaan dengan pemansuhan ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang berusaha untuk memberikan dana yang banyak kepada pendidikan kita kerana di peringkat Kerajaan Negeri ini ada 2 bentuk yang pertamanya dalam bentuk derma ataupun dermasiswa, yang kedua dalam bentuk pinjaman. Dalam bentuk derma ini kita dapat daripada Lembaga Zakat yang saya dapat maklumat untuk pelajar dalam dan luar negara pun mereka dapat dalam bentuk dermasiswa. Daripada tahun ini sahaja untuk pelajar Mesir RM2 juta lebih diperuntukkan untuk pelajar Mesir dan dari Jordon, Indonesia dan sebagainya. Kemudian, untuk pelajar yang nak masuk sambung pengajian pun dapat RM300, RM600, RM800 dan RM1,000 yang diberikan untuk pelajar awal yang masuk ke universiti dan dari Pejabat Menteri Besar pun beri RM300 serta kita dapat daripada Yayasan Islam pun…..(YB. Speaker mencelah)

YB. TUAN SPEAKER

YB. Bukit Lada, kita ni nak pinda satu rang undang-undang, jadi tak boleh pi cerita lain, cerita spesifik tentang ni saja.

YB. USTAZ SALEEM BIN MAHMOOD

Mukadimah! Mukadimah!

YB. TUAN SPEAKER

Oooo….Mukadimah!

YB. USTAZ SALEEM BIN MAHMOOD

Takkan tak dak mukadimah. Jadi, bila kerajaan memberikan sumbangan-sumbangan ini dan Yayasan Islam pun tahun ni saja dapat sampai RM3.9 juta yang diberikan dalam bentuk pinjaman. Jadi, melihat kepada perkara ini kita merasakan bahawa apa yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri ini untuk memudahkan kerajaan dan memudahkan rakyat, jadi rakyat tak perlu banyak sangat tempat untuk dia nak pergi mintak dan sebagainya. Saya mencadangkan kalau boleh maknanya kerajaan kalau hari ini boleh bawa rang undang-undang ini kita harap selepas ini boleh campur bagi jadi satu tempat, 'one stop center' saja daripada kerajaan ini bagi kepada rakyat lebih mudah. Jadi, dia tak perlu pergi ke Yayasan atau ke mana dah, untuk pinjaman pergi ke PPNK ini sahaja, ia memudahkan, dia tak perlu pergi ke sana, pergi ke sini.

Seterusnya, bila kerajaan membuat begini menguntungkan rakyat, dia tak perlu pergi minta ke mana-mana dan seterusnya menguntungkan kerajaan iaitu dapat menjimatkan koslah. Wallahua'lam.

YB. TUAN SPEAKER

Ya, YB. Suka Menanti!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ya… Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Ringkaskan sikit ya YB. Suka Menanti!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Ok, dah ada 'point' dah, memang mudah. YB. Tuan Speaker, bagi saya dalam urusan memansuhkan Lembaga Biasiswa di bawah Enakmen 1958 ini, pada saya bila dipindahkan pentadbiran secara langsung di bawah kerajaan memanglah ada 'pro dan kont' dan yang mudahnya nak 'inject' duitlah, lebih mudah masuk ke situ untuk berikan pembiayaan. Yang saya nak ingatkan ialah supaya hasrat murni sebenarnya Lembaga Biasiswa ini yang saya pun pernah menerima RM5.00 sebulan tahun 1979 dulu, masa tu RM5.00 sebulan dipanggil Lembaga Biasiswa Negeri Kedah bagi, saya tak tau siapa yang uruskan tapi sebagai orang kampung kami dapat bantuan. Jadi, apa yang saya nak sebutkan ialah dia ada derma dan ada biasiswa yang telah diberikan, tujuan meringankan beban warga Kedah sama ada siswa itu sendiri ataupun ibubapa yang membiayai kos pengajian selama inilah dan sosioekonomi Negeri Kedah sendiri kita semua pun faham. Jadi, saya nak ingatkan juga bagaimana dalam kes pemansuhan ini, sempena dengan pemansuhan ini bersempena dengan musim "Cobit" (Covid-19) kata YAB. Menteri Besar kenapa tidak dalam peralihan nanti, saya tengok banyak di situ kita pindahkan semua aset-aset, tanggungan, hutang dan sebagainya, kalau boleh saya nak rayu supaya peminjam-peminjan di bawah B40 di Kedah ini, bila pindah nanti tak payahlah pindah hutang sana, YAB. Jeneri na? Kita cari duit kut lainlah sebab tak banyak mana sebab orang dulu kita pernah bagi dermasiswa pun ada biasiswa pun ada, diskaun pun ada. Kalau yang agak susah, ambillah peluang ini dengan hasrat murni sebenar Lembaga Biasiswa ini kita bagilah kelonggaran kepada mereka. Itu saja, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Sudah ada pro dan kont. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi "Satu Enakmen bagi memansuhkan Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 [Enakmen Nombor 6 Tahun 1958] untuk membubarkan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletak hak ke atas Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman semua asset dan liability Lembaga dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya".

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipertsetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini disetujui.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Satu Enakmen bagi memansuhkan Undang-Undang Kumpulan Wang Derma Siswa Negeri Kedah, 1958 [Enakmen Nombor 6 Tahun 1958] untuk membubarkan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah Enakmen itu, untuk memindah milik kepada dan meletak hak ke atas Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman semua aset dan liability Lembaga dan bagi memperuntukkan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya".
Bacaan Kali Kedua.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 1

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 1 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 2

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 2 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 3 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 4

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 4 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 5

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 5 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 6

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 6 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 7

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 7 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 8

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 8 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 9

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 9 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 10

YB. TUAN PENGERUSI

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

[Dipersetujui]

YB. TUAN PENGERUSI

Fasal 10 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB. TUAN PENGERUSI

Sekarang Dewan Kembali kepada Persidangannya.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Menteri Besar untuk bacaan kali ketiga.

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbangkan oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Derma Siswa Negeri Kedah (Pemansuhan) 2020.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut. Bacaan Kali Ketiga.

IV. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan

YAB. MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Terima kasih.

YB. DATO' SURAYA BT YAACOB

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi di masa-masa yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak.
Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 5.36 petang]